



UUM
Universiti Utara Malaysia



**PROSIDING
RENTAS 2021**

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU

**BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MENDEPANI
CABARAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA**

JILID 1 (2)

2-3 JUN 2021

**Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM
Dengan Kerjasama:
Dewan Bahasa dan Pustaka (Wilayah Utara)**



PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU (RENTAS) 2021

**BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MENDEPANI CABARAN
PEMBINAAN NEGARA BANGSA**

2-3 JUN 2021

**PENYUSUN:
MAIZATUL AZURA YAHYA**

**SIDANG EDITOR:
MASHETOH ABD. MUTALIB
SHARIFAH FAZLIYATON SHAIK ISMAIL
NADIATUL SHAKINAH ABDUL RAHMAN**

**PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU (RENTAS) 2021

Hak Cipta © 2021 SLCP

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS, Universiti Utara Malaysia.



Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-Prosiding RENTAS 2021: Bahasa, Sastera dan Budaya Mendepani Cabaran Pembinaan Negara Bangsa,
2-3 Jun 2021

Penyusun: Maizatul Azura Yahya

eISSN 2785-8014

1. Bahasa
2. Sastera
3. Budaya

I. Maizatul Azura Yahya. II. RENTAS 2021: Bahasa, Sastera dan Budaya Mendepani Cabaran Pembinaan Negara Bangsa/ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok,

Kedah, Malaysia

Tel: +604928 5707

Faks: +604928 5709

E-mel: slcp@uum.edu.my

Laman Sesawang: <http://slcp.uum.edu.my/>

<http://rentas2021.wixsite.com/>

KATA PENGANTAR

Kami memulakan prakata ini dengan nama Tuhan yang memercikkan setitis ilmu daripada segala keilmuan-Nya kepada kita. Kami juga ingin memulakan prakata ini dengan kalimah yang menjelmakan rasa syukur yang amat sangat. Pertamanya, dengan penganjuran RENTAS 2021. Keduanya, kita masih dapat di sini dan dalam ruang maya, walaupun seluruh psikologi kita diserang rasa bimbang: pandemik virus korona yang menatijahkan ketidakstabilan sosial, ekonomi dan politik; dan ketidaktentuan masa hadapan.

Barangkali fakta sejarawi perlu dikongsi. Sekadar untuk tatapan, dan tentunya ingatan. Kami yakin, semua sudah sedia maklum, bahawa kalau mengikut rencana asal, RENTAS sepatutnya dilangsungkan pada tahun 2020. Akan tetapi, virus korona menyerang dunia tanpa belas. Manusia yang ditakrifkan sebagai makhluk sosial oleh Aristoteles dipaksa menyendiri, dipaksa untuk mengurangi, dan kalau boleh tiada langsung, kontak. Natijahnya terkena langsung kepada RENTAS, lalu penundaannya adalah pasti. Daripada RENTAS 2020 kepada RENTAS 2021.

Memang, tahunnya berbeza: daripada 2020 ke 2021. Keadaannya juga demikian: daripada bersemuka kepada maya. Bagaimanapun, semangatnya kekal sama. Malah lebih lagi. Sebabnya, keterujaan menganjurkan persidangan dalam norma baharu.

Alhamdulillah, RENTAS 2021 berjaya juga dilangsungkan dalam latar yang sedemikian. Secara maya, tentunya. Walaupun sederhana, tetapi luapan keinginan untuk berkongsi buah fikiran dan rasa ingin tahu keilmuan yang menjadi dasarnya tidak pernah suram. Bahkan sentiasa membuak-buak. Barangkali, RENTAS 2021 menjadi lapangan untuk kita lari sebentar daripada hari-hari yang suram, dan daripada rutinitas dihempap dengan sihir SOP dan PKP.

Kami menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pembentang dan pemakalah. Satunya, kerana memilih RENTAS sebagai gelanggang persilangan ilmu. Keduanya, kerana kekal setia dan bersabar dengan kekangan dan kelemahan daripada pihak kami. Semoga perkongsian tuan-tuan sekalian membuahkan manfaat kepada kemajuan budaya ilmu dalam konteks negara kita.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka turut kami lafazkan ucapan terima kasih. Atas kesudian untuk bekerjasama menjayakan RENTAS 2021. Juga atas sumbangan kepakaran dan sumbangan kewangan yang diberikan. Semoga kita bisa meneruskannya pada masa-masa mendatang.

Ucapan terima kasih juga kami sandarkan pada pohon tempat kami berteduh, yakni Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Kelembutan angin yang bertiup lembut di bawah pohon itu melegakan kami ketika kami sedang bergelut dengan gerak kerja RENTAS yang hanya menemui titik akhir pada 3 Jun 2021.

Kepada semua ahli jawatankuasa RENTAS 2021, tiada lain daripada lafazkan terima kasih yang seikhlas mungkin dijulung kepada kalian semua. Tanpa kalian, RENTAS 2021 hanyalah rencana yang terkandung dalam kertas cadangan.

“Segala yang mendesak akan segala berakhir hanya saat abadi dapat membawa erti kesucian.”

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Mengkonsepsikan Kosa Kata Kata Adjektif Sifat dalam Dialek Kedah <i>Mashetoh Abd Mutalib, Hishamudin Isam, Yusniza Yaakub, Marzalina Mansor</i>	1
Kesatuan Teks Dalam Ucapan Tuanku Abdul Rahman: Analisis Kohesi Kata Penghubung <i>Yusniza Yaakub, Mashetoh Abd Mutalib, Rohizah Halim</i>	8
Kecelaruhan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Ilmiah Jurnal Berimpak Tinggi <i>Zamimah Osman</i>	18
Wajah Baharu, Wajah Lama: Tekstualiti dan Wacana dalam Teks Berita Dalam Talian Tentang Covid-19. <i>Rohizah Halim</i>	27
Pengelasan Gerak Bukan Ruang Berdasarkan Teori Struktur Konseptual <i>Nurul Jamilah Rosly, Arina Johari, Nora'azian Hj. Nahar</i>	43
Unsur Eufemisme dalam Novel <i>Satu Janji</i> <i>Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib, Melor Fauzita Md. Yusoff</i>	55
Preposisi Lokatif Dalam Dialek Melayu Semenanjung Timur <i>Mohd Tarmizi Hasrah</i>	62
Fonologi Binaan Semasa Menyanyikan Lagu Melayu <i>Khairul Faiz Alimi</i>	72
Meninjau Perspektif Amalan Kesantunan Berbahasa Berlandaskan Islam di IPT <i>Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Nasihah Hashim, Maizatul Azura Yahya</i>	80
Konsep Waktu Makan dalam Karya Terjemahan Berbahasa Melayu Enid Blyton <i>Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail</i>	88
Syair Warisan Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Riau: Identifikasi, Fungsi dan Pertunjukan <i>Sudirman Shomary, M. A</i>	98
Penarikataan Humor <i>Deadpool</i> : Analisis Prosedur Pengembangan <i>Mohamad Zakuan Tuan IBharim</i>	109
Gambaran Perwatakan Watak Wanita dalam Siri Animasi Bergenerasi Aksi <i>Mawarni Nazrin, Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail</i>	116
Pengangkutan Air dan Akal Budi Melayu dalam Pantun <i>Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaidi Kadan</i>	123
Penulisan Aspek Berkaitan Isu Global dalam Novel Penulis Wanita <i>Melor Fauzita Md. Yusoff</i>	138
Bukit Lagi Bintang Berkarang: Manifestasi Puitika Sastera Melayu <i>Mohamad Zaki Abdul Halim</i>	144

Membaca Firasat Melayu dalam Lirik Lagu Kebangsaan dan Lagu Negeri-negeri di Malaysia Phat A/L Awang Deng	153
Analisis Karakter Negatif “Suneo” dalam Karya Animasi “Doraemon” Jepun Zeety Kartini Abdul Hamid, Zaleha Mat Aman, Yuzairi Abdul Rahim	160
Generasi Z, Revolusi Teknologi dan Warisan Budaya Jazliza Jamaluddin	169
Al-Qalb Sebagai Teras Pemikiran: Analisis Pandangan Pakar Nor Hanani Ismail, Salmah Omar, Mardzelah Makhsin, Mohamad Khadafi Hj. Rofie	177
Institusi Haji dan Pembangunan Intelektual Melayu Abad Ke-19 Sharifah Ismail, Haslinda Hassan	182
Pandemik Covid-19 Terhadap Sektor Pelancongan Warisan di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran Zulhilmi Paidi	191
Verbal dan Non-Verbal Analyses of Malaysia Orang Asli Children’s Discursive Interactions in An Educational Setting Mohamad Ibrani Shahrinin, Adam Assim, Salina Janis	199
Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian: Analisis Kesilapan Sebutan Bacaan Pelajar Antarabangsa Melalui Aplikasi Flipgrid Juwati Abdullah, Nasrol Hadi Ahmad Shukeri, Che Hasniah Ya’acob, Hayati Jalil	215
Emosi dan Persekitaran: Identifikasi Gaya Belajar Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di UUM Marzalina Mansor, Mashetoh Abd. Mutalib, Juwati Abdullah	224
Lakuan Bahasa Ekspresif Sebagai Strategi Komunikasi Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Nasihah Hashim, Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Ahmad, Arina Johari	233

JAWATANKUASA PENGANJUR

Penaung	Prof. Dr. Shukri Ahmad Dekan SLCP
Penasihat	P.M. Dr. Hishamudin Isam Tim. Dekan SLCP
Pengerusi	Dr. Mohd Tarmizi Hasrah
Timbalan Pengerusi	Dr. Khairul Faiz Alimi
Setiausaha	Dr. Zamimah Osman
Timb Setiausaha	Puan Rosilah Ishak
Bendahari	Dr. Ahmad Fuad Mat Hassan
Jawatankuasa Prosiding/Buku Program	Dr. Maizatul Azura Yahya Dr. Melor Fauzita Md. Yusoff
Jawatankuasa Promosi & Publisiti	En. Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim Pn. Iliya Nurul Iman Mohd Ridzuan En. Muhammad Hafiz Ummah Abu Bakar Bakri Pn. Lieyana Teo Mohd Zulkifli Teo Pn. Wafa Omar
Jawatankuasa Logistik dan Hospitaliti	En. Nasrol Hadi Dr. Phat Awang Deng En. Zulkifli Bakar
Jawatankuasa Penajaan & Kewangan	Dr. Yusniza Yaakub Dr. Marzalina Mansor En. Hazizi Harun Pn. Roshita Che Ani
Jawatankuasa Pendaftaran dan Penyertaan	Pn. Ainal Akmar Ahmad Pn. Che Hasniah Ya'akub Pn. Sharina Abdullah
Jawatankuasa Abstrak/Kertas Kerja dan Saringan/ Penilaian	Dr. Mashetoh Abd Mutalib Dr. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail Dr Rohizah Halim Dr. Nadiatul Sakinah Abdul Rahman
Jawatankuasa Protokol dan Sambutan	Dr. Rohaya Md. Ali Dr. Nasihah Hashim
Jawatankuasa Jamuan	Puan Nor Hafidah Ibrahim
Jawatankuasa Sijil/Cenderamata	Pn. Juwati Abdullah Pn. Zeety Kartini Abdul Hamid Pn. Aida Husni Abdul Hamid Pn. Masni Mansor
Jawatankuasa Dokumentari	Dr. Melor Fauzita Md Yusoff

TEMA:

PEMERTAHAN DAN PEN-
GANTAR BANGSAAN BAHASA.
SASTERA DAN BUDAYA
(LINGUISTIK)

MENGGONSEPSIKAN KOSA KATA KATA ADJEKTIF SIFATAN DALAM DIALEK KEDAH

Mashetoh Abd. Mutalib

mashetoh@uum.edu.my

Hishamudin Isam

din@uum.edu.my

Yusniza Yaakub

yusniza@uum.edu.my

Marzalina Mansor

marzalina@uum.edu.my

*Pusat pengajian Bahasa, tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia (UUM)*

ABSTRAK

Dialek wujud disebabkan persempadanan ruang geografi tempat tinggal penutur. Melalui persempadanan inilah terdapat pelbagai dialek tempatan seperti dialek Kedah, Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Dialek-dialek tersebut masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk membentuk identiti kenegerian. Sebenarnya, pengkajian mengenai dialek telah banyak dilakukan kerana Malaysia begitu kaya dengan dialek tempatan dan pengkajian mengenai dialek tidak pernah berhenti sehingga kini. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengkonsepsikan kosa kata dalam dialek Kedah berdasarkan pemahaman dan pengetahuan penutur dialek tersebut. Kajian ini menerapkan pendekatan dialektologi bandar yang dipelopori Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) dengan beberapa pengubahsuaian. Sebanyak enam kosa kata kata adjektif sifat telah dipilih dengan menggunakan teknik temu bual dan gaya daftar kata yang dilakukan di daerah Kubang pasu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penutur mengkonsepsikan kosa kata tersebut berdasarkan pemahaman dan pengetahuan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, rata-rata penutur daripada golongan muda tidak pernah mendengar kosa kata tersebut. Kajian ini diharap dapat menyumbang terhadap pemahaman sosiolinguistik di Malaysia dan boleh mengekalkan warisan dialek Melayu sebagai jati diri.


Kata kunci: kata adjektif, dialek Kedah, dialektologi bandar

PENGENALAN

Kedah mempunyai 12 daerah, iaitu Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Alor Setar, Pokok Sena, Pendang, Yan, Kuala Muda, Sik, Bandar Baharu, Kulim dan Baling. Walau bagaimanapun, kajian ini akan mengelompokkan daerah-daerah tersebut kepada 3 kawasan utama, iaitu Kawasan Utara (Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap) kawasan tengah (Alor Setar, Pokok Sena, Yan, Kuala Muda dan Pendang) dan kawasan selatan (Kulim, Bandar Baharu, Baling dan Sik).

Oleh sebab itu, dielek Kedah (DK) begitu kaya dengan kosa kata tempatan, ada sebahagiannya dikongsi bersama dengan bahasa Melayu standard atau mempunyai ciri seponya dan ada sebahagiannya didapati berbeza antara satu sama lain. Menurut Asmah (2008), ahli-ahli linguistik berpendapat bahawa persamaan dalam perbendaharaan kata antara dialek adalah sekurang-kurangnya 85 peratus. Perbezaan perbendaharaan kata bermaksud perbezaan pada istilah yang merujuk suatu benda atau konsep. Hal ini kerana DK terdiri daripada beberapa subdialek, iaitu subdialek Perlis-Pulau Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara dan Pulau Pinang serta terdapat beberapa aksen, iaitu aksen Siam (Asmah Haji Omar, 2015). Menurut Asmah lagi DK boleh dilihat dalam tiga (3) golongan, iaitu golongan yang pertama ialah orang Melayu Kedah yang menuturkan bahasa yang sama dengan subdialek Kedah persisiran, golongan kedua pula terdiri daripada pendatang dari Petani manakala golongan ketiga ialah hasil daripada perkahwinan golongan pertama dan kedua. Hal inilah

yang menjadikan kosa kata DK diberi pelbagai definisi mengikut subdialek masing-masing.



Rajah 1 Peta daerah negeri Kedah

ULASAN KARYA

Kajian dialek Melayu Kedah telah diklasifikasikan kepada kelompok-kelompok berikut, iaitu kajian mengenai kata soal, kajian pragmatik dan sosiolinguistik dalam dialek Kedah, dan kajian fokus linguistik dialek Kedah.

Kajian kata soal dalam dialek Kedah

Kajian kata soal dalam dialek Kedah ialah kajian yang melibatkan hanya kata soal sahaja. Kajian ini telah dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi, (2011); Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi (2011) menghuraikan fenomena kata soal “mengapa” berdasarkan variasi leksikal yang dimiliki dialek ini melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Data yang digunakan dalam kajian ini ialah kata soal ‘mengapa’ dalam Dialek Kedah (DK). Kajian ini telah menerapkan kerangka teori Transformasi Generatif (TG), iaitu Program Minimalis (Chomsky, 1995). Dapatan kajian ini mendapati bahawa Minimalis boleh “melihat” adjung. Penemuan ini bertentangan daripada pendapat Chomsky. Hasil analisis mendapati kata soal “mengapa” merupakan kata soal bukan argumen berdasarkan huraian yang diberikan Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi (2011), menghuraikan kata soal bila melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995) untuk menjawab persoalan dari segi posisi sebenar kata soal tersebut. Satu kajian lapangan telah dijalankan di Daerah Baling. Berpandukan analisis deskriptif ke atas data dialek Melayu Utara di Baling, Kedah. Kajian ini menggunakan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Analisis sintaksis mendapati bahawa KOMP sememangnya mempunyai [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak mampu mewajibkan kata soal tersebut bergerak ke posisi skop dalam dialek Melayu Utara.

Kajian dialek Kedah dalam pragmatik dan sosiolinguistik

Kajian yang dikategorikan dalam kelompok pragmatik telah dilakukan oleh Nurul Shahida dan Maslida (2015, 2017). Kajian ini melihat deiksis dalam dialek Kedah khususnya di Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai dalam ungkapan kata ganti nama diri dan kata panggilan. Pengkategorian elemen deiksis berdasarkan kerangka deiksis Huang (2007).

Selain bidang pragmatik, kajian dialek Kedah juga dilihat dalam bidang sosiolinguistik. Kajian dalam kelompok ini dikaji oleh Zaliza dan Zuliana (2014), Mashetoh (2017), Suhaila dan Muhammad Saiful Haq (2017). Kajian yang dilakukan oleh Zaliza dan Zuliana (2014) bertujuan untuk (1) menunjukkan wujudnya pengaruh budaya yang mempengaruhi perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah akibat daripada pengaruh budaya seperti ekonomi, penjajahan, perkahwinan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya, (2) menganalisis fonologi dialek Charok Kudung yang merupakan salah satu tempat yang masih kuat pengaruh dialeknnya. Perbezaan yang berlaku mungkin juga disebabkan oleh pengaruh luar yang masuk ke dalam kawasan Pendang, Kedah sehingga menyebabkan wujudnya perbezaan dialek. Kajian tersebut melibatkan dua buah kampung, iaitu Kampung Bukit Jambul dan Kampung Charok Kudung yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan kajian dialek yang berkaitan dengan pengaruh luar atau keadaan yang telah menyebabkan berlakunya perbezaan sebutan dan makna dalam sesuatu dialek yang berbeza walaupun dari daerah atau kawasan yang sama.

Seterusnya Mashetoh (2017), yang melihat bahasa dan identiti penutur dalam dialek Kedah. Kajian ini menerapkan pendekatan dialektologi bandar dengan menggunakan teknik temu bual untuk mendapatkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa informan perempuan lebih menonjol dalam pengekaln identiti mereka berbanding dengan informan lelaki yang menonjol ke arah aksen standard. Kemudiannya, Suhaila dan Muhammad Saiful Haq (2017) juga melihat pemahaman pekerja Jabatan Perangkaan terhadap dialek Kedah. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kefahaman responden terhadap variasi penggunaan dialek kedah.

Kajian aspek linguistik dialek Melayu Kedah

Kajian yang dikelompokkan dalam kategori ini, ialah kajian yang melihat aspek-aspek linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Antara kajian yang digolongkan dalam kelompok ini seperti kajian yang dilakukan oleh Shahidi Ab Hamid (2010), Norfazila Abd Hamid dan Rahim Aman (2014), Darwalis Sazan, Zahril Nizam Md Yusoff dan Noriah Mohamed (2019), Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah, Harishon & Junanini (2017), Harishon, Nor Hashimah, Junaini, Hayati dan Anati Hamidah (2018). Kajian Shahidi (2010) melihat proses-proses fonologi dalam subdialek Kedah Utara dengan Kedah persisiran. Dapatan menunjukkan bahawa Kedah Utara mempunyai ciri-ciri khas yang membezakannya dengan Kedah persisiran.

Kajian Norfazila Ab. Hamid, Norhasliza Ramli dan Rahim Aman (2014) pula melihat proses pemanjangan dan proses penyisipan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah (DHSK). Fenomena pemanjangan vokal ini berlaku akibat daripada proses pengguguran, pembundaran dan peninggian vokal. Kajian ini menggunakan Kerangka teori linguistik fonologi generatif model non-linear atau dikenali juga sebagai teori fonologi autosegmental yang diperkenalkan oleh Goldsmith (1976). Dapatan kajian telah bahawa menunjukkan DHSK ini ternyata tidak membenarkan kehadiran dua vokal secara berurutan. Sekiranya, terdapat dua vokal hadir secara berurutan, maka kekangan dalam perkataan itu akan berlaku iaitu vokal pertama akan mengalami pengguguran dan vokal yang kedua pula mengalami pembundaran.

Seterusnya, Norfaazila, Norhasliza dan Rahim (2017) menjalankan kajian mengenai dialek Melayu Langkawi, iaitu varian Kedawang yang mempunyai lapan fonem vokal, tiga diftong, dan 20 fonem konsonan. Aspek fonologi juga dikaji oleh Darwalis et al (2019) dalam subdialek Kedah yang menggunakan wayang kulit Sri Asun sebagai data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses fonologi yang berlaku dalam subdialek ini ialah pendiftongan, pemanjangan vokal, perendahan vokal, penggantian konsonan, perubahan konsonan, asimilasi nasal, pengguguran konsonan, pengglotisan, penasalan vokal dan penyisipan.

Seterusnya, memetakan varian leksikal di Langkawi dengan menggunakan perisian *Geographic Information System* (GIS) oleh Nor Hashimah et al (2017). Kemudian pada tahun 2018, Harishon et al., telah meneruskan kajian tersebut dengan melihat tahap pemahaman leksikal dialek Melayu Kedah di kawasan yang sama, iaitu di Pulau Langkawi.

Kajian aspek semantik dalam dialek Melayu Kedah juga telah dikaji oleh Nor Hashimah *et al.* (2011) yang menemu bual penduduk di Kampung Asun dan Kampung Binjai di Jitra Kedah. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan analisis semantik kognitif. Dapatan menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat kampung Asun terhadap tampuk pemerintahan lebih cenderung ke arah tanggapan yang negatif.

METODOLOGI

Makalah ini membincangkan pengkonsepsian kosa kata kata adjektif dalam dialek Kedah. Bahan linguistik yang menjadi pengukur penggunaan dialek ini ialah kosa kata atau leksem kerana menurut Wolfram (1991) perbezaan dialek dapat dilihat dengan jelas melalui kosa kata. Pengumpulan kosa kata atau leksem merupakan cara yang lazim dalam membuat profil sesebuah dialek (Wolfram, 1991, hlm. 16). Sebanyak 30 kata adjektif dikumpulkan dan telah diedarkan kepada penutur dialek. Kedah. Penutur tersebut akan memberikan definisi berberkaitan leksem yang telah dikenal pasti berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka.

Latar belakang kajian

Kajian ini dilakukan oleh 29 orang perempuan dan 6 orang lelaki yang masing-masing berumur 19-45 tahun. Semua informan dari negeri Kedah, iaitu sebanyak 61.8% berasal daripada Kedah Utara, 35.3 % daripada Kedah tengah dan 2.9 % daripada Kedah Selatan. Informan ini mempunyai latar pendidikan yang terdiri daripada 67.6% Ijazah, 8.8% Ijazah Sarjana dan 8.8% berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

PEMAHAMAN KOSA KATA KATA ADJEKTIF DALAM DIALEK KEDAH

Kata adjektif ialah kata yang melibatkan sifat atau perasaan. Kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Abdul Hamid Mahmood & Hashim Hj.Musa, 2018; Abdullah Hassan, 1993). Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur keterangan lain misalnya kata bantu dan kata penguat. Dalam bahasa Melayu kata adjektif telah dikelompokkan kepada adjektif sifat atau keadaan, cara, perasaan, bentuk, jarak, pancaindera, ukuran dan warna.

Jadual 1: Kata adjektif dalam bahasa Melayu

	Kata Adjektif	Contoh
1	Sifatan/keadaan	(pandai, takut, baik)
2	Warna	(merah, putih, ungu)
3	Ukuran	(panjang, nipis, pendek)
4	Bentuk	(bulat, bujur, nipis)
5	Waktu	(lama, awal, suntuk)
6	jarak	(jauh, dekat)
7	Perasaan	(sayang, benci)
8	Cara	(deras, gopoh, selalu)
9	Pancaindera	(rasa, pandang, bau, sentuh, dengar, gabungan deria)

Dalam dialek Kedah, kata adjektif merupakan antara kosa kata yang sering digunakan oleh penutur dialek Kedah. Kosa kata tersebut memberi pelbagai maksud kepada penutur itu sendiri berdasarkan kawasan

yang didiami oleh mereka. Oleh itu, makalah ini hanya membincangkan kata adjektif sifat sahaja daripada keseluruhan kata adjektif tersebut. Kata adjektif sifat seperti lengai, mekngot, qalit, dan mandom.

Jadual 2 Kata adjektif sifat dalam DK

	Kata adjektif sifat	Maksud	Pemahaman penutur	%
1	lengai	lambat	1	3
		lemau	1	3
		lembab	32	88
		lembik	1	3
		malas	1	3
2	mekngot	lambat	33	91
		bongok	1	3
		malas	1	3
		bodoh	1	3
3	qalit	leka	34	94
		lalai	2	6
4	mandom	lembab	27	75
		Malas	1	3
		Lambat	4	11
		lali	1	3
		murung	3	8

Jadual 2 menunjukkan empat kata adjektif sifat yang diberi definisi oleh penutur dialek Kedah. Bagi perkataan ‘lengai’ memberi pengertian lembab, iaitu sebanyak 88% manakala bagi maksud lain seperti lambat, lemau, lembik dan malas masing-masing sebanyak 3% sahaja.

Bagi kata adjektif mekngot pula penutur dialek Kedah memberikan definisi sebagai lambat, iaitu sebanyak 91% manakala bagi bongok, malas dan bodoh masing-masing sebanyak 3% sahaja. Berdasarkan temu bual dengan penutur asli dari negeri Kedah, mekngot bukanlah membawa maksud bongok, malas dan bodoh. Tetapi lebih menunjukkan perangai seseorang yang agak lambat dalam melakukan sesuatu perbuatan/pekerjaan.

Seterusnya bagi kata adjektif qalit/ralit, penutur DK memberikan dua maksud, iaitu leka dan lalai. Sebanyak 94% penutur DK bersetuju mendefinisikan leka bagi kata adjektif qalit, manakala sebanyak 6% memberi definisi lalai. Dalam Kamus dewan (2016) ralit membawa maksud asyik, leka (suka benar). Walau bagaimanapun, penutur dialek memberikan definisi yang hampir sama, iaitu leka dan lalai. Kedua-dua perkataan ini juga memberi maksud yang sama bagi kata adjektif ralit.

Kata adjektif yang terakhir, iaitu mandom memberi maksud lembap, lambat, murung, malas dan lali. Sebanyak 75% penutur dialek Kedah mendefinisikan mandom sebagai lembap, 11% sebagai lambat, 8% sebagai murung dan masing-masing 3% mendefinisikan sebagai lali dan malas. Berdasarkan Kamus dewan (2016), perkataan mandom memberikan maksud lembap, tidak cergas dan bodoh. Penutur DK memberikan definisi yang hampir sama dengan Kamus dewan kecuali dua penutur yang memberikan definisi yg berbeza, iaitu lali dan malas.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya rata-rata penutur DK yang ditemu bual telah memberikan definisi yang hampir sama dengan Kamus dewan. Walau bagaimanapun, penutur DK yang di temu bual, kebanyakannya berusia muda dan rata-rata terdiri daripada penutur universiti. Oleh itu, ada sebahagian daripada mereka memberikan definisi yang berbeza daripada Kamus dewan dan ada juga perkataan tersebut tidak pernah digunakan langsung semasa pergaulan. Secara tidak langsung, dapat dijelaskan juga bahawa penutur DK masih lagi mengekalkan identiti kenegerian berdasarkan pemahaman kosa kata yang dikaji.

Penghargaan

Kertas kerja ini sebahagian daripada *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan rujukan kod FRGS/1/2019/SSI01/UUM/02/2, Universiti Utara Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Asmah Haji Omar (2015). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md. Yusoff & Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek kedah Kunluang dalam wayang kulit Seri Asun. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 169-198.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1993). *Simposium dialek: Penyelidikan dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi. (2011). Variasi kata soal “mengapa” dalam Dialek Kedah: satu analisis sintaksis. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 131-153.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi 2011). Kata Soal Bila Dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(1), 69-80.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, 17(10), 74-91.
- Idris Aman. (1995). *Kelainan sosial bahasa Melayu di Shah Alam: Suatu dialektologi sosial bandar*. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus dewan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Labov, W. (1966). *The social stratification of English in New York City*. Washington: Center for Applied Linguistics.
- Mashetoh Abd. Mutalib. (2017). Dialek sebagai identiti penutur dalam bahasa Melayu lisan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 117-126.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Abdul Hamid Mahmood & Hashim Hj. Musa. (2018), *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *Gema Online Journal of Language Studies*, 17(4) 159-178.
- Norfazila Ab Hamid, Norhasliza Ramli & Rahim Aman. (2017). Sistem jaringan komunikasi Langkawi varian Kedawang. *Jurnal Melayu*, 16, 407-418.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (RENTAS) 2021

- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2019). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2)195-205.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2014). Deiksis reruang dalam dialek Kedah. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 192-218.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis deiksis dalam dialek Kedah. *Gema Online Journal of Language Studies*, 15(1), 163-187.
- Shahidi A. H. (2010). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 287-297.
- Suhaila Ismail & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Sociolinguistik terhadap pemahaman dialek Kedah dalam kalangan pekerja unit rangka Jabatan Perangkaan Negeri Selangor. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(1), 144-159.
- Trudgill, P. (1974). *The social differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wolfram (1991), *Dialect and American English*. NJ: Prentice Hall.
- Zaliza Zubir & Zuliana Zubir. (2014). Pengaruh Budaya Yang Mempengaruhi Wujudnya Perbezaan Penggunaan Dialek Di Kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 93-113.

KESATUAN TEKS DALAM UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN: ANALISIS KOHESI KATA PENGHUBUNG

Yusniza Binti Yaakub, PhD
Mahetoh Binti Abd. Mutalib, PhD.
Rohizah Binti Halim, PhD

Jabatan Pengajian Bahasa
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini dihasilkan bagi meninjau aspek kohesi, khususnya kata penghubung dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman. Kajian kualitatif ini menggunakan kerangka yang digagaskan oleh Halliday (1975) iaitu nahu sistemik fungsional yang melihat bahasa sebagai bentuk peri laku yang bersifat fungsian, iaitu sesuatu yang dilakukan dengan tujuan dan persekitaran sosial yang tertentu. Penggunaan kerangka ini dirasakan wajar kerana kajian ini meneliti penggunaan ayat serta fungsinya. Dengan menggunakan kerangka asas kata penghubung yang diklasifikasikan oleh Halliday dan Hassan (1976) dan disesuaikan mengikut konteks budaya masyarakat Melayu oleh Nik Safiah, Abdul Hamid Mahmood, Farid M. Onn dan Hashim Musa (2008) dan huraian oleh Sanat Md. Nasir (1996) yang mengelaskan penghubung ayat kepada kata penghubung tambahan, pertentangan, sebab dan masa, pengkaji menganalisis enam buah teks ucapan Tunku Abdul Rahman sebagai data kajian. Dapatan menunjukkan terdapat variasi penggunaan kata penghubung dalam teks ucapan ini, manakala kata penghubung tambahan merupakan kata penghubung yang paling dominan penggunaannya dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman. Hasil kajian diharap dapat menambahkan lagi khazanah ilmu linguistik, khususnya bidang analisis wacana dan tatabahasa bahasa Melayu.

Kata kunci: Kohesi; kesatuan teks; wacana; penghubung ayat; teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Pengenalan dan Latar Belakang Kajian

Penghasilan teks ucapan dalam sesebuah wacana memperlihatkan usaha seseorang penulis mempengaruhi atau memaksa pandangannya dibaca atau didengar. Teks ucapan merupakan ‘suara’ seseorang pemimpin menyampaikan agenda atau pandangannya kepada orang yang dipimpin. Dengan demikian akan wujudlah kepelbagaian wacana yang bukan sahaja dapat dijadikan sebagai alat pujukan, penyampaian ideologi atau propaganda, malah mampu mencungkil dan membongkar persoalan sosial yang tersembunyi, terutamanya wacana seorang pemimpin. Teks ucapan yang baik dipertalikan dengan tautan dan kesepaduan antara ayat, seterusnya keseluruhan wacana yang terdapat dalam teks tersebut. Perpaduan dan pertautan inilah yang dikatakan sebagai kohesi.

Kohesi dapat didefinisikan sebagai hubungan antara bahagian-bahagian dalam sesebuah teks yang ditandai oleh penggunaan unsur bahasa yang mengikatnya. Halliday dan Hassan (1976, hlm 4) menyatakan: “*The concept of cohesion is a semantic one; it refers to the relations of meaning that exist within the texts*”. Kohesi juga merupakan suatu unsur yang penting bagi menjalin keteraturan hubungan semantik dalam sesebuah wacana sehingga menghasilkan suatu teks yang berkesan. Selain itu, kohesi juga merupakan aspek formal bahasa dalam wacana dan merupakan organisasi sintaktik yang menjadi wadah yang disusun secara padu dan padat untuk menghasilkan wacana, sama ada lisan ataupun tulisan. Oleh itu, dengan pengetahuan dan penguasaan aspek kohesi yang baik, seseorang individu dapat menghasilkan sebuah wacana yang berkesan. Sehubungan itu, kertas kerja ini dihasilkan bagi menganalisis kohesi penghubung ayat dalam teks ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kualitatif digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu, khususnya bidang sains sosial. Menurut Sarjit Singh & Zahid Emby (2010: 73), kajian yang menerapkan pendekatan kualitatif ini bertujuan untuk “menafsir dan mengupas fenomena yang berlaku dalam kehidupan manusia dan masyarakat”. Pendekatan seperti ini sebenarnya bermatlamat untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang tingkah laku manusia dan faktor yang mendorong manusia bertindak sebegitu. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Gay & Airasian (2003:13), iaitu;

Qualitative research seeks to probe deeply into the research setting to obtain in-depth understanding about the way things are, ‘why’ they are that way, and ‘how’ the participants in context perceive them.

Teks ucapan dipilih kerana penghasilan teks-teks tersebut banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran dan konteks budaya masyarakat pada masa itu. Selain itu, penghasilan teks ucapan ini juga merupakan cerminan pemikiran dan ideologi serta melambangkan pemikiran, tingkah laku dan personaliti penulisnya. Perisian *antcont* 3.4.4 pula telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti penggunaan kata penghubung yang paling dominan dalam data kajian. Data telah dimuat turun dalam perisian ini dan penulis mengenal pasti semua kata penghubung dalam bahasa Melayu untuk melihat jumlah jenis kata penghubung tersebut dan bilangan kata penghubung yang paling dominan dalam teks ucapan yang dipilih.

Sebanyak enam teks ucapan YTM Tunku Abdul Rahman yang dikumpul dan disusun oleh Abdul Rahman Aziz & Mustapa Kassim. (2009) telah dipilih sebagai data kajian, iaitu teks yang disampaikan pada tahun 1951, 1952, 1960, 1961, 1968 dan 1971. Dua buah teks ucapan sulung beliau sebagai presiden UMNO / Perdana Menteri, dua buah teks pada pertengahan tampuk kepimpinan beliau dan dua buah teks terakhir beliau sebagai peneraju Negara telah dijadikan data analisis. Ucapan sulung dipilih kerana ucapan sulung merupakan penanda aras kepada kepimpinan seseorang, makala ucapan yang akhir dipilih kerana ucapan ini merupakan ucapan yang terakhir mereka setelah selesai menjalankan tugas sebagai ketua dalam pentadbiran kerajaan.

Penghubung ayat menurut Halliday dan Hassan (1976) boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu yang membawa maksud tambahan (*additive*), maksud berlawanan (*adversative*), sebab musabab (*causal*), masa atau ketika (*temporal*) dan terusan (*continuatives*). Menurut Halliday dan Hassan (1976), kata penghubung adalah satu ciri ketenunan sesebuah teks (*texture*). Ia agak berbeza sedikit berbanding ciri ketenunan yang lain kerana kata penghubung menyatakan sesuatu makna yang diandaikan wujud dalam sesuatu ayat yang berikutnya dan kata penghubung ialah alat kohesi yang mempertautkan ayat dalam teks. Satu fakta dalam sesuatu ayat akan dikaitkan, dari segi turutannya, dengan ayat sesudahnya.

Bagi disesuaikan dengan konteks dan budaya bahasa Melayu, pengkaji menggunakan kerangka yang dicadangkan oleh Nik Safiah et al. (2008) dan Sanat Md. Nasir (1997) yang menghuraikan kohesi kata penghubung dalam bahasa Melayu. Nik Safiah et. al (2008) dan Sanat Md. Nasir (1997) telah membahagikan kata penghubung kepada empat jenis, iaitu penghubung ayat tambahan bermaksud penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya.. Penghubung tentangan pula merujuk penghubung yang menunjukkan pertentangan maklumat antara suatu yang baharu diperkatakan dengan yang sebelumnya dalam wacana yang sama. Menurut Nik Safiah et al. (2008) penghubung sebab musabab pula ialah penanda wacana yang merupakan sebab berlakunya sesuatu seperti, *kerana, oleh sebab, oleh itu, oleh hal demikian, dengan itu* dan *maka itu*. Penghubung masa atau ketika pula merujuk penanda penghubung yang menunjukkan urutan masa atau siri berlakunya sesuatu. Huraian oleh Nik Safiah et al. (2008) ini menyamai huraian tautan penghubung ayat yang dikembangkan oleh Sanat Md Nasir (1997).

KOHESI KATA HUBUNG DALAM TEKS UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN


Setelah dianalisis, terdapat 2148 kata penghubung daripada 29783 token ditemui dalam keenam-enam teks ucapan tersebut. Berikut ialah jadual kekerapan penggunaan kata penghubung kata penghubung yang terdapat dalam teks ucapan tersebut:

Jadual 1: Kekerapan penggunaan kata penghubung penggunaan kohesi kata penghubung dalam teks ucapan tunku abdul rahman.

Bil	Kata penghubung	Kekerapan penggunaan kata penghubung
1	Dan	1189
2	Telah	414
3	Kerana	158
4	Tetapi	115
5	Sebab, oleh sebab, dengan sebab	85
6	Atau	57
7	Pertama, kedua, ketiga	40
8	Serta	30
9	Bahkan	18
10	Apabila	14
11	Selepas	10
12	Malah, malahan	10
13	Ketika	5
14	Kemudian	3
JUMLAH KESELURUHAN		2148

Kata penghubung dalam teks ucapan ini dikelaskan kepada empat jenis, iaitu menggunakan kata penghubung tambahan (PT), kata penghubung pertentangan (PP), kata penghubung sebab-musabab (PS), dan kata penghubung masa (PM). Setelah dimuat turun dalam perisian *Antcont 3.4.4*, pengkaji mendapati kata penghubung tambahan merupakan jenis kata penghubung yang paling banyak digunakan dalam teks ucapan pemimpin-pemimpin ini. Antaranya ialah kata 'dan' sebanyak 1189 kali diulang dalam ayat, diikuti kata penghubung masa 'telah', iaitu sebanyak 414 kali diulang dalam data kajian. Selain itu, kata penghubung pertentangan dan sebab dilihat kurang produktif dalam teks ucapan iaitu digunakan kurang daripada 200 kali dalam teks.

Berikut ialah peratus kekerapan penggunaan kata penghubung berdasarkan jenis yang terdapat dalam teks Tunku Abdul Rahman:



Rajah 1: Kekerapan penggunaan kata penghubung dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kata penghubung merupakan golongan perkataan yang penting dalam pembentukan ayat, sama ada secara

lisan ataupun tulisan. Walaupun penggunaan serta fungsinya kelihatan sederhana, namun ia cukup rumit kerana terdiri daripada pelbagai-bagai jenis dan bentuk, serta penggunaannya yang bervariasi. Tidak seperti unsur kohesi yang lain, kata penghubung sebenarnya mempunyai fungsi yang bersifat intrinsik berdasarkan pandangan Halliday dan Hassan (1976, hlm 226)

Conjunctive elements are cohesive not themselves but indirectly, by virtue of their specific meanings; they are not primary devices for reaching out into the preceding (or following) text, but they express certain meaning which presuppose

Asmah Haji Omar (1993) mendefinisikan kata penghubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Menurut beliau, kata penghubung dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu kata penghubung setara dan kata penghubung tak setara. Menurut Sanat Md. Nasir (1997), kata penghubung atau tautan penghubung ayat dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tautan penghubung ayat tambahan, tentangan, sebab musabab dan juga temporal atau masa. Secara umum, kata penghubung berfungsi untuk menghubungkan satu ayat dengan ayat yang lain serta menghubungkan satu perenggan dengan perenggan yang lain. Penghubung ayat ditentukan dengan melihat fungsi sesuatu unsur linguistik. Unsur penghubung ini berfungsi untuk menghubungkan antara satu unsur linguistik, iaitu unit teks sebelum dan sesudahnya. Penghubung ini juga dikenali sebagai tautan penghubung ayat dalam bahasa Melayu oleh Sanat Md. Nasir (1997).

Penggunaan PT dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), penghubung tambahan merupakan penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelum ini. Mohamad Fadzeli (2006) pula berpendapat bahawa pengembangan bermaksud klausa kedua berperanan untuk menjelaskan klausa utama. Oleh itu, aspek yang perlu dilihat ialah kategori klausa kedua, sama ada memperinci atau memperluas sesuatu klausa utama. Aspek ini boleh dikaitkan dengan aspek penghubung tambahan yang dicadangkan oleh Halliday & Hassan (1976). Terdapat beberapa kata penghubung yang mewakili kaedah perlanjutan, pengembangan dan tambahan ini seperti *dan*, *lalu*, *serta*, *atau*, *kemudian*, *sambil*, *manakala*, *malahan* dan *walhal*. Walau bagaimanapun, dalam huraian ini pengkaji akan menghuraikan penghubung yang paling kerap digunakan oleh Tunku Abdul Rahman iaitu '*dan*', '*atau*', '*serta*'. Justifikasi pemilihan unsur-unsur penghubung ini kerana inilah penghubung yang paling dominan dalam teks ucapan. Berikut merupakan jadual bagi kata penghubung tambahan yang digunakan dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman:

Jadual 2: Kohesi penghubung tambahan yang terdapat dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Bil	Penghubung tambahan	Kekerapan penggunaan
1	Dan	1189
2	Atau	57
3	serta	30
JUMLAH		1276

Dan

Nik Safiah et. al (2008) berpandangan bahawa unsur '*dan*' digolongkan dalam golongan kata penghubung gabungan dan berfungsi sebagai kata penghubung tambahan, manakala ZA'BA (2002) mendefinisikan '*dan*' berdasarkan bentuknya, iaitu pemerian yang berdasarkan tugas dan fungsinya. Beliau menggolongkannya sebagai kata sendi penambah, iaitu yang menyambungkan perkataan-perkataan atau ayat-ayat tambahan sahaja kepada bahagian dahulunya dengan tidak menjadikan sambungan itu penolong atau penerang kepada bahagian yang disambung. Asmah (1991) pula menyatakan, penggunaan *dan* dalam bahasa Melayu sebenarnya menerima pengaruh daripada bahasa Arab, iaitu *wa* dan dalam bahasa Arab penggunaan *wa* ini adalah wajib bagi tiap-tiap penghubung dua unsur. Walau bagaimanapun, *wa* dalam bahasa Arab mempunyai kemungkinan penggunaan yang lebih luas daripada *dan*. Asmah (1991) juga mengaitkan penggunaan *dan* seperti penggunaan kata penghubung *bermula* dalam teks *Aqaid Al-Nasafi*. Dalam hal ini beliau merumuskan

unsur tersebut sebagai menunjukkan peralihan kepada judul yang hendak diberi tumpuan. Judul ini pula adakalanya baru sama sekali, dan adakalanya judul yang sudah pun disentuh terlebih dahulu tetapi belum diberi tumpuan (Asmah, 1991). Contoh kata penghubung ‘dan’ dalam teks-teks ucapan ini seperti berikut:

1. Saya hendak mentafsirkan makna ketua **dan** takrifnya sebagaimana yang ditafsirkan oleh Mahatma Ghandi, bapa perjuangan India **dan** seorang penganjur dunia yang terbilang di dalam zaman ini. (1951)
2. Katanya, ketua ialah seorang hamba yang mempersembahkan diri supaya menjadi pesuruh kepada sekalian rakyat jelata **dan** pekerjaannya ialah mengorbankan diri untuk berkhidmat kepada rakyat jelata. (1951).

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kata penghubung ‘dan’ digunakan untuk menghubungkan klausa utama dengan klausa berikutnya yang mana seperti **contoh 1** iaitu *Saya hendak mentafsirkan makna ketua* sebagai klausa utama, manakala *takrifnya sebagaimana yang ditafsirkan oleh Mahatma Ghandi...* sebagai klausa kedua. Berdasarkan contoh ini, gandingan klausa-klausa ini merupakan klausa yang setara sifatnya, dan penggunaan kata penghubung sebegini juga dikenali sebagai kata penghubung gabungan (Nik Safiah, et al, 2008). Contoh ini selari pandangan Asmah (1993) yang berpendapat bahawa dalam penggandingan sesuatu klausa, unsur kedua merupakan lanjutan cerita daripada klausa yang pertama. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Carson (1992: 164, seperti dalam Hasmidar 2006: 151) yang menyatakan bahawa ayat yang seumpama ini merupakan “*a way of providing evidence (inductive support) for a claim*”. Berdasarkan contoh-contoh ini juga, kata penghubung ‘dan’ berfungsi sebagai lanjutan daripada unsur kedua, iaitu sebagai penambah kepada ayat utama.

Selain itu, dalam **contoh 2**, unsur ‘dan’ boleh berfungsi bagi menambah pemeran sasaran dan maklumatnya (Idris, 2010). Kehadiran ‘dan’ pada unsur ini berfungsi menambah pemeran sasaran atau/ dan menambah maklumat sasaran. Hal ini demikian apabila ucapan Tunku Abdul Rahman merujuk kepada tugas seorang ketua negara, kemudian menambah fungsi seorang ketua kerajaan iaitu berkhidmat untuk rakyat. Dalam hal ini, kata penghubung ‘dan’ digunakan untuk menambah maklumat bagi pemeran sasaran iaitu seorang ketua negara. Penggunaan kata penghubung ‘*dan*’ yang produktif dalam teks-teks ucapan ini menunjukkan bahawa unsur penghubung ini sebenarnya mempunyai fungsi yang sangat penting, selain daripada pendengar dapat menjangkakan adanya klausa lain yang hadir sebelum itu, dan penggunaan unsur penghubung ini sebagai lanjutan daripada klausa sebelumnya. Dalam hal ini bolehlah dikatakan bahawa penghubung ayat ‘dan’ ini sangat produktif penggunaannya dalam teks ucapan kerana ia merupakan salah satu daripada aspek yang berfungsi menguatkan lagi hujah si perucap.

Serta

Kata penghubung *serta*, *sambil*, *sementara* dan *seraya* mendukung makna ‘dan pada masa itu’ dan kata penghubung ini merangkumi dua komponen makna iaitu makna ‘dan’ dan juga ‘waktu’. Keempat-empat kata penghubung ini boleh digunakan secara bertukar ganti antara satu sama lain dalam kategori kata penghubung tambahan. Walau bagaimanapun, kata penghubung ‘*seraya*’ sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu kini, tetapi kerap ditemui dalam bahasa Melayu klasik. Menurut Asmah (1993), kata penghubung ini mempunyai persamaan dengan kata penghubung ‘dan’ dalam erti kata salah satu daripada komponen maknanya ialah + dan, tetapi di samping itu, ia berbeza dengan ‘dan’ kerana ‘dan’ tidak mempunyai komponen waktu. Selain itu, penggunaan kata penghubung ini menghubungkan klausa pada bahagian predikat sahaja. Setelah dianalisis, pengkaji menemui penggunaan kata penghubung ‘*serta*’ dalam teks ucapan. Kata penghubung ‘*sambil*’ dan ‘*sementara*’ kurang digunakan dalam teks ucapan ini.

Berikut ialah contoh penggunaan kata penghubung ‘*serta*’ dalam teks ucapan presiden-presiden UMNO.

3. Tetapi dengan pertolongan Allah s.w.t. dan fahaman baik rakyat-rakyat Melayu dan lain-lain, kita bersyukur di atas kejayaan dan keamanan **serta** kemakmuran yang terdapat di dalam negara kita ini. (1968)
4. Saya mengaku akan menjalankan segala kehendak-kehendak dan amanah ini dengan segala apa yang terdaya oleh saya dan dengan taat setianya **serta** sesungguhnya hati. (1951)

Berdasarkan contoh di atas, dilihat penggunaan unsur kata penghubung ‘serta’ digunakan sebagai penambahan kepada kata penghubung ‘dan’ dan komponen makna ‘pada masa itu’ dalam ayat-ayat tersebut. **Contoh 4** menunjukkan kehadiran komponen makna ‘dan’ berserta ‘pada masa itu’, iaitu ‘amanah ini dengan segala apa yang terdaya oleh saya’ dan perjuangan, penglibatan dan dengan taat setianya’ merupakan tambahan maklumat yang disampaikan oleh Tunku Abdul Rahman kepada audiens bagi memperkukuhkan lagi hujah beliau.

Atau

Asmah Haji Omar (1993, hlm 194) menyatakan kata penghubung ‘atau’ menyatakan pilihan antara dua proposisi, iaitu kalau bukan x, maka y. ‘Atau’ dapat menghubungkan predikat, objek atau adverba. Selain itu, Za’ba (2002) menyatakan ‘atau’ berfungsi bagi menambah kerana memberi pilihan antara benda yang akan disebutkan itu dengan yang telah sedia disebutkan. Penggunaan kata penghubung ‘atau’ dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh berikut:

5. Kita telah membuat keputusan iaitu siapa juga daripada tentera kita yang mendapat kemalangan **atau** sampai ajalnya, maka mayat mereka akan dibawa balik ke negeri ini untuk dikebumikan. (1951)
6. Berpaling kepada pendirian **atau** sikap kita menghadapi soal-soal luar negeri, maka Persekutuan Tanah Melayu adalah berpegang tetap kepada dasar bebas dan keadilan. (1960)

Contoh pada **petikan 5** menunjukkan penggandingan pada predikat. Menurut Asmah (1993), ayat yang mempunyai predikat yang digandingkan dengan ‘atau’ biasanya merupakan ayat Tanya atau ayat arahan. Berdasarkan **contoh 5**, ayat ini sebenarnya yang menunjukkan unsur pilihan antara dua proposisi, iaitu kalau bukan *ditimpa kemalangan* atau *sudah sampai ajal* seseorang tentera yang berkhidmat di luar negara, maka keadaan kedua-dua situasi ini akan dibawa pulang ke Malaysia.

Penggunaan PP dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Bahagian ini akan menganalisis fungsi dan kaedah pertentangan yang digunakan dalam teks ucapan pemimpin UMNO. Kaedah ini ditandai dengan perkataan seperti *tetapi*, *sebaliknya*, *namun*, *namun begitu* dan *walau bagaimanapun* untuk menunjukkan maksud pertentangan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan unsur ‘*tetapi*’ ‘malah’ dan ‘bahkan’ bagi mewakili kaedah pertentangan dalam teks-teks ucapan ini. Hal ini demikian kerana unsur ‘*tetapi*’ paling banyak ditemui dalam data kajian, iaitu sebanyak 115 kali diulang dalam teks-teks beliau.

Tetapi

Menurut Nik Safiah et al. (2008) unsur *tetapi* diklasifikasikan sebagai kata penghubung, iaitu penghubung tentangan yang bermaksud “penghubung yang menunjukkan pertentangan maklumat antara suatu yang baharu diperkatakan dengan maklumat yang sebelumnya dalam wacana yang sama”(hlm 526). Manakala ZA’BA pula menggolongkan kata ‘*tetapi*’ dalam golongan sendi kata yang khas dipakai jadi penyambung menghubungkan di antara perkataan-perkataan yang sejenis, atau di antara bahagian-bahagian cakap, atau di antara ayat-ayat. Penghubung ‘*tetapi*’ digolongkan dalam golongan kata sendi penambah oleh ZA’BA (2000).

Selain itu, Rieber (dlm. Blakemore, 2000, 475) menyatakan ‘*tetapi*’ atau *but* dalam bahasa Inggeris sebagai “*an indicator in the sense that it causes the hearer to notice namely that there is contrast between the two proposition*”. Berdasarkan takrifan ini, jelas menunjukkan kata ‘*tetapi*’ membawa maksud pertentangan. Selalunya unsur ‘*tetapi*’ ini selalunya ditemui selepas tanda koma bagi meneruskan ayat selepas itu.

Contoh penggunaan peranti kata penghubung ‘*tetapi*’ dalam data kajian:

7. Di Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini ada sebilangan orang yang mahu kita mengikut jejak langkah negeri itu atau negeri ini. **Tetapi** kerajaan Perikatan tetap berdiri teguh kepada asas atau prinsipalnya sendiri dan tidak akan mengikut mana-mana negeri lain. (1961)
8. Selain daripada memberi mereka duduk di negeri kita ini, ada dua jalan lagi yang terbuka, **tetapi** kedua-dua jalan itu tidak akan memberi hasil yang berfaedah kepada mereka (1960)

Contoh 8 menunjukkan wujudnya unsur bertentangan dalam ucapan Tunku Abdul Rahman tentang masalah yang berlaku kepada rakyat Selatan Thailand yang mana terdapat jalan penyelesaian yang boleh membantu mereka, namun kedua-duanya tidak menguntungkan mereka. Berdasarkan contoh-contoh ini dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ sebenarnya tidak menghubungkan dua klausa yang sama maksud, sebaliknya menidakkan klausa yang hadir sebelumnya.

Penggunaan PS dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Penghubung musabab berfungsi untuk menyatakan sebab suatu kejadian yang terdapat pada klausa utama. Kata penghubung sebab-musabab menghubungkan dua ayat dengan hubungan sebab dan akibat. Lazimnya penghubung sebab- musabab ini menerangkan sebab berlakunya sesuatu perkara. Contoh-contoh penggunaan kata penghubung sebab- musabab seperti berikut:

9. **Dengan sebab** banyaknya orang asing menjadi ketua-ketua pejabat dan memegang jawatan-jawatan seperti yang ada sekarang ini, maka bahasa Melayu yang diakui sebagai bahasa rasmi dan dikehendaki supaya dipakai di dalam pejabat-pejabat kerajaan telah hilang dan harus akan dihapuskan langsung. (1951)
10. Komunis belum biasa menempuh kekalahan di mana-mana negeri lain, dan **dengan sebab itu** tentulah mereka menaruh dendam dan mempunyai perasaan geram kepada kita. (1960)

Contoh 10 menunjukkan ucapan Tunku Abdul Rahman kepada para perwakilan tentang perasaan dendam komunis terhadap tanah Melayu akibat kekalahan mereka di Tanah Melayu kerana sebelum ini mereka tidak pernah kalah dengan Negara-negara lain. Dalam ayat ini, penggunaan kata penghubung sebab menjelaskan maklumat sebelum itu. Menurut Kamus Dewan (2002), ‘sebab’ membawa maksud sebagai sesuatu yang mengakibatkan sesuatu. Oleh itu, penggunaan unsur ini dalam ucapan Tunku Abdul Rahman berfungsi untuk memberi penjelasan tentang perkara tersebut.

Penggunaan PM dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Menurut Nik safiah, *et al.* (2008), kata penghubung waktu lazimnya merujuk kepada masa, urutan masa atau siri berlakunya sesuatu peristiwa, manakala Asmah (1993) pula merujuk penghubung ‘masa’ sebagai penghubung waktu. Kata penghubung ini boleh terdiri daripada apabila, ketika, telah, kemudian, perta/kedua, selepas, pada waktu, pada masa dan lain-lain lagi. Berikut antara kata penghubung waktu yang digunakan dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman:

Jadual 3 : Kohesi penghubung masa dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman

Bil	Kata penghubung Masa	Kekerapan penggunaan
1.	Telah	414
2.	Apabila	14
3.	Pertama, kedua, ketiga	40
4.	Ketika	5
5.	Selepas	10
Jumlah		483

Apabila

Menurut Nik Safiah *et al.* (2008), kata penghubung ‘apabila’ yang bersinonim dengan ‘bila’ dikategorikan sebagai kata penghubung pancangan keterangan. Hal ini demikian bermakna kata penghubung ini berfungsi untuk memberikan penerangan kepada klausa utama. Kata penghubung ini merupakan kata yang memberikan penerangan yang berfokus kepada aspek waktu. Penerangan tentang waktu ini selaras dengan makna yang didukungnya, iaitu semasa, sewaktu ketika dan bilamana (Kamus Dewan (2006). Contoh penggunaan ‘apabila’ seperti berikut:

11. **Apabila** takdirnya berlaku sesuatu di atas saya, tak usahlah tuan-tuan semua bimbang kerana telah pun sedia ada orang yang akan menggantikan tempat saya ini. (1968)

Contoh 11 menunjukkan penggunaan kata penghubung ‘apabila’ digunakan untuk menghubungkan ‘takdir yang berlaku ke atas beliau’ dengan klausa ‘tak usah bimbang’. Penggunaan kata penghubung ‘apabila’ di antara-klausa-klausa ini menunjukkan klausa keterangan ‘jangan berasa bimbang’ memberikan penerangan

terhadap ‘takdir yang berlaku terhadap Tunku’. Penjelasan selepas kata penghubung ‘apabila’ menunjukkan bahawa sesuatu yang berlaku kepada YTM Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, ayat ini dilafazkan dalam bentuk songsang.

Pertama, kedua, ketiga

Pertama kedua, ketiga merupakan akta penghubung yang melambangkan nombor atau bilangan. Kedua-dua kata penghubung ini merupakan kata penghubung ordinal. Menurut Asmah (1993), kata ordinal ialah kata nombor yang tidak menunjukkan jumlah dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi melambangkan urutan dalam jumlah. Kata penghubung jenis ini seringkali digunakan secara serentak untuk sesuatu peristiwa bagi menunjukkan urutan masa atau siri berlakunya sesuatu. Berikut ialah contoh penggunaan ‘pertama, kedua dan ketiga’ dalam teks:

12. Jawatankuasa itu telah mengesyorkan tiga cara untuk mendapat kerakyatan, iaitu yang **pertama** ialah dengan jalan undang-undang (*by operation of law*), yang **kedua** dengan jalan *naturalisation* iaitu meminta kerakyatan menurut syarat-syarat. Yang **ketiga** ialah memberikan kerakyatan kepada orang yang masuk dalam pasukan tentera atau polis selama tiga tahun berturut-turut atau empat tahun dengan berselang-selang. (1952)

Contoh 12 memperlihatkan penggunaan kata penghubung pertama dan kedua dalam ayat. Contoh ini menunjukkan bilangan cara bagi mendapatkan taraf kerakyatan di Tanah Melayu melalui tiga cara, iaitu melalui undang-undang, memohon kerakyatan berdasarkan kaedah *naturalisation* dan memberikan kerakyatan kepada sesiapa yang menyertai pasukan keselamatan selama tiga tahun berturut-turut atau empat tahun secara berselang.

Ketika

Nik Safiah, *et al* (2008) mengkategorikan kata penghubung ‘ketika’ di bawah kata penghubung pancangan keterangan. Asmah (1993) pula mengkategorikan kata penghubung ini sebagai kata penghubung waktu. Kata penghubung ‘ketika’ memberikan makna waktu yang tertentu. Penggunaan kata penghubung ini digunakan untuk menyatakan sesuatu waktu yang tertentu dan penggunaannya boleh dilihat dalam **contoh 13** ketika ucapan Tunku Abdul Rahman yang menyatakan tentang kemerdekaan tanah air.

13. Kemerdekaan negeri ini akan diserahkan **ketika** darurat telah tamat dan pada masa penduduk-penduduk negeri ini daripada segala bangsa telah bersatu faham. (1952)

Dalam konteks ayat ini, beliau menekankan penggunaan kata penghubung ini bagi menunjukkan bahawa Tanah Melayu akan meredeka apabila tamatnya darurat dan semua kaum di Negara ini bersatu padu.

Selepas

‘Selepas’ menurut Kamus Dewan (2002, hlm 799) bermaksud “sesudah, setelah sudah atau setelah selesai”. Oleh itu, kata ini boleh membawa maksud sesuatu waktu yang telah berlalu akan dihubungkan dengan waktu seterusnya. Penggunaan kata ‘selepas’ berfungsi untuk menghubungkan dua waktu yang tidak sama secara jelas. Penggunaan kata penghubung ‘selepas’ dapat dilihat dalam contoh berikut:

14. **Selepas** itu baharulah hendak diadakan pilihan raya bagi Majlis Mesyuarat Negeri dan Federal. Akuan yang seumpama ini pada pendapat saya terlalu longgar kerana di dalamnya tidak mengandungi sesuatu ketetapan yang boleh dipegang kerana tidak disebutkan bila masanya hendak dijalankan. (1952)
15. Malangnya **selepas** tamatnya pilihan raya kebangsaan itu, telah berlaku Peristiwa Tragedi 13 Mei, iaitu tragedi yang telah mengecewakan segala usaha yang kita telah buat dan peraturan-peraturan yang telah kita susun untuk mencapai perpaduan rakyat negara ini yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan bangsa itu. (1971)

Contoh 15 menunjukkan keadaan dua waktu yang berbeza, iaitu sebelum dan selepas berlakunya pilihan raya, dan keadaan sebaliknya telah terjadi selepas pilihan raya, iaitu tragedi 13 Mei yang menyebabkan berlakunya perbalahan kaum di Malaysia. Kata penghubung ‘selepas’ yang digunakan oleh Tunku menepati makna selepas, iaitu sesudah atau setelah selesai, iaitu berlakunya peristiwa 13 Mei selepas selesainya pilihanraya.

KESIMPULAN

Sesebuah teks ucapan yang baik dan mantap mesti mempunyai pertalian dan perpaduan bagi menjalin idea yang ingin disampaikan oleh seseorang pemimpin. Jalinan idea dalam teks ini perlu diperkukuhkan oleh kohesi dan koherensi selain daripada mengandungi maklumat baru dan lama serta boleh difahami oleh khalayak. Kata penghubung merupakan golongan perkataan yang penting dalam pembentukan ayat, sama ada secara lisan ataupun tulisan. Walaupun kelihatan penggunaan serta sederhana fungsinya, namun ia cukup rumit kerana terdiri daripada pelbagai-bagai jenis dan bentuk, serta penggunaannya yang bervariasi. Penggunaan kata penghubung dalam sesebuah wacana akan memperlihatkan sama ada wujudnya pertentangan, persamaan, dan tumpang tindih dalam wacana tersebut. Melalui hubungan-hubungan tersebut, akan wujudlah jenis hubungan yang berkohesi dalam dan antara ayat-ayat tersebut, dan hubungan inilah yang akan memperkukuhkan lagi sesebuah wacana, khususnya teks ucapan pemimpin.

Setelah diteliti, kata penghubung tambahan dan kata penghubung masa merupakan jenis kata penghubung yang paling produktif penggunaannya dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman. Unsur *dan* dan *telah* dalam jenis kata penghubung tambahan dan kata penghubung masa mendominasi penggunaan kata penghubung dalam teks ucapan ini. Pewacana banyak memanfaatkan kata penghubung tambahan dalam ucapan mereka kerana dalam konteks kajian, pewacana tersebut perlu memberikan maklumat tambahan kepada khalayak bagi menyampaikan ideologi serta hala tuju mereka untuk memimpin parti.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz & Mustapa Kassim. (2009). *Amanat Presiden : Demi agama, bangsa dan negara (1951-1971-Tunku Abdul Rahman)*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16: Satu analisis berdasarkan teks Melayu aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gay, L.R., & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competences for analysis and application (7th ed)*. Columbus, OH: Charles Merrill.
- Halliday, M.A.K. (1973). *Explorations in the functions of language*. London: Edward Arnold.
- Halliday M.A.K. (1975). *An introduction to systemic functional linguistic*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. (1978). *Language as social semiotics: The social interpretation of language and meaning*. London : Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K ,& Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hasmidar Hj Hassan. (2006). *Kata penghubung ‘dan’ dan ‘tetapi’: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmidar Hj. Hassan. (2009). Kata penghubung ‘dan’ :Satu analisis semantik dan pragmatik, dalam Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (Eds.) *Linguistik: Teori & aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Fadzeli Jaafar (2006, Disember). Gaya hipotaksis dan parataksis dalam kerangka nahu fungsian-sistemik. *Jurnal Bahasa*, 6 (4) 610-627.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom (Ed.). (2002). *Kamus dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sanat Md. Nasir. (1996). Kewacanaan Za'ba, dalam. Wan Abdul kadir (Ed.). *100 Tahun Za'ba, Za'ba: pejuang bangsa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. 39-48.

Sanat Md. Nasir. (1997). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sarjit Singh & Zahid Emby. (2010). *Pengantar sains sosial*. Kuala Lumpur :Meteor.

Zainal Abidin Ahmad (ZA'BA). (2000). *Pelita bahasa Melayu I,II,III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KECELARUAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN ILMIAH JURNAL BERIMPAK TINGGI

Zamimah Osman
Universiti Utara Malaysia
zamimah@uum.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang kecelaruan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan makalah jurnal berindeks Scopus yang diterbitkan oleh Penerbit USM iaitu jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Kaedah analisis kandungan dijalankan terhadap 25 makalah yang ditulis dan diterbitkan dalam bahasa Melayu sepanjang tempoh 9 tahun (2010 – 2018), iaitu bermula dari tahun jurnal ini diindeks oleh Scopus. Manakala analisis kesalahan tatabahasa memfokuskan kepada 12 elemen tatabahasa seperti digariskan dalam Gaya Dewan. Dapatan kajian menunjukkan masih berlaku kecelaruan tatabahasa, iaitu kekeliruan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu yang ketara dari semua aspek kesalahan tatabahasa yang dikaji. Dapatan ini sekaligus membuktikan bahawa makalah yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus masih terikat dengan pelbagai kesalahan tatabahasa walaupun makalah tersebut telah melalui proses penyuntingan bahasa oleh editor. Kajian ini penting untuk memperlihatkan kualiti penulisan ilmiah (dari aspek tatabahasa) makalah yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus yang merupakan jurnal yang diiktiraf dan digunakan untuk penaraan dan penarafan sesebuah universiti.

Kata Kunci : Penulisan ilmiah, Scopus, kesalahan bahasa, jurnal berimpak tinggi.

PENGENALAN

Penulisan ilmiah ialah satu bentuk penulisan yang bertujuan menyampaikan maklumat, menjelaskan sesuatu idea dan hujah tertentu supaya dapat diterima oleh khalayak pembaca. Selain menjadi sumber rujukan kesarjanaan yang penting dan melaporkan hasil penyelidikan yang dijalankan, penulisan ilmiah juga diterbitkan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pensahihan dalam kalangan komuniti yang mempunyai pengetahuan dan minat yang sama tentang bidang yang diperkatakan. Oleh itu, dalam konteks penulisan ilmiah aspek penggunaan tatabahasa yang betul adalah sangat penting untuk melaporkan maklumat yang tepat dan sahih.

Dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang baik, penulis harus mempertimbangkan aspek peraturan penggunaan bahasa yang betul dalam penulisan yang dihasilkan. Penulisan yang menyimpang daripada peraturan penggunaan bahasa yang betul akan menyebabkan berlakunya kekaburan makna dan menjejaskan penulisan seseorang. Juriah Long *et al.* (1989) membahagikan kesalahan penggunaan bahasa ini kepada tiga kategori, iaitu kesilapan, kesalahan dan lupaan sementara. Kesilapan bermaksud bentuk penulisan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa. Manakala kesalahan bahasa merujuk kepada penggunaan bentuk bahasa yang tidak sesuai dengan konteks sosial dan menyalahi ciri-ciri kesantunan bahasa yang telah ditetapkan secara konvensional oleh masyarakat penutur sesuatu bahasa itu. Lupaan sementara pula adalah kesilapan yang tidak disengajakan dalam penulisan berpunca daripada gangguan emosi. Lupaan sementara ini akan diatasi apabila penulis dapat mengesan kesilapan tersebut dan membetulkan kesilapan tadi berdasarkan kepada pengetahuan bahasa yang dimilikinya. Corder (1981) pula mendefinisikan kesilapan bahasa sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Manakala mengikut Bell (1981), kesilapan dimaksudkan kepada bentuk penuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa yang timbul akibat daripada ketidaksempurnaan penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu. Sementara kesalahan pula adalah ketidakcekapan penutur menggunakan laras bahasa yang sesuai dalam konteks yang tertentu.

Dalam kertas kerja ini istilah ‘kecelaruan’ dalam penulisan digunakan merujuk kepada keadaan di mana berlaku kekeliruan dalam konteks penggunaan peraturan bahasa (tatabahasa) yang betul dalam penulisan tanpa

disedari oleh penulis. Kekeliruan yang berlaku adalah disebabkan oleh mereka yang tidak menguasai sepenuhnya akan struktur tatabahasa dan sikap penulis yang menggunakan bahasa sewenang-wenangnya dalam penulisan ilmiah mereka. Kesalahan tatabahasa dalam penulisan ilmiah tidak boleh dipandang enteng kerana kesalahan ini boleh memberikan implikasi yang besar terhadap penyampaian maklumat dan pelaporan penyelidikan yang ditulis.

SOROTAN KARYA


Kajian berkaitan analisis kesalahan penggunaan bahasa terutamanya dari aspek tatabahasa dalam penulisan telah banyak dijalankan oleh pengkaji daripada dalam (Nursidah Abd. Hamid, Fairrose Sulaiman & Jamaludin Badusah, 2010; Ab. Halim, 2002; Norzahwarthy Kadir, 2006; Azman & Goh, 2010; Nor Asiah binti Ismail, 2011; Zulkarnain Farihin, 2017; Zaliza Mohammad Nasir, 2017) dan luar negara (Corder, 1973; Erdogan, 2005, Nur Endah Ariningsih *et al.* 2012). Kebanyakan kajian yang dijalankan memfokuskan kepada kesalahan dalam penulisan mengikut hierarki bahasa yang berbeza.

Misalnya, Corder (1973), menganalisis kesalahan penggunaan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua. Corder kemudiannya mengkategorikan kesalahan penggunaan bahasa yang berlaku mengikut peringkat linguistik yang berbeza, iaitu morfologi, sintaksis dan leksikon. Erdogan (2005) pula dalam kajiannya mengkategorikan kesalahan peraturan penggunaan bahasa yang berlaku dalam perbagai peringkat termasuklah fonem, morfem, kata, ayat, malah perenggan. Manakala kajian Nur Endah Ariningsih *et al.* (2012) mendapati kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar Indonesia dalam penulisan meliputi aspek kesalahan ejaan, ayat, gaya bahasa dan pembentukan perenggan. Dalam kajian ini, turut diserlahkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kesalahan penggunaan bahasa tersebut. Nursidah Abd. Hamid *et al.* (2012) meneliti kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan pelajar Cina. Hasil kajian memperlihatkan aspek kesalahan morfologi yang sering berlaku dalam penulisan seperti kesalahan penggunaan imbuhan, kata tugas, ganti nama diri, kosa kata dan ejaan serta kesalahan dari segi struktur ayat dalam penulisan karangan pelajar. Manakala kajian oleh Zaliza Mohammad Nasir (2017) meneliti kesalahan penggunaan bahasa dalam penulisan karangan pelajar Indonesia, di Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan kesalahan tatabahasa dalam penulisan berlaku terutama dari aspek sintaksis, semantik dan morfologi seperti kesalahan penggunaan aspek kata, penggunaan kata sendi dan kata ganti nama diri.

Dapat dikatakan bahawa terdapat banyak kajian berkaitan kesalahan penggunaan bahasa dari aspek tatabahasa dalam penulisan yang telah dijalankan sebelum ini. Kebanyakan analisis kajian mempunyai fokus data, aspek analisis dan situasi yang berbeza. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti aspek kesalahan tatabahasa dalam penulisan makalah ilmiah dalam jurnal yang diangkat martabatnya sebagai jurnal berimpak tinggi masih kurang dijalankan. Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan dengan memfokus kepada aspek kesalahan tatabahasa dalam penulisan makalah ilmiah berbahasa Melayu yang diterbitkan jurnal yang diindeks dalam pangkalan data Scopus.

DAPATAN KAJIAN

Analisis dijalankan dengan memfokus kepada 12 elemen tatabahasa bahasa Melayu dalam Gaya Dewan yang terdiri daripada penggunaan kata sendi nama, kata ganti nama singkat, kata ganti nama, partikel, pengulangan kata jamak, kata hubung pancangan 'yang', imbuhan, imbuhan asing, kata majmuk, kata pemerli 'ialah' dan 'adalah', penanda wacana dan kesalahan ejaan. Dapatan kajian menunjukkan daripada 12 elemen tatabahasa yang diteliti, kesalahan tatabahasa yang paling ketara dalam penulisan makalah terdiri daripada kesalahan ejaan, penggunaan fungsi penanda wacana, kata pemerli, kata sendi nama, dan pengulangan Kata Jamak. Jadual 1 memperlihatkan jenis kesalahan tatabahasa yang kerap berlaku dalam penulisan makalah yang dikaji. Manakala Rajah 1 memaparkan bilangan keseluruhan kesalahan tatabahasa yang dikaji daripada lima setiap jenis kesalahan yang kerap berlaku dalam penulisan.



Rajah 1: Bilangan keseluruhan kesalahan tatabahasa daam penulisan

Jadual 1 : Kekerapan Kesalahan Tatabahasa

Jenis Kesalahan Tatabahasa	Makalah	Kekerapan Kesalahan
Ejaan	M1	1
	M2	6
	M3	7
	M4	1
	M6	3
	M10	2
	M11	2
	M12	3
	M15	3
	M16	2
	M19	2
Penanda Wacana	M1	2
	M2	1
	M3	9
	M4	4
	M5	4
	M12	3
	M17	8
	M18	6
	M19	1
	M22	1
	M24	4
Kata Pemeiri	M2	1
	M3	4
	M4	5
	M7	5
	M10	4
	M11	3
	M12	1
	M13	7
	M14	4
	M15	6
	M16	5
	M17	6
	M18	4
	M19	4
M20	4	
M21	6	
M22	1	
M23	5	
M24	5	

Kata Sendi Nama	M1	1
	M2	7
	M3	12
	M4	3
	M7	3
	M12	1
	M14	4
	M17	1
	M18	1
	M20	1
	M21	4
	M23	1
	M24	2
	Pengulangan Kata Jamak	M19

Kesalahan Ejaan

Kesalahan ejaan merupakan satu daripada kesalahan tatabahasa dari aspek penggunaan kata. Analisis menunjukkan kesalahan ejaan ini berlaku dalam tiga keadaan iaitu, pengguguran atau penambahan huruf dalam satu perkataan, kesalahan ejaan pada perkataan sehingga membawa makna atau fakta selain daripada yang dimaksudkan dalam penulisan dan kesalahan ejaan kata majmuk yang tidak ditulis secara terpisah. Antara contoh kesalahan ejaan penggunaan kata yang mengalami pengguguran atau penambahan huruf adalah seperti berikut:

- a. PLA boleh **didefiniskan** secara kasarnya sebagai pemindahan melepasi sempadan sumber-sumber pengurusan (Alvstam 1993) (hal. 46)
- a. Kompleksiti adaptasi novel ke filem telah menyebabkan ada pengarah filem yang **engan** membuatnya. (hal. 38)
- a. Maka pancaindera yang lima itu suatu **penengar**, kedua penglihat, ketiga pencium, keempat perasa lidah, kelima perasa tubuh. (hal. 11)

Contoh di atas menunjukkan kesalahan ejaan yang berlaku dalam konteks adanya pengguguran atau penambahan huruf dalam sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perkataan 'didefinisikan' ditulis sebagai 'didefiniskan', Kesalahan yang sama juga dikenal pasti dalam penulisan apabila ejaan 'yang enggan' ditulis sebagai 'yeng engan', dan ejaan perkataan 'pendengar' ditulis sebagai 'penegar'.

Bentuk kesalahan ejaan yang kedua ialah kesalahan ejaan pada perkataan yang boleh membawa makna yang lain daripada makna perkataan yang dimaksudkan dalam penulisan.

- a. Peningkatan pesat **PTA** dalam tahun 1970-an dan 1980-an disebabkan oleh oleh kombinasi beberapa faktor seperti revolusi pengangkutan, telekomunikasi dan juga teknologi komputer (Laszlo 1994). (hal. 47)
- b. Dari segi pelaburan yang diterima oleh negeri dalam sektor industri pembuatan, dapat dilihat wujudnya **turun baik** dalam kitaran pelaburan. (hal. 57)
- c. Pada 1997, permintaan global yang **lembab** terhadap produk elektronik, peningkatan kos pengeluaran, penguncupan pasaran Asia Timur akibat krisis kewangan turut menyebabkan kejatuhan dalam TFP (*Total Factor Productivity*) dalam kebanyakan sektor industri pembuatan.

Merujuk contoh di atas kesalahan ejaan yang berlaku ialah apabila singkatan perkataan PLA yang bermaksud pelaburan langsung asing ditulis sebagai 'PTA'. Kesalahan ejaan seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan makna kepada pembaca. Begitu juga dengan kesalahan ejaan perkataan 'turun baik' yang merujuk kepada maksud 'turun naik' pelaburan tetapi ditulis sebagai 'turun baik' dan perkataan 'lembap' yang membawa maksud keadaan yang lambat atau kurang mencapai kemajuan ditulis sebagai 'lembab'. Kedua-dua ejaan perkataan ini tidak dapat mendukung sebarang maksud yang berkaitan dalam penulisan tersebut.

Manakala kesalahan ketiga, iaitu kesalahan ejaan perkataan majmuk. Analisis mendapati terdapat ketidakseragaman dari segi ejaan kata majmuk dalam penulisan makalah yang dikaji. Ketidakseragaman ini bermaksud terdapat ejaan kata majmuk yang ditulis sebagai satu kata dan ada kalanya ditulis secara terpisah. Contoh ejaan kata majmuk yang didapati ditulis secara tidak seragam seperti ‘bandaraya’, ‘keretapi’ dan ‘rekabentuk’ yang ditulis sebagai satu kata. Mengikut hukum tatabahasa, perkataan ini harus ditulis sebagai dua kata atau ejaan yang sebetulnya ialah ‘bandar raya’, ‘kereta api’ dan ‘reka bentuk’.

Penanda wacana

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, penanda wacana ‘justeru’ hanya membawa dua makna. Pertama ‘justeru’ bermakna ‘kebetulan’, ‘tepat’ dan kedua ‘kena benar’. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan terdapat kekeliruan makna dalam penggunaan penanda wacana ‘justeru’ dalam penulisan. Penanda wacana ‘justeru’ yang diterapkan dalam kebanyakan penulisan makalah membawa makna ‘oleh itu’ atau ‘oleh sebab itu’. Hal ini menyalahi fungsi penanda wacana ‘justeru’ yang betul. Berikut ialah contoh-contoh kesalahan penggunaan penanda wacana ‘justeru’ dalam penulisan makalah yang dikaji.

- a. Manuskrip undang-undang pelabuhan Kedah ini dianggap sebagai undang-undang pelabuhan Melayu lama yang paling lengkap. **Justeru**, kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks berdasarkan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi Raf 77 dan dibantu dengan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi MS 40329 dan ML 25
(hal. 1)
- b. Apabila novel ini diadaptasi ke filem, ia mempunyai sistem signifikasi yang berbeza kerana filem menggunakan medium visual berbanding novel yang menggunakan medium verbal atau bahasa. **Justeru**, ada teknik di dalam novel tidak lagi sesuai digunakan di dalam filem teknik sudut pandangan orang pertama, aku dan sudut pandangan orang ketiga, kami.
(hal. 39)

Kata Pemeril ‘ialah’ dan ‘adalah’

Kata pemeril bermaksud unsur kata yang menjadi perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Kata pemeril ‘ialah’ digunakan untuk menunjukkan persamaan dan hadir di hadapan kata nama atau frasa nama. Manakala kata pemeril ‘adalah’ pula digunakan untuk menunjukkan huraian dan hadir di hadapan kata adjektif, frasa adjektif, kata sendi nama atau frasa sendi nama. Dapatan analisis menunjukkan terdapat ketidakseragaman penggunaan kata pemeril ‘ialah’ dan ‘adalah’ dalam penulisan. Contoh kesalahan penggunaan kata pemeril ini adalah seperti berikut:

Contoh

Commercial Event **ialah unsur** Pembeli, Penjual, Barangan dan Wang.

(hal. 6)

Matlamat dialog kehidupan ini **ialah untuk** memberi kefahaman kepada komuniti asal yang seterusnya diterjemahkan kepada suatu peringkat yang lebih bersifat operasional.

(hal. 14)

Turut serta dalam sesi diskusi ilmiah tersebut **adalah Abdul Rashid** Maidin (ahli jawatankuasa PKM dan bekas ahli jawatankuasa API), Abdullah C.D. (ahli jawatankuasa PKM, PKMM dan bekas ahli API), Samsuddin Salleh (ahli jawatankuasa PKM dan editor majalah *Pelupor*) dan Atom Mun (Ketua AWAS).

(hal. 46)

Daripada contoh di atas, dapat dikatakan bahawa kata pemeril ‘ialah’ dan ‘adalah’ digunakan dengan sewenang-wenangnya dalam penulisan

Kata sendi Nama

Selain kesalahan penggunaan kata pemeril, analisis juga menemukan kesalahan tatabahasa dari aspek penggunaan kata sendi nama dalam penulisan makalah yang dikaji. Kata sendi nama ialah bentuk morfem

atau kata yang letaknya di hadapan frasa nama. Kata sendi nama berfungsi sebagai kata hadapan kepada kata nama atau frasa nama dan menjadi penyambung kata atau frasa dalam sesuatu ayat. Daripada penelitian, didapati penggunaan kata sendi nama yang melanggar hukum tatabahasa yang betul banyak dilihat berlaku dalam penulisan makalah yang dikaji. Antara kesalahan penggunaan kata sendi nama yang sering ditemui dalam penulisan adalah seperti kata sendi nama dari, daripada, di, ke, pada, kepada, seperti, untuk, akan, bagi, kerana, antara, di antara dan oleh. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti yang berikut:

Contoh

Kejayaan industri BEE di Malaysia sejak beberapa dekad ini banyak bergantung **pada** kelebihan lokasi industri di negara ini untuk menarik pelaburan langsung asing.

(hal. 43)

Pemerihalan unsur nahuan **di aras** ayat malah di aras perenggan adalah wajar kerana manusia berbahasa bukan sekadar menghasilkan ayat secara terpisah satu-satu, tetapi adalah dalam suatu lakuan bahasa yang dinamakan wacana.

(hal. 93)

Contoh

a. Pelbagai reaksi terhadap filem ini telah diterima dan filem ini dikatakan mendapat sambutan yang baik **di kalangan** peminat filem Indonesia, walaupun adaptasinya belum diperkatakan secara mendalam.

Contoh

a. Perubahan global yang melibatkan pergerakan [sic] keluar firma pembuatan **daripada negara** industri.

(hal. 44)

Contoh

a. Celaka sungguh, bangsa Indonesia di Semenanjung Malaka tak dapat mempertahankan diri **dari kebanjiran** bangsa India dan Tiongkok yang terus mengalir ke sana.

(hal. 44)

Contoh

b. Hasil penelitian ini mendapati wujud sinergi yang kuat **di antara pengarang** novel dengan pengarah, penulis skrip dengan penerbit filem *Laskar Pelangi*.

(hal. 35)

Contoh

a. Jalinan yang harmoni dan seimbang **di antara kedua-dua** aspek tersebut menjadikan karya ini lebih bertenaga dan berkualiti.

Kata Jamak Berganda/Pengulangan

Kesalahan bentuk jamak merupakan kesalahan frasa nama. Kesalahan ini sering berlaku dan tidak disedari kerana dilihat tidak menjejaskan ayat namun dari segi frasa nama, ia merupakan kesalahan. Terdapat dua jenis kata jamak iaitu pengulangan kata nama dan penggunaan kata bilangan. Antara contoh kesalahan adalah seperti berikut:

Contoh M19

a. **Versi-versi yang pelbagai** bagi Taurat merupakan bukti kukuh terhadap perubahan yang berlaku (Mohd Faizal 2011).

(hal. 89)

Dalam contoh M19(a) perkataan ‘versi’ sudah digandakan, dan kehadiran pelbagai telah menunjukkan perbezaan yang banyak. Maksud ‘versi’ juga telah menunjukkan banyak. Oleh itu, ayat tersebut boleh diganti dengan ‘versi yang pelbagai’.

Selain daripada lima kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang disenaraikan terdapat juga elemen kesalahan lain yang dikaji bersandarkan kepada 12 elemen tersebut. Walau bagaimanapun kekerapan kesalahan penggunaan tatabahasa tersebut agak jarang berlaku berbanding dengan lima elemen kesalahan yang digariskan dalam Jadual 1. Huraian lanjut berkenaan elemen kesalahan tatabahasa yang dikaji

Imbuhan

Imbuhan adalah penambahan pada kata dasar untuk membentuk kata terbitan seperti kata nama, kata adjektif dan kata bilangan. Imbuhan terbahagi kepada tiga jenis imbuhan iaitu imbuhan awalan seperti ‘ber-’, imbuhan akhiran seperti ‘-i’ dan imbuhan apitan seperti ‘me-...-kan’. Namun penggunaan imbuhan kadang-kala dilihat tidak perlu atau kurang tepat dalam kata terbitan. Antara contoh kesalahan penggunaan imbuhan berlaku dalam penulisan adalah seperti berikut:

Contoh

- b. Penglibatan saudara baru dalam aktiviti seharian keluarga asal ini haruslah **melihatkan** ‘hikmah’ sebagai satu kepentingan, khususnya dalam menentukan kaedah-kaedah interaksi.

(hal. 11)

Kata Bilangan Tentu

Kata bilangan tentu adalah penggunaan bagi menentukan bilangan atau turutan. Analisis menunjukkan terdapat kesalahan kata bilangan tentu dalam makalah yang dikaji seperti contoh berikut:

Contoh

- a. Analisis ayat akan menjadi lebih rumit terutamanya jika kita membuat perbandingan antara **dua bahasa**.

(hal. 34)

- b. Dialog kehidupan berhikmah sesama Muslim ini bukan hanya sekadar ‘satu proses sosialisasi’ bahkan bagi **setengah saudara** baru ia merupakan satu kaedah pembelajaran secara turun padang bagi meningkatkan kefahaman tentang agama Islam.

(hal. 17)

Dalam contoh tersebut kesalahan penggunaan kata bilangan tentu dikenal pasti melalui perkataan dua bahasa yang sepatutnya ditulis kedua-dua bahasa, begitu juga dengan perkataan setengah yang tidak sesuai digunakan bagi menggambarkan bilangan manusia. Oleh itu, perkataan ‘setengah’ harus ditukar kepada ‘sesetengah’.

Penggunaan Tanda Sempang

Dalam penulisan, penggunaan tanda sempang mempunyai tujuan tertentu. Terdapat beberapa keadaan di mana tanda sempang digunakan iaitu untuk merangkai huruf besar dan huruf kecil seperti ‘rahmat-Nya’, digunakan pada kata ganda seperti ‘bukit-bukau’ dan merangkai dengan angka seperti ‘ke-10’. Analisis juga memperlihatkan terdapat kesalahan penggunaan tanda sempang dalam penulisan makalah yang dikaji. Misalnya,

Contoh M16

- a. Pada November 1967 M. Shibusawa, Pengarah Penyelidikan Institusi **Hal-Ehwal** Ekonomi Asia bersama rombongan meninjau potensi industri kayu pulpa dan bakau di Sabah.

(hal. 109)

Contoh M17

- a. Hubungan yang bermasalah menyebabkan dialog kehidupan agak sukar untuk diketengahkan apabila pudarnya sikap dan rasa **saling percaya-mempercayai antara** satu sama lain.

(hal. 17)

Daripada contoh tersebut penggunaan tanda sempang dilihat digunakan sewenang-nya. Sebagai contoh penggunaan tanda sempang bagi perkataan perkataan 'Hal-Ehwal' adalah tidak tepat. Penggunaan tanda sempang tidak diperlukan dalam kes tersebut. Begitu juga penggunaan tanda sempang pada perkataan 'saling percaya-mempercayai'. Tanda sempang ini tidak diperlukan dan perkataan percaya dan mempercayai tidak boleh hadir sekali apabila adanya 'saling'. Ayat tersebut boleh ditulis sebagai 'saling mempercayai'.

Perkataan berbentuk lewah

Perkataan berbentuk lewah adalah penggunaan frasa yang berlebihan atau sengaja dilebih-lebihkan dalam sesuatu ayat dan tidak diperlukan dalam sesuatu ayat. Analisis menunjukkan kebanyakan penulisan makalah mempraktikkan penulisan bentuk lewah ini. Contoh bentuk lewah adalah seperti berikut:

Contoh M12

- a. Dalam sekian banyak kajian yang menyentuh soal teknologi senjata api Melayu, manuskrip ilmu bedil sebagai sumber korpus yang lebih autoritatif sifatnya dalam konteks tersebut jarang sekali dirujuk.

(hal. 53)

Contoh di atas menunjukkan kesalahan bentuk lewah dilihat berlaku pada pembukaan ayat yang ditulis berlebihan dan mengelirukan pembaca, iaitu pada ayat 'Dalam sekian banyak kajian' boleh ditulis dengan 'banyak kajian'. Ayat tersebut dilihat lebih ringkas, padat dan mudah difahami.

RUMUSAN

Daripada analisis yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang berlaku dalam penulisan makalah ilmiah berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi ini tidak boleh dipandang enteng. Kesalahan yang berlaku dalam penulisan akan menyebabkan terhasilnya ayat yang tidak gramatis. Ayat yang tidak gramatis bermaksud ayat yang ditulis tidak berdasarkan kepada aturan-aturan tatabahasa sesuatu bahasa, dalam konteks kajian ini ialah tatabahasa bahasa Melayu. Implikasi daripada ayat yang tidak gramatis ini juga boleh menyebabkan kekaburan maklumat yang ingin disampaikan dalam penulisan tersebut serta merendahkan kualiti dalam penulisan makalah jurnal tersebut.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan makalah ilmiah ini berlaku disebabkan oleh faktor penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan penulis makalah, yang kebanyakannya terdiri daripada para akademia dan sikap sambil lewa penulis terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan mematuhi peraturan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan. Bukti tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah dapat dilihat melalui penulisan makalah yang dipenuhi oleh kesalahan tatabahasa. Manakala sikap sambil lewa penulis terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan dapat dilihat melalui aspek ketidakteraturan penggunaan tatabahasa yang betul dalam penulisan makalah yang dikaji.

Oleh yang demikian, pengetahuan yang luas dalam ilmu linguistik dan penguasaan tatabahasa yang mantap adalah sangat penting untuk menghasilkan sebuah penulisan ilmiah yang mantap dan bebas daripada sebarang kesalahan tatabahasa. Tanggapan bahawa sesuatu ayat tersebut dianggap betul sekiranya ayat tersebut dapat difahami adalah kurang tepat. Hal ini kerana ayat yang difahami itu tidak boleh disamakan dengan ayat yang betul menurut peraturan-peraturan tatabahasa.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Universiti, UUM, 2020. Kod S/O 14267

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran Frasa Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan, *Tesis Doktor Falsafah*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Azman Che Mat & Goh, Ying Soon (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 2(2): 9-21.
- Bell, R. T. (1981). *An Introduction to Applied Linguistics: Approached and Methods in Language Training*. Batsford Academic and Educational Ltd: London.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press: Oxford.
- Erdogan, V. (2005) Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1(2), 261-270. DOI: [10.17860/efd.22900](https://doi.org/10.17860/efd.22900)
- Gaya Dewan* edisi ketiga. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long, Raminah Hj. Sabran & Sofiah Hamid. (1989). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Dlm *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Fajar Bakti: Kuala Lumpur.
- Nor Asiah binti Ismail. (2011). Penguasaan penulisan karangan bahasa Melayu dari perspektif komunikatif. IPG Kampus Sultan Mizan (Ed.) dalam Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur di IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu (pp. 1–12). Besut, Terengganu: non published. Retrieved from asiisma@yahoo.com.my
- Zaliza Mohammad Nasir. (2017). Kesalahan Tata Bahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *SP International Journal*, 4, (1), 23–35.
- Norzahwarthy Kadir. (2006). Tinjauan Kesilapan Fonologi Penutur Natif. *Jurnal Bahasa*. 6(4): 585-599.
- Nur Endah Ariningsih, Sumarwati & Kundharu Saddhono. 2012. Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia dalam Karangan Eksposisi Siswa Sekolah Menengah Atas. JPBS FKIP Universitas Sebelas Maret. *BASASTRA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya*. 1(1): April 2012.
- Nursidah Abd. Hamid, Fairrose Sulaiman & Jamaludin Badusah. (2010). *Kajian Kelemahan Tata Bahasa Pelajar Cina dalam Kalangan*. (blogspot.com).
- Zulkarnain Farihin. (2017, 17 Mac). Kesan-Kesan Dan Cara-Cara Untuk Mengatasi Masalah Penggunaan Bahasa Rojak. Dicapai daripada <https://farihinzul1974.blogspot.my/2009/10/kesan-kesan-dan-cara-cara-untuk.html>

WAJAH BAHARU, WAJAH LAMA: TEKSTUALITI DAN WACANA DALAM TEKS BERITA DALAM TALIAN TENTANG COVID-19

Rohizah Halim

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

rohizah@uum.edu.my

ABSTRAK

Teks berita merupakan hasil daripada gabungan tiga elemen penting, iaitu bahasa, amalan penerbitan berita, dan amalan sosiobudaya. Amalan penerbitan dan amalan sosiobudaya mempunyai peranan yang tersendiri dalam menghasilkan teks berita, sekaligus memaknakan sesebuah peristiwa. Secara umumnya, amalan penerbitan lebih jelas dapat dilihat dalam teks yang dihasilkan sementara amalan sosiobudaya lebih tersembunyi daripada pandangan kasar. Persoalannya, adakah hal yang sama dapat dilihat dalam laporan peristiwa Covid-19? Andaian boleh dibuat untuk bahawa dalam peristiwa seperti Covid-19 – krisis kesihatan umum yang mungkin lebih cenderung dimaknakan dalam konteks kerangka sains – amalan penerbitan akan lebih menonjol berbanding dengan amalan sosiobudaya? Namun, persoalan boleh turut dikemukakan tentang bagaimanakah amalan penerbitan dan amalan sosiobudaya mempengaruhi teks berita yang dihasilkan? Adakah amalan penerbitan baharu menghasilkan teks yang baharu juga? Untuk cuba mengungkap persoalan ini, dua buah akhbar digunakan untuk memberikan data kepada pengkaji. Data ini diambil daripada versi dalam talian akhbar *Berita Harian*, *The Star* dan *The New York Times*. Dapatan menunjukkan bahawa, amalan penerbitan jelas mempengaruhi teks yang dihasilkan, dan perbezaan teks berita ini turut dapat difahami dalam kerangka sosiobudaya.

Kata kunci: Analisis wacana; Covid-19; Berita kesihatan; Media berita; Akhbar dalam talian

PENGENALAN

Sesebuah teks merupakan gabungan daripada amalan penerbitan dan konvensi sosiobudaya masyarakat yang melingkari penerbitannya. Pandangan ini diterima oleh sarjana bahasa yang mengkaji wacana secara kritis. Semua teks dan wacana yang terdapat dalam masyarakat dibentuk oleh dan membentuk pengetahuan dalam perhubungan timbal balik. Kita boleh melihat keadaan ini dalam teks berita. Teks berita sudah lama diterima sebagai teks yang terhasil daripada gabungan tiga elemen penting: bahasa, amalan penerbitan berita, dan amalan sosiobudaya. Aspek yang paling ketara pada mata kasar pembaca ialah bahasa dan aspek fizikal lain yang membentuk teks. Sementara itu, pengaruh amalan penerbitan dan sosiobudaya hadir secara lebih tersembunyi atau terbenam pada mata kasar masyarakat umum, walaupun amalan penerbitan dan sosiobudaya mempunyai peranan penting dalam penghasilan teks, sekaligus memaknakan sesebuah peristiwa.


Namun, dalam keadaan tertentu, amalan penerbitan boleh dilihat agak jelas sebagai mempengaruhi kaedah pemaknaan sesuatu peristiwa berita. Konsep peristiwa berita atau *news event* itu sendiri merupakan gabungan ketiga elemen penting teks berita. Sesebuah peristiwa diangkat oleh agensi berita yang melaporkannya dengan perspektif tertentu, diberikan makna tertentu dan oleh itu menyuntik tahap kesedaran atau kepentingan tertentu kepada masyarakat umum. Tidak hairanlah dalam pembicaraan tentang perhubungan antara media berita dan pihak pemerintah, Herman dan Chomsky (1988/2008) melihat kesedaran masyarakat tentang sesuatu isu umum sebagai dibentuk oleh kombinasi ekonomi dan politik. Sehubungan itu, perbincangan tentang media dan masyarakat sudah lama tidak melihat media sebagai memegang peranan yang berbentuk adversarial kepada kuasa politik sebaliknya konsep *the fourth estate* yang diberikan kepada media boleh difahami sebagai kuasa untuk membentuk pemahaman atau kesedaran tentang isu dan tidak semestinya dikaitkan dengan media sebagai menyumbang kepada pengetahuan yang bebas daripada kepentingan sosiopolitik.

Perbincangan kritis tentang media dan amalan pemberitaan walau bagaimanapun, cenderung untuk tidak mengumumkan pemahaman terhadap media dan pekerjaannya. Sarjana melihat berita sebagai dipengaruhi oleh sistem dan amalan institusi yang membelenggu pekerja berita sama ada secara sedar ataupun tidak (Lewis, 2006; Lewis et al., 2006; Reese & Lewis, 2009a; Reese and Lewis, 2009b), selain daripada kelemahan peribadi yang menyumbang kepada menyalahafsirkan peristiwa (Salter, 2011). Dalam konteks ini, pemahaman tentang media dibentuk oleh pemahaman bahawa media juga merupakan hasil daripada amalan sosiobudaya dan hasil daripada proses dan sistem kemasyarakatan.


Dalam konteks ini, perbincangan tentang media boleh menjadi lebih sukar kerana sistem kemasyarakatan lebih mencabar untuk dinilai secara objektif berbanding keupayaan untuk memahami sosiologi organisasi penghasil berita.

Setakat ini, rujukan yang digunakan memfokuskan kepada perang sebagai peristiwa berita dalam usaha mengaitkan pengaruh organisasi dan masyarakat dalam penghasilan teks berita. Sebagai peristiwa berita, adakah hal yang sama dapat dilihat dalam laporan tentang pandemik Covid-19? Perbincangan sarjana memberikan kerangka bahawa tekanan yang sama akan bertindak terhadap penghasilan teks berita tentang Covid-19, walaupun kedua-dua peristiwa ini mempunyai perbezaan yang ketara. Namun, turut terdapat persamaan yang agak menonjol antara perang dan pandemik sebagai peristiwa berita. Perang meragut nyawa, demikian juga dengan pandemik. Jadi, boleh dilihat bahawa isu ini menarik untuk dihuraikan dengan lebih mendalam. Sebagai dua peristiwa yang berbeza, andaian boleh dibuat bahawa Covid-19 akan lebih cenderung untuk dimaknakan dalam kerangka sains, dan jika begitu, adakah amalan penerbitan akan lebih menonjol berbanding dengan amalan sosiobudaya? Untuk cuba mengungkap persoalan ini, dua buah akhbar digunakan untuk memberikan data kepada pengkaji. Data perbincangan akan diambil daripada versi dalam talian tiga buah akhbar, iaitu akhbar berbahasa Melayu, *Berita Harian* (<https://www.bharian.com.my/>) dan dua buah akhbar berbahasa Inggeris, iaitu *The Star* dan *The New York Times*. Akhbar *Berita Harian* dan *The Star* (<https://www.thestar.com.my/>) diterbitkan di Malaysia, dan pemilihan kedua-dua akhbar ini dilakukan untuk melihat sama ada aspek amalan wacana atau aspek amalan persekitaran sosiobudaya dan politik yang mempengaruhi penghasilan teks. Sementara itu, pemilihan *The New York Times* (<https://www.nytimes.com/>) dilihat sebagai akhbar yang akan dapat menambah kepada penjelasan tentang kesalinghubungan aspek amalan penghasil dan persekitaran kepada kewujudan sebuah teks berita.


The New York Times ialah akhbar terkemuka yang diterbitkan di Amerika Syarikat. Sebagai sebuah organisasi yang bertaraf antarabangsa, akhbar dalam talian ini mempunyai edisi U.S, edisi antarabangsa dan edisi Kanada, selain edisi dalam bahasa Sepanyol dan Cina. Perbezaan yang dapat dilihat antara edisi U.S dan edisi antarabangsa adalah lebih kepada berita domestik. Perbezaan tersebut dilihat dalam lajur ruangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Jika melayari edisi US, pembaca akan dihidangkan dengan berita yang khusus tentang isu politik domestik yang dianggap penting kepada lingkungan rakyat US. Untuk ruang lain, terutamanya ruang yang akan menjadi tumpuan dalam perbincangan ini, iaitu *Health*, tiada versi berlainan untuk teks berita yang sama dapat diakses melalui laman web nytimes.com.



Rajah Lajur Ruangan di Laman Web *nytimes.com*



Rajah 2: Muka hadapan laman web *BH Online*



Rajah 3: Muka hadapan laman web akhbar *The Star*

Laman web akhbar *Berita Harian*, *BHOnline* (BHO) dan *The Star* (TS) tidak mempunyai versi antarabangsa, yang menunjukkan bahawa liputan berita oleh kedua-dua akhbar ini hanya ditujukan kepada masyarakat Malaysia. Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan laman hadapan untuk laman web kedua-dua akhbar tersebut. Kelainan antara kedua-dua akhbar ini berbanding dengan *The New York Times* (TNYT) ialah fokus yang diberikan kepada Covid-19 sebagai peristiwa berita sebagai peristiwa topikal yang ditonjolkan. Ruangan *Health* dalam TNYT ialah ruangan tetap yang berfungsi untuk merangkumi berita tentang Covid-19. Ini menunjukkan bahawa akhbar bertaraf antarabangsa seperti TNYT mempunyai kepakaran dalam kewartawanan kesihatan (*health journalism*) atau kewartawan perubatan (*medical journalism*).

Kewartawanan Kesihatan atau Kewartawanan Perubatan?

Terdapat dua konsep yang ditemui, iaitu kesihatan dan perubatan, dalam erti kata kewartawanan kesihatan dan kewartawanan perubatan. Adakah terdapat perbezaan dalam kedua-dua konsep ini, atau adakah hanya dalam penggunaan secara bersilih ganti? Medical Journalists' Association UK¹ yang mewakili “*more than 400 of the UK's leading health and medical journalists*” menyatakan bahawa penubuhan mereka dalam tahun 1966 adalah untuk menyatukan “*medical journalism and medical journalists*”. Daripada kegunaan konsep *medical* dan bukannya *health*, dapat diandaikan bahawa konsep kesihatan (*health*) merupakan konsep yang sedikit baharu berbanding dengan konsep perubatan dalam konteks kewartawanan. Medical Journalists' Association UK mendefinisikan *medical journalism* sebagai laporan berita dan rencana tentang perubatan. Menurut laman web mereka, kewartawanan perubatan dibahagikan kepada dua dan pembahagian ini dibuat mengikut audiens sasaran teks, iaitu yang dihasilkan untuk sebaran kepada masyarakat umum atau yang untuk disebar dalam penerbitan yang dibaca oleh doktor dan ahli perubatan professional yang lain. Untuk audiens yang pertama, liputan disiarkan dalam penerbitan umum dan khusus sementara audiens yang kedua mendapati liputan daripada dalam jurnal berwasit. Untuk tujuan perbincangan ini, jenis yang dimaksudkan ialah jenis yang pertama dan tertumpu kepada penerbitan umum. Pengkaji mengandaikan penerbitan khusus yang dimaksudkan ialah majalah atau keluaran yang mengkhususkan kepada topik tentang kesihatan dan kesejahteraan seperti *Men's Health/Women's Health*, *iSIHAT*, *Health Today* dan *Natural Health*. Dapat dilihat juga daripada nama-nama majalah ini, mungkin terdapat perbezaan makna antara perubatan dan kesihatan dalam konteks amalan kewartawanan dan penghasilan teks, namun isu ini tidak akan direncamkan dalam perbincangan ini. Untuk tujuan perbincangan dalam kertas kerja ini, konsep yang akan diguna pakai ialah kewartawanan kesihatan dan berita kesihatan.

Menurut Maksimainen (2017), kewartawanan kesihatan (*health journalism*) umumnya dilihat sebagai cabang daripada kewartawanan sains (*science journalism*). Menurut Summ dan Volpers (seperti yang dipetik dalam Maksimainen, 2017), berita tentang sains pula dibahagikan kepada dua jenis; iaitu pertama, berita yang mempopularkan (dalam konteks mengumumkan dapatan saintifik atau; kedua, berita yang membincangkan isu saintifik dalam konteks sosial yang lebih luas. Maksimainen menjelaskan bahawa dalam konteks liputan oleh wartawan kesihatan, jenis liputan yang pertama lebih cenderung terhadap penemuan terkini, sementara isu tentang kesihatan umum, contohnya seperti isu obesiti termasuk dalam jenis yang kedua. Namun, beliau menegaskan bahawa klasifikasi ini tidak diterima pakai sepenuhnya. Dalam dunia yang mementingkan gaya hidup sihat dan sejahtera (*health and wellness*), hal ini dicerminkan oleh media yang memfokuskan liputan kepada yang berkait dengan sains, iaitu liputan isu tentang dapatan saintifik dan perubatan; dan yang berkait dengan kesejahteraan dengan liputan berbentuk “*magazine-style features and tips that explain how to eat healthily, how to treat common diseases and how to get rid of bad habits*” (Maksimainen, 2017, h. 9). Sebagai kesimpulan, Maksimainen memuktamadkan bahawa sesebuah artikel tentang kesihatan memenuhi kategori yang boleh dikaitkan dengan sains, kerana kandungannya mempunyai aspek dakwaan yang boleh disahkan kesahihannya melalui kaedah saintifik, dan fokus dalam artikel tersebut masih berkisar kepada kesan terhadap kesihatan. Menurut beliau, tidak kira jika perbincangan berkisar kepada polisi kerajaan atau tentang trend terkini, jika impak atau kesan berkait dengan kesihatan, teks berita tersebut dikategorikan sebagai berita kesihatan. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak meliputi pembuatan keputusan yang tidak mempunyai kesan nyata kepada kesihatan seperti infrastruktur penjagaan kesihatan, contohnya, undang-undang insurans kesihatan.

Terdapat kekurangan yang ketara dalam perbincangan tentang kewartawanan kesihatan di Malaysia, terutamanya yang menumpukan kepada teks berita yang dihasilkan daripada sudut bahasa atau analisis wacana. Kebanyakan kajian yang ditemui melihat dari sudut media dan memfokuskan kepada isu kesihatan spesifik seperti penyusuan ibu atau kanser payu dara. Perbincangan oleh Emma Mohamad (2011) melihat kepada perhubungan antara penghasil teks dan amalan pengumpulan maklumat kepada liputan peristiwa kesihatan. Media memainkan peranan untuk meningkatkan pengetahuan tentang isu kesihatan, terutamanya isu kesihatan yang tidak digolongkan sebagai isu kesihatan yang berbentuk ancaman kepada kesejahteraan umum atau serius. Kesimpulan dibuat tentang kepentingan media untuk menyerlahkan kualiti yang tinggi dalam liputan dengan mendapatkan sumber berita yang sesuai. Kajian tentang keberkesanan media massa dalam isu kesihatan turut dibincangkan oleh Schliemann et al. (2020) dan kesimpulan yang dibuat mengiyakan bahawa liputan media tentang isu kesihatan akan mempengaruhi pengetahuan masyarakat umum, sekaligus menunjukkan kepentingan kewartawanan kesihatan.

Kajian yang melihat kepada amalan pemberitaan rata-rata bersetuju bahawa kualiti berita kesihatan dan kewartawanan kesihatan mempengaruhi pengetahuan umum tentang isu kesihatan (Romano & Moran, 2017). Analisis tekstual yang dilakukan menunjukkan bahawa media gagal untuk melaporkan isu secara jelas dan berkesan. Dapatan mereka menyenaraikan tiga isu yang mengehadkan keberkesanan media dalam melaporkan isu kesihatan. Pertama, media dilihat sebagai cenderung untuk menerima maklumat yang disampaikan; kedua, berita dilaporkan tanpa konteks

1 <https://www.mjauk.org/category/history-of-the-medical-journalists-association/>

yang dapat mengaitkan isu dengan masyarakat; dan ketiga, mengutamakan aspek yang kurang penting atau sensasi melalui penstrukturan teks. Romano dan Moran menegaskan bahawa konteks dan maklumat adalah dua perkara penting yang kewartawanan kesihatan perlukan dalam liputan berita kesihatan.

Terdapat beberapa perkara yang menarik daripada analisis linguistik berita kesihatan yang dilakukan oleh Declercq (2018). Dapatan tesis beliau disusun bawah enam perkara, dan lima daripadanya merupakan dapatan yang menarik dan sesuai dengan perbincangan dalam kertas kerja ini. Pertama, tentang identiti wartawan kesihatan sebagai pakar. Sebagai komuniti pengamal, wartawan kesihatan dilihat sebagai wartawan khusus (*specialized journalist*) dalam erti kata mereka dilihat sebagai wartawan dahulu sebelum pakar tentang kesihatan. Dalam erti kata ini, mereka menulis tentang kesihatan daripada perspektif pakar lain, bukannya diri sendiri. Dalam konteks ini, nilai kewartawanan dilihat sebagai lebih penting daripada identiti pakar kesihatan. Dapat kedua Declercq (2018) merupakan perbincangan tentang kepentingan naratif dalam wacana kesihatan, khususnya wacana korporat syarikat perubatan. Dapatan ketiga melihat kepada berita kesihatan sebagai infotainment dan cabaran oleh petugas media dalam menghasilkan berita yang memenuhi amalan profesionalisme kewartawanan dan sains. Dalam konteks ini, Declercq timbulkan isu antara sempadan antara berita keras – berita lembut dan keperluan untuk memberikan perhatian kepada berita lembut isu kesihatan. Dapatan keempat aspek penghasilan semula maklumat kesihatan melalui media sosial individu yang dikenali sebagai pengguna-pakar (*expert-consumer*). Pengkaji mendapati bahawa aspek maklumat kesihatan merupakan aspek yang lebih diberikan tumpuan. Dapatan kelima yang melihat tentang kewartawanan kesihatan dalam majalah wanita mendapati bahawa wartawan membentuk kesihatan sebagai suatu perkara yang subjektif dan dinamik (mungkin juga abstrak) yang ditentukan oleh individu dan bukannya oleh pakar kesihatan. Declercq mendapati bahawa pemahaman ini dikukuhkan oleh pandangan bahawa kepakaran dan kelulusan bukanlah halangan untuk menguruskan kesihatan pada peringkat individu.

Kesemua perbincangan ini hanya secebis daripada sorotan karya yang membincangkan tentang kewartawanan kesihatan, berita kesihatan, dan peranan media dalam kesihatan sebagai peristiwa berita. Aspek yang paling penting untuk difokuskan ialah kewartawanan kesihatan sebagai terletak di tengah-tengah titik pertembungan antara amalan penghasilan berita dan kesihatan sebagai topik yang menjadi focus berita. Oleh itu, untuk memahami berita kesihatan, perhatian harus diberikan kepada teks berita sebagai hasil daripada proses oleh pekerja media. Dan diharapkan daripada itu, pengetahuan tentang pengaruh persekitaran sosiobudaya akan turut terserlah bersama-sama.

TEKS BERITA SEBAGAI HASIL DARIPADA AMALAN PEMBERITAAN

Perbincangan seterusnya akan melihat kepada teks dalam berita yang dihasilkan oleh laman web organisasi berita yang telah dipilih. Perkara pertama yang ketara dalam ketiga-tiga akhbar ini ialah dari segi amalan organisasi yang mengumpulkan berita dalam tema yang tertentu. Seperti yang telah disebut pada awal perbincangan. NYT mengumpulkan berita tentang Covid-19 dalam ruangan *Health*, iaitu ruangan umum tetapi tetap, dalam erti kata ruangan ini memang sudah diwujudkan untuk membuat liputan tentang peristiwa berita sebegini. Dalam konteks ini, amalan syarikat adalah melalui penyediaan wartawan pakar yang dapat mengupas peristiwa berita tersebut daripada sudut yang lebih khusus kerana tumpuan tugas yang diletakkan kepada wartawan yang terlibat. Bagi akhbar BH dan TS, kedua-dua akhbar mempunyai ruangan khas yang mempunyai jangka hayat yang berkait dengan peristiwa berita ini. Dalam erti kata lain, kedua-dua akhbar ini lebih cenderung menguruskan peristiwa Covid-19 sebagai, *continuing news* berkemungkinan juga sebagai *developing news* dan *spot news* (Tuchman, 1973).

Tuchman (1973) menjelaskan bahawa pekerja media mengelaskan peristiwa kepada lima jenis untuk memudahkan mereka melakukan tugas untuk mengawal mengawal yang tidak dapat dijangka. Berita keras versus berita lembut ialah klasifikasi pertama. Klasifikasi ini membezakan peristiwa yang berbentuk fakta dengan berita yang dilaporkan sebagai analisis. Menurut Mott (seperti yang dipetik dalam Tuchman, 1973, h. 114),

a hard news story is “interesting to human beings” and a soft news story is “interesting because it deals with the life of human beings” [o]r, they state that hard news concerns information people should have to be informed citizens and soft news concerns human foibles and the “texture of our human life”. Finally, they may simply summarize, hard news concerns important matters and soft news, interesting matters.

Pekerja media turut mengklasifikasikan berita sebagai *spot news* dan *developing news* (Tuchman, 1973, h. 115). Kedua-dua berita ini merupakan cabang atau subklasifikasi daripada berita keras dengan contoh yang merujuk kepada berita tentang konflik dengan alam semula jadi, teknologi atau undang-undang. Tuchman melaporkan hanya apabila diminta untuk membezakan kedua-dua berita ini, elemen yang ditimbulkan oleh pemberita ialah jumlah maklumat yang


diketahui tentang sesuatu peristiwa berita dalam satu-satu masa. Tuchman menerangkan bahawa,

[w]hen they learned of an unexpected event, it was classed “spot news.” If it took a while to learn the “facts” associated with a “breaking story,” it was “developing news.” It remained “developing news” so long as “facts” were still emerging and being gathered.


Sementara *continuing news* difahami sebagai satu siri berita tentang perkara yang sama yang berlaku dalam satu tempoh masa yang tertentu. Tuchman (1973) memberitahu bahawa pekerja media yang ditemu ramah memberikan contoh pembicaraan mahkamah, politik, ekonomi, diplomasi dan perang sebagai contoh *continuing news*. Tuchman berpandangan bahawa kesemua contoh yang disebut oleh responden beliau merupakan konfrontasi intra- atau interorganisasi.

Fakta dan Kaedah Pemberitaan BH dan TS


Klasifikasi berita yang dibuat oleh Tuchman (1973) dilihat sebagai sangat beroperasi dalam kaedah pemberitaan BH dan TS. Dalam konteks ini, ruang akhbar merupakan fokus kepada Covid-19 dan bukannya diletakkan dalam ruangan umum. Rajah 4.1 dan 4.2 menunjukkan bahawa berita tentang Covid-19 dikumpulkan dan dihidangkan kepada pembaca sebagai ruangan yang tersendiri. Ini menunjukkan sifat sementara ruangan ini dan bukan merupakan kaedah organisasi berita seperti BH dan TS untuk mempunyai satu ruangan yang kekal untuk melaporkan berita berbentuk kesihatan.



Rajah 4.1: Ruangan Khusus tentang Vaksin Covid-19 dalam BH




Rajah 4.2: Ruangan Tentang Wabak Coronavirus dalam laman web BH




Rajah 5: Ruang Khusu tentang Covid-19 dalam TS

Kedua-dua akhbar di Malaysia dilihat lebih menumpukan kepada Covid-19 sebagai berita keras. Rajah 6 menunjukkan berita yang menggunakan bentuk laporan berita keras. 10 berita pertama dalam ruangan *Covid-19 Watch* merupakan berita keras. Perkara yang sama untuk BH dapat dilihat dalam Rajah 4.2, dalam senarai berita dalam ruangan *Wabak Coronavirus*. Dalam Rajah 6.1 dan 6.3, maklumat yang dilaporkan oleh TS dan BH ialah maklumat terkini jangkitan daripada sumber rasmi kerajaan.



Rajah 6.1: Kecenderungan Covid-19 untuk dilaporkan sebagai berita keras dalam TS



Rajah 6.2: Empat berita pertama dalam ruangan Covid-19 Watch



Rajah 6.3: Berita keras BH dengan maklumat yang sama dengan Rajah 6.1


Kaedah Pemberitaan oleh TYNT

Perkara pertama yang diketahui dalam kaedah pemberitaan oleh TYNT ialah kehadiran ruangan tetap Health, yang menunjukkan bahawa pendekatan akhbar ini berbeza daripada yang diambil oleh TS dan BH. Terdapat wartawan yang dipertanggungjawabkan khusus untuk ruangan ini yang mempunyai pengalaman dan kaedah kerja yang sudah lama, contohnya Donald McNeil Jr. yang pernah memenangi Pulitzer Prize dan ditemu ramah oleh jurnal perubatan (rujuk Dunavan, 2019; Delkic, 2020; Kiely, 2020). Akhbar tersebut mempunyai wartawan dan penulis undangan dengan kepakaran dan pengalaman.² Ini menunjukkan bahawa laporan oleh petugas TNYT berbentuk penjelasan dan

Selain McNeil Jr., terdapat wartawan lain seperti Pam Belluck (<https://www.nytimes.com/by/pam-belluck>), Sheri Fink (<https://www.nytimes.com/by/sheri-fink>) dan Matt Richtel (<https://www.nytimes.com/by/matt-richtel>).

perbincangan dan bukannya berbentuk maklumat semata-mata. Dalam konteks ini, laporan yang dihasilkan boleh difahami sebagai berita lembut.

Ruangan Health mempunyai beberapa subruangan lain dan di sini dapat dilihat ruangan yang khusus untuk teks berita tentang Covid-19. Rajah 7 menunjukkan enam subruangan tersebut, dengan subruangan Coronavirus Outbreak di sebelah paling kanan. Hal ini boleh difahami sebagai menunjukkan sifat baharu dan sebagai Covid-19 sebagai subruangan tambahan yang bersifat khusus berbanding subruangan lain yang lebih lama dan lebih umum sifatnya. Adakah ini bermaksud berita yang disiarkan oleh TNYT lebih dekat dengan definisi berita kesihatan berbanding berita dalam BH dan TS? Jawapan yang dapat diberikan adalah positif kerana amalan pemberitaan TNYT yang lebih khusus memberikan maklumat yang dihasilkan oleh akhbar berbanding dengan TS dan BH yang melaporkan maklumat yang didapati daripada sumber rasmi dan kurang elemen analisis dan penerangan.



Rajah 7: Enam Subruangan dan Subruangan Covid-19 dalam Ruangan Health TNYT


Tekstualiti dan Wacana Berita dalam Laporan Covid-19 dalam BH, TS dan TYNT

Akhbar Malaysia lebih cenderung melaporkan Covid-19 sebagai berita keras, manakala TNYT lebih didapati mempunyai elemen penyiasatan dan analisis dalam laporan berita mereka. Terdapat beberapa elemen yang menandai berita keras dan berita lembut, antaranya struktur teks dan penggunaan sumber. Dari aspek penggunaan sumber, dapat dilihat dalam Rajah 6.3 kaedah penggunaan infografik harian menunjukkan bahawa maklumat tersebut ialah maklumat daripada sumber rasmi kerajaan. Berita keras seperti yang ditemui dalam BH dan TS cenderung menggunakan struktur piramid terbalik dengan maklumat penting diletakkan dalam perenggan pertama teks seperti yang dapat dilihat dalam Teks 1 berikut.

Teks 1: Health DG: Eight new Covid-19 clusters identified, five linked to workplaces (TS)

PETALING JAYA: A total of eight new clusters have been identified on Sunday (April 11), with five stemming from workplaces and three being community clusters, says the Health Ministry. Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said out of the five workplace clusters, one was in Kelantan while two were in Selangor and another two in Sarawak. The three community clusters are in Sarawak and Sabah. The Jalan Zainab cluster in Kelantan, comprising of the Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas and Tumpat originating from a company in Jalan Sultanah Zainab, has 51 positive cases. The Jalan Kasawari cluster in Selangor is in the Kuala Langat district involving 49 positive cases detected via targeted screening, said Dr Noor Hisham. The Jalan Desaria cluster is in Sepang, Gombak and Hulu Langat in Selangor involved a public institution in Kampung Pulau Meranti, Puchong, with 13 positive cases so far. Meanwhile, an educational institution is the hotspot for the Jalan Bambang workplace cluster in Sarawak, with the cluster involving the Mukah and Dalat districts with 30 positive cases. There are also 17 positive cases in the Jalan Badarudin cluster involving Kuching and Samarahan in Sarawak, originating from a public administration centre, said Dr Noor Hisham. For community clusters in Sarawak, the Nanga Kelangas cluster in Julau had 37 cases while the Abak Bon cluster in Miri and Subis had a total of 34 cases. The final community cluster reported on Sunday (Apr 11) involved the Putatan and Penampang districts in Sabah with eight confirmed cases. Overall, there are now 343 active clusters in the country, out of 1,459 clusters recorded since the Covid-19 pandemic hit last year. The Tapak Bina Cybersouth cluster, which was recorded on Mar 19, recorded 180 cases, the highest increase of cases in a single cluster on Sunday (Apr 11).

11 perenggan pendek dalam laporan berita oleh TS seperti yang ditunjukkan dalam Teks 1 jelas memaparkan sifat piramid terbalik dengan maklumat yang khusus ditemui dalam perenggan yang datang selepas perenggan pertama. Maklumat yang diberikan juga adalah padat dan tepat. Daripada sumber yang dipetik, dapat dibuat kesimpulan bahawa maklumat tersebut didapati daripada sidang akhbar dan *press kit* yang semestinya telah dikongsi oleh kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia. TS dilihat membezakan liputan berita lembut mereka dalam ruangan *The New Normal*, tetapi ruangan ini tidak hanya menumpukan kepada berita Covid-19 sebagai berita kesihatan, tetapi turut melaporkan peristiwa itu dalam kerangka berita ekonomi dan pendidikan. Dalam Rajah 8, berita bertajuk *Youth Suicide* boleh dikategorikan sebagai berita lembut dengan teks yang dihasilkan mempunyai pandangan dan analisis oleh pemberita.



Rajah 8: Ruangan The New Normal dalam TS

MALAYSIA has seen a rise in suicide attempts and deaths over the course of the first movement control order last year.

According to police statistics, the resulting MCO due to the Covid-19 pandemic saw 266 cases between March 18 and Oct 30. And, among those rescued was a 15-year-old girl in Kelantan. Worryingly, suicide is the leading cause of death among young people in the country, a recent report revealed.

The report, conducted over three months, reported that one in four of the 266 suicide cases was committed by teenagers aged between 15 and 18.

Debt issues, family and marriage problems, relationship breakdowns and work pressures were the reasons cited in the “Youth Suicide in Malaysia” report.

The report, which highlighted the status of youth suicide in Malaysia and provided policy recommendations for its prevention, was published on Feb 19 by Relate Mental Health Malaysia (Relate) in collaboration with the Institute for Democracy and Economic Affairs (Ideas).


Relate founder Dr Chua Sook Ning and Ideas senior executive Vaisnavi Rao said the risk factors of suicide include age (youth), gender (men), psychological factors (depression, anxiety, stress and interpersonal difficulties), and social factors (ethnicity and unemployment).

“There is a lack of public awareness of suicide, its risk factors and evidence-based suicide campaigns. Unethical media reporting of suicide is an obstacle in correcting misconceptions and debunking myths.

“While the effectiveness of existing platforms for prevention of youth suicide remains unclear, the criminalisation of attempted suicide has further hindered the development of a comprehensive suicide prevention strategy through social and public health interventions,” they said, noting that attempted suicide remains a criminal act in Malaysia under Section 309 of the Penal Code despite evidence showing that criminalisation reduces help-seeking, and hinders the collection of accurate data, and the development and implementation of effective suicide prevention strategies.

Teks 2 memberikan tujuh daripada 13 perenggan awal dalam berita tersebut. Teks ini dilihat masih mengekalkan kaedah perenggan pendek dan perenggan petikan yang Panjang. Dan analisis yang dilakukan oleh wartawan dilihat sangat terhad, contohnya seperti yang diwakili oleh frasa yang ditemui dalam perenggan kedua, ayat kedua. Oleh itu, kesimpulan dapat dibuat bahawa analisis yang dilakukan adalah terhad kepada maklumat yang dijadikan sumber kepada berita tersebut.

TNYT dilihat mempunyai laporan yang lebih bersifat analisis dan mempunyai ciri-ciri yang lebih tepat untuk dikategorikan sebagai berita lembut. Dalam Rajah 9, berita yang dikategorikan sebagai teks berbentuk *feature* ini merupakan rencana yang ditulis daripada perspektif orang pertama. Aspek *personalisation* atau memberikan perspektif peribadi semasa melaporkan peristiwa berita merupakan antara kaedah yang sering digunakan oleh media (Mañoso-Pacheco, 2020) untuk mengkonkritkan suatu peristiwa berita yang selalunya abstrak.



Rajah 9: Berita yang Mempunyai Aspek Peribadi (*Personalisation*) dalam TNYT

Satu teks berita yang disiarkan dalam TNYT yang dilihat sebagai mempunyai persamaan dari segi tema yang agak ketara dengan Teks 2 yang disiarkan oleh TS. Teks 3 ini disiarkan oleh TNYT dengan 46 perenggan yang memaparkan impak pandemik kepada remaja yang merasakan diri terasing daripada rakan sebaya.

Parents, Stop Talking About the ‘Lost Year’

Teenagers and tweens will be fine, experts say — if adults model resilience.

They’re calling it a “lost year.”

On and offline, parents are trading stories — poignant and painful — about all of the ways that they fear their middle schoolers are losing ground.

“It’s really hard to put my finger on what happened exactly,” said Jorge Gallegos, whose son, Eyan, is in the seventh grade in Washington, D.C.

When Eyan was in fifth grade, he had a lot of friends, Mr. Gallegos said. He was home schooled for sixth grade, and he seemed to thrive.

But spending this year at home because of the pandemic has just been too much.

Eyan transferred to a new middle school for seventh grade, where nearly all of the other students had started in the sixth grade, prepandemic. He hasn’t met any of his classmates in person, and he hasn’t made a single friend.

Eyan has told his parents that he’s lonely. So lonely, in fact, that he has started posting on Discord and Reddit. Sometimes, when he’s bored, he even starts chatting with those strangers during class time.

His dad is sympathetic. “He wants to talk to people, and he doesn’t have anybody,” Mr. Gallegos said in a recent phone interview. But he’s also worried.

As a teenager, Mr. Gallegos went off the rails for a time. He was kicked out of high school, withdrew from community college twice and spent years fighting his way back, ultimately graduating from college and building a successful career with the federal government. There’s no way he’ll let the pandemic similarly spin his son’s life out of control.

“I’m going to make sure that we’re on top of this stuff,” he said. “I think as a parent, I have to do more.”

Virtually everyone has waded through hardships this past year — job losses, relationship struggles, chronic stress and, in the worst of all cases, the loss of loved ones to Covid-19. And parents with school-age children have battled the demands of combining their usual work and family responsibilities with at least some degree of home-schooling.

But mothers and fathers of middle schoolers — the parenting cohort long known to researchers as the most angst-ridden and unhappy — are connecting now in a specific sort of common misery: the pressing fear that their children, at a vital inflection point in their academic and social lives, have tripped over some key developmental milestones and may never quite find their footing again.


Experts say some of their worries are justified — but only up to a point. There’s no doubt that the pandemic has taken a major toll on many adolescents’ emotional well-being. According to a much-cited report from the Centers for Disease Control and Prevention, the proportion of emergency room visits that were mental health-related for 12 to 17 year olds increased by 31 percent from April to October 2020 compared with the same period in 2019. And there’s no question that witnessing their loneliness, difficulties with online learning and seemingly endless hours on social media has been enormously stressful for the adults who care about them the most.

Yet, as the nation begins to pivot from trauma to recovery, many mental-health experts and educators are trying to spread the message that parents, too, need a reset. If adults want to guide their children toward resilience, these experts say, then they need to get their own minds out of crisis mode. That challenge is likely to be especially tough for the parents of young adolescents, whose emotions run high and whose ability to put feelings into words tends to be limited. But it’s also one that parents of middle schoolers in particular really need to try to meet.


Aspek personalisasi jelas kelihatan dalam TNYT berbanding dengan TS. Berita tersebut mempunyai pelbagai perspektif termasuk ahli akademik, penyelidik dan penulis, pendidik selain daripada ibu bapa lain. Penggunaan dialog dan penggunaan sumber berbentuk khusus menjadikan penulisan ini sebagai satu naratif dengan watak dan cerita yang menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh wartawan. Berbanding dengan laporan TS yang merujuk kepada sumber rasmi, TNYT mengadun sumber tidak rasmi (dalam erti kata orang awam) yang dijadikan fokus untuk menghasilkan impak yang lebih mendalam dan mesra.

Aspek yang turut signifikan untuk diperbincangkan ialah aspek tekstual dalam penulisan berita yang khusus disiarkan secara dalam talian. Dalam Rajah 10.1 dan 10.2, TYNT mempunyai aspek interaktif dalam teks berita mereka. Dua pautan dalam Rajah 10.1 membawa pembaca ke laman web *CDC* dan *APA* tanpa penulis perlu melakukan petikan yang biasa. Sementara semua pautan yang dibingkaikan dalam Rajah 10.2 membawa pembaca kepada teks berita dengan tema yang sama yang telah disiarkan oleh *TNYT*. Sementara itu, *TS* hanya mempunyai pautan dengan artikel yang pernah disiarkan setelah teks berita berakhir dan tidak mempunyai pautan yang disulam dalam teks berita.


Penulis cenderung untuk melihat aspek ini sebagai intertekstualiti, dalam erti kata, teks berita mempunyai suara lain untuk menyokong dan menambah kepada perbincangan yang sedang dilakukan. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa *TNYT* dilihat sebagai mementingkan sumber dan sokongan dalam melaporkan peristiwa berita.



Rajah 10.1: Elemen Interaktif dalam Teks Berita *TNYT*



Rajah 10.2: Elemen Interaktif dalam Teks Berita *TNYT*



Rajah 11: Elemen Interaktif Teks Berita TS

TEKS BERITA SEBAGAI CERMINAN AMALAN ORGANISASI DAN PERSEKITARAN SOSIOBUDAYA

Daripada perbincangan ringkas ini, dapat dilihat terdapat perbezaan dalam teks berita yang dihasilkan oleh akhbar BH dan TS dari Malaysia dan TNYT dari Amerika Syarikat. Perbezaan ini dapat dikatakan berpunca daripada beberapa faktor, antaranya sumber dan kepakaran yang berbeza yang dimiliki oleh ketiga-tiga organisasi berita ini. Sebagai akhbar yang dikenali, sumber dan kepakaran dari segi teknologi dan kakitangan merupakan perkara yang perlu ditonjolkan. Tradisi laporan berbentuk penyiasatan (*investigative reporting*) merupakan aspek yang mendasari mitos kewartawanan di negara tersebut. Namun, terdapat juga aspek lain yang berkaitan dengan persekitaran sosiobudaya yang mempengaruhi penghasilan teks yang dibincangkan.

Faktor politik, ekonomi dan kemasyarakatan turut mempengaruhi akhbar dalam melakukan liputan peristiwa Covid-19. Pendekatan berbeza diambil oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan Amerika Syarikat dalam menangani pandemik ini. Malaysia meletakkan kepentingan sumber rasmi dengan sidang akhbar berkala yang dilakukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan menteri yang terlibat. Sistem politik Malaysia yang memberikan hak kepada kerajaan Persekutuan untuk mengenakan tindakan, polisi dan peraturan segera boleh difahami sebagai keadaan yang lebih cenderung untuk menghasilkan berita keras terutamanya pada peringkat awal pandemik. Dalam pada masa yang sama, sistem politik dan keadaan politik dalaman Amerika Syarikat dengan pentadbiran Donald Trump tidak mempunyai perancangan peringkat Persekutuan yang jelas dan keadaan ini mungkin menyumbang kepada keperluan untuk melakukan analisis dan perbincangan dari pihak media.

KESIMPULAN

Sebagai peristiwa berita, Covid-19 sesuai untuk dilaporkan sebagai berita kesihatan. Berita ini merupakan bentuk berita yang memerlukan akhbar menyediakan kepakaran untuk mengupas dan membincangkan isu secara saintifik dan objektif. Penelitian yang dilakukan dalam ketiga-tiga akhbar menunjukkan tahap yang berbeza dalam usaha untuk memaknakan Covid-19 sebagai berita kesihatan. Akhbar di Malaysia lebih menumpukan kepada sifat keras peristiwa berita tersebut kerana persekitaran amalan organisasi dan persekitaran sosiobudaya yang mempengaruhi pekerja medianya. TNYT kerana keupayaan organisasi berjaya mengupas isu Covid-19 dengan lebih mendalam dan berkesan. Aspek kreativiti dari segi penulisan dan penghasilan teks dilihat lebih memihak kepada akhbar TNYT.

Walau bagaimanapun, perbincangan boleh mempersoalkan sama ada objektif utama kewartawanan kesihatan dijejaskan oleh teks yang dihasilkan. Tidak dapat dinafikan, berita keras memberikan maklumat dan fakta rasmi yang mungkin boleh difahami organisasi media sebagai menjalankan tugas untuk melaporkan maklumat secara umum, terkini

dan tepat. Tumpuan kepada struktur naratif dan berita lembut yang mempunyai bentuk penilaian dan analisis boleh dianggap sebagai membawa aspek khusus dalam pemberitaan. Berkemungkinan besar, kedua-dua bentuk teks penulisan berita memberikan sumbangan yang berbeza kepada masyarakat. Berita keras yang lebih mementingkan suara agen rasmi dilihat sebagai mengetepikan suara masyarakat umum dan golongan biasa yang lebih terkesan dengan pandemik Covid-19. Penyerlahan suara golongan masyarakat dapat dilihat sebagai satu usaha untuk memasukkan kepelbagaian perspektif dalam laporan berita.

Perbincangan yang dilakukan diharap dapat menunjukkan bahawa penghasilan wacana media merupakan satu aktiviti yang rencam dan kompleks yang melibatkan pemahaman bukan sahaja tentang organisasi media, tetapi pemahaman tentang bentuk dan sifat teks. Kedua-dua aspek ini mempunyai maksud yang tertentu yang bukan sahaja sarat dengan amalan penghasilan tetapi turut mempengaruhi amalan penerimaan. Teks yang dihasilkan oleh akhbar bercetak mempunyai limitasi tertentu yang tidak terdapat pada teks berita dalam talian. Elemen interaktif teks dalam talian membuka ruang kepada akhbar dalam talian untuk menghasilkan bentuk dan sifat yang baru. Namun, peluang ini tidak semestinya diambil kesempatan yang sama oleh setiap organisasi akhbar. Kekangan sistemik dapat menghalang organisasi media daripada membuka ruang baru kepada penghasilan teks berita dalam talian.

RUJUKAN

- Emma Mohamad. (2011). Strategies to Improve Health Communications for Breastfeeding: Examining the Relationship between Media Producers and News Sources in Malaysia. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3). http://innovation.cc/scholarly-style/amma_mohamad_breastfeeding_malaysia16c3i13a.pdf.
- Declercq, J. (2018). (De)constructing the discourse of health news: A linguistic ethnographic enquiry. Tesis Doctor in Linguistics yang tidak diterbitkan, Ghent University. <https://biblio.ugent.be/publication/8564592/file/8564593>.
- Delkic, M. (2020, Mac 19). Our Infectious Diseases Reporter on the 'Urgent' Response to the Coronavirus (Times Insider). *The New York Times*. <https://www.nytimes.com/2020/03/19/reader-center/coronavirus-donald-mcneil.html>.
- Dunavan, C. P. (2019). Vaccine Confidential: A Conversation with Donald G. McNeil Jr. *American Journal of Tropical Medicine and Hygiene*, 101(2). <https://doi:10.4269/ajtmh.19-0427>
- Herman, E. S. & Chomsky, N. (1988/2008). *Manufacturing Consent. The Political Economy of the Mass Media*. London: Bodley Head.
- Kiely, K. (2020, Apr. 22). Global Journalist: Covering Two Deadly Viruses. *BBC World Service*. <https://www.kbia.org/post/global-journalist-covering-two-deadly-viruses#stream/0>.
- Lewis, J. (2006). News and the Empowerment of Citizens. *European Journal of Cultural Studies*, 9(3). <https://doi.org/10.1177%2F1367549406066075>
- Lewis, J., Brookes, R. Mosdell, N. & Threadgold, T. (2006). *Shoot First and Ask Questions Later: Media Coverage of the 2003 Iraq War*. New York: Peter Lang.
- Maksimainen, H. (2017). Improving the Quality of Health Journalism: When Reliability meets Engagement. *Reuters Institute Fellowship Paper*. University of Oxford Reuters Institute for the Study of Journalism. https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-09/Maksimainen,%20Improving%20the%20Quality%20of%20Health%20Journalism_0.pdf.
- Mañoso-Pacheco, L. (2020). News Values and the Information Source: The Discourse of Eliteness and Personalisation in the Digital Press. *Belo Horizonte*, (13)1. <https://doi:10.17851/1983-3652.13.1.1-19>
- Reese, S. D. & Lewis, S. C. (2009a). Framing the War on Terror: The Internalization of Policy in the US Press. *Journalism*, 10(6). <https://doi.org/10.1177%2F1464884909344480>
- Reese, S. D. & Lewis, S. C. (2009b). What is the War on Terror? Framing through the Eyes of Journalists. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 86(1). <https://doi.org/10.1177%2F107769900908600106>

- Romano, A. & Moran, T. (2017). News Media Reporting of Health Crises in Developing Nations: Lessons from Indonesia's Polio Outbreak. *Australian Journalism Review*, 39(2). <https://eprints.qut.edu.au/112466/>.
- Schliemann D., Htay, M.N.N., Dahlui M., et al. (2020). Impact of a Mass Media Campaign on Breast Cancer Symptoms Awareness and Screening Uptake in Malaysia: Findings from a Quasi-Experimental Study. *BMJ Open*, 10(8) <http://dx.doi.org/10.1136/bmjopen-2019-036503>
- Salter, L. (2011). Problem of News Culture and Truth: The BBC's Representation of the Invasion of Iraq. *Journal of War and Culture Studies*, 4(2). https://doi.org/10.1386/jwcs.4.2.161_1
- Tuchman, G. (1973). Making News by Doing Work: Routinizing the Unexpected. *American Journal of Sociology*, 79(1). <http://www.jstor.org/stable/2776714>.

PENGELASAN GERAK BUKAN RUANG BERDASARKAN TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Nurul Jamilah Rosly
nuruljamilah@iiium.edu.my

Arina Johari
arinajr@iiium.edu.my

Nora' azian Hj Nahar
noraz898@gmail.com

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Kampus Pagoh

ABSTRAK

Pengelasan gerak serta memahami makna gerak merupakan suatu usaha yang sukar. Lazimnya, gerak dikaitkan dengan perbuatan atau tindakan yang ditunjukkan melalui kata kerja. Walau bagaimanapun, gerak juga boleh berlaku dalam bentuk yang abstrak. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menunjukkan gerak dan makna gerak berdasarkan representasi struktur konseptual dan struktur sintaksisnya. Kajian ini menggunakan sepenuhnya Teori Struktur Konseptual (TSK). Teori Struktur Konseptual merupakan teori yang menjelaskan representasi gerak secara abstrak berdasarkan set kategori ontologi dalam konstituen. Data kajian menggunakan janaan konkordons dalam Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa makna gerak bukan ruang (GBR) terdiri daripada gerak bukan ruang bersifat masa, gerak bukan ruang bersifat pemilikan, gerak bukan ruang bersifat keadaan dan gerak bukan ruang bersifat kewujudan. Hasil dapatan menunjukkan, kehadiran kata kerja gerak bukan ruang iaitu diadakan, milik, simpan dan wujud direpresentasikan dalam rumus struktur konseptual iaitu Fungsi [KEADAAN] yang membawa rumus MENJADI [x, y]. Pemetaan struktur konseptual ini juga dihubungkan dalam peranan tematik yang melibatkan Tema, Matlamat, Aktor, Lokasi dan Objek Rujukan. Sehubungan itu, kajian ini telah menunjukkan operasi organisasi teori struktur konseptual secara bersistematik dan berpadu.

Kata kunci: gerak bukan ruang, struktur konseptual, leksikal dan tematik.

PENGENALAN

Kebanyakan ahli linguistik dan psikologi kognitif, membincangkan perbuatan gerak adalah satu rujukan yang istimewa di dalam pemikiran manusia. Menurut Johnstone (1999), pengalaman gerak dirasai sejak lahir apabila seseorang mempunyai kebolehan seperti bercakap, berjalan, melihat, berenang dan sebagainya. Hasil pengalaman ini, seseorang dapat mengenal pasti bagaimana pergerakan ini dapat dikaitkan dengan ruang, perspektif dan jarak serta bagaimana ia boleh berinteraksi dengan objek di sekeliling. Sebagai contoh, pengesanan ini dirasai apabila seseorang dapat mengenal pasti sesuatu objek berbeza dengan objek yang lain berdasarkan bentuk dan kepanjangan jika dilihat secara lebih dekat. Dari sudut sejarah, perbincangan mengenai gerak bermula oleh ahli falsafah Greek, yang mengaitkan gerak dengan sesuatu 'yang terbang di sekeliling'. Idea ini memberikan hujahan bahawa gerak pastinya dikaitkan dengan lokasi yang menjadi titik akhir sesuatu gerak. Namun, wujud persoalan dalam hipotesis ini, jika sesuatu yang terbang, pastinya memerlukan masa untuk berehat atau berhenti, jadi di manakah pergerakan itu berlaku? Ahli falsafah Arisotle (347 sebelum Masihi), melihat konsep gerak ini dapat dijelaskan menggunakan pendekatan fizik³.

3 Arisotle menggunakan pendekatan *energia* dan *entelechia* bagi menerangkan tentang lakuan dari sudut falsafah. *Energia* merujuk kepada perkataan Itali *ergano* yang bermaksud kerja dan *entelechia* merujuk kepada pada yang akhir.

Selain daripada pandangan ahli falsafah-falsafah terdahulu, terdapat empat kelompok lain yang turut memberikan pandangan mengenai gerak iaitu aliran kerangka *FrameSemantics* yang dipelopori oleh Fillmore (1968, 1969, 1980, 1985 & 2006)), aliran semantik kognitif yang dipelopori oleh Talmy (1973) dan aliran semantik Dowty (1991). Kebanyakan aliran ini menekankan konsep gerak yang dicetuskan oleh kata kerja itu sendiri. Fillmore (1968), menjelaskan peranan semantik dalam kata kerja penting dikaitkan dalam memerihalkan tentang gerak. Beliau memulakan pengkajian dengan memperkenalkan komponen seperti Sumber, Hala dan Matlamat dalam menghuraikan pergerakan. Setiap komponen ini penting dalam memahami makna khususnya dalam leksikal kata kerja. Beliau telah membentuk satu entiti merujuk kepada Tema di awal suatu pergerakan bermulanya sesuatu pergerakan di suatu tempat sebagai Sumber dan berakhirnya di suatu tempat dikenali sebagai Matlamat. Komponen Hala pula berperanan sebagai dua ruang di tengah.

Ray Jackendoff (2002), dalam aliran struktur konseptual menjelaskan gerak bukan sahaja boleh berlaku pada bentuk fizikal semata-mata malah boleh berlaku dalam sudut yang abstrak dengan melihat bagaimana pergerakan itu bermula, laluan pergerakan tersebut dan tempat berakhirnya sesuatu pergerakan. Menurut Jackendoff (1997), institusi gerak boleh merangkumi lakuan yang meliputi dalam, luar dan zon kawasan yang berhubungan serta cara dan keadaan sesuatu gerak itu berlaku. Pemahaman ini dianalogikan berdasarkan rumus asas GERAK (x,y,z) bagi menghuraikan titik dalam gerak yang merujuk kepada:

GERAK KEPADA (x, y) : Rujukan x adalah “kepada” y, mempunyai selang masa t – DI (x,y) dan : DI (x, y) masa t . Jackendoff (1983), mendapati rumus di atas, masih belum melengkapinya dalam kandungan struktur konseptual yang turut menekankan peranan frasa preposisi bagi mengekspresikan Hala dalam gerak. Beliau mendapati peranan Hala (frasa preposisi) ini penting terutama dalam perbincangan dalam gerak ruang dan bukan ruang.

Oleh itu, berdasarkan organisasi semantik yang dianjurkan oleh Jackendoff (2002 & 2011), beliau menekankan makna gerak itu bukan sahaja merentasi kepada gerak fizikal semata-mata malah meliputi gerak bukan fizikal (abstrak) yang dikonseptualkan dengan adanya entiti gerak sebagai tema dan rujukan objek.⁴ Gambaran gerak ini dapat dijelaskan berdasarkan formulalisasi fungsi argumen yang mengandungi kategori abstrak seperti Peristiwa, Keadaan, Benda, Tempat dan Hala⁵. Menurut Jackendoff (2002), penekanan kepada struktur argumen memberi gambaran sebenar gerak berdasarkan peranan fungsi Peristiwa dan fungsi Keadaan serta melibatkan argumen-argumen semantik yang lain.

TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Perkembangan teori struktur konseptual (TSK) ini dibina pada tahun 1983 dan diperkemas sehingga tahun 2011 apabila wujud perbincangan tentang teori sintaksis dan semantik dalam kalangan ahli linguistik di Amerika. Oleh itu, pelbagai teori, aliran dan pandangan telah dibincangkan oleh para sarjana seperti Noam Chomsky (1956), Fillmore (1968), Talmy (1975), William A. Foley dan Van Valin (1984), Ray Jackendoff (1983), dan Dowty (1990). Perbincangan dan perdebatan isu khususnya dalam hubungan semantik dan sintaksis telah membentuk beberapa teori atau pendekatan baharu seperti yang dibincangkan oleh Fillmore (1968) dalam kerangka *Frame Semantics, Role and Reference Grammar* (RRG) dalam aliran struktur-fungsian yang diperkenalkan oleh Foley dan Valin (1984) dan diperkembang oleh Van Valin (1993) serta Ray Jackendoff (1983) dalam aliran struktur konseptual. Perbincangan dan persoalan yang ditimbulkan dalam aliran RRG dan aliran struktur konseptual didapati seakan-akan sama, khususnya dalam usaha memperlihatkan interaksi antara komponen sintaksis, semantik dan pragmatik dalam pelbagai bahasa yang berbeza. Teori ini juga menunjukkan pemetaan langsung atau perkaitan antara representasi semantik bagi ayat dengan representasi sintaksisnya melalui set rumus perkaitan yang dikenali sebagai algoritma perkaitan. Perkaitan ini memperlihatkan RRG ini merupakan teori monostrata, namun, berbeza dengan aliran yang dibawa oleh Ray Jackendoff (1983), yang mencetuskan idea tentang bagaimana memahami sesuatu makna yang dilihat sangat penting dalam struktur sintaksis dan semantik. Setiap makna yang dibina ini pastinya mempunyai hubungan antara struktur fonologi, sintaksis dan semantik yang dikodkan dalam minda manusia. Menurut beliau, minda manusia seperti sistem

4 Dibincangkan dalam *Thematic Relations Hypothesis (TRH)* bersama Gruber (1965) dan Ray Jackendoff (1983), yang menekankan masa, pemilikan, identiti, keadaan dan kewujudan sebahagian gerak bukan ruang.


5 Dibincangkan pada Bab 3 dan Bab 4.

pengkomputeran yang mengandungi struktur sintaksis sebagai representasi dalaman dalam memahami makna yang bersifat abstrak. Oleh itu, beliau telah mewujudkan satu hipotesis awal di sebalik pembinaan struktur konseptual ini dengan menyatakan:

setiap bahasa di dunia ini mempunyai representasi mental yang dikenali sebagai “struktur konseptual”, iaitu satu pemahaman yang telah dikodkan dalam minda manusia.

(Jackendoff, 1992)

Pemahaman mengenai makna ini ditekankan pada bentuk representasi mental dalaman yang sentiasa berhubungan dengan setiap peringkat representasi seperti struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Rajah 1 di bawah merupakan gambaran organisasi TSK di bawah Reka bentuk Sejajaran (RS) yang memperlihatkan hubungan ketiga-tiga komponen tersebut yang terdapat dalam fakulti bahasa manusia



Rajah 1 Organisasi Reka bentuk Sejajaran TSK (Ray Jackendoff, 2011)

Rajah 1, merupakan Organisasi Reka bentuk Sejajaran (2011) TSK yang menunjukkan struktur peraturan yang melibatkan tiga domain utama, iaitu struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Setiap domain ini mempunyai hubungan antara satu sama lain seperti hubungan struktur fonologi dengan struktur sintaksis, hubungan struktur sintaksis dengan struktur semantik serta hubungan struktur fonologi dengan struktur semantik. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya membincangkan domain hubungan struktur konseptual dengan hubungan representasi ruang yang dianggap lebih mempengaruhi dalam kajian ini. Berdasarkan TSK, telah dibahagikan organisasi semantik kepada gerak ruang yang meliputi gerak ruang bersifat arah, gerak bersifat tambah, gerak bersifat orientasi dan gerak bersifat kausatif. Semua makna pada gerak ini mempunyai kategori ontologinya tersendiri seperti [Keadaan], [Peristiwa], [Benda], [Hala] dan [Tempat].

ANALISIS DATA

Teori struktur konseptual membahagikan kepada GBR terdiri daripada bersifat masa, gerak bersifat pemilikan, bersifat identiti, bersifat keadaan dan bersifat kewujudan. Levinson dan Wilkin (2006), menyifatkan hubungan bukan ruang ini selalunya dikaitkan dengan faktor sosial dan budaya yang dilakukan oleh manusia. Claudia Maienborn, Klaus von Heusinger dan Paul Portner (2012), mendapati gerak bukan ruang melibatkan sesuatu Tema (entiti pada objek lokasi), objek rujukan (peringkat Dasar dan Permukaan) dan mengandaikan peranan lokasi di dalam ekspresi ciri gerak ruang (Jackendoff, 2002). Berikut merupakan pengkategorian GBR bahasa Melayu seperti dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1 : Representasi gerak bukan ruang berdasarkan TSK (2002)

GERAK BUKAN RUANG	JENIS GERAK	KATEGORI ONTOLOGI (KONSTITUEN)
Gerak bukan ruang	Masa	[BENDA], [PERISTIWA], [HALA] dan [MASA]
	Pemilikan	[BENDA], [HALA] dan [TEMPAT]
	Keadaan	[BENDA], [TEMPAT] dan [PERISTIWA]
	Kewujudan	[BENDA], [TEMPAT] dan [PERISTIWA]

Jadual 1.1 menunjukkan pengkelasan GBR memerlukan pengkategorian semantik yang tersendiri di mana kesemua jenis GBR ini hadir dalam Fungsi Peristiwa dan Keadaan. Jackendoff (2007), perbincangan mengenai fungsi Peristiwa dan Keadaan bukan sahaja terbatas pada perbincangan berbentuk gerak ruang malah melibatkan pada gerak bukan ruang. Zhang (2005), mendapati kesemua jenis bentuk ini perlu ditandai ciri semantik yang tersendiri berdasarkan representasi seperti SEBAB, MENJADI, GERAK, TINGGAL dan WUJUD. Seperti dalam GR, setiap konstituen ini berhubungan di antara satu sama lain seperti konstituen [MASA] akan berhubungan dengan [fungsi-Hala], [fungsi-Peristiwa] dan [fungsi-Benda].

Representasi leksikal gerak bukan ruang bersifat masa

Kriteria GBR bersifat masa ini disifatkan seperti: pergerakan relatif masa yang berhubung kepada pengalami sebagai objek rujukan. Berikut merupakan kriteria dalam mengekspresikan masa:

- [PERISTIWA] dan [KEADAAN] diwakili sebagai tema.
- [MASA] sebagai objek.
- Masa sebagai lokasi.

Jadual 1.2: Rumus struktur konseptual gerak bukan ruang bersifat masa

Gerak bukan ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
Masa	${}_{\text{Peristiwa}} \text{SEBAB} ([\text{Benda}], [\text{Peristiwa} ([\text{Peristiwa}], [\text{Hala}]])])$	${}_{\text{Keadaan}} \text{MENJADI}_{\text{masa}} ([\text{Peristiwa}], (\text{Tempat} ([\text{Masa}])))$


Jadual 1.2 menerangkan GBR bersifat masa hadir dalam Fungsi Peristiwa dan Fungsi Keadaan yang diwakili oleh konstituen SEBAB dan MENJADI_{masa}. Oleh itu dalam bahasa Melayu contoh ayat (1)) menunjukkan leksikal *diadakan* dan *bersama* boleh hadir sebagai GBR bersifat masa:

- (1) Perbincaran *diadakan* pada jam 12 tengah hari. (Nasional: 2004)

Berdasarkan ayat di atas, menunjukkan berlakunya dua keadaan pada masa iaitu peristiwa yang menjelaskan ketika atau waktu yang ditambah oleh [fungsi-Hala] dan keadaan yang merujuk tempoh masa tertentu. Ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi struktur konseptual pada leksikal *diadakan* dan *bersama* seperti di bawah:

- (2) Perbincaran *diadakan* pada jam 12 tengah hari. (Nasional: 2004)


(a) Representasi struktur konseptual:



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (2), menerangkan MENJADI_{masa} mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Tempat dan Masa. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Peristiwa-Perbicaraan], [Tempat-Pada_{masa}] dan [Masa- 12 tengah hari]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal *diadakan* menunjukkan terdapat elemen SEBAB dan GERAK yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:


(b) Representasi rajah pohon

Berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi leksikal *diadakan* yang menunjukkan terdapat elemen MENJADI_{masa} seperti rajah di bawah:



Representasi TSK bagi ayat di atas menunjukkan terdapat tiga argumen yang terlibat iaitu [PERISTIWA], [TEMPAT] dan [MASA]. Argumen [PERISTIWA] ditandai oleh Perbicaraan manakala argumen kedua iaitu [TEMPAT] yang ditandai oleh preposisi pada yang menjadi petunjuk kepada hubungan argumen ketiga iaitu [MASA] yang diwakili jam 12 tengah hari. Ayat ini dijelaskan dalam konstituen MENJADI_{masa} yang menunjukkan sesuatu keadaan yang berlaku pada masa tersebut. Dari sudut peranan tematik, ayat ini menerangkan adanya peranan Tema + objek rujukan dan Matlamat masa seperti di bawah:

(c) Peranan tematik



Argumen pertama merujuk kepada *Perbicaraan* sebagai objek rujukan manakala argumen kedua diwakili sebagai Matlamat masa iaitu *12 tengah hari* sebagai sasaran masa ditetapkan bagi perbicaraan tersebut.

Representasi leksikal gerak bukan ruang bersifat pemilikan

Alexandra (2013), menjelaskan pemilikan ini dapat dikaitkan dengan melihat bagaimana proses pemilikan itu berlaku berdasarkan penanda semantik seperti subjek dan objek, penerima, lokatif dan sebagainya. Kehadiran penanda ini dapat dilihat berdasarkan hubungan pemilikan berdasarkan FN dan klausa dalam ayat. Menurut Ake Virbeg (2010) pula, membahagikan pemilikan ini kepada dua bentuk iaitu pemilikan bersifat konkrit dan pemilikan bersifat abstrak. Pemilikan bersifat konkrit ini merujuk kepada pemilik atau kepunyaan manakala pemilikan bersifat abstrak merujuk kepada subjek atau entiti berlakunya sesuatu pemilikan. Thomas Stolz et al. (2010), menjelaskan pemilikan berlaku apabila berlaku perpindahan daripada satu pemilik kepada pemilik yang lain. Beliau memberikan contoh pada kata kerja *give* yang mempunyai dua argumen yang terlibat iaitu pemilik yang melakukan pindahan sesuatu dari sumber dan penerima hasil pindahan tersebut.

Jackendoff (2011), membincangkan pemilikan mempunyai unsur gerak dari sudut konseptual (abstrak). Gerak dalam pemilikan ini diformulalisasi dalam fungsi struktur argumen iaitu F(X) yang merujuk kepada satu fungsi tempat adanya gerak bersifat pemilikan dan F(X,Y) kepada dua fungsi tempat berlakunya transisi perpindahan dari seseorang individu kepada individu yang lain (Jackendoff 2011, h. 198). Setiap fungsi ini akan berhubungan dengan konstituen seperti [KEADAAN], [PERISTIWA], [BENDA], [HALA] dan [TEMPAT]. Dalam perbincangan pergerakan bukan ruang pemilikan boleh dirujuk berdasarkan kriteria:

- a. [BENDA] sebagai objek.
- b. [BENDA] sebagai rujukan objek.
- c. Merujuk kepada perbuatan ‘mempunyai’ sebagai lokasi. Contoh: y ada/mempunyai x iaitu kepada gerakan pemilikan x adalah y.

Jadual 1.3: Rumus struktur konseptual gerak bukan ruang bersifat pemilikan

Gerak bukan ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
Pemilikan	$[_{Peristiwa} \text{GERAK}_{pemilikan} ([Benda], [Hala])]$	$[_{Keadaan} \text{MENJADI}_{pemilikan} ([Benda], [Tempat])]$


Jadual 1.3 menerangkan GBR bersifat pemilikan hadir dalam Fungsi Peristiwa dan Fungsi Keadaan yang diwakili oleh konstituen SEBAB dan MENJADI_{masa}. Oleh itu dalam bahasa Melayu contoh ayat (46), (47) dan (48) menunjukkan *milik, beri, dan terima* hadir bersama sebagai GBR bersifat pemilikan:

(3) Terusan Suez itu *milik* kerajaan Mesir. (Nasional: 2003)

Berdasarkan ayat di atas, menunjukkan berlakunya dua keadaan iaitu peristiwa dan keadaan yang menjelaskan peralihan kepada hak milik dan keadaan yang merujuk kepunyaan. Ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi struktur konseptual pada leksikal *milik, beri* dan *terima* seperti di bawah:

(3) Terusan Suez itu *milik* kerajaan Mesir. (Nasional: 2003)


(a) Representasi struktur konseptual



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (46), menerangkan MENJADI_{pemilikan} mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat iaitu entiti Fungsi Keadaan, Benda dan Tempat. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Terusan Suez], dan [Tempat - kerajaan Mesir]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal *milik* menunjukkan terdapat elemen MENJADI_{pemilikan} yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:

(b) Representasi rajah pohon

Berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi MENJADI_{pemilikan} seperti di bawah:




Representasi TSK di atas menunjukkan, KK *milik* ini hadir dalam dua argumen yang terlibat. Argumen pertama merujuk kepada FN iaitu *Terusan Suez* yang bertindak sebagai [AKTOR] dan argumen kedua merujuk kepada [bukan- LAKUAN] yang sentiasa berhubungan bagi menentukan ayat tersebut ditentukan dalam Fungsi Keadaan. Fungsi Keadaan ini merujuk pernyataan persoalan Apakah yang sedang berlaku kepada *Terusan Suez*? Persoalan ini tidak dapat memberi jawapan kepada apa yang berlaku kepada *Terusan Suez*. Pernyataan yang tidak dapat memberi jawapan yang merujuk kepada peranan bukan-LAKUAN yang bertindak sebagai penanda MENJADI kepada kepunyaan sebagai contoh representasi di bawah:

- i. [keadaan AKTOR [bukan-Lakuan PEMILIKAN
- ii. (Benda TERUSAN SUEZ
- iii. [keadaan ([Benda Terusan Suez], [Tempat Kerajaan Mesir])])])

Berdasarkan representasi di atas, Penanda PENERIMA⁺ merujuk kepada *kerajaan Mesir* pula bertindak sebagai Penerima iaitu karektor daripada lakuan Aktor yang memberi faedah kepada *Kerajaan Mesir*. Ini dijelaskan dalam sudut peranan makro (Jackendoff 2007: 196), di mana konsep gerak dapat ditandai berdasarkan adanya Penerima, Tema dan Matlamat berdasarkan ayat di bawah:

(c) Peranan tematik



Pemetaan berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen satu iaitu *Terusan Suez* mewakili sebagai Tema, KK *milik* berdasarkan matlamat pemilikan tersebut manakala argumen kedua merujuk kepada Matlamat (PENERIMA) yang merujuk kepada *kerajaan Mesir* sebagai objek langsung.

Representasi leksikal gerak bukan ruang bersifat keadaan

Dalam perbincangan pergerakan GBR bersifat keadaan boleh dirujuk berdasarkan kriteria:

- a. [BENDA] sebagai tema. →
- b. [PERISTIWA] dan [KEADAAN] merujuk kepada objek yang dirujuk.
- c. X adalah karektor kepada y dan berperanan sebagai x ialah y.


Jadual 1.4: Pengelasan gerak bukan ruang bersifat keadaan bahasa Melayu

Gerak bukan ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
Keadaan	[_{Peristiwa} TINGGAL _{keadaan} ([Benda], [Tempat ([Peristiwa]))]	[_{Keadaan} MENJADI _{keadaan} ([Benda], [Tempat])]

Jadual 1.4 menerangkan GBR bersifat keadaan hadir dalam Fungsi Peristiwa dan Fungsi Keadaan yang diwakili oleh konstituen TINGGAL dan MENJADI_{masa}. Oleh itu dalam bahasa Melayu contoh ayat (49) menunjukkan gerak *simpan* hadir sebagai GBR bersifat keadaan:

(4) Saya *simpan* wang untuk membayar sewa teksi. (Nasional: 2004)


(a) Representasi struktur konseptual



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (49), menerangkan konstituen MENJADI mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat iaitu entiti Benda, Hala dan Peristiwa. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Saya, Wang], [Hala-untuk] dan [Peristiwa-membayar sewa teksi]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal *simpan* menunjukkan terdapat elemen MENJADI yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:


(b) Representasi rajah pohon

Berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi MENJADI seperti di bawah:




TSK di atas menunjukkan, terdapat tiga argumen yang terlibat iaitu [BENDA] argumen kedua adalah [HALA] dan [PERISTIWA] sebagai argumen ketiga. Argumen [BENDA] di wakili oleh *Saya* menjelaskan pernyataan yang dikelaskan dalam fungsi keadaan bagi menggambarkan perkara yang berlaku. Dari segi representasi semantik, gerak *simpan* berperanan sebagai berlakunya perubahan tempat yang digambarkan melalui penghalusan fungsi semantiknya:

(c) Penghalusan fungsi semantik



Kedudukan argumen KK *simpan* ini dihubungkan kepada peranan [HALA] iaitu *untuk* yang bersifat terikat bagi menggambarkan berlakunya gerak bersifat keadaan. Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi KK *simpan* ini dihubungkan dengan konstituen [BENDA] [HALA] dan [PERISTIWA]. Dari segi peranan tematik, ayat ini dihubungkan menerangkan peranan Tema dan Matlamat sebagai realisasi KK *simpan* sebagai KK gerak bersifat keadaan:

(a) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen pertama merujuk kepada *Saya* sebagai Tema dan KK *simpan* diwakili sebagai GERAK BUKAN RUANG + hala yang menunjukkan *untuk* berlakunya situasi keadaan bagi bersifat tujuan.

Representasi leksikal gerak bukan ruang bersifat kewujudan

Bagi kata kerja berbentuk kewujudan, merujuk kepada kewujudan boleh dirujuk berdasarkan kriteria:

- a. [BENDA] dan [KEADAN] sebagai tema.
- b. Terdapat satu rantau rujukan merujuk kepada simbol [WUJUD] iaitu kewujudan.

Jadual 1.5: Pengelasan gerak bukan ruang bersifat kewujudan bahasa Melayu

Gerak bukan ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
Kewujudan	[_{Peristiwa} WUJUD ([Benda], [Tempat ([Peristiwa]))]	[_{Keadaan} WUJUD ([Benda], [Tempat]))]


Jadual 1.5 menerangkan GBR bersifat kewujudan hadir dalam Fungsi Peristiwa dan Fungsi Keadaan yang diwakili oleh konstituen WUJUD. Oleh itu dalam bahasa Melayu contoh ayat (50) hingga (53) menunjukkan gerak *wujud*, *buat*, *cipta* dan *musnah* hadir bersama sebagai GBR bersifat kewujudan:

(5) Beruang koala hanya *wujud* 100,000 ekor di Australia. (Rencana:2004)

Berdasarkan ayat di atas, menunjukkan berlakunya dua keadaan pada masa iaitu peristiwa yang menjelaskan sesuatu kewujudan dilakukan oleh manusia dan keadaan merujuk sesuatu yang telah sedia ada atau telah dicipta. Ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi struktur konseptual pada leksikal pada ayat (56) hingga (59):

(5) Beruang koala hanya wujud 100,000 ekor di Australia. (Rencana:2004)


(a) Representasi struktur konseptual



¹Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (50), menerangkan konstituen WUJUD mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat iaitu entiti keadaan, Fungsi Peristiwa, dan Tempat. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Beruang Koala], [Peristiwa-100,000 hanya wujud] dan [Tempat-di Australia]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *wujud* menunjukkan terdapat elemen WUJUD yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:


(b) Representasi rajah pohon

Berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi WUJUD seperti di bawah:




Berdasarkan representasi TSK di atas menunjukkan tiga argumen yang terlibat iaitu [BENDA], [PERISTIWA-SITUASI] dan [TEMPAT]. KK *wujud* hadir dalam Fungsi Keadaan bagi penerang keadaan AKTOR iaitu *Beruang Koala*. Bagi argumen [PERISTIWA] diwakili oleh subjek bilangan iaitu *10,000* dan unsur keterangan *masih wujud* yang dihubungkan dengan argumen [TEMPAT] iaitu *di Australia*. Dari segi representasi semantik, gerak *wujud* berperanan sebagai wujudnya keadaan yang digambarkan melalui penghalusan fungsi semantiknya:

(c) Penghalusan fungsi semantik



Kedudukan argumen gerak *wujud* ini dihubungkan kepada peranan [TEMPAT] iaitu *di* yang bersifat terikat bagi menggambarkan lokasi. Dari segi peranan tematik, ayat ini dihubungkan bagi menerangkan peranan Tema dan Matlamat sebagai realisasi gerak *naik* sebagai GBR bersifat kewujudan:

(b) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen pertama merujuk kepada *Beruang Koala* sebagai Tema dan gerak *wujud* + *tempat* diwakili sebagai WUJUD +OBJEK RUJUKAN + (LOKASI) yang menunjukkan berlakunya keadaan dan *di Australia* diwakili sebagai lokasi.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan kajian ini telah menunjukkan satu bentuk pengelasan gerak bukan ruang yang melibatkan konstituen [Fungsi Peristiwa] dan [Fungsi Keadaan]. Kedua-dua konstituen ini dilihat berhubungan secara bersama dengan konstituen seperti [BENDA], [HALA], [TEMPAT] dan [PERISTIWA]. Selain itu, pemetaan GBR kepada peranan tematik seperti Tema, Agen, Aktor, Sumber, Matlamat, objek rujukan, lokasi, Penerima + dan Penerima - menunjukkan secara sistematik dan jelas khususnya pada pemetaan argumen gerak bukan ruang.

RUJUKAN

- Jackendoff, R. (1972). *Semantic Interpretation in generative grammar*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, R. (1977). *X-Bar syntax*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, R. (1983). *Semantics and cognition*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, R. (1987). *Consciousness and the computational mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, R. (1990). *Semantic structure*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). *Language of the mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). *Parts and boundaries. Lexical and conceptual semantics*, penyunting oleh Beth Levin dan Steven Pinker. Cambridge: Blackwell MA.
- Jackendoff, R. (1993). *Patterns in the mind: Language and human nature*. New York: Harvester.
- Jackendoff, R. (1994). *Pattern in the mind. Language and human nature*. New York: Basic Book.
- Jackendoff, R.(1996). Conceptual semantics and cognitive linguistics. *Journal of Cognitive Linguistics* (7): 93-129.
- Jackendoff, R. (1996). How language help us think. *Journal of Pragmatic and Cognitive* (4): 93-129.
- Jackendoff, R. (2002). *Foundations of language: brain, meaning, grammar, evolution*. London: MIT Press.
- Jackendoff, R. (2005). *The architecture of the language faculty*. London: MIT Press.
- Jackendoff, R. & Cullicover, P.W. (2005). *Simpler syntax*. New York: Oxford University Press.
- Jackendoff, R. (2007). *Language of the mind: Essays on mental representation*. London: MIT Press.
- Jackendoff, R. (2011). *Meaning and the lexicon: The parallel archicture 1975-2010*. London: MIT Press.
- James, H-Y Tai. (2004). Conceptual structure and conceptualization in Chinese. *International Symposium on Chinese Language and Language and Linguistic 9th*. 19-21.
- John, I. S. (2015). *Semantics 2nd edition*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Kamus dewan*. (2010). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus linguistik*.(1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL SATU JANJI

Balakrishnan A/L Arumugam
Starzone05@gmail.com

Mashetoh Abd Mutalib
mashetoh@uum.edu.my

Melor Fauzita Md. Yusof
melor@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia (UUM)

ABSTRAK

Nilai kesantunan berbahasa sangat penting dalam mencerminkan sesebuah masyarakat sama ada berbentuk pertuturan ataupun penulisan. Eufemisme berfungsi untuk menggantikan perkara yang dianggap kasar, tidak sopan, menghina atau yang boleh menyinggung perasaan. Dalam penulisan novel, unsur eufemisme merupakan antara strategi yang berguna untuk menghasilkan karya yang berkualiti. Penggunaan bahasa berlapik atau bahasa halus dapat menggantikan sesuatu yang dianggap tabu dalam penulisan novel. Dengan itu, masyarakat tidak tersinggung atau terasa diaibkan melalui sesuatu hasil penulisan. Namun begitu, penggunaan unsur eufemisme dalam penulisan karya novel masih kabur dan kurang meluas. Untuk itu, makalah ini akan menjelaskan penggunaan eufemisme jenis kiasan dalam novel Satu Janji hasil karya novelis terkenal Ramlee Awang Murshid. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan pendekatan Keith Allan dan Burridge (1991). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pertalian antara norma eufemisme dengan bahasa kiasan yang terdapat dalam novel tersebut ialah perasaan (14), seksual (6) dan kematian (3). Pertalian norma eufemisme dengan bahasa kiasan jelas mempengaruhi adab pertuturan. Diharapkan semoga makalah ini dapat memberi sumbangan idea-idea berkaitan dengan pertalian eufemisme dan bahasa kiasan dalam penulisan sesebuah karya novel. Pengkaji juga berharap supaya penyelidik-penyelidik dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan dalam meluaskan lagi penelitian unsur eufemisme.

Kata kunci: novel, eufemisme, kiasan, Keith dan Allen Buridge (1991).

PENGENALAN

Bahan bacaan umum seperti buku, majalah, surat khabar dan novel masih menjadi medium pemangkin bahasa yang tidak dapat dinafikan kesignifikannya. Penggunaan bahasa dalam penulisan umum tidak dapat diasingkan daripada penggunaan bahasa yang beradab. Penggunaan bahasa yang beradab boleh didapati dengan melihat kepada penulisan beretika, bermoral dengan mengambil kira sensitiviti di samping berinformasi dan juga produktif. Berdasar kepada sumbangan bahan bacaan tersebut, tidak kurang untuk dikatakan bahan bacaan seperti novel telah mempengaruhi tindakan pihak kerajaan untuk mewajibkan dalam sukatan pelajaran dari peringkat menengah rendah hinggalah menengah tinggi.

Walau bagaimanapun, ada kalanya terdapat bahan bacaan seperti novel terpesong atau alpa dalam mempamerkan kesantunan bahasa dalam penulisan tersebut. Misalnya “Novel Pantai Kasih” dan ‘The Return’ terpaksa melalui pengubahsuaian dan pengeditan semula kerana terdapat penggunaan bahasa yang kasar sehingga mengaibkan sesuatu komuniti secara tidak langsung. Situasi penggunaan bahasa yang kurang menyenangkan berkemungkinan berlaku disebabkan keinginan penulis untuk menyampaikan buah fikiran secara mentah tanpa mengambil kira perasaan pembaca. Topik perbincangan yang sensitif tanpa berselindung hanya menonjolkan kelalaian penulisan tentang mengenali budaya masyarakat tempatan.

Eufemisme merupakan konsep bahasa yang telah lama diamalkan dalam budaya masyarakat tempatan. Menurut Hamidah, Siti Marina dan Remmy Gedat (2020) menyatakan bahasa eufemisme telah sebatu dalam masyarakat Melayu dan dikenali sebagai bahasa kiasan. Bahasa kiasan seperti peribahasa, perumpamaan, simpulan bahasa memang menjadi sebahagian daripada cara masyarakat Melayu lama berkomunikasi (Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016)

Malah, Noor Hartini dan Siti Saniah (2011) telah menjelaskan tujuan penggunaan eufemisme atau bahasa kiasan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah untuk memperhalus suatu makna yang tidak manis didengar. Kajian Wan Sulong *et al.* (2017) berpendapat bahawa penggunaan eufemisme dalam berbahasa adalah untuk menghindari tabu dalam masyarakat. Menurut mereka lagi, tabu bermaksud melarang atau terlarang. Salah satu cara untuk menegah penggunaan bahasa tabu dalam masyarakat adalah dengan penggunaan bahasa eufemisme.

Lantaran itu, pengaruh bahasa kesat atau kata-kata nista dalam penulisan novel dapat dihindari dengan menggunakan unsur eufemisme. Malah, berkemungkinan besar terdapat hubungan yang rapat antara norma eufemisme dan bahasa kiasan yang bertujuan untuk menjauhi unsur tabu. Oleh itu, penyelidik akan mengaji pertalian norma eufemisme dari sudut bahasa kiasan. Keadaan ini kerana masih kurang kajian yang memberi tumpuan khas bagi pertalian antara norma eufemisme dengan bahasa kiasan yang sudah sekian lama sebatu dengan masyarakat tempatan amnya masyarakat Melayu.

Sehubungan itu, penyelidik telah mengumpul kajian tempatan yang berkaitan dengan unsur eufemisme. Penyelidik mendapati kajian eufemisme dikelompokkan kepada empat aspek utama, iaitu perspektif linguistik, psikologi, terjemahan dan pragmatik. Kajian perspektif linguistik seperti kajian Hamidah, Imran Ho, Azlan Mis dan Khazriyati (2016) telah membicarakan penggunaan bahasa dalam topik penceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak (MMS). Pengkaji ingin melihat kepada kecenderungan penggunaan bahasa berlapis dalam isu penceraian yang dianggap membawa kepada konotasi negatif. Kajian lapangan tersebut melibatkan temu bual seramai empat orang informan yang terdiri daripada lelaki dan wanita lingkungan 40 tahun ke atas. Pengkaji telah menggunakan pendekatan semantic kognitif Lakoff (1987) seperti Skema Imej, Metafora Konseptual, dan Metonimi dalam menganalisis data. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa Skema Imej berkaitan dengan topik tersebut adalah seperti bahagian, atas-bawah, bekas, laluan-matlamat, perhubungan dan laluan. Manakala, metafora konseptual penceraian menjurus kepada domain sasaran iaitu melibatkan pengetahuan penutur tentang hakikat penceraian akan memisahkan dua individu yang sebelum ini merupakan suami isteri. Seterusnya, metonimi suami isteri berpisah melambangkan perceraian menjelaskan bahawa pengetahuan dan pengalaman penutur yang melihat bahawa terdapat pertalian antara 'berpisah' dengan keadaan suami isteri yang tidak lagi hidup bersama akibat perceraian. Kajian mereka telah menjelaskan bahawa penggunaan eufemisme penting dalam suatu perbicaraan agar tidak menjejaskan emosi pendengar.

Kajian Harishon Radzi dan Phylisia (2012) menjelaskan perkaitan unsur eufemisme dengan perumpamaan. Mereka telah menjadikan teks Hikayat Iban sebagai data kajian mereka. Perumpamaan dapat dikaitkan dengan unsur konotasi negatif eufemisme kerana suatu yang dianggap patang-larang dibicarakan dengan berkata secara samar agar tidak mengaibkan khalayak pendengar. Misalnya, perkataan (lenyap) diklasifikasikan sebagai akan hilang dari pandangan orang-orang yang masih hidup.

Kajian dari prespektif terjemahan dilakukan oleh pengkaji seperti Zuraidah Jantan (2009). Kajian Zuraidah Jantan (2009) telah membandingkan penterjemahan antara novel 'Mereka Yang Tertewas' dengan novel 'Black Widow'. Pengkaji ingin meneliti perbezaan hasil terjemahan antara penulis lama dengan yang baharu dengan menggunakan pendekatan Gumperz (1984). Pengkaji telah mendapati anggota masyarakat bukan sahaja mementingkan kesopanan dalam perlakuan bahkan dalam penggunaan bahasa. Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa penulisan kedua-dua buah novel tersebut telah berjaya memperlihatkan budaya masyarakat Melayu.

Kajian Suzieyiana dan Zaid (2020) tergolong dalam kajian pragmatik. Pengkaji telah memberi tumpuan dalam strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayah. Kajian ini telah menggunakan pendekatan Keith Allan dan Buriddge (1991) dan Teori Relevans (TR) Sperber dan Wilson (1986). Pengkaji telah menemukan lima jenis penggantian difemisme seperti melibatkan anggota tubuh badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, hal cacian dan berkaitan dengan kematian. Kajian ini menjelaskan bahawa penggantian mampu meringankan suatu pernyataan yang bersifat tabu. Malah kajian ini dapat menerangkan pertalian antara eufemisme unsur penggantian dengan pendekatan Keith Allan dan Burridge (1991).

Kerangka psikologi terdiri daripada Kajian Suhayla dan Fakhir Omar (2018) adalah berkaitan dengan analisis kandungan fungsi eufemisme dalam surat khabar. Kajian tersebut membincangkan fungsi eufemisme seperti perlindungan, kurang menyenangkan, menghasut dan ludik (samar). Misalnya eufemisme berkaitan perlindungan terdiri daripada perkara yang berkaitan dengan tubuh badan, seks, pecah amanah, kemabukan dan kegilaan. Manakala, eufemisme yang berkaitan dengan perkara kurang menyenangkan adalah seperti dadah 'steroids' digantikan dengan 'gym sticks'. Selain itu, eufemisme menghasut adalah seperti perkataan pengecut yang digantikan dengan kurang keberanian. Eufemisme ludik menjelaskan tentang unsur bunyi yang berkaitan perkara yang sensitif seperti ketawa dan meminta air sebagai alternatif untuk mengurangkan ketegangan. Tindakan tersebut jelas mempengaruhi psikologi penutur atau pendengar dalam mengatasi perselisihan. Kajian beliau telah menggunakan pendekatan Burridge (2012) dalam mengenal pasti fungsi eufemisme. Kajian tersebut telah mengkaji eufemisme dalam bahasa Kurdish dalam enam perkara seperti dalam bidang politik, agama, kematian, ekonomi dan sukan. Kajian tersebut juga menggunakan pendekatan kuantitatif dalam membandingkan dapatan kajian. Pengkaji mendapati penggunaan eufemisme paling tinggi dalam bidang politik, perubatan dan seks dan kematian.

Berdasarkan pengamatan kajian eufemisme perspektif linguistik, terjemahan, psikologi dan pragmatik penyelidik mendapati kajian aspek linguistik masih memiliki ruang untuk mendalami kajian eufemisme. Penyelidik mendapati terdapat jurang kajian yang masih dapat mengembangkan lagi kajian unsur eufemisme aspek linguistik seperti pertalian norma eufemisme dengan bahasa kiasan. Penyelidik mendapati kajian lepas perspektif linguistik menjelaskan pertalian unsur eufemisme dengan konotasi, metafora dan metonimi. Namun kurang kajian yang berkaitan pertalian antara norma eufemisme dengan bahasa kiasan. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik akan meneliti perkaitan norma eufemisme dengan bahasa kiasan.


METODOLOGI

Penyelidik akan menggunakan pendekatan analisis teks yang telah dicadangkan oleh Frey, Botan dan Kreps (2000). Menurut mereka beberapa langkah harus dilakukan dalam proses menganalisis teks. Pertama, data kajian yang penting yang diperolehi daripada pengamatan itu dicatat terus dalam bentuk jadual. Jadual tersebut harus mengandungi maklumat seperti jumlah bab, bilangan halaman, bilangan ayat dan pendekatan yang digunakan oleh pengarang dalam menyalurkan maklumat penting yang berkaitan dengan eufemisme. Seterusnya penyelidik akan meneliti pada kekerapan penggunaan eufemisme ini, data tersebut dicatatkan dalam bentuk jadual untuk memudahkan penerangan. Data yang diperolehi dilabelkan seperti (B1/H1/P1) iaitu B1 untuk kategori bab, P1 perenggan dan H1 untuk halaman. Penyelidik hanya akan melabel dan menjelaskan data yang berkaitan eufemisme demi memudahkan pembaca merujuk kepada novel sebenar. Kemudian, data yang diperolehi telah dianalisis mengikut pengelasan yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa di Malaysia. Data akan ditunjuk dalam jadual bagi memudahkan penerangan dan penjelasan.

Kajian ini merupakan kajian analisis teks. Novel Satu Janji yang mengandungi 74 bab dan 547 muka surat dijadikan sebagai data kajian. Novel tersebut merupakan antara hasil penulis tersohor penulis tempatan iaitu Ramlee Murshid. Beliau merupakan tokoh penulis yang menerima gelaran 'Novelis Thiller' terbaik tempatan. Secara kumulatif, hasil karya penulisan beliau adalah sebanyak 34 buah novel (Balakrishnan, Mashetoh & Melor Fauzita, 2020). Para pengkaji seperti Balakrishnan, et al. (2020) dan Nur Izwani (2015) telah menjadi novel 'Ranggau' dan 'Sutera Bidari' telah dijadikan sebagai data kajian.

Pendekatan Kajian

Penyelidik telah menganalisis pertalian norma eufemisme dengan bahasa kiasan dengan mengaplikasikan pendekatan Allan dan Buriddge (1991). Unsur norma eufemisme yang terdapat dalam pendekatan tersebut adalah adalah norma kematian, penyakit, seksual, perasaan, anggota badan dan penyakit.




Rajah 1: Konsep norma eufemisme berdasarkan pendekatan Keith Allan dan Burridge (1991)

Penyelidik telah meneliti pertalian norma eufemisme yang berkaitan dengan bahasa kiasan berpandukan pendekatan Keith Allan dan Burridge (1991). Penyelidik menjadikan kajian Melor Fauzita, Nor Hafidah dan Nor Hasimah Ismail (2018), Muhammad Zaid Daud et al. (2017 a); Muhammad Zaid Daud et al. (2018 b) dan Harishon Radzi dan Phylisia (2012) sebagai panduan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pendekatan Allan dan Buriddge (1991) yang berkaitan dengan eufemisme norma telah jelas memberi panduan untuk mencungkil bahasa kiasan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat 23 bahasa kiasan yang dapat dikaitkan dengan norma eufemisme. Pertalian eufemisme norma perasaan dengan bahasa kiasan adalah sebanyak 60.86 peratus. Manakala, pertalian norma seksual dengan bahasa kiasan adalah sebanyak 26.08 peratus. Pertalian norma kematian dengan bahasa kiasan adalah sebanyak 13.0 peratus. Eufemisme norma anggota badan, kepercayaan dan penyakit tidak digunakan dalam novel tersebut.



Rajah 2. Kekerapan norma eufemisme dengan bahasa kiasan

Pertalian antara norma eufemisme perasaan dengan bahasa kiasan

1. Adelia sekadar menggeleng. Perangai Kadir memang begitu. Berbuih mulut Adelia menegur pekerjaanya itu. Namun setiap nasihat sekadar **masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri** sahaja. Kadir tetap suka memecut. (B2/P5/H12)

Ayat di atas menunjukkan peribahasa “masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri” untuk mewakili norma perasaan. Peribahasa tersebut menerangkan sikap seseorang yang degil/keras kepala atau langsung tidak mahu mendengar pandangan dan pendapat orang lain. Walau bagaimanapun, penulis telah menyampaikan keadaan ini dengan cara berhemah. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis berupaya merujuk satu perbuatan negatif, tetapi disampaikan secara berlapik. Berdasarkan penggunaan peribahasa dalam ayat keempat ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan peribahasa mampu mengurangkan pertelingkahan antara penutur dan pendengar dalam suatu interaksi. Malah bahasa berlapik dapat mengurangkan risiko untuk mengaibkan pendengar. Selaras dengan pendapat Hamidah *et al.* (2016) tujuan penggunaan eufemisme tidak terhad kepada mengelak atau menutupi sesuatu yang tidak baik, tetapi juga untuk menunjukkan kehalusan budi.

Pertalian antara norma eufemisme seksual dengan bahasa kiasan

2. “You sudah kena jual!” terus terang Jimmy memberitahu. “Ah?” Laila terkejut. “Pernah **tidur** dengan Lawrence?” Laila mengangguk. (B6/P6/H47)

Konteks ayat “pernah tidur dengan Lawrence?” Laila mengangguk” tergolong dalam eufemisme norma seksual. Norma seksual merupakan adab yang telah menjadi panduan dalam membicarakan suatu yang memalukan kedua-dua pihak seperti penutur dan pendengar. Misalnya, perkataan tidur sebenarnya merujuk kepada perbuatan seksual. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), tidur membawa istilah sebagai perbuatan bersetubuh. Namun perkataan tidur telah menggantikan perkataan bersetubuh mahupun seksual. Jenis eufemisme yang dapat diseragamkan dengan tersebut ialah penggantian. Penulis telah bijak dalam menggantikan istilah yang kurang selesa untuk pembaca yang terdiri daripada pelbagai lapisan pembaca. Malah dalam konteks ayat tersebut eufemisme menjadi penebat dalam menyatakan suatu yang menjatuhkan maruah seseorang pendengar.

Pertalian antara norma eufemisme kematian dengan bahasa kiasan

3. Lepaskan isteri saya dulu.” Luqman masih berani menyatakan demikian walaupun menyedari nyawanya dan nyawa Adelia **ibarat telur di hujung tanduk**. (B54/P1/H389).

Konteks ayat seterusnya, iaitu ‘lepaskan isteri saya dulu.’ Luqman masih berani menyatakan demikian walaupun menyedari nyawanya dan nyawa Adelia ibarat telur di hujung tanduk, terlingkung dalam eufemisme norma kematian. Konteks frasa ibarat telur di hujung tanduk menjelaskan tentang kesilapan membawa kepada kematian. Perbicaraan kematian suatu yang tidak selesa dibicarakan terbuka atau diulang dengan kerap. Norma masyarakat timuran menegah untuk membincang kematian tanpa berlapis. Kiasan tersebut menjadi penebat dalam menyampaikan maklumat berkaitan kematian. Jenis eufemisme yang dapat dikaitkan dengan konteks ayat tersebut ialah kiasan. Kiasan yang digunakan ialah berbentuk peribahasa seperti ibarat telur di hujung tanduk. Menurut Kamus Dewan (2016) peribahasa tersebut membawa erti berada dalam keadaan atau situasi yang berbahaya dan sulit, kedudukan seseorang yang tidak tetap atau tidak terjamin, keadaan yang sangat genting, menunggu masa untuk musnah, dalam keadaan bahaya dan sulit atau susah serta perkara kecil yang akan menimbulkan bencana besar. Walau bagaimanapun, dalam konteks ayat tersebut peribahasa yang digunakan adalah untuk mengelakkan penggunaan perkataan kasar seperti kematian.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa novelis tersebut lebih dominan menggunakan norma eufemisme yang berkaitan dengan bahasa kiasan seperti perasaan, seksual dan kematian untuk tujuan mengindahkan bahasanya dalam novelnya berbanding unsur-unsur yang lain. Dapatan juga menjelaskan bahawa eufemisme bersifat dinamik kerana dapat dipelbagaikan mengikut keperluan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

RUJUKAN

- Allan, K., & Burrige, K. (1991). *Forbidden words: Taboo and the censoring of language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Balakrishnan, A., Mashetoh Abd Mutalib & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2018). Eufemisme dalam kerangka linguistik: satu tinjauan awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 50-58.
- Kajian Suhayla H. Majeed. (2018). “A Content Analysis of Euphemistic Functions In Evro Bahdini Daily Newspaper”. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*. 23(2), 87-99.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (2000). *Investigating communication: An introduction to research methods* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Melor Fauzita Md. Yusoff, Nor Hafidah Ibrahim, Nor Hasimah Ismail. (2017). Eufemisme dalam kalangan mahasiswa dan implikasinya kepada kesantunan berbahasa. *Journal of Human Development and Communication*, 6.
- Mohamad Noor, Nur Izwani, Mohamed Ali & Halimah (2015). *Sutera bidadari, sebuah novel triler dan media baru*. In: *Second International Conference On Media, Communication And Culture (ICMCC 2015)*, 1-10.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Gedat, R. (2017a). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu Kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Gedat, R. (2018b). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1), 27-40.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (RENTAS) 2021

- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32 (1), 311-334.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel papa dan azfa hanani. *Jurnal Bahasa*, 11(2), 83-108.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71.
- Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil & Remmy Gedat. (2020). Bentuk dan penggunaan bahasa halus dalam masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak. *Issues in Language Studies*, 9(1), 15-27.
- Radzi, H., & Phylisia D. (2012). Unsur eufemisme dan perumpamaan dalam teks hikayat Iban. *Jurnal Linguistik*, 16, 75-87.
- Ritos, S., Daud, M. Z. (2020). Strategi Penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Wan Sulong, Wan Muhammad and Yeob, Shamsul Jamili, Mohamad Ab Halim, Abdul Aziz & Adi Yasran. (2017). Pengaruh gender terhadap gaya kesantunan dalam komunikasi Rasulullah SAW. *Jurnal Kemanusiaan*, 15 (1-5). pp. 44-49. ISSN 2600-755X
- Zuraidah Jantan. (2009). *Unsur eufemisme dalam novel Melayu: Satu manifestasi kesopanan bahasa*. Kuala Lumpur:ASWARA

PREPOSISI LOKATIF DALAM DIALEK MELAYU SEMENANJUNG TIMUR

Mohd Tarmizi Hasrah
h.tarmizi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
 Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian dialek, dalam nuansanya yang tradisional, lazimnya bertujuan menonjolkan keunikan sesebuah dialek. Ini dilakukan supaya isoglos yang memisahkan dialek berkenaan dengan dialek-dialek lainnya menjadi lebih jelas, dan tegas. Keunikan sesebuah dialek biasanya diperhatikan dari segi sistem linguistiknya yang utama. Namun, bagi dialek yang tingkat saling fahamnya tinggi, penekanan yang lebih diutamakan adalah terhadap aspek fonetik dan fonologi, kerana realisasinya yang lebih rencam, maka berupaya menyerlahkan kelainannya. Laporan yang dipaparkan dalam makalah ini adalah seiring dengan matlamat kajian dialek yang disebutkan, iaitu untuk menonjolkan keunikan ciri linguistik yang terdapat dalam dialek Melayu di Semenanjung Timur dengan fokus kepada dialek Hulu Pahang dan dialek Pasir Raja. Ciri linguistik yang dianalisis ialah perilaku fonologi dalam preposisi lokatif. Makalah ini tidak menganalisisnya dari segi tipologi, tetapi fenomena berkaitan dengan realisasi fonetik yang muncul dalam konstruksi preposisi tersebut. Makalah ini menggunakan pendekatan komponensial, yakni pendekatan yang menganalisis ciri fonetik dan fonologi yang paling menonjol. Hasil analisis mendapati, selain menyelak proses linguistik yang membentuk preposisi lokatif dialek Hulu Pahang dan dialek Pasir Raja, gejala yang wujud dalam preposisi lokatif boleh dijadikan salah satu ciri khas kedua-dua dialek, iaitu penyisipan konsonan frikatif velar besuara, [-ʁ-], dalam konstruksi di + KA/KN (KA = Kata Arah; KN = Kata Nama; (/) = atau).

Katakunci: preposisi lokatif, dialektologi, dialek Melayu Semenanjung Timur, dialek Hulu Pahang, dialek Pasir Raja

PENGENALAN¹

U mumnya dialektologi, jikalau dilihat menerusi lensanya yang tradisional bertujuan menonjolkan keunikan dialek.² Keunikan yang diserlahkan itu dilakukan menerusi analisis terhadap ciri khas aspek linguistik utama (iaitu fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik). Bagi dialek yang tinggi tingkat saling fahamnya (misalnya subdialek-subdialek daripada sebuah dialek induk atau dialek-dialek daripada sebuah bahasa induk), penekanan lebih diutamakan terhadap aspek fonetik, (morfo)fonologi dan leksikal. Hal ini disebabkan realisasinya dalam sesebuah dialek lebih rencam dan pelbagai berbanding aspek-aspek linguistik lainnya (Asmah Hj. Omar, 2008; Chambers & Trudgill, 1998). Oleh sebab itulah pemerian terhadap gejalanya dianggap lebih berdaya menyerlahkan kelainan dialek.

Makalah ini seiring dengan matlamat kajian dialek yang disebutkan. Dialek yang menjadi tumpuan di sini ialah dialek-dialek Melayu hulu di Semenanjung Timur, khususnya dialek Melayu Hulu Pahang (DHP) dan dialek Melayu Pasir Raja (DPR).³ Aspek linguistik yang menjadi mauduk analisis makalah ini ialah preposisi lokatif (PL). Pemilihan PL sebagai mauduk perbincangan agak sederhana. Pertama, tinjauan ke atas kajian-kajian lampau menunjukkan bahawa gejala PL dalam dialek-dialek Melayu di Semenanjung

1 Penelitian ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS-Racer, kod SD 14429. Pengakaji mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas dana yang diberikan; juga buat pihak pentadbiran Universiti Utara Malaysia yang memungkinkan kajian ini direalisasikan.

2 Pernyataan ini bukanlah bertujuan menyudutkan kajian dialek hanya semata-mata "...untuk melengkapi sebuah daftar keanehan bahasa ibarat penggemar setem mencari-cari setem yang salah cetak dan pelik-pelik untuk disimpan di albumnya" (Collins, 1989: 205).

3 Maksud dialek Melayu hulu di Semenanjung Timur boleh didapati dalam Mohd Tarmizi (2018).

Timur masih belum berupaya menarik minat para pengkaji. Buktinya agak mudah, iaitu sehingga kini masih belum ditemui secebis laporan pun yang membincangkannya.⁴ Mungkin Abdul Hamid (2006) adalah satu kekecualian. Hal ini demikian kerana dalam pemerian sintaksis dialek Kelantan yang beliau kerjakan memang terkandung maklumat berguna mengenai gejala (fungsi) kenahuan PL dalam dialek tersebut.

Kekecualian menerusi Abdul Hamid tidaklah berupaya memadankan hakikat bahawa keadaan ini telah membuatkan informasi kita seputar gejala PL masihlah bertaraf agak-agakan yang tiada berdasar pada lahan ilmiah. Sehubungan dengan itu, perbincangan secercah mata yang cuba dihadirkan dalam makalah pun sekurang-kurangnya berupaya juga memberi secarik maklumat mengenainya supaya yang 'agak-agakan' itu bertukar tarafnya menjadi suatu keyakinan.

Kesendengan yang dinyatakan ini bukanlah bererti tidak ada langsung maklumat mengenai PL. Bahkan sebaliknya. Maklumat mengenainya memang ada terselit di sana-sini dalam beberapa laporan kajian dialek Melayu. Namun begitu, maklumat tetaplah sekadar maklumat, kerana tidak dilanjutkan kepada analisis gejalanya.

Kedua, preposisi lokatif DHP dan DPR dapat dikatakan sebagai unik disebabkan proses fonologi yang mendasari pembentukannya. Proses tersebut ternyata memperlihatkan kelainan yang sangat ketara dengan proses pembentukan kategori nahu yang sama dalam dialek Melayu lain. Oleh sebab kelainan proses pembentukannya itulah, maka makalah ini menawarkan hipotesis bahawa PL yang dimaksudkan itu merupakan salah satu ciri khas DHP dan DPR yang belum disedari selama ini.

Memadailah dengan dua alasan sederhana tersebut. Maka, makalah ini memusatkan perbincangan akan hal-hal berikut: i) tatakaedah; ii) struktur umum preposisi lokatif; iii) gejala fonologi dalam preposisi lokatif DHP dan DPR; dan, iv) perbandingan preposisi lokatif DHP dan DPR dengan beberapa dialek Melayu lain bagi tujuan menyerlahkan kelainannya.

METODOLOGI

Dua perkara perlu disentuh mengenai tatakaedah iaitu sumber data dan kaedah analisis yang diterapkan. Data DHP kebanyakannya dikumpul di daerah Kuala Lipis (di Kampung Pagar Sasak, yang merupakan kampung pengkaji, dan Budu). Data DPR pula dikumpul di tiga buah kampung dalam mukim Pasir Raja iaitu Pasir Raja, Shukor dan Jongok Batu. Pengumpulan data ini dilakukan melalui dua cara.

Pertama, menerusi pencatatan terhadap penggunaan bahasa oleh beberapa penduduk kampung tersebut. Digunakan kata 'beberapa' di sini kerana tiada jumlah pemaklum yang tepat ketika kajian lapangan dilakukan. Di Pagar Sasak umpamanya, pencuplikan data dilakukan di sebuah gerai makanan. Ertinya, setiap pelanggan yang masuk ke kedai tersebut diperhatikan penggunaan bahasanya oleh pengkaji. Kecuali di Mukim Pasir Raja yang temu bualnya lebih terfokus, yakni yang melibatkan dua jenis informan, iaitu informan utama dan informan rawak. Rakaman perbualan dilakukan terhadap informan rawak, kemudian disemak dengan informan utama.

Strategi pencuplikan data juga agak mudah, iaitu dengan memerhatikan penggunaan, dan sambil itu mencatat, aspek linguistik yang ingin diteliti (PL) untuk hampir setiap pengunjung gerai dan setiap informan yang ditemu bual secara langsung.

Kedua, menerusi intuisi penutur natif. Disebabkan pengkaji adalah penutur natif DHP, maka pengkaji menggunakan intuisi penutur natif untuk memerhatikan bentuk PL, dan merifikasikan data yang dikumpul. Manakala untuk DPR, semuanya bergantung pada penilaian yang diberikan oleh informan utama. Strategi pencuplikan data seperti ini tidak aneh dalam ilmu linguistik. Linguistik aliran transformasi generatif ala Chomskyan misalnya paling terkehadapan dalam membenarkan pengaplikasian strategi begini.

4 Berbeza dengan bahasa-bahasa di Ocenia yang gejala PL-nya telah mendapat cerapan mendalam daripada John Bowden (1992).

Mengenai analisis, perlu dinyatakan bahawa walaupun PL yang menjadi fokus di sini merupakan salah satu kategori nahu, namun analisis hanya dilakukan dari segi pendekatan komponensial (componential analysis). Justeru itu, analisis mengenai gejalanya bukanlah untuk menyerlahkan aspek gramatikalisasi kategori nahu tersebut, tetapi mengenai segmen-segmen bunyi yang membentuknya. Dengan kata lain, pendekatan komponensial adalah suatu pendekatan yang menganalisis aspek struktural PL; dengan struktural itu dinipiskan maknanya kepada segmen-segmen bunyi. Pendekatan ini bererti analisis hanya tertumpu pada segmen fonetik dan fonologi yang dianggap distingtif yang berperanan dalam memunculkan bentuk PL DHP dan DPR yang khas.

KONSEP DAN STRUKTUR PREPOSISI LOKATIF

Sebelum membincangkan PL yang wujud DHP dan DPR, elok dilihat terlebih dahulu strukturnya yang umum. Dalam bahasa Melayu piawai, PL dibentuk menerusi gabungan kata sebagaimana yang terdapat dalam beberapa contoh di bawah:

ke atas
ke sana
ke padang
di atas
di sana

Maka, preposisi lokatif → KS/KA atau KN; dengan KS = kata sendi (ke, di), KA = kata arah (atas, sana dll.), KN = kata nama (padang dll.), simbol (/) = atau. Rumus pembentukan preposisi lokatif ini tetap. Kedudukan setiap kategori kata yang membentuknya tidak boleh diubah, misalnya dengan meletakkan KA dahulu, kemudian diikuti oleh KS, seperti *atas di. Simbol asterisk (*), dalam konvensyen linguistik, ada dua makna, bentuk tidak gramatis dan bentuk purba. Dalam konstruksi *atas di, simbol asterisk bermaksud tidak gramatis. Ertinya, konstruksi *atas di tidak diterima sama sekali dalam bahasa Melayu sebagai preposisi lokatif.

DIALEK HULU PAHANG

Bagaimanakah perilaku PL dalam DHP? Adakah masih menurut rumus yang dipaparkan di atas? Terdapat dua bentuk PL di hulu Pahang. Pertama, preposisi bahasa Melayu /di/ dan /kə/ direalisasikan hanya sebagai [ka?] sahaja atau digugurkan terus. Contoh-contohnya seperti di bawah:

a^wɔʔ doʔ kaʔ manə
a^wɔʔ dok m:anə
“awak duduk di mana”

keh letəʔ kaʔ rumoh
keh letəʔ γ:uməh
“saya letak di rumah”

jəbɔʔ tu adə kaʔ atah
“jebak itu ada di atas”

Jadual 1: Bentuk preposisi lokatif DHP⁵

Bahasa Melayu	Dialek Hulu Pahang
ke tepi	k ^ə təpi ~ t:əpi
ke tengah	k ^ə təŋəh ~ t:əŋəh
ke rumah	k ^ə ɣuməh ~ ɣ:uməh
ke kebun	k ^ə kəbɔ̃ ~ k:əbɔ̃
ke atas	k:atəh ~ a:təh
ke hujung	k:ujɔ:
ke hilir	k:ile
ke hulu	k:uluw
di tepi	d ^ə təpi ~ t:əpi
di tengah	d ^ə təŋəh ~ t:əŋəh
di rumah	d ^ə ɣuməh ~ ɣ:uməh
di kebun	d ^ə kəbɔ̃ ~ k:əbɔ̃
di atas	dəɣatəh
di hujung	dəɣujɔ:
di hilir	dəɣile
di hulu	dəɣulu

Data dalam jadual di atas menunjukkan preposisi lokatif DP masih mematuhi rumus umum pembentukannya, iaitu KS + KA/KN. Bagaimanapun, pematuhan aturan rumus tersebut turut menonjolkan beberapa gejala fonetik yang menarik dan tentunya unik sebagaimana yang dibincangkan dalam perenggan-perenggan selanjutnya.

Dialek Pasir Raja

Bagaimana pula dengan PL di kawasan hulu Sungai Dungun, iaitu di tiga buah kampung dalam mukim Pasir Raja iaitu Pasir Raja, Shukor dan Jongok Batu? Perhatikan Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: PL dalam dialek Melayu Pasir Raja

Bahasa Melayu	Dialek Pasir Raja
ke tepi	t:əpi
ke tengah	t:əŋəh
ke rumah	ɣ:uməh
ke kebun	k:əbɔ̃
ke atas	a:təh
ke hujung	k:ujɔ̃
ke hilir	k:ile
ke hulu	k:uluw
di tepi	dətəpi ~ t:əpi
di tengah	dətəŋəh ~ t:əŋəh
di rumah	dəɣuməh ~ ɣ:uməh
di kebun	dəkəbɔ̃
di atas	dəɣatəh
di hujung	dəɣujɔ:
di hilir	dəɣile ~ d:ile
di hulu	dəɣulu ~ d:ulu

Nampaknya, jikalau berpandukan data yang dipaparkan dalam Jadual 2, ternyata PL di Pasir Raja juga masih mematuhi rumus umum pembentukannya, sama seperti PL dalam dialek Hulu Pahang.

5 Simbol (~) bererti muncul dalam kedua-dua bentuk.

Gejala /kə/ dan /di/

Walaupun rumus pembentukannya serupa, namun jika kelihan lebih terperinci dan secara khusus dilakukan terhadap /kə/ dan /di/, akan terserlah suatu gejala fonologi yang menuntut huraian dan penjelasan lanjut. Umpamanya data dalam Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan perilaku yang berbeza antara /kə/ dan /di/, iaitu:

- i. /kə/ + KA/KN = pemanjangan segmen awal
- ii. /di/ + KA/KN = perubahan vokal tinggi kepada schwa dalam semua lingkungan, dan penyisipan geseran velar yang mengikuti kata dasar bermula dengan vokal

ANALISIS

Preposisi bahasa Melayu Purba (MP) *kə > [kə], sebaliknya, preposisi MP *di (< *ni) > [də].⁶ Preposisi [kə] tidak unik kerana masih mengekalkan (retensi) fonem asal bahasa Melayu Purba, *kə (walaupun fungsi gramatikalnya mungkin sudah beranjak). Perubahan (inovasi) *di kepada [də] menarik untuk diperhatikan sedikit kerana mengandungi bagasi sejarah fonetik dialek Melayu. Adelaar (2005), ketika menyanggah Rene van der Berg (2004) mengenai asal-usul prefiks di- dalam bahasa Melayu, telah menyentuh sesuatu yang berkaitan dengan perubahan *di > [də].

Dalam hal ini Adelaar menolak dakwaan van der Berg yang menganggap di- berasal daripada prefiks *ni. Sebab, kata Adelaar (2005: 130),

*“if di- was inherited, it should not have kept its i, and it would have become *də-...di- cannot be a continuation of *ni-: if it were, it would be inherited and its vowel would have become ə. The fact that it still has i indicates that it has been added to the Malay affix system recently enough to escape the neutralization tendency”.*

Akan tetapi, ternyata i dalam *di- dalam DHP dan Pasir Raja telah mengalami neutralisasi kepada [ə]. Adakah ini bererti sanggahan Adelaar kepada van der Berg dengan alasan di atas boleh ditolak? Ternyata, bukti masih lagi terbatas untuk mengambil kesendengan. Setakat ini neutralisasi vokal *i > [ə] hanya ditemui dalam DHP dan Pasir Raja.

Jadual 1 dan Jadual 2 juga memperlihatkan berlakunya satu proses yang boleh dikaitkan dengan leksikalisasi. Ini dapat dilihat menerusi contoh-contoh seperti *kə hulu > [k:uluw], *di hulu > [dəyuluw]. Yang dimaksudkan dengan leksikalisasi dalam contoh ini ialah perubahan yang menggabungkan KS dengan KA/KN untuk membentuk sebuah kata yang utuh. Kata ini pada asalnya merupakan dua kata yang diselangi jeda ketika penyebutannya, yakni kə + hulu. Walau bagaimanapun, proses leksikalisasi menjadikan jeda di antara KS dengan KA/KN lenyap, lantas membentuk sebuah kata utuh, iaitu penyebutannya tidak diselangi oleh jeda. Perlu ditekankan bahawa tidak seperti makna lazim leksikalisasi yang tercabang daripada fenomena gramatikalisasi, proses ini bagaimanapun tidak mengubah apa-apa fungsi dan makna kenahuan preposisi lokatif DHP dan Pasir Raja.

Gejala yang menarik, dan berkaitan dengan mauduk makalah ini, adalah kemunculan kekangan fonotaktik yang dipengaruhi oleh fonem awal KA/KN seperti yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, iaitu:

- i. KS [kə] dan [də] yang bergabung dengan KA atau KN yang bermula dengan konsonan memperlihatkan dua bentuk realisasi fonetik yang berbeza. Pertama, pelemahan schwa, [ə], seperti [kətəpi] dan [dətəpi]. Kedua, pemanjangan segmen awal KA atau KN, selepas KS digugurkan seperti [t:əpi].

6 Simbol asterisk (*) di sini merujuk kepada bentuk purba; manakala simbol (>) bermaksud “berubah menjadi”.

- ii. KS [kə] dan [də] yang bergabung dengan KA atau KN yang bermula dengan vokal juga memperlihatkan dua bentuk realisasi yang berbeza. Pertama, [kə] + KA/KN bermula dengan vokal menunjukkan pemanjangan segmen awal seperti [k:uluw]. Kedua, [də] yang bergabung dengan KA/KN yang bermula dengan vokal, disisipkan konsonan frikatif velar bersuara di antara KS dengan KA/KN, seperti [dəyuluw].

Untuk perbincangan dalam sub-bahagian selanjutnya, tumpuan khusus diberikan kepada fenomena (i) dan (ii).

[kə]/[də] dengan KA/KN bermula dengan konsonan

Persoalan mengenai (i) di atas adalah: Mengapakah dua realisasi berlaku secara serentak, dan konsisten (pengulangan) pula penggunaannya? Bagaimanakah menjelaskan fenomena ini? Sebenarnya, realisasi pertama, iaitu pelemahan schwa pada posisi suku kata praakhir, adalah fenomena umum dalam dialek Melayu. Pelemahan ini sesuai dengan ciri vokal schwa dalam kelompok bahasa Malayik dan dialek-dialeknya sebagai sejenis vokal yang neutral dan mudah dilentur terutama pada posisi suku kata praakhir (Adelaar, 2005, hlm. 129). Maka, gejala pelemahan schwa sama ada dalam preposisi lokatif atau dalam segmen bunyi apa-apa pun ternyata tidak unik di Pahang, malah tidak unik juga dalam mana-mana dialek-dialek Melayu pun.

Walaupun tidak unik, kita wajar memaparkan beberapa contoh. Umpamanya dalam dialek Kelantan dan Terengganu. Dalam kedua-dua dialek ini, /emak/ disebut sebagai [mɛʔ] atau [ʔmɛʔ]; /helang/ disebut sebagai [lan] ~ [lɛ] atau [ʔlan] [ʔlɛ] sahaja (Collins, 1983; Ajid, 1985). Jelas, proses pelemahan, malah pelenyapan, schwa muncul dalam contoh-contoh ini. Contoh daripada DHP di sekitar Sungai Jelai boleh juga ditampilkan. DHP di sekitar sungai tersebut memperlihatkan bentuk seperti ini: /terbang/ > [tʰɤba:], [kerbau] > [kʰɤbɔ] (Mohd Tarmizi Hasrah *et al.* 2014). Jika contoh DHP di Sungai Jelai ini diperhatikan dengan lebih lanjut, kita akan menyedari kewujudan dua gejala sekali gus: pelemahan (pada posisi suku kata awal/praakhir) dan penyisipan schwa (selepas frikatif velar bersuara). Dengan contoh-contoh yang ditampilkan, kita boleh membuat kesimpulan bahawa pelemahan schwa dalam preposisi lokatif DHP masih lagi mematuhi gejala umum dialek Melayu sama ada dari segi strukturnya ataupun perubahan fonetiknya. Akan tetapi, bagaimanakah pula dengan ciri pemanjangan?

Ciri pemanjangan muncul disebabkan pelaksanaan beberapa proses fonologi ke atas segmen bunyi yang membentuk preposisi lokatif tersebut. Prosesnya adalah:

$$\left. \begin{array}{l} [kʰɤumɛh] \\ [dʰɤumɛh] \end{array} \right\} \text{neutralisasi vokal} = [+vok] > [-vok] \longrightarrow \begin{array}{l} [kKəumɛh] = [k:ɤumɛh] \\ [dKəumɛh] = [d:ɤumɛh] \end{array}$$

Skema proses fonologi ini bermaksud: Vokal schwa dalam kata preposisi yang telah mengalami proses pelemahan, [kʰɤumɛh] dan [dʰɤumɛh], menerima proses fonologi yang lain, iaitu neutralisasi apabila diikuti oleh konsonan awal KA/KN. Contoh di atas ialah konsonan [ɣ] dalam KN [ɤumɛh]. Proses fonologi telah mengubah segmen yang berciri [+vokal], iaitu schwa, menjadi [-vokal], iaitu [+kon]. Setelah itu ia membentuk deretan konsonan, yakni [-KK-]. Deretan konsonan ini kemudiannya mengalami pemanjangan [:] bagi mematuhi rumus bahasa Melayu yang tidak membenarkan geminasi; bandingkan dengan perubahan konsonan frikatif velar bersuara pada posisi akhir yang berciri [+konsonantal] berubah menjadi [-konsonantal], iaitu /ɣ/ > ə / ___# dalam kebanyakan dialek Melayu (Collins, 1996). Selanjutnya, berlaku pula penghilangan kata preposisi [k:] dan [d:] yang telah mengalami pemanjangan itu. Namun, penghilangan tersebut tidak melenyapkan ciri pemanjangan. Ciri tersebut berpindah kepada konsonan awal KN untuk menghasilkan, misalnya, bentuk [ɣ:umɛh].

Perkara yang dibincangkan di atas menunjukkan bentuk [k^əyuməh], [d^əyuməh] dan [y:uməh] sebenarnya tidak muncul secara serentak. Akan tetapi kemunculannya terjadi secara berurutan, dalam pengertian yang satu mendahului yang lain, atau yang satu merupakan terbitan daripada yang lain.

Dalam hal ini, mungkin bentuk yang pertama, [k^əyuməh], [d^əyuməh], muncul terlebih dahulu disebabkan penggunaannya kerap juga kedengaran oleh penutur DHP. Kemudian, pelaksanaan proses fonologi menghasilkan bentuk kedua, [y:uməh]. Kemunculan secara berperingkat seperti ini berkemungkinan besarnya turut melibatkan gejala “change in progress” yang dicerminkan oleh perbezaan realisasi fonetik mengikut generasi dan angkuabah sosial penuturnya. Selain itu, konteks penggunaan juga berkemungkinan memainkan peranan sehingga kedua-dua bentuk memperlihatkan realisasi yang berbeza. Ertinya, gejala fonologi dalam preposisi lokatif DHP masih belum stabil, masih belum lengkap. Namun, semua ini adalah andaian semata-mata kerana tidak dikumpulkan data yang sesuai yang membolehkan analisis lanjut dilakukan bagi membongkarkan misterinya.

[kə]/[də] dengan KA/KN bermula dengan vokal

Persoalan mengenai (ii) sedikit kompleks berbanding (i). Gabungan [kə]/[də] dengan KA/KN menghasilkan dua realisasi fonetik yang sama sekali berbeza: [k:uluw] dan [dəyuluw]. Proses fonologi yang muncul dalam kedua-dua realisasi ini adalah pemanjangan konsonan dan penyisipan konsonan frikatif velar bersuara. Bagaimanakah menangani fenomena ini? Barangkali lingkungan fonetik [k:uluw] dan [dəyuluw] boleh membantu menanganinya; yang dimaksudkan dengan lingkungan fonetik adalah urutan segmen-segmen bunyi yang membentuk sesebuah leksikal. Terdapat tiga kemungkinan yang harus dipertimbangkan mengenai lingkungan fonetik, iaitu:

i. Fonem awal KA/KN.

Kedua-dua kata preposisi [kə] dan [də] bergabung dengan kata [uluw] yang bermula dengan vokal [u]. Masalah dengan kemungkinan ini adalah realisasi fonetik kedua-duanya berbeza, sedangkan vokal awal kata akarnya sama. Maka, fonem awal kata akar kelihatannya tidak berpengaruh, dan harus diabaikan.

ii. Vokal schwa dalam preposisi [kə] dan [də].

Juga tidak. Hal ini kerana [kə] > [KK] > [k:] melalui peneutralan schwa; sedangkan, [də] menyisipkan [y]. Vokal yang sama menghasilkan dua proses fonologi yang berbeza.

iii. Kemungkinan (ii) mengimplikasikan kemungkinan (iii): Fonem awal preposisi, [k] dan [d].

Konsonan plosif velar tak bersuara k dalam kə seartikulasi (velar) dengan y. Masing-masingnya dikenali sebagai plosif velar tak bersuara dan frikatif velar bersuara. Kedua-dua fonem ini berciri [+belakang]; sedangkan konsonan letupan alveolar bersuara, d, berciri [-belakang]. Perbezaan titik artikulasi [± belakang] yang mencirikan sifat fonem awal preposisi masih juga tidak dapat menjawab persolan mengapakah fonem seartikulasi tidak mengalami penyisipan; sedangkan fonem yang tidak seartikulasi menyisipkan fonem y.

Berdasarkan tiga kemungkinan di atas, kelihatannya lingkungan fonetik juga tidak berupaya menjelaskan fenomena (ii). Lantas, apakah pilihan penyelesaian lain yang ada? Satu kemungkinan penyelesaian lain yang boleh dipertimbangkan adalah bentuk [k:uluw] dan [dəyuluw] terjadi secara bertahap. Dengan bertahap, bererti terdapat bentuk-bentuk lain yang mendahuluinya dalam sejarah pembentukan preposisi lokatif DHP. Benarkah demikian? Maka, kemungkinan ini perlu diuji.

Sebelum dibincangkan proses fonologi yang terjadi, perhatikan terlebih dahulu perubahan secara bertahap di bawah:

TAHAP		I		II	
	*kə hulu	>	kəuluw	>	k:uluw
	*di hulu	>	dəuluw	>	dəyuluw

Bagaimanakah menafsirkan tahap-tahap ini? Tahap II menunjukkan dua proses fonologi yang telah disebutkan, iaitu pemanjangan dan penyisipan. Pemanjangan terjadi akibat peneutralan schwa daripada [+vokal] kepada [-vokal]. Selanjutnya, neutralisasi ini menghasilkan ciri pemanjangan untuk memunculkan bentuk [k:uluw]. Penyisipan [-y-] di antara dua vokal terjadi akibat pematuhan kekangan fonotaktik pembentukan suku kata dialek Pahang yang mesti memiliki onset (daripada konsonan) dan nukleus (daripada vokal) (Mohd Tarmizi Hasrah *et al.*, 2014). Yang pastinya penyisipan konsonan di antara deret vokal juga mematuhi kekangan fonotaktik pembentukan suku kata bahasa Melayu yang asasnya mesti mengikut acuan KVKV(K) (Adelaar, 1992).

Namun, adakah penjelasan ini menjawab persoalan mengapa pemanjangan dan penyisipan terjadi dalam lingkungan fonetik yang sama? Ternyata penjelasan ini masih belum berupaya menjawabnya. Hal ini disebabkan perubahan secara bertahap yang diperikan di atas dirasakan sedikit bermasalah, iaitu ada beberapa tahap yang dilangkaunya. Maka, perubahan bertahap baru yang boleh dipertimbangkan adalah seperti di bawah:

TAHAP		I		II		III	
	*kə hulu	>	kəulu	>	kəyulu	>	k:ulu
	*di hulu	>	dəulu	>	dəyulu		

Perubahan bertahap yang ini menunjukkan, pada Tahap II, preposisi lokatif mengalami proses fonologi yang sama, iaitu penyisipan. Alasannya masih sama seperti yang dibincangkan sebelum ini, iaitu segmen bunyi yang sama dalam lingkungan fonetik yang sama akan mengalami proses fonologi yang sama (regularity). Proses selanjutnya adalah Tahap III iaitu preposisi [kə] mengalami pemanjangan. Kemunculan pemanjangan dalam Tahap III untuk preposisi [kə] boleh dijelaskan juga menerusi proses peneutralan dua fonem, schwa dan frikatif velar bersuara. Proses seperti yang diperlihatkan preposisi [kə] anehnya tidak berlaku pada preposisi [də]. Ertinya proses fonologi untuk preposisi [də] terhenti setakat penyisipan geseran velar bersuara. Mengapakah gejala sebegini terjadi? Sebelum menetapkan penjelasannya, perhatikan maklumat di bawah terlebih dahulu.

TAHAP			III		IV
	dəyulu	>		>	u:lu
	dəyile	>		>	i:lɛ
	dəyatəh	>	d:atəh	>	a:təh

Sekali imbas kelihatannya Tahap III menunjukkan preposisi [də] juga mengalami perubahan yang sama dengan preposisi [kə]. Namun, ia terjadi hanya untuk gabungan də + atəh yang menghasilkan [d:atəh]. Untuk dua kata lain hanya memperlihatkan bentuk [u:luw] dan [i:lɛ]. Ertinya pemanjangan kata akar tanpa kata preposisi. adakah ini bermakna dalam sejarahnya preposisi [də] juga mengalami Tahap III, iaitu pemanjangan kata preposisi, terlebih dahulu sebelum menghasilkan Tahap IV? Pengkaji tidak menemui data yang memperlihatkan bentuk [d:ulu] ataupun [d:ile]. Apa yang boleh dilakukan hanyalah berspekulasi.

Mari kita mengalih perhatian pada Tahap IV. Preposisi lokatif *di atas telah mengalami perubahan selanjutnya kepada [a:təh]. Boleh diagak bahawa sebelum konsonan lenyap, konsonan d terlebih dahulu mengalami pemanjangan sebagaimana [d:atəh]. kemudiannya d yang mengalami pemanjangan itu lenyap, dan berlaku pemindahan ciri pemanjangan kepada segmen selepasnya. *di hulu dan *di hiliy juga menghasilkan [u:lu] dan [i:lɛ] menerusi proses yang sama.

PREPOSISI LOKATIF SEBAGAI CIRI KHAS DHP DAN DPR

Sekadar penyesuaian vokal dengan konsonan [\pm koronal] sahajakah ciri khas yang dimiliki DHP seperti yang dikupas oleh Mohd Tarmizi Hasrah *et al* (2014)? Bagaimana pula dengan ciri khas DPR? Adakah masih menyamai dialek Ulu Terengganu? Tidak ada jawapan yang pasti mengenai pertanyaan ini. Hal ini kerana sehingga kini hanya ciri itu sahajalah yang dilaporkan. Akan tetapi, ketiadaan laporan bukanlah bererti sesuatu fenomena itu tidak wujud; mungkin ia belum lagi dikaji; atau, jika sudah dikaji, mungkin belum disedari dengan pasti. Maka mahu tidak mahu pengkajian harus tetap terus yang dilandasi dengan perbandingan antardialek kerana “seperangkat inovasi yang ditemukan... dan tiadanya inovasi berkenaan dalam dialek lain dianggap menjadi bukti... inovasi bersama” (Collins, 1989).

Berlandaskan teropong teoretikal di atas, makalah ini ingin mengemukakan satu lagi ciri khas DHP dan DPR yang selama ini masih belum disentuh. Ciri khas yang dimaksudkan ialah penyisipan konsonan [-y-] dalam preposisi lokatif [də] yang bergabung dengan KA/KN yang bermula dengan vokal. Sebagaimana maksud teropong teoretis yang dinyatakan, bagi mengabsahkan penyisipan geseran velar bersuara ini sebagai ciri khas DHP dan DPR, kita perlu meninjau panorama preposisi lokatif yang dalam dialek Melayu yang lain.

Pertamanya dialek yang akrab dengan DHP dan DPR yang sama-sama bernaung di bawah Cabang Semenanjung Timur (Collins, 2016), iaitu dialek Kelantan dan Terengganu. Dalam kedua-dua dialek ini, preposisi lokatif *di + KA/KN bermula dengan vokal memperlihatkan bentuk pemanjangan segmen awal. Contohnya *di atas > [da:tah] ~ [d:atah] ~ [a:tah]; *di mana > [m:anə] ~ [m:anɛ].

Dalam kajian Abdul Hamid (2006) di bawah judul adverba tempat terdapat data seperti ini (tanpa mengubah transkripsi foneti beliau): [ssini] “di sini”, [ssanə] “di sana”, [ssitu] “di situ”. Yang menariknya, ketika membincangkan sendi nama tempat dan arah, yang bersinonim dengan preposisi lokatif, kita dihidangkan dengan contoh-contoh ini (Abdul Hamid 2006): [d:uməh] “di rumah”, [kaʔ suŋa] “di sungai”, [bəwəh meʝə] “di bawah meja”, [ttəŋəh] “di tengah”, [dbəwəh] “di bawah”, [di dale] ~ [ddale] “di dalam”, [kə dale] “ke dalam”, [kluwa] “ke luar”, [kdəpɛ] “ke depan”, [ddale] “ke dalam”. Dengan gejalanya yang sedemikian, Abdul Hamid (2006) merumuskan pembentukan preposisi lokatif dialek Kelantan sebagaimana berikut:

i) *di + KA/KN > di, d, kat
*kə + KA/KN > kk, k, kə

ii) *di, *kə + KA/KN > pemanjangan konsonan

Dialek ‘unik’ di Semenanjung Timur iaitu dialek Ulu Terengganu juga tidak berbeza dengan dialek Kelantan dan Terengganu yang memperlihatkan bentuk preposisi lokatif seperti ini: [dəbəh] “di bawah”, [kuməh] “ke rumah”, [k:apaʷŋ] “ke kampung” (Collins, 1983). Selain daripada dialek-dialek di Pantai Timur, Ragam Jugra di Selangor memiliki bentuk preposisi lokatif seperti ini [kʰtah] “ke atas” dan [datah] “di atas”. Menerusi contoh-contoh dialek lain yang dipaparkan di sini, dapat diperhatikan bahawa gejala penyingkatan kata preposisi tersebar dengan meluas di seluruh Semenanjung. Dengan data yang sebegini terbatas kita belum boleh menyimpulkan sebarang implikasinya terhadap aspek tipologi dialek Melayu. Walau bagaimanapun perkara tersebut bukanlah isunya di sini. Yang jelasnya ialah menerusi perbandingan dialek yang dilakukan, tidak ditemui gejala penyisipan konsonan geseran velar bersuara dalam preposisi lokatif [də] + KN/KA yang bermula dengan vokal sebagaimana yang muncul di Pahang dan juga dalam beberapa dialek lain di Semenanjung Timur. Sehubungan itu kita boleh menetapkan bahawa ciri ini adalah ciri khas DHP dan DPR.

KESIMPULAN

Makalah ini dengan secara sederhananya telah membincangkan fenomena preposisi lokatif dalam DHP dan DPR yang berhubungan dengan perilaku ciri fonetik dan fonologinya dalam item leksikal yang berelimen morfofonologi. Turut dibincangkan adalah kemungkinan penyisipan [-y-] sebagai ciri khas DHP dan DPR. Walau bagaimanapun, jikalau dilihat semula data yang dipersembahkan, ternyata realisasi fonetiknya ternyata sangat pelbagai dan rencam. Keadaan ini menimbulkan isu yang ada hubungan dengan variasi dan perubahan dialek yang harus diuji dengan menggunakan pendekatan *apparent-time*. Tujuan penggunaan pendekatan ini adalah untuk menyiasat adakah kepelbagaian realisasi fonetik itu dipengaruhi oleh angkubah sosial seperti perbezaan umur, gender dan lain-lain? Selain itu, perkara yang harus dipertimbangkan juga adalah adakah

ianya dipengaruhi oleh stilistik atau gaya seseorang berbahasa? Konteks juga tidak boleh diabaikan dalam menangani isu tersebut. Hal ini kerana berkemungkinan dalam konteks yang berbeza realisasi yang berbeza pula yang dihasilkan oleh penutur. Tiga perkara yang dinyatakan ini penting untuk diuji dalam penyelidikan yang akan datang. Andaikata pengaruh angkuh sosial. Stilistik dan konteks dibuktikan berlaku, maka analisis yang dibincangkan dalam makalah ini berkemungkinan besar menjadi tidak sah.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Sintaksis dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexicon*. Canberra: Pacific Linguistic ANU.
- Adelaar, K. A. (2005a). Much ado about di-. *Bijdragen*, 161: 127-142.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berg, Rene van der. (2004). Some notes on the origin of Malay di-. *Bijdragen*, 160: 532-554.
- Bowden, J. (1992). Behind the preposition: grammaticalisation of locatives in oceanic languages. *Pacific linguistics*. Series B, no. 107. Canberra: Dept. of Linguistics, Research School of Pacific Studies, Australian National University.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, James T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. (1989). *Antologi dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. (2016). *Wibawa bahasa: kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. (2014). *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). *Analisis sejarah fonologi dan pengelompokan dialek Melayu di bahagian timur Semenanjung Malaysia*. Tesis doktor falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

FONOLOGI BIKINAN SEMASA MENYANYIKAN LAGU MELAYU

Khairul Faiz Alimi
Universiti Utara Malaysia (UUM)
kfalimi@uum.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan tentang fonologi binaan atau fonologi serapan asing yang terdapat dalam nyanyian. Dengan membuat penelitian terhadap dua genre lagu iaitu lagu Melayu asli dan lagu Melayu kontemporari, data kajian yang pada asalnya berbentuk MP3 diubah ke dalam bentuk teks melalui proses transkripsi. Perbincangan kertas kerja ini memberikan fokus kepada pembentukan glotis dan geluncuran serta pembentukan aspirasi. Hasil penelitian yang dijalankan menunjukkan bahawa pembentukan glotis dan penyisipan geluncuran sememangnya berlaku dalam dua lagu yang dijadikan data kajian. Konsonan /k/ yang berada di posisi koda disebut dalam nyanyian sebagai hentian glotis. Penyisipan geluncuran pula berlaku apabila terdapat deretan vokal tinggi /i/ dan /u/ dengan vokal yang lain. Gejala fonologi ini hadir dalam dua lagu yang dikaji. Pembentukan glotis dan penyisipan geluncuran ini merupakan elemen asli dalam bahasa Melayu kerana dua proses berkenaan wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu. Di samping itu, terdapat perubahan konsonan yang dikesan dalam nyanyian lagu Lelaki Teragung yang bersifat binaan. Perubahan berkenaan adalah perubahan konsonan /t/ menjadi bunyi beraspirasi [t^h]. Sebutan beraspirasi tidak berlaku dalam nyanyian lagu Lela Manja. Hal ini menunjukkan penyanyi lagu Lelaki Teragung menambah sifat binaan dalam nyanyian yang merupakan serapan dari sistem fonologi asing. Hal ini kerana bunyi beraspirasi tidak ada dalam sistem fonologi bahasa Melayu mahupun dialek-dialek sekitar.

Kata kunci: fonologi, lagu Melayu, glotis, geluncuran, bunyi beraspirasi

PENGENALAN

Lagu merupakan satu wadah yang digunakan untuk berhibur. Lirik lagu yang dihasilkan mempunyai maksud yang pelbagai mengikut niat atau tujuan sesuatu lagu itu dihasilkan. Dewasa ini, terdapat pelbagai genre lagu yang berkumandang dari corong-corong radio. Kewujudan genre-genre lagu yang pelbagai pada hari ini tentu sahaja mengikut kehendak dan selera masyarakat serta memeriahkan industri seni tanah air. Oleh sebab genre lagu pada hari ini bersifat rentas bangsa, lagu sudah pasti tidak terlepas daripada menerima serapan unsur luar. Bertitik tolak daripada anggapan tersebut, artikel ini meneliti sebutan lirik dalam lagu untuk merungkai fonologi serapan mahupun binaan yang terdapat dalam nyanyian. Kajian ini menjadikan dua genre lagu sebagai data kajian iaitu lagu Melayu asli dan lagu pop Melayu. Perbincangan dalam makalah ini hanya memberikan tumpuan dalam aspek sebutan segmen konsonan dalam nyanyian.

PERUBAHAN SEGMENT BAHASA DALAM LAGU

Kajian linguistik terhadap lagu di luar negara telah menganalisis perubahan segmen yang memberikan maklumat penggunaan bahasa di dalam nyanyian. Trudgill (1997) antaranya telah menganalisis gaya sebutan dalam lagu pop British yang memperlihatkan kecenderungan untuk memilih gaya sebutan bahasa Inggeris Amerika dalam nyanyian. Misalnya, penyanyi lagu pop British membunyikan segmen /r/ selepas vokal dalam perkataan /girl/ yang lazimnya disenyapkan dalam ujaran bahasa Inggeris British (Trudgill, 1997: 252). Vokal panjang /a:/ dalam perkataan /dance/ turut digantikan dengan vokal [æ] yang merupakan gaya sebutan bahasa Inggeris Amerika (Trudgill, 1997: 251). Variasi yang dihasilkan oleh penyanyi dalam lagu Pop British adalah berlainan dengan dialek-dialek yang ada di Britain dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa penyanyi British mengubah perilaku linguistik untuk kegunaan dalam nyanyian (Trudgill, 1997). Oleh yang demikian, analisis yang dijalankan oleh Trudgill (1997) memberikan gambaran bahawa penyanyi pop British menggunakan aksen yang berlainan di dalam nyanyian.

Kajian yang dilaksanakan oleh Harwintha Y. Anjarningsih dan Anisa Saraayu (2015) pula meneliti perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang terdapat dalam tiga lagu Jepun nyanyian kumpulan AKB48. Kumpulan AKB48 merupakan sebuah kumpulan penyanyi perempuan yang berasal dari Akihabara, Tokyo Jepun. Judul Lagu yang diteliti oleh Harwintha Y. Anjarningsih & Anisa Saraayu (2015) ialah *Heavy Rotation*, *Sugar Rush*, dan *Namida Surprise*. Ketiga-tiga lagu dianalisis secara perbandingan untuk melihat pengaruh bahasa ibunda dalam lagu yang bersifat bilingual atau dwibahasa.

Hasil penelitian yang dijalankan mendapati bahawa 59 perkataan pinjaman bahasa Inggeris disebut dalam nyanyian dengan pengaruh bahasa ibunda. Misalnya, perkataan *bell*, *goal* dan *feel* disebut dalam nyanyian dengan menambah vokal /u/ di akhir kata menjadi [beru], [goru] dan [firu]. Selain penambahan vokal, contoh berkenaan turut memerikan proses penggantian konsonan yakni konsonan /l/ digantikan dengan konsonan [r]. Perkataan *basketball* dan *cracker* memperlihatkan penambahan vokal di antara deretan konsonan menjadi [basuketoboru] dan [kuraka]. Contoh yang sama juga menjelaskan perubahan suku kata yakni nyanyian lagu AKB48 masih mengekalkan urutan suku kata KV.KV.KV.

Selain itu, analisis perubahan segmen bahasa juga dilaksanakan oleh Dwi Nita Febriyanti (2015) dengan menumpukan proses asimilasi, penyingkatan atau perendahan (*reduction*) dan penghilangan segmen di dalam lagu-lagu terpilih nyanyian kumpulan Avenged Sevenfold. Kumpulan Avenged Sevenfold merupakan sebuah kumpulan rock *heavy metal* yang berasal dari California, Amerika Syarikat. Dwi Nita Febriyanti (2015) memilih dua lagu Avenged Sevenfold yang bertajuk *Gunslinger* dan *Second Heartbeat*. Penelitian proses fonologi yang dijalankan mendapati bahawa lagu *Gunslinger* mengandungi 15 proses asimilasi, 6 proses perendahan dan 6 proses penghilangan segmen. Lagu *Second Heartbeat* pula mengandungi 14 proses asimilasi, 6 proses perendahan dan 7 proses penghilangan segmen.

Proses asimilasi yang dikenal pasti dalam kedua-dua lagu adalah proses dentalisasi, nasalisasi, pembundaran dan pendepanan. Proses dentalisasi, misalnya, dikenali berdasarkan bentuk *been through* yang memerikan nasal [n] berasimilasi dengan konsonan dental bersuara [θ]. Proses nasalisasi pula mengubah vokal yang diikuti konsonan nasal menjadi vokal nasal seperti *been* menjadi [bɛ̃:n] dan *gone* menjadi [gɔ̃ n]. Proses perendahan hadir dalam perkataan *to* /tʊ/ berubah menjadi [tə] dan perkataan *but* /bʌt/ diujarkan sebagai /bət/. Kedua-dua contoh memerikan perubahan vokal menjadi vokal schwa [ə]. Seterusnya, sebutan dalam nyanyian cenderung menggugurkan (proses penghilangan segmen) bunyi /t/ dan /d/ sebagaimana dalam perkataan “*it through*” /it θru:/'[iθru:], manakala “*died my*” /daɪd mɪ/ disebut sebagai [daimai].

Analisis sebutan dalam nyanyian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lepas memberikan gambaran bahawa perubahan segmen bahasa boleh berlaku dalam nyanyian. Analisis yang dilaksanakan oleh Trudgill (1997) memperlihatkan perubahan gaya bahasa penyanyi Britain dari segi perubahan segmen bahasa yang mengikut gaya bahasa Inggeris Amerika. Hal yang sebaliknya pula dalam lagu Jepun yang memuatkan perkataan pinjaman bahasa Inggeris, analisis yang dijalankan oleh Harwintha Y. Anjarningsih dan Anisa Saraayu (2015) mendapati bahawa perkataan pinjaman bahasa Inggeris mengalami perubahan fonologi seiring dengan inventori konsonan dan vokal serta struktur suku kata bahasa Jepun. Dua dapatan berkenaan memberikan situasi yang berbeza yakni terdapat penyanyi yang cenderung mengubah perilaku berbahasa mengikut acuan atau gaya bahasa yang berlainan dengan bahasa ibunda mereka. Terdapat juga penyanyi yang masih mengekalkan ciri-ciri bahasa ibunda dalam nyanyian walaupun perkataan yang terkandung dalam lirik lagu merupakan perkataan pinjaman.

Kajian yang dilaksanakan Dwi Nita Febriyanti (2015) mempunyai persamaan dengan kajian yang diusahakan ini. Dwi Nita Febriyanti (2015) meneliti proses fonologi seperti proses asimilasi, penyingkatan atau perendahan (*reduction*) dan penghilangan segmen dalam lagu rock nyanyian kumpulan Avenged Sevenfold. Dapatan yang diperoleh memberikan gambaran yang jelas bahawa proses fonologi bukan sahaja hadir dalam ucapan bahasa sehari-hari, ia turut terpancar dalam nyanyian seiring dengan penggunaan bahasa sumber.

ASPEK FONOLOGI SEBAGAI IDENTITI BAHASA

Bahasa Melayu secara keseluruhannya mempunyai 18 konsonan asli yang terdiri daripada plosif /p, b, t, d, k, g/, afrikat /tʃ, dʒ/, nasal /m, n, ŋ, ŋ/, frikatif /s, h/, likuida /r, l/ dan geluncuran /w, j/ (Farid M. Onn, 1980). Terdapat pengkaji lain yang memberikan senarai inventori konsonan BMS yang berbeza yakni sebanyak 19 konsonan, dengan pertambahan segmen hentian glotis [ʔ] (Teoh Boon Seong, 1994; Yunus Maris, 1980). Pengkaji lain pula menyenaraikan 16 konsonan asli bahasa Melayu standard dengan mengeluarkan geluncuran [w, j] dari inventori konsonan yang merupakan terbit daripada vokal tinggi yang mengisi kedudukan margin (Tajul Aripin Kassim, 2000; Zaharani Ahmad, 2014). Perbezaan senarai konsonan mempunyai kaitan dengan pendekatan atau teori dalam memperincikan deskripsi fonem.

Selain itu, segmen plosif bilabial /p, b/ dan alveolar /t, d/ mampu mengisi lingkungan awal, tengah dan akhir kata (Farid M. Onn, 1980). Dalam lingkungan akhir kata, plosif bilabial dan alveolar direalisasikan dalam sebutan sebagai plosif tidak lepas (Teoh Boon Seong, 1994; Yunus Maris, 1980). Berbeza pula plosif velar /k, g/, kehadirannya hanya di lingkungan awal dan tengah kata. Di lingkungan akhir kata, plosif velar mengalami perubahan fonologi melalui proses pengglotisan (Farid M. Onn, 1980) yang menerbitkan segmen hentian glotis [ʔ] di akhir kata. Selaku segmen terbitan dan kehadiran yang boleh diramal, hentian glotis tidak dimasukkan dalam senarai inventori konsonan (Farid M. Onn, 1980; Tajul Aripin Kassim, 2000; Zaharani Ahmad, 2014). Proses pengglotisan turut dikongsi dalam dialek Melayu yang lain seperti dialek Melayu Selangor, Kedah (DMKdh), Melaka, Perak (DMPrk) dan Sabah (Zaharani Ahmad, 1993). Dalam dialek Melayu Kelantan (DMKtn), segmen plosif tidak muncul di lingkungan akhir kata kerana proses pengglotisan melibatkan keseluruhan segmen plosif menjadi hentian glotis di akhir kata (Asmah Haji Omar, 1993; Zaharani Ahmad, 1993).

Selain itu, proses Asimilasi Nasal (AN) turut tercatat sebagai proses fonologi dalam BMS. Segmen nasal [m, n, ŋ, ŋ] berasimilasi secara homorganik apabila kehadirannya mencipta gugusan nasal obstruen (Farid M. Onn, 1980), yakni segmen nasal mengambil fitur obstruen di sebelah kanan¹. Perkara yang sama berlaku dalam DMPrk (Zaharani Ahmad, 1993). Namun, berbeza pula dalam Subdialek Melayu Kedah Utara (SMKU). Segmen nasal tidak berasimilasi di peringkat kata, yakni pertemuan segmen nasal dan segmen obstruen bersuara/tak bersuara menerbitkan proses pengguguran (Shahidi, 2009). Menurut Shahidi (2009), SMKU bertindak menggugurkan segmen nasal apabila bertemu dengan obstruen tak bersuara, manakala obstruen bersuara pula digugurkan apabila mengikuti konsonan nasal di peringkat kata.

Sementara itu, bahasa Melayu standard menggugurkan obstruen tak bersuara melalui proses Pengguguran Obstruen Tak Bersuara (POTB) dalam rangkap nasal obstruen. Menurut Farid M. Onn (1980) segmen obstruen tak bersuara digugurkan apabila mengikuti segmen nasal di sempadan awalan. Hal yang berlainan pula dalam DMPrk, menurut Zaharani Ahmad (1993), keseluruhan bunyi obstruen digugurkan di sempadan awalan selepas proses AN DMPrk.

Segmen likuida getaran /r/ BMS yang hadir di akhir kata atau mengisi posisi koda dalam binaan suku kata menjalani proses Pengguguran Likuida Getaran (PLG) (Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994; Zaharani Ahmad, 1993). Proses fonologi berkenaan turut dikongsi dalam dialek Melayu Terengganu (DMTgn), DMPrk, Negeri Sembilan (DMNS), dan DMKtn (Asmah Haji Omar, 1993; Zaharani Ahmad, 1993). Sementara itu, dalam DMKdh, getaran /r/ di akhir kata menjadi frikatif farinks [ʁ] (Asmah Haji Omar, 1993). Dialek Melayu Sarawak (DMSwk) pula membunyikan getaran [r] di akhir kata (Asmah Haji Omar, 1993; Collins, 1987; Zaharani Ahmad, 1993).

Berdasarkan Farid M. Onn (1980), terdapat dua proses penyisipan dalam BMS yakni penyisipan glotis (PGt) dan penyisipan geluncuran (PGl). Proses PGt BMS berlaku di lingkungan sempadan awalan dan sempadan akhiran (Farid M. Onn, 1980; Tajul Aripin Kassim, 2000). Manakala rangkap vokal dalam kata dasar menunjukkan kehadiran proses fonologi yang menyisipkan segmen farinks [ʁ] (Tajul Aripin Kassim, 2000, 2007). Dialek Melayu Pattani (DMPtn) Gerik turut memperlihatkan proses PGt yang sama dalam BMS (Tajul Aripin Kassim & Tarmiji Masron, 2014). Hal berbeza dalam DMKtn, hentian glotis [ʔ] disisipkan di antara

dua vokal di sempadan akhiran, manakala salah satu vokal dalam vokal rangkap mengalami pengguguran di sempadan awalan (Adi Yasran Abdul Aziz, 2005)

Selain itu, geluncuran [w, j] BMS disisipkan di antara dua vokal atau rangkap vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i, u/ (Farid M. Onn, 1980). Proses PGI BMS² hanya berlaku di lingkungan kata dasar dan sempadan akhiran sahaja (Farid M. Onn, 1980; Tajul Aripin Kassin, 2000; Zaharani Ahmad, 1993). Proses PGI turut terdapat dalam dialek-dialek Melayu yang lain. Berdasarkan contoh yang dikemukakan oleh Teoh (1994:126), DMKtn, DMTgn dan DMKdh menyisipkan geluncuran di antara dua vokal yang didahului vokal tinggi. Hal yang sama diperlihatkan dalam DMPtn Gerik, Batu Kurau dan Lenggong (Tajul Aripin Kassin & Tarmiji Masron, 2014), yakni kehadiran geluncuran di antara dua vokal adalah menerusi proses PGI.

Secara rumusnya, ulasan sepintas lalu tentang proses fonologi BMS dan dialek-dialek Melayu telah menunjukkan persamaan dan perbezaan dalam bahasa atau dialek Melayu. Berdasarkan dialektologi generatif, persamaan dan perbezaan proses fonologi di antara dialek-dialek yang dibahaskan adalah implikasi atau hasil daripada penambahan rumus, pemudahan (simplifikasi) rumus, penghilangan rumus mahupun perbezaan atur rumus (Zaharani Ahmad, 1993, 2014). Perbincangan ini juga telah memperlihatkan kewujudan proses fonologi dalam BMS dan dialek Melayu yang mampu memberikan bukti ‘forensik’ bahasa atau dialek.

METODOLOGI

Penyelidikan ini meneliti sumber dokumen atau teks sebagai data kajian. Tujuan analisis teks adalah untuk menghuraikan struktur, isi dan fungsi sesuatu mesej di dalam teks (Frey, Botan, & Kreps, 1999). Dalam konteks kajian ini, teks lagu merupakan lirik sesebuah lagu. Lagu-lagu MA dalam kajian ini adalah berformat fail MP3. Bentuk berkenaan dialih ke bentuk teks melalui proses transkripsi data lagu menggunakan simbol fonetik antarabangsa (*International Phonetics Alphabet (IPA)*).

Kajian teks menggunakan data lagu MA berbentuk fail MP3. Jumlah keseluruhan saiz data lagu MA adalah berdurasi 46:00 minit. Judul dan pembahagian lagu serta saiz setiap lagu yang dipilih berdasarkan gender penyanyi disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Data kajian

Lagu Melayu Asli	Saiz data (minit)	Lagu Melayu Kontemporari	Saiz data (minit)
Lela Manja	4:17	Lelaki Teragung	5:15

2 Sesetengah kajian mendakwa bahawa geluncuran BMS yang hadir di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi merupakan hasil proses pembentukan geluncuran (Tajul Aripin Kassin, 2000; Teoh Boon Seong, 1994; Zaharani Ahmad, 2014). Geluncuran yang terhasil adalah disebabkan oleh penyebaran fitur vokal [+tinggi] ke gatra kosong K. Oleh sebab penyebaran fitur [+tinggi] dikedudukan margin (onset), vokal tinggi direalisasikan sebagai geluncuran, yakni bagi memenuhi syarat onset yang hanya dipenuhi oleh segmen konsonan. Pembentukan geluncuran turut didakwa berlaku dalam dialek Melayu Saribas (Noor Azureen Hamid & Tajul Aripin Kassin, 2013) dan geluncuran turut dikeluarkan dari inventori konsonan DMKtn (Adi Yasran Abdul Aziz, 2005).

Kajian ini melihat dakwaan sebagai pembentukan geluncuran adalah semata-mata disebabkan atau diperenggu oleh perbezaan pendekatan teori. Oleh itu, kajian masih mengekalkan pandangan Farid M. Onn (1980) bahawa geluncuran yang hadir di antara dua vokal merupakan hasil proses PGI. Hal ini seiring dengan pendekatan atau teori yang dipakai dalam kajian ini, iaitu teori Fonologi Generatif.

DAPATAN KAJIAN

Penelitian yang dijalankan telah mengenal pasti beberapa perubahan konsonan yang terdapat dalam dua lagu yang dikaji. Perbincangan dibuat dalam sub-bahagian berikut.

Pengglotisan

Sebanyak empat (4) perkataan di dalam nyanyian lagu Lela Manja telah memerikan kehadiran proses pengglotisan dalam nyanyian lagu berkenaan. Perkataan yang dimaksudkan disenaraikan dalam Jadual 2. Contoh Pengglotisan dalam Lagu Lela Manja2.

Jadual 2. Contoh Pengglotisan dalam Lagu Lela Manja

	Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan
1.	adikku	/adik÷ku/	[adeʔku]
2.	seksa	/seksa/	[seʔsə]
3.	mak	/mak/	[mãʔ]
4.	tak	/tak/	[taʔ]

Proses pengglotisan dalam lagu Lela Manja adalah serupa dengan proses pengglotisan dalam lagu Seri Sarawak. Plosif velar /k/ yang hadir di posisi koda suku kata disebut dengan jelas dalam nyanyian lagu Lela Manja sebagai hentian glotis [ʔ]. Misalnya, pengglotisan di posisi koda di akhir kata dapat dikenali menerusi perkataan /mak/→[mãʔ] dan /tak/→[taʔ]. Pengglotisan /k/ di posisi koda suku kata di tengah kata terdapat dalam perkataan /seksa/→[seʔsə]. Perkataan /adik÷ku/→[adeʔku] pula menjelaskan konsonan plosif velar /k/ berubah menjadi hentian glotis apabila mengisi posisi koda suku kata dan diikuti konsonan di sempadan akhiran.

Pengglotisan plosif velar juga dapat dikenal pasti dalam nyanyian lagu Lelaki Teragung. Contoh yang terdapat dalam nyanyian adalah perkataan /tidak/ yang dizahirkan secara fonetik sebagai [tʰidaʔ]. Justeru, proses pengglotisan /k/ dalam lagu Lela Manja dan Lelaki Teragung dapat dihuraikan berdasarkan derivasi Rumus berikut.

1. Rumus Pengglotisan /k/

$$k \rightarrow ? / \text{___ Ko}$$

(Diubahsuai daripada Farid M. Onn(1980))³

Rumus pengglotisan berkenaan menjelaskan bahawa segmen plosif velar /k/ berubah menjadi hentian glotis [ʔ] apabila berada di posisi koda (Ko) suku kata.

Penyisipan Geluncuran

Lagu Lela Manja hanya mengandungi dua perkataan yang memerikan proses penyisipan geluncuran. Perkataan yang dimaksudkan disenaraikan dalam jadual berikut.

Jadual 3. Contoh Penyisipan Geluncuran dalam Lagu Lela Manja

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan
dibuat	/di+buat/	[dibuwat]
setiap	/sə+tiap/	[sətijap]

³ Rumus pengglotisan diubahsuai daripada Farid M. Onn (1980), yakni memasukkan koda (Ko) sebagai penentu lingkungan operasi proses pengglotisan.

Jadual 4.18 memberikan dua kata dasar, yakni /buat/ dan /tiap/ yang masing-masing menerima imbuhan awalan /di-/ dan /sə-/. Proses penyisipan geluncuran terjadi di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/ dan /u/ di lingkungan kata dasar menghasilkan bentuk permukaan [dibuwat] dan [sətijap].

Sementara itu, lagu Lelaki Teragung menunjukkan kehadiran penyisipan geluncuran yang sama sifatnya dalam nyanyian lagu Lela Manja. Contoh perkataannya adalah seperti berikut:

Jadual 4. Contoh Penyisipan Geluncuran dalam Lagu Lelaki Teragung

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan
berbahagia	/bər+bahagia/	[bərbahagija]
dunia	/dunia/	[dunija]
kuakui	/ku+akui/	[kuakuwi]
dipersia	/di+pər+sia/	[dipərsija]
kesetiaan	/kə+sətia+an/	[kəsət ^h ijaan]

Data lagu Lelaki Teragung menjelaskan perilaku fonologi yang sama dengan lagu Lela Manja. Semua deretan vokal yang didahului oleh vokal tinggi akan mencipta geluncuran [j] dan [w] di tengah-tengahnya. Justeru, penyisipan geluncuran yang terdapat dalam lagu Lela Manja dan Lelaki Teragung dapat diterangkan dalam bentuk derivasi rumus seperti berikut.

2. Rumus Penyisipan Geluncuran

$$\emptyset \rightarrow \left(\begin{array}{l} - \text{ silabik} \\ - \text{ konsonantal} \\ + \text{ tinggi} \\ \alpha \text{ depan} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right) / \left(\begin{array}{l} V \\ + \text{ tinggi} \\ \alpha \text{ depan} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right) \text{ — } V$$

Rumus penyisipan geluncuran yang diambil daripada Farid M. Onn (1980) menjelaskan bahawa geluncuran [j] dan [w] disisipkan di antara dua vokal yakni vokal pertamanya ialah vokal depan tinggi /i/ atau vokal belakang tinggi /u/.

Aspirasi Konsonan

Aspirasi konsonan dari segi istilah adalah pelepasan udara yang kuat semasa menghasilkan sesuatu segmen bahasa. Lazimnya berlaku ketika menghasilkan bunyi-bunyi obstruent seperti p, t, k dan yang lainnya. Penelitian yang dijalankan tidak mengenal pasti aspirasi konsonan dalam lagu Lela Manja. Hal ini menunjukkan bahawa penyanyi lagu Lela Manja masih mengekalkan sebutan lidah Melayu kerana bunyi beraspirasi tidak ada dalam sistem fonologinya yang telah banyak dibincangkan oleh pengkaji bahasa Melayu.

Situasi yang berbeza dikenal pasti dalam lagu Lelaki Teragung kerana penelitian mengenal pasti bunyi beraspirasi ketika menghasilkan bunyi konsonan /t/. Hal tersebut dipaparkan dalam jadual berikut.

Jadual 5. Contoh Aspirasi Konsonan /t/ dalam Lagu Lelaki Teragung

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan
cinta	/tʃinta/	[tʃint ^h a]
hati	/hati/	[hat ^h i]
sakiti	/sakiti/	[sakit ^h i]

teragung	/tər+agung/	[t ^h ragong]
kesetiaan	/kə+sətia+an/	[kəsət ^h ijaan]
tidak	/tidak/	[t ^h idaʔ]
bertahan	/bər+tahan/	[bərt ^h ahan]
mengerti	/məŋ+ərti/	[məŋərt ^h i]
terasa	/tərasa/	[t ^h ərasa]
tinggalkan	/tiŋgal+kan/	[t ^h iŋgalkan]

Berdasarkan contoh yang dipaparkan dalam jadual, penyanyi membunyikan dengan jelas konsonan /t/ yang berada di posisi onset sebagai konsonan beraspirasi [t^h]. Seperti yang telah ditintakan di awal bahagian ini, bunyi beraspirasi tidak ada dalam sistem fonologi bahasa Melayu. Hal ini sangat jelas menunjukkan penyanyi Lelaki Teragung menggunakan sistem fonologi asing ketika menyanyikan lagu berkenaan. Sudah pasti bunyi beraspirasi ini mempunyai pertaliannya dengan pengaruh bahasa Inggeris kerana penyanyi lagu Lelaki Teragung sangat fasih dalam menyanyikan lagu-lagu berbahasa Inggeris. Jadi, sedar atau tidak sedar, penyanyi terbawa-bawa gaya sebutan Inggeris ketika menyanyikan lagu-lagu Melayu.

KESIMPULAN

Penelitian terhadap dua lagu daripada genre lagu yang berbeza telah memaparkan sebutan konsonan dalam nyanyian. Kajian memberikan fokus terhadap bunyi konsonan dan telah mendapati konsonan /k/ di posisi koda disebut dalam nyanyian sebagai bunyi hentian glotis [ʔ]. Hal berkenaan berlaku secara tekal dalam kedua-dua lagu. Begitu juga halnya dalam penyisipan geluncuran, kajian ini mendapati bunyi geluncuran [j, w] hadir dalam deretan vokal tinggi dan vokal lain dalam kedua-dua lagu.

Kehadiran fonologi serapan atau rekaan dapat dikenal pasti apabila wujud pembunyian beraspirasi konsonan [t^h]. Gejala berkenaan berlaku secara tekal dalam nyanyian lagu Lelaki Teragung. Berbeza pula dengan lagu Lela Manja berikutan penyanyi tidak menghasilkan bunyi beraspirasi ketika menyebut konsonan /t/ dan bunyi obstruent yang lain. Walaupun pembunyian secara beraspirasi tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu, kajian ini menganggap serapan unsur asing berkenaan adalah untuk menyedapkan sebutan dalam nyanyian terutama dalam nyanyian lagu kontemporari dan mungkin juga sebagai usaha mencipta identiti bagi seseorang penyanyi.

Namun yang demikian, sebutan mengikut acuan sistem fonologi Melayu masih perlu diutamakan kerana dikhuatiri serapan atau buatan tersebut akan mencemarkan bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana lagu mempunyai pengaruh yang sangat besar. Apabila terlalu banyak unsur serapan atau buatan berada dalam nyanyian, lama kelamaan unsur berkenaan menjadi ikutan dan menular dalam percakapan harian para penggemar lagu.

RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). Inventori konsonan dialek Melayu Kelantan: Satu penilaian semula. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 200–217.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwi Nita Febriyanti. (2015). Assimilation, reduction and elision reflected in the selected song lyrics of Avenged Sevenfold. *Journal of Language and Literature*, 15(1), 14–19.
- Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay phonology and morphologi: A generative approach*. Bangi: UKM.

- Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999). *Investigating communication: An introduction to research methods* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Harwintha Y. Anjarningsih, & Anisa Saraayu. (2015). A phonetic contrastive analysis of English words in three Japanese songs by AKB48. *Humaniora*, 27(3), 350–361.
- Noor Azureen Hamid, @ Ahmed, & Tajul Aripin Kassin. (2013). Analisis fonologi Autosegmental dalam proses penyebaran fitur geluncuran dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 217–242.
- Shahidi, A. H. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302–325.
- Tajul Aripin Kassin. (2000). *The phonological word in standard Malay* (Thesis PhD). University of Newcastle.
- Tajul Aripin Kassin. (2007). Penyebaran Geluncuran dan Penyisipan Hentian Glotis dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 7(1), 142–158.
- Tajul Aripin Kassin, & Tarmiji Masron. (2014). Persamaan dan perbezaan fonologi dialek Melayu Pattani Gerik, Lenggong dan Batu Kurau. In Noriah Mohamad & Radiah Yusoff (Eds.), *Pendekatan kontrastif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia* (pp. 37–59). Petaling Jaya: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, P. (1997). Acts of conflicting identity: The sociolinguistics of British pop-song pronunciation. In N. Coupland & A. Jaworski (Eds.), *Sociolinguistics a reader* (1st ed., pp. 251–265). New York: Macmillan Education.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2014). *Aspek fonologi bahasa Melayu: Daripada darivasi rumus kepada tatatingkat kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MENINJAU PERSPEKTIF AMALAN KESANTUNAN BERBAHASA BERLANDASKAN ISLAM DI IPT

Arina Johari
arinajr@iium.edu.my

Nurul Jamilah Rosly
nuruljamilah@iium.edu.my
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Nasihah Hashim
h.nasihah@uum.edu.my

Maizatul Azura Yahya
maizatul@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan meninjau perspektif amalan kesantunan berlandaskan Islam dalam kalangan pelajar yang menuntut di IPT. Responden kajian terdiri daripada 48 orang mahasiswa yang menuntut di tahun dua dan tiga pengajian dalam jurusan Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa (MLCOM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif dengan mengumpul data, menganalisis dan melakukan interpretasi data-data tertentu yang berkait dengan satu fenomena, iaitu perspektif mahasiswa terhadap amalan kesantunan berbahasa berlandaskan Islam. Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang bersifat terbuka (*open-ended questionnaire*). Analisis data melibatkan tiga langkah, iaitu i). penelitian jawapan responden secara semakan berulang-kali, ii). mengklasifikasi tema dalam jawapan soal selidik responden menggunakan kaedah tematik, dan iii). pentafsiran dan huraian dapatan kajian menggunakan kaedah huraian kualitatif. Dapatan memperlihatkan tahap kefahaman dan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan mahasiswa di IPT adalah pada tahap yang baik. Amalan kesantunan dalam kalangan mahasiswa juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan terhadap ajaran agama Islam seperti mana yang terdapat dalam al-Quran dan Sunah.

Kata kunci: amalan kesantunan, perspektif, mahasiswa IPT dan Islam

Pengenalan

Sebagai makhluk sosial, manusia menggunakan bahasa sebagai medium utama untuk berkomunikasi. Bahasa pula ialah sebahagian daripada masyarakat kerana memberikan sumbangan penting dalam pembentukan persekitaran sosial yang selesa atau menurut Chomsky (1996), *a mutually comfortable social matrix*. Oleh sebab bahasa penting dalam sesebuah komunikasi, maka penggunaan bahasa yang teratur, baik dan sopan dikatakan berupaya menjadi medium pengikat sosial dalam kalangan masyarakat. Interpretasinya, cara seseorang berbahasa menjadi unsur penting dalam mencerminkan nilai diri dan menjadi penentu kepada tahap penerimaan sesuatu komuniti terhadap mereka. Situasi inilah yang apabila dibahaskan dari perspektif ilmu pragmatik, akan mewujudkan suatu penanda yang merujuk kepada aspek kesantunan.

Sehingga ke hari ini, pelbagai kajian berkenaan kesantunan telah dilakukan oleh pelbagai pengkaji dalam pelbagai genre sama ada dalam cakupan bidang pragmatik mahupun sociolinguistik termasuklah yang berkait tentang amalan kesantunan berbahasa. Amalan kesantunan berbahasa jika ditelitikan dari sudut makna, ialah suatu ujaran, cara atau tindakan yang mempunyai nilai santun sama ada melibatkan pemilihan kata, nada mahupun intonasi ketika seseorang individu berkomunikasi. Amalan yang diterima secara umum ialah amalan kesantunan berbahasa yang masih tercakup dalam norma budaya sesuatu masyarakat dan selagi ia tidak melangkaui sempadan-sempadannya.

Pelbagai kajian mengenai kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu telah dilakukan oleh pengkaji tempatan. Bermula dengan Za'ba (1950) dalam artikelnya bertajuk *Malay Manners and Etiquette* yang diterbitkan dalam *Journal Malayan Branch* ada menurunkan beberapa amalan berkaitan dengan adab dan tatasusila dalam masyarakat Melayu. Asmah (2000) selanjutnya membuat kajian tentang kesantunan dalam mesyuarat dan mengemukakan kesantunan berkendala beliau. Sementara itu, pengkaji-pengkaji tempatan lain seperti Awang Sariyan (2007) dan Noriati (2013) lebih bertumpu kepada kesantunan yang dibahaskan mengikut nilai Islam.

Dari perspektif amalan kesantunan berbahasa pula, pengkaji-pengkaji seperti Marlyna (2011), misalnya melihat tentang strategi orang Melayu ketika membuat teguran. Manakala Arina Johari dan Indirawati (2016) mengkaji strategi kesantunan dalam memberi dan menerima nasihat dalam rancangan bual bicara (phone-in). Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd. Mutalib. (2020), Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenkang (2016), Murni Mahmud, (2018) telah meneroka tentang amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar IPT dengan menggunakan kaedah diskursif. Walau bagaimanapun, kesemua kajian yang dilakukan ini hanya menumpukan analisis terhadap tahap amalan kesantunan dalam kalangan pelajar IPT tanpa mengaitkannya dengan perspektif Islam berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Justeru itu, kajian ini dilakukan dengan berfokus pada aspek perspektif amalan kesantunan berbahasa yang berlandaskan Islam dalam kalangan pelajar yang menuntut di IPT.

Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga objektif, iaitu:

1. Meninjau kefahaman terhadap kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar IPT.
2. Mengenal pasti tahap dan bentuk amalan kesantunan pelajar IPT.
3. Meninjau perkaitan kesantunan dengan perspektif Islam berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif dengan mengumpul data, menganalisis dan melakukan interpretasi data-data tertentu yang berkait dengan satu fenomena, iaitu penilaian dan perspektif pelajar terhadap amalan kesantunan berbahasa masyarakat Melayu berlandaskan Islam. Gay, Mills dan Airasia, (seperti yang dipetik dalam Murni, 2018) mengesahkan bahawa kajian kualitatif ialah “*the collection, analysis, and interpretation of comprehensive narrative and visual data in order to gain insights into a particular phenomenon of interest.*”

Kajian ini dilakukan di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh melibatkan 48 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa tahun dua dan tahun tiga yang mengambil jurusan Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa (MLCOM) dan sedang mengikuti kursus BMCO 3102 Kesantunan Berbahasa pada Semester 2, 2020/2021. Lingkungan umur responden adalah sekitar 22 hingga 24 tahun.

Data tentang penilaian dan perspektif pelajar terhadap amalan kesantunan bahasa Melayu berlandaskan Islam diperoleh melalui soal selidik yang bersifat terbuka (*open-ended questionnaire*). Soal selidik sebegini membolehkan responden memperoleh peluang yang tinggi untuk mengekspresi idea mereka tentang kasus yang ditekuni. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A berkisar tentang maklumat latar belakang responden, iaitu jantina, umur dan aliran pendidikan di peringkat sekolah menengah. Bahagian B pula mengandungi tiga soalan yang bersifat terbuka mengenai kefahaman responden tentang konsep kesantunan, iaitu Soalan 1 - definisi kesantunan menurut perspektif responden, Soalan 2- Menilai kesantunan berbahasa responden, Soalan 3 - Menilai kesantunan berbahasa rakan sekuliah responden. Bahagian C mengandungi tiga soalan yang merangkumi tentang amalan kesantunan, faktor dan perkaitannya dengan Islam; Soalan 4 - kesantunan ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, Soalan 5 - faktor yang mempengaruhi kesantunan responden, dan soalan 6 - perkaitan amalan kesantunan dengan pematuhan terhadap ajaran Islam berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.


Proses analisis data dilakukan melalui 3 langkah, iaitu i). meneliti jawapan responden - setiap jawapan responden yang berbentuk subjektif dan pelbagai disemak, dibaca serta diteliti secara berulang kali untuk menentukan tema yang bersesuaian; ii). pengklasifikasian tema - jawapan responden yang telah disemak dan dibaca berulang kali kemudiannya diasingkan mengikut tema yang telah ditentukan berdasarkan kaedah tematik. Kaedah tematik ialah kaedah yang digunakan untuk menentukan sesuatu konsep atau jenis leksikal berdasarkan aspek pertautan makna leksikal, makna frasa, makna klausa dan makna kolokasi; iii). pentafsiran - tema-tema yang telah diklasifikasi akan dihurai dan ditafsirkan dalam subtopik perbincangan menurut kaedah kualitatif; iv). penjadualan dan peratusan - data-data yang telah dikenal pasti dan diklasifikasi mengikut tema kemudiannya dipaparkan dalam bentuk penjadualan dengan jumlah peratusan tertinggi dan terendah.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan analisis dibincangkan dengan menghuraikan maklumat yang diperolehi melalui jawapan responden bagi soal selidik Bahagian A, iaitu berkisar tentang latar belakang responden yang mencakupi umur, jantina dan jenis pendidikan di peringkat menengah.

i). Umur


Analisis berdasarkan umur mendapati responden yang terlibat dalam kajian ini berumur di antara 22 hingga 24 tahun. Jumlah tertinggi diwakili responden berumur 23 tahun, iaitu dengan kekerapan sebanyak 34 orang (70.3%), diikuti responden berumur 22 tahun sebanyak 9 orang (18.7%) manakala responden yang berumur 24 tahun mewakili jumlah terendah dengan kekerapan sebanyak 5 orang (10.4%).



Rajah 1: Kekerapan Responden Mengikut Umur

ii) Jantina


Analisis jawapan bagi item ini memperlihatkan responden perempuan mencatat jumlah kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 38 orang (79.2%) manakala responden lelaki mewakili jumlah kekerapan sebanyak 10 orang (20.8%).



Rajah 2: Kekerapan Responden Berdasarkan Jantina

iii) Aliran Pendidikan di Peringkat Sekolah Menengah

Tiga jenis aliran pendidikan yang diperoleh responden di peringkat menengah dikemukakan, iaitu aliran sekolah menengah biasa, aliran sekolah kebangsaan agama/tahfiz ulul albab dan sekolah swasta/persendirian/A-level. Analisis mendapati majoriti responden menerima pendidikan dalam aliran biasa, iaitu sebanyak 33 (68.8%) diikuti oleh responden aliran sekolah menengah agama/tahfiz ulul albab sebanyak 15 (31.3%) manakala tiada responden dicatat mengikuti pengajian di sekolah swasta/persendirian/A-level.



Rajah 3: Keperluan Responden Berdasarkan Aliran Pendidikan Menengah

Maklumat yang dipaparkan bagi soal selidik Bahagian A ini amat penting dalam memperlihatkan persamaan atau perbezaan persepsi dan penilaian responden bagi kajian ini. Selain itu, dapatan kajian latar belakang aliran pendidikan yang diperoleh juga akan menghasilkan dapatan yang lebih signifikan dalam melihat amalan kesantunan berlandaskan konsep Islam oleh responden. Huraian seterusnya akan memerihalkan dapatan soal selidik bagi Bahagian B dan Bahagian C yang berorientasikan soalan bersifat terbuka serta perbincangan terperinci tentang hasil dapatan.

Takrifan dan Kefahaman Tentang Kesantunan Berbahasa

Dapatan daripada soalan pertama Bahagian B adalah mengenai takrifan kesantunan berbahasa menurut persektif responden. Soalan 1 dikemukakan seperti berikut - *Apakah yang anda faham tentang takrifan kesantunan/kesopanan berbahasa?*. Terdapat empat tema yang dikenal pasti seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Definisi Kesantunan Menurut Kefahaman Mahasiswa IPT

No	Tema	Jumlah	Peratus (%)
T1	Perilaku/Tingkah laku yang sopan	11	23.0
T2	Penggunaan bahasa yang baik/halus/lembut	24	50.0
T3	Adab yang baik ketika berkomunikasi	6	12.5
T4	Lain-lain	7	14.5
Jumlah		48	100

Jadual 1 memperlihatkan sebanyak 11 (23.0%) responden yang memberi takrifan dan kefahaman tentang kesantunan berbahasa menggunakan tema 1 (T1), 24 (50.0%) menggunakan T2, 6 (12.5%) menggunakan T3 dan 7 (14.5%) responden menggunakan T4. T2 mencatat kekerapan tertinggi diikuti T1, T2, T4 dan T3. Bagi T2, responden menggunakan perkataan seperti *bahasa yang halus*, *bahasa yang lembut*, *bahasa yang berlapik*, *bahasa yang sopan*, dan *bahasa yang tersusun*. T1 menjurus kepada pemahaman dari sudut ting-

kah laku atau perilaku yang sopan melalui penggunaan perkataan *tidak mengguris hati orang lain, menjaga perasaan orang, cara berkomunikasi yang baik, nada yang lembut, dan berbudi pekerti*. Manakala T3 ditandai oleh penggunaan perkataan seperti *akhlak yang baik/mulia, adab terpuji, adab bercakap dan bercakap perkara yang baik-baik*. Situasi ini menunjukkan bahawa kearifan dan kefahaman responden mengenai kesantunan berbahasa berada pada tahap yang baik. Mereka bukan sahaja memahaminya dari sudut budaya melalui penggunaan perkataan seperti *bahasa yang baik, sopan, halus* malah turut mengaitkan kesantunan yang mempunyai tautan makna kolokasi dengan ajaran agama Islam, iaitu *adab terpuji dan akhlak yang baik/mulia*. Ini juga membuktikan bahawa tahap kearifan pelajar banyak dibantu oleh pengajaran dan pembelajaran dalam kelas kesantunan berbahasa (yang menekankan aspek kesantunan dari sudut Islam) yang sedang mereka ikuti ketika kajian ini dilakukan.

Menilai Kesantunan Berbahasa Diri Sendiri Ketika Berkomunikasi

Dapatan ini menganalisis soalan 2 dalam soal selidik, iaitu mengenai penilaian responden tentang tahap kesantunan berbahasa diri mereka sendiri ketika berkomunikasi. Terdapat empat tema yang dikenal pasti, iaitu R1- *santun, sederhana* R2 - *santun*, R3 - *tidak pasti* dan R4- *tidak santun* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Penilaian Responden Tentang Tahap Kesantunan Diri Sendiri Ketika Berkomunikasi

No	Tema	Jumlah	Peratus
R1	Santun	42	87.5
R2	Sederhana Santun	2	4.1
R3	Tidak pasti	3	6.2
R4	Tidak santun	1	2.0
Jumlah Keseluruhan		48	100

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 42 (87.5%) responden menganggap diri mereka santun - R1, 2 (4.1%) sederhana santun - R2, 3 (6.2%) masih tidak pasti sama ada mereka dikategorikan sebagai santun atau tidak - R3 manakala hanya 1 (2.0%) responden yang menganggap mereka tidak santun - R4. R1 ditandai oleh perkataan seperti *saya menggunakan bahasa yang baik, tidak mencarut, hormat orang tua, boleh menahan marah, saya selalu berfikir sebelum berkata-kata, dan saya tidak suka orang yang bercakap kasar dan sebagainya*. Dapatan ini turut membuktikan bahawa majoriti responden mempunyai kesedaran dan tanggung jawab yang tinggi terhadap perilaku santun dan masih mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka.

Menilai Kesantunan Berbahasa Rakan Sekuliah Ketika Berkomunikasi

Dapatan bahagian ini dianalisis melalui Soalan 3, iaitu *Adakah anda berpendapat rakan-rakan sekuliah anda seorang yang bersopan-santun ketika berkomunikasi?*. Dapatan terbahagi ke dalam empat tema, iaitu *santun, sederhana santun, tidak pasti* dan *tidak santun* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Pandangan Responden Tentang Kesantunan Rakan Sekuliah Ketika Berkomunikasi

No	Tema	Jumlah	Peratus
RS1	Santun	41	85.4
RS2	Sederhana santun	3	6.2
RS3	Tidak pasti	3	6.2
RS4	Tidak santun	1	2.0
Jumlah Keseluruhan		48	100

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden berpendapat bahawa rakan sekuliah mereka merupakan seorang yang santun diwakili oleh tema RS-*Santun* sebanyak 41 (85.4%) diikuti oleh RS2 dan RS3 dengan ke-

kerapan sebanyak 3 (6.2%) responden masing-masingnya, dan RS4 - Tidak santun yang mewakili kekerapan sebanyak 1 (2.0%). Dapatan ini secara tidak langsung mengukuhkan dapatan Soalan 2 tentang penilaian kesantunan diri sendiri oleh responden, iaitu kesedaran dan rasa tanggung jawab yang tinggi untuk menyantuni di antara satu sama lain sekali gus berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang harmoni. Ini selari dengan dapatan oleh Riduan dan Abd. Ganing (2016) bahawa amalan kesantunan oleh mahasiswa mempunyai hubungan yang signifikan dengan status sebagai golongan terpelajar yang kebanyakannya berfikiran dan bertindak secara profesional.

Kesantunan Ketika Proses Pembelajaran Berlangsung

Seterusnya, soal selidik Bahagian C, iaitu Soalan 4 hingga Soalan 6 akan dibincangkan secara terperinci. Soalan 4 mengenai pandangan responden terhadap situasi santun ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung di dalam kelas melibatkan pensyarah dan pelajar. Empat tema dikenal pasti, iaitu S1- *Memberikan komitmen/tumpuan sepenuhnya di dalam kelas*, S2 - *sentiasa memberikan maklum balas mengikut kesesuaian*, S3 - *menggunakan bahasa yang baik dan sopan*, dan S4 - *menjaga perilaku dan menunjukkan adab yang baik*. Dapatan bagi aspek ini dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Kesantunan Ketika Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Dalam Kelas

No	Tema	Jumlah	Peratus
S1	Memberikan komitmen/ tumpuan sepenuhnya di dalam kelas	24	34.2
S2	Sentiasa memberikan maklum balas mengikut kesesuaian	9	12.8
S3	Menggunakan bahasa yang baik dan sopan	17	24.2
S4	Menjaga perilaku dan menunjukkan adab yang baik	20	28.5
Jumlah Keseluruhan		70	100

Dapatan dalam Jadual 4 di atas memperlihatkan S1 mencatat kekerapan tertinggi, iaitu 24 (34.2%), diikuti S4 sebanyak 20 (28.5%), S3 sebanyak 17 (24.2%) manakala S2 mencatat kekerapan terendah dengan 9 (12.8%) daripada jumlah keseluruhan kekerapan sebanyak 70 (100%). Situasi ini menunjukkan responden beranggapan setiap pelajar perlu menunjukkan komitmen atau tumpuan sepenuhnya ketika proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung sebagai tanda menyantuni pensyarah. S1 ditandai oleh penggunaan perkataan seperti *mendengar dengan tekun, tidak bersempang, membuat latihan yang diberikan, tidak bermain telefon bimbit, dan hadir tepat ke kelas*. S2 pula ditandai oleh penggunaan perkataan *memberikan jawapan ketika disoal, memberikan respon dengan segera, dan berusaha memberikan respon mengikut kesesuaian*. S3 ditandai oleh perkataan *menggunakan bahasa yang baik, tidak menyakiti hati pensyarah, mengawal nada suara, menggunakan kata panggilan/sapaan yang sesuai* dan sebagainya. Seterusnya S4 ditandai oleh perkataan seperti *tidak merendah-rendahkan pensyarah, menunggu giliran bercakap, memberikan pendapat yang bernas, menjaga akhlak dengan pensyarah, menunjukkan penghormatan kepada pensyarah* dan lain-lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden berpendapat elemen kesantunan harus ditonjolkan sebagai satu manifestasi pematuhan tingkah laku terhadap suatu peraturan umum (adab belajar, adab di dalam kelas) yang telah diterima sejak sekian lama. Sebarang bentuk perilaku yang bercanggah dengan peraturan umum dianggap boleh mengganggu proses pembelajaran dan perlu ditangani. Ini ditegaskan oleh Murni (2018) dalam dapatan kajian beliau, iaitu jika pelajar tidak beradab dan cenderung untuk berlaku tidak santun di dalam kelas, pensyarah harus menilai sama ada mereka layak lulus atau tidak dalam kursus yang diambil.

Faktor Yang Mempengaruhi Kesantunan Berbahasa Responden

Soalan 5 akan memperlihatkan dapatan tentang faktor yang mempengaruhi kesantunan responden. Soalannya, iaitu *Apakah faktor yang mempengaruhi kesantunan berbahasa anda selama ini?* Lima tema dikenal pasti melalui jawapan responden, iaitu F1 - *ajaran agama Islam*, F2 - *Didikan Ibu/bapa/keluarga*, F3 - *Diri sendiri*, F4 - *Pensyarah/ guru/ rakan sebaya*, dan F5- *lain-lain*. Kelima-lima tema akan dipaparkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Faktor Yang Mempengaruhi Kesantunan Berbahasa Responden

No	Tema	Jumlah	Peratus
F1	Ajaran Agama Islam	10	15.1
F2	Didikan Ibu bapa/Keluarga	33	50.0
F3	Diri Sendiri	15	22.7
F4	Pensyarah/guru/rakan sebaya	5	7.5
Lain-lain	F5	3	4.5
Jumlah Keseluruhan		66	100

Dapatan memperlihatkan F1 mencatat kekerapan sebanyak 10 (15.1%) responden, F2 sebanyak 33 (50.0%), F3 sebanyak 15 (22.7%), F4 sebanyak 5 (7.5%) dan F5 mencatat kekerapan sebanyak 3 (4.5%) responden. F2 mencatat kekerapan paling tinggi diikuti F3 dan F1 manakala F5 mencatat kekerapan terendah. F2 ditandai oleh penggunaan perkataan seperti *didikan ibu bapa, ibu saudara, nenek dan datuk*. F3 pula dikenal pasti menggunakan perkataan seperti *kehendak untuk menghormati orang lain, prinsip buat baik dibalas baik, tidak suka dengar kata-kata kesat dan kasar, memang nak elak konflik* dan sebagainya. Pematuhan terhadap ajaran agama atau F1 pula dikenal pasti melalui penggunaan perkataan seperti *menjaga agama, didikan agama, dan agama*. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pengaruh ibu bapa dalam mencorakkan anak-anak sangat signifikan. Responden mendapati bahawa ibu bapa dan ahli keluarga adalah contoh terbaik atau *role model* dalam membentuk nilai-nilai baik dalam diri mereka sejak awal.

Perkaitan Kesantunan Berbahasa Dengan Pematuhan Terhadap Ajaran Islam

Soalan 6 menganalisis perkaitan di antara amalan kesantunan berbahasa responden dengan pematuhan terhadap ajaran agama Islam berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Jawapan yang diberikan oleh responden dikenal pasti mengandungi empat tema seperti mana yang dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Perkaitan Kesantunan Berbahasa Responden Dengan Pematuhan Terhadap Ajaran Islam

No	Tema	Jumlah	Peratus
P1	Agama Islam mengajar akhlak yang baik	23	48.0
P2	Agama Islam menuntut seseorang berkata-kata yang halus/santun	15	31.2
P3	Pematuhan terhadap perintah Allah S.W.T	5	10.4
P4	Tiada perkaitan	5	10.4
Jumlah Keseluruhan		48	100

Dapatan menunjukkan empat tema yang dikenal pasti iaitu P1 - *Agama Islam mengajar akhlak yang baik*, P2 - *Agama Islam menuntut seseorang berkata-kata yang halus/sopan*, P3 - *Pematuhan terhadap perintah Allah S.AW*, dan P4 - *Tiada perkaitan*. P1 mencatat kekerapan sebanyak 23 (48.0) sekaligus memperlihatkan dominasi berbanding tema yang lain, diikuti P2 dengan kekerapan sebanyak 15 (31.2%), P3 dan P4 dengan kekerapan sebanyak 5 (10.4%) masing-masingnya. P1 diwakili oleh perkataan seperti *santun manifes-*

tasi iman yang tinggi, Islam titik beratkan nilai baik, agama mengajar kebaikan, Islam mementingkan akhlak yang baik dan sebagainya. Manakala P2 ditandai oleh perkataan-perkataan *Islam mementingkan kesantunan, Islam menuntut sopan santun, Islam menuntut jaga tutur kata, Islam itu lembut* dan sebagainya. Dapatan ini membuktikan bahawa majoriti responden menganggap perilaku santun dan berbahasa dengan halus/santun terhadap orang lain ialah cerminan akhlak yang dituntut serta diajarkan oleh agama Islam. Ia suatu keperluan untuk mewujudkan situasi harmoni dan hidup bebas konflik. Ini menunjukkan bahawa kesantunan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan segala ajaran yang ada di dalam al-Quran dan Sunnah. Walau bagaimanapun, mereka tidak menganggap bahawa santun itu sebagai suatu ibadah yang harus diutamakan berbanding solat, zakat dan sebagainya; justeru kekerapan bagi F3 dicatat rendah. Mereka percaya bahawa seseorang yang menjaga solat secara tidak langsung akan menjaga hubungan di antara manusia dan menjaga tutur kata. Hal ini didapati amat signifikan dengan latar belakang pendidikan sekolah agama/tafhiz ulul albab bagi sebahagian daripada responden yang memperlihatkan kefahaman, kecekapan dan pengamatan nilai-nilai Islam yang tinggi ketika menjawab soal-selidik yang diberikan.

Kesimpulan

Secara jelas, kajian ini berupaya mencapai ketiga-tiga objektif yang digariskan dan memperoleh penerokaan yang menyeluruh tentang perspektif amalan kesantunan berlandaskan agama Islam dalam kalangan pelajar di IPT. Pendekatan diskursif yang digunakan juga telah berupaya memaparkan dapatan yang pelbagai dan wibawa. Amalan kesantunan dalam kalangan pelajar di IPT, terutama UIAM didapati berada pada tahap yang baik, boleh dibanggakan dan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan perspektif agama Islam berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Kajian lanjut mengenai aspek ini harus dilakukan dalam dimensi dan genre yang berbeza bagi menilai amalan berlandaskan al-Quran dan Sunnah secara lebih rinci di masa akan datang.

Rujukan

- Arina Johari, & Indirawati Zahid. (2016). Aplikasi strategi kesantunan dalam rancangan bual bicara motivasi diri radio IKIMfm. *Jurnal Bahasa*, 16(1), hlm. 120-152.
- Arina Johari, & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 73-94.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4).
- Asmah Hj Omar. (2000). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Â Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riduan Makhtar & Abd Ganing Laenkang. (2016). Amalan dan penilaian kesantunan bahasa dalam kalangan pelajar pascasiswazah Melayu muslim. *Journal of Social Science and Humanities, Special Issues 3*, hlm 3-18.
- Murni Mahmud, (2018). Exploring students' politeness perspective at the state university of Makasar. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 12(1), hlm. 36-43.

A decorative border in a golden-brown color, featuring intricate floral and leaf patterns. The border is rectangular with ornate corners and side decorations, framing the central text.

TEMA:

PEMARIABATAN DAN PEN-
GANTARABANGSAAN BAHASA.
SASTERA DAN BUDAYA
(SASTERA)

KONSEP WAKTU MAKAN DALAM KARYA TERJEMAHAN BERBAHASA MELAYU ENID BLYTON

Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail
Universiti Utara Malaysia (UUM)
sfsi@uum.edu.my

ABSTRAK

Sastera untuk kanak-kanak lazimnya sarat dengan elemen budaya, terutama sekali budaya makan, sajian makanan dan pemakanan. Enid Blyton, pengarang Inggeris yang prolifik dikenali dengan kecenderungannya untuk memuatkan budaya Inggeris, termasuklah hidangan yang mewah serta amalan atau ritual makan masyarakat Barat dalam karya beliau. Karya Blyton bukan sahaja dibaca oleh khalayak muda di serata dunia, bahkan karya beliau juga turut dihayati oleh pembaca berbahasa Melayu di Malaysia, khususnya pada dekad 1970-an dan 1980-an. Makalah ini berhasrat untuk meneliti aspek budaya yang terkandung dalam karya Blyton yang diterjemahkan pada dekad 1970-an, dengan fokus diberikan pada konsep waktu makan. Dua karya Blyton yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1974, iaitu *Misteri Desa Bunyi Loceng* dan *Pelajar Paling Nakal Disekolah* telah dianalisis untuk melihat cara penterjemah memindahkan konsep waktu makan ke dalam teks sasaran. Sejumlah 94 cabutan teks yang mempunyai perkataan 'breakfast', 'lunch', 'tea', 'tea-time', 'dinner' dan 'supper', 'supper-time' dan 'brunch' dianalisis untuk melihat prosedur terjemahan yang paling ketara yang diupayakan oleh para penterjemah. Tujuh prosedur terjemahan item khusus budaya yang dikemukakan oleh Eirlys E Davies (2003) telah mendasari analisis. Dapatan memperlihatkan bahawa kedua-dua penterjemah lebih kerap menggunakan proses lokalisasi semasa menterjemah konsep waktu makan. Penggunaan lokalisasi menghasilkan terjemahan yang lebih mesra budaya khalayak sasaran dan pada masa yang sama menyebabkan berlakunya kehilangan makna budaya sumber.

Kata kunci: terjemahan sastera kanak-kanak, Enid Blyton, prosedur terjemahan, item khusus budaya, konsep waktu makan

PENGENALAN

Makanan merupakan elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia dan wahana yang mencerminkan sifat budaya, nilai, tradisi serta latar sesuatu masyarakat (Claramonte & Faber, 2017). Barthes (2012), umpamanya, menyifatkan makanan bukan sahaja sebagai sumber penting yang menghilangkan rasa lapar individu, malah makanan merupakan sistem komunikasi, imej, protokol penggunaan, situasi dan tingkah laku. Barthes menegaskan bahawa apabila makanan dibeli, dimasak atau dihadamkan, ia menggambarkan maklumat tertentu dan mempunyai simbol yang signifikan dalam masyarakat. Makanan juga menentukan golongan tertentu, misalnya makanan yang diharamkan oleh sesetengah kelompok masyarakat dan stereotaip yang dikaitkan dengan kelompok tertentu dengan jenis makanan yang khusus (Counihan & Van Esterik, 2012).

Keeling dan Pollard (2009) mentakrifkan makanan sebagai 'cultural signifier', yakni masyarakat dan budaya terbina daripada makanan memandangkan makanan merupakan elemen kehidupan yang sangat penting. Kedudukan penting makanan dalam proses pembentukan budaya sesuatu masyarakat juga menyebabkan elemen makanan atau budaya makan kerap diangkat dan dimuatkan dalam sastera secara umum (Keeling & Pollard, 2009).

Aspek makanan sering dilihat sebagai rencah utama dan bertindak sebagai daya tarikan yang unik dalam karya kanak-kanak popular. Malah, sarjana seperti Barker (1982), Daniel (2006), Keeling dan Pollard (2009),

serta Stephens (2013) berpandangan bahawa makanan diberikan fungsi yang signifikan dalam kesusasteraan untuk kanak-kanak. Gambaran makanan, sebagai contoh, konsep waktu makan, bentuk dan jenis hidangan serta penyediaan makanan kerap mendominasi penulisan untuk khalayak muda, terutama sekali karya untuk kanak-kanak di Britain (Barker, 1982). Penggunaan makanan dalam sastera untuk kanak-kanak turut dilihat oleh sarjana seperti Katz (1980) sebagai satu bentuk sosiologi untuk alam kanak-kanak yang memperlihatkan bahawa apa-apa yang dimakan oleh kanak-kanak menggambarkan tingkah laku serta pemikiran kanak-kanak. Malah, untuk memahami dunia kanak-kanak, individu perlu memahami terlebih dahulu hubungan antara kanak-kanak dengan makanan (Katz, 1980). Menurut Katz, adab semasa makan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam perlakuan atau ritual makan kanak-kanak dan makanan juga berfungsi dalam mengasuh kanak-kanak untuk belajar mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat.

Ritual atau budaya makan serta waktu makan dalam buku untuk kanak-kanak merupakan alat sosialisasi yang dapat membentuk kanak-kanak sebagai anggota masyarakat (Keeling & Pollard, 2009). Untuk menjadi manusia, individu terikat dengan tabiat dan perlakuan pemakanan yang digariskan oleh budaya individu (Daniel, 2006). Kanak-kanak juga belajar hal yang sama dan turut belajar tentang apa-apa yang boleh dimakan atau tidak boleh dimakan oleh masyarakat tertentu dalam sastera yang dibaca atau diperdengarkan kepada mereka. Menerusi sastera untuk kanak-kanak, khalayak muda ini juga belajar tentang adab, amalan serta perlakuan semasa menjamah makanan dan belajar tentang natijah ketidakpatuhan adab makan (Kratz, 1980). Hal yang sama turut diperhatikan oleh Daniel (2006) yang menekankan bahawa aspek makanan yang terakam dalam sastera mendedahkan kepada kanak-kanak tentang cara atau adab makan yang diterima oleh masyarakat mereka (Daniel, 2006). Dalam sastera untuk kanak-kanak juga, khalayak muda belajar tentang amalan, etika dan sempadan budaya yang berkaitan dengan makanan dan waktu makan. Malah konsep waktu makan yang terdapat dalam buku kanak-kanak turut bertindak sebagai satu peristiwa sosialisasi yang mendidik kanak-kanak tentang budaya serta sikap individu terhadap makanan dan pemakanan (Daniel, 2006).

ENID BLYTON DAN BUDAYA MAKANAN DALAM SASTERA KANAK-KANAK

Seorang pengarang karya untuk kanak-kanak yang terkenal dengan tabiatnya yang kerap memerihalkan aspek makanan dalam hampir setiap karyanya ialah Enid Blyton, iaitu pengarang yang dilahirkan pada zaman pemerintahan Raja Edward VII (*Edwardian era*), yakni era yang menekankan keadilan, penghormatan dan makanan. Zaman Edward di Britain terkenal dengan budaya makan, termasuklah penggunaan sejumlah 362 buah pinggan dan pelbagai jenis hidangan makan malam untuk seramai 24 orang tetamu (Barker, 1982). Meskipun kebanyakan karya Blyton dihasilkan pada zaman perang kedua, namun karyanya masih sarat dengan perincian tentang makanan kesan daripada pengaruh era Edward (Barker, 1982). Karya Blyton bukan sahaja dipenuhi dengan deskripsi tentang makanan yang beraneka jenis, malah latihan perguruan Froebel yang diterima oleh Blyton semasa beliau melalui latihan perguruan terpancar dalam perincian Blyton tentang pilihan makanan yang sihat. Blyton, dalam karyanya, dilihat sering menekankan makanan yang dihasilkan sendiri. Dalam karya beliau yang berjudul *The Ring O' Bell Mystery* (1951), contohnya, Blyton memerikan pentingnya makanan yang dibuat sendiri,

Soon they were all indoor, sitting down to a fine meal of home-made bread, scones and cakes, with home-made jam, and home-made honey in dishes. Mrs. Lynton saw with approval that the three children seemed to have suddenly recovered their enormous appetites. Diana's cheeks began to glow a little and she chattered as fast as the boys. (*The Ring O' Bell Mystery*, hal. 16)

Watak dalam karya ini yang kurang sihat mendapat semula selera makan mereka dan menjadi lebih sihat apabila mereka dihidangkan dengan roti, jem dan madu buatan sendiri dan bukannya yang dibeli. Secara tidak langsung, dalam konteks ini, Blyton memaparkan khasiat dan kelebihan makanan buatan sendiri kepada khalayak pembaca. Penegasan tentang pengambilan makanan yang dihasilkan sendiri dinyatakan secara berulang dalam karya beliau yang lain.

Blyton juga terkenal dengan pemerihalan hidangan yang lazat, mewah dan beraneka jenis dalam karyanya. Dalam naskah beliau, *The Naughtiest Girl in the School* (1940), umpamanya, watak di sekolah berasrama penuh dihidangkan dengan ‘... hot soup first, then beef, carrots, dumplings, onions and potatoes, and then rice pudding and golden syrup’ (hal. 20) untuk sajian makan malam mereka. Huraian makanan yang begitu rencam serta serba berlebihan dalam karya Blyton dilihat sebagai satu bentuk ‘escapism’ (Baker, 1982). Malah, kebanyakan karya Blyton mengandungi ‘orgy of eating’ (pesta makanan) yang merupakan fantasi yang meningkatkan lagi daya tarikan yang terdapat dalam karya pengembaraan Blyton (Tucker, 1981).

Karya Enid Blyton bukan sahaja popular di Britain, malah nama beliau juga dikenali di serata alam. *Index Translationum*, sebagai contoh, menyenaraikan Blyton sebagai antara pengarang yang kerap diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Karya Blyton telah diterjemahkan ke dalam bahasa dunia yang utama, termasuklah bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Denmark, bahasa Perancis, bahasa Jepun, bahasa Portugis, bahasa Norway, bahasa Thai, bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Di Malaysia, karya Blyton telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penerbit seperti Penerbitan Fargoes, Penerbit Hasrat Pelajar, Penerbit Pan-Earth, dan Federal Publications. Sejumlah 176 judul buku Blyton telah diterjemahkan antara tahun 1974 hingga 1989. Lambakan terjemahan ini menimbulkan banyak persoalan, khususnya tentang tatacara atau prosedur yang diguna suai oleh penterjemah pada waktu itu untuk mengalihbahasakan karya Blyton yang sendat dengan budaya serta pemikiran Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Makalah ini berhasrat untuk meneroka prosedur terjemahan yang diupayakan oleh penterjemah berbahasa Melayu dengan meneliti dua karya Blyton, *The Ring O’Bell Mystery* (1951) dan *The Naughtiest Girl in the School* (1940) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1974 oleh Penerbitan Fargoes. Fokus diberikan kepada cara penterjemah menterjemahkan aspek makanan, terutamanya konsep waktu makan (*mealtimes*) yang terdapat dalam teks asal. Pendekatan terjemahan item khusus budaya (*culture-specific items*) Eirlys E. Davies (2003) diguna pakai untuk menganalisis prosedur terjemahan kedua-dua penterjemah untuk melihat sama ada terjemahan yang dihasilkan berteraskan teks sasaran atau berteraskan teks sumber.

KAEDAH KAJIAN

Analisis telah dilakukan dengan membandingkan konsep waktu makan yang terdapat dalam teks sumber berbahasa Inggeris, iaitu *The Ring O’Bell Mystery* (1951) (selepas ini dikenali sebagai *TROBM*) dan *The Naughtiest Girl in the School* (1940) (selepas ini dikenali sebagai *TNGS*) dengan karya terjemahan dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Penerbitan Fargoes pada dekad 1970-an, iaitu *Misteri Desa Bunyi Loceng* (1974) (selepas ini dikenali sebagai *MDBL*) dan *Pelajar Paling Nakal Disekolah* (1974) (selepas ini dikenali sebagai *PPND*). Sejumlah 94 cabutan teks (55 cabutan daripada ‘*The Ring O’ Bell Mystery*’ dan 30 cabutan daripada ‘*The Naughtiest Girl in the School*’) yang mempunyai perkataan ‘breakfast’, ‘lunch’, ‘tea’, ‘tea-time’, ‘supper’, ‘supper-time’, ‘dinner’ dan ‘brunch’ telah dianalisis untuk melihat cara kedua-dua penterjemah menangani konsep waktu makanan tersebut dalam karya terjemahan mereka. Sejumlah 105 perkataan ini telah diteliti daripada 94 cabutan tersebut untuk mengenal pasti padanannya dalam teks sasaran. Penyelidik telah meneliti keempat-empat teks serta menyenaraikan kekerapan penggunaan kelapan-lapan perkataan tersebut dalam teks sumber dan padanannya dalam teks sasaran sebelum membuat perbandingan secara rinci.

Data dianalisis dengan menggunakan prosedur terjemahan item khusus budaya yang diketengahkan oleh Davies (2003). Davies mengemukakan tujuh tatacara atau prosedur yang digunakan oleh penterjemah apabila memindahkan elemen sarat budaya yang terkandung dalam teks sumber ke dalam teks sasaran. Ketujuh-tujuh prosedur tersebut diterangkan dalam jadual berikut:

Jadual 1.0 Prosedur terjemahan item khusus budaya Davies (2003)

Bil.	Prosedur	Penerangan
1	Pengekalan (<i>Preservation</i>)	Tatacara yang mengekalkan item budaya teks sumber dalam teks sasaran. Apabila penterjemah berhadapan dengan elemen yang tiada kesetaraan atau persamaan dalam budaya teks sasaran, penterjemah akan meminjam leksikal budaya teks sumber dalam terjemahannya. Pengekalan menyebabkan berlakunya kehilangan makna khusus yang mungkin terdapat dalam teks sumber. Pengekalan juga berlaku apabila penterjemah memindahkan item budaya teks sumber secara literal tanpa memberikan sebarang penerangan lanjut.
2	Penambahan (<i>Addition</i>)	Penambahan berlaku apabila penterjemah memutuskan untuk mengekalkan item asal dan menambah maklumat yang perlu dalam teks sasaran. Penterjemah mungkin menambah maklumat ke dalam teks secara langsung. Hal ini menghasilkan maklumat yang berlebihan yang mengganggu naratif atau gaya teks asal. Menurut Davies (2002), penterjemah mungkin menambah maklumat menerusi penjelasan yang diberikan oleh watak atau menggunakan nota kaki. Penterjemah yang mahir akan melakukan penambahan yang tidak begitu menonjol atau ketara.
3	Pengguguran (<i>Omission</i>)	Pengguguran ialah tatacara yang melibatkan pembuangan maklumat tertentu dalam teks sasaran. Penterjemah melakukan pengguguran atas beberapa sebab, misalnya kerana penterjemah tidak menemukan cara yang sesuai untuk menyampaikan maksud asal atau disebabkan penterjemah tidak memahami teks sumber. Penterjemah juga mungkin melihat bahawa item yang bermasalah, yang boleh mengelirukan pembaca, tidak wajar dipindahkan ke dalam teks sasaran.
4	Globalisasi (<i>Globalization</i>)	Globalisasi melibatkan proses penggantian item khusus budaya dengan item yang lebih sejadi atau umum, yakni rujukan yang difahami oleh khalayak daripada pelbagai latar.
5	Lokalisasi (<i>Localization</i>)	Lokalisasi merupakan tatacara yang digunakan oleh penterjemah untuk memerihalkan sesuatu konsep secara bebas budaya. Penterjemah akan mengenal pasti rujukan yang sedia ada dalam budaya khalayak sasaran dan berusaha untuk menghasilkan teks sasaran yang lebih mesra pembaca sasaran. Dengar erti kata lain, penterjemah akan cuba mendekati teks sumber kepada budaya penerima. Lokalisasi menyebabkan teks sasaran kelihatan seolah-olah terhasil daripada budaya bahasa sasaran.
	Transformasi (<i>Transformation</i>)	Transformasi merujuk tatacara yang diupayakan oleh penterjemah apabila teks sasaran memerlukan perubahan yang sangat besar. Transformasi juga menyebabkan perubahan makna.
	Penciptaan (<i>Creation</i>)	Penciptaan jarang berlaku dan melibatkan penterjemah menghasilkan item budaya yang baharu yang tidak terdapat dalam teks sumber.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini melibatkan prosedur terjemahan waktu makan yang digunakan dalam kedua-dua teks sasaran yang dipilih.

Terjemahan Konsep Waktu Makan

Budaya Inggeris mempunyai lima waktu makan yang lazim, bermula daripada ‘breakfast’ (sarapan), diikuti oleh ‘lunch’ (makan tengah hari), ‘tea’ (minum petang), ‘dinner’ (makan malam) dan diakhiri dengan ‘supper’ (makan lewat malam). Jadual di bawah menunjukkan kekerapan kemunculan waktu makan dalam kedua-dua teks sumber.

Jadual 2.0 Kekerapan waktu makan dalam teks sumber berbahasa inggeris yang dianalisis

Waktu Makan/Teks	Kekerapan Kemunculan dalam <i>The Ring O’Bells Mystery</i> (1951)	Kekerapan Kemunculan dalam <i>The Naughtiest Girl in the School</i> (1940)
<i>Breakfast</i>	23	10
<i>Lunch</i>	10	0
<i>Tea/Tea-time</i>	15	21
<i>Dinner</i>	2	4
<i>Supper/Supper-time</i>	8	7
<i>Brunch</i>	5	0
<i>Jumlah</i>	63	42

Kelima-lima waktu makan tersebut dipindahkan oleh penterjemah dengan menggunakan prosedur yang berbeza. Jadual 2.0 merincikan padanan yang digunakan oleh penterjemah semasa mengalihkan waktu makan daripada budaya Inggeris kepada waktu makan dalam teks sasaran dalam kedua-dua teks yang dianalisis.

Jadual 3.0 Padanan dan prosedur terjemahan konsep waktu makan dalam teks sasaran

Waktu Makan/Teks	Padanan dalam <i>Misteri Desa Bunyi Loceng</i> (MDBL) (1974)	Prosedur	Padanan dalam <i>Pelajar Paling Nakal Disekolah</i> (PPND) (1974)	Prosedur
<i>Breakfast</i>	Sarapan (12)	Lokalisasi	Makan pagi (3)	Lokalisasi
	Sarapan pagi (7)	Penambahan	Minum pagi (3)	Lokalisasi
	Makan Pagi (2)	Lokalisasi	Makan (2)	Globalisasi
	Roti	Transformasi		
	Tidak diterjemahkan (1)	Pengguguran	Tidak diterjemahkan (2)	Pengguguran
<i>Lunch</i>	Makan tengahari (10)	Lokalisasi	0	0
<i>Tea</i>	Minum petang (9)	Lokalisasi	Minum teh (10)	Pengekalan
	Minum teh (3)	Pengekalan	Minum (2)	Globalisasi
	Minum (2)	Globalisasi	Makan (1)	Globalisasi
	Tidak diterjemahkan (1)	Pengguguran	Tidak diterjemahkan (8)	Pengguguran

<i>Dinner</i>	Makan malam (2)	Lokalisasi	Makan (2)	Globalisasi
			Makanan (1)	Globalisasi
			Nasi (1)	Penciptaan
<i>Supper</i>	Makan malam (6)	Globalisasi	Makan malam (3)	Globalisasi
	Tidak diterjemahkan (2)	Pengguguran	Makan (2)	Globalisasi
			Makan tengahari (1)	Penciptaan
			Minum teh (1)	Penciptaan
<i>Brunch</i>	Makan (1)	Globalisasi	0	0
	Makan tengah hari (1)	Globalisasi		
	Tidak diterjemahkan (3)	Pengguguran		

Jadual 3.0 mendedahkan bahawa penterjemah teks *TROBM* memilih untuk menterjemahkan konsep ‘breakfast’ sebagai ‘sarapan’ atau ‘makan pagi’ seperti yang digunakan dalam budaya teks sasaran. *Oxford Fajar Advanced Learner’s English-Malay Dictionary* (2000) menterjemahkan ‘breakfast’ sebagai ‘sarapan’ (hal. 203) begitu juga Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0 (PRPRMV2). PRPRMV2 menterjemahkan ‘breakfast’ sebagai ‘sarapan’ atau ‘makan pagi’. Prosedur lokalisasi juga ketara diupayakan dalam terjemahan teks *TNGS* (1940) apabila ‘breakfast’ dipindahkan sebagai ‘makan pagi’. ‘Breakfast’ turut ditukar sebagai ‘sarapan pagi’ dalam *TROBM* dengan penambahan perkataan ‘pagi’ dalam padanan. Penambahan ini dilihat sebagai lewah kerana perkataan ‘sarapan’ sudah jelas menunjukkan hidangan pertama yang diambil pada waktu pagi. Lokalisasi juga diupayakan oleh penterjemah *TNGS* (1940) apabila konsep sarapan ini dipindahkan sebagai ‘minum pagi.’ Konsep ‘minum pagi’ dalam budaya Melayu kebiasaannya tidak merujuk ‘sarapan’ secara khusus tetapi lebih kepada amalan minum pada waktu pagi. Konsep ‘breakfast’ dalam *MDBL* (1974) juga turut digantikan dengan padanan ‘roti’, seperti yang ditunjukkan dalam konteks berikut:

Teks Sumber: “I told you I managed a troupe of monkeys – with Miranda’s help,” said Barney, munching away at breakfast and ham (*TROBM*, 1951, hal. 93).

Teks Sasaran: “Kan aku dah kata aku menjaga sekumpulan beruk – dengan pertolongan Miranda,” kata Baharum sambil mengunyah roti (*MDBL*, 1974, hal. 108).

Penterjemah menggantikan frasa ‘munching away at breakfast’ dengan ‘mengunyah roti’ untuk menunjukkan hidangan khusus yang dijamah oleh watak, iaitu ‘roti’ dan tidak mengekalkan konsep ‘sarapan’ yang lebih generik. Transformasi ini mengubah fokus ‘bersarapan’ kepada hidangan yang dimakan semasa sarapan, iaitu ‘roti’. Pada masa yang sama, hidangan ‘ham’ yang diterjemahkan oleh PRPRMV2 sebagai ‘daging paha babi yang dimasinkan, dikeringkan, atau disalai’ digugurkan dalam konteks ini memandangkan watak Baharum dalam teks ini merupakan watak yang beragama Islam. Demi menjaga sensitiviti khalayak sasaran, penterjemah memadam terus sajian ‘ham’ dalam teks sasaran.

Pengguguran ‘breakfast’ dalam *MDBL* (1974) berlaku untuk mengurangkan perulangan situasi bersarapan seperti yang dapat dilihat dalam konteks berikut:

Teks Sumber: “Yes, she can,” said her cousin, who was clearing away the breakfast things (*TROBM*, 1951, hal. 21).

Teks Sasaran: “Ya, dia boleh,” kata sepupunya, yang sedang mengemas meja makan itu (*MDBL*, 1974, hal. 20).

Dalam konteks ini, penterjemah mungkin memilih untuk tidak menterjemahkan frasa ‘breakfast things’ kerana situasi sebelum ini jelas menunjukkan bahawa watak bersarapan dan perulangan ‘sarapan’ dalam keadaan tersebut boleh mengurangkan kesan natural dalam teks sasaran.

Dalam *PPND* (1974) pula, ‘breakfast’ tidak dipindahkan sebagai ‘makan pagi’, tetapi hanya sebagai ‘makan’ yang menghasilkan padanan yang lebih umum dalam dua konteks berikut:

Teks Sumber: She was in too big a hurry to get to breakfast in time, and besides she didn't dream that anyone ... (TNGS, 1940, hal. 38).

Teks Sasaran: Nora nak cepat turun makan dan tidak menyangka ada murid yang ... (PPND, 1974, hal. 43).

Penterjemah memilih prosedur globalisasi dalam konteks ini kerana dalam petikan sebelum ini khalayak telah disajikan dengan maklumat bahawa watak mahu bersarapan. Hal yang sama juga berlaku dalam satu lagi situasi apabila pembaca sudah dimaklumkan terlebih dahulu bahawa keadaan yang dipaparkan dalam jalan cerita berlaku semasa watak sedang makan pagi.

Teks Sumber: ...just then, and after breakfast, as the girls were making their beds, Joan went up to Elizabeth (TNGS, 1940, hal. 117).

Teks Sasaran: Selepas makan Kumala datang mendapatkan Jamilah. (PPND, 1974, hal. 126).

Menurut Davis (2003), globalisasi memudahkan pembaca sasaran memahami rujukan yang lebih umum. Keputusan penterjemah untuk mempraktikkan ekonomi dalam pemilihan perkataan serta memastikan perulangan tidak berlaku, secara tidak langsung, menghasilkan terjemahan yang lebih sejadi.

Selain, konsep 'breakfast', konsep 'tea' juga diterjemahkan dengan pelbagai prosedur. Penterjemah teks TNGS (1940) kerap menggunakan prosedur pengekalan, iaitu menterjemahkan 'tea' secara langsung, 'minum teh' dan bukannya menggunakan lokalisasi, 'minum petang' yakni padanan yang lebih sesuai dalam konteks budaya sasaran. Penterjemah TROBM (1951) didapati lebih cenderung untuk menggunakan lokalisasi dalam terjemahan konsep 'tea' apabila menukarkan konsep ini sebagai 'minum petang.' Kedua-dua penterjemah TROBM (1951) dan TNGS (1940) juga mengupayakan prosedur globalisasi apabila memindahkan konsep 'tea' sebagai 'minum' dalam beberapa konteks, umpamanya:

Teks Sumber: "You've done enough walking for to-day," said Miss Pepper firmly, when the children came down to tea, showing signs of a healthy appetite. "Just potter about the garden after tea. You can feed the chicken for Miss Hannah and collect the eggs" (TROBM, 1951, hal. 35).

Teks Sasaran: "Sudah cukup kau semua berjalan hari ini," kat Cik Pipah dengan tegas, apabila budak-budak itu turun minum petang itu. Mereka telah menunjukkan tanda-tanda selera makan. "Pergilah berjalan sikit-sikit di taman itu, lepas minum nanti. Kau orang boleh tolong Cik Hasnah beri makan ayamnya dan mengutip telur-telur ayam itu" (MDBL, 1974, hal. 38).

Dalam konteks di atas, penterjemah tidak menterjemahkan 'tea' sebagai 'minum petang' kerana dalam petikan yang sama, 'tea' telah diterjemahkan sebagai 'minum petang.' Tanpa mengulangi frasa 'minum petang' seperti yang berlaku dalam teks sumber, khalayak sudah maklum 'minum' dalam konteks ini merujuk peristiwa 'minum petang' yang sama.

Konsep 'tea' kerap digugurkan dalam TNGS (1940), iaitu sebanyak lapan kali. Dalam TNGS, ayat 'Tea was laid in the dining-room' (hal. 29) tidak langsung diterjemahkan, begitu juga dengan ayat 'The children put their tuck-boxes on a bare table, and placed on some empty plates there the cake or sandwich, jam or paste they meant to share at tea' (TNGS, 1940, hal. 29) yang hanya diterjemahkan sebagai 'Murid-murid semua mengeluarkan kuih-kuih mereka untuk dimakan bersama-sama' (PPNS, 1974, hal. 31) dan tidak diterjemahkan sepenuhnya. Pengguguran maklumat yang sama, iaitu 'tea' turut tergambar dalam terjemahan ayat 'She did—and the two girls sucked it happily after tea that day, as they wandered round the school garden' (TNGS, 1940, hal. 82) apabila penterjemah memendekkan gambaran yang panjang tersebut kepada 'Mereka berdua bergembira menikmati gula-gula yang dibeli oleh Kumala sambil berjalan-jalan di kawasan sekolah' (PPNS, 1974, hal. 91). Pengguguran yang agak besar ini mungkin dilakukan oleh penterjemah yang melihat bahawa deskripsi minum petang, perkongsian hidangan semasa minum petang serta hidangan yang dijamah oleh watak tidak perlu dipindahkan sepenuhnya ke dalam teks sasaran.

'Supper' yang merupakan budaya makan lewat malam yang terdapat dalam budaya Inggeris merupakan budaya yang asing dalam masyarakat Melayu. Ketiadaan budaya 'supper' dalam budaya Melayu tergambar

dengan tindakan penterjemah kedua-dua teks yang memilih prosedur globalisasi dengan memindahkan konsep ‘supper’ sebagai ‘makan malam’, meskipun padanan ini kurang tepat lantaran ‘makan malam’ lebih sesuai untuk konteks ‘dinner’. Penterjemah *TNGS* (1940) juga memilih untuk menterjemahkan ‘supper’ kepada konsep yang lebih generik, iaitu ‘makan’ apabila pemilihan perkataan itu tidak mengubah jalan cerita seperti yang dapat dilihat dalam dua petikan berikut:

Teks Sumber: After supper there was a concert in the music master’s room. Elizabeth ran up to Joan and spoke to her. “Joan! Come and hear Mr. Lewis playing tonight. (*TNGS*, 1940, hal. 60)

Teks Sasaran: Selepas makan Jamilah berkata kepada Kumala. “Kumala! Mari kita dengar Encik Yong bermain piano.” (*PPND*, 1974, hal. 69)

Teks Sumber: They had supper – and then poor Elizabeth had to go straight upstairs to bed. (*TNGS*, 1940, hal. 77)

Teks Sasaran: Mereka makan – dan selepas itu Jamilah terpaksa tidur. (*PPND*, 1974, hal. 87)

Prosedur yang diupayakan oleh penterjemah dalam konteks di atas tidak menjejaskan kelancaran terjemahan meskipun berlaku kehilangan makna teks sumber dalam kedua-dua petikan.

Dalam *TROBM* (1951), terdapat konsep ‘brunch’ dalam teks sumber. ‘Brunch’ yang diterjemahkan oleh *Oxford Fajar Advanced Learner’s English-Malay Dictionary* (2000) sebagai ‘hidangan makan lewat pagi untuk menggantikan sarapan dan makan tengah hari’ (hal, 214) muncul sebanyak lima kali dalam *TROBM*. Dalam teks sasarannya, iaitu *MDBL* (1974), konsep ‘brunch’ ini diterjemahkan sekali sebagai ‘makan’ dan sekali lagi sebagai ‘makan tengahari’ serta digugurkan sebagai tiga kali.

Teks Sumber: Presently Miss Hannah called to them. “Are you coming to brunch?” (*TROBM*, 1951, hal. 190).

Teks Sasaran: Tidak lama kemudian, Cik Hasnah memanggil mereka. “Kau orang tak mahu makan kah?” (*MDBL*, 1974, hal. 228).

Dalam petikan di atas, penterjemah menggunakan prosedur globalisasi apabila menterjemah ‘brunch’ sebagai ‘makan’ sahaja. Penggunaan ini telah menyembunyikan situasi sebenar dalam jalan cerita teks asal, yakni keadaan watak yang tidak sempat bersarapan kerana sibuk merungkaikan misteri yang sedang mereka tangani.

Dalam petikan berikut pula, prosedur pengguguran yang diamalkan oleh penterjemah menyebabkan kehilangan makna yang penting yang terdapat dalam teks asal.

Teks Sumber: “Brunch?” said Diana, doubtfully. “What’s that?” “Just a mixture of breakfast and lunch,” called back Miss Hannah cheerfully. “It’s nearly twelve o’clock, you know – too late for breakfast, too early for lunch – so you’ll have to make do with brunch” (*TROBM*, 1951, hal.191).

Teks Sasaran: “Oh! ya,” kata Lina. “Dah hampir pukul dua belas sekarang kau tau – dah lambat untuk sarapan, tapi masih terlalu awal untuk makan tengahari – bagaimanapun, terpaksa lah engkau makan tengahari,” kata Cik Hasnah (*MDBL*, 1974, hal. 229).

Pertanyaan watak Diana tentang ‘brunch’ yang merupakan perkara baharu kepada watak tersebut dan penerangan yang diberikan oleh watak Miss Hannah tentang konsep ini mungkin dapat menyampaikan pengetahuan baharu kepada khalayak pembaca teks berbahasa Inggeris. Namun pengetahuan yang sama ini tidak dikongsi dalam teks sasaran, mungkin disebabkan keterasingan konsep ‘brunch’ kepada khalayak pembaca teks sasaran pada waktu itu. Pengguguran konsep ‘brunch’ dalam teks bahasa Melayu menyebabkan berlaku kehilangan makna yang besar yang dibawa oleh Blyton dalam teks asal. Dalam petikan yang sama juga ‘brunch’ digantikan dengan ‘makan tengahari’ dan kesan yang sama, tentang watak yang tidak dapat makan sarapan mahupun makan tengah hari dalam teks sumber, tidak dialami oleh watak dalam teks sasaran. Watak dalam teks sasaran tidak mempunyai pilihan untuk hidangan ‘brunch’ tetapi perlu menjamah hidangan tengah hari seperti yang dipaparkan dalam teks sasaran.

Dua petikan daripada teks sumber berikut, ‘Brunch proved to be a really wonderful meal, beginning with bacon and eggs, going on to tongue and salad and finishing up with tinned pineapple and cream. Snubby approved highly’ (*TROBM*, 1951, hal.191) dan “Why don’t we always have brunch?” he said (*TROBM*, 1951, hal. 191) tidak langsung diterjemahkan dalam teks berbahasa Melayu. Selain ‘brunch’, hidangan yang dimakan oleh watak-watak dalam teks sumber, iaitu ‘bacon and eggs’, ‘tongue and salad’ dan ‘tinned pineapple and cream’ juga tidak dipindahkan ke dalam teks sasaran. Tidak seperti pembaca teks sumber yang boleh membayangkan kelazatan kepelbagaian hidangan yang dijamah oleh watak dalam teks sumber, deskripsi ini disisihkan dalam teks sasaran dan menyebabkan pembaca sasaran tidak dapat menghayati gambaran yang sedemikian dalam pembacaan mereka.

Dalam satu lagi petikan, seperti yang ditunjukkan berikut, penterjemah hanya menggugurkan konsep ‘brunch’ daripada teks sumber dan mengekalkan gambaran yang lain dalam teks sasaran.

Teks Sumber: Snubby sighed happily. “Gosh – another whole week of brunches and rides and games with Loony and Loopy and Miranda, and Barney living with us here – it’s too good to be true.” (*TROBM*, 1951, hal.191)

Teks Sasaran; Bongkok menarik nafas panjang dengan senang hati. “Wah – seminggu lagi tinggal di sini dan menunggang kuda, bermain dengan Loony dan Loopy dan Miranda, dan Baharum pula tinggal bersama-sama kita di sini – aku rasa macam mimpi” (*MDBL*, 1974, hal. 229).

Pengguguran konsep ‘brunch’ dalam teks sasaran, seperti yang disentuh sebelum ini, menyebabkan kehilangan makna konteks teks asal.

Secara umumnya, prosedur terjemahan yang diupayakan oleh kedua-dua orang penterjemah teks berbahasa Melayu ini dapat diringkaskan dalam jadual 4.0.

Jadual 4.0 Kekerapan prosedur terjemahan untuk konsep waktu makan dalam teks sasaran

Prosedur	<i>Misteri Desa Bunyi Loceng (MDBL) (1974)</i>	<i>Pelajar Paling Nakal Disekolah (PPND)(1974)</i>	Jumlah
Lokalisasi	35	6	41
Globalisasi	10	13	19
Pengguguran	7	10	14
Penambahan	7	0	7
Penciptaan	0	3	4
Transformasi	1	0	1
Pengekalan	3	10	0
Jumlah	63	42	105

Jadual 4.0 memperlihatkan bahawa prosedur lokalisasi merupakan prosedur yang paling kerap diupayakan dalam kedua-dua teks sasaran yang dianalisis. Lokalisasi lebih mudah digunakan untuk mengungkap konsep teks asal yang memang sudah ada padanannya dalam bahasa sasaran, umpamanya ‘sarapan’ dan ‘makan pagi’ untuk ‘breakfast’, ‘makan tengah hari’ untuk ‘lunch’, ‘makan malam’ untuk ‘dinner’ dan ‘minum petang’ untuk ‘tea’. Globalisasi juga disesuaikan oleh penterjemah apabila konsep yang sama digunakan secara berulang dan penterjemah lebih berminat untuk menyetengahkan rujukan umum yang tidak menggugat maksud asal yang disampaikan oleh Blyton dalam karyanya. Pengguguran juga merupakan prosedur yang perlu dilakukan oleh penterjemah apabila terdapat konsep yang tidak wajar diterjemahkan atau terlalu lewah sekiranya diulang semula dalam teks sasaran.

KESIMPULAN

Umumnya, penterjemah kedua-dua teks lebih cenderung untuk menggunakan prosedur lokalisasi, yakni mengenal pasti serta menggunakan padanan yang tersedia ada dalam bahasa sasaran semasa memindahkan konsep waktu makan daripada budaya Inggeris. Lokalisasi menghasilkan terjemahan yang tampak berteraskan teks sasaran dan menyuntik unsur tempatan dalam teks berbahasa Melayu. Namun begitu, prosedur terjemahan ini telah mengurangkan konteks teks asal, terutamanya konsep sebenar waktu makan yang diamalkan oleh watak dalam teks sumber. Hasilnya, keterbatasan padanan yang terdapat dalam teks sasaran menyebabkan khalayak teks sasaran tidak melalui pengalaman yang setara seperti khalayak teks sumber. *Weltanschauung* Inggeris yang dirancakkan oleh Blyton berhubung aturan waktu makan masyarakat tersebut juga tidak digemakan dalam teks terjemahan berbahasa Melayu pada dekad 1970-an.

RUJUKAN

- Barker, K. (1982). The use of food in Enid Blyton's fiction. *Children Literature in Education*, 13, 4-12.
- Barthes, R. (2012). Toward a psychosociology of contemporary food consumption. Dalam C. Counihan & P. Van Esterik (Eds.), *Food and culture: A reader* (hal. 28-35). London: & New York: Routledge.
- Blyton, E. (1940). *The naughtiest girl in the school*. Surrey: Armada.
- Blyton, E. (1951). *The Ring O' Bells mystery*. Surrey: Armada.
- Blyton, E. (1974). *Misteri Desa Bunyi Loceng* (Sidang Terjemahan Penerbitan Fargoes, Penterj.). Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- Blyton, E. (1974). *Pelajar nakal disekolah* (Sidang Terjemahan Penerbitan Fargoes, Penterj.). Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- Claramonte, M. A. V., & Faber, P. (2017). Translation and food: The case of mestizo writers. *Journal of Multicultural Discourses*, 12(3), 189-204. DOI: [10.1080/17447143.2017.1339352](https://doi.org/10.1080/17447143.2017.1339352)
- Counihan, C., & Van Esterik, P. (2012). Why food? Why culture? Introduction to the third edition. Dalam C. Counihan & P. Van Esterik (Eds.), *Food and culture: A reader* (hal.1-15). London: & New York: Routledge.
- Daniel, C. (2006). *Voracious children: Who eats whom in children's literature*. New York & London: Routledge.
- Davies, E. E. (2003). A goblin or a dirty nose? The treatment of culture-specific references in translations of the Harry Potter book. *The Translator*, 9(1), 65- 100.
- Hornby, A. S. (2000). *Oxford Fajar advanced learner's English-Malay dictionary* (Asmah Haji Omar, Penterj.). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Katz, W. R. (1980). Some uses of food in children's literature. *Children's Literature in Education*, 11(4), 192-199. <https://doi.org/10.1007/BF01130849>
- Keeling, K. K., & Pollard, S. (Eds.). (2009). *Critical approaches to food in children's literature*. New York and London: Routledge.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Stephens, M. A. (2013). Nothing more delicious: Food as temptation in children's Literature. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Georgia Southern University, Amerika Syarikat. Diakses daripada <https://digitalcommons.georgiasouthern.edu/etd/50>

SYAIR WARISAN ISLAM DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU RIAU: IDENTIFIKASI, FUNGSI DAN PERTUNJUKAN

Dr. Sudirman Shomary, M.A.
Pensyarah Sastera Melayu/Indonesia FKIP Universitas Islam Riau,
Pekanbaru Indonesia
sudirmanshomary@edu.uir.ac.id

ABSTRAK

Aagama Islam bukan hanya membawa warisan *dinnul Islam* (berupa ajaran akidah, syariah-ibadat dan akhlak), tetapi juga membawa perubahan dalam budaya Melayu Riau. Dalam bidang sastera, Islam telah mewariskan genre syair. Syair merupakan puisi Melayu tradisional yang bertulis. Di Provinsi Riau dan Kepulauan Riau syair sampai sekarang selalu dipertunjukkan kepada khalayak. Syair tersebut sudah dikarang sejak zaman Kerajaan Johor-Riau-Lingga, Siak, Pelalawan dan Inderagiri, mulai abad ke-17. Beberapa pengarang syair Melayu Riau yang popular hingga kini ialah Raja Ali Haji, Raja Aisyah Sulaiman dan pengarang keluarga Melayu-Bugis lainnya. Di Provinsi Kepulauan Riau semasa Kerajaan Riau Lingga terdapat ramai penyair dengan berbagai karyanya. Di Provinsi Riau seperti Inderagiri terdapat pula *Syair Khabar Kiamat* dikarang oleh Tuan Guru Abdurrahman Siddiq al-Banjari. Di Rantau Kuantan popular pula *Syair Raja Jumjumah* yang merupakan saduran daripada *Hikayat Raja Jumjumah*. Di beberapa surau dan masjid yang mengajarkan suluk dan tarikat kepada jemaahnya terutama di Rokan Hulu, Rokan Hilir dan Kampar selalu pula dibacakan syair tentang tarikat, nasihat agama dan keutamaan sholat, sedekah dan ibadah lainnya. Manakala di Kampar syair berbentuk nazam, selalu dilafalkan sebagai *nolam*. Berbeza dengan nazam yang ditemukan di Trengganu dan Pahang (Malaysia) yang amnya terdiri dari dua baris se bait. Tetapi, dari segi isi sama-sama menerangkan tentang kehidupan Nabi Muhammad SAW, keluarganya, dan beberapa ilmu agama Islam. Beberapa tajuk syair dijumpai di Riau iaitu *Syair Nabi Lahir*, *Syair Nabi Bercukur*, *Syair Nabi Berhempas*, *Syair Nabi Berniaga*, *Syair Nabi Isra' Mi'raj*, *Syair Nabi Wafat*, *Syair Siti Syarifah*, *Syair Kanak-kanak*, *Syair Ratapan Yatim* dan *Syair Bunga*. Secara umum, syair berfungsi sebagai media pendidikan dan media dakwah yang bersifat tidak formal tradisional serta media hiburan. Selain itu, pertunjukan syair berperanan mempertahankan, menyebarluaskan dan meneruskan karya sastra tersebut kepada khalayaknya. Oleh itu, kuantiti pertunjukan syair cukup banyak, sesuai dengan Hari Besar Agama Islam. Misalnya, *Syair Nabi Lahir* ditampilkan pada Hari Maulid Nabi, *Syair Nabi Isra' Mi'raj* di persembahkan apabila memperingati Hari Isra' Mi'raj Nabi Muhammad SAW. Manakala *Syair Kanak-kanak* dibacakan ketika bertakziah ke rumah ahli masyarakat yang kematian kanak-kanaknya. Pertunjukan syair tentang Nabi Muhammad SAW, keluarganya dan ilmu agama Islam biasanya dilaksanakan di masjid atau surau, sedangkan apabila *Syair Kanak-kanak*, dan *Syair Ratapan Yatim* biasanya di rumah duka atau ahli kampung yang mendapat musibah. Syair dibacakan dengan lagu atau irama tertentu. Dalam pembacaan nazam, tukang nolam mengubah bahasa/kata-katanya. Bahasa syair dalam teks menggunakan bahasa Melayu Tinggi, dalam pertunjukannya tukang nolam mengubahnya ke dalam bahasa Melayu dialek Limo Koto .

Kata Kunci: Syair Melayu, Riau dan Kepulauan Riau, identifikasi, pertunjukan, fungsi.

PENGENALAN

Wilayah budaya Melayu Riau meliputi dua wilayah administratif/pentadbiran, iaitu Provinsi Riau dan Provinsi Kepulauan Riau. Provinsi Riau terletak di Pulau Sumatera Pesisir Timur dengan ibukotanya Pekanbaru dan Provinsi Kepulauan Riau terletak di Selat Melaka dengan ibukotanya Tanjung Pinang. Kedua Provinsi ini berbatasan langsung dengan Kerajaan Negeri Johor dan Melaka (Malaysia) dan Singapura. Dalam zaman Kerajaan Melayu, Provinsi Riau melingkupi Kerajaan Siak, Kampar-Pelalawan, Inderagiri, Rokan, Gunung Sahilan, dan Provinsi Kepulauan Riau menjadi bagian dari Kerajaan Johor-Riau-Pahang dan kemudian Riau Lingga. Sedangkan dalam administrasi Kolonial Belanda dahulu, Provinsi Riau

merupakan bagian Oosten Soematra's Residentie beribukota di Medan dan Weskust Soematra's Residentie beribukota di Padang, sedangkan Provinsi Kepulauan Riau termasuk kepada Riouw Residentie dengan ibukotanya di Tanjung Pinang (Mughtar Luthfi, et. al, 1977).

Secara sosial dan budaya, masyarakat Melayu Riau menganut dua sistem adat-istiadat. Masyarakat Melayu yang berdiam di Pesisir Timur Sumatra (Siak, Pelalawan, Rokan, dan Indragiri) dan Kepulauan Riau (Bintan, Lingga, Karimun, Natuna) mengamalkan adat-istiadat Ketemenggungan yang garis keturunan berasaskan bapak dengan ungkapan adat *Adat Bersendikan Syarak, Alquran dan Hadits Nabi*. Selain itu, masyarakatnya yang berdiam di Riau Daratan seperti Kampar, Kuantan dan Rokan Hulu, mengamalkan sistem Adat Perpatih yang bercogankan *Adat Bersendikan Syarak, Syarak Bersendikan Kitabullah* dengan pola kekurangan yang matrilineal, yang mempunyai hubungan yang erat dengan Kebudayaan Minangkabau di Sumatra Barat.

Sastra Melayu Riau sangat kaya dengan pelbagai khazanahnya, baik sastera lisan mahupun sastera tulisan. Karya sastera lisan tersebar di pelbagai daerah dan puak Melayu Riau. Jumlahnya sangat banyak dan tidak terkira. Terdiri dari bentuk puisi, prosa fiksi dan drama. Bentuk sastera tulisan, khususnya syair yang terawal di Dunia Melayu secara khusus dikarang oleh Hamzah Fanshuri dari Aceh di awal abad ke-17 dengan tajuk *Syair Perahu, Syair Dagang, Syair Sidang Fakir* dan *Syair Burung Pingai* (Syed Naquib al-Attas, 1968). Dari Aceh tersebar luas di kawasan ini sejak Zaman Kerajaan Johor-Riau mulai abad ke-17, seterusnya ke negeri-negeri Semenanjung Melayu, Sumatera, Patani, Kalimantan-Brunei, Sulawesi dan Kepulauan Maluku.

Adapun latar belakang masalah penulisan makalah ini untuk memperlihatkan pelbagai khazanah syair warisan Islam di Riau, kegunaan dan fungsinya dalam masyarakat Melayu Riau serta pertunjukannya. Pelbagai pendapat, teori dan kajian digunakan sebagai pedoman bagi penulis untuk menganalisis kajian ini seperti Walter J. Ong (1982), M. Diah Zainuddin, dkk. (1986), Harun Mat Piah (1989), Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad (pngr.), (1993), dan Nani Tuloli (1993) berkaitan tentang genre, fungsi dan pertunjukan.

Menurut Walter J. Ong (1982) bahwa perkembangan kebudayaan manusia melingkupi tiga tahap yaitu: Tahap *Primary Orality* (Kelisanan Pertama); Tahap *Literacy* (Tahap Tulisan) dan Tahap *Secondary Orality* (Kelisanan Kedua). Berdasarkan pendapat tersebut, syair termasuk kepada Tahap *Literacy* (Tahap Tulisan) dan Tahap *Secondary Orality* (Kelisanan Kedua) karena syair ditulis untuk dibacakan kepada khalayak ramai. Selain itu, syair di Riau kadangkala saduran dari hikayat, misalnya *Syair Hasan dan Husin* merupakan saduran *Hikayat Hasan dan Husin* yang juga ditemukan dalam masyarakat Kuantan.

Kajian ini berasaskan kajian kepustakaan (library research) karena data kajian berasal daripada teks syair yang sudah diterbitkan. Akan tetapi, kajian ini menggunakan data kajian lapangan (field research) terutama data tentang fungsi syair dan pertunjukannya dalam masyarakat Melayu Riau.

IDENTIFIKASI

Kata *Syair* berasal dari bahasa Arab dari kata *shi'r* bermakna puisi (poem atau *poetry*). Sedangkan *sha'ir* bermakna penulis puisi, penyair atau penyajak (Harun Mat Piah, 1989). Mengikut *Kamus Mahmudiyah* (1934) karangan Syed Mahmud ibni Abdul Qadir al-Hindi, makna *syair* adalah “karangan empat baris yang sama sajak pada akhir keempat-empat ayat dan sama pertimbangan perkataannya” (Siti Hawa Haji Salleh, 2006, hlm. 1). Walaupun dalam bahasa Arab dikenal istilah *shi'r* dan dijadikan bahasa Melayu menjadi *syair*, bahkan dengan variasi *sa'e, sa'yo, sayer, sair dan singir* (Harun Mat Piah, 1989), secara maknawi tidak berubah.

Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2008, hlm. 1367), menjelaskan “*syair* adalah (1) puisi Melayu lama yang tiap-tiap bait terdiri atas empat larik (baris) yang berakhir dengan bunyi yang sama, (2) sajak atau puisi”. Makna yang hampir sama dijumpai juga dalam *Kamus Dewan* dan *Kamus Bahasa Melayu*. Bentuk karya ini mula-mula digunakan oleh Bukhari al Jauhari dalam karya agungnya yang berjudul *Tajus Salatin (Mahkota Segala Raja-raja)*, dikarang kira-kira tahun 1603. Contoh syair yang dijumpai dalam kitab tersebut adalah :

Bahwa bagi raja sekalian
Hendak ada menteri sekalian
Yang pada suatu pekerjaan
Sempurnakan segala kerajaan
Menteri inilah maha tolan raja
Dan peti segenap rahasianya
Kerana kata raja itu katanya
Esa artinya dan dua adanya

(Simandjuntak, 1965 : 60)

Syed Naquib al-Attas (1969) berpendapat bahawa bentuk syair Melayu tidak diciptakan berasaskan puisi Arab, melainkan dipengaruhi puisi Parsi, kerana dalam perkembangan kebudayaan Islam di Asia Tenggara, peranan Parsi sangatlah penting. Bentuk qasidah, kit'ah, masnawi, ruba'i dan ghazal disusun berbait-bait dan mempunyai persamaan bunyi di akhir perkataannya. Bahkan ruba'i memiliki empat baris setiap baitnya dan mempunyai persajakan skema a-a-b-a, dan terdapat pula skema a-a-a-a. Dalam syair Melayu Riau terdapat pula persajakan dengan pola a-b-a-b, sama seperti persajakan pantun. Namun, tidak memenuhi persyaratan pantun yang lain, iaitu adanya sampiran/pembayang pada baris 1 dan 2.

1. Khazanah Syair di Riau

Sastra Melayu Riau sangat kaya dengan bentuk syair. Sejak zaman Kerajaan Johor-Riau-Siak-Rokan-Indragiri (abad ke-16) sampai sekarang setiap minggu pasti terdapat pertunjukan syair. Syair-syair tersebut sebahagian besar dikarang di Kepulauan Riau, sedikit yang ditulis di Riau Daratan.

Beberapa karya berbentuk syair di Riau:

a. Zaman Johor – Riau dan Riau Lingga

Dari Zaman Johor – Riau dan Riau Lingga terdapat beberapa orang pengarang syair. Raja Ali Haji (lebih kurang hidup tahun 1806-1870) terkenal dengan karya tatabahasa Melayu bertajuk *Bustan al-Katibin* (1857), *Gurindam Dua Belas* (1859), dan kitab sejarahnya yaitu *Salasilah Melayu dan Bugis, Tuhfat al-Nafis*. Beliau juga mengarang beberapa syair seperti *Syair Nasihat*, *Syair Hukum Faraid* dan *Syair Hukum Nikah*. Beliau juga menulis syair bersama saudaranya Raja Saleha dan Raja Kalsum seperti *Syair Abdul Muluk*, *Syair Siti Shianah* dan *Syair Suluh Pegawai* yang berisi tentang pengajaran bagi kaum laki-laki dan perempuan, serta suami-isteri dalam hidup berumah tangga. Beliau juga menerjemahkan kitab Maulud Nabi Saw ke dalam bentuk syair Melayu berjudul *Syair Gemala Mestika Alam* diterbitkan oleh Mathbaat al-Riawiyah tahun 1893. Raja Khalid Hitam juga menulis syair sejarah dengan karyanya *Syair Perjalanan Sultan Lingga ke Johor* (Abu Hassan Sham, 1993). Berikut ini petikan dari *Syair Suluh Pegawai* :

Suami hendak baik-baik nazar
Nasihatkan dahulu dengan yang benar
Jikalau masih membuat onar
Cuba disorong dengannya dinar

Jika tiada juga ubahnya
Cuba ditinggalkan dahulu rumahnya
Sehari dua atau ketiganya
Periksa pula hal ehwalnya

Jika tiada berubah susah
Boleh dipalu bolehnya disesah
Tetapi mukanya jangan dibelasah
Luka dan cacat haramnya sah

Jika tiada juga diendahkan
Kepada orang besar boleh dimaklumkan
Nanti olehmu yang dihukumkan
Syari'at yang indah pula dijalankan

Dihimpun kerabat kedua pihaknya
Disuruh musyawarah akan hukumnya
Patut bersuluh disuluhkannya
Patut bercerai diceraikannya

(Abu Hassan Sham, 1993, hlm. 330-331)

Era Riau-Lingga juga melahirkan pengarang perempuan Melayu seperti Raja Safiah, Raja Saleha, Raja Aisyah Sulaiman, Raja Khadijah Terung, Raja Badriah dan Raja Kalsum. Raja Aisyah Sulaiman terkenal sebagai tokoh feminisme (emansipasi perempuan) Melayu pertama, terkenal dengan karyanya *Syair Seligi Tajam Bertimbal*, *Syair Khadamuddin* dan *Hikayat Syamsul Anwar*. Salamah binti Amir dengan karyanya berjudul *Syair Nilam Permata* berisi tatacara bersolek perempuan Melayu. Raja Kalsum mengarang sebuah syair yang *magnum contratadictio* berjudul *Syair Saudagar Bodoh*. Keluarga Raja Ali Haji yang lain mengarang syair adalah Raja Haji Ahmad dengan karyanya *Syair Raksi Macam Baru* (Hamidy, 1983).

ZAMAN KERAJAAN INDRAGIRI, KUANTAN, DAN KAMPAR

Tuan Guru Abdurrahman Siddiq al-Banjari, Mufti Kerajaan Inderagiri selain menulis kitab agama Islam juga menulis *Syair Khabar Kiamat* yang menceritakan perihal dunia menjelang hari kiamat, huruhara hari kiamat dan keadaan orang kafir yang hidup pada masa itu, setelah orang beriman dimatikan Allah pada tiupan terompet sangkakala yang pertama. di Rantau Kuantan terdapat pula *Syair Raja Jumjumah* yang merupakan adaptasi dari *Hikayat Jumjumah*. Syair ini berisi cerita Raja Jumjumah, seorang raja besar di masa hidupnya tetapi tidak taat beribadah. Kemudian dia disiksa malaikat sehingga tengkoraknya terkeluar dari kuburnya dan dijumpai oleh Nabi Isa A.S. Kepada sang Nabi dia bermohon supaya dido'akan kepada Allah SWT segera dihidupkan ke dunia untuk beramal shaleh. Setelah dihidupkan, dia menepati janjinya menjadi seorang hamba Allah yang taat beribadah. Di Kuantan, syair ini juga dinamakan *Syair Tengkorak Kering*.

Dalam kasus lain di Kabupaten Kampar, istilah syair tidak popular. Masyarakat Kampar selalu menggunakan istilah nazam atau dalam bahasa Melayu dialek Limo Koto disebut *nolam*. Bila ada orang membaca syair dalam upacara tertentu, maka dikatakan juga membaca *nolam* dan bukan membaca syair (Zainuddin, et al., 1986/1987). Karya ini merupakan sastra lisan bernuansa Islam yang tetap wujud di Provinsi Riau. Genre ini selalu ditampilkan terutama dalam acara-acara keagamaan dan adat. Eksistensinya di masyarakat berkait rapat dengan fungsinya sebagai media pendidikan non formal agama Islam.

Nazam di Kampar sebenarnya berbentuk syair: terdiri dari 4 baris se bait dengan variasi persajakan berpola aa-aa, dengan variasi persajakan ab-ab, ab-bb dan abcd (Ermi Marita, 1996). Itulah sebabnya istilah nazam/*nolam* dengan mudah diubah namanya menjadi syair, tanpa mengubah isinya. Misalnya *Nazam Hasan*, *Nazam Ratapan Yatim*, *Nazam Bunga*, dan *Nazam Burung*, diubah genrenya oleh seniman tradisional Limo Koto menjadi syair, dengan sedikit ubah suai persajakannya menjadi seluruhnya berpola aa-aa. Oleh sebab itu, di daerah Limo Koto Kampar ini juga dijumpai *Syair Hasan Husin*, *Syair Ratapan Yatim*, *Syair Bunga*, *Syair Burung* (Sudirman Shomary, 1996).

Hal ini agak berbeza apabila diperbandingkan dengan nazam yang terdapat di Trengganu dan Pahang (Malaysia), yang amnya terdiri daripada 2 baris se bait, masing-masing baris mempunyai 5-6 kata dan mempunyai 10-11 suku kata, dengan pola a-a, dengan variasi a-b, b-b dan b-c (Harun Mat Piah, 1989). Namun, dijumpai juga sebuah nazam yang berbentuk syair: se bait terdiri dari empat baris, bersajak akhir aa-aa dengan beberapa variasi, seperti *Nazam Dua Puluh Lima Rasul* yang disusun oleh Bahauddin Zaman Syah danditerbitkan oleh Sulaiman Mar'ie Singapura-Pulau Pinang (Ali Ahmad dan Siti Hajar Che'Man, 1996). Secara am nazam-syair yang terdapat di Malaysia berisi :

PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (RENTAS) 2021

- a. Cerita kehidupan Nabi Muhammad SAW, mengenai keluarganya, mukjizatnya, kehidupan semasa kecil sehinggalah wafat. Pengarang syair terkenal dengan jenis cerita ini adalah Syed Muhammad Zainal Abidin Al-Idrus, yang mengarang kitab *Kanz al 'Ula* dan *Jawahir Al Saniyyah*;
- b. Pengajaran mengenai Ilmu Tauhid, Sifat Dua Puluh dan Sifat Rasul, termasuk jenis ini adalah *Jawahir al Saniyyah*;
- c. Pengajaran mengenai Ilmu Fiqih, Ibadat terutama perihalberruci (Thaharah) dan sholat. Contohnya *Tanbir al Kusla* karya Ahmad Abdul Rauf dan;
- d. Rukun Iman, terutama *Nazam Dua Puluh* atau *'Aqid al-Iman* (Harun Mat Piah, 1989 : 300-304).

Berikut ini beberapa petikan *Nazam Jawahir al Saniyyah* dengan rima akhir a-a,b-b dan c-c.

A'raf itu di antara syurga ia
Dan neraka sangat tinggi puncak dia
Sangat banyak laki-laki pada situ
Yang bersama baik jahat mereka itu
Pandang oleh mereka itu sekalian
Akan isi neraka dan syurga Tuhan
Akan isi syurga kenal mereka itu
Dalam neraka sebab ada tanda situ
Dengan putih muka orang mukmin
Dengan hitam muka orang yang kafirin

(Harun Mat Piah, 1989, hlm 296)

Genre ini sebenarnya merupakan sastra semi-lisan yang digayakan dengan profesional (mengikut istilah Amin Sweeney, 1975). Maksudnya, *tukang nolam* (tukang baca nazam) dalam kegiatan *manolam* membacakan teks syair dengan menggunakan lagu-lagu dan irama tertentu. Setiap syair mempunyai lagu dan irama tersendiri, walaupun terdapat lagu dan irama yang dapat dipakai untuk beberapa tajuk nazam. Namun sekarang, tukang nolam amnya hanya dapat tampil dengans atu lagu/irama saja. Mengenai bahasa, teks Syair menggunakan bahasa Melayu Tinggi/Indonesia, tetapi dalam pertunjukan diubah-suai dengan menggunakan dialek Limo Koto. Berikut ini dikutip perbandingan bahasa tersebut dari hasil penelitian Ermi Marita terhadap *Nazam Nabi Berhempas* (1996: 53-54).

A.28

Abu Jahil laknat mufakat pula
Sehari lagi perang dicoba
Dicari hari nan baik ketika
Supaya nak jangan kena senjata

B.28

Abu Jahil laknat mufakat pulo
Sehari lagi porang dicobo
Dicarinyo hari nan baik kutiko
Supayo nak jangan konai senjata

A.29

Sampailah kabar kepada Nabi
Jadilah perang sekali lagi
Rakyat Abu Jahil tidaklah berani
Jadilah lari kembali pulang

B.29

Sampailah khobar kepada Nabi
Jadilah porang sekali lagi
Rakyat Abu Jahil tidak barani
Jadilah lari kembali pulang

Manakala dari segi isi, Syair-nazam mempunyai 2 jenis isi iaitu naratif/cerita dan non-naratif/bukan cerita. Dari judul-judul syair-nazam, syair naratif lebih banyak jumlahnya. Terutamanya syair yang menceritakan tentang kebesaran Nabi Muhammad SAW dan keluarganya seperti *Nazam Nabi Lahir*, *Nazam Nabi Bercukur*, *Nazam Nabi Berhempas*, *Nazam Berniaga*, *Nazam Nabi Isra' Mi'raj*, *Nazam Nabi Wafat* dan *Nazam Hasan dan Husin*. *Nazam* naratif lainnya adalah *Nazam Siti Syarifah* dan *Nazam Siti Syarifah Potong Kaki*. Selain itu, terdapat pula syair yang berisi non-naratif seperti *Nazam Kanak-kanak*, *Nazam Pesakitan Mati*, *Nazam Ratapan Yatim*, *Nazam Bunga* dan *Nazam Burung*. Syair non-naratif ini umumnya berisi tentang nasihat dan pendidikan agama Islam, moral dan adat istiadat. Berikut ini dikemukakan Rajahan umum isi atau cerita nazam-syair tersebut:

a. Nazam Nabi Lahir

Syair mula-mula menceritakan tentang keadaan kota Makkah sebelum Nabi Muhammad SAW lahir. Masa itu masyarakat Makkah disebut masyarakat Jahiliyah kerana kurang menghormati hak-hak asasi manusia (HAM) seperti hak hidup terutama kanak-kanakperempuan, hak berusaha, hak keamanan, dan hak pendidikan. Nabi dilahirkan subuh Senin tarikh 12 Rabi'ul Awal tahun Gajah. Ibunya Siti Aminah dan ayahnya Abdullah bin Abdul Muthalib. Ayahnya sudah meninggal ketika Rasulullah dalam kandungan ibunya. Banyak malaikat dan bidadari yang turun ke Makkah menyaksikan kelahiran Nabi Penghulu Alam. Kemudian datuknya (Abdul Muthalib) membawanya ke Baitullah (Ka'bah) dan disana diumumkan bahawa cucunya itu diberi nama Muhammad. Terjadi beberapa peristiwa alam disekitar Makkah ketika Nabi lahir. Sesuai dengan tradisi Arab ketika itu, Muhammad kecil disusui dan dipelihara oleh ibu-ibu Arab Badui iaitu Halimatus Sya'diyah. Syair ini hanya dibacakan pada Peringatan Maulid Nabi iaitu setiap tarikh 12 Rabi'ul Awal tahun Hijriah.

b. Syair Nabi Bercukur

Di dalam syair ini diceritakan tentang prihal Malaikat Jibril yang diperintahkan Allah untuk mencukur dan mengambil rambut Baginda Nabi dan menggantikannya dengan pakaian syurga. Beliau dibantu oleh Malaikat Ridwan dan diiringi oleh ribuan bidadari syurga yang menampung dan membawa rambut Nabi ke 'arasy dengan sangat hati-hati, kerana tidak sehelai pun yang boleh jatuh. Di dalam syair ini terdapat sub-judul *Khabar Mu'jizat Nabi* yang berisi beberapa mukjizat Nabi Muhammad SAW. Seperti beberapa keajaiban yang terjadi pada diri ibunda Halimatus Sya'diyah dan keluarganya setelah memelihara Rasulullah, air yang memancar dari celah jari Nabi, keluarnya cahaya dari tubuh Nabi ketika bulan gelap, makanan sedikit menjadi banyak, kisah Nabi dibelah dadanya oleh Malaikat Jibril, Nabi membelah bulan dan bulan tersebut mengucapkan *Dua Kalimah Syahadat*. Mukjizat terbesar yang dianugerahkan Allah kepada Rasulullah adalah Kitab Al-Qur'an dan Peristiwa Isra' Mi'raj. Selain itu, terdapat juga sub-judul *Khabar Nabi Berpindah*. Bagian ini menceritakan perintah Allah kepada Nabi untuk pindah/hijrah ke kota Yatsrib (Madinah) bagi menyelamatkan dakwah Islamiyah. Nabi Muhammad SAW dan Sahabat Abu Bakar dengan bersusah payah untuk menuju Gua Tsur dalam keadaan keamanan dan keselamatan yang terancam oleh kafir Quraisy (Abu Jahil dan Abu Lahab dkk.) sehingga mereka sampai ke Yatsrib.

c. Nazam Nabi Berhempas

Syair ini mengisahkan tentang perang tanding tanpa senjata (saling menghempaskan lawan) antara Muhammad dan Abu Jahil, Anak Hasyim Raja Makkah. Kejadian ini terjadi ketika Muhammad berumur 11 tahun. Nabi berkat bantuan malaikat, Siti Khadijah dan Abu Thalib (pamannya), berjaya mengalahkan lawannya yang sombong dan perkasa.

d. Nazam Nabi Berniaga

Syair ini mengisahkan tentang nabi yang pergi berniaga bersama pamannya Abu Thalib ke Negeri Syam (Suriah). Dalam perjalanan, Nabi dipayungi oleh sekelompok awan sehingga nabi merasa sejuk. Usaha nabi dimodali oleh Siti Khadijah, seorang usahawan wanita yang kaya, janda, cantik dan bangsawan. Berkat kejujuran Nabi, janda kaya itu bersimpati dan melamarnya. Di Negeri Syam, seorang pembeta Yahudi bernama Buhirah menasihati Abu Thalib supaya menjaga Muhammad dengan baik kerana beliau akan menjadi Rasul Akhir Zaman, setelah dilihatnya ada cahaya *Nubuwwat* dibahu kanan Muhammad yang berwarna Kehijau-hijauan. Jika diketahui oleh orang kafir, beliau akan dibunuh.

e. Nazam Nabi Isra' Mi'raj

Syair ini berkisah mengenai diri Nabi setelah dua orang yang sangat dicintainya iaitu Siti Khadijah (Isterinya) dan Abu Thalib (pamannya) meninggal dunia. Melihat kesedihan itu, Allah memerintahkan Malaikat Jibril untuk menjemput Nabi dan memperjalankannya dari Masjidil Haram (Makkah) ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqddis dan kemudian mengangkatnya ke Sidratul Muntaha. Disanalah Rasulullah menerima perintah Sholat Wajib lima waktu sehari semalam langsung dari Hadhirat Allah SWT. Kemudian setelah kembali ke Makkah, orang-orang Makkah goncang. Ramai sekali orang yang tidak mempercayainya bahkan ada yang kafir kembali. Orang yang pertama mengimani peristiwa itu adalah sahabat Abu Bakar, yang kemudian digelar as-Siddiq yang bererti "orang yang dipercayai". Nabi juga berhasil menjawab semua pertanyaan kaum kafir Quraisy atas peristiwa ganjil tersebut.

f. Nazam Nabi Wafat

Dalam karya ini banyak bercerita tentang keadaan Nabi ketika menghadapi *Saqratul Maut* walaupun Malaikat Maut atas perintah Allah, mengambil nyawa Nabi secara perlahan-lahan dan halus. Namun, Nabi tetap saja merasakan kesakitan, konon pula umatnya. Sebelum Malaikat maut datang dan mengambil nyawa Nabi, Malaikat Jibril datang dan menyampaikan prihal kesiapan 'arasy menanti kedatangan ruh Rasulullah SAW.

g. Nazam Hasan dan Husain

Dalam syair ini dikisahkan tentang perseteruan antara Yazid anak Mu'awiyah dengan Hasan dan Husin, putera Ali bin Abu Thalib, cucu Nabi. Akhirnya dari perseteruan itu, terjadilah peperangan diantara mereka. Oelh kerana tipu muslihat Yazid, akhirnya terbunuhlah Husin di Padang Karbala, kepalanya di penggal untuk dipersembahkan kepada Raja Yazid di Madinah, yang kemudian di gantungkan di alun-alun kota Madinah. Peristiwa itu terjadi pada tarikh 10 Muharam, yang kemudian dihormati sebagai hari Assyura (Hari Berkabung), terutama dikalangan kaum Syi'ah.

h. Nazam Kanak-kanak

Syair ini berkisah tentang keadaan kanak-kanak di Padang Mahsyar setelah kiamat. Kanak-kanak berada didalam syurga. Namun, patuhnya kepada ibu-bapanya, apabila kedua orang tuanya masuk neraka, mereka akan memberinya minum serta berusaha untuk mengeluarkan orang tuanya dari neraka jahanam.

i. Nazam Pesakitan Mati

MengRajahkan tentang bagaimana sakit yang diderita seseorang pada saat menghadapi kematian. Waktu itulah Iblis/Syaitan Laknatullah datang dengan pelbagai cara untuk menyesatkan manusia. Untuk memudahkan kita menghadapi *Syakratul Maut*, syair ini menasihati kita supaya banyak beramal saleh.

Selain itu, bentuk syair juga dipergunakan dalam majelis suluk dan tarikat yang terdapat di pelbagai kawasan di Riau terutama di kabupaten Rokan Hilir, Rokan Hulu dan Kampar. Beberapa surau dan masjid, sebelum masuknya waktu sholat atau sebelum azan dibacakan syair terutama menjelang Sholat Subuh, Sholat Zuhur, dan Sholat Maghrib. Hal ini merupakan media dakwah sekali gus untuk mengingatkan kaum muslimin supaya hadir ke surau dan masjid untuk mengerjakan sholat.

ZAMAN KONTEMPORARI

Tenas Effendy atau Haji Tengku Said Nasruddin Affandi bin Tengku Said Umar Muhammad al-Jufri lahir di Kuala Panduk Pelalawan, Riau pada 9 November 1936 dan wafat di Pekanbaru pada 28 Februari 2015. Beliau seorang budayawan Melayu kontemporer yang menulis pelbagai karya dan genre. Karya berupa 45 kertas kerja dan 66 buku, yang sudah diterbitkan di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Belanda. Atas karya dan pengabdian beliau untuk memajukan tamadun Melayu, Institut Tamadun dan Alam Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia menganugerahkan gelar Doktor Kehormatan (Dr. Honouris Causa) pada bulan Oktober 2005.

Karya agung beliau bertajuk *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)* tahun 2004. Sesuai dengan judulnya, buku ini mengandungi 29 butir Tunjuk Ajar Melayu dan 10 butir Petuah Amanah Melayu, yang digalinya dari pelbagai sumber, baik dari nasihat orang tua-tua Melayu di Riau, buku-buku agama Islam, buku sejarah, buku karya sastera, buku adat-istiadat dan tradisi Melayu mahupun dari hasil penyeldikan beliau sendiri selama lebih 30 tahun. Di dalam buku tersebut terdapat banyak pantun, syair, ungkapan, pepatah-petitih, gurindam dan bidal yang mengandungi Tunjuk Ajar dan Petuah Amanah Melayu, yang mesti diwariskan kepada anak cucu dan generasi mendatang. Beberapa Tunjuk Ajar Melayu dan Petuah Amanah Melayu yang berbentuk syair sebagai berikut:

Wahai ananda hendaklah ingat
Hidup di dunia amatlah singkat
Banyakkan amal serta ibadat
Supaya selamat dunia akhirat
Wahai ananda dengarlah peri
Ibu dan bapa engkau kasihi
Jangan sekali membesarkan diri
Supaya hidupmu diberkati Ilahi
Wahai ananda dengarlah manat
Terhadap pemimpin hendaklah taat
Tunjuk ajarnya hendaklah ingat
Supaya hidupmu beroleh manfaat

(Tenas Effendy, 2004).

Pertunjukan dan Fungsi Syair

Pertunjukan suatu tradisi/sastra lisan sangatlah bererti bagi eksistensi genre tersebut. Pertunjukan syair berperan untuk mempertahankan, menyebarkan dan meneruskan sastra lisan tersebut di tengah-tengah khalayaknya. Tanpa pertunjukan, maka sastra lisan tersebut akan dilupakan orang atau tidak berwujud (Tuloli, 1994). Sehubungan dengan itu, kerana kuantiti pertunjukan syair cukup banyak, diharapkan eksistensi atau keberadaan tradisi lisan ini akan dapat dipertahankan, jika dibandingkan dengan tradisi lisan lainnya di Riau.

Pada zaman kerajaan Riau Lingga, selain pembacaan *Gurindam XII* karya Raja Ali Haji, pembacaan *Syair Gemala Mestika Alam* dilakukan pada Upacara Maulid Nabi. Pada upacara kerajaan selalu pula dibacakan *Syair Suluh Pegawai*, *Syair Siti Syianah*, *Syair Sifat Dua Puluh*, *Syair Negeri Johor dan Riau*, syair lainnya. Pembacaan syair-syair tentang sejarah dan agama Islam tersebut bertujuan untuk pembelajaran khalayak umum dan khasnya kepada generasi muda.

Masyarakat Melayu Riau sangat menyukai bentuk syair. Sampai sekarang setiap minggu pasti terdapat pertunjukan syair, baik dalam upacara adat, upacara berkhatan, upacara bersuluk-tarikat, upacara perkahwinan, upacara pemerintahan, bahkan di kampus selalu pula dilaksanakan Upacara Pembacaan Syair dan Lomba Baca Syair, khasnya pada Upacara Bulan Bahasa dan Sastera, Festival Siak Bermadah, Festival Budaya dan Seni pelbagai daerah di Provinsi Riau dan Provinsi Kepulauan Riau.

Pertunjukan genre sastra ini dilaksanakan pada beberapa peristiwa/acara dan tempat. Nazam-syair yang berisikan sejarah dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW dan keluarganya selalu ditampilkan pada acara Hari Besar Islam seperti Peringatan Maulid Nabi, Tahun Baru Hijriah dan Isra' Mi'raj Nabi Muhammad

SAW, yang bertempat di masjid dan surau. Pada peringatan Maulid Nabi selalu dibacakan pula *Syair Nabi Lahir*; sedangkan ketika peringatan Isra' Mi'raj Nabi dibacakan pula *Syair Nabi Isra' Mi'raj*. Manakala syair yang berisikan tentang kematian dan anak yatim selalu dibacakan ketika bertakziah/melawat kerumah duka, apabila ada keluarga/anggota masyarakat meninggal dunia. Apabila yang meninggal itu anak-anak, dibacakanlah *Syair Kanak-kanak*, sedangkan jika yang meninggal itu orang dewasa, maka dibacakanlah *Syair Ratapan Yatim* dan *Syair Pesakitan Mati*. Syair lainnya seperti *Syair Siti Syarifah*, *Syair Siti Syarifah Potong Kaki*, *Syair Burung* dan *Syair Bunga* dibacakan pada acara hiburan perkawinan dan keramaian adat istiadat. Waktu kegiatan menolam biasanya dapat dilaksanakan pada pagi, petang dan malam hari, sesuai dengan waktu pelaksanaan acara-acara tersebut atau berdasarkan permintaan pihak pengundang.

Ketika pembacaan syair berlangsung, *tukang nolam* duduk di atas tilam/kasur dengan memeluk/bersandar pada sebuah bantal. Apabila pertunjukan itu dilaksanakan di masjid/surau, biasanya *tukang nolam* duduk di kerusi atau berdiri di podium. Pertunjukan nazam-syair tentang Nabi Muhammad SAW dan keluarganya serta nasihat agama biasanya mempunyai tatacara tertentu. *Tukang nolam* memulai dengan ucapan salam, puji syukur kepada Allah SWT dan shalawat kepada Nabi Muhammad SAW. Kemudian membaca surat Al-Fatihah yang pahalanya dikirimkan kepada arwah Nabi dan keluarganya, guru-guru agama, kaum Muslimin dan arwah si mati (jika pada acara takziah kematian). Setelah itu barulah *tukang nolam* membaca syair sampai tamat, yang selalu diselingi dengan beberapa kali istirahat dan menikmati makanan ringan. Judul-judul syair yang dibacakan disesuaikan dengan acara yang dilaksanakan seperti yang telah dijelaskan di atas sesuai dengan permintaan tuan rumah. Pertunjukan selalu diakhiri dengan pembacaan do'a selamat oleh seorang ulama/ustad atau *tukang syair* sendiri.

Ketika syair dibacakan, khalayak menyimakinya dengan khidmat dan jarang sekali terdengar ada yang berbicara. Tuan rumah atau Pihak Penyelenggara biasanya menyediakan makanan tradisional seperti lemang pulut/tepung, tengguli, kue jalo, apam dan kadang kala makan nasi dengan lauk-pauknya bagi yang mampu (Ermi Marita, 1996).

Pertunjukan Syair tentu tidak dapat dipisahkan dari faktor *tukang syair* atau *tukang nolam*. Biasanya *tukang nolam* dari kalangan kaum perempuan yang berumur di atas 50 tahun. Walaupun demikian terdapat juga *tukang syair* atau *tukang nolam* yang lelaki. Oleh kerana seringnya pertunjukan syair di Riau dan Kepulauan Riau, eksistensi syair tidaklah terlalu merisaukan kerana regenerasi *tukang syair* berjalan secara alamiah.

Syair secara umum berfungsi sebagai media pendidikan yang bersifat non formal tradisional dan media hiburan. Syair yang berfungsi sebagai media pendidikan terutama syair yang bercerita tentang sejarah, syair agama Islam baik tentang akidah, fikih dan akhlak serta syair-nazam tentang Nabi Muhammad SAW dan keluarganya. Sebagai media hiburan yang bertujuan untuk menghibur sekali gus memberi bimbingan agama dan moral kepada ahli waris yang ditinggalkan supaya tidak bersedih dengan kematian anaknya dan ahli keluarganya. Syair yang ditampilkan biasanya *Syair Kanak-kanak* dan *Syair Pesakitan Mati*.

KESIMPULAN

Sastra Melayu Riau sangat kaya dengan bentuk syair warisan Islam. Sejak zaman Kerajaan Johor-Riau-Siak-Rokan-Indragiri (abad ke-16) sampai sekarang setiap pekan pasti terdapat pertunjukan syair. Syair-syair tersebut sebahagian besar dikarang di Kepulauan Riau, sedikit yang ditulis di Riau Daratan. Raja Ali Haji mengarang beberapa syair seperti *Syair Nasihat*, *Syair Hukum Faraid* dan *Syair Hukum Nikah*. Beliau juga menulis syair bersama saudaranya Raja Saleha dan Raja Kalsum seperti *Syair Abdul Muluk*, *Syair Siti Shianah* dan *Syair Suluh Pegawai* yang berisi tentang pengajaran bagi kaum laki-laki dan perempuan, serta suami-isteri dalam hidup berumah tangga. Beliau juga menerjemahkan kitab Maulud Nabi Saw ke dalam bentuk syair Melayu berjudul *Syair Gemala Mestika Alam* diterbitkan oleh Mathbaat al-Riawiyah tahun 1893. Di Indragiri pula terdapat pengarang syair iaitu Tuan Guru Abdurrahman Siddiq al-Banjari dengan karyanya *Syair Khabar Kiamat*. Selain itu, terdapat pula *Syair Surat Kapal* yang dikarang khas untuk sepasang pengantin dan dibacakan ketika bersanding. Rantau Kuantan pula terdapat *Syair Raja Jumjumah*.

Dalam kasus lain di Kabupaten Kampar, istilah syair tidak popular. Masyarakat Kampar selalu menggunakan istilah nazam atau dalam bahasa Melayu dialek Limo Koto disebut *nolam*. Nazam di Kampar sebenarnya berbentuk syair: terdiri dari 4 baris se bait dengan variasi persajakan berpola aa-aa, dengan variasi persajakan ab-ab, ab-bb dan abcd (Ermi Marita, 1996). Itulah sebabnya istilah nazam/*nolam* dengan mudah diubah namanya menjadi syair, tanpa mengubah isinya. Misalnya *Nazam Hasan*, *Nazam Ratapan Yatim*, *Nazam Bunga*, dan *Nazam Burung*, diubah genrenya oleh seniman tradisional Limo Koto menjadi syair, dengan sedikit ubah suai persajakannya menjadi seluruhnya berpola aa-aa. Oleh sebab itu, di daerah Limo Koto Kampar ini juga dijumpai *Syair Hasan Husin*, *Syair Ratapan Yatim*, *Syair Bunga*, *Syair Burung*

Manakala dari segi isi, Syair-nazam mempunyai 2 jenis isi iaitu naratif/cerita dan non-naratif/ bukan cerita. Dari judul-judul syair-nazam, syair naratif lebih banyak jumlahnya. Terutamanya syair yang menceritakan tentang kebesaran Nabi Muhammad SAW dan keluarganya seperti *Nazam Nabi Lahir*, *Nazam Nabi Bercukur*, *Nazam Nabi Berhempas*, *Nazam Berniaga*, *Nazam Nabi Isra' Mi'raj*, *Nazam Nabi Wafat* dan *Nazam Hasan dan Husin*. *Nazam* naratif lainnya adalah *Nazam Siti Syarifah* dan *Nazam Siti Syarifah Potong Kaki*. Selain itu, terdapat pula syair yang berisi non-naratif seperti *Nazam Kanak-kanak*, *Nazam Pesakitan Mati*, *Nazam Ratapan Yatim*, *Nazam Bunga* dan *Nazam Burung*. Syair non-naratif ini umumnya berisi tentang nasihat dan pendidikan agama Islam, moral dan adat istiadat.

Di zaman kontemporer ini terdapat Tenas Effendy yang mengarang *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)* tahun 2004 yang sebahagiannya berbentuk syair. Sesuai dengan judulnya, buku ini mengandungi 29 butir *Tunjuk Ajar Melayu* dan 10 butir *Petuah Amanah Melayu*. Dalam karya tersebut banyak dijumpai bait-bait syair yang berisi ajaran Islam.

Pertunjukan genre sastra ini dilaksanakan pada beberapa peristiwa/acara dan tempat. *Nazam-syair* yang berisikan sejarah dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW dan keluarganya selalu ditampilkan pada acara Hari Besar Islam seperti Peringatan Maulid Nabi, Tahun Baru Hijriah dan Isra' Mi'raj Nabi Muhammad SAW, yang bertempat di masjid dan surau.

Pertunjukan Syair tentu tidak dapat dipisahkan dari faktor *tukang syair* atau *tukang nolam*. Biasanya *tukang nolam* dari kalangan kaum perempuan yang berumur di atas 50 tahun. Walaupun demikian terdapat juga tukang syair atau *tukang nolam* yang lelaki. Oleh kerana seringnya pertunjukan syair di Riau dan Kepulauan Riau, eksistensi syair tidaklah terlalu merisaukan kerana regenerasi tukang syair berjalan secara alamiah.

Syair secara umum berfungsi sebagai media pendidikan yang bersifat non formal tradisional dan media hiburan. Syair yang berfungsi sebagai media pendidikan terutama syair yang bercerita tentang sejarah, syair agama Islam baik tentang akidah, fikih dan akhlak serta syair-nazam tentang Nabi Muhammad SAW dan keluarganya. Sebagai media hiburan yang bertujuan untuk menghibur sekali gus memberi bimbingan agama dan moral kepada ahli waris yang ditinggalkan supaya tidak bersedih dengan kematian anaknya dan ahli keluarganya. Syair yang ditampilkan biasanya *Syair Kanak-kanak* dan *Syair Pesakitan Mati*.

RUJUKAN

Ali Ahmad & Siti Hajar Che Man. (1996). *Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Departemen Pendidikan Nasional. (2008). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Ermi Marita. (1996) . *Analisis Nazam Nabi Berhempas di Desa Rumbio Kecamatan Kabupaten*. Skripsi. FKIP Universitas Islam Riau.

Finnegan, Ruth. (1977). *Oral Poetry*. Cambridge: Cambridge University Press.


PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA (RENTAS) 2021

- Goudie, Donald J. (1989). *Syair Perang Siak: A Court Poem Presenting The State Police of Minangkabau Malay Royal Family in Exile*. Monograph No. 17 The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muchtar Luthfi, dkk. (1977). *Sejarah Riau*. Pekanbaru: Universitas Riau.
- Ong, Walter J. (1982). *Orality and Literacy: The Technologizing of the Word*. London dan New York: Methuen.
- Pusat Pengajian Melayu UIR. 1994/1995. Pekanbaru: Projek Pengembangan Budaya Riau BAPPEDA Tingkat I Riau.
- Sudirman Shomary. 1998. *Nyanyi Panjang Orang Petalangan Riau: Suatu Kajian Kes*. Tesis M.A. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sweeney, Amin. (1987). *Full Hearing: Orality and Literacy in The Malay World*. Berkeley: University of California Press.
- Syed Naquib al-Attas. (1968). *The Origin of the Malay Syair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad (pngr.). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin, M. Diah, dkk. (pnys.). 1986/1987. *Sastra Lisan Melayu Riau: Bentuk, Fungsi dan Kedudukannya*. Pekanbaru: Proyek Penelitian dan Pengkajian Budaya Melayu Depdikbud.



TEMA:

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA
DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
DAN MEDIA
(BAHASA)



PENYARIKATAAN HUMOR DEADPOOL: ANALISIS PROSEDUR PENGIMBANGAN

Mohamad Zakuan Tuan Ibharim, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
zakuan@uum.edu.my

ABSTRAK

Kemajuan sains dan teknologi mencakupi pelbagai disiplin, termasuklah penterjemahan audiovisual. Dalam bidang ini, terjemahan humor sering kali dibahaskan sebagai bermasalah, disebabkan sifat humor itu sendiri yang akrab bahasa dan budaya. Hasilnya, penterjemah audiovisual dibebani kerumitan untuk memindahkan rujukan humor sumber ke dalam bahasa sasaran, memandangkan sebahagiannya tidak mempunyai padanan khusus. Bertunjangkan permasalahan ini, kajian ini bertujuan meneliti fenomena penarikataan humor berdasarkan penerapan prosedur pengimbangan oleh Diaz-Cintas & Remael (2014). Filem *Deadpool* yang disari kata ke dalam bahasa Melayu oleh ASTRO GO telah dipilih sebagai korpus. Berlatarkan kaedah analisis perbandingan teks sumber dan sasaran, kajian mendapati bahawa penggunaan prosedur pengimbangan menonjol dalam tiga jenis humor utama *Deadpool*, iaitu humor tabu, humor berujukan khusus dan humor linguistik. Kajian turut mendapati bahawa penerapan prosedur ini sangat berkait rapat dengan aspek kreativiti penyari kata humor audiovisual.

Kata kunci: humor, terjemahan audiovisual, sari kata, prosedur pengimbangan, *Deadpool*

PENGENALAN

Dalam dunia penterjemahan, terjemahan humor sememangnya dianggap bermasalah. Kesukaran ini kerap kali disandarkan pada keakraban humor dengan aspek bahasa dan budaya. Jelas Chiaro (2008), permasalahan ini tidak hanya tertakluk pada perbezaan bahasa dan budaya kelompok masyarakat tertentu; malahan turut dibebani percanggahan takrifan humor itu sendiri. Sebagai contoh, sehingga kini, definisi humor adalah rencam dan tidak disepakati sarjana bidang ini. Humor boleh ditinjau menerusi pelbagai perspektif dan hadir dalam pelbagai medium. Pastinya hal ini berupaya merumitkan tugas seorang penterjemah untuk memindahkan humor sumber ke dalam bahasa sasaran.

Secara keseluruhan, kajian ini meliputi aspek penarikataan humor yang terkandung dalam medium audiovisual (AV), yakni filem *Deadpool* (2016) dengan sari kata bahasa Melayu (BM) oleh ASTRO GO. Secara khusus, kajian ini hanya memfokuskan satu prosedur penarikataan oleh Diaz-Cintas & Remael (2014), iaitu prosedur pengimbangan. Analisis yang dijalankan melibatkan perbandingan jenis, konteks dan kaedah penyampaian humor sumber dengan penerapan prosedur ini secara deskriptif.

HUMOR DAN TERJEMAHANNYA

Umumnya, perbincangan akademik mengenai humor didapati dalam pelbagai bidang kemanusiaan dan sains (falsafah, psikologi, matematik, antropologi, agama, ekonomi, bahasa, dan kesihatan) (lihat Chiaro, 2014). Pun begitu, bidang ini mula mendapat perhatian (semula) setelah digabungkan bersama bidang penterjemahan. Hal ini diistilahkan oleh Chiaro (2011) sebagai "...satu nafas baru dalam dunia akademik" (a scholarship revival in academia).

Walaupun kajian humor kembali mendapat perhatian sarjana, isu-isu dasarnya kekal relevan dan dibahaskan dari semasa ke semasa. Antara isu paling menonjol ialah pendefinisian, pembentukan dan kesan humor. Jelas Mohamad Zakuan, Muhammad Faizal, & Iliya Nurul Iman (2019), sekurang-kurangnya hu-

mor boleh ditinjau dari tiga sisi: isi kandungan/konteks, penyampai dan penerima. Amnya, pemerihaln ini bermanfaat bagi merangkumkan aspek teori pembentukan humor, niat/tujuan ujaran humor dan kebolehan mencerap humor (sense of humour) penerima secara terarah dan berstruktur.

Pertamanya ialah sisi pandang kandungan atau konteks penyampaian humor. Pembentukan teori utama kajian humor, yakni teori ketakkongruenan didasari sudut pandang ini. Dalam sesuatu ujaran, keadaan ketakkongruenan terbentuk apabila skrip baharu yang bercanggahan dengan skrip asal disertakan (secara tiba-tiba), lalu menghasilkan kesan humor. Pemerian teori ini secara berstruktur boleh ditemukan seawal tahun 1985 dalam kajian Nash (1985), dan kemudiannya oleh Attardo (1994) dan Raskin (2008). Selain kaedah pembentukan, jenis dan medium penyampaian humor turut dibahasakan oleh sarjana. Contohnya, Zabalbeascoa (1996) menyenaraikan kewujudan tujuh jenis humor (jenaka) dalam medium AV, iaitu jenaka (i) antarabangsa/dwi-negara, (ii) budaya nasional/institusi, (iii) rasa humor nasional, (iv) berasaskan bahasa, (v) visual, (vi) lisan dan (vii) kompleks.

Perspektif kedua pula berkaitan penyampai sesuatu ujaran humor. Perbahasan mengenai hal ini secara umumnya berkisar mengenai aspek perlocutionary, iaitu sama ada penilaian sesuatu ujaran sebagai humor perlu disertakan dengan niat oleh penyampai humor tersebut ataupun sebaliknya. Dalam hal ini, Attardo (1994:13) bersetuju dengan Kerbrat-Orecchioni bahawa pendefinisian humor perlu merangkumi niat/tujuan asal penutur. Hal ini bermakna, humor perlu ditakrif sebagai apa-apa yang bertujuan menghasilkan rasa kelakar kepada penerimanya, walaupun pihak penerima mungkin menganggapnya tidak kelakar atau bersifat keterlaluan.

Akhir sekali ialah perspektif audiens/penerima humor. Veiga (2009), sebagai contoh menyatakan bahawa faktor kerencaman humor pastinya menatijahkan penerimaan audiens yang pelbagai. Hujahnya, kebolehan mencerap humor (sense of humour) audiens juga bervariasi dan tertakluk kepada banyak faktor, seperti tahap pengetahuan audiens mengenai jenis dan kaedah penyampaian humor tertentu. Umpamanya, pemahaman humor tabu yang berunsur seksual dan carutan mungkin tidak dianggap kelakar oleh sebahagian audiens; bahkan mungkin ada yang menilainya sensitif. Bagi memahami humor yang diterjemah ke dalam bahasa lain pula, kadar penguasaan bahasa sasaran turut penting bagi memahami humor yang disampaikan secara menyeluruh.

HUMOR AUDIOVISUAL

Walaupun liputan kajian humor pada permulaannya hanya dilatari aspek khusus, seperti mainan kata (lihat Chiaro, 2008; Jiménez Carra, 2009), kemudahan capaian produk AV pada masa kini menyaksikan wujudnya perkembangan pesat trend kajian ini dalam pelbagai aspek. Dalam medium AV, penyampaian humor tidak statik. Jelas Pérez-González (2014), penyampaian sesuatu mesej AV dilatari empat mod teras secara serentak, iaitu bunyi, muzik, imej dan bahasa (konsep multimodaliti). Hal ini menandakan penyampaian sesuatu (mesej) humor tidak hanya bergantung pada makna semantik dialog semata-mata; malahan turut meliputi humor bukan verbal. Berdasarkan kajian empiris beliau, Martínez Sierra (2006) menjelaskan bahawa humor bukan verbal turut meliputi elemen visual (seperti gerakan badan dan mimik muka) dan paralinguistik (seperti keadaan diam bernaratif). Veiga (2009) pula mengusulkan bahawa setiap penterjemah AV mesti mempunyai kemahiran mencerap humor yang tinggi, selain berupaya bertindak kreatif.

Kepelbagaian mod terjemahan AV pastinya mengisyaratkan pendekatan terjemahan yang berbeza. Setiap mod terjemahan AV pula mempunyai kekangannya yang tersendiri. Sebagai contoh, Georgakopoulou (2009:21–28) memperincikan kekangan penarikataan kepada tiga aspek, iaitu teknikal, teks dan linguistik. Kekangan teknikal melibatkan permasalahan ruang, masa dan persembahan. Kekangan masa merujuk masa penyiaran adegan dan plot. Penentuan masa masuk dan keluar sari kata perlu tepat bagi memastikan audiens berkesempatan membaca dan memahaminya. Kelas kedua, iaitu kekangan teks merujuk pemindahan bahasa menerusi dua mod, iaitu peralihan mod tuturan (dialog) kepada mod tulisan (sari kata); manakala kekangan linguistik merujuk elemen kebahasaan, seperti aspek tatabahasa dan urutan kata.

Kedua-dua bentuk kekangan di atas ternyata merumitkan tugas penterjemah AV bagi menentukan kaedah/prosedur terjemahan humor yang tepat. Dalam konteks terjemahan AV di Malaysia secara khusus, sekurang-kurangnya kandungan humor yang disiarkan (pada paparan skrin dan dalam bentuk terjemahan) perlu mematuhi dua akta yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan, iaitu Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620) dikawal selia oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Akta ini ditunjangi empat teras, iaitu (i) Keselamatan dan Ketenteraman Awam, (ii) Keagamaan, (iii) Sosiobudaya, dan (iv) Ketertiban dan Ketatasusilaan. Pembentukan Garis Panduan Penapisan Filem 2010 (Kementerian Dalam Negeri, 2010) didasari akta ini. Dalam soal bahasa, kandungan dialog lucu dan menjurus ke arah kelucahan adalah tidak digalakkan dan harus diteliti mengikut konteks filem. Dialog ini merangkumi konotasi makna kata berkaitan agama, bangsa, negara, adat, dan tabu. Sekiranya wujud percanggahan, pihak penyiar boleh menjalankan tapisan kandungan berbentuk potongan adegan dan pemadaman dialog (Panduan Penapisan Filem Stesen TV:1–13). Dalam konteks terjemahan humor, humor tabu yang dibentuk oleh elemen lucu, kata kesat dan carutan (lihat Bucaria & Barra, 2016 untuk perincian jenis humor tabu) pastinya mendatangkan masalah kepada penterjemah, memandangkan pengekalannya dalam teks terjemahan berkemungkinan bercanggahan dengan Akta 620 ini.

Keduanya ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Akta ini menetapkan kerangka pelesenan dan pengawalseliaan kod kandungan dan bahan dalam medium Internet. Namun, akta ini tidak boleh ditafsir bagi membenarkan tapisan kandungan bahan maya. Pengawalseliaan akta ini merangkumi sembilan bahagian, yakni (i) kandungan tidak sopan, (ii) kandungan lucu, (iii) keganasan, (iv) kandungan mengancam, (v) bahasa kesat, (vi) kandungan palsu, (vii) kandungan untuk kanak-kanak, (viii) nilai-nilai kekeluargaan, dan (ix) golongan berkeperluan istimewa.

KORPUS

Kajian ini memilih satu siri filem (anti) adiwira Marvel, iaitu *Deadpool* (2016) dan sari kata BM yang disediakan oleh ASTRO GO sebagai korpus kajian. *Deadpool* diarahkan oleh Tim Miller, dan lakon layar oleh Paul Wenick dan Rhett Reese. Secara ringkas, filem ini berkisar tentang watak Deadpool/Wade Wilson (Ryan Reynolds), seorang pembunuh upahan yang didiagnosis menghidap kanser. Wade seterusnya bersetuju untuk menjadi bahan uji kaji bagi menyembuhkan penyakitnya. Dalam makmal kendalian watak antagonis Ajax/Francis (Ed Skrein), Wade telah disiksa dan dikenakan pelbagai ujian mengerikan. Beliau akhirnya mempunyai kuasa adiwira untuk menyembuhkan diri, walaupun mengalami kecacatan kulit kekal di seluruh badannya. *Deadpool* juga mengisahkan aksi membalas dendam oleh Wade/Deadpool terhadap Ajax/Francis bagi mendapatkan formula untuk menyembuhkan kecacatan kulitnya.

Pemilihan *Deadpool* selaku filem kajian disandarkan kepada dua perihalan utama. Pertama, filem ini diklasifikasikan bergenre humor. Perihalan ini penting bagi menjamin analisis dari sisi pandang isi kandungan/konteks, yang merupakan tumpuan utama kajian ini. Wajaran kedua, dan yang paling utama ialah jenis humor *Deadpool* yang dimonopoli humor tabu (rujukan seksual, ganas, aktiviti tidak bermoral, menjijikkan, dan ejekan fizikal), humor berujukan khusus (seperti rujukan filem/watak *X-Men*, DC, Marvel, selebriti, novel dan fitur budaya negara) dan humor linguistik (neologisme, permainan kata, oksimoron, ungkapan idiomatik). Disebabkan oleh jenis humornya, sebahagian kandungan filem ini telah ditapis; justeru menimbulkan persoalan mengenai pemilihan strategi/prosedur penyarikataan yang diterapkan oleh penyari kata filem ini.

METODOLOGI DAN KAEDAH ANALISIS

Analisis yang dijalankan berbentuk perbandingan bahasa sumber dan sasaran. Bagi tujuan ini, prosedur penyarikataan oleh Diaz-Cintas & Remael (2014) digunakan sebagai teras teoretis kajian ini. Secara total, Diaz-Cintas & Remael menyenaraikan sebanyak sembilan prosedur, iaitu (i) pinjaman terus, (ii) pinjam terjemah/terjemahan literal, (iii) ekplisitasi (hiponim dan hipernim), (iv) penggantian, (v) transposisi, (vi) pembentukan

semula kata, (vii) pengimbangan, (viii) pengguguran, dan (ix) penambahan. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian, hanya prosedur pengimbangan yang dipilih untuk dianalisis.

Prosedur pengimbangan merujuk penggunaan kaedah *overtranslating*, iaitu penambahan rujukan baharu bagi mengimbangi penyisihan rujukan sumber yang tidak boleh dikekalkan oleh penterjemah. Dengan kata lain, sekiranya penyari kata tidak mendapati padanan rujukan sumber yang sesuai, beliau boleh memilih untuk tidak menterjemah rujukan tersebut; namun boleh menambah rujukan lain bagi mengimbangi 'kehilangannya'. Dalam konteks terjemahan humor, perihalan ini juga telah diutarakan oleh Chiaro (2006). Menurut beliau, kandungan humor yang akrab bahasa dan budaya berkemungkinan mengakibatkan sebahagian rujukan humor tidak berupaya dipindahkan secara keseluruhan oleh penterjemah AV. Chiaro seterusnya mengusulkan empat strategi terjemahan humor AV, iaitu (i) pengekalan; (ii) penggantian humor sumber dengan humor lain dalam teks sasaran (dengan mengekalkan sebahagian makna/bentuk humor sumber); (iii) penggantian ungkapan idiomatik humor sumber dengan ungkapan idiomatik bahasa sasaran; dan (iv) pengabaian.

Berdasarkan saranan Chiaro, dapat disimpulkan bahawa, penentuan strategi pengabaian dan penggantian rujukan humor AV bersifat pragmatik. Oleh yang demikian, selain aspek kesesuaian hasil terjemahan, analisis kajian ini turut memerikan penilaian multimodaliti, konteks dan jenis humor yang dipindahkan menggunakan prosedur pengimbangan bagi memerihalkan fenomena ini secara lebih tuntas.

ANALISIS

Contoh 1: Pengimbangan Rujukan Humor Tabu



Rajah 1. Humor Tabu

Dalam satu adegan pertarungan menentang konco Ajax, Deadpool melompat ke arah seorang penjahat (Bob) dan meletakkan punggungnya pada wajah penjahat tersebut sambil mengujarkan "*Tea-bag!*". Kata ini merujuk kepada slanga seksual dan eksplisit, iaitu keadaan meletakkan skrotum ke dalam mulut seseorang (Dalzell & Victor, 2008:642). Memandangkan humor sumber bersifat eksplisit, pengekalannya dalam bentuk sari kata BM adalah bercanggahan dengan ketetapan akta tempatan. Oleh itu, bagi mengimbangi penyisihan humor berunsur seksual ini, penterjemah telah menggantikannya dengan frasa tidak formal, iaitu "Padan muka!". Penerapan prosedur ini dinilai berupaya mengimbangi humor sumber, disebabkan kesesuaiannya dari sudut i) visual, yakni padanannya dengan paparan visual adegan serta ii) makna, tanpa merujuk slanga seksual sumber secara eksplisit walaupun masih bernada sarkastik.

Contoh 2: Pengimbangan Humor Berujukan Khusus




Rajah 2. Humor Berujukan Khusus

Contoh kedua ialah humor berujukan khusus, iaitu watak filem seram *A Nightmare on Elm Street*, Freddy Krueger dan negeri Utah di Amerika Syarikat. Setelah Wade sembuh daripada penyakitnya, beliau bertemu Weasel yang kemudiannya terperanjat melihatkan keadaan kulit Wade yang menggerutu. Dialog bahasa sumber adegan ini ialah "*Because you look like Freddy Krueger -- a topographical map of Utah*"; yang diterjemahkan ke dalam BM sebagai "Sebab muka awak nampak seperti muka Freddy Krueger yang berpeta". Sebagai rujukan, pihak ASTRO GO telah menapis kata kerja berkonotasi lucu, iaitu *face-fucked*, yang ditanamkan dengan simbol sempang (-).

Disebabkan penyampaian dialog asal dikekang oleh aspek tapisan, penyari kata *Deadpool* memilih untuk tidak menterjemahkan rujukan topografi peta Utah. Walau bagaimanapun, penterjemah telah mengimbangi kehilangan rujukan ini dengan tambahan frasa 'muka berpeta'. Dalam konteks BM, frasa ini menggambarkan wajah seseorang yang hodoh. Dengan cara menggabungkan frasa ini dengan rujukan Freddy Krueger, penyari kata filem ini juga berjaya memanipulasi humor sumber dengan sisipan penerangan (tahap) kehodohan wajah Freddy Krueger itu sendiri. Oleh yang demikian, penerapan prosedur pengimbangan dalam adegan ini dinilai bersesuaian.

Contoh 3: Pengimbangan Humor Linguistik



Rajah 3. Humor Linguistik

Contoh ketiga melibatkan humor linguistik. Setelah Wade tiba-tiba pengsan, beliau dan teman wanitanya, Vanessa bertemu doktor. Setelah beliau disahkan menghadapi kanser, Wade secara berkali-kali cuba menafikannya. Dalam bahasa Inggeris (BI), dialog tersebut ialah "*You're clowning. You're not clowning? I sense clowns*". Ujaran ini telah disari kata ke dalam BM sebagai "Awak bergurau. Awak tidak bergurau? Awak tentu bergurau". Dalam BI, ujaran humor sumber merujuk pasangan kata bermakna ganda "*clowning-clowns*", yang merujuk kata

kerja bermakna ‘bergurau’, dan kata nama bermakna ‘badut’. Permainan kata ini, walau bagaimanapun telah dipindahkan ke dalam bentuk sari kata dengan kaedah pengulangan kata berima “bergurau”. Dengan kata lain, penterjemah memilih untuk mengolah dialog “*I sense clowns*” secara lebih objektif bagi mengimbangi kehilangan rujukan permainan kata bermakna ganda. Pun begitu, penerapan prosedur pengimbangan ini masih dinilai berupaya menyampaikan humor dan tidak bercanggahan dengan paparan visual adegan ini.

PERBINCANGAN

Ringkasnya, rangkuman analisis yang dijalankan menunjukkan penerapan prosedur pengimbangan digunakan dalam ketiga-tiga bentuk humor paling dominan dalam *Deadpool*, iaitu humor tabu, humor berujukan khusus dan humor linguistik. Setidak-tidaknya, perihalan ini mengisyaratkan bahawa penggunaan prosedur ini tidak bersifat terpencil, dan menyokong kenyataan Chiaro (2006) bahawa kaedah *overtranslating* ini kekal relevan dalam terjemahan humor AV.

Dari segi penarikatan humor tabu pula, dapat dilihat bahawa sari kata yang dipaparkan bernada neutral dan tidak menyampaikan rujukan humor yang lebih eksplisit. Ternyata, hal ini memperlihatkan kepatuhan terhadap penguatkuasaan kedua-dua Akta 620 dan 588. Tapisan sebahagian dialog dalam Contoh 2 turut mengesahkan keadaan ini. Walaupun ketiadaan rujukan berunsur carutan ini berupaya mengganggu penerimaan audiens, penyari kata *Deadpool* dinilai berjaya mengimbangi ketiadaannya dengan mengolah dialog sumber dalam bentuk sari kata.

Satu perkara penting yang dapat diperhatikan ialah faktor kreativiti penterjemah AV sangat menonjol dalam ketiga-tiga contoh yang dianalisis. Walaupun pengekal kesemua rujukan humor sumber dinilai mustahil untuk dipindahkan, penyari kata filem ini telah bertindak kreatif dengan menyertakan elemen/rujukan humor baharu yang kekal sejajar dengan perjalanan adegan secara visual. Dapatan ini menyokong saranan Veiga (2009) agar setiap penterjemah humor AV mempunyai aras kreativiti yang tinggi, selain berupaya mencerap humor sumber dengan baik.

Walaupun ‘humor baharu’ yang disertakan berkemungkinan tidak berupaya mendatangkan kesan jenaka yang sama sebagaimana humor sumber, dapatan kajian tetap menunjukkan kejayaannya, memandangkan kesemua hasil terjemahan disesuaikan dengan aspek visual dan bingkai syot. Penyelarasan ini adalah penting supaya audiens berupaya memahami keseluruhan adegan tanpa gangguan kekangan luaran, dan seterusnya menikmati filem yang ditayangkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penerapan prosedur pengimbangan berupaya membantu penyari kata AV dalam menterjemah humor. Walaupun data yang dianalisis adalah terhad, contoh yang dipaparkan berupaya memberikan gambaran bahawa pengaplikasian prosedur ini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai jenis dan konteks humor dalam filem ini. Dapatan kajian juga mengesahkan bahawa pemerian aspek kontekstual, isi kandungan serta kaedah pembentukan humor perlu dititikberatkan oleh pengkaji bagi memahami proses pemindahan humor secara komprehensif. Dalam konteks penarikatan humor tabu di Malaysia, pastinya dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh penterjemah untuk menyampaikan mesej humor tanpa menterjemahnya secara eksplisit; selaras dengan ketetapan Akta 620 dan Akta 588.

RUJUKAN

Akta 588. *Akta Komunikasi dan Multimedia 1998*.

Akta 620. *Akta Penapisan Filem 2002*.

- Attardo, S. (1994). *Linguistic theories of humor* (V. Raskin & M. Apte, Eds.). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Bucaria, C., & Barra, L. (2016). Taboo comedy on television: Issues and themes. Dlm. C. Bucaria & L. Barra (Eds.), *Taboo Comedy: Television and Controversial Humour* (hlm. 1–18). London: Palgrave Macmillan.
- Chiaro, D. (2006). Verbally expressed humour on screen: Reflections on translation and reception. *The Journal of Specialised Translation*, (6), 198–208.
- Chiaro, D. (2008). Verbally expressed humour and translation. Dlm. V. Raskin (Ed.), *The primer of humor research* (hlm. 569-608.). <https://doi.org/10.1515/9783110198492>
- Chiaro, D. (2011). Comic takeover or comic makeover? Notes on humour-translating, translation and (un) translatability. Dlm. M. Dynel (Ed.), *The Pragmatics of Humour across Discourse Domain* (hlm. 365–378). Amsterdam: John Benjamins B.V.
- Chiaro, D. (2014). Laugh and the world laughs with you: tickling people's (transcultural) fancy. Dlm. E. Perrego, A. De Laurentiis, & F. Bianchi (Eds.), *Translating Humour in Audiovisual Text* (hlm. 15–24). Peter Lang AG.
- Diaz-Cintas, J., & Remael, A. (2014). *Audiovisual translation: Subtitling*. Oxon: Routledge.
- Georgakopoulou, P. (2009). Subtitling for the dvd industry. Dlm J. Diaz-Cintas & G. Anderman (Eds.), *Audiovisual translation: language transfer on screen* (hlm. 21–35). London: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9780230234581>
- Jiménez Carra, N. (2009). Translating humour: The dubbing of Bridget Jones's Diary into Spanish. Dlm J. Díaz Cintas (Ed.), *New Trends in Audiovisual Translation* (hlm. 133–141). Bristol: Multilingual Matters.
- Martínez Sierra, J. J. (2006). Translating audiovisual humour: A case study. *Perspectives*, 13(4), 289–296. <https://doi.org/10.1080/09076760608668999>
- Mohamad Zakuan Tuan Ibharim, Muhammad Faizal Matalib, & Iliya Nurul Iman Mohd Ridzuan. (2019). The subtitling of humour in *Deadpool*: A reception study. *Opcion*, 35(Isu Khas), 1264–1290.
- Nash, W. (1985). The language of humour: Style and technique in comic discourse. Dlm. *Longman*. London, United Kingdom.
- Pérez-González, L. (2014). *Audiovisual translation: Theories, methods and issues*. Oxon: Routledge.
- Raskin, V. (2008). Theory of humor and practice of humor research: Editor's notes and thoughts. Dlm. V. Raskin (Ed.), *The primer of humor research* (hlm. 1–16). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Reynolds, R., Kinberg, S., Donner Shulen, L. (Penerbit), & Miller, T. (Pengarah). (2016). *Deadpool* [Filem]. Amerika Syarikat: Motion Pictures.
- Veiga, M. J. (2009). The translation of audiovisual humour in just a few words. Dlm J. Díaz Cintas (Ed.), *New Trends in Audiovisual Translation* (hlm. 158–175). Bristol: Multilingual Matters.
- Zabalbeascoa, P. (1996). Translating jokes for dubbed television situation comedies. *Translator*, 2(2), 235–257.



TEMA:

BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA
DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
DAN MEDIA
(SASTERA)



GAMBARAN PERWATAKAN WATAK WANITA DALAM SIRI ANIMASI BERGENRE AKSI

Mawarni Nazrin
Kolej Vokasional Alor Setar
arnieberduri@gmail.com

Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail
Universiti Utara Malaysia (UUM)
sfsi@uum.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan meneliti lakaran perwatakan watak wanita yang terdapat dalam siri animasi bergenre aksi, khususnya siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*. Kajian ini juga berhasrat untuk merincikan jumlah watak wanita yang dipaparkan dalam siri ini berbanding dengan watak lelaki, selain memerihalkan citra watak wanita yang terdapat dalam siri ini. Dapatan menunjukkan bahawa daripada sejumlah 137 watak yang ditampilkan dalam siri ini, 38 daripadanya terdiri daripada watak wanita. Watak lelaki didapati mendominasi siri ini dari segi populasi. Dapatan juga memperlihatkan bahawa watak wanita dalam siri ini juga diperlihatkan sebagai mempunyai peranan yang aktif, bijak, mempunyai sifat pemimpin, berkerjaya dalam bidang sains dan kejuruteraan, cantik dan kurus. Citra watak wanita dalam siri ini juga digambarkan bertentangan dengan stereotaip gender wanita yang tradisional.

Kata kunci: siri animasi, genre aksi, watak wanita, citra wanita

PENGENALAN

Televisyen dan dunia kanak-kanak tidak dapat dipisahkan. Malah, siaran televisyen sering dilihat sebagai nadi dalam kehidupan kebanyakan kanak-kanak. Kanak-kanak mula menonton televisyen pada usia yang sangat muda dan banyak menghabiskan masa mereka menonton rancangan yang ditayangkan di layar televisyen. Kajian Rideout, Roberts, dan Froeher (2005), misalnya, menunjukkan bahawa kanak-kanak di Amerika Syarikat yang berusia 8 hingga 10 tahun menonton televisyen lebih daripada 3 jam sehari. Meskipun pada hari ini, hiburan datang dalam pelbagai bentuk dan media, televisyen masih kekal menjuarai senarai media yang paling popular dan kerap ditonton oleh khalayak muda (Feierabend, Plankenhorn, & Rathgeb, 2017). Hal ini menyebabkan televisyen berpotensi bukan sahaja untuk mendidik kanak-kanak secara amnya, malah berperanan untuk mengajar kanak-kanak tentang sosialisasi gender (Bandura, 2002).

Kesan televisyen atau siaran televisyen terhadap pembentukan gender kanak-kanak telah banyak dikupas oleh para sarjana seperti Bandura (2002), Gerbner, Gross, Morgan, Signorielli, dan Shahanan (2002) serta Thompson dan Zerbinos (1997). Gambaran stereotaip gender yang kerap dipaparkan di kaca televisyen juga dilihat meninggalkan kesan yang besar terhadap kanak-kanak. Gambaran stereotaip gender yang menonjol, misalnya, turut dapat dilihat dalam filem dan iklan yang disiarkan di televisyen yang bersasarkan kanak-kanak (Bakir & Palan, 2010).

Teori pembelajaran sosial mengagaskan bahawa manusia belajar dengan meniru perbuatan individu di sekeliling mereka dan watak yang mereka perhatikan di kaca televisyen dan dalam filem (Bandura, 1977). Kanak-kanak didapati mudah dipengaruhi oleh model yang sama gender dengan mereka dan beranggapan bahawa perlakuan yang dipamerkan oleh model tersebut, ialah perlakuan yang perlu mereka contohi (Bandura & Bussey, 2004).

Pengetahuan tentang stereotaip gender bermula awal di alam kanak-kanak dan kanak-kanak seawal usia dua tahun sudah menyedari tentang peranan gender yang ditentukan oleh budaya masing-masing (Wilbourn & Kee, 2010). Teori pembentukan kognitif yang melihat pembentukan stereotaip gender menyarankan bahawa kanak-kanak melalui tahap pengetahuan dan kefahaman tentang gender semasa mereka membesar (Barth et al., 2018). Apabila kanak-kanak menjadi bertambah matang, mereka mula mempunyai jangkakan bahawa setiap gender akan bertindak secara khusus dan mengaitkan aktiviti serta objek berdasarkan gender, iaitu aktiviti dan objek yang dilihat milik lelaki atau milik wanita (Tomasetto et al., 2011).

Mengapa penting untuk diteliti gambaran stereotaip di media untuk kanak-kanak, terutamanya televisyen? Seperti yang telah disebut sebelum ini, televisyen merupakan sumber maklumat kepada khalayak penonton yang gemar menonton televisyen (Gerbner et al., 2002). Semakin kerap dan semakin banyak kanak-kanak menonton televisyen, maka semakin kukuhlah pandangan serta pemahaman mereka tentang dunia sosial berdasarkan apa-apa yang diperhatikan di kaca televisyen. Secara umumnya, pendedahan terhadap stereotaip gender yang disaksikan oleh kanak-kanak di media televisyen meninggalkan kesan yang besar, terutama sekali terhadap perkembangan gender dan sosial mereka (Gerding & Signorielli, 2014). Mesej yang sarat dengan stereotaip gender ini mengajar budak lelaki untuk menjadi lelaki dan mengajar budak perempuan untuk bertindak sebagai perempuan. Sudah banyak kajian di barat yang meneliti gambaran gender, termasuklah stereotaip gender dalam media hiburan untuk kanak-kanak. Namun begitu, kajian yang meneliti gambaran gender dalam media untuk kanak-kanak, khususnya rancangan animasi untuk kanak-kanak di Malaysia, sangat terbatas. Oleh hal yang demikian, kajian berbentuk penerokaan ini berhasrat untuk mengenal pasti jumlah watak berdasarkan gender yang terdapat dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* dan mengenal pasti peranan gender dalam siri animasi ini, khususnya peranan gender wanita.

KAEDAH KAJIAN

Kajian berbentuk analisis kandungan ini meneliti sejumlah 13 episod *Ejen Ali: Musim 1*. Antara episod musim pertama *Ejen Ali* (2016) yang dianalisis ialah *Misi Iris* (8 April 2016), *Misi Alpha* (15 April 2016), *Misi Seri* (22 April 2016), *Misi Comot* (22 Julai 2016), *Misi Blueprint* (29 Julai 2016), *Misi Bangkit* (5 Ogos 2016), *Misi Protokol Gegas* (28 Oktober 2016), *Misi Prestasi* (4 November 2016), *Misi Potensi* (11 November 2016), *Misi Sensasi* (30 Disember 2016), *Misi Bukti* (6 Januari 2017), *Misi Uno* (13 Januari 2017) dan *Misi Override* (3 Mac 2017).

Siri animasi *Ejen Ali* dipilih kerana siri ini menerobos pasaran luar, termasuklah di China dan beberapa negara lain (Shamsul Azree Samshir, 9 Disember 2020). Selain itu, siri animasi ini juga memenangi beberapa anugerah, termasuklah Anugerah Program atau Siri Animasi 3D Terbaik dalam Asian Academy Creative Awards (AAA).

Untuk menjawab objektif kajian yang pertama, analisis dilakukan dengan mengira jumlah kekerapan kemunculan watak dalam setiap episod dalam Musim 1. Untuk menjawab objektif kajian yang kedua, analisis dilakukan dengan melihat watak wanita yang menonjol dan perwatakan mereka dalam kesemua episod Musim 1.

DAPATAN

Kupasan berikut memaparkan jumlah watak dan peranan watak wanita dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*.

Gambaran jumlah watak wanita dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*

Dapatan daripada tiga belas episod dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* yang dianalisis memperlihatkan jumlah kekerapan kemunculan watak ialah sebanyak 137 kali. Daripada jumlah watak tersebut, 97 (70.8%) daripada jumlah kekerapan kemunculan watak secara keseluruhan terdiri daripada kemunculan watak lelaki, manakala 38 (27.7%) kemunculan watak pula ialah kemunculan watak wanita dan 2 (1.45%) lagi merupakan kemunculan watak bukan manusia (lihat Jadual 1 untuk perincian jumlah kekerapan kemunculan watak berdasarkan gender).

Jadual 1. Jumlah kekerapan kemunculan watak berdasarkan gender dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*

EPISOD	WANITA	LELAKI	BUKAN MANUSIA	J U M L A H WATAK
Episod 1	5	14	2 (robot)	21
Episod 2	5	14	-	19
Episod 3	4	9	-	13
Episod 6	6	17	-	23
Episod 7	5	12	-	17
Episod 8	3	6	-	9
Episod 11	3	8	-	11
Episod 12	3	7	-	10
Episod 13	4	10	-	14
JUMLAH	38	97	2	137

Jadual menunjukkan bahawa kemunculan watak lelaki yang paling tinggi direkodkan pada Episod 6, dengan sejumlah 17 watak lelaki ditampilkan dalam episod ini. Episod 1, Episod 2 dan Episod 7 juga menunjukkan kemunculan watak lelaki yang agak ramai. Kemunculan watak wanita yang agak tinggi dapat dilihat pada Episod 6. Walau bagaimanapun, peningkatan ini masih rendah berbanding dengan kemunculan watak lelaki. Kemunculan watak wanita yang sangat terbatas dapat dilihat pada Episod 8, Episod 11 dan Episod 12.

Dominasi kemunculan watak lelaki, seperti yang tertera dalam Jadual 1, berbanding dengan kemunculan watak wanita dalam siri animasi yang dianalisis ini bukanlah satu perkara yang mengejutkan. Ideologi tentang penonjolan watak lelaki dalam rancangan kanak-kanak pernah disentuh oleh sarjana terdahulu. Thompson dan Zerbinos (1995), sebagai contoh, mengutarakan bahawa watak lelaki lebih menonjol dan kerap muncul dalam karya animasi untuk kanak-kanak berbanding dengan watak wanita. Sifat aksi yang melatari siri animasi *Ejen Ali* mungkin mewajarkan kemunculan watak lelaki yang lebih banyak berbanding dengan watak wanita. Kajian Thompson dan Zerbinos (1997) juga mendedahkan bahawa 78% kanak-kanak yang berusia antara empat ke sembilan tahun menyedari bahawa watak lelaki lebih ditonjolkan dan memainkan lebih banyak peranan dalam rancangan animasi untuk khalayak muda. Besar kemungkinan juga produser siri ini menekankan kemunculan watak lelaki dalam siri ini sebagai satu daya tarikan untuk menarik minat penonton lelaki dan penonton wanita. Kurangnya representasi atau gambaran watak wanita dalam rancangan televisyen serta filem pula bukanlah sesuatu perkara yang baharu lantaran kekurangan ini pernah dikupas dalam kajian Klein dan Shiffman (2009).

Penonjolan watak lelaki dalam rancangan untuk kanak-kanak merupakan fenomena yang dilihat boleh memudaratkan oleh sesetengah sarjana. Dominasi watak lelaki dalam siri animasi bergenre aksi ini seolah-olah menunjukkan bahawa watak lelaki lebih kerap mengambil bahagian atau dikaitkan dengan genre sebegini berbanding dengan watak wanita. Keterbatasan watak wanita pula dalam rancangan siri animasi bergenre aksi dapat memberikan gambaran kepada penonton kanak-kanak bahawa wanita kurang penting dan tidak berpengaruh dalam masyarakat. Watak wanita tidak dapat mengembangkan jalan cerita atau rancangan cerita yang sarat dengan aksi. Kurangnya watak wanita dalam siri animasi *Ejen Ali* ini memaparkan bahawa budak lelaki lebih diterima atau lebih digemari oleh masyarakat berbanding dengan budak perempuan. Dengan erti kata lain, keterbatasan watak wanita dalam media untuk kanak-kanak menggambarkan kedudukan atau kepentingan wanita dalam masyarakat secara amnya (Steyer, 2014).

Citra wanita dalam *Ejen Ali: Musim 1*

Selain melihat kekerapan watak lelaki dan wanita dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*, kajian ini turut menganalisis gambaran citra wanita yang terdapat pada watak wanita dalam siri ini. Lapan watak wanita yang mewarnai siri ini telah dianalisis untuk melihat sama ada watak wanita dalam rancangan animasi ini mempunyai citra gender yang stereotaip ataupun citra gender yang lebih berbentuk *egalitarian*.

Gambar 1. Watak wanita yang menonjol dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1*

			
Alicia	Dos	Ejen Jenny	Aliya
			
Puan Munah	Dr. Mala	Mia	Aunt Faye

Jadual 2 Perincian watak wanita yang menonjol dalam *Ejen Ali: Musim Satu* dan peranan watak

Watak Wanita	Peranan
Alicia	Rakan sekelas dan watak saingan kepada watak hero, iaitu Ejen Ali Pelajar yang sangat bijak dan selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan Pengawas dan ejen M. A. T. A. Mahir dalam seni pertahanan diri, boleh menembak dengan baik, berupaya untuk membuat deduksi dengan pantas serta mempunyai kemahiran akrobatik
Dos	Orang suruhan Uno; watak antagonis yang berjaya mencuri I. R. I. S. Bijak dalam seni penyamaran, mahir dalam seni pertahanan diri, sangat pandai menggunakan senjata serta mampu berlawan dengan musuh pada jarak yang dekat
Jenny	Saintis yang mencipta peralatan ejen M.A.T.A. Bertindak sebagai ejen teras TEKNO dan merupakan orang kepercayaan General Rama serta menjadi orang suruhan Uno Bertindak sebagai pengintip Mempunyai kemahiran untuk menaik taraf peralatan yang berteknologi serta cekap menganalisis data kebolehan musuh
Aliya	Super ejen yang juga ibu Ejen Ali Pencipta I. R. I. S. dan pernah mendapat anugerah atas ciptaannya tetapi dalam Musim 1 ini identitinya masih dirahsiakan oleh pihak M.A.T.A daripada pengetahuan Ali
Puan Munah	Guru kepada pelajar 6 Avicenna yang sangat tegas Bekas olahragawati dan pernah mewakili negara dalam acara gimnastik Mempunyai keupayaan untuk melompat seperti ninja
Dr. Mala	Peneraju utama di Cyberaya dan pakar dalam bidang kejuruteraan tenaga Pernah menjadi mangsa jenayah Dr. Aaron
Mia	Kawan sekelas Ejen Ali dan Alicia yang bijak serta terkenal dengan sikapnya yang kerap menjaga penampilan diri
Aunt Faye	Menguasai kemahiran pertahanan diri Kaya serta suka bergaya

Jadual 2 menunjukkan watak wanita yang kerap muncul dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* dan peranan yang dimainkan oleh watak tersebut. Meskipun bilangan watak wanita sangat terbatas dalam siri animasi yang dianalisis seperti yang dijelaskan sebelum ini, namun rata-rata watak wanita yang mendominasi siri ini dipaparkan sebagai watak yang aktif dan berdikari. Watak Alicia diperlihatkan sebagai watak saingan kepada watak Ali dan lebih cepat bertindak berbanding dengan protagonis dalam siri ini. Alicia sering digambarkan sebagai watak yang cekap dan tangkas. Watak Dos pula yang merupakan watak antagonis dalam siri ini juga digambarkan sebagai watak yang licik yang boleh membolos sekuriti di pejabat M.A.T.A serta berjaya mencuri I.R.I.S. Meskipun Dos wanita, hal ini tidak menyekat Dos daripada berkemampuan untuk melakukan aksi jenayah yang lazimnya dilakukan oleh watak lelaki. Perkara yang sama terpancar dan diperlihatkan oleh watak Jenny yang merupakan pengintip dalam siri ini. Kelapan-lapan watak wanita dalam *Ejen Ali: Musim 1* yang dianalisis ini mempunyai kebolehan masing-masing dan bijak menggunakan kelebihan, kepandaian dan kemahiran mereka dalam siri ini. Malah, watak Aunty Faye yang sangat menekankan penampilan diri turut ditonjolkan sebagai berkemahiran dalam seni mempertahankan diri, begitu juga dengan watak Puan Munah, guru Alicia dan Ali yang merupakan bekas olahragawati. Gambaran watak wanita dalam siri animasi ini yang begitu aktif bertentangan sekali dengan kajian terdahulu yang dilakukan di barat yang mengetengahkan gambaran wanita yang lemah serta pasif dalam siri animasi (Klein & Shiffman, 2009). Dalam kebanyakan rancangan untuk kanak-kanak, gambaran wanita yang tradisional (iaitu lemah dan tidak berdaya) merupakan norma yang kukuh. Watak wanita yang aktif seperti yang ditemui dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* ini juga didapati mempunyai perwatakan yang sama seperti watak puteri Disney dalam kajian England, Descartes dan Collier-Meek (2011).

Watak-watak wanita dalam siri animasi ini, sebagai contoh, Alicia, Jenny, Aliya dan Dr. Mala digambarkan bertindak sebagai peneraju atau pemimpin dalam tugas atau misi tertentu. Gambaran watak wanita sebagai ketua jarang ditemukan dalam kajian terdahulu. Gambaran wanita yang bertindak sebagai pemimpin yang terdapat dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* berpotensi menjadi ikutan khalayak muda jika diambil kira pegangan sarjana bahawa kanak-kanak gemar meniru corak tingkah laku dan sikap watak yang terdapat di media hiburan (Bandura, Ross, & Ross, 1963).

Gambaran watak wanita dalam siri ini yang berkerjaya dalam bidang sains dan kejuruteraan, seperti Jenny, Aliya dan Dr. Mala merupakan gambaran yang positif kepada kanak-kanak lantaran kebanyakan kajian dahulu lebih kerap menemukan imej lelaki yang mengenakan kot makmal, bercermin mata serta mempunyai kepintaran yang luar biasa (Cheryan et al., 2013;). Gambaran wanita sebagai saintis dalam siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* dapat memberkan persepsi yang berbeza dan mungkin dapat menyuntik semangat khalayak kanak-kanak perempuan yang menonton untuk mengikut laluan kerjaya yang sama kelak.

Watak wanita yang bijak juga ketara dipertontonkan dalam siri animasi ini, misalnya watak Alicia, Dos, Jenny, Puan Aliya, Dr. Mala, Puan Munah, bahkan Mia, rakan sekelas Ali dan Alicia. Gambaran watak wanita yang pandai begini turut ditemui dalam kajian Klein dan Shiffman (2009). Gambaran yang positif ini menolak stereotaip gender yang kerap menekankan bahawa lelaki lebih pintar berbanding dengan wanita (Upton & Friedman, 2012).

Siri animasi *Ejen Ali: Musim 1* yang dianalisis ini juga mempunyai gambaran watak wanita yang cantik dan suka bergaya, sebagai contoh watak Mia dan watak Aunty Faye. Penghasil siri ini juga menggambarkan watak-watak lain sebagai watak yang cantik dan kurus, misalnya watak Alicia yang bermata bulat dan watak lain seperti watak Don, Jenny, Aliya dan Dr. Mala yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Gambaran watak wanita yang kerap ditonjolkan sebagai mempunyai kecantikan fizikal ini juga diperhatikan dalam kajian Steyer (2014).

KESIMPULAN

Watak lelaki dalam siri animasi yang dianalisis ini didapati mendominasi jumlah watak secara keseluruhan. Dapatan ini seperti yang pernah dijelaskan menggambarkan trend yang sama seperti yang ditemui dalam kajian terdahulu. Walau bagaimanapun, dari segi gambaran gender, analisis memperlihatkan bahawa siri animasi

ini memuatkan gambaran stereotaip gender yang lebih *egalitarian*, iaitu gambaran gender yang lebih saksama. Khalayak penonton perempuan yang kerap terdedah dengan gambaran gender yang positif ini akan lebih mudah terikut dengan model yang mereka temui dalam siri ini. Hal ini pernah disentuh oleh Maccoby dan Williams (1957) bahawa kanak-kanak lebih cenderung untuk meniru watak yang sama gender dengan mereka dan mereka akan lebih mengingati secara rinci perbuatan dan kata-kata watak yang menjadi idola mereka. Dalam *Ejen Ali: Musim 1*, watak wanita yang dihasilkan tidak memaparkan stereotaip gender yang tradisional. Watak wanita dalam siri ini aktif, bijak, bertindak sebagai pemimpin, berkerjaya dalam bidang sains dan kejuruteraan, mempunyai daya tarikan yang tersendiri dan rata-ratanya bertubuh kurus. Citra positif yang diperhatikan dalam siri animasi ini menunjukkan bahawa penghasil siri animasi ini lebih bersifat saksama dari segi pelukisan gender watak. Kesaksamaan gender dalam siri ini juga dapat memberikan kefahaman kepada khayalak muda bahawa watak wanita dalam siri ini diberikan kuasa yang sama seperti watak lelaki. Gambaran kesaksamaan gender ini, sekiranya dijadikan norma dalam kesemua siri animasi yang dihasilkan di Malaysia, secara tidak langsung, dapat mengangkat nilai dan kepentingan wanita dalam masyarakat sebenar di tanah air.

RUJUKAN

- Bakir, A., & Palan, K.M. (2010). How are children's attitudes toward ads and brands affected by gender-related content in advertising? *Journal of Advertising*, 39, 35–48. <https://doi.org/10.2753/joa0091-3367390103>.
- Bandura A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bandura, A. (2002). Social cognitive theory of mass communication. In J. Bryant & D. Zillmann (Eds.), *Media effects: Advances in theory and research* (hal. 121–153). Mahwah, NJ: Taylor & Francis. <https://doi.org/10.5771/1615-634x-2003-1-109>.
- Bandura, A., & Bussey, K. (2004). On broadening the cognitive, motivational, and socio-structural scope of theorizing about gender development and functioning: Comment on Martin, Ruble, and Szkrybalo. *Psychological Bulletin*, 130, 691–701, doi:10.1037/0033-2909.130.5.691
- Bandura, A., Ross, D., & Ross, S. A. (1963). Imitation of film-mediated aggressive models. *The Journal of Abnormal and Social Psychology*, 66(1), 3–11.
- Barth, J. M., Kim, H., Eno, C. A., & Guadagno, R. E. (2018). Matching abilities to careers for others and self: Do gender stereotypes matter to students in advanced math and science classes? *Sex Roles*, 79(1–2), 83–97.
- Cheryan, S., Plaut, V. C., Handron, C., & Hudson, L. (2013). The stereotypical computer scientist: Gendered media representations as a barrier to inclusion for women. *Sex Roles*, 69(1–2), 58–71.
- England, D. E., Descartes, L., & Collier-Meek, M. (2011). Gender role portrayal and the Disney Princess. *Sex Roles*, 64(7-8), 555-567.
- Feierabend, S., Plankenhorn, T., & Rathgeb, T. (2017). KIM-Studie 2016: Kindheit, Internet, Medien [KIM-Study 2016: Childhood, internet, media]. Stuttgart. Diakses pada Mei 25, 2021, daripada, https://www.mpf.de/fileadmin/files/Studien/KIM/2016/KIM_2016_Web-PDF.pdf
- Gerbner, G., Gross, L., Morgan, M., Signorielli, N., & Shanahan, J. (2002). Growing up with television: Cultivation processes. In J. Bryant, & Zillmann (Eds.), *Media effects: Advances in theory and research* (hal. 43–67). New York: Routledge Press.
- Gerding, A., & Signorielli, N. (2014). Gender roles in tween television programming: A content analysis of two genres. *Sex Roles*, 70(102), 43-56.

- Klein, H., & Shiffman, K. S. (2009). Underrepresentation and symbolic annihilation of socially disenfranchised groups ('out groups') in animated cartoons. *Howard Journal of Communications*, 20(1), 55-72.
- Maccoby, E. E., & Wilson, W. C. (1957). Identification and observational learning from films. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 55(1), 76-87.
- Rideout, M. A., Roberts, D. F., & Foehner, U. G. (2005). *Generation M: Media in the lives of 8-18 year-olds*. Menlo Park, CA: Henry J. Kaiser Family Foundation, Diakses pada Mei 27, 2021, daripada, <http://www.kff.org/entmedia/upload/Generation-M-Media-in-the-Lives-of-8-18-Year-olds-Report.pdf>.
- Shamsul Azree Samshir. (9 Disember 2020). Ejen Ali tembusi China. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2020/12/763055/ejen-ali-tembusi-china>
- Steyer, I. (2014). Gender representation in children's media and their influence. *Campus-Wide Information Systems*, 31, 171-180. <https://doi.org/10.1108/cwis-11-2013-0065>.
- Tomasetto, C., Alparone, F. R., & Cadinu, M. (2011). Girls' math performance under stereotype threat: The moderating role of mothers' gender stereotypes. *Developmental Psychology*, 47(4), 943-949. <https://doi.org/10.1037/a0024047>.
- Thompson, T. L., & Zerbinos, E. (1995). Gender roles in animated cartoons: Has the picture changed in 20 years? *Sex Roles*, 32, 651-673. doi:1.1007/BF01544217.
- Thompson, T. L., & Zerbinos, E. (1997). Television cartoons: Do children notice it's a boy's world? *Sex Roles*, 37, 415-432, doi:10.1023/A:1025657508010
- Upton, S., & Friedman, L. F. (2012). Where are all the female geniuses? *Scientific American Mind*, 23(5), 63-65.
- Wilbourn, M. P., & Kee, D. W. (2010). Henry the nurse is a doctor too: Implicitly examining children's gender stereotypes for male and female occupational roles. *Sex Roles*, 62(9-10), 670-683. <https://doi.org/10.1007/s11199-010-9773-7>.

PENGANGKUTAN AIR DAN AKAL BUDI MELAYU DALAM PANTUN

Maulana Al-Fin Che Man
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
maulanaalfin91_ukm@yahoo.com

Nor Hashimah Jalaluddin
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
junaini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengangkutan air merupakan salah satu alat perhubungan terpenting pada dalam masyarakat Melayu terdahulu. Masyarakat Melayu sangat terkenal dalam penciptaan dan pembinaan pelbagai jenis pengangkutan air terawal di dunia. Dalam mencipta pantun masyarakat Melayu banyak menggunakan pengangkutan air yang terdapat di Alam Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti objek pengangkutan air dalam pantun tradisional Melayu seperti perahu, kapal, rakit, sampan, kolek, biduk, lancang, sekoci, tongkang dan jalur. Seterusnya menghurai makna dan menginterpretasikan makna tersirat pantun Melayu yang berunsurkan pengangkutan air ‘kapal’ secara lebih mendalam sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu. Data kajian difokuskan terhadap pantun yang berunsurkan pengangkutan air daripada buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2013). Terdapat sebanyak 348 pantun yang berunsurkan pengangkutan air. Penganalisan kajian difokuskan terhadap pengangkutan air (kapal) sahaja dengan menggunakan konsep ad-hoc dalam Teori Relevans dan pendekatan semantik inkuisitif. Pemilihan leksikal ‘kapal’ membuktikan kehalusan akal budi Melayu yang mengasosiasikan ‘kapal’ dan ‘perasaan’ dalam peringkat perhubungan kasih sayang bermula dari perkenalan sehingga ke alam perkahwinan. Lantas kajian ini secara tidak langsung dapat menunjukkan kearifan orang Melayu dalam ilmu penciptaan pengangkutan air melalui pantun tradisional Melayu dan membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat maritim yang unggul.

Kata Kunci: akal budi, maritim, pengangkutan air, pantun, semantik

PENGENALAN

Menurut R. J. Wilkinson & R. O. Winstedt (1961) “*orang asing yang belum mengenal pantun, boleh dikatakan orang itu belum mengenal rohani dan jalan fikiran orang Melayu yang sebenar*”. Pantun merupakan sebuah warisan teras hati budi masyarakat Melayu yang penuh dengan kesantunan dan nilai-nilai yang luhur. Ujaran dalam pantun lahir seiring dengan bermulanya kehidupan dan tumbuhnya Melayu. Kenyataan ini berhubung kait dengan kajian yang dijalankan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz (2011) dalam *Wawancara Mingguan Malaysia* “*Saya Bangga Sebagai Melayu*” yang berpendapat bahawa sejak 800 tahun yang lampau pantun Melayu sudah wujud sebelum wujudnya William Shakespear. Ketika itu orang Melayu sudah menghafal pantun kerana ketika itu minda mereka tidak berkeladak dengan perkara-perkara asing. Melalui pantun juga pengkaji mendapati terdapat unsur-unsur yang berkaitan dengan maritim dan kelautan yang menjadi tunjang kepada kajian ini. Menurut Nordin Hussin (2011) dalam bukunya *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*, pemikiran masyarakat Melayu tentang laut dan kelautan dan kehidupan berteraskan kepada laut, jelas terserlah dalam kehidupan harian mereka dan terbukti dalam peribahasa, pantun seloka orang Melayu. Antaranya boleh dilihat dari pantun Melayu lama berikut:

*Belayar kapal ke Inderagiri,
Selisih perahu dekat pangkalan;
Kalau tak kenal siapa diri,
Payah nak tahu siapa Tuhan.*

*Kapal berlayar ke Malaka,
Dituntun masuk pelabuhan;
Orang ingin masuk neraka,
Ada banyak pilihan.*

Menurut beliau lagi, dunia kelautan sangat sebatu dalam jiwa dan alam Melayu. Kehidupan orang Melayu banyak tertumpu kepada laut dan laut jugalah merupakan entiti yang menyatukan Dunia Melayu yang terpisah kepada gugusan kepulauan dan tanah daratan. Di samping itu, dunia maritim telah menghubungkan kehidupan dan petempatan masyarakat Melayu. Dalam kajian *Pengangkutan Air Dan Akal Budi Melayu Dalam Pantun* ini pengkaji cuba untuk memperlihatkan bahawa kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam membuat pemilihan objek dalam mencipta sesebuah pantun. Dalam kajian ini pengkaji cuba mengenal pasti pantun-pantun yang memiliki unsur pengangkutan air sahaja yang terdiri daripada perahu, kapal, rakit, sampan, kolek, biduk, lancang, sekoci, tongkang dan jalur. Kajian ini menggunakan kerangka konsep ad-hoc yang terdapat dalam Teori Relevans serta memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Melalui kajian ini pengkaji akan mencungkil falsafah di sebalik pemilihan objek pengangkutan air dalam pantun Melayu.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak kajian mengenai pantun telah dijalankan. Pengkaji lepas seperti Muhamad Fadzillah Hj. Zaini (2015), Salinah Jaafar (2018), Zarina Tajuddin & Anida Saruddin (2018), dan Nur Ain Nasir, Zuraidah Jantan dan Rozaimah Rashidin (2019) telah menjalankan kajian pantun berdasarkan tema serta menggunakan kerangka Teori Relevans dalam menghuraikan makna pantun. Kajian pengkaji lepas telah memilih unsur alam, bunga dan imej wanita dalam pantun. Dalam kajian-kajian lepas ini, pengkaji lepas masing-masing menerapkan kerangka seperti Rantail Utama Makhluk (RUM), Konsep Teori Leksikal, dan Rujuk Silang dan kesemuanya merupakan kajian semantik. Data kajian lepas di perolehi dan buku Kurik Kundi Merah Saga sama seperti sumber data pengkaji sendiri. Secara keseluruhan kajian-kajian lepas ini berjaya dalam menghuraikan makna tersirat pantun yang ingin disampaikan oleh pemantun. Namun begitu huraian bagi kajian-kajian lepas ini hanya terhenti di peringkat kognitif sahaja atau lebih dikenali pada peringkat semantic resonans (Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

Selain itu, pengkaji turut meneliti kajian-kajian pantun yang telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Melalui penelitian pengkaji, hanya terdapat empat kajian pantun yang pernah dijalankan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif iaitu kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), Maulana Al-Fin & Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Nor Hashimah Jalaluddin (2019) dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed (2020). Masing-masing melihat unsur seperti buah-buahan tempatan (pisang), burung, ulam-ulaman dan bunga. Kajian-kajian ini mampu menghurai dan mencungkil makna pantun Melayu secara mendalam. Kajian-kajian lepas ini menggunakan pendekatan yang sama dengan kajian pengkajian namun berbeza dari segi pemilihan unsur yang dilihat. Kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini dapat menghuraikan makna pantun dengan lebih mendalam dan berjaya mencungkil falsafah dengan lebih tersusun. Pengkaji mendapati kajian yang menggunakan pendekatan ini juga tidak hanya terfokus kepada semantik semata-mata. Dalam kata lain, kajian tersebut terdapat multidisiplin dalam proses menghuraikan makna sebenar pantun Melayu.

Kajian tentang maritim pula sudah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Namun begitu pengkaji mendapati kajian-kajian maritim yang lepas banyak dilakukan dalam bidang sejarah seperti kajian Hassan Djafar (2009), dan Nordin Hussin (2011 dan hal ini berbeza sama sekali dengan kajian pengkaji iaitu

melibatkan bidang linguistik. Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji lepas seperti M. Rafiek (2011) telah mengkaji tentang perluasan dan penyempitan makna kapal dan perahu dalam hikayat Melayu. Kajian ini memfokuskan unsur yang sama dengan kajian pengkaji iaitu kapal. Namun begitu, kajian ini masih terdapat kelompangan dengan kajian pengkaji dari segi kerangka teori yang digunakan. Kajian Nordin Hussin lebih memfokuskan kepada sejarah dan peradaban Melayu yang melibatkan tiga aspek utama yang membentuk peradaban Melayu adalah lautan, pelayaran dan perdagangan. Kajian ini menjelaskan persoalan tentang sejarah sosial dan ekonomi yang berlaku di Laut Malayu.

Kesemua kajian pantun di atas membuktikan bahawa pantun mempunyai falsafah yang perlu dicungkil secara berpadu. Lantas pengkaji nyatakan di sini bahawa pemilihan unsur pengangkutan air oleh pengkaji berbeza dengan pengkaji-pengkaji yang lepas baik dari segi pengkajian pantun dan maritim itu sendiri. Dalam kajian *Pengangkutan Air Dan Akal Budi Melayu Dalam Pantun* ini pengkaji akan memfokuskan analisis terhadap unsur pengangkutan air “kapal” sahaja dan menghurai metafora “kapal” ini secara mendalam sehingga dapat mencungkil falsafah dan akal budi pantun Melayu. Kajian ini akan menjawab persoalan kenapa “kapal” dipilih dalam mencipta pantun Melayu. Sebelum ini kajian maritim yang dijalankan dalam bidang lain daripada bidang linguistik. Hanya satu kajian maritim yang menyentuh tentang semantik terhadap kapal dan perahu namun menggunakan data hikayat. Bagi mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dalam pantun, pengkaji mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Melalui pendekatan ini kajian semantik mempunyai tiga tahap analisis iaitu tahap leteral, tahap kognitif dan tahap inkuisitif.

OBJEKTIF

Kajian ini akan mengenal pasti dan mengkategorikan objek pengangkutan air ‘kapal’ dalam pantun tradisional Melayu mengikut jenis-jenis pengangkutan air yang dijumpai dalam pantun Melayu. Seterusnya pengkaji akan menghurai dan menginterpretasikan makna tersirat pantun Melayu dengan menggunakan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif bagi mencungkil kebijaksanaan Melayu dalam mengolah pantun sehingga terserlah ilmu di sebalik pembinaan pantun ini.

METODOLOGI SUMBER LEKSIKAL MARITIM DAN KELAUTAN

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data sekunder dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada buku *Kumpulan Pantun Lisan Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)* (2013) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan data dilakukan dengan menggunakan teknik pengkategorian jenis pengangkutan air yang dijumpa dalam pantun KKMS. Di sini pengkaji menyatakan bahawa batasan analisis kajian ini memfokuskan analisis terhadap objek ‘kapal’ yang terdapat dalam pantun KKMS sahaja.

Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji cuba mengkategorikan jenis-jenis pengangkutan air terdapat dalam pantun Melayu. Terdapat sebanyak 348 buah pantun yang berkaitan pengangkutan air adalah seperti perahu, kapal, rakit, sampan, kolek, biduk, lancang, sekoci, tongkang dan jalur.


Seterusnya David de Vaus (2002) dalam bukunya “*Research Design in Social Research*”, sesuatu penyelidikan itu boleh dilakukan untuk menjawab satu daripada persoalan di bawah:

- i) *What is going on – descriptive research*
- ii) *Why is it going on – explanatory research*

Kedua-dua ‘apa’ (*what*) dan ‘mengapa’ (*why*) boleh dilakukan dalam ilmu linguistik. Penyelidikan ‘apa’ hanya sekadar memaparkan dapatan kajian tanpa ada penjelasan terperinci mengenai mengapa ses-

uatu fenomena itu berlaku. Penyelidikan ‘apa’ juga dikenali sebagai kajian deskriptif. Meskipun penyelidikan deskriptif kurang digemari tetapi huraian yang baik boleh membantu kita memahami penggunaan bahasa dalam masyarakat dengan lebih baik. Contohnya kajian bahasa yang digunakan di sektor awam dan swasta. Selalunya yang ada dalam penyelidikan deskriptif ini hanyalah paparan statistik mengenai perkara yang dikaji. Tidak ada huraian mendalam yang diberikan. Ini sesuai dengan taraf dan tujuan penyelidikan itu sendiri.

Manakala penyelidikan ‘mengapa’ pula adalah penyelidikan yang lebih mencabar sifatnya. Penyelidikan ini mesti menghuraikan dan menjelaskan sebab sesuatu fenomena itu wujud. Contohnya, dalam pantun Melayu terdapat unsur-unsur pembayang seperti unsur maritim. Jadi mengapa masyarakat Melayu terdahulu memilih unsur-unsur sebegini dalam pantun mereka. Maka satu kajian harus dilakukan untuk menjelaskan mengapakah fenomena ini berlaku. Usaha itu menjawab persoalan ini memerlukan penelitian yang rapi dengan bersandarkan kepada data yang mencukupi dan rangka kerja yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2006). Selaras dengan pendapat di atas, maka kajian ini akan mengikut tatacara seperti di bawah:




Rajah 1. Tatacara Analisis Data

Bagi menjelaskan falsafah domain yang dipilih pengangkutan air ‘kapal’ dalam pantun, maka pentafsiran melangkaui kognitif penutur amat perlu. Maka gabungan *ad-hoc* dan semantik inkuisitif akan mampu memberikan tafsiran terbaik pada maksud pantun berobjekkan ‘kapal’. Pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menginterpretasikan makna sebenar pantun Melayu. Pada tahap pertama analisis adalah melibatkan peringkat penjelasan terhadap makna literal atau makna yang tersurat pada pantun. Selanjutnya, pada peringkat kedua analisis, konsep *ad-hoc* (Cartson 2002) yang merupakan subkonsep teori Relevans turut digunakan. Konsep *ad-hoc* terbahagi kepada dua iaitu *ad-hoc* perluasan dan penyempitan. konsep *ad hoc* perluasan akan diterapkan untuk menjelaskan ujaran yang mengandungi metafora. Jadi, bentuk ujaran tersebut akan ditanggapi dengan cara memberikan andaian-andaian interpretasi yang bersesuaian dengan konteks ujaran. Pemaparan dalam bentuk jadual lebih mudah dengan membahagikan kepada beberapa kolum iaitu leksikal, rujukan, bentuk-bentuk logik, andaian dan kesimpulan implikatur serta jenis *ad-hoc* yang diterapkan. Sementara itu, bagi *ad-hoc* penyempitan pula proses pemahaman dan penginterpretasian dilakukan dengan memilih interpretasi yang tepat sahaja manakala yang lainnya akan digugurkan daripada konteksnya. Pemilihan ini adalah berdasarkan fitur-fitur yang dimiliki oleh andaian tersebut yang membezakannya dengan andaian yang lain. Seterusnya, maklumat ini akan ditandakan dengan lambang [*] untuk menunjukkan pilihan interpretasi yang tepat. Pemaparan pilihan interpretasi sebenar lebih jelas ditunjukkan dalam bentuk rajah Venn.

Akhirnya ialah tahap ketiga analisis iaitu tahap semantik inkuisitif. Persoalan ‘kenapa’ merupakan metodologi terbaik untuk merungkaikan sesuatu persoalan diguna pakai semasa menganalisis. Kaedah ini menyebabkan penelitian yang dilakukan lebih mendalam sifatnya (Nor Hashimah, 2015). Pengaplikasian

pendekatan inkuisitif ini menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga terhasilnya akal budi (Nor Hashimah, 2014). Rajah 2 di bawah menggambarkan aliran analisis semantik inkuisitif:



Rajah 2. Pendekatan Semantik Inkuisitif

(Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

Dalam proses untuk mentafsir makna, Nor Hashimah (2014, 2017, 2018, 2020) telah mengusulkan pendekatan semantik inkuisitif yang merupakan penambahbaikan daripada semantik skrip dan semantik resonans. Semantik skrip adalah berasaskan kepada pemerhatian mengenai fenomena bahasa dan terhad kepada makna harfiah sahaja. Manakala semantik resonans melangkah setapak lagi ke arah pencungkilan makna di peringkat kognitif. Di peringkat ini data mula dianalisis dalam kerangka teoritis. Namun analisis di peringkat ini juga terhad kepada makna kognitif tanpa dapat mencungkil falsafah Melayu dengan lebih lanjut. Lantas diperkenalkan semantik inkuisitif yang dipadukan kognitif dengan falsafah dan budaya penutur sehingga tercungkilnya akal budi penuturnya. Akal budi Melayu bermaksud memahami sesuatu dengan akal yang bijaksana dan pada masa yang sama mampu menjawab segala persoalan mengapa dan bagaimana sesuatu objek dan makna itu dipilih. Di samping itu, Nor Hashimah juga menegaskan bahawa semantik inkuisitif ialah semantik yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, falsafah dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Makna abstrak dipetakan kepada data yang konkrit dari peribahasa atau pantun contohnya, mampu membantu pembaca memahami makna yang hendak disampaikan. Ada satu proses yang terhenti setakat kognitif sebelum ini, iaitu semasa pemetaan makna abstrak ke makna konkrit. Di sini wujudnya ruang mental. Ruang mental ini harus dipenuhi dengan maklumat falsafah dan budaya penutur bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak dicapai. Setelah ditambah maklumat falsafah dan budaya, maka secara tidak langsung akal budi penuturnya dapat diserlahkan. Persoalan kenapa dan bagaimana juga seharusnya telah terjawab.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan pengkategorian jenis pengangkutan air dalam data pantun KKMS dan penginterpretasian secara mendalam mengenai analisis makna secara tersirat yang terdapat dalam buku pantun Kurik Kundi Merah Saga (2013). Perbincangan adalah mengenai pengkategorian jenis pengangkutan air dan penginterpretasian makna secara tersirat pembayang dan maksud pantun Melayu. Berikut merupakan pembahagian kategori pantun mengikut jenis pengangkutan air:

Jadual 1. Bilangan dan peratusan pantun mengikut jenis pengangkutan air

Jenis pengangkutan air	Bilangan pantun	Peratus (%)
Perahu	145	41.7
Kapal	86	24.8
Rakit	40	11.5
Sampan	32	9.2
Biduk	6	1.7
Ajong/Jong	10	2.8
Lancang	9	2.5
Kolek	11	3.2
Sekoci	6	1.7
Tongkang	2	0.6
Jalur	1	0.3
Jumlah	348	100

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan dan peratusan pantun yang berkaitan domain unsur maritim dan kelautan. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji, didapati terdapat 5 domain yang dapat disenaraikan iaitu domain geografi, seni bina pengangkutan air, flora dan fauna, barang dan makanan, dan orang. Berdasarkan jadual 1 perahu mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu hadir dalam 145 bilangan pantun diikuti dengan kapal 86 rangkap pantun, rakit 40 rangkap pantun, sampan 32 rangkap pantun, biduk 6 rangkap pantun, jong 10 rangkap pantun, lancang 9 rangkap pantun, kolek 11 rangkap pantun, sekoci 6 rangkap pantun, tongkang 2 rangkap pantun dan jalur 1 rangkap pantun sahaja.

Berdasarkan pembacaan yang telah dibuat oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa orang Melayu terdahulu mula belayar dengan perahu ciptaan sendiri. Menurut Mohd Yusof (1999) dalam *Artifak Perahu di Alam Melayu Sebelum Abad Ke-19* oleh Mohd Rohaizat, Nik Hassan Shuhaimi, Zuliskandar Ramli, Ros Mahwati Ahmad, Hasnira Hassan, Norlelawaty Haron, dan Sharifah Nur Izzati (2016), manusia dikatakan menggunakan pengangkutan air bermula daripada berpaut atau duduk di atas sebatang kayu yang terapung di atas permukaan air. Pemikiran ini juga kemungkinan datang daripada melihat burung atau hidupan lain yang hinggap di atas sebatang kayu yang sedang hanyut. Jadi idea dan pemikiran ini bertambah apabila manusia mula menginovasikan pembinaan pengangkutan air dalam kehidupan.

ANALISIS KAJIAN

Analisis dilakukan menggunakan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif sebagaimana dijelaskan di bahagian metodologi kajian. Analisis bukan sahaja berbentuk teknikal malah diiringi dengan perbincangan bagi memudahkan pemahaman terhadap analisis tersebut. Pengkaji memilih objek 'kapal' untuk dianalisis kerana kapal merupakan pengangkutan air yang bersaiz besar dan bilangan objek kapal menduduki kedudukan kedua terbanyak dalam bilangan pantun. Walaupun bilangan pantun berobjekkan perahu adalah yang tertinggi namun perahu terbahagi kepada lebih banyak saiz dan jenis (Mohd Rohaizat, Nik Hassan Shuhaimi, Zuliskandar Ramli, Muhamad Shafiq, Ros Mahwati, Norlelawaty, Hasnira Hassan, & Salina Manan 2014).

Pantun 1

Kapal belayar tengah lautan,
Tenggelam timbul pukul taufan;
Datang ribut barat selatan,
Belum saya buang muatan.

(halaman 527)

a. Tahap Pertama

Makna harfiah pantun di atas merujuk kepada sebuah kapal sedang belayar di tengah lautan di sedang dipukul ribut dan taufan menyebabkan keadaan kapal tersebut tenggelam timbul di atas permukaan air. Walaupun ribut dan taufan tersebut datang dari pelbagai arah namun nakhodanya masih belum membuang muatan yang dibawanya. Makna harfiah ini melibatkan penghuraian makna peringkat pertama iaitu perkara yang tersurat dalam teks pantun.

b. Tahap Kedua

Pada tahap kedua, analisis melibatkan huraian makna pada peringkat kognitif. Pemilihan unsur pengangkutan air ‘kapal’ dianalisis untuk menunjukkan makna tersirat di sebalik pemilihan objek tersebut. Langkah pertama dalam tahap ini adalah untuk memahami bentuk-bentuk logik pada tahap tahap semantiknyanya. Dalam subtajuk ini pengkaji hanya memaparkan contoh analisis bagi leksikal ‘kapal’ sahaja. Bagi memahami bentuk-bentuk logik ini leksikal atau frasa tersebut dikeluarkan daripada eksplikatur untuk dijadikan rujukan atau menjadi inti kepada metafora dalam pantun tersebut. Analisis ini dikenali sebagai analisis eksplikatur – bentuk logik. Jadual 2 berikut merupakan contoh analisis eksplikatur – bentuk logik.

Jadual 2. Analisis eksplikatur – bentuk logik leksikal kapal

Eksplikatur	Bentuk Logik
Kapal	KAPAL = bahtera atau perahu besar yang ada geladak (biasanya digerakkan oleh jentera) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)

Dalam Jadual 2, leksikal yang didapati mengandungi makna metafora bagi pantun 1 ialah leksikal kapal. Setelah bentuk logik dapat difahami maknanya secara asas, kemudian diikuti dengan proses pengukuhan maklumat ensiklopedia pula. Pada peringkat ini maklumat ensiklopedia pembaca memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan bentuk logik. Segala maklumat seperti pemerhatian, pengalaman, andaian lazim, maklumat saintifik dan kepercayaan serta kebudayaan akan membentuk maklumat ensiklopedia yang berbeza antara individu dengan individu yang lain (Maizura dan Nor Hashimah Jalaluddin 2018). Maklumat-maklumat sampingan inilah yang akan mengukuhkan pemahaman pembaca terhadap bentuk logik secara umum sebelum ini. Proses pengukuhan ini akan menjadi semakin mudah sekiranya pembaca/pendengar lebih dekat dengan latar masa dan persekitaran kognitif pemantun. Bentuk logik yang terbina akan menjadi semakin tinggi tahap kerelevanannya melalui metafora leksikal ‘kapal’ tersebut. Analisis ini mungkin terbentuk seperti berikut:

- (1) KAPAL: Maklumat *ensiklopedia*
 - a. Berkaitan sebuah pengangkutan
 - b. Bersaiz besar dan luas
 - c. Bersifat kukuh dan utuh
 - d. Boleh mengangkut barang
 - e. Berkaitan kehebatan dan kemegahan

Dalam analisis (1) di atas pemahaman terhadap leksikal ‘kapal’ dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedia yang terkandung dalam minda pembaca/pendengar. Maklumat yang dimiliki oleh pembaca/pendengar ini dapat membantu pemahaman pembaca/pendengar ke arah relevan yang ingin dicapai. Berdasarkan pantun dan konteks, pembaca/pendengar tahu akan reka bentuk dan fungsi kapal secara asasnya. Sesebuah kapal dibina dengan struktur binaan yang kukuh dan besar. Di sinilah pentingnya pembaca memahami budaya Melayu dan latar masa pemantun yang mencipta pantun ini. Jika pantun ini hanya difahami pada peringkat harfiah sahaja, maka tentu sahaja ‘kapal’ hanya diinterpretasikan sebagai pengangkutan air biasa. Namun demikian, jika pembaca/pendengar mampu untuk menginterpretasikan pantun ini dengan melihat kembali kepada proses pembinaan kapal, bentuk kapal, proses mengemudi kapal, dan fungsi terhadap kapal tersebut sudah pasti akan dapat mentafsir makna sebenar dengan berpeda.

Masyarakat Melayu tradisional, sangat rapat dengan kehidupan maritim. Menurut Md. Salleh Yaapar (2019) orang Melayu adalah orang pertama yang terlibat dalam pembinaan kapal bersaiz gergasi, pelayaran maju, dan perdagangan maritim jarak jauh. Menurut Shaffer (1996: 12) sekurang-kurangnya pada abad ketiga sebelum masihi (SM) orang-orang Cina telah menyaksikan pelaut dan pedagang Melayu telah mendekati pesisir pantai mereka dengan kapal-kapal laut yang besar “Kunlun-Po” (kapal Melayu) yang datang dari laut selatan. Sebagai pelayar, orang Melayu dahulu tidak menggunakan kompas atau peta yang lengkap namun orang Melayu belayar dan melakukan perjalanan melintasi lautan hanya dengan bantuan “pelayaran langit”. Orang Melayu dahulu melihat bintang-bintang, pedoman pulau, burung, ikan, dan ombak Taylor (1976) dalam Shaffer (1996). Berdasarkan kenyataan-kenyataan ini, pengkaji mendapati dalam proses pembinaan kapal, proses mengemudi kapal, bentuk dan fungsi terhadap kapal mestilah memiliki kemahiran dan pengetahuan yang luas dan tinggi.

Di samping itu, bagi mengukuhkan lagi interpretasi terhadap leksikal ‘kapal’ dalam baris pembayang pantun ini, pengkaji menyenaraikan beberapa contoh dari penggunaan dalam sumber korpus DBP yang berkaitan leksikal ‘kapal’ seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Sumber Korpus DBP untuk carian kolokasi kata bagi “kapal”

1.	...berdebar-debar; aku berasa sangat takut; bergonchang jantung-ku macham ***kapal*** di-pukul gelombang.
2.	Malam itu angin bertiup kencang dan ***kapal*** terus belayar dengan laju.
3.	...ada-lah hasil perchubaaan2 manusia ia menunjukkan bahawa sa-buah ***kapal*** laut boleh di-pandu dengan selamat untok mengelilingi dunia.
4.	Kelajuan ***kapal*** ketika pemindahan itu bergantung kepada keadaan cuaca dan...
5.	... kita dah tak boleh berdagang kerana tak ada ***kapal***.
6.	... adinda Raja Peringgi pun menyuruh bermuat harta di ***kapal*** empat puluh buah dan kapal akan kenaikan paduka ...
7.	... di celah-celah longgokan kampil koko dan kontena dalam ***kapal*** pengangkut barang-barang.
8.	Bilangan anak ***kapal*** bergantung kepada jenis kapal.
9.	Kemahiran dan keberanian anak ***kapal*** memasang layar KLD Tunas Samudera yang membolehkan ia ...
10.	***Kapal*** berkapasiti muatan 5,112 dwt yang mampu membawa 1 ...

Sumber korpus dalam Jadual 3 menunjukkan kolokasi yang terhadap leksikal ‘kapal’ tersebut. Kolokasi yang ditemui dalam sumber korpus ini dapat membantu mengukuhkan lagi maklumat ensiklopedia yang dimiliki oleh pengkaji. Setiap contoh data korpus dalam jadual 3.4 tersebut menunjukkan kolokasi leksikal ‘kapal’ dengan leksikal berkaitan dengan kemampuan kapal seperti memuat barang dan juga tenaga manusia di atasnya. Selain itu, kolokasi yang dapat ditonjolkan dalam data korpus ini ada kelebihan kapal yang boleh dikemudi dengan laju dan boleh mengharungi ombak dan badai. Maklumat ini dapat mengukuhkan proses penyempitan makna dalam Rajah 3.

Sebelum bergerak ke proses penyempitan makna yang berlaku dalam TR, pengkaji ingin menerangkan fungsi TR dalam analisis tahap 2 ini. Setiap pantun yang tercipta mempunyai makna tersirat yang hendak disampaikan. Menurut Hassan Ahmad (2001) pantun disampaikan secara halus melalui bahasa yang berangkap dan lambang-lambang yang diambil daripada alam sekeliling dan dilihat sebagai unsur yang dapat berharmoni dengan manusia serta sering dijadikan bahan untuk mentafsirkan kelakuan manusia. Dalam kata mudah makna pantun perlu ditafsir untuk difahami. Jadi TR berfungsi untuk memahamkan makna pantun yang tersirat. Dalam contoh analisis pantun 1, pengkaji menggunakan ad-hoc penyempitan dalam TR untuk memahamkan makna KAPAL. Selain itu, pantun juga dicipta secara metaforik atau figuratif. Dalam pantun 1, leksikal seperti kapal, muatan, angin, ribut, dan taufan adalah berkaitan dengan kehidupan lalu disampaikan dalam bentuk metafora.

Setelah pengukuhan maklumat ensiklopedia dilakukan, langkah seterusnya diikuti dengan proses penyempitan makna kerana terdapat unsur metafora terhadap leksikal KAPAL tersebut. Metafora merupakan salah satu bentuk bahasa kiasan yang mempunyai kekaburan makna. Oleh itu, proses ad-hoc bagi ‘kapal’ ialah penyempitan makna.

KAPAL	HATI MANUSIA	PERASAAN *
(Eksplikatur)	(Konsep Fizikal)	(penyempitan makna)

Rajah 3. Laluan Inferens Kapal

Laluan inferens terhadap KAPAL ini dibuat berdasarkan padanan di antara bentuk logik dan maklumat ensiklopedia terhadap kapal dan hati. Pengkaji menganalogikan kapal itu seperti hati berdasarkan kemampuan, fungsi dan ciri-ciri hati yang dapat disamakan dengan kapal. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) hati bererti organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan. Hati berfungsi untuk mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dalam darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen. Dalam *Oxford Dictionary of English Etymology* (1983), asal usul *heart* adalah *heorte* yang secara literalnya merujuk kepada bahagian pertengahan dalaman penting yang terletak berdekatan dengan perut. Berkemungkinan besar, kata “*heort*” telah mengalami evolusi dan perubahan semantik sehinggakan *heort* membawakan erti organ fizikal yang mengawal peredaran darah iaitu jantung (Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal 2008). Di eropah jantung manusia dianggap sebagai pusat penyimpanan atau pengkonsepsian emosi (Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal 2008. Namun berbeza dengan budaya masyarakat Melayu yang menganggap hati sebagai pusat penyimpanan emosi dan perasaan (Asmah Haji Omar 1996:7-25). (Berdasarkan kenyataan-kenyataan ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat persamaan jika dianalogikan kepada kapal.

Langkah terakhir dalam tahap 2 adalah dengan menyenaraikan inferens yang paling relevan untuk diproses. Berdasarkan analisis eksplikatur – bentuk logik yang kemudiannya diperkukuhkan dengan maklumat ensiklopedia, dan seterusnya melalui proses penyempitan maka lapisan implikatur dapat dikesan oleh pembaca/pendengar dengan lebih jelas. Pembaca/pendengar dapat memahami bahawa pantun 1 tersebut hanyalah lapisan prosisi yang diekspresikan dan bukan proposisi yang dikomunikasikan. Berikut merupakan senarai inferens yang bakal ditolak dan bakal dipilih oleh pembaca/pendengar bagi mencapai relevan yang optimum.

- (1) **Kapal** belayar tengah lautan,
Tenggelam timbul dipukul taufan;
Datang ribut barat selatan,
Belum saya buang muatan.


- i. Kapal adalah pengangkutan air
- ii. Kapal adalah pelayaran
- iii. Kapal adalah tanggungjawab
- iv. Kapal adalah perasaan*

Interpretasi (i.) adalah bersifat literal atau bersifat selapis dan tidak mengandungi unsur metafora. Oleh itu, andaian ini tertolak dengan sendirinya. Pilihan (ii.) juga tidak dipilih sebagai makna metafora bagi leksikal KAPAL kerana inferens ini tidak mempunyai lapisan metaforanya. Pilihan (iii.) ada menunjukkan aktiviti mental yang berbentuk metonimi apabila KAPAL merujuk kepada tanggungjawab. Namun begitu, pilihan ini belum lagi membawa kepada makna metafora yang diimplikasikan melalui pantun tersebut. Berdasarkan andaian kontekstual dan kesan kognitif yang tinggi yang telah diperolehi sebelum ini, pilihan (iv.) merupakan inferens yang paling relevan dan membawa kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pemantun. Hal ini demikian kerana, sebelum adanya sayang, sedih, marah, kecewa, rindu dan sebagainya perlu ada satu bekas untuk diisi perkara tersebut iaitu PERASAAN.

Konteks ini jelas dibekalkan daripada premis-premis tambahan yang terdapat dalam baris pembayang dan baris maksud pantun tersebut yang perlu diinterpretasi terlebih dahulu. Sekiranya baik keadaan kapal tersebut maka kapal tersebut dapat mengharungi segala badai dan cabaran di lautan. Dalam kata lain, jika baik keadaan perasaan maka seseorang manusia itu dapat mengharungi cabaran dalam hidup berkeluarga dengan baik dan berjaya. Interpretasi ini juga dibuat berdasarkan pola pantun yang telah diteliti oleh pengkaji dalam buku KKMS. Hampir kesemua pantun yang berkaitan dengan KAPAL menunjukkan pantun yang bertemakan kasih sayang dan merujuk kepada kasih sayang di antara suami dan isteri. Berikut merupakan contoh pola pantun yang terdapat leksikal KAPAL.

- | | |
|--|---|
| <p>(2) Dua tiga kapal di teluk,
Manakan sama kapal perang;
Dua tiga bantal kupeluk,
Manakan sama tuan seorang.</p> | <p>(3) Kapal belayar menyusur bukit,
Satu kapal dua serombong;
Bagaimana hati tak sakit.
Satu sangkar dua burung.</p> |
|--|---|

Melalui ad-hoc penyempitan, pendengar akan memilih inferens yang paling hampir atau relevans dalam lingkungan C* bagi leksikal ‘kapal’. Maka terhasil makna yang diinginkan, iaitu ‘perasaan’, manakala makna yang terdapat dalam lingkungan L akan digugurkan. Rajah 4 merupakan rajah Venn yang menunjukkan proses kognitif yang berlaku dalam minda manusia berdasarkan inferens yang telah dihasilkan.



Rajah 4. Proses Ad-hoc Penyempitan Leksikal ‘kapal’

Rajah Venn dalam Rajah 4 dapat menunjukkan proses sebenar yang berlaku dalam sistem kognitif manusia dalam memilih andaian dan inferens yang paling relevans. Jadi dalam lingkungan C* merupakan inferens yang paling relevan maka inferens yang terdapat dalam lingkungan L akan tergugur dengan sendirinya. Jadual 4 merupakan rumusan kepada analisis metafora leksikal KAPAL dalam pantun 1. Eksplikatur KAPAL dalam baris pembayang pantun 1 dapat dikeluarkan andaian implikaturnya dan berdasarkan analisis yang telah dijalankan di atas, kesimpulan implikaturnya dapat dibentuk iaitu perasaan. Makna dan fungsi sebenar metafora mitos ini dapat ditafsir dengan mudah setelah usaha memproses direndahkan dan kesan kognitif ditinggikan.

Jadual 4. Rumusan Analisis Ad-Hoc Penyempitan

EKSPLIKATUR	‘KAPAL’
BENTUK LOGIK	bahtera atau perahu besar yang ada geladak
ANDAIAN IMP-LIKATUR	1. kapal adalah pengangkutan air a) 2. kapal adalah pelayaran b) 3. kapal adalah tanggungjawab
KESIMPULAN IMP-LIKATUR	c) Kapal adalah perasaan*
MAKNA SEBENAR	‘perasaan’
KONSEP AD HOC	Penyempitan

Seterusnya analisis ini akan bergerak pula kepada tahap ketiga yang melibatkan kaedah penerokaan. Melalui kaedah penerokaan ini, segala persoalan seperti kenapa dan bagaimana akan terjawab serta seterusnya menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu. Berdasarkan data 1, kenapa orang Melayu memilih leksikal “kapal” sebagai analogi perasaan seseorang manusia?

c. Tahap Ketiga

Falsafah yang terselindung di sebalik pemilihan leksikal ‘kapal’ adalah merujuk kepada sebuah pengangkutan yang digunakan lazimnya oleh masyarakat Melayu terdahulu, sama ada raja, bangsawan dan juga rakyat biasa. Pengangkutan air juga terdiri daripada pelbagai jenis dan saiz (M. Rafiek 2011). Antaranya adalah perahu, jong, bahtera, kapal, lancang (bersaiz besar), sampan, sekoci, biduk, rakit dan jalur (bersaiz kecil). Jadi, berdasarkan saiz pengangkutan air ini dapat menentukan hala tuju atau destinasi yang hendak dituju, sama ada perjalanan yang jauh dan panjang atau perjalanan yang dekat dan singkat. Sesebuah pengangkutan air juga mempunyai fungsi tertentu, seperti membawa penumpang, memindahkan barangan, berdagang untuk mencari kekayaan dan juga alat bergerak untuk meluaskan pengalaman dan ilmu serta alat untuk pembomohan (Mohd Rohaizat Abdul Wahab et. al 2014). Setiap pengangkutan air mestilah dikemudikan dan dijaga dengan baik supaya tiba ke destinasi dengan selamat.

Pemilihan leksikal “kapal” ini tidak berlaku secara kebetulan ataupun dengan sengaja. Melalui pengamatan orang Melayu terdahulu, dalam perjalanan pelayaran mereka, mereka telah menempuhi pelbagai pengalaman yang pahit dan manis. Pelayar-pelayar Melayu terdahulu telah merentasi pelbagai samudera dan benua untuk menjadi masyarakat maritim yang terhebat suatu ketika dahulu. Menurut Abdul Mua’ti Ahmad (2016) orang Melayu terdahulu mampu sampai ke sesuatu destinasi tanpa menggunakan kompas. Hasil temubual bersama Ngah Mat Jing, Azhari Muda & Jusoh Embun (2021) turut menyatakan nelayan di pantai timur pada zaman sebelum merdeka hanya berpandukan bintang, angin dan gelombang untuk menuju ke sesuatu tempat. Jadi berdasarkan pengalaman dan pemerhatian masyarakat Melayu terdahulu, pemantun cuba mengabadikannya dalam pantun sebagai pengajaran dan nasihat yang disampaikan secara kiasan dan tersirat (KKMS 2013).

Pengkaji mengalogikan ‘kapal’ itu sebagai ‘perasaan’ yang mengandungi pelbagai perasaan seperti sedih, gembira, rindu, kecewa, dan sayang. Keadaan ini dapat disamakan dengan kapal yang membawa pelbagai barangan dan penumpang di dalamnya. Setiap kapal yang belayar mengambil masa yang lama dan sarat

dengan muatan. Perjalanan kapal lebih mencabar kerana perlu membelah samudera yang luas berbanding dengan perjalanan rakit yang hanya bergerak di sungai dan pesisir pantai. Di tengah lautan kadang kala terjadi ribut dan taufan serta gelombang besar yang memerlukan kebijaksanaan dan kepakaran nakhoda untuk mengemudi kapal tersebut. Berdasarkan fungsi kapal dan pola tema pantun berkaitan 'kapal' (kasih sayang) dalam KKMS, terdapat falsafah dan akal budi Melayu tentang kehidupan berumah tangga dalam masyarakat Melayu. Dalam sebuah rumah tangga mengandungi pelbagai perasaan, rasa tanggungjawab dan masalah yang perlu diuruskan dengan bijak sama seperti kapal yang membawa pelbagai muatan dan penumpang. Rumah tangga bermaksud perihal rumah dan kehidupan dalam rumah, rumah dengan keluarga yang mendiaminya (Kamus Dewan 2015). Setiap rumah tangga yang terbina perlulah dijaga dengan sebaiknya supaya mendapat kebahagiaan bersama. Rumah tangga yang didirikan adalah bertujuan untuk mencipta satu corak hidup yang lebih progresif, aman dan tenteram, tidaklah bertujuan untuk melahirkan keadaan porak peranda bahkan jauh sekali dari bertujuan untuk membebaskan perasaan dengan keadaan yang tidak menyenangkan (Abu Hassan Din al-Hafiz 1983:90). Sebuah pelayaran dalam berumah tangga pasti akan menempuh pelbagai cabaran dan dugaan sama seperti perjalanan sebuah kapal di tengah lautan yang terpaksa menempuh ribut dan badai serta halangan-halangan lain. Menurut Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim dan Intan Nadia Ghulam Khan (2012) krisis rumah tangga adalah satu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga.

Sesebuah kapal mestilah memiliki seorang nakhoda untuk mengemudi kapal tersebut supaya tidak karam dan tiba ke destinasi dengan selamat. Jika nakhoda yang mengemudi kapal itu tidak cukup persediaan dan tidak mahir, maka akan karamlah di tengah lautan dan tidak sampai ke destinasi. Hal yang sama akan berlaku pada sesebuah rumah tangga apabila tidak dipimpin dengan betul. Jika ketua keluarga (nakhoda) tidak mempunyai ilmu rumah tangga dan kesabaran yang cukup, maka sesebuah rumah tangga tersebut akan berakhir dengan penceraian dan perpisahan seperti kapal yang karam di tengah lautan. Dalam pantun yang lain juga turut terdapat rujukan terhadap pengangkutan air yang tidak berjaya sampai ke destinasi contohnya seperti;

Anak saudagar pergi berdagang,

Tumpang belayar perahu Melayu;

Kapal belayar muatan kurang,

Kena gelombang tenggelam lalu.

(3241: 408)

Walau kencang bertiup angin,

Kapal berlabuh akan terbalik;

Biarlah **karam di tengah lautan,**

Namun tidak berpatah balik.

(4297: 542)

Selain itu turut terdapat lirik lagu seperti Lagu Lancang Kuning:

Lancang kuning belayar malam...

Haluan menuju ke laut dalam...

Kalau nakhoda kurangnya faham...

Alamatlah kapal akan tenggelam...

Lancang kuning menentang badai...

Tali kemudi berpilit tiga...

(sumber: iliriklagu.net)

Ketiga-tiga contoh di atas menunjukkan bahawa seorang pemimpin mestilah bijak dalam menguruskan segala masalah dan menyelesaikan masalah tersebut dengan berhemah. Dalam pantun 1 pemimpin tersebut merujuk kepada ketua dalam sesebuah rumah tangga iaitu suami. Dalam pelayaran, 'kapal' akan menghadapi ombak dan badai, ribut dan taufan yang menjadi cabaran untuk sampai ke destinasi. Sama seperti dalam sesebuah kehidupan rumah tangga juga terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu ditempuhi, namun berjaya atau gagal sesebuah rumah tangga adalah bergantung kepada cara ketua keluarga itu menguruskannya.

Caranya adalah dengan mempelajari ilmu rumah tangga secukupnya. Oleh sebab itu, dalam baris makna data pantun 1 di atas;

Datang ribut barat selatan,
Belum saya buang muatan.

Frasa “Datang ribut barat selatan” membawa maksud ujian dan cabaran yang dilalui dalam kehidupan berumah tangga adalah sangat besar dan hebat. Hal ini ditunjukkan melalui penggunaan leksikal ribut barat-selatan dalam frasa di atas. Merujuk kepada kompas arah mata angin boleh dikatakan sebagai ribut barat daya kerana kedudukan barat daya adalah di tengah-tengah arah barat dan selatan. Memetik kenyataan daripada Laman Web Rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia Kementerian Alam Sekitar dan Air:

“Angin barat daya terhasil akibat daripada perbezaan suhu di antara daratan dan lautan hasil daripada pemanasan sinaran matahari. Semasa musim sejuk, kawasan daratan benua menyejuk dengan lebih cepat dan menyebabkan suhu yang amat rendah di Asia Tengah. Keadaan ini menyebabkan tekanan atmosfera meningkat dan membentuk sistem tekanan tinggi (antisiklon) yang sangat kuat di Siberia. Akibatnya, udara sejuk bergerak keluar dari Siberia sebagai angin barat laut dan seterusnya bertukar menjadi angin timur laut apabila tiba di perairan pantai China sebelum menuju ke Asia Tenggara”.

(Sumber: <https://www.met.gov.my/pendidikan/cuaca/fenomenacuaca>)

Angin ini dikenali sebagai monson timur laut. Ciri-ciri angin monson timur laut ini agak kencang dan kuat sehingga mencapai kelajuan 15 m/saat tetapi menjadi lemah apabila tiba di Selat Melaka selepas melintasi beberapa banjaran gunung di Semenanjung Malaysia (Ku Kassim Ku Yaacob, Ahmad Ali dan Mahyam Mohd Isa 2007). Selain itu kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fairudz Jamaluddin, Fredolin Tangang, Wan Maisarah Wan Ibadullah, Liew Juneng, Diong Jeong Yik, Ester Salimun, Ambun Dindang & Muhammad Helmi Abdullah (2019) juga menyatakan bahawa ukuran hujan ketika monson timur laut lebih lebat di bahagian timur semenanjung Malaysia. Hal ini menunjukkan keadaan laut juga turut bergelora. Berdasarkan maklumat berkaitan angin timur laut ini dapat mengukuhkan interpretasi pengkaji terhadap frasa “Datang ribut barat selatan” diibaratkan cabaran, ujian dan masalah yang hebat dan besar dalam institusi rumah tangga. Namun dalam baris akhir iaitu frasa “Belum saya buang muatan” menunjukkan bahawa pemantun berjaya mempertahankan hubungan kekeluargaan dan rumah tangganya supaya tidak berpisah dan bercerai walaupun diuji dengan hebat. Perkara ini menunjukkan jika seseorang suami itu mempunyai ilmu dan emosi yang baik, maka perjalanan rumah tangga tersebut akan berjaya walaupun diduga dengan bermacam-macam cabaran dan ujian dalam kehidupan berumah tangga.

Sebagai rumusannya, analisis makna implisit pada tahap ketiga ini akan merungkai falsafah yang tersimpul rapi dalam ungkapan pantun orang Melayu. Selain itu, pada tahap ketiga analisis ini juga akan memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu dalam memilih objek dalam pantun. Di sebalik kemegahan sesebuah “kapal” terdapat perkaitan dengan kehidupan manusia. Perkaitan terhadap peringkat terbesar dalam perhubungan iaitu hubungan rumah tangga yang mempunyai implikasi besar dalam kehidupan masyarakat. Dalam “kapal” terkandung segala perasaan sedih, gembira, kecewa, bahagia, marah dan sebagainya. Perasaan sebegini akan mewarnai sebuah perjalanan kehidupan berumah tangga. Selain itu, kepakaran orang Melayu dalam disiplin ilmu pelayaran dan teknologi pengangkutan air juga dapat ditonjolkan serta digunakan dalam bahasa kiasan seperti pantun untuk dipersembahkan kepada masyarakat biasa.

KESIMPULAN

Kajian tentang maritim Melayu dari perspektif semantik inkuisitif mampu memberi nafas baru dalam kajian maritim dan pantun. Maritim merupakan cara hidup masyarakat terdahulu dan menjadi sumber ekonomi utama. Daripada contoh analisis, yang tersurat adalah teknologi perkapalan dan ilmu pelayaran yang menjadi tonggak kehebatan orang Melayu. Unsur tersirat yang memerlukan ‘mata hati’ untuk menaakul cara hidup dan pegangan untuk mengekalkan jati diri seseorang yang bergelar manusia. Unsur maritim ini tanpa sedar telah memberi kiasan tentang kehidupan yang dilalui oleh manusia sedangkan ianya hanya satu konsep konkrit yang terdapat dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Mua'ati @ Zambri Ahmad. (2016). Syarahan Perdana: "Melayu Yang Hilang" Peradaban Melayu dihayati, Jati diri Membentuk Peribadi. Video. Majlis Ilmu Pulau Pinang. [<https://www.youtube.com/watch?v=R34gE805sY4>].
- Abu Hassan Din. (1983). Krisis Rumah Tangga, Sebab-Sebab Dan Cara Mengatasinya. Kertas Kerja. Kumpulan Kertas Kerja Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan dalam Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ahmad Jelani Halimi. (2013). *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). Metaphors Of Anatomy As A Reflection Of Malay Cultural Belief. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*. 1.
- Cartson, R. (2002). *Thoughts and Utterances: The Pragmatics of Explicit Communication*. Oxford: Blackwell.
- Francois Rene Dailllie. (1988). *Alam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glover, Ian C. (1979). The Late Prehistoric Period in Indonesia. In Smith and Watson, (Eds.) hlm. 167-84
- Hassan Ahmad. (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Yayasan Karyawan: Kuala Lumpur ISBN 983-9510-07-X
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2008). Pengkonseptualan Emosi Dalam Bahasa Melayu: Hati Sebagai Sumber Emosi Dan Peluasan Maknanya. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Ed.). *Leksikologi Dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lynda Norene Shaffer. (1996). *Maritime Southeast Asia to 1500*. Armonk, New York: Library of Congress Cataloging in Publication Data.
- M. Rafiek. (2011). Kapal dan Perahu dalam *Hikayat Raja Banjar*: Kajian Semantik. Indonesia: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universiti Lambung Mangkurat Indonesia.
- Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Hasnira Hassan, Norlelawaty Haron, & Sharifah Nur Izzati Sayed Hasan. (2016). Artifak Perahu di Alam Melayu Sebelum Abad Ke-19. Isu-isu Sains & Teknologi Di Alam Melayu. Bab 14. ATMA: UKM.
- Muhamad Fadzllah Hj Zaini (2015) Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal UPM. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX.

- Nik Hassan Shuhaimi, Kamarudin AB. Razak dan Muhd Yusof Ibrahim. (2006). *Perahu, Masyarakat Maritim dan Pelabuhan Johor: Dahulu dan Kini*. Johor: Penerbit Yayasan Warisan Johor.
- Nordin Hussin. (2011). *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Pragmatik. Dlm. Fadzeli Jaafar. (pnyt.). *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*, hlm 88-112. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Makna dan Akal Budi Melayu. dlm Nor Hashimah Jalaluddin dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (pnyt) *Linguistik Kontemporari*. Bangi: PenerbitUniversiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Peribahasa dan Akal Budi Melayu dalam Nor Hashimah Jalaluddin (pnyt) *Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Metafora Dan Akal Budi Melayu. Dlm. Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid (Ed.) *Kecendekiaan Melayu Melalui Bahasa Sastera dan Budaya Sumbangsih Untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim (81-102)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pisoi Maidin. (2003). Tukang timbal membina perahu: Tradisi dan inovasi. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 21, 39-56.
- Syirawaih Abi Syuja' Syirawaih Shahrada Syirawaih Addailami Alhamdani. (1948). *Musnad AlFirdaus*. Beirut. Penerbit Darul Kutub Al Ilmiah.
- Taylor, Keith. (1976). Madagscar In The Ancient Malayo-Polynesian Myths. In Hall and Whitmore
- Tedjo Susilo. (1997). *Perahu Pinisi*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Direktorat Permuseuman Jakarta.
- Ungku Aziz. (2009). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Syarahan Raja Haji Ali ke-17, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Yusof Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Mohamad Shaidan & Zullkeply Mohamad. (1990). *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENULISAN ASPEK BERKAITAN ISU GLOBAL DALAM NOVEL PENULIS WANITA

Melor Fauzita binti Md. Yusoff, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
fauzita@uum.edu.my

ABSTRAK

Kehadiran dan sumbangan penulis wanita dalam penulisan kreatif memberi impak tersendiri, bukan sahaja kepada sejarah penulisan kreatif di Malaysia tetapi juga dari segi penulisan aspek yang bersifat global yang dimasukkan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung untuk memberi pengetahuan kepada pembaca. Artikel ini akan membicarakan mengenai penulisan novel penulis wanita, iaitu Hafizah Iszahanid melalui novel beliau 'Bukan Orang-orang' yang dianugerahkan Hadiah Sastera Perdana (HSPM) 2015-2016. Kaedah analisis teks digunakan untuk menjawab objektif kajian bertunjangkan permasalahan yang timbul. Kajian meneliti aspek yang berkaitan isu global yang digarap dalam penulisan novel penulis wanita ini. Dapatan mendapati penulis wanita ini dilihat telah lari dari kebiasaan dengan memaparkan aspek-aspek penulisan yang bersifat global dengan plot penceritaan yang lebih realistik. Kepelbagaian penulisan aspek bersifat global ini memberi gambaran bahawa penulis wanita dewasa ini juga telah keluar dari kepompong tradisi dan menulis tema penceritaan sebaris dengan penulisan penulis lelaki.

PENGENALAN

Sejarah penulisan novel-novel karya penulis wanita bermula pada tahun 1950 dan terus berkembang sehingga kini. Kemunculan penulis-penulis wanita dapat mengetengahkan isu-isu wanita hasil daripada pengalaman mereka sendiri. Penulis-penulis wanita wujud disebabkan kesedaran mereka (women's consciousness) terhadap kepentingan pelajaran untuk masa hadapan. Selain itu, faktor lain yang menyebabkan mereka terlibat dalam penulisan karya ini ialah minat atau keinginan mereka sendiri terhadap seni pengkaryaan. Dewasa ini penulis wanita tidak lagi menghasilkan karya bertemakan kepompong tradisional. Mereka telah mula beralih ke arah menghasilkan karya-karya bertemakan isu-isu global. Oleh hal demikian adalah perlu untuk diteliti dan dibincangkan berkenaan isu karya penulis-penulis wanita kini. Novel yang teliti untuk kajian ini ialah 'Bukan Orang-orang' karya Hafizah Iszahanid. Novel ini telah mendapat anugerah Hadiah Sastera Perdana (HSPM) 2015-2016. Novel ini berkisarkan dua watak utama, iaitu Mo dan Midah. Mo merupakan anak pendatang dari China yang lahir di Tanah Melayu. Mo dibesarkan dengan kisah-kisah penderitaan bapanya di China dan harapan bapanya untuk bahagia di negara baharu, Tanah Melayu. Mo membesar dengan melihat sendiri suka duka sejarah perjalanan Tanah Melayu menjadi sebuah negara hasil perpaduan sesama bangsa. Mo membesar bersama Midah, iaitu anak seorang anggota polis yang juga tinggal di kem Cina dalam kawasan penempatan Mo dan bapanya tinggal. Mo dan Midah terus bersaudara sehingga ke hari tua mereka. Bagaimanapun, persahabatan ikhlas mereka tidak dikongsi oleh anak mereka, Qi dan Zara. Qi dan Zara adalah anak selepas merdeka yang terperangkap dengan ideologi perkauman yang kemudiannya terlajak kepada isu agama. Kedua-dua mereka terperangkap di dalam kefahaman dan kepercayaan masing-masing. 'Bukan Orang-orang' menyorot suka duka perjalanan sebuah negara bernama Malaysia daripada sudut pandang dua generasi berbeza. 'Bukan Orang-orang' juga disaji dengan fakta sejarah, terutamanya fakta yang menyangkut hubungan kaum di Malaysia, termasuk kontrak sosial dan tragedi 13 Mei.

PEMASALAHAN KAJIAN

Penglibatan pengarang wanita Malaysia penting ke arah memperkayakan khazanah kesusasteraan di alam Nusantara. Dari masa ke semasa karya-karya pengarang wanita semakin menyerlah dengan penciptaan baru yang

mula meninggalkan ciri-ciri lama dalam penulisan. Oleh yang demikian penglibatan wanita dalam penulisan sastera perlu diberi perhatian serius. Sebelum ini, isu-isu yang sering diketengahkan ialah keluarga, kasih sayang, percintaan dan rumah tangga, dan lain-lain yang bersifat konvensional. Penulis wanita dikatakan kurang mengangkat isu bersifat global. Ini antara alasan yang menyebabkan penulis wanita tidak menerima anugerah atau pengiktirafan pada peringkat nasional. Oleh hal demikian adalah perlu untuk mentakrif semula pendapat yang mengatakan hal sedemikian. Adakah isu-isu global seperti pendidikan, keagamaan, ekonomi dan politik tidak diberi perhatian? Adakah tidak wujud aspek-aspek yang melibatkan isu global ini didalam penulisan pengarang wanita, sama ada secara langsung atau tidak langsung ketika mengkisahkan perjalanan plot cerita?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. mengenal pasti aspek yang berkaitan isu global dalam karya penulis wanita Malaysia.
2. mengkategorikan aspek yang berkaitan isu global yang diketengahkan oleh penulis wanita Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks. Kaedah analisis teks dilakukan dengan meneliti bahagian novel yang sesuai sebagai bahan kajian. Novel akan dipilih berdasarkan karya penulis wanita yang mendapat anugerah di peringkat nasional. Pembacaan secara teliti dilakukan bagi menjawab objektif kajian dengan menggunakan teori ginokritik, iaitu satu teori yang dirangka khusus untuk menerangkan dan menganalisis karya-karya tentang wanita yang dihasilkan oleh wanita. Data ditunjukkan dalam bentuk petikan ayat bagi memudahkan penerangan dan penjelasan.

SOROTAN LITERATUR

Pada tahun 1995, Rosnah Baharudin dalam kajian Doktor Falsafah di Universiti Malaya telah mengkaji *Wanita Dalam Novel A. Samad Said*. Kajian ini memperlihatkan perubahan kedudukan dan peranan watak-watak wanita utama dan sampingan dalam sembilan buah novel Sasterawan Negara, A. Samad Said. Perubahan-perubahan ini dikaji dalam kerangka sosiobudaya dan sejarah yang terbahagi kepada tahap-tahap sebelum perang, zaman perang, selepas perang dan selepas merdeka. Kedudukan dan peranan watak-watak wanita dikaji menggunakan perspektif feminis yang menekankan kesan serta faktor ke atas pengarang dalam pembentukan ideologi jantina yang mendasari pelukisan watak-watak wanita.

Kajian di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 1995 di Universiti Malaya juga telah dilakukan oleh Yulduz Emiloglu dengan tajuk *Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan Di Antara Karya Penulis Wanita Melayu Dengan Karya Penulis Wanita Mahua 1957 – 1982*. Kajian ini berkenaan sejarah penglibatan wanita dalam dunia penulisan di negara ini adalah lebih lewat daripada sejarah penglibatan penulis lelaki, iaitu karya-karya yang muncul sekitar tahun 30-an. Dari segi bilangan pula, penulis-penulis wanita tidak dapat menandingi penulis-penulis lelaki. Walau bagaimanapun, kemunculan yang lebih lewat dan bilangan yang kurang, tidak bermakna karya-karya penulis wanita bermutu rendah. Pada hakikatnya, tanpa kesungguhan dan usaha mereka, ramai orang tidak dapat memahami suara batin kaum wanita dan melihat wajah sebenar mereka.

Kajian di peringkat Doktor Falsafah berikut dibuat oleh Siti Khariah Mohd Zubir pada tahun 2004 dari Universiti Putra Malaysia bertajuk *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita*. Tesis ini bertujuan untuk mengkaji persoalan citra wanita yang berkaitan dengan sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya yang terdapat dalam 15 buah novel yang ditulis oleh pengarang wanita. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan empat jenis teori atau pendekatan iaitu feminisme, psikologi, sosiologi dan moral.

Kajian peringkat Doktor Falsafah seterusnya adalah dari Universiti Sains Malaysia. Kajian bertajuk *Puitika Sastera Wanita dalam Novel-novel Pengarang Wanita Indonesia Dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik* ini dibuat pada tahun 2005 oleh Norhayati Ab. Rahman. Kajian ini dilakukan untuk mengesan dan memperlihatkan proses pembentukan puitika dalam penulisan novel oleh pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia.

Rosnah Baharudin, Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1975 telah membuat kajian tentang *Peranan Dan Kedudukan Wanita Malaysia Antara 1957-1975 Berdasarkan Novel-Novel oleh Novelis Wanita*. Sebanyak sebelas buah novel telah dipilih untuk kajiannya. Enam buah novel adalah hasil karya Salmi Manja, dua buah karya Khadijah Hashim serta masing-masing sebuah novel hasil karya Hamidah Hassan, Zaharah Nawawi dan Adibah Amin.

DAPATAN KAJIAN

Kajian telah mengenal pasti terdapat aspek-aspek yang berkaitan isu-isu bersifat global yang diketengahkan oleh penulis. Antara isu yang ketara ialah diplomatik, politik, teknologi, sains perubatan, dan sejarah. Walaupun aspek-aspek yang dinyatakan ini bukan merupakan isu utama dan tidak dinyatakan secara tersurat, namun aspek-aspek ini tetap diselitkan dalam novel yang dikaji. Berikut adalah huraian isu-isu yang diketengahkan beserta contoh penggunaan dalam novel yang dikaji:

Diplomatik

Diplomatik merupakan salah satu aspek yang diketengahkan oleh penulis dalam novel yang ditulis. Maksud diplomatik ialah hubungan yang terjalin di antara kerajaan atas dasar permufakatan. Menurut Mokhtar Muhammad (2005:18), diplomatik ialah hubungan tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi di antara negara. Sesebuah hubungan diplomatik yang tersusun akan memudahkan jalinan hubungan kerjasama yang erat antara sesebuah kerajaan, sama ada dari sudut hubungan sosial, budaya, agama, ekonomi mahupun politik. Berikut adalah contoh isu mengenai diplomatik yang digambarkan dalam novel yang dikaji:

‘Kata bapa, sejak zaman Dinasti Ming, tanah ini sudah dikenalnya. Laksamana Cheng Ho, Puteri Hang Li Po semuanya catatan sejarah diplomatik yang baik-baik belaka. Lalu bapa tidak pernah berbelah bahagi waktu memilih mencari kehidupan yang lebih baik daripada yang sedia ada.’

Dalam konteks ini, Hafizah Iszahanid selaku penulis wanita digambarkan sebagai penulis yang turut menitik beratkan aspek-aspek yang bersifat global bukan sekadar meniti isu-isu bersifat peribadi di sekitar rumah tangga dan keluarga sahaja. Penulis secara tidak langsung meletakkan isu diplomatik dalam penulisan novel beliau. Walaupun situasi penceritaan pada ketika ini ialah mengenai keputusan untuk berhijrah dari Tanah Besar China ke Tanah Melayu, tetapi penulis cuba mengaitkan penghijrahan yang dilakukan oleh watak bapa kepada Mo dengan isu diplomatik yang memang telah lama terjalin antara dua negara ini sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Keadaan ini menunjukkan penulis mempunyai pengetahuan mengenai hubungan diplomatik tersebut dan cuba mengangkatnya sesuai dengan plot cerita yang dikarang.

Politik

Selain diplomatik, Hafizah Iszahanid juga secara tidak langsung telah mengenengahkan isu berkaitan politik. Dalam suasana politik negara Malaysia sekarang, kaum wanita turut diharapkan memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu dalam pembangunan negara. Politik merupakan segala aktiviti atau sikap yang berhubungan dengan kekuasaan yang bermaksud untuk mempengaruhi, dengan jalan mengubah atau mempertahankan suatu kuasa pemerintahan dalam masyarakat. Sebagai penulis wanita yang berpandangan jauh, Hafizah Iszahanid juga telah menerapkan isu secara implisit dalam novel ‘Bukan Orang-orang’. Berikut adalah contoh isu mengenai politik yang terdapat dalam novel ini:

‘Kebelakangan ini, terlalu banyak risalah begini diedarkan. Selain risalah kempen pilihan raya yang akan menjelang tidak lama lagi, risalah berbau perkauman juga banyak diedarkan. Kempen-kempen politik menjadi semakin berpihak. British sangat berjaya dengan dasar pecah dan perintah.’

“Siapa Kamal?”

“Balaci Datuk Z.”

“Datuk Z? Naib Presiden Parti Gergasi?” Qi membuntangkan matanya.

“Pandai pun kau”

“Kem dia buat cerita TPM letak jawatan sebab dia nak naik?”

“Ha, kau dah makin pandai pun, Qi” Tim mengekek ketawa.

“Alah, biarlah...kerusi Senduduk itu takkan dapat dek orang lain. PSM masih kebal di situ, percayalah cakap aku.” Suara-suara kecil bergema dalam mesyuarat susulan PSM sesudah Mei Lan menghilangkan diri dan mengosongkan DUN Senduduk”

Berdasarkan contoh yang diberikan, ia jelas menunjukkan isu mengenai politik yang turut dimuatkan oleh Hafizah Iszahanid dalam novel ‘Bukan Orang-orang’. Sejak sekian lama, politik merupakan arena mutlak orang lelaki dan peranan politik menjadi hak kepunyaan kaum lelaki (Nik Safiah Karim, 1990). Namun dengan adanya pembicaraan mengenai isu politik dalam novel oleh wanita, ia jelas menunjukkan wanita kini sudah semakin mengambil berat mengenai isu yang bersifat global. Penulis wanita khususnya, sudah tidak terikat dengan hanya membicarakan isu-isu yang bersifat konvensional semata-mata.

Teknologi

Selaras dengan kemajuan teknologi yang semakin membahang dalam kalangan masyarakat dunia, Hafizah Iszahanid juga tidak ketinggalan meletakkan aspek ini melalui penulisan novel beliau. Sebagai penulis wanita Hafizah Iszahanid dilihat telah berdiri sama tinggi dengan penulis-penulis lelaki dalam hal yang berkaitan dengan teknologi. Berikut adalah gambaran isu teknologi yang diutarakan oleh Hafizah Iszahanid dalam novel ‘Bukan Orang-orang’:

‘Mo boleh sahaja kekal memilih akhbar berbahasa Melayu, Inggeris dan Cina yang masih mengekalkan tradisi percetakannya, namun Mo terasa nikmat pembacaannya tidak lengkap tanpa membaca *Daily News*, sebuah portal berita yang hanya boleh dijamah dalam talian.’ (xi).

‘Qi menutup e-melnya dan sewaktu kembali ke laman pertama *Daily News* ada *Breaking News* yang membuat jantungnya berdebar. *Breaking News* dengan butang merah menyala-nyala tanda berita itu baru sahaja dimuat naik.’ (hal. 102)

‘Usai menyelak semua akhbar di meja, Mo beralih pada komputer ribanya, melayari laman web *Daily News*, akhbar tempat Qi bekerja.’ (hal.133)

Berdasarkan contoh yang diberikan, ia jelas menunjukkan penulisan berkenaan aspek teknologi yang turut dimuatkan melalui penulisan karya berbentuk kreatif oleh Hafizah Iszahanid. Walaupun jalan ceritanya banyak tertumpu kepada isu perpaduan kaum di Malaysia, namun dalam perjalanan cerita tersebut penulis telah memasukkan aspek terkini yang bersifat global, yakni penggunaan teknologi. Contoh yang diberikan menunjukkan watak-watak tersebut menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Penulis telah berjaya menggambarkan penulisan beliau dengan mengaitkannya dengan keadaan semasa abad ke 21 dan tidak lagi menulis cerita berkisar isu rumah tangga atau konflik wanita semata-mata.

Sains Perubatan

Apabila membicarakan berkaitan sains perubatan, jarang sekali aspek sains perubatan dikesan dalam karya berbentuk kreatif khususnya apabila tema yang diketengahkan tidak berkaitan dengan aspek ini. Berbeza dengan karya Hafizah Iszahanid ini, walaupun tema bagi novel ‘Bukan Orang-orang’ ini ialah kemasyarakatan yang memberi tumpuan kepada perpaduan kaum di Malaysia, namun aspek sains perubatan turut diselitkan sebagai satu cara memberi pendidikan kepada pembaca. Sains perubatan adalah bidang dalam sains hayat yang

berkaitan dengan sains untuk menyelamatkan nyawa. Ianya merupakan ilmu terapan ketika pakar-pakar dalam bidang ini menggunakan pengetahuan yang membantu dalam membuat diagnosis dan rawatan penyakit. Ilmu-ilmu ini juga membantu dalam mencegah penyakit dengan pengetahuan mereka. Berikut adalah contoh penggunaan aspek sains perubatan dalam novel 'Bukan Orang-orang':

'Lulu berhadapan dengan masalah jantung yang seksa, *dilated cardiomyopathy*- masalah otot jantung yang menjejaskan ventrikel kanan mengepam darah. Ventrikel kanan juga mengembang dan tidak upaya mengepam darah ke tubuh genitnya sedaya jantung yang sempurna'. (hal. 30)

'Katanya, jantung tiruan itu sistem bantuan ventricular kiri yang membantu jantung mengepam darah ke seluruh tubuh. Jangka usianya menjangkau lima tahun, lalu memberi harapan untuk pesakit terus menunggu jantung baru.' (hal. 31)

"Lebih penting, Lulu tidak perlu menarik kotak berat lebih dua kilogram seperti pesakit dahulu. Jantung baru ini lebih senyap. Okey, pam ditanam di dalam dada pesakit dan satu komponen terdiri daripada pam kawalan dan bateri berada di luar tubuh pesakit." Senyum Dr. Nan lima tahun lalu bagai terlihat-lihat. (hal. 32)

Berdasarkan contoh yang diberikan, jelas menunjukkan terdapat beberapa aspek yang berkaitan isu global yang diterapkan oleh Hafizah Iszahanid dalam novel 'Bukan Orang-orang'. Keadaan ini jelas memberi gambaran bahawa penulis wanita juga peka dengan isu-isu bersifat global. Mereka tidak lagi terkongkong dengan penulisan bersifat kekeluargaan mahupun penceritaan berkisar kewanitaan sahaja. Hafizah Iszahanid telah menunjukkan ciri-ciri wanita moden dan maju melalui penulisannya.

Sejarah

Selain, aspek berkaitan isu global yang diutarakan sebelum ini, Hafizah Iszahanid melalui novel 'Bukan Orang-orang' juga memuatkan aspek berkaitan sejarah dalam pengembangan plot penceritaannya. Kebanyakan peristiwa sejarah yang dipaparkan adalah berkaitan dengan sejarah kemerdekaan Malaysia dan sejarah berkenaan peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan perpaduan yang pernah terlukis di Malaysia. Berikut merupakan catatan beberapa peristiwa sejarah yang dimuatkan oleh Hafizah Iszahanid dalam novel 'Bukan Orang-orang':

'Parti perikatan gagal mencapai jumlah majoriti 2/3 di parlimen walaupun masih boleh membentuk kerajaan, fakta itu berlegar lagi dalam minda. Seperti bapa, Mo juga berdebar-debar menunggu apa yang menanti lewat keputusan itu. Kegagalan mencapai jumlah majoriti itu adalah motivasi terbesar pihak pembangkang. Tentu sahaja, 89 kerusi yang dimenangi pada 1964 menjadi 66 kerusi pada 1969. Pembangkang meraih kemenangan. Kata bapa, keputusan itu adalah cerminan rakyat.' (hal.15)

'Peluh Mo merenik. Dalam usia 20 tahun, Mo sudah terhidu apa yang mungkin terjadi. Dan dadanya berdegup kencang sejak itu.

Malam itu, tarikhnya 16 Mei tahun 1969. Malam darurat. Perlembagaan Persekutuan digantung. Undang-undang tentera diguna pakai. Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN dibentuk.

Mo mendengar semua itu dengan telinga yang besar dan dada yang bergetar. Mo Menduga-duga, adakah hidup akan menjadi tidak sempurna? (hal 17)

Berdasarkan contoh yang diberikan, jelas menunjukkan wujudnya elemen sejarah dalam penulisan penulis wanita ini. Beliau tidak lagi terikat dengan tema yang berkaitan kegiatan atau peristiwa sosial yang melibatkan wanita sahaja. Hafizah Iszahanid telah menunjukkan bahawa wanita juga mempunyai kesedaran dalam isu berkaitan sejarah, khasnya isu yang melibatkan perkembangan politik dan sosial yang pernah melanda negara. Caranya mungkin tidak sama dengan penulis politik mahupun saluran gebang patriotik, namun semangat cintakan negara tetap hadir dalam jiwa penulis wanita ini.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menghasilkan satu penemuan baru berkenaan isu-isu global yang diketengahkan oleh pengarang wanita kini. Wanita tidak lagi terikat dengan penulisan isu bersifat kesengsaraan yang dihadapi oleh insan yang sama jantina dengannya sahaja tetapi wanita juga telah bergerak ke arah isu yang bersifat global untuk meningkatkan kesedaran dan memberi kefahaman secara lebih agresif dalam konteks isu semasa. Hafizah Iszahanid telah membuktikan perkara ini dan telah berjaya keluar dari penceritaan berkisar tentang wanita sahaja. Pemilihan sifat-sifat wanita yang merujuk kepada kemungkinan-kemungkinan negatif bukan lagi menjadi isu utama bagi penulisan wanita ini. Beliau telah lari daripada membicarakan isu-isu tradisional wanita seperti ketaatan, kepatuhan, kesucian sebagai satu yang mesti ada pada watak seorang wanita (Siti Khairiah, 2009:7).

RUJUKAN

- Hafizah Iszahanid. (2015). *Bukan orang-orang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Bhd.
- Membunga @ Siti Meriam Yaacob. (2004). *Tanggapan terhadap wanita dalam karya Hamzah dan Keris Mas*. Tesis Kedoktoran Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Safei & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2015). Konflik komunikasi dari 'Bercak' ke *Menongkah Lumrah* karya Azmah Nordin. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 169-182.
- Mokhtar Muhammad. (2005). *Perhubungan antarabangsa: Konsep dan konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan cabaran*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Puitika sastera wanita dalam novel-novel pengarang Indonesia dan Malaysia: Satu bacaan ginokriktik*. Tesis Kedoktoran Falsafah yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rosnah Baharudin. (1975). *Peranan dan kedudukan wanita Malaysia antara 1957- 1975 berdasarkan novel-novel oleh novelis wanita*. Tesis Sarjana Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Baharudin. (1995). *Wanita dalam novel A. Samad Said*. Tesis Kedoktoran Falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rosnah Baharudin. (2003). *Wacana wanita Melayu dan sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisah Murad. (1998). *Citra wanita dalam novel-novel Arena Wati*. Tesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2008). *Citra wanita dalam novel-novel Melayu daripada perspektif pengarang wanita*. Tesis Kedoktoran Falsafah yang diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2009). *Citra wanita dalam novel Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yulduz Emiloglu. (1995). Suara batin wanita: Satu kajian perbandingan di antara karya penulis wanita Melayu dengan karya penulis wanita Mahua 1957 – 1982. *Jurnal Gender Sastera Melayu*, 2 (11), 93-98.

BUKIT LAGI BINTANG BERKARANG: MANIFESTASI PUITIKA SASTERA MELAYU

Mohamad Zaki Abdul Halim
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
zakihalim@unimap.edu.my

ABSTRAK

Ragam pantun dapat dilihat melalui strukturnya yang berbagai-bagai seperti berbentuk empat kerat, berima a-b-a-b, bertema, berstruktur bebas, dan ada pula yang berkait. Mengarang pantun bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan secara semberono sebaliknya memerlukan daya cipta yang tertib dan tinggi nilainya. Pantun-pantun yang dimiliki secara kolektif yakni yang diturunkan dari generasi ke generasi merentasi zaman penghidupan telah sebatu dalam kehidupan masyarakat Melayu walaupun tidak diketahui sosok penciptanya. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis nilai keindahan yang terdapat dalam beberapa pantun terpilih daripada naskhah kumpulan pantun *Bukit Lagi Bintang Berkarang* (BLBB) nukilan Wan Khazim Wan Din. Keindahan pantun amat umum untuk diperkatakan jika tidak dinilai dengan pengukur tertentu. Oleh sebab itu, perbincangan berkaitan hal ini akan menggunakan pengukur keindahan pantun Melayu berdasarkan enam prinsip keindahan yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh melalui teori *Puitika Sastera Melayu* (PSM). Pantun-pantun terpilih daripada BLBB diukur nilai keindahannya dengan cara memadankan pantun-pantun empat kerat tersebut dengan teori PSM berteraskan prinsip keindahan pantun iaitu (i) Dunia Luas yang Dipadatkan, (ii) Mainan Kiasan dan Saranan, (iii) Dunia Berjodoh, (iv) Sama Ukuran, (v) Muzik Seiring Kata, dan (vi) Sesuai dan Patut. Hasilnya, daya cipta pantun yang terkarang di dalam naskhah BLBB ini ternyata memiliki nilai keindahan berdasarkan saranan PSM sama ada pada struktur luaran (keseimbangan suku kata dan rima) mahupun pada struktur dalaman (pemikiran) pantun tersebut.

Kata kunci: Puitika Sastera Melayu, Bukit Lagi Bintang Berkarang, pantun Melayu, nilai keindahan pantun.

PENGENALAN

Pantun merupakan puisi asli Melayu yang tertua hasil tukang intelek orang Melayu. Melaluinya, pemikiran orang Melayu dalam komunikasi harian masyarakatnya diungkapkan dengan penuh akal budi disulami daya kreatif penciptaannya. Muhammad Haji Salleh (2006) menegaskan hal ini seperti berikut:

“Sudah beberapa abad pantun menjadi wadah ucapan penting bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lainnya di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Bangsa-bangsa yang menggunakannya tersebar di seluruh Alam Melayu dan malah di seberangnya juga.” (Muhammad Haji Salleh, 2006: v)

Sehingga kini, pantun masih lagi digunakan dalam pelbagai situasi seperti dalam ucapan majlis-majlis tertentu yakni majlis pertunangan dan perkahwinan selain majlis-majlis rasmi yang lebih serius dan berprotokol. Penggunaan pantun sebagai alat penyampaian maksud akal dan hati ini tidaklah dapat dipisahkan daripada nilai-nilai keindahan penciptaannya. Pantun dicipta dengan struktur yang sangat rapi malah mempunyai bahagian-bahagian binaan yang saling melengkapi. Keterikatan bentuknya adalah untuk menggambarkannya berbeza daripada puisi-puisi lain dan kekal diingati walaupun zaman berubah. Dalam pantun, ada nilai-nilai keindahan yang begitu agung melalui daya cipta orang Melayu.

Ciptaan pantun tampak indah dengan memuatkan unsur-unsur alam dan susunan kata yang tepat serta padat maknanya. Masyarakat Melayu sangat ‘hidup’ dengan alam sekeliling mereka sehinggakan diterjemah sifat-sifat alam seperti flora dan fauna tersebut ke dalam ungkapan komunikasi secara spontan dan bersahaja sebagai perlambangan pembayang dan interpretasi maksud melalui pantun. Hal ini pernah diperkatakan oleh Francois-Rene Daillie seperti dalam Aminuddin Mansor (2015: 85):

“...pantun Melayu itu suatu intisari kehidupan dan alam yang dibiratkannya sebagai sebutiran pasir. Di dalamnya tersirat segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah tentang tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai; laut atau hutan, tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan; pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian; ia menyatakan juga tentang adat resam, kebijaksanaan, pelbagai bentuk kepercayaan dan perasaan, cintanya kepada jejaka idaman, wanita dan Tuhan.”

Pantun lazimnya berbentuk empat kerat dan bentuk ini lebih luas penggunaannya berbanding pantun jenis dua kerat, enam kerat, lapan kerat dan pantun berkait. Walau bagaimanapun, pantun mestilah mempunyai pembayang atau sampiran dan maksud. Pantun empat kerat mempunyai dua baris pembayang dan dua baris maksud yang lengkap. Hubungan pembayang dan maksud ini akan melengkapkan keseluruhan idea dalam satu-satu pantun. Pantun jenis ini difahami sebagai mempunyai empat baris serangkap dan diikuti rima akhir a-b-a-b. Walau bagaimanapun, ada juga pantun empat kerat ini berima a-a-a-a namun dianggap kurang indah ritmanya malah mirip dengan rima akhir syair. Variasi ini bolehlah dianggap sebagai kepelbagaian bentuk pantun yang tercipta dalam perkembangan ciri-cirinya yang meluas dan lebih terbuka. Begitu juga dengan pendapat tentang jumlah perkataan atau suku kata yang termuat dalam penciptaan baris-baris pantun jenis ini; biasanya memuatkan empat perkataan sebaris atau lapan hingga dua belas suku kata sebaris. Tampaklah, pantun merupakan genre puisi yang terikat bentuknya dan mempunyai ciri-ciri tersendiri justeru agak rumit penciptaannya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Orang Melayu sangat bijak mengolah daya akal dan daya kreatif mereka dalam penghasilan pantun. Segala isi hati dan akal orang Melayu disampaikan dalam bentuk yang terikat dan terhad kata-katanya namun masih mampu mengungkapkan mesej yang besar dan universal. Pemikiran orang Melayu dalam pantun memuatkan segala hal kehidupan dengan tujuan tertentu dalam komunikasi harian seperti untuk berseloroh, memberi nasihat, memberi pujian malah membuat teguran dan sindiran. Hal ini, pernah disebut oleh Wilkinson dan Winstedt (1923) sebagai, “tidak ada seorang pun dapat meramal ruang lingkup akal budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya”.

Pantun kini menjadi puisi warisan orang Melayu yang hebat dan canggih penghasilannya apabila dapat diterjemah melalui keterkaitan antara struktur, makna dan keindahan dalamannya. Keindahan ini dapat dilihat melalui struktur binaan pantun dan dapat didengari melalui pengungkapannya secara lisan. Kecanggihan ini telah mempengaruhi kesusasteraan luar dalam mengagumi pantun Melayu seperti catatan yang terdapat dalam *A Handbook to Literature* (1985) oleh C. Hugh Holman, “pantun sebagai satu bentuk puisi Melayu tradisional amatlah popular, sehingga bentuk ini diambil oleh Victor Hugo dan penyair-penyair Perancis yang lain, lalu menamakannya sebagai *Pantoum*”.

Bertitik tolak daripada kesedaran bahawa sesebuah pantun itu ada keindahannya yang tersendiri, visual serangkap pantun itu dapat diteliti dan dihalusi dengan lebih mendalam dengan mengguna pakai teori Puitika Sastera Melayu (PSM) untuk mengukurnya. Hal ini akan menjelaskan secara mudah betapa pantun Melayu itu secara puitikanya tercipta atau dicipta dengan keindahan tertentu yang dapat dihayati dan dinikmati oleh masyarakat yang hidup bersama-samanya. Dalam erti kata lain, serangkap pantun yang terungkap sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan dapat dipadankan dengan teori PSM untuk menilai keindahannya sama ada secara luaran ataupun dalaman melalui prinsip-prinsip puitika yang digagaskan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti pantun daripada naskhah *Bukit Lagi Bintang Berkarang* (BLBB) untuk dipadankan dengan prinsip puitika pantun seperti yang digagaskan dalam teori PSM.
- ii. menganalisis pantun terpilih daripada BLBB bersandarkan prinsip puitika pantun seperti yang digagaskan dalam teori PSM.

Naskah kumpulan pantun BLBB nukilan Wan Khazim Wan Din dijadikan teks kajian ini. BLBB diterbitkan pada tahun 2006 oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian ini menggunakan pendekatan keindahan puisi yang berpaksikan teori PSM gagasan Muhammad Haji Salleh. Signifikan pemilihan teks kajian BLBB ini dengan teori PSM adalah keterkaitan penyunting BLBB dengan penggagas teori ialah orang yang sama; Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh, Sasterawan Negara keenam. Teori PSM ini diperkenalkan sekitar tahun 1989 dalam syarahan-syarahan akademik dan diperkemas sehinggalah diterbitkan (terbitan pertama) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dalam bentuk buku teori pada tahun 2000.

Berorientasikan falsafah dan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional melalui penelitian yang bersifat analitis terhadap ribuan pantun Melayu, penggagas teori telah menemukan idealisme keindahan yang mengakar dalam teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional khususnya pantun. Bertitik tolak daripada itu, analisis yang dilakukan terhadap beberapa pantun terpilih daripada teks ini adalah berbentuk kajian tekstual dengan menggandingkan pantun dan prinsip-prinsip keindahan puisi (puitika pantun) yang tergarap dalam PSM. Enam prinsip yang diunjurkan Muhammad ialah (i) Dunia Luas yang Dipadatkan, (ii) Mainan Kiasan dan Saranan, (iii) Dunia Berjodoh, (iv) Sama Ukuran, (v) Muzik Seiring Kata dan (vi) Sesuai dan Patut.

Prinsip-prinsip puitika puisi Melayu yang digagaskan ini bukanlah hanya terpakai kepada pantun sahaja malah boleh diaplikasi dan diteliti dalam genre-genre puisi lain sama ada moden atau tradisional. Makalah ini memilih pantun sebagai wadah kajian kerana yakin bahawa pantunlah yang menepati keenam-enam ciri ini kerana pantun ialah bentuk puisi Melayu asli yang sangat rumit dan terikat daya ciptanya. Pengaplikasian prinsip-prinsip ini akan dijelaskan secara kualitatif dengan rincian ciri-ciri setiap prinsip berserta padanan contoh daripada pantun yang dipilih berdasarkan teks BLBB.

MANIFESTASI PUITIKA SASTERA MELAYU DALAM BLBB

Prinsip-prinsip puitika pantun yang dikemukakan oleh Muhammad seperti dalam teori beliau, telah membuka ruang kepada khalayak untuk memahami fenomena keindahan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu khususnya pantun bagi tujuan mengangkat nilai puitika teks susastera tersebut. Selain itu, khalayak berpeluang menerokai pemikiran yang terbentang di sebalik keindahan karya dengan hubungan-hubungan yang berada di luar teks seperti pandangan hidup orang Melayu, sikap, budaya, agama dan sejarah serta alam sekitar masyarakatnya. Maka, diturunkan di bawah ialah contoh-contoh pantun daripada naskah BLBB yang mempunyai nilai keindahan berteraskan prinsip-prinsip keindahan seperti yang diujulkan dalam PSM.

Dunia Luas yang Dipadatkan

Prinsip puitika ini menunjukkan sebuah penceritaan yang luas dapat dipadatkan dalam keterhadan jumlah perkataan atau suku kata yang tertentu bilangannya. Segala hal cerita yang ingin disampaikan dimuatkan dalam empat baris pantun. Pemikiran yang disampaikan berasal daripada sesuatu gambaran pengalaman atau kesan kehidupan yang memerlukan pengungkapan yang panjang dan lebar untuk dimanifestasikan. Namun, kata-kata yang terbaik dipilih dengan cermat demi memuatkan pengisahan tersebut lantas membentuk struktur pantun yang menjadikannya sebagai puisi yang terikat. Dalam erti kata lain, sebuah penceritaan yang panjang lebar itu dapat dipadatkan ke dalam sebuah puisi yang terhad kata-katanya seolah-olah dunia yang luas ini dapat disatukan kandungannya dalam sebuah pantun yang ringkas. Begitulah nilai keindahan yang dimaksudkan oleh Muhammad Haji Salleh (2006: 217) sebagai dunia yang luas dipadatkan seperti penegasan berikut:

“Cara penyusunan pantun membayangkan proses memilih, menurunkan dan membenarkan jaringan asosiasi antara baris-barisnya. Dua atau empat citra menggandingkan konotasi bunyi, gambar dan makna. Hanyalah gandingan dua atau empat citra bercantum dalam proses saling lengkap-melengkapi, hubung-menghubungi, sehingga akhirnya muncullah suatu makna-sebutir kebijaksanaan, sebaris pelajaran yang disaring daripada peristiwa.”

Jelaslah bahawa prinsip puitika ini menegaskan struktur pantun dengan bahagian pembayang dan maksud itu masing-masing dipadatkan dalam pantun empat kerat melalui kata-kata yang tersusun baik mengikut ciri makna dan nilai bunyinya (rima). Struktur ini menterjemahkan citra pembayang dan maksud pantun yang saling berkait dan melengkapi melalui empat baris pantun; dua baris pembayang dan dua baris maksud). Dalam pemadatan makna yang hendak disampaikan dengan limitasi suku kata dan perkataan yang mengikat struktur pantun, pemantun merupakan seorang yang benar-benar arif dan bijak menyusun penceritaannya. Sebagai contoh yang terdapat di dalam naskhah BLBB, Wan Khazim menggarapnya sebagai:

*Kubang Menerung jalan berbelok,
Memikat burung di bendang padi;
Berbaju kurung memangnya elok,
Tidak bertudung tunang tak jadi.*

(Wan Khazim, 2006: 126)

Daripada pengalaman yang luas dan pengamatan alam yang akrab, penciptaan pantun itu akan menjadi baik setelah dipadatkan dalam dunia kata-kata yang terhad. Pemantun memadatkan sebuah makna yang luas ke dalam sebuah pantun melalui dua baris pembayang yang terkait antara satu sama lain dan dikejapkan dengan dua baris maksud yang jitu dan saling melengkapi. Pembayang pantun ini sangat realistik kerana 'Kubang Menerung' ialah sebuah tempat yang datarannya bersawah padi (bendang). Bendang sememangnya menjadi tempat permainan burung yang mencari makan sementara menjadi tempat terbaik bagi para peminat burung untuk memikat (menjerat) burung. Keadaan ini sangat cocok untuk memerikan sesuatu pekerjaan (perbuatan) itu dilakukan di tempat yang sesuai.

Hal cocok ini juga terdapat dalam baris-baris maksud yang disampaikan. Pemantun memuji pemakaian baju kurung yang dianggap sopan dalam budaya Melayu. Hal ini menterjemahkan keelokan budi bahasa dan nilai kesopanan yang tinggi dan berbudaya terutamanya dalam kalangan gender perempuan Melayu. Imej ini mengaitkan wanita yang memelihara nama, keturunan dan maruahnyanya. Namun, pemantun mentamsilkan bahawa, nilai kesopanan semata-mata tidaklah bererti apa-apa jika nilai agama tidak dipelihara. Citra ini terdapat dalam baris akhir maksud pantun tersebut, iaitu walaupun berbaju kurung (tampak sopan dan berbudaya) namun, wanita itu tiadalah dapat dibanggakan kerana tidak bertudung (tidak menjaga aurat). Imej bertudung itu ialah manifestasi agama Islam bagi orang Melayu yang wajib mematuhi syariat agamanya yakni memelihara aurat sebaik-baiknya dan mengamalkan agama secara syumul dalam amalan hidup.

Pemantun menzahirkan pandangan hidupnya bahawa, perempuan yang hanya menjaga adab sopan berteraskan budaya masyarakat semata-mata dan tidak mementingkan tuntutan agama tidaklah elok dibuat tunangan/ isteri (rujuk baris keempat). Demikianlah pengamatan sosial pemantun itu dengan alam dan budaya serta agama telah dikisahkan secara padat dalam pantunnya dengan menyusun kata-kata terpilih yang mendukung makna yang terbaik dan berkualiti untuk menyampaikan maksudnya. Keadaan cocok dua baris pembayang dan dua baris makna itu saling melengkapi sehingga melahirkan serangkap pantun yang manis dan tepat.

Mainan Kiasan dan Saranan

Pemaknaan pantun adalah sangat menarik dan canggih iaitu citra pembayang dan makna disajikan di depan mata kasar (denotasi) dan mata hati (konotasi) khalayak. Strategi ini menghantar pesanan makna yang halus dan tidak terasa oleh khalayak; sangat berlapis dan mesra. Pembayang yang disampaikan secara kiasan menjadi tali pelengkap kepada makna pantun. Pemilihan kata (disertai bunyi) yang digunakan dalam pembayang sangatlah dititikberatkan keasliannya untuk dikaitkan dengan makna pantun. Namun, mencari keaslian penciptaan pembayang yang berkias itu adalah sukar kerana pantun-pantun lama sudah banyak dipengaruhi layangan kiasan yang meluas. Walau bagaimanapun, penciptaan pembayang yang keseluruhan maknanya itu tidak langsung adalah baik dan boleh dijadikan pengukur kepada maksud yang ingin disampaikan.

Hal ini sangat akrab dengan masyarakat Melayu yang gemar berkias ketika menyampaikan sesuatu dengan tujuan menjaga adab, susila dan air muka. Makna yang disampaikan itu bersifat taksa (kabur) namun dapat ditaakul sendiri oleh khalayak (dalam pembayang dan maksud). Perkara ini diperkatakan oleh Za'ba (seperti dipetik dalam Muhammad Haji Salleh, 2006: 220) sebagai:

“...pantun yang cukup elok boleh dilihat pembayangnya memang mengandungi maksud pantun itu dengan secara kias dan bayangan disambilkan kepada gambaran-gambaran alam... Tujuan yang dimaksudkan itu telah ada terbayang di situ, tetapi tiada terang, seolah-olah sengaja ditudung...”

Oleh itu, seeloknya ketaksaan pembayang itu disarankan diikuti oleh dua baris maksud yang mencitrakan makna pantun. Kiasan dalam pantun dianggap misteri dan jika dilanjutkan dalam baris-baris maksud, sesebuah pantun itu dapat memanasifasikan keindahan dan kekayaan metaforanya. Kiasan dalam pembayang yang mempunyai koda yang menarik akan secara tenangnya mengalirkan asosiasi koda bahasa yang cantik dalam baris-baris maksud sekali gus menjelmakan keindahan sesebuah rangkap pantun. Biasanya peranan koda ini adalah untuk menimbulkan kesan emotif dalam penyampaian pantun terutama pada bahagian maksud seperti merintih, membujuk dan merayu. Kaedah kiasan dan saranan ini banyak digunakan dalam pantun-pantun kasih sayang orang Melayu dan Wan Khazim tidak terlepas dalam mempraktikkannya. Diturunkan contoh seperti di bawah untuk membuktikan bahawa pantun karangan beliau menepati prinsip keindahan ini:

*Air dalam sampai pangkalan,
Pasang api di pintu kuala;
Setiap malam merenung bulan,
Rusuhnya hati bagai nak gila.*

(Wan Khazim, 2006: 96)

Pembayang pantun menunjukkan permainan alam yang berkait rapat dengan pasang surut air laut yakni kedalaman dan kecetekan paras air di pintu kuala yang menyebabkan ‘api’ (rumah api) menjadi tanda kepada pelayar(an) untuk berjaga-jaga dengan paras air bagi tujuan berlabuh. Sekiranya peranan api tidak berfungsi, berkemungkinan pelayar(an) tersalah menganggar jarak, antara pintu kuala dengan pangkalan. Keadaan ini boleh menyebabkan masalah kepada pelayar ketika melabuhkan sauh di pangkalan dan kebarangkalian untuk pelayar(an) merempuh pangkalan juga berisiko tinggi. Kiasan alam yang digunakan dalam kedua-dua baris pembayang menunjukkan sifat kesemendaan yang utuh berpaksikan fitrah alam dan kawalan sosial yang diamati oleh orang Melayu terutama golongan maritim. Kawalan sosial ini ditamsilkan dalam konteks api sebagai pengawal kelajuan kapal yang ingin berlabuh berdasarkan kedalaman air di kuala.

Secara indahnyanya, pembayang ini telah memberi gambaran terhadap makna pantun yang akan diselesaikan dalam baris berikutnya dengan sesuatu bentuk kawalan sosial (sikap berjaga-jaga atau berhati-hati). Perhatikan pula dalam baris-baris maksud yang juga tampaknya mengungkapkan konsep kawalan sosial yakni tentang peranan hati dan perasan yang perlu dikawal semasa dirundung rindu:

*Setiap malam merenung bulan,
Rusuhnya hati bagai nak gila.*

Sudah menjadi suatu kemestian, ikon bulan dalam masyarakat Melayu itu merujuk sifat kecantikan dan romantisme dalam perkasihannya. Maka, dengan merenung bulan akan memarakkan lagi ingatan terhadap kecintaan sehingga membuak-buak rasa justeru bulan dapat menjadi pengganti melepaskan rindu/ ingatan tersebut lantas menundukkan keresahan yang melampau. Bagi pasangan yang berkasih/ bercinta, kerinduan yang menggila di hati itu dapat diredakan dengan merenung bulan di langit. Jika tidak ada pengganti (bulan) sebagai alat pengawal hubungan kasih ini, kemungkinan perasaan dan kata hati yang merusuh gila itu akan dituruti dan boleh menyebabkan berlakunya hal-hal yang melanggar batas pergaulan berbeza jantina dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan kiasan yang ada pada pantun tersebut saling berkait antara satu sama lain iaitu pertautan antara konstituen (dua baris) pembayang dan konstituen maksudnya.

Dunia Berjodoh

Prinsip ini merujuk bentuk pantun yang indah terbahagi kepada dua bahagian iaitu dunia alam dan dunia manusia. Dua bahagian ini dalam sesebuah pantun terpisah menerusi baris pembayang yang mewakili dunia alam dan baris maksud yang mewakili dunia manusia secara strukturnya. Kedua-dua bahagian alam dan manusia ini saling bersandaran dan mempunyai hubungan makna yang serasi berjodoh antara baris pembayang dan baris maksud sesebuah pantun. Penjodohan antara dua dunia ini dapat dilihat dalam keserasian dua baris pembayang yang kebiasaannya menggunakan unsur-unsur alam yang ada di sekitar kehidupan orang Melayu setelah melalui sebuah pengalaman hidup yang panjang dan matang. Baris maksud pula dicitrakan tentang alam kehidupan manusia yang mewakili unsur-unsur kehidupan manusia itu sendiri. Keadaan ini menyumbang kepada keharmonian penciptaan pantun yang menyeluruh. Kejodohan dua dunia ini menjadikan nilai pantun Melayu itu indah dan mempunyai nilai ketelitian pemikiran yang ampuh serta fasih tentang alam dan diri sendiri. Rujuk pantun di bawah untuk meninjau keindahan atas prinsip dunia berjodoh:

*Burung undan terbang sepuluh,
Anak merbah disangka murai;
Walaupun badan terbang jauh,
Hanya berpisah bukan bercerai.*

(Wan Khazim, 2006: 30)

Daripada unsur alam yang diterapkan dalam baris pembayang (baris pertama), ***burung undan terbang sepuluh*** dan baris maksud (baris ketiga) iaitu ***walaupun badan terbang jauh***, jelas menzahirkan prinsip dunia berjodoh menimbulkan nilai keindahan yang wujud dalam pantun ini. Citra alam yang wujud dalam baris pertama telah menzahirkan; ‘sekawan’ burung undan sedang terbang ditandai dengan perkataan *sepuluh* yang melambangkan sifat alamiah burung undan yang terbang secara berkumpulan dan pemilihannya juga menitikberatkan unsur rima yang akan dipadankan dengan perkataan *jauh* (baris ketiga; bahagian maksud).

Selain itu, dua bahagian pantun yakni dunia alam dan dunia manusia menerusi baris kedua dan keempat turut melahirkan nilai dunia berjodoh. Khalayak dapat menelusuri perkara ini dalam baris; ***anak merbah disangka murai*** dan ***hanya berpisah bukan bercerai***. Tamsilan *anak merbah* yang disangka sebagai burung murai dicitrakan kepada khalayak bahawasanya pandangan zahir boleh tersilap kerana sesetengah perkara kelihatan amat serupa atau mirip seperti unsur alam; anak merbah dan burung murai. Secara fizikalnya, burung merbah dan burung murai mempunyai fizikal yang hampir sama dan jika tidak diteliti dengan betul, maka boleh tersilap dalam membezakan kedua-duanya. Nilai dunia berjodoh diterapkan oleh pemantun apabila baris maksud dalam baris keempat turut memanifestasikan perkara yang serupa iaitu perpindahan akibat perpindahan yang dinyatakan dalam baris sebelumnya sekadar pemisahan fizikal namun ikatan sama ada persaudaraan, persahabatan, percintaan atau ikatan rumah tangga masih terjalin.

Selain itu, konsep dunia berjodoh ini juga digambarkan dalam baris kedua (bahagian pembayang) dan baris keempat (bahagian maksud). Hubung kaitnya ialah, sifat alamiah burung undan sebagai spesies burung air yang mempunyai musim untuk bermigrasi dari satu tempat ke satu tempat (habitat) yang lain telah dijodohkan dengan citra manusia yang berkongsi sifat sepunya itu (migrasi) iaitu perpindahan tempat tinggal (merantau) atau perpindahan antara satu sama lain atas tuntutan ikhtiar hidup (mencari rezeki/ meneruskan hidup). Hal ini menzahirkan bahawa baris pembayang dan baris maksud saling berjodoh.

Sama Ukuran

Prinsip ini adalah berkaitan nilai harmoni dan keseimbangan sesebuah (serangkap) pantun. Bentuk yang seimbang antara satu sama lain akan menentukan keindahan karya pantun dengan mencakupi; (a) baris-baris pembayang dan maksud yang mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran dan (b) bunyi dan muzik dalam bahagian pembayang dan maksud pantun yang seimbang dari segi rima/ koda. Struktur pantun akan menjadi indah melalui keseimbangan dalam penulisan dan pengungkapannya apabila mencapai kesamaukuran antara unsur jumlah suku kata dalam setiap baris mahupun unsur keseimbangan rima yang ada di tengah baris dan di hujung baris setiap pantun. Kesamaukuran suku kata ini membantu dalam menentukan penandaan jeda (#) ke-

tika mengungkapkan pantun secara lisan. Selain itu, prinsip yang seimbang ini juga dapat menentukan muzik bahasa yang terhasil dan memperdengarkan patah pantun itu sedap ketika bait-bait pembayang dan maksudnya dialunkan kepada khalayak. Contoh kesamaukuran yang menimbulkan kesan harmoni dan keseimbangan pantun dalam naskhah BLBB ialah:

*Belayar lancang # menyongsong arus,
Cuaca elok # bagai diduga;
Air dicencang # memang tak putus,
Kalau dicedok # berpisah juga.*

(Wan Khazim, 2006: 3)

Dalam contoh di atas, jumlah suku kata pada setiap baris sama ada pada bahagian pembayang atau maksud adalah sama iaitu sepuluh suku kata. Patah pantun juga dilihat sama ukuran apabila diungkap secara lisan, jeda (#) diletakkan pada setiap suku kata kelima dalam tiap-tiap baris. Keseimbangan ini menghasilkan patah pantun yang indah termasuk pula dengan koda yang wujud di setiap jeda pantun tersebut. Unsur bunyi pada suku kata kelima setiap baris masing-masing sama rima. Kelihatan pada pasangan bunyi dalam baris satu dan tiga iaitu bunyi [cang] pada perkataan *lancang* dan *dicencang*. Dalam baris yang sama juga kelihatan wujudnya bunyi yang serasi antara suku kata kesepuluh iaitu bunyi [-us] bagi kata *arus* dan *putus*. Begitu juga hal yang sama berlaku untuk baris kedua dan keempat pada suku kata kelima dan kesepuluh dengan masing-masing menyahut bunyi yang sama pada suku kata yang sama yakni bunyi [-ok] pada perkataan *elok* dan *dicedok* serta bunyi [-uga] untuk kata *diduga* dan *juga*. Ternyata prinsip sama ukur ini menambahkan unsur keindahan dalam pengucapan pantun yang seimbang struktur (kepanjangan) dan bunyinya (patah pantun).

Muzik Seiring Kata

Pantun yang dicipta dan dialunkan, mempunyai irama yang menaik dan menurun berserta rima yang bersilang baris. Hal ini menjadikan pantun itu menimbulkan suasana ‘muzik bahasa’ apabila dilenggokkan pengucapannya. Suasana inilah yang menjadi asas kepada penciptaan lirik lagu-lagu asli dan tradisional Melayu terutamanya. Perkara ini diperkatakan oleh (Muhammad Haji Salleh, 2006: 229):

“Dalam iramanya yang saling menaik dan menurun, berserta pula rima silang yang bermain riang, maka tidaklah menghairankan jikalau lagu-lagu Melayu, yang asli dan yang baru, memilih bentuk ini sebagai tapak liriknya. Antara semua bentuk puisi, pantunlah dapat dilihat sebagai terdekat kepada muzik.”

Bunyi-bunyi dalam pantun bukan sahaja memiliki irama vokal dan konsonan yang sama semata-mata malah saling bergema dan bersahut-sahutan dalam seluruh bait pantun terutama dalam serangkap pantun yang jelas sifat sama ukurannya. Muzik bahasa dalam pantun yang unggul adalah terdiri daripada deretan bunyi yang saling berimbangan antara setiap kata dalam pasangan baris masing-masing seperti baris satu sama unsur bunyi kata-katanya dengan baris ketiga dan begitulah juga untuk baris kedua dengan keempat. Hal ini diperikan sebagai muzik bahasa yang kompleks dan bersahut-sahutan oleh Za’ba (seperti dipetik dalam Muhammad Haji Salleh, 2006: 229):

“Dalam pantun, pertentangan bunyi yang mengelokkan itu bukanlah bunyi di hujung mesti sama sehuruf betul, melainkan bunyi yang bertentangan dan semacam itu dikehendak seku-rang-kurangnya dua dalam tiap-tiap kerat. Kalau dapat lebih daripada dua lagi baik.”

Apa yang digagaskan oleh Muhammad dan juga diperkatakan oleh Za’ba ini dibuktikan dalam pantun di bawah:

*Besar pasak dari tiang,
 Mana mungkin rumah berdiri;
 Asyik mendesak menyalahkan orang,
 Cubalah cermin diri sendiri.*

(Wan Khazim, 2006: 23)

Berdasarkan pantun di atas, nyata terdapat alunan bunyi-bunyi yang mempunyai ciri yang sama berdasarkan keseragaman suku kata dan bukannya semata-mata kesamaan huruf di belakang mahupun di tengah (patah pantun yang berjeda) perkataan pada setiap baris. Berdasarkan contoh yang ditunjukkan di atas juga, bunyi-bunyi ini saling bersahutan dan menghasilkan sejenis irama yang dikatakan sebagai muzik bahasa dalam pantun.

Bunyi suku kata [sak] dalam kata *pasak* di tengah sintaks pada baris pertama mempunyai sifat keselarian bunyi dengan suku kata [sak] juga dalam kata *mendesak* di tengah sintaks pada baris ketiga. Bukanlah hanya ada ciri kesamaan huruf 'k' pada kata-kata tersebut malah lebih kompleks daripada itu yakni melibatkan suku kata. Hal demikian samalah pada bunyi [-in] dalam suku kata 'kin' (mungkin) di tengah sintaks pada baris kedua pembayang dengan bunyi [-in] dalam suku kata 'min' dalam kata *cermin* yang terdapat di tengah sintaks pada baris keempat maksud pantun.

Hal yang sama ini juga diwakili oleh keselarian bunyi suku kata [ang] dalam perkataan *tiang* di akhir ayat pada baris pertama dan bunyi suku kata [ang] juga dalam perkataan *orang* di hujung sintaks pada baris ketiga. Tidaklah semata-mata hanya mempunyai ciri kesamaan huruf 'g' pada kata-kata tersebut malah lebih kompleks dari itu yakni melibatkan suku kata. Selain itu, samalah bunyi pada suku kata [diri] dalam perkataan *terdiri* di hujung sintaks pada baris kedua dengan perkataan *sendiri* di akhir sintaks pada baris keempat.

Nyatalah, penciptaan pantun yang menghasilkan rima a-b-a-b di hujung sintaks pada setiap baris dapat diperluas juga di kedudukan tengah sintaks pada setiap baris. Keupayaan ini menghasilkan muzik bahasa dalam pantun yang selari dan saling bersahutan ketika pantun dialunkan pengucapannya dengan bernada naik dan menurun. Keindahan pantun yang dijadikan contoh ini adalah lebih indah nilai muziknya daripada sesetengah pantun yang hanya mempunyai kesamaan muzik bahasa di hujung setiap baris walaupun mengekalkan rima akhir a-b-a-b apatah lagi jika rima akhirnya sekadar a-a-a-a.

Sesuai dan Patut

Salah satu nilai keindahan dalam karya-karya Melayu ialah bersifat 'patut' yang umumnya bererti sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal. Sifat 'patut' ini berubah erti jika digunakan dalam lapangan sastera yakni mendukung makna 'terpilih' yang mengikut kesesuaian keadaan dan kesederhanaan. Sifat pantun yang baik adalah dengan memiliki 'kesesuaian' dan 'patut' yakni tidak berlebih-lebih atau melampaui sempadan norma masyarakat Melayu. Keadaan sesuai dan patut ini mestilah mengirinkan layangan pembayang dan maksud yang tidak janggal (tidak sedap didengar, canggung, tidak laras atau tidak kena) dan kesan penyampaiannya mestilah manis yakni ditamsilkan sebagai berkonotasi baik, sopan, sedap, lemah lembut dan kena pada tempatnya.

Keadaan prinsip sesuai dan patut ini mestilah intim dengan penerimaan secara konvensional terhadap bahasa dan budaya masyarakatnya Melayu. Kesesuaian ini berkait dengan sifat kesederhanaan dan tidak berlebih-lebihan bukan sahaja dalam kepengarangan pantun malah dalam pengucapannya juga menuntut agar persembahan pantun tidak terdengar kasar, kesat atau gopoh sebaliknya harmonis. Hal ini dapat ditunjukkan dalam pantun di bawah:

*Alu bertingkah dengan lesung,
Padi tumpah ayam yang kenyang;
Kita bertelagah sama sekampung,
Asyik berbantah orang lain senang.*

(Wan Khazim, 2006: 23)

Dalam pembayang pantun di atas, dilayangkan citra alam yakni imej ayam yang kenyang setelah makan habuannya iaitu padi/ beras yang tertumpah akibat pertelingkahan (perbuatan menumbuk padi; alu menumbuk lesung) antara alu dan lesung. Manakala, pada bahagian maksudnya pula, pemantun mencitra-kan keadaan orang lain (orang asing) mendapat kesenangan akibat pertelagahan yang berlaku sesama penduduk kampung. Kesesuaian dan kepatutan itu terserlah dalam pemerian pembayang kepada maksud. Analogi fenomena ayam yang mendapat habuan padi akibat alu bertingkah dengan lesung sangat 'kena' dengan maksud pantun ini yang menyindir masyarakatnya yang secara realiti saling dan sentiasa bertelagah sesama sendiri sehingga menguntungkan orang lain. Pemantun memilih konsep analogi ini sebagai satu pendekatan yang sesuai dengan sifat orang Melayu yang melakukan teguran secara berlapik (kias/ taksa) dan berunsur sindiran. Konotasi dalam dua baris pembayang sangat akrab dengan interpretasi maksud yang dianggap sopan dan berlapik telah menepati prinsip 'manis' dalam menyampaikan makna pantun.

Demikianlah pembayang pantun itu tidaklah hanya mengutamakan bunyi yang memberi roh pada rima pantun sebaliknya memberi gambaran makna keseluruhan pantun yang sangat signifikan. Melalui pantun ini, tampak bahawa nilai keindahan yang ada itu adalah hasil kebijaksanaan pemantun dalam menggunakan teknik sindiran melalui analogi alam agar makna yang disampaikan itu difahami dan tidak menyinggung mana-mana pihak secara terang-terangan atau mengaibkan.

KESIMPULAN

Pantun-pantun yang dianalisis daripada naskah ini nyata memiliki nilai keindahan tersendiri dan daya tarikan yang estetik. Prinsip keindahan puisi yang digagaskan seperti dalam teori PSM ini ternyata bersifat holistik kerana prinsip-prinsip tersebut terbukti dapat diadaptasi terhadap pantun-pantun yang terwujud selama ini sama ada yang bersifat tradisi ataupun ciptaan baharu. Nilai keindahan itu tidaklah dimiliki secara total terhadap satu-satu rangkap pantun sebaliknya memiliki mana-mana satu atau lebih daripada satu prinsip tersebut. Pasti, pantun-pantun Wan Khazim dalam naskah BLBB (teks kajian) ini ternyata memiliki nilai keindahan yang dapat dibuktikan secara empirik bersandarkan teori. Teori PSM sangat rinci dalam mengungkap prinsip-prinsip keindahan puisi terutamanya genre pantun. Namun, tidaklah bermaksud bahawa prinsip-prinsip keindahan puisi ini hanya terpakai kepada pantun semata-mata malah boleh diaplikasikan ke atas puisi-puisi bergenre lain. Tuntasnya, pantun-pantun daripada naskah BLBB ini mempunyai nilai puitika tersendiri yang berpaksikan PSM.

RUJUKAN

- Aminudin Mansor. (2015). *Akal Budi Melayu dalam Pantun dan Sajak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holman, C.H. (1985). *A Handbook to Literature*. Edisi Ke-4. USA: ITT Bobbs-Merrill Educational Publishing Company, Inc.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Khazim. (2006). *Bukit Lagi Bintang Berkarang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wilkinson, R.J & Winstedt, R.O. (1923). *Pantun Melayu*. Edisi Ke-2. Singapura: Methodist Publishing House.

MEMBACA FIRASAT MELAYU DALAM LIRIK LAGU KEBANGSAAN, DAN LAGU NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Phat a/l Awang Deng
Universiti Utara Malaysia (UUM)
phat@uum.edu.my

ABSTRAK

Lirik yang sarat dengan makna dan rentak irama lagu yang indah boleh menjadi identiti kepada diri seseorang penyanyi dan penulis lirik, juga identiti sesebuah kumpulan, institusi, negeri ataupun negara. Hasilnya, terciptalah pelbagai lirik dan lagu sama ada yang mudah serta ringkas ataupun yang bersifat panjang dan serius itu bertujuan menggarap cita-cita, saranan, perjuangan atau kesedaran kebangsaan. Kemunculan negeri atau negara berdaulat, misalnya menjadi bukti bahawa lagu kebangsaan diterima sebagai elemen identiti yang penting. Persekutuan Tanah Melayu yang mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 telah memilih *Lagu Negaraku* sebagai lagu kebangsaan, begitu juga selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, masih mengekalkan lagu ini sebagai lambang prestij dan kedaulatan negara sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian, kertas ini akan mengenal pasti dan membincangkan makna di sebalik imej manusia atau orang (gelaran), alatan (objek), dan alam (tanah air, wilayah, atau pertiwi) dalam lirik lagu kebangsaan, lirik lagu negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan, serta Sabah dan Sarawak. Huraian data kajian di atas berlandaskan pendekatan firasat daripada pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang diharap dapat memberikan jawapan kepada kerangka pemikiran yang terserlah dalam penciptaan lirik lagu sebagai perhatian dan tumpuan. Ini kerana kesedaran, kefahaman, semangat dan penerimaan terhadap makna yang tersurat dan tersirat itu akan menjamin keutuhan unit ataupun entiti politik seperti negeri, wilayah atau negara yang lebih besar.

Kata Kunci: Firasat Melayu, Perlambangan, Lirik lagu kebangsaan, Lirik lagu negeri

PENGENALAN

Lirik lagu yang mudah serta ringkas ataupun yang bersifat panjang dan serius itu pasti menggarap pelbagai cita-cita, saranan, kemahuan, perjuangan atau kesedaran bangsa terhadap sesuatu perkara. Sejak tradisi, setiap bangsa itu pasti memiliki irama rentak, siulan atau nyanyian yang pelbagai bergantung kepada situasi dan konteks genre itu dilafazkan. Selepas era pemodenan, kewujudan kelompok masyarakat atau negara bangsa yang jelas, lagu (termasuk lirik) digubah serta diguna pakai sebagai tanda atau identiti yang berasingan (berdaulat) berbanding kelompok bangsa atau negara yang lain. Kesedaran, kefahaman, semangat dan penerimaan terhadap makna yang tersurat dan tersirat itu diharap membina keutuhan atau entiti politik seperti negeri, wilayah atau negara yang lebih besar.

Oleh yang demikian, dalam lagu kebangsaan sesebuah negara atau negeri kelihatan menggunakan bahasa yang bergaya untuk mengungkapkan makna yang padat dalam larik puisi yang dipersetujui atau dikongsi oleh semua warga entiti politik itu. Kesegaran dan kepadatan makna yang polos, prismatik atau kabur mungkin menebarkan erti ketika diinterpretasi, atau sebaliknya lirik berkenaan semata-mata didendangnyanyikan tanpa penghayatan yang serius. Bagi tujuan merungkai makna, kandungan atau saranan dalam sesebuah lirik itu, kertas ini akan mengenal pasti dan membincang beberapa aspek penanda dan petanda yang berhubung kait dengan hal-hal kenegaraan.

FIRASAT DALAM LIRIK LAGU KEBANGSAAN DAN LAGU-LAGU NEGERI DI MALAYSIA

Identiti sesebuah negara merdeka seperti nama kota, bahasa, bendera, bunga kebangsaan, dan lagu kebangsaan jelas mempunyai makna yang tersendiri – sekurang-kurangnya ia sesuai dengan interpretasi, pemahaman atau pentafsiran makna khusus oleh setiap warganegara itu sendiri. Setiap satunya menjadi satu tanda identiti yang diharus dikongsi secara keseluruhan oleh sebuah negara bangsa itu. Misalnya, bendera negara (Jalur Gem-

ilang) atau bunga kebangsaan (bunya raya) seharusnya selalu mengingatkan setiap rakyat Malaysia kepada hal-hal perjuangan, persetujuan dan pemersatuan yang mereka lakarkan seawal penubuhan sebuah negara yang berdaulat. Bagi menyegar kembali nostalgia persefahaman atau persetujuan itu, analisis lirik lagu kebangsaan dan lagu negeri-negeri akan diperkatakan dalam kerangka pendekatan firasat, agar makna tertentu dalam lirik berkenaan dihayati.

Hal ini kerana pemilihan dan penggunaan pelbagai bentuk bahasa khasnya dalam “hasil kesusasteraan mempunyai timbal balik dengan kebudayaan dan masyarakat sesuatu bangsa. Hasil sastera boleh menjadi cermin masyarakat sesuatu bangsa pada satu-satu ketika tertentu.” (A. Wahab Ali, 2004, hlm. 13). Menurut Che Abdullah Che Ya (2018), “sifat-sifat masyarakat Melayu yang unik, kreatif dan akrab dengan alam menimbulkan semacam kepekaan dan sensitiviti terhadap segala kejadian di sekitar mereka. Melalui kepekaan tersebut tercetuslah hasil-hasil karya sastera dan seni yang halus dan indah.” (hlm. 330). Hal ini selaras dengan pandangan Hashim Awang (1989) yang menyatakan unsur atau fenomena alam, flora fauna, objek tertentu juga samalah seperti sebuah karya sastera yang perlu ‘diselidiki’ untuk mengerti makna yang tersirat. Sastera umpama mimpi yang perlu ditafsir – untuk mendapatkan makna; demikian juga genre sastera seperti prosa dan puisi yang dihasilkan dengan pelbagai tujuan. Dalam kajian oleh Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016), misalnya menjelaskan bahawa “padi berperanan sebagai tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan, pembinaan akhlak yang baik dan sumber rezeki dalam beberapa peribahasa Melayu.” (hlm. 26). Oleh yang demikian, penggunaan padi dalam bendera atau jata negeri pasti mempunyai makna yang sama atau hampir sama, selain merujuk padi sebagai hasil keluaran atau produk, khasnya bagi beberapa negeri di Malaysia.

Pemerintah Sebagai Pusat Kuasa

Pembentukan sebuah negeri atau negara pada peringkat awal sering kali menunjukkan peranan dan kedudukan raja, atau sultan sebagai pemimpin yang mengilhamkan idea agar pengikutnya mendiami sesuatu lokasi itu. Dengan kebijaksanaan raja atau sultan, sesebuah kerajaan itu berkembang menjadi negara kota yang besar atau penting selepas itu. Pelbagai faktor dalaman dan luaran selepas itu menentukan kerajaan itu bertahan, atau berganti pada ruang dan waktu yang berbeza-beza. Dalam konteks negara moden, Malaysia dibentuk hasil gabungan beberapa buah negeri Melayu ketika merdeka sebagai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, dan disatukan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Kelangsungan ini menunjukkan raja atau sultan memainkan peranan yang penting bukan sahaja sebagai pemimpin di belakang tabir dalam gerakan politik, tetapi juga sebagai pusat tumpuan perpaduan atau simbol penyatuan serta kekuatan rakyat jelata. Dalam baris lirik *Lagu Negaraku* (Portal Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat, t.t), kata ‘raja’ diungkapkan pada hujung rangkap pertama, hujung rangkap kedua, misalnya baris “Raja kita/ selamat bertakhta.” Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk pada tahun 1957 itu ternyata memberikan kedudukan kepada kepentingan gabungan entiti politik yang berasingan ke dalam suatu ikatan rasmi, walaupun setiap negeri mempunyai kuasa dalam hal-hal tertentu di bawah peruntukan kuasa kerajaan negeri.

Oleh itu, lirik lagu kebangsaan kelihatan terlebih dahulu menyentuh soal taat setia kepada negara. Rakyat keseluruhan, tanpa mengasingkan mereka mengikut negeri, atau asal keturunan disarankan untuk menumpah taat setia kepada tanah kelahirannya, sesuai dengan baris “Negaraku/ Tanah Tumpahnya darahku/ Rakyat hidup/ Bersatu dan maju.” Dengan itu, ketaatan kepada negara jelas diberikan kepentingan mengatasi hal-hal lain.

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja Kita
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia
 Tuhan kurniakan
 Raja Kita
 Selamat bertakhta

Selain lirik lagu *Negaraku*, setiap negeri juga mempunyai lagu kebesaran masing-masing. Oleh itu, penggunaan kata ‘raja’ atau ‘sultan’ lebih terserlah, Penggunaan kata ‘raja’, ‘sultan’, ‘bawah duli tuanku’, ‘Duli Yang Maha Mulia’, dan ‘Yang Dipertuan Besar’, ‘Jamalullail’ dalam lirik lagu negeri-negeri di Malaysia menunjukkan bahawa panggilan ini bukan sahaja bermakna diri raja atau sultan yang memerintah semata-mata. Ini kerana secara tersirat ungkapan atau kata berkenaan merujuk pusat kuasa dan harapan rakyat jelata. Masyarakat meletakkan pengharapan yang tinggi agar ‘sultan’, ‘raja’ atau ‘sistem’ itu berkekalan, iaitu raja ialah rakyat, dan rakyat itu mendokong raja. Oleh itu, keutuhan kepada ‘janji’ antara rakyat dengan raja atau pemimpin yang melengkapinya antara satu sama lain.

Dalam lirik lagu rasmi negeri Perlis, misalnya diungkapkan “Amin amin Ya Rabbajalil/ doa hamba yang sangat zalil/ Tinggikan daulat serta adil/ Kekal perintah Jamalullail.” (*UniMAP Official Song*, t.t), dan baris “Kekal perintah Jamalullail” dalam lirik berkenaan tidak lagi merujuk seorang raja secara peribadi, tetapi seluruh sistem yang mengungguli kerajaan itu. Menerusi lirik lagu berjudul “Allah Lanjutkan Usia Sultan” (lagu rasmi negeri Perak), pula diungkapkan baris “Dilanjutkan Allah usianya Sultan/ Adil dan murah memerintah watan/ Ditaati rakyat kiri dan kanan.” (*Negeri Perak*, t.t). Kata ‘sultan’ dalam lirik lagu jika diteliti secara keseluruhan rangkap lagu akan merujuk kepada makna sebagai sebuah negeri atau rakyat secara keseluruhan, selari dengan baris akhir lagu yang berbunyi “Allah selamatkan Negeri dan Sultan.” Manakala dalam lirik Lagu Kebesaran Negeri Terengganu diungkapkan baris-baris lirik, iaitu “Allah daulatkan Tuanku Sultan/ Allah peliharakan Tuanku Sultan/ Allah rahmatkan Tuanku Sultan” (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu, t.t) dalam enam baris lagu berkenaan. Dalam lirik “Lagu Selamat Sultan” (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, t.t) pula rakyat Kelantan digambarkan menumpahkan taat setia kepada sultan melalui petikan baris berikut, misalnya:

Lanjutkan usia Al-Sultan kami
 Sultan Kelantan raja ikrami
 Aman sentosa Tuhan sirami
 Kekal memerintah kami

Hal ini menunjukkan bahawa pemerintah, iaitu raja atau sultan dianggap sebagai mewakili kelangsungan negeri, rakyat akan mendoakan ‘keselamatan’ atau keberadaan institusi berkenaan sebagai perisai atau pelindung ketika rakyat memerlukan perlindungan atau pembelaan.

Walaupun sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan kini menjadi asas kenegaraan, tetapi ‘sistem’ beraja masih mempunyai ‘kekuatan’ yang tersendiri. Raja dan rakyat masih bertautan rapat, raja masih menjadi ketua agama Islam, asas kehidupan masyarakat Melayu di negara ini. Oleh itu, raja masih relevan ‘memelihara’ rakyat dan negeri atau negara dalam konteks yang khas. Raja bukan lagi peribadi tertentu – atau hanya mewakili orang Melayu sahaja – sebaliknya menaungi semua warganegara dalam negeri atau persekutuan. Hasilnya, perkataan yang merujuk raja atau sultan dalam baris-baris lirik lagu akan mengangkat atau mengaitkan baginda dengan kedudukan, dan kedaulatan sesebuah negeri.

Mahkota dan Takhta, Kedaulatan dan Kestabilan

Selain penggunaan kata atau ungkapan berkaitan ‘raja’ atau ‘sultan’ dalam lirik lagu kebesaran negeri, lagu kebangsaan juga menyentuh alat yang menjadi lambang kebesaran seseorang raja sebagai suatu tanda. Mahkota dan takhta merujuk kedaulatan dan kebesaran seseorang raja, sultan atau pemerintah bersama-sama alatan kebesaran seperti Cogan Alam, Cogan Agama, Keris Panjang Diraja, Sundang Diraja, pedang, cokmar, dan lain-lain (Portal Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, t.t), khasnya digunakan ketika istiadat atau sambutan upacara kebesaran negeri ataupun negara. Kehadiran objek ini menandakan ‘keabsahan kuasa’ (sekurang-kurangnya berdasarkan Perlembagaan Persekutuan) atau

kedudukan lain yang diperuntukkan oleh undang-undang negeri. Sejak tradisi, kelengkapan ini digunakan ketika raja menerima menghadap pembesar atau rakyat jelata, peralatan ini juga sebagai lambang kepada diri raja atau sultan. Oleh itu, beberapa lirik lagu negeri mengungkapkan kata mahkota dan takhta bagi memakna kedudukan dan kedaulatan raja atau sultan serta negeri.

Beberapa lirik lagu juga menggunakan dua lambang kebesaran di-raja ini sebagai lambang kepada kedudukan atau keutuhan ‘sistem’ yang melingkari sekian rakyat. Institusi raja dan kerajaan yang saling melengkapi diharap memberikan jaminan rasa selamat dan keadaan negara yang kekal berdaulat dan merdeka. Oleh itu, baris “Allah selamat Sultan mahkota/ Berpanjangan usia di atas takhta” dalam lirik lagu “Allah Selamat Sultan” (Laman Web Rasmi Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, t.t) menjelaskan kedudukan penting atau keberadaan sistem raja berperlembagaan itu. Dalam Lagu Rasmi Negeri Selangor (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, t.t.) misalnya, mengungkapkan kata ini pada baris kedua lirik lagu, iaitu:

Duli Yang Maha Mulia
Selamat Di Atas Takhta
Allah Lanjutkan Usia Tuanku
Rakyat Mohon Restu
Bawah Duli Tuanku
Bahagia Selamanya-Lamanya
Aman Dan Sentosa
Duli Yang Maha Mulia

Berdasarkan larik-larik lagu kebesaran negeri Kedah dan Selangor, didapati peralatan kebesaran seperti takhta dan mahkota itu merujuk kekuatan dan kedaulatan raja-raja Melayu yang menunjangi kewujudan dan kestabilan negara ini. Kedudukan raja atau pemerintah pada tempat yang sesuai, pada tempat yang tinggi, akan bermakna kestabilan politik yang menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Oleh itu, segala isu perpaduan, perbezaan fahaman politik, perkauman, budaya dan agama tidak berbangkit kerana semua rakyat menerima ‘kuasa’ pada sistem dan institusi yang menaungi diri mereka.

Tanah Air, Watan dan Wilayah Kita

Kedudukan muka bumi sama ada di persimpangan muara sungai, laluan laut atau lembah perbukitan yang strategi sebagai benteng pertahanan selalunya dipilih sebagai kota sesebuah kerajaan. Oleh itu, ungkapan seperti tanah air, tanah tumpah darah, watan atau wilayah kerap kali muncul untuk merujuk asal negeri atau negara seseorang itu. Pembentukan sesebuah negara bangsa yang menggabungkan pelbagai rupa wajah bangsa, budaya dan agama sememangnya menghadapi pelbagai kesukaran. Namun, kekuatan dan kemahuan politik akhirnya berjaya menyatupadukan negara ini ke dalam suatu entiti kebangsaan yang kukuh sehingga ke hari ini. Melalui medium seperti lagu negeri dan lagu kebangsaan, misalnya rakyat negara ini dipupuk kesetiaan dan kesanggupan mereka untuk memahami antara satu sama lain. Kesediaan orang Melayu menerima kehadiran kaum lain sebagai warganegara, dan pengiktirafan hak penduduk peribumi telah dipersetujui ketika pengistiharan kemerdekaan akhirnya mewujudkan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu, hal-hal berkaitan bahasa, budaya kesenian Melayu dijadikan asas sebagai landasan menentukan polisi atau dasar-dasar negara sehingga kini. Penerimaan dan kesetiaan setiap warganegara kepada tanah air ini mengatasi kepentingan kelompok yang sempit.

Penelitian terhadap lirik lagu kebangsaan dan lagu kebesaran negeri menunjukkan kepada umum bahawa negara menjadi tempat yang melindungi, memberikan teduhan kesejahteraan dan keselamatan, ruang mencari kehidupan, rezeki dan kemewahan. Berpandukan baris lirik lagu kebangsaan, misalnya menyebut “Negaraku/ tanah tumpahnya darahku/ rakyat hidup/ bersatu dan maju/ rahmat bahagia/ Tuhan Kurniakan” menjelaskan makna di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Tempat kelahiran (tanah tumpahnya darahku), dan pertiwi yang akan dipertahankan (tumpahnya darahku – dalam konteks mempertahankan kedaulatan sekiranya berhadapan dengan musuh) sampai ke akhir hayat.

Selain lirik lagu kebangsaan, beberapa lirik lagu kebesaran negeri juga mengungkapkan kata atau ungkapan tanah air, bumi, watan, dan pertiwi sebagai tanda taat setia setiap warga. Misalnya dalam lirik lagu negeri Pulau Pinang (Official Portal Penang State Government, t.t) yang menyebut “Negeriku yang mulia/ Kutaat dan setia/ Aman dan Bahagia.” Kesetiaan kepada negeri diserlahkan melalui kata atau ungkapan seperti wilayah, bumi, tempat tumpah darah kita, dan sebagainya. Manakala Wilayah Persekutuan, pula menyebut atau mengulangi kata “wilayah’ sebanyak empat kali dalam lirik lagu *Maju dan Sejahtera* (Portal Rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur: Agensi Kementerian Wilayah Persekutuan, t.t), misalnya dalam rangkap pertama dan kedua di bawah:

Inilah Wilayah Bumi Yang Bertuah
Maju Membangun Dijulang Megah
Aman Sentosa Di Sepanjang Masa
Teguh Disemai Sentiasa

Membara Semangat Setiap Warganya
Cergas Minda Semangat Waja
Pada Wilayah Ditumpah Setia
Hormat Hormati Penuh Mesra

Sementara dalam rangkap seterusnya disebut bahawa “Bersatulah/ Berbaktilah /Semua Warga Wilayah/ Sayangilah /Lindungilah / Sepenuh Jiwa Raga, rangkap keempat, “Kita Jaga Keharmonian Semua/ Maju Sejahtera/ Wilayah Persekutuan.” Manakala lagu *Melaka Maju Jaya* (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, t.t) pula menyebut dalam rangkap pertama “Melaka negeri bersejarah/Tempat tumpah darah kita/ Dijunjung dengan sepenuh jiwa/ Untuk maju dan jaya.” Hal ini menunjukkan bahawa ‘tanah tumpah darah kita’ digunakan sebagai merujuk tempat atau wilayah yang ditumpahkan kesetiaan tanpa mengira sesiapa sahaja sebagai warganya. Kesetiaan kepada negeri akan menjamin kemakmuran, kepentingan negeri mesti dipelihara oleh setiap rakyatnya. Sementara lagu *Sabah Tanah Airku* (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, t.t) pula, menggarap bahawa tenaga muda, generasi mendatang, sesiapa sahaja perlulah bersatu padu, berat sama dijunjung dalam setiap perkara, diungkapkan dalam rangkap pertama:

Sabah tanahairku,
Negeri kita yang tercinta,
Pemuda-pemudi semua marilah,
Bangunlah bersatu semua.

Sementara lirik *Lagu Kebangsaan Negeri Sarawak* (Laman Web Jabatan Ketua Menteri Sarawak) dimulakan dengan baris “Sarawak Tanah Airku/ Negeriku Tanah Airku Sarawak” jelas menggambarkan sa-ranan, dan terasa nada patriotik atau seruan peringatan bahawa wilayah ini perlu diberikan kepentingan dan kedudukan yang sesuai oleh setiap rakyat Sarawak.

Sarawak Tanah Airku,
Negeriku Tanah Airku Sarawak,
Engkaulah tanah pusakaku,
Tanah tumpah darahku,
Ibu pertiwiku.

Beberapa larik lagu di atas menunjukkan bahawa Sarawak memberikan kesedaran atau mengajak setiap rakyat melihat tanah berkenaan sebagai wilayah yang perlu diberikan keutamaan dalam segala persoalan. Tanah pusaka berkenaan dalam baris “Negeriku Tanah Airku Sarawak/ Engkaulah tanah pusakaku” harus dipelihara, dikagumi dan dihargai. Segala kepentingan negeri itu mestilah dipertahankan oleh warga kerana tanah itu, “tanah tumpah darahku”, dan “ibu pertiwiku” yang menjamin atau melindungi setiap rakyat negeri itu.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian, didapati lirik lagu kebangsaan atau lagu kebesaran bagi negeri yang mempunyai institusi raja atau sultan akan mengungkapkan kata atau baris berkaitan institusi ini sebagai tumpuan taat setia. Kedudukan atau keadaan negeri disertakan secara tidak langsung kerana raja atau sultan dalam lirik-lirik berkenaan kelihatan mewakili makna sebuah negara. Keadaan seperti terserlah dalam lirik lagu kebangsaan yang juga menyebut raja atau pemerintah pada bahagian akhir. Dalam konteks yang lebih luas, lagu itu mengajak rakyat agar memberikan perhatian utama kepada negara. Selain kata atau ungkapan tentang institusi raja atau sultan, lirik lagu kebesaran negara dan negeri juga menggarap objek kebesaran seperti takhta atau mahkota sebagai tanda kebesaran dan kedaulatan. Walau bagaimanapun, keadaan kelihatan berbeza bagi negeri yang seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh gabenor atau seorang menteri. Gambaran tentang tanah air, pertiwi, tanah airku, tanah tumpah darahku digunakan merujuk tanda kesetiaan dan kedaulatan rakyat dalam setiap wilayah berkenaan.

Penghargaan

Kertas kerja ini sebahagian daripada *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan rujukan kod FRGS/1/2019/WAB04/UUM/02/1, Universiti Utara Malaysia.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. (2004). *Kesusasteraan Melayu moden dalam kajian dan kritikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Laman Web Jabatan Ketua Menteri Sarawak. (t.t). *Lagu kebangsaan negeri Sarawak*. Dipetik daripada https://jkm.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?mod=video_gallery&sub=video_gallery_detail&menu_id=0&sub_id=79&id=1
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (t.t). *Sabah tanah airku*. Dipetik daripada <https://www.sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/lagu-lagu-patriotik>
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, (t.t). *Lagu selamat sultan*. Dipetik daripada <http://www.kesedar.gov.my/audio>
- Negeri Perak. (tt). *Allah lanjutkan usia sultan*. Dipetik daripada <https://www.facebook.com/tvperak2020/videos/tv-perak-lagu-rasmi-negeri-perak-darulridzuan/364477421495419/>
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). Padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 26-49.
- Official Portal Penang State Government. (t.t). *Lagu negeri kita*. Dipetik daripada <https://www.penang.gov.my/index.php/en/25-general/info-penang-g-lambang-bendera-lagu/33-lagu>
- Portal Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, t.t). *Alat kebesaran di-raja*. Dipetik daripada [AlatKebesaranDirajaPortalRasmi \(istananegara.gov.my\)](http://AlatKebesaranDirajaPortalRasmi.istananegara.gov.my)
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka. (t.t). *Melaka Maju Jaya*. Dipetik daripada <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-melaka/lagu-negeri>
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor. (t.t). *Lagu rasmi Negeri Selangor*. Dipetik daripada <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/3777?mid=980>

[Portal Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat. \(t.t\). *Negaraku*](#). Dipetik daripada [Portal Rasmi PDT Kuala Langat NEGARAKU \(selangor.gov.my\)](#)

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. (t.t). *Lagu kebesaran negeri*. Dipetik daripada <http://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/kerajaan/mengenai-terengganu/lagu>

UniMAP Official Song. (t.t). *Lagu rasmi negeri Perlis*. Dipetik daripada <https://www.unimap.edu.my/index.php/en/unimapinfo/corporate-info/unimap-officialsong?for mat =amp>

ANALISIS KARAKTER NEGATIF “SUNEO” DALAM KARYA ANIMASI “DORAEMON” JEPUN

Zeety Kartini Abdul Hamid
Universiti Utara Malaysia (UUM)
kartini@uum.edu.my

Zaleha Mat Aman
Universiti Malaysia Perlis(UniMAP)
zaleha.m@unimap.edu.my

Yuzairi Abdul Rahim
Universiti Malaysia Perlis(UniMAP)
yuzairi@unimap.edu.my

ABSTRAK

Anime atau animasi Jepun merupakan satu cabang hiburan popular yang diadaptasikan daripada komik Jepun, drama, permainan komputer, penceritaan budaya seperti cosplay dan sebagainya. Di Malaysia, bermula dari tahun 1990an, animasi Jepun ini mula menjadi salah satu karya hiburan popular di media massa. Salah satu animasi yang paling dikenali adalah animasi Doraemon. Animasi Doraemon ini menjadi siri televisyen di lebih dari 30 buah negara termasuk Malaysia. Karakter yang terkenal dalam siri animasi Doraemon ini adalah Doraemon, iaitu robot kucing yang dihantar dari masa hadapan untuk membantu Nobita. Nobita Nobi atau dikenali sebagai Nobita, iaitu budak yang selalunya dibuli. Takeshi Goda atau dikenali sebagai ‘Giant’, salah seorang yang suka membuli Nobita. Seterusnya, Suneo Honekawa, pengikut setia Giant. Walaupun terdapat ciri-ciri positif pada setiap karakter, ciri-ciri negatif lebih menyerlah dalam animasi Doraemon ini. Kertas kerja ini memilih karakter Suneo untuk dikaji dan dianalisis ciri-ciri negatif yang tersirat. Kaedah kualitatif dimanfaatkan untuk menganalisis data secara deskriptif. Hasil penelitian terhadap karakter Suneo ini memperlihatkan Suneo ini mempunyai identiti dan imej tersendiri yang sebenarnya melambangkan ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat sekarang seperti angkuh dan bangga diri, pandai memuji demi kepentingan sendiri, pandai bertahan dalam meneruskan kelangsungan hidup dan sebagainya. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi pengajaran dan kesedaran pada masyarakat dalam menilai karakter dalam setiap hiburan yang ditonton.

Kata kunci: animasi Jepun, pengaruh animasi, analisis karakter

PENGENALAN

Drama dan teater boleh dijadikan sebagai salah satu daripada media yang digunakan dalam menyampaikan mesej yang penting kepada masyarakat seperti kesedaran nasionalisme, integriti dan perpaduan. Termasuk juga siri animasi. Kebiasaannya mesej yang disampaikan adalah melalui watak yang dicipta selain daripada jalan cerita yang diolah oleh pengarang itu sendiri. Watak akan berperanan sebagai penggerak cerita dan secara tidak langsung akan menyampaikan mesej melalui perwatakan yang telah ditetapkan oleh pengarang. Sesuatu watak yang dicipta dapat menjadi gambaran ataupun perlambangan kepada sesuatu masyarakat atau individu seperti yang dinyatakan oleh Sanoda (2007), iaitu watak dan perwatakan yang diwujudkan oleh pengarang dalam sesebuah cerita boleh menjadi ikon dan perlambangan terhadap masyarakat sebenar. Keadaan ini seterusnya akan membantu pengkaji dalam melakukan kajian ke atas watak dan perwatakan untuk mengetahui mesej sebenar yang tersirat disebalik watak-watak yang digunakan. Ini akan memudahkan lagi pemahaman terhadap mesej yang ingin dibawa oleh sesuatu watak. Ini kerana watak merupakan penggerak dalam sesebuah cerita dan sekaligus membawa mesej yang tersendiri. Nilai-nilai positif ialah nilai yang baik untuk diamalkan oleh masyarakat. Namun sekiranya terdapat nilai yang negatif di-

paparkan melalui satu rancangan ditujukan kepada kanak-kanak, bagaimanakah nilai-nilai negatif ini akan mempengaruhi kanak-kanak dalam membentuk pemikiran mereka yang dirisaukan, kerana nilai-nilai ini akan meresapi diri mereka tanpa disedari.

ANIMASI JEPUN

Sejarah Animasi Jepun

Sejarah anime atau animasi telah bermula sejak abad ke-20 lagi, apabila pembuat filem orang Jepun menguji kaji dengan teknik animasi yang telah diterokai oleh Barat. Animasi Jepun yang pertama dihasilkan pada tahun 1917 namun sebilangannya adalah diadaptasikan oleh kartun asing, seperti siri Felix the Cat, kebanyakannya adalah peniruan cerita rakyat barat dalam gaya seni tradisional Jepun. Semasa tahun 1970-an, animasi Jepun telah berkembang dengan lebih jauh dan mula berpisah daripada pengaruh animasi Barat seperti Lupin III dan Mazinger Z. Beberapa pembuat filem animasi menjadi terkenal dalam era ini terutamanya Miyazaki Hayao dan Oshii Mamoru. Pada tahun 1980-an, animasi telah mula diterima oleh masyarakat Jepun dengan kemunculan animasi-animasi popular seperti Gundam, Macross, Dragon Ball, dan Real Robot dan mendapat sambutan dan penerimaan yang tinggi.

Animasi Doraemon

Animasi Doraemon adalah karya tulisan dan lakaran daripada Fujio Fujiko yang berkisarkan kepada kisah robot kucing tanpa telinga bernama Doraemon. Doraemon telah mengembara dari abad ke-22 untuk menolong seorang budak lelaki bernama Nobita Nobi, atau dikenali sebagai Nobita. Animasi ini adalah adaptasi daripada siri manga Doraemon yang mula diterbitkan pada Januari 1970. Siri animasi ini telah ditayangkan pada tahun 1973 oleh Nippon Television dalam tempoh yang singkat sehingga tahun 1979, ia mula ditayang semula oleh Shin-Ei Animation (sekarang dimiliki oleh TV Asahi). Siri ini berakhir dengan 1,787 episod pada 25 Mac 2005.

Animasi Doraemon ini menjadi siri televisyen di lebih dari 30 buah negara termasuk Malaysia. Karakter yang terkenal dalam siri animasi Doraemon ini adalah Doraemon, iaitu robot kucing yang dihantar dari masa hadapan untuk membantu Nobita. Nobita Nobi atau dikenali sebagai Nobita, iaitu budak yang selalu dibuli. Takeshi Goda atau dikenali sebagai 'Giant', salah seorang yang suka membuli Nobita. Seterusnya, Suneo Honekawa, pengikut setia Giant.

Pengaruh Animasi

Populariti animasi Jepun semakin meningkat seiring dengan kepesatan teknologi. Animasi dari Jepun ini juga telah menjadi satu fenomena di seluruh dunia kerana terdapat pelbagai genre yang digemari bukan sahaja dari kanak-kanak, remaja hinggalah dewasa. Namun, dari kajian Norafian Yusof et al. (2018), didapati perbezaan nilai akhlak, adab dan budaya yang berbeza dikhuatiri menjadi penyebab kepada salah satu faktor keruntuhan akhlak di kalangan remaja kerana terdapatnya unsur-unsur keganasan, seks, khayalan dan tahyul yang boleh merosakkan fikiran dan meracuni sikap remaja yang akhirnya boleh menjerumus kepada permasalahan sosial.

Analisis karakter dari animasi Jepun juga banyak dijalankan untuk menilai kesan-kesan positif dan negatif dalam memberi pengajaran dan kesedaran pada masyarakat dalam menilai karakter-karakter yang digemari. Bagi penilaian kesan positif karakter, sebagai contohnya, kajian yang dilakukan oleh Roslina Mamat et al. (2014) boleh dijadikan rujukan. Kajian ini merupakan hasil temu bual terhadap pelajar di dua buah sekolah menengah di negeri Selangor, Malaysia. Sebelum dipilih, pelajar ini disaring terlebih dahulu melalui kertas kaji selidik. Seramai 34 orang pelajar terlibat dalam temu bual ini dan kesemuanya merupakan peminat 'fanatik' animasi dan manga Jepun. Hasil kajian mendapati terdapat lima ciri utama dalam karakter animasi yang digemari iaitu, berani, bekerja keras, memiliki sifat lawak (humor), menghargai sesuatu perhubungan serta mempunyai kebolehan istimewa.

Namun, dalam kajian ini, walaupun terdapat ciri-ciri positif pada setiap karakter, ciri-ciri negatif lebih menyerlah dalam animasi Doraemon, dan kertas kerja ini memilih karakter Suneo untuk dikaji dan dianalisis dari segi ciri-ciri negatif yang tersirat. Ciri-ciri ini diklasifikasikan ke arah kelakuan sosial negatif yang dimiliki oleh Suneo.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Melihat karakter negatif oleh watak Suneo dalam siri animasi Doraemon.
2. Menganalisis karakter negatif Suneo dalam siri animasi Doraemon.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang mempunyai persamaan dalam menilai sifat-sifat negatif daripada karakter animasi Jepun seperti kajian ini.

Kajian yang dilakukan oleh Putri Leni (2016) mengenai penilaian sifat-sifat setiap watak karakter dalam animasi Kuroko no Basuke. Kuroko no Basuke merupakan animasi yang menceritakan tentang kelab bola keranjang Kiseki no Sedai (generasi keajaiban), yang setiap pemainnya memiliki warna rambut yang berbeza-beza. Kajian telah merumuskan sifat-sifat karakter yang berbeza ini diwakili oleh warna rambut yang berbeza tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui makna warna rambut karakter-karakter dalam animasi ini. Berdasarkan analisis, disimpulkan bahawa ikon yang terdapat dalam animasi ini iaitu terdapat 7 ikon warna rambut yang berbeza. Simbol dari makna warna menurut masyarakat Jepun dalam animasi ini terdapat 7 simbol karakter yang berbeza iaitu Kuroko Tetsuya yang diwakili warna biru bermakna setia kawan, kekuatan dan ketenangan. Kagami Taiga yang diwakili warna merah kehitaman bermakna berani, bersemangat dan menyukai tentangan. Kise Ryouta diwakili warna kuning bermakna ceria dan lawak. Midorima Shintaro yang diwakili warna hijau bermakna selalu memegang prinsip, suka menasihati orang dan memiliki keinginan yang tinggi. Atsushi Murasakibara yang diwakili warna ungu bermakna sombong dan angkuh. Seijiro Akashi diwakili warna merah bermakna sebagai orang yang berani dan siap sedia untuk menghadapi tentangan dan tidak ragu-ragu dalam memperjuangkan keyakinannya. Akhir sekali, Aomine Daiki yang diwakili warna biru tua bermakna kekuatan, keras kepala dan berbangga diri.

Kajian oleh Aisyah Shabrina (2020) pula membincangkan ciri dan cita-cita Uchiha Itachi dalam animasi Naruto Shippuuden karya Kishimoto Masashi. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menggambarkan pencirian dan cita-cita watak Uchiha Itachi yang kelihatannya dapat mengekalkan keamanan desa Konoha sebagai pencetus konflik dan membantu menyelesaikan konflik dalam jalan cerita animasi Naruto Shippuuden melalui teori pencirian dan cita-cita. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, Sumber data penyelidikan ini adalah dua belas episod animasi Naruto Shippuuden yang banyak mengisarkan watak Uchiha Itachi walaupun watak itu bukan watak utama animasi tersebut. Hasil kajian ini adalah gambaran watak Uchiha Itachi dan gambaran cita-cita watak Uchiha Itachi untuk mengekalkan keamanan desa Konoha yang dipengaruhi oleh beberapa faktor dan cita-cita buruk. Cita-cita dalam erti kata negatif boleh disebabkan oleh mentaliti yang negatif. Cita-cita pada manusia adalah baik, cita-cita menjadi buruk kerana berpegang pada mentaliti yang buruk, iaitu egoisme (mementingkan diri sendiri); perfeksionisme (mementingkan yang terbaik sahaja); dan ketagihan kerja (workaholic).

Perkembangan media menjadikan animasi yang dulu hanya dianggap sebagai hiburan untuk kanak-kanak, kini berubah dengan pelbagai bentuk. Dalam kajian karakter Monokuma dalam animasi Franchise Series “Danganronpa” oleh Daniel Kurniawan (2019), konteks positif dalam watak seperti Monokuma, penonton dapat belajar tentang keganasan dan intimidasi. Dari sudut pandangan yang berbeza, animasi ini memberikan khayalan terhadap guru sekolah dalam konteks kekuasaan. Kuasa tinggi dapat disalahgunakan dengan menyebarkan ancaman dan keganasan. Dalam konteks watak, siri Danganronpa mampu menampilkan watak Monokuma sebagai watak yang bertentangan. Susunan visualnya yang comel tetapi mempunyai watak penentang. Ini diperkuat oleh dialog dan falsafah yang dipegang oleh watak-watak ini. Dari sudut pandangan

penyelidik, animasi, walaupun bersifat hiburan, mempunyai potensi yang luas untuk memberikan pandangan tentang ideologi tertentu untuk penonton. Animasi juga dapat menjadi alternatif untuk menyampaikan mesej moral dan juga kritikan terhadap keadaan tertentu. Dalam kes ini, watak Monokuma adalah kritikan terhadap kekuasaan tinggi yang tidak baik, yang dapat menyebarkan keganasan dan intimidasi.

Daripada kajian-kajian lepas, kita dapati memang terdapat karakter-karakter yang dibawa dalam animasi Jepun mempunyai pengaruh yang negatif yang boleh memberi kesan tanpa sedar kepada penonton-peonton yang tegar animasi Jepun

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kualitatif dimanfaatkan untuk menganalisis data secara deskriptif.

Pengumpulan Data

Data dikumpul dengan meneliti beberapa episod siri animasi Doraemon. Kajian kemudiannya dibuat dengan cara menonton, memahami dan menganalisis setiap adegan yang memaparkan karektor Suneo. Setelah itu, adegan-adegan ini akan disunting daripada siri yang panjang itu, disimpan berasingan dan direkodkan. Seterusnya dialog-dialog yang diucapkan oleh karektor Suneo yang memaparkan aspek-aspek negatif Suneo ini akan dianalisa.

Data analisis

Terjemahan dan analisa deskriptif

1. Video 1 & 2: Sikap Sombong/Angkuh dan menunjuk-nunjuk

Video 1: Episod Suneo Yang Berlagak Sombong



Video 2: Episod Meluncur Salji



1.1 Terjemahan Secara Kolektif

Video 1: “Halaman rumah saya memang luas. Kami tanam banyak pokok dan bunga mengikut musim. Jadi kami dapat merasakannya melayani pemandangannya. Tak sama pulak dengan rumah orang tu. Laman kecil macam rumah kucing. Memang mustahil nak dapat rasa perbezaan setiap musim kan...”

Video 2: “Esok saya nak pergi meluncur ski. Hahaha sebab tu la saya malas nak cakap dengan orang yang tak pernah pergi. Kalau awak nak tahu esok saya akan naik kapal terbang. Dan akan pergi ke Umidake, Hokkaido. Sana tak ramai orang. Boleh la saya main sepuas hati. Tapi tempat tu mahal. Jadi orang macam awak mustahil la nak pergi..”

1.2 Analisa Deskriptif

Suneo sememangnya dilahirkan sebagai anak orang kaya. Watak Suneo dalam animasi Doraemon sering digambarkan dengan tabiat yang sombong, angkuh, berlagak dan suka mempamerkan atau menunjuk-nunjuk harta kekayaan keluarganya di hadapan Nobita dan rakan-rakannya yang lain setiap kali memiliki dan memperoleh sesuatu. Oleh kerana itu, Nobita selalu meminta pertolongan daripada Doraemon untuk bersaing dengan Suneo. Sikap sombong, angkuh dan menunjuk-nunjuk adalah sikap yang tidak patut dicontohi oleh semua lapisan masyarakat. Sikap ini adalah sikap tercela yang dibenci oleh semua agama. Sikap sombong, angkuh dan menunjuk-nunjuk ini termasuk bermegah diri kerana mempunyai kelebihan berbanding dengan orang lain seperti berasa lebih kaya, lebih pandai, lebih hebat dan sebagainya. Orang yang sombong suka menunjuk-nunjuk dan memuji diri sendiri, dan malah menghina dan memandang rendah terhadap orang lain. Kita tidak seharusnya mencontohi sikap yang dibawa oleh Suneo ini kerana ianya akan memberi kesan yang tidak baik kepada diri sendiri serta masyarakat dalam kehidupan sosial. Masyarakat akan hilang hormat kepada individu yang mempunyai sikap ini kerana sering menghina dan memandang rendah terhadap kemampuan orang lain kerana menganggap dirinya lebih tinggi darjat berbanding orang lain.

2. Video 3: Sikap suka membuli

Video 3: Episod Mencari Kelemahan Suneo



2.1 Terjemahan Secara Kolektif

Video 3: “Buat elok-elok ya...”
“Lambatnya awak ni. Lama saya tunggu. Tolong ke pasar. Beli daging ya...Ingat tak pasal pasu bunga”

2.2 Analisa Deskriptif

Suneo juga seorang yang suka membuli kawan-kawannya. Sikap suka membuli ini selalunya mendapat sokongan oleh kawan baiknya yang nakal iaitu watak Giant. Dalam animasi Doraemon, mangsa buli

Suneo adalah watak Nobita. Budaya membuli ini akan wujud dan berkembang selagi mana manusia berinteraksi. Ianya merangkumi di sekolah, tempat kerja, keluarga mahupun kejiranan. Perbuatan membuli ini adalah untuk menunjukkan kekuatan, menggertak dan mencederakan orang yang lemah. Kita tidak seharusnya mencontohi sikap suka membuli ini kerana akan memberi kesan luaran dan dalaman yang buruk kepada pembuli mahupun yang dibuli. Contohnya, pembuli berkemungkinan akan menjadi penjenayah apabila dewasa kelak. Sementara orang yang dibuli akan membalas dendam kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan kembali harga diri yang hilang akibat dibuli. Mangsa buli juga akan kehilangan keyakinan diri dan sentiasa takut dan membiarkan diri diperlakukan apa sahaja.

3. Video 4: Sikap Mengejek-ngejek

Video 4: Episod Hari Kelahiran Saya



3.1 Terjemahan Secara Kolektif

Video 4: “Jangan-jangan tak ada siapa nak simpan gambar dia selepas lahir..”
“Nama awak kan Nobi Nobita. Kalau tak disebabkan muka awak yang semacam dan pelik tu, takkan awak dapat nama tu..”
“Muka buruk sampai rosak kamera dibuatnya....”

3.2 Analisa Deskriptif

Dalam animasi Doraemon ini, watak yang dibawa oleh Suneo juga adalah seorang yang suka mengejek-ngejek kawan-kawannya. Suneo selalu mengejek-ngejek kelemahan dan kekurangan Nobita dan kawan-kawannya. Kesan daripada sikap tersebut menyebabkan mereka berbalah antara satu sama lain. Sikap mengejek-ngejek bermaksud mengeluarkan perkataan yang tidak baik dengan tujuan menghina, mempersenda dan menjatuhkan maruah seseorang. Sikap ini adalah sangat bahaya dan memberi kesan buruk kepada mangsa perseorangan jika dilestarikan dalam kehidupan sosial.

Kita tidak seharusnya mencontohi sikap Suneo ini kerana sikap ini akan mendatangkan perbalahan, perselisihan faham, menjatuhkan martabat seseorang dan akan mengakibatkan berlakunya kekacauan, ketidakstabilan serta ketidakharmonian dalam hubungan social dalam masyarakat.

4. Video 5 & 6: Sikap penakut untuk bercakap benar

Video 5: Episod Bunga Pinokio



Video 6: Episod Letupan Yang Memalukan



4.1 Terjemahan Secara Kolektif

Video 5: “Kalau nak tahu pasangan yang baik macam kami ni lah. Macam Giant seorang kawan yang baik di dunia. Nampak segar dan murah hati. Nak pulak kalau menyanyi. Memang terbaik lah. Dah macam artis. Saya betul-betul gembira dapat kawan baik macam awak Giant. Rasa cemburu pulak kalau awak ada kawan lain...”

Video 6: “Alamak saya dapat rasa ada benda buruk ni...”
“Saya tak sibuk tapi sibuk..tapi saya...tapi saya...”
“Wah! Bertuahnya saya...”

4.2 Analisa Deskriptif

Suneo sebenarnya seorang yang penakut untuk bercakap benar. Watak Suneo dalam animasi Doraemon sering bersama dengan Giant dan bersama-sama membuli Nobita dan kawan-kawannya yang lain. Namun, secara jujurnya, Suneo amat membencikan Giant. Suneo selalu membantu Giant membuli Nobita adalah semata-mata untuk memastikan kebebasan dan keselamatannya. Ketika dibuli oleh Giant, Suneo akan mencari Nobita sebagai tempat untuk mengadu. Suneo juga suka berbohong bagi menjaga maruah diri sendiri.

Antara faktor dalaman yang menjadi punca seseorang itu menjadi penakut dalam berhadapan dengan masyarakat adalah takut dibuli oleh rakan-rakan. Seseorang menjadi penakut juga boleh berlaku apabila mereka sering ditakuti oleh orang di sekeliling seperti mengatakan perkara yang tidak selamat atau berhantu. Terutamanya kanak-kanak kerana minda kanak-kanak lebih mudah untuk menyimpan dan menyerap perkara yang diperkatakan orang lain. Dalam animasi Doraemon ini, Suneo mengambil langkah yang selamat iaitu sentiasa menyebelahi dan menyokong tindakan buruk Giant. Sikap Suneo dalam cerita ini tidak boleh dicontohi. Sikap penakut membawa kepada sikap tidak bercakap benar. Kanak-kanak perlu dididik untuk sentiasa bercakap benar walaupun seringkali melakukan kesalahan. Sebagai orang dewasa kita tidak boleh sentiasa menuduh dan menghukum mereka sebaliknya bantu dan didik mereka untuk sentiasa berani membetulkan keadaan.

5. Video 7: Sikap talam dua muka

Video 7: Episod Semburan Penetap Kedudukan



5.1 Terjemahan Secara Kolektif

Video 7: “Aa...iya..iyaaa..”
 “Awak tak payah la takut sangat. Saya tak kan bagitahu Giant la. Saya pun selalu kena buli dengan dia tu. Mainan saya, komik saya, semua dia ambik. Sebenarnya saya ada beli permainan video baru. Tapi langsung tak main. Takut kalau-kalau Giant tahu tentang tu...”

5.2 Analisa Deskriptif

Watak Suneo dalam animasi Doraemon juga merupakan seorang yang talam dua muka. Dalam cerita ini seringkali dilihat Suneo mengkhianati Nobita mahupun Giant hanya untuk kepentingan dan keselamatannya. Maksud sikap talam dua muka adalah berbuat baik kepada dua orang yang berseteru atau bermasam muka untuk kepentingan dirinya sendiri. Sikap bermuka dua atau bermuka-muka adalah sikap buruk yang kronik dan tidak memberi manfaat, malah meracuni diri dan memudaratkan orang lain. Kita tidak seharusnya mencontohi sikap seperti watak Suneo ini kerana akan meretakan hubungan dengan ramai pihak kerana timbulnya persaingan seterusnya menimbulkan sikap tidak jujur antara satu sama lain bagi mencapai agenda masing-masing.

KESIMPULAN

Dalam siri animasi Doraemon ini watak Suneo memang digambarkan sebagai seorang budak yang penuh dengan sifat-sifat yang negatif seperti sikap sombong, angkuh dan menunjuk-nunjuk, sikap yang suka membuli, sikap yang suka mengejek-ngejek, seorang yang penakut dan takut untuk bercakap benar dan juga mempunyai sikap talam dua muka. Watak Suneo adalah pembantu kepada watak Giant yang terkenal sebagai budak yang jahat atau nakal. Maka watak Suneo yang sentiasa menjadi rakan dan teman kepada Giant akan cenderung untuk melakukan sesuatu yang tidak baik juga. Dapat dilihat watak Suneo yang bertopengkan kepada budak yang kaya, fizikal yang tidak menakutkan dan boleh dikategorikan kepada budak yang tidak pandai menggunakan kekerasan namun bersekutu dengan Giant bagi melindungi dirinya sendiri. Dalam masyarakat kita, iaitu dalam dunia realiti ini, watak Suneo ini sememang wujud. Sifat-sifat negatif yang tersirat inilah yang diharapkan dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada peminat animasi ini, agar tidak mudah dipengaruhi oleh sesuatu karakter, seperti dalam kajian ini, watak Suneo. Oleh yang demikian, diharapkan peminat animasi tidak mudah terpengaruh dengan watak Suneo yang menunjukkan karakter negatif dalam kisah yang dipaparkan seterusnya dapat memberi kesedaran dan pengajaran melalui kajian ini.

RUJUKAN


- Andina, E. (2014).”Anime dan Persepsi Budaya Kekerasan pada Anak Usia Sekolah.” *Aspirasi: Jurnal Masalah-masalah Sosial* 5.2: 119-130
- Anyal,S. (2007). Kajian Semiotik Dari Aspek Watak Dan Perwatakan Dalam Naskah Si Bongkok Tanjung Puteri. Unpublished thesis, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia.

- Leni, P. (2016). "Makna Warna Rambut Tokoh dalam Anime Kuroko no Basuke Karya Tadatoshi Fujimaki Tinjauan Semiotik." Unpublished thesis. Universitas Andalas, Indonesia.
- Mamat, Roslina, et al. (2014). "Imej karakter animasi Jepun (anime) dalam kalangan remaja di Selangor." *Sains Humanika* 67.1
- Nurdiyantoro, B. (2005). "Sastra Anak: Pengantar Pemahaman Dunia Anak"
- Salamoon, D. K. (2019). "Studi Semiotika Karakter Monokuma pada Anime Franchise Series" Danganronpa". ANDHARUPA: *Jurnal Desain Komunikasi Visual & Multimedia* 5.01: 24-36
- Shabrina, Aisyah, Yusida Lusiana, and Yudi Suryadi. (2020). "Ambisi Tokoh Uchiha Itachi Dalam Anime Naruto Shippuden Karya Masashi Kishimoto." *J-Litera: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra dan Budaya Jepang* 2(2), 99-109
- Widarso, W. (1992). "Ambisi: kawan atau lawan." Yogyakarta: Kanisius
- Yusof, N. A., et al. (2018). "Hubungan Anime dengan Akhlak Remaja Islam: Kajian Rintis di Selangor (The Relationship between Anime and the Moral of Muslim Youth: Pilot Study in Selangor)." *MALIM: JURNAL PENGAJIAN UMUM ASIA TENGGARA (SEA Journal of General Studies)*. 19



TEMA:

AGAMA, FALSAFAH &
KETAMADUNIAN DALAM BAHASA,
SASTERA DAN
BUDAYA



GENERASI Z, REVOLUSI TEKNOLOGI DAN WARISAN BUDAYA

Jazliza Jamaluddin
Universiti Utara Malaysia (UUM)
jazliza@uum.edu.my

ABSTRAK

Generasi Z (Gen Z) adalah generasi yang berada dalam era teknologi digital dan internet yang pantas berubah mengikut revolusi. Dalam masa yang sama, Gen Z menjadi harapan sebagai pewaris warisan budaya yang telah dipusakai oleh generasi sebelumnya. Teknologi dan warisan budaya adalah dua aspek berbeza yang mempunyai fungsi penting dalam kehidupan masyarakat termasuk golongan Gen Z. Generasi ini adalah mereka yang boleh diklasifikasikan sebagai penerima teknologi sahaja tanpa ada keinginan mewarisi budaya atau kedua-duanya mempunyai minat untuk mewarisi budaya dan kecenderungan terhadap teknologi. Warisan budaya merupakan aspek penting yang menggambarkan identifikasi bangsa di sebuah negara yang sangat bernilai. Kebimbangan timbul jika warisan budaya negara Malaysia tidak dapat diteruskan oleh generasi akan datang seperti Gen Z kerana pengaruh permodenan dan teknologi yang pantas berkembang. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti latar belakang Gen Z untuk mewarisi warisan budaya dalam era revolusi teknologi yang cepat memasuki gelombang revolusi terkini. Kajian ini memberi fokus terhadap konsep Gen Z, karakteristik generasi ini dan keinginan mereka dalam teknologi dan warisan budaya. Identiti Gen Z menjadi panduan dalam memahami ciri-ciri mereka dalam penerimaan warisan budaya dengan mengadaptasi mengikut acuan teknologi terkini supaya warisan budaya tetap diwarisi tanpa ditelan zaman dan seterusnya tidak pupus tanpa pewaris.

Kata kunci: Gen Z, revolusi teknologi, digital, warisan budaya, pewaris

PENGENALAN

Gen Z merupakan generasi yang melalui revolusi dalam teknologi serta berdepan dengan cabaran dalam pendidikan, pekerjaan dan kehidupan yang pantas berubah mengikut kesesuaian sezaman. Dalam kerancangan dunia membincangkan Revolusi Industri 4.0, Gen Z tidak terkecuali menjadi golongan utama yang perlu menerima setiap perkembangan dan peningkatan dalam teknologi. Tumpuan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi mungkin mengakibatkan Gen Z kurang berminat dengan warisan budaya bangsa yang dianggap ketinggalan dan tidak bersifat moden. Paling dibimbangi jika Gen Z menganggap teknologi seperti digital dan alam maya adalah budaya dalam zaman mereka hingga tidak mengetahui langsung warisan budaya bangsa mereka yang asal dan asli. Hakikat ini harus difikirkan oleh pengamal warisan budaya bahawa generasi muda seperti Gen Z tidak dapat mewarisi warisan budaya sepenuhnya kerana arus pemodenan teknologi yang mencengkam mereka daripada memikir untuk mewarisi melainkan menganggap warisan budaya adalah layak pada generasi lama sahaja. Perbincangan ini penting untuk mengenal pasti kesediaan Gen Z terhadap warisan budaya di tengah-tengah kerancangan teknologi dan digital yang semakin dinamik dan memuncak. Artikel ini terlebih dahulu membincangkan konsep Gen Z dari segi kategori tahun kelahiran, karakteristik dan ketertarikan Gen Z dalam teknologi dan warisan budaya.

OBJEKTIF

Kajian ini mengenal pasti latar belakang Gen Z untuk mewarisi warisan budaya dalam era revolusi teknologi yang cepat berkembang

SIAPAKAH GEN Z?

Menurut Kupperschmidt (2000), generasi diidentifikasi melalui tahun kelahiran, umur, lokasi dan peristiwa signifikan yang berlaku pada tahun pertumbuhan setiap generasi tersebut. Pandangan, matlamat kehidupan dan sumbangan dari segi guna tenaga mempengaruhi perbezaan generasi. Begitu juga kepercayaan terhadap nilai, budaya, perspektif, kegemaran, dan kemahiran termasuk ciri personaliti atau keperibadian terhadap kehidupan dan pekerjaan adalah aspek penting yang dibincangkan oleh Yanuar Surya Putra (2016) yang mengkaji tentang perbezaan generasi. Dalam memahami Gen Z ini, fokus adalah pada ciri dan sifat generasi ini. Selanjutnya, Yanuar menyatakan bahawa Gen Z merupakan mereka yang berada pada akhir pasca generasi millennial dan pada era kebangkitan generasi yang bakal memasuki pusat pengajian tinggi atau industri pekerjaan. *IGeneration* atau generasi internet merupakan istilah yang digambarkan kepada Gen Z yang lahir sewaktu penggunaan internet. Gen Z dikatakan sebagai mereka yang mempunyai persamaan ciri dengan Gen Y namun mereka adalah lebih bersifat *multi-tasking*, iaitu mereka dapat menggunakan pelbagai aplikasi teknologi dan digital dalam masa yang sama (Yanuar, 2016).

Penulisan lain yang membincangkan ciri Gen Z turut diteliti oleh beberapa orang sarjana seperti Turner (2015) yang melihat kecenderungan Gen Z terhadap teknologi, sosial media dan minat sosial mereka. Pelbagai istilah lain digambarkan pada Gen Z, iaitu *net-gen* dan *digital natives* (digital tulen) kerana mereka tidak pernah mengalami sebarang pengalaman sebelum wujudnya internet. Maksudnya Gen Z merupakan generasi tulen yang dilahirkan pada zaman internet. Turner menjelaskan bahawa Gen Z ini mahir dalam penggunaan multimedia seperti tablet, telefon pintar, media sosial dan flat skrin televisyen yang sememangnya telah mendedahkan mereka kepada dunia luar tanpa sempadan sejak awal lagi. Steinmetz (2018) dalam kajiannya pula memberikan satu pendedahan yang sangat menarik berkaitan Gen Z yang akan menghadapi cabaran dalam proses pertumbuhan mereka. Beliau juga menerangkan ciri Gen Z ini dengan teknologi adalah apabila generasi ini tidak lagi perlu beratur panjang untuk membeli tiket wayang sebaliknya hanya boleh menonton di media yang terkenal seperti *Youtube* di kamar mereka sahaja. Malah Gen Z ini berupaya membangun laman web mereka sendiri serta dapat bekerja secara *freelance* hanya dalam talian sahaja. Loveland (2017) juga membincangkan sifat dan ciri Gen Z serta menggambarkan Gen Z sebagai mereka yang bijak, berpengaruh, mempunyai sifat setia, kasihan, bertanggungjawab dan terbuka.

Selanjutnya perbezaan generasi selain daripada Gen Z diperlihatkan pada Jadual 1.1 yang menunjukkan perbezaan ciri bagi setiap generasi, iaitu daripada generasi veteran hingga GenY. Dalam membandingkan dengan Gen Z dari segi tahun kelahiran, Turner (2015) menyatakan kelahiran generasi ini adalah antara 1993 dengan 2005, manakala Loveland (2017) dan Yanuar (2016) pula berpendapat tahun kelahiran Gen Z adalah dari 1995-2010. Hal yang demikian ini kerana generasi yang dilahirkan selepas tahun 2010 dianggap sebagai generasi Alpha (Rujuk Jadual 1.2).

Jadual 1.1 Perbezaan Generasi dan Karekter – Veteran hingga Gen-Y

Kategori	Sumber						Karekter
	Glass (2007)	Tahun Lahir	Brosdahl dan Carpenter's (2011)	Tahun Lahir	Princeton One	Tahun Lahir	
Generasi	Veteran	1925-1940	<i>Silent Generation</i>	1925-1945	Veteran/ Tradisional	1922-1945	Mempunyai persamaan dengan <i>Baby Boomers</i>
	<i>Baby Boomers</i>	1941-1960	<i>Baby Boomers</i>	1946-1960	<i>Baby Boomers</i>	1946-1964	Optimistik, idealistik, pendorong
	Generasi X	1961-1976	Generasi X	1961-1981	Generasi X	1965-akhir 1970an	Keinginan kepada kehidupan yang seimbang
	Generasi Y Milenial	1977-1992	Generasi Y	Selepas 1981	Generasi Y	Akhir 1970an-akhir 1990an	Moden teknologi yang mudah akses kepada komputer, internet, media sosial, digital

Sumber: Brosdahl & Carpenter (2011), Glass (2007) dan Princeton One, & Hobart (2014)

Jadual 1.2 Perbezaan Tahun Kelahiran – Veteran ke Generasi Alpha

Tahun Kelahiran	Generasi
1922-1945	Veteran
1941 atau 1946-1964	Baby Boomers
1961-1981	Generasi X
1977-1990an	Generasi Y
1995-2010	Generasi Z
Selepas 2010	Generasi Alpha

Sumber: Brosdahl & Carpenter (2011), Glass (2007), Princeton One & Hobart (2014), Loveland (2017) dan Yanuar (2016)

Satu laporan yang sangat signifikan dari *HR in Asia* (2015) menyatakan bahawa ciri Gen Z adalah berbeza mengikut negara. Hal ini berdasarkan kajian oleh *Epinion Global* seperti yang dilaporkan oleh *HR in Asia*, 2015 yang menjelaskan ciri Gen Z di Malaysia. Generasi ini mendiami 29 peratus dari populasi, iaitu dikatakan lebih tinggi dari Gen X dan Gen Y di negara ini. Kajian ini mendapati ciri Gen Z adalah golongan yang sangat terbiasa bergantung kepada aplikasi digital namun dari segi fizikal mereka dikatakan agak janggal dengan persekitaran. Ini disebabkan perhatian yang terlalu tertumpu kepada teknologi seperti

hubungan di media sosial sahaja sehingga mereka kurang melakukan aktiviti fizikal di luar. Gen Z juga adalah generasi yang sangat terbiasa dengan telefon pintar. Disebabkan segala aktiviti fizikal sekarang seperti pembelian, perhubungan dan memperolehi informasi hanya dapat dilakukan melalui telefon pintar maka ini akan menimbulkan gangguan komunikasi dan hubungan di masa hadapan kerana terlalu bergantung kepada teknologi ini. Sebagaimana dikatakan oleh Steinmetz (2018) bahawa ibubapa juga akan merasa timbulnya kekeliruan bagaimana mereka hendak mendidik anak-anak kerana terlalu banyak teknologi terkini pada masa sekarang. Ciri-ciri lain Gen Z di Malaysia adalah bijak dalam penggunaan atas talian (*online*), dianggap mempunyai rasa tanggungjawab terhadap privasi atas talian, mempercayai mereka dapat menyelamatkan dunia namun dalam masa yang sama dibimbangi akan kekal dalam sindrom tekanan dan kekecewaan. Ini disebabkan corak kehidupan mereka yang mudah walaupun berkeyakinan dan berpengetahuan tetapi mereka akan menjadi taksu sebagai *content follower* yang terdapat di atas talian seperti video (*HR in Asia*, 2015).

Meskipun, Gen Z lebih terdedah dengan teknologi digital tetapi institusi pendidikan perlu menekankan elemen tentang kemahiran membuat keputusan sejak di awal persekolahan selain dari kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif secara fizikal. Ini kerana kita tidak mahu Gen Z nanti hanya tahu menyelesaikan masalah secara maya tetapi tidak berani berdepan secara bersemuka kerana hilang keyakinan diri akibat asyik mengurungkan diri dalam alam siber. Ini akan menyukarkan sesuatu proses terhadap penyelesaian masalah. Apa yang kita harapkan Gen Z yang mampu menguasai kedua-duanya iaitu secara fizikal dan maya. Harapan supaya Gen Z Malaysia adalah generasi yang bukan sahaja bijak dalam mengendalikan teknologi digital tetapi juga bijak untuk membuat keputusan yang sesuai apabila berdepan dengan sesuatu cabaran dan masalah. Hal ini pastinya tidak dapat diselesaikan oleh teknologi kerana ia melibatkan emosi dan pertimbangan hasil dari pemikiran yang wajar. Gen Z merupakan generasi yang bakal menjadi pemangkin dan penggerak pembangunan negara. Di tangan mereka adalah harapan pada masa kini dalam mencorakkan masa depan untuk meneruskan perjuangan memimpin, mengurus dan mentadbir negara dengan baik serta yang sangat penting adalah memastikan warisan budaya bangsa akan terus diwarisi meskipun teknologi seperti internet dan digital sangat hampir dalam kehidupan mereka.

WARISAN BUDAYA

Warisan budaya bermaksud 'ekspresi cara hidup yang dibangun oleh sesuatu komuniti dan diwarisi dari generasi ke generasi' (Nor Azan Mat Zin, Siti Fadzilah Mat Noor & Zurina Muda, 2016). Aspek warisan budaya meliputi warisan budaya ketara seperti tapak warisan, bandar bersejarah, lanskap budaya, muzium, kraftangan, warisan budaya mudah alih, warisan budaya dalam air, tapak suci semulajadi, warisan dokumentari dan sinematografi. Warisan budaya termasuk juga warisan budaya tak ketara yang terdiri dari tradisi lisan, bahasa, acara perayaan, kepercayaan, muzik, seni persembahan, perubatan tradisional, sastera, makanan serta permainan tradisional (<https://www.kkmm.gov.my/>). Berdasarkan kepelbagaian senarai warisan budaya ini sepatutnya diteruskan bukan hanya di kalangan pewaris sebelumnya tetapi kepada generasi terkini dan akan datang. Ini kerana warisan budaya melambangkan identiti dan jati diri bangsa bagi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Nilai warisan budaya tiada tandingnya kerana ia merupakan khazanah yang berharga setelah dipusakai sejak turun temurun. Kerugian yang besar dek kerana permodenan dalam teknologi menyebabkan warisan budaya ini akan menjadi aspek lapuk kerana dianggap ketinggalan zaman dan tidak selari dengan kemajuan teknologi.

Warisan budaya merupakan tamadun bagi bangsa dan negara. Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara tidak dapat berdiri dengan teguh jika asas warisan budaya ini tiada kerana untuk membangunkan sebuah negara perlu mengetahui asal usul bangsa yang mewarnai warisan budaya di sesuatu wilayah. Ini sebagaimana dijelaskan dalam latar belakang Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu kebudayaan adalah penting dalam proses pembangunan negara dan perlu dipupuk dalam usaha pembangunan sosioekonomi dan politik (kmm.gov.my/component/content/article/65-bahankpkk/dokumen/538-dasar-kebudayaan-kebangsaan). Tambahan lagi, dalam pembinaan negara bangsa adalah penting dengan adanya perkongsian nilai dalam warisan budaya untuk menjana semangat cintakan negara. Warisan budaya dapat dijadikan sebagai elemen yang mendasari ke arah kehormatan kaum di negara yang terdiri dari berbilang etnik (Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin dan Nik Nairan Abdullah. 2011).

Namun, kebimbangan timbul siapakah generasi penerus yang sanggup dan berminat untuk mewarisi segala khazanah warisan budaya bangsa ini? Hal ini bukan satu isu baru yang hendak diketengahkan namun akan sentiasa perlu difikirkan bagi kesinambungan warisan budaya di masa hadapan. Isu tentang keresahan kepupusan warisan budaya banyak disuarakan dalam media kerana arus pemodenan teknologi terkini. Pada tahun 2018 bekas Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah menyatakan ‘generasi baharu lebih mahir dengan permainan moden sehingga mereka kurang mengetahui dan menguasai seni warisan terdahulu’ (<https://www.utusanborneo.com.my>). Ini kerana dengan era teknologi digital telah mewujudkan perasaan dilema antara memberi tumpuan meneroka teknologi baru ataupun meninggalkan warisan budaya yang bagi setengah pihak tidak sesuai dengan keadaan semasa. Generasi muda terkini, iaitu Gen Z lebih gemar meluangkan banyak masa hampir tiap hari menatap gajet yang mempunyai pelbagai keluaran dan aplikasi terkini telah menarik perhatian mereka sehingga berlumba-lumba untuk memiliki gajet yang paling canggih. Permainan di gajet juga telah menyebabkan Gen Z lebih terdedah dengan permainan moden hingga warisan budaya terdahulu tidak diketahui disebabkan tenggelam dengan dunia gajet. Maka dalam Kongres Makanan Warisan 2019 contohnya, di antara objektif kongres ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan membina generasi pewaris bangsa (<https://www.jthca.org/symposium>). Ini adalah satu usaha yang baik kerana setiap pengamal warisan budaya perlu memikirkan jalan terbaik untuk memberi pendedahan kepada Gen Z dan seterusnya supaya mereka berminat untuk mengetahui dan sanggup untuk mewarisi warisan budaya bangsa dan negara kita.

Hal memikirkan kesediaan Gen Z mewarisi warisan budaya menjadi permasalahan yang tidak dapat dinafikan oleh pengkaji sendiri yang sedang melakukan kajian terhadap makanan warisan Melayu tradisional. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pada beberapa kuih tradisional Melayu mendapati rata-rata pengusaha makanan warisan tradisional melahirkan kebimbangan apabila tidak ada generasi penerus. Hal ini disebabkan kebanyakan makanan warisan tradisional Melayu adalah agak remeh dari segi cara pembuatan, kesukaran mendapatkan bahan dalam pembuatan dan keprihatinan sewaktu membuat makanan warisan Melayu tradisional harus berhati-hati dan sangat teliti. Keadaan ini menyukarkan generasi muda kurang berminat kerana makanan warisan Melayu tradisional ini juga mengambil masa yang agak lama. Dalam memastikan makanan warisan Melayu tradisional ini dapat diteruskan maka ada di kalangan pengusaha yang sanggup jika dimodenkan sedikit dari segi pembuatan dan perkakasan supaya dapat menarik perhatian generasi muda (Temu bual, 2019). Namun ini akan menghilangkan keaslian makanan warisan Melayu tradisional disebabkan ingin menarik perhatian di kalangan generasi muda supaya disesuaikan dengan keadaan sezaman dengan mereka. Justeru itu, dalam memastikan makanan warisan tradisional tidak pupus dan diwarisi kepada generasi selanjutnya, maka Jabatan Warisan Negara berinisiatif telah melancarkan buku berkaitan makanan warisan negara supaya terpelihara dan dipulihara. Ini adalah dengan cara memperkenalkan makanan warisan tradisional samada dalam dan luar negara (<http://www.motac.gov.my/media2/siaran/jabatan-warisan-negara>). Ini merupakan contoh dan isu yang timbul dalam melestarikan makanan warisan tradisional dan perhatian juga kepada jenis-jenis warisan budaya yang lain perlu difikirkan kaedah yang terbaik untuk mengatasi permasalahan dalam mewariskan kepada generasi akan datang.

GEN Z, REVOLUSI TEKNOLOGI dan WARISAN BUDAYA

Dalam menghadapi dunia globalisasi yang semakin rancak dengan perkembangan teknologi terkini seperti digital, warisan budaya seharusnya seiring dengan teknologi supaya tidak ketinggalan sehingga dilupakan dengan peredaran zaman. Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin dan Nik Nairan Abdullah (2011) menyatakan bahawa globalisasi akan menyebabkan pengaliran secara bebas dalam aspek seperti nilai, warisan, budaya dan kepercayaan. Hal ini juga tidak terkecuali apabila teknologi yang semakin dinamik akan memberi kesan kepada nilai dalam warisan budaya bangsa untuk terus diwarisi oleh generasi akan datang. Justeru itu, warisan budaya perlu dipelihara dan juga dipulihara demi memastikan kesinambungannya walaupun globalisasi yang mempengaruhi teknologi akan memberi perubahan terhadap warisan budaya bangsa ini. Ia samada kekal seperti asal ataupun perlu ada perubahan dalam warisan budaya bangsa supaya dapat disesuaikan dengan keadaan sezaman dan naluri generasi terkini seperti Gen Z.

Dalam hajat supaya Gen Z dapat mewarisi dan meneruskan warisan budaya, maka adalah penting memberi perhatian terhadap aspek seperti karakteristik dan ciri-ciri Gen Z yang telah dinyatakan sebelumnya. Ini supaya pengamal warisan budaya dapat memahami jiwa dan keinginan Gen Z. Fariza Md Sham (t.t) menjelaskan bahawa Gen Z ini sejak dilahirkan telah pun terdedah dengan teknologi yang sedang pesat membangun terutama teknologi di dunia maya. Maka persoalan yang mungkin dibangkitkan adakah perlu warisan budaya ini sepatutnya disesuaikan dengan keadaan teknologi sezaman dengan mereka ataupun Gen Z ini harus menerima warisan budaya walau bagaimana sekalipun teknologi itu berkembang? Kajian oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, dkk (2017) menjelaskan bahawa Gen Z ini lebih cenderung dengan penggunaan teknologi digital dan secara maya. Ini tidak dapat disangkal kerana teknologi ini telah berada sezaman dengan mereka.

Maka untuk memastikan warisan budaya ini terus dipelihara dan diwarisi kaedah dan pendekatan yang sesuai boleh dicadangkan supaya selari dengan teknologi digital dan secara maya. Melalui mengenalpasti latar belakang Gen Z adalah bertujuan untuk mengetahui minat, teknologi terkini dan dalam masa yang sama tidak meninggalkan warisan budaya. Apabila Gen Z ini lebih gemar dengan aplikasi gajet dan mengikut trend terkini teknologi dan sering banyak meluangkan masa di alam maya maka ini adalah kaedah yang sesuai untuk menarik minat dan perhatian mereka kepada aspek warisan budaya. Perhatian kepada senarai jenis-jenis warisan budaya ketara dan tidak ketara yang telah dinyatakan sebelumnya boleh dipilih dan dianalisis berdasarkan kesesuaian untuk diadaptasikan ke dalam teknologi terkini. Terdapat dokumentasi warisan budaya yang disimpan dan direkod dalam bentuk biasa seperti video sahaja tetapi Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau TMK sebagaimana yang dijelaskan dalam buku 'Kelestarian Warisan Budaya Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi' (Nor Azan Mat Zin, Siti Fadzilah Mat Noor & Zurina Muda, 2016) yang bertujuan memelihara warisan budaya boleh disimpan dalam bentuk digital juga. Di negara Eropah seperti United Kingdom terdapat *Cultural Heritage Digitisation* yang menukarkan sebarang jenis objek dan material berbentuk *flat* atau rata ke dalam digital dengan menggunakan kepakaran jurufoto khas dalam warisan budaya yang khusus menumpukan di muzium terkenal di sana seperti Muzium Victoria dan Albert serta Muzium Maritim Kebangsaan (<https://www.culturalheritagedigitisation.co.uk/>).

Oleh itu, teknologi digital yang berkembang dalam kalangan Gen Z dapat menarik minat golongan ini untuk didedahkan dengan warisan budaya sejak di bangku sekolah rendah lagi. Tindakan ibu bapa atau pihak sekolah membawa para pelajar ke tapak warisan, muzium, untuk melihat artifak-artifak sejarah boleh memberi pendedahan awal pada mereka. Gabungan kedua elemen antara teknologi dan warisan budaya ini adalah dengan memberi peluang pada Gen Z untuk mencuba menengahkan minat dan bakat mereka yang boleh diterjemahkan dalam bentuk digital juga. Contohnya mengadakan pertandingan fotografi dengan merakamkan sebarang bentuk warisan budaya yang mereka minati. Ini termasuklah tinggalan bangunan lama, makanan tradisional, permainan tradisional, tarian seni budaya dan pelbagai lagi warisan budaya ketara mahupun tidak ketara. Gen Z boleh menonjolkan kreativiti mereka dengan berkongsi di alam maya dengan kandungan warisan budaya bangsa di media sosial yang sangat hampir dengan kehidupan mereka. Namun, satu kajian yang agak menarik oleh Jelena Stanković, Slavko Alčaković, Maja Obradović, 2018 mendapati Gen Z di Serbia tidak begitu gemar atau tidak berkongsi langsung di media sosial destinasi kembara yang mereka telah lawati meskipun warisan budaya mempengaruhi Gen Z dalam membuat keputusan dalam menentukan destinasi lawatan mereka. Hal ini perlu diberi perhatian bahawasanya tidak semua Gen Z gemar berkongsi di media sosial tentang aktiviti yang mereka lakukan meskipun mereka adalah generasi pertama yang berada di zaman internet dengan pelbagai peranti mudah alih yang terkini (Pater, 2018).

KESIMPULAN

Dalam menghadapi gelombang revolusi yang sentiasa berkembang dan dinamik, kita semestinya tidak mahu Malaysia ketinggalan dari segi kemajuan teknologi dan menjadi masyarakat yang jahil dalam penggunaan sebarang teknologi terkini. Namun perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah implikasi dari revolusi teknologi kepada warisan budaya ini. Keseimbangan dari segi teknologi dan warisan budaya perlu dalam menerima sebarang perubahan. Tiada gunanya jika hanya mendokong ke arah perkembangan revolusi

teknologi tetapi warisan budaya tidak dapat selari dengan perubahan zaman. Maka adalah diharapkan kepada Gen Z dapat mewarisi warisan budaya yang menjadi lambang bangsa di tengah-tengah perkembangan revolusi teknologi. Maka kaedah dengan mengikuti minat dan mengetahui ciri-ciri Gen Z adalah cara untuk menarik perhatian mereka terhadap pelbagai jenis warisan budaya yang ada di negara kita. Kemudian, Gen Z boleh menggunakan kemahiran, kreativiti dan kecenderungan mereka dalam memilih sebarang jenis warisan budaya untuk diterjemahkan ataupun didokumentasi dalam bentuk digital dan dikongsi melalui medium media sosial yang sesuai. Apapun, pendedahan sejak di bangku sekolah lagi adalah perlu supaya Gen Z tidak celaru dalam mengenali antara teknologi dan warisan budaya. Ini untuk mengelakkan Gen Z menganggap teknologi seperti digital, internet, media sosial, alam maya atau alam siber adalah budaya mereka. Kita mengharapkan agar Gen Z akan menjadi generasi yang kuat dan mempunyai daya tahan dari segi fizikal, mental dan spiritual dalam mendepani masa depan yang penuh cabaran dalam memastikan adanya keseimbangan antara teknologi dan warisan budaya. Namun apapun asas nilai dalam agama itu adalah penting.

RUJUKAN

Brosdahl, D.J., & Carpenter, J.M. (2011). Shopping orientations of US males: A generational cohort comparison. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 18, 548-554.

CHD at A Glance. <https://www.culturalheritagedigitisation.co.uk>.

Fariza Md Sham. (t.t). Generasi Z dan isu perpaduan. https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/1.Manuskrip-ICIP_Dr-Fariza.pdf.

Glass, A. (2007). 'Understanding generational differences for competitive success'. *Industrial and Commercial Training*. 39 (2). 98-103. <https://doi.org/10.1108/00197850710732424>.

Kongres Makanan Warisan. (2019). 23 - 24 April 2019 - Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC). UiTM Shah Alam.

Kupperschmidt, B. R. (2000). 'Multigenerational employees: Strategies for effective management. *The Health Care Manager*, 19, 65-76.

Loveland, E. (2017). Instant generation. *Journal of College Admission*, Winter, 36-38.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Yusmilayati Yunos, & Norizam Jamian. (2017). Generasi Z dan warisan budaya'. Kertas Kerja Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nor Azan Mat Zin, Siti Fadzilah Mat Noor & Zurina Muda (edt.). (2016). *Kelestarian Warisan Budaya Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Bangi: UKM.

Pater, D. (2018). 10 tips for marketing to Gen Z consumers. Diakses pada September 8, from Forbes :<https://www.forbes.com/sites/deeppatel/2017/05/01/10-tips-for-marketing-to-gen-z-consumers/2/#24ca62c86bb4>

Princeton One, & Hobart, B. (2014). 'Understanding Generation Y: What you need to know about the millennials'. 1-11. [http://www.princetonone.com/news/PrincetonOne White Paper2.pdf](http://www.princetonone.com/news/PrincetonOne%20White%20Paper2.pdf). 17 Revealed, 8 Unique Characteristics of Gen-Z in Malaysia. (2015). *HR in Asia*. Diakses pada 30hb Mei 2021 dari: <http://www.hrinasia.com/general/revealed-8-unique-characteristics-of-gen-z-inmalaysia/>

Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin, & Nik Nairan Abdullah. (2011). Mendepani seni warisan dan kreatif dalam mencapai satu gagasan Melayu di Nusantara. Kertas Kerja Seminar. Bandung: Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati.

Seni warisan tradisi kian pupus ekoran kepesatan teknologi'. Diakses pada 30 Mei 2021 dari [https://www.utusanborneo.com.my/2018/03/10/seni-warisan-tradisi-kian-pupus-ekoran-kepesatan](https://www.utusanborneo.com.my/2018/03/10/seni-warisan-tradisi-kian-pupus-ekoran-kepesatan-teknologi) teknologi.

Stanković, J., Alčaković, S., & Obradović, M. (2018). Importance of cultural heritage and tourism experience of generation z in Serbia. *Sitcon 2018 Culture, Heritage and Tourism Development*. doi: 10.15308/Sitcon-2018-62-68.

Steinmetz, K. (25 Disember 2017–1 Januari 2018). Generation Z finds the upside to growing up amid total disruption. *TIME*, 66-67.

Temu bual. (27 November 2019). 'Bunga Pudak'. Gunung Keriang, Alor Setar: Kedah.

Turner, A. (2015). Generation Z: Technology and social interest. *The Journal of Individual Psychology*, 71(2), 103-113.

Yanuar Surya Putra. (2016). Theoretical review: Teori perbedaan generasi. *Among Makarti*, 9(18), 123-134.

AL-QALB SEBAGAI TERAS PEMIKIRAN: ANALISIS PANDANGAN PAKAR

Nor Hanani Ismail, PhD
Universiti Utara Malaysia
norhanani@uum.edu.my

Salmah Omar, PhD
Universiti Utara Malaysia

Mardzelah Makhsin, PhD
Universiti Utara Malaysia

Mohamad Khadafi Hj. Rofie, PhD
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Al-Qur'an menyebut tempat untuk melaksanakan proses intelektual seperti berfikir, bertaakul dan memberi refleksi (*faculty of intellection*) adalah pada *qalb* (hati). Walaupun terdapat alat-alat lain bagi mencapai ilmu pengetahuan seperti menggunakan pendengaran dan penglihatan. namun, *al-Qalb* diletakkan sebagai alat utama untuk berfikir bagi memperoleh kebenaran. Malah al-Quran menggambarkan golongan *Ululalbab* sebagai golongan yang menggunakan *al-Qalb* sebagai alat untuk berfikir. Dari itu, apakah *al-Qalb* boleh dibincangkan sebagai teras pemikiran? Kertas kerja ini menganalisis pandangan pakar berkaitan *al-Qalb* sebagai teras pemikiran dan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap beberapa kajian kepustakaan dan temu bual yang dijalankan dengan tiga orang pakar. Kertas kerja ini mengemukakan lima tema dalam membincangkan *al-Qalb* sebagai teras pemikiran.

Kata kunci: *Al-Qalb*, pemikiran

PENGENALAN

Al-Qalb boleh didefinisikan sebagai *fu'ad* dan akal yang murni (Muhammad Yaaqub al-Fairuz Abadi, 2005). *Al-Qalb* merupakan kata terbitan daripada perkataan *قلب-قل* yang dipanggil sebagai *qalb* kerana perubahan yang terjadi padanya. Ibn Manzur menyatakan: *al-Qalb* bermaksud perubahan sesuatu pada keadaannya (Ibn Manzur, 1414H). Kalimah *al-Qalb* ditemui pada 130 tempat dalam 45 surah dan 112 ayat yang mempunyai erti dan makna yang pelbagai, sesuai dengan konteks ayatnya. Menurut al-Hakim, *al-Qalb* merupakan martabat kedua setelah *sadr* (Muhammad Fuad Abdul Baqi, 1364H).

Al-Qalb merupakan tempat untuk ilmu kerana dengannya manusia bertadabur dan bertafakkur. Umpama sumur, *al-Qalb* merupakan sumber mata air dan *sadr* bertindak sebagai tempat untuk menampung mata air tersebut. Daripada mata air, air yang muncul terkumpul dalam sumur. *Al-Qalb* umpama mata air dan tempat munculnya ilmu dan ilmu akan tertuang pada *sadr*. (Al-Hakim Al-Tarmizi, 2009). Imam al-Ghazali mendefinisikan *qalb* sebagai sesuatu yang halus, bersifat ketuhanan, kerohanian dan mempunyai hubungan yang erat dengan jantung. Kehalusan inilah yang mampu mencerap, mengetahui dan mengenali sesuatu perkara (Hamid Muhammad al-Ghazali, 2005).

Al-Qur'an menyatakan kaedah untuk memperoleh kebenaran adalah menerusi *tafakkur*¹ (berfikir), *ta'auqul*² (berfikir), *tadabbur*³ (mendalami) dan *tadhakkur*⁴ (mengingati) (Mohd Kamal Hassan, 2011). Malah dengan *tafakkur* dapat mengarah kepada penyelesaian masalah pada masa hadapan⁵ (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2005). Yusuf al-Qardawiy menyatakan bahawa al-Qur'an menyebut bahawa tempat untuk melaksanakan semua proses tersebut (*faculty of intellection*) adalah pada hati selain daripada menggunakan pendengaran dan penglihatan. Al-Qur'an tidak menyebut perkataan akal atau pun otak walaupun fungsi akal itu adalah untuk berfikir dan memahami (Mohd Kamal Hassan, 2011)⁶.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sungguh, pada yang demikian itu pasti terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati (*qalb*) atau yang menggunakan pendengarannya, sedang dia menyaksikannya”. (Surah Qaff, 50:37)

Ibn Qayyim menyatakan bahawa *al-Qalb* yang hidup ialah *al-Qalb* yang berfikir tentang Allah SWT. Malah beliau menyebut tentang unsur kefahaman beriringan dengan hati yang *al-Qalb* yang hidup. Apabila seseorang itu berfikir dengan *al-Qalb*, maka pemikiran itu menghasilkan kebenaran dan petunjuk. Malah petunjuk tersebut umpama cahaya atas cahaya yang menerangi. Manakala cahaya yang menerangi itu merupakan cahaya fitrah (Ibn Al-Qayyim, 1410H)

Said Nursi juga menghuraikan hakikat kebenaran alam ini boleh dicapai menerusi pemerhatian, kajian dan pemikiran yang berteraskan menggunakan akal dan *al-Qalb*. Pemikiran menggunakan akal dengan berteraskan prinsip tauhid (kepercayaan) terletak pada *al-Qalb* (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2018). Manakala Al-Attas pula menyebut selain daripada akal, *al-Qalb* juga amat berperanan dalam proses mendapatkan hikmah atau ilmu. *Al-Qalb* sebagai elemen *spiritual* yang merupakan elemen yang amat penting bagi mencapai ilmu dan seterusnya memperoleh *ma'rifatullah* (mengenal Allah SWT) (Al-Attas, 1990).

Berdasarkan perbincangan ini, *al-Qalb* boleh dilihat sebagai teras dalam berfikir bagi mencapai kebenaran. Oleh itu, kertas kerja ini meneliti pandangan tiga orang pakar berkaitan konsep *al-Qalb* yang boleh dijadikan teras dalam pemikiran.

METODOLOGI

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kepustakaan bersumberkan data yang boleh dicapai dan diperolehi serta dianalisis menerusi komputer atau daripada bahan perpustakaan tanpa melalui uji kaji secara empirikal (Sapsford & Jupp, 2006). Antara bahan-bahan yang dirujuk termasuklah kitab, buku, jurnal dan kertas kerja. Seterusnya kaedah temu bual dan komunikasi peribadi dijalankan dengan tiga orang pakar. Mereka ialah Prof. Dr. Shukri Ahmad yang merupakan dekan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Falsafah Islam, Usuluddin dan. Tasauf. Seterusnya Prof. Dr. Mohammad Hazim Shah bin Abdul. Kepakaran beliau adalah dalam bidang falsafah dan pemikiran. Setersunya, Prof. Dr. Fauziah Bt. Abdul Rahim. Kepakaran beliau adalah dalam bidang pendidikan. Satu soalan terbuka yang ditanya, kepada ketiga-tiga pakar tersebut, ialah “Bagaimana pandangan pakar tentang *al-Qalb* sebagai teras bagi pemikiran berdasarkan istilah-istilah yang disebut dalam al-Quran yang menghubungkan *al-Qalb* dengan berfikir?” Pandangan pakar direkodkan dan transkrip temu bual dipindahkan dalam bentuk dokumen. Seterusnya, kaedah analisis kandungan dilakukan bagi mengenal pasti tema berkaitan *al-Qalb* sebagai teras pemikiran.

1 *Tafakkur* ialah proses berfikir untuk membina ilmu yang baru.

2 *Ta'auqul* ialah proses berfikir dan memahami sesuatu ilmu secara rational.

3 *Tadabbur* ialah proses memahami sedalam-dalamnya dengan menyeluruh dan sempurna.

4 *Tadhakkur* ialah proses membawa ilmu yang telah sedia ada ke hati (mengingati kembali)

5 Seperti mana kisah Nabi Yusuf yang dapat menafsirkan mimpi Raja ketika itu.

6 Mohd Kamal Hassan membincangkan tentang hal ini pada Syarahan Umum beliau yang disampaikan pada 21 Oktober 2013 di Dewan Persidangan Universiti, Universiti Sains Malaysia. Tajuk Syarahan Umum beliau ialah *The Heart of The Problems Vis-à-vis the Problems of the Heart*. Beliau merupakan Professor di Internatioanal Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia.

DAPATAN

Hasil daripada analisis terhadap kandungan transkrip temu bual terdapat lima tema perbincangan yang dinyatakan oleh pakar bagi menghuraikan *al-Qalb* sebagai teras kepada pemikiran. Berikut merupakan tema perbincangan yang telah dikenal pasti. Pertama, definisi pemikiran yang lebih holistik. Berdasarkan pandangan pakar, pemikiran itu sifatnya bukan hanya tertumpu pada kognitif semata-mata, ia bersifat menyeluruh. Walaupun, sarjana Barat menerima bahawa pemikiran hanyalah kognitif sahaja, namun pemikiran dengan perkaitan *al-Qalb* adalah menyeluruh meliputi kognitif, afektif, spiritual, psikomotor. Afektif terdiri daripada nilai dan emosi, manakala spiritual pula ialah roh, manakala psikomotor merupakan amalan.

“Kita berfikir bukan hanya lihat pada rasional sahaja, nilai dan intelek tu mesti tak boleh dipisahkan. Sekarang ni, sistem kita sepatutnya seiring antara intelektual dan nilai. Ilmu itu, kita nak buat apa dengan ilmu. Jadi relevannya nilai tu adalah dengan qalb. Pembentukan syahsiah kena ada intelektual dan emosi seiring bersama”. (Pakar, 2020)

“Apa makna ilmu, bila dia dapat berfikir tu supaya dia boleh bersyahsiah yang baik, dan apa sumbangan ilmunya semula. Sebab dalam falsafah pendidikan dah holistic. Walaupun, kita pakai pengukuran seperti dalam bloom tekstonomi, contohnya Apakah kaitan dengan diri, efektif, dan kemudian psikomotor adalah amalan. Walaupun dalam penilaian, kita pakai penilaian alternative”. (Pakar, 2020)

“Apabila kita melakukan kegiatan mental seperti analisis, ianya juga boleh melibatkan aspek efektif, seperti proses kehakiman di Mahkamah. Kita ada proses yang menggunakan bukti dan penghujahan yang rasional. Pihak ketiga iatu hakim dan tugas hakim menilai dan membuat keputusan. Adakah penilaian itu bergantung seratus peratus kepada logik dan pemikiran rasional, Sebagai manusia, kita mempunyai perasaan, dan kalau kita ada aspek qalb itu, maka keadilan yang benar. Maka keputusan hakim, ada berpandukan kepada qalb yang suci dan membuat penilaian. Malah sekiranya kita ingin mencari hakikat kebenaran” (Pakar, 2020)

Kedua, *al-Qalb* adalah tempat tersimpannya prinsip dan nilai. Prinsip yang terkait dengan kepercayaan atau pegangan. Sekiranya, kepercayaan dikaitkan dengan agama, maka akan terkait dengan hukum hakam dan pembalasan baik dan buruk pada hari dibangkitkan semula. Perbincangan agama pastinya terkait dengan elemen spiritual yang berupaya mengawal emosi. Seterusnya, meraikan unsur manusia yang terdiri daripada unsur roh dan akal.

“Pembelajaran bukan hanya intelektual, kalau kita tengok dalam definisi pendidikan pun dia ada kognitif, efektif dan psikomotor. Kalau ada elemen qalb yang asalnya berbentuk efektif dan dikaitkan dengan kognitif, ia kena selari tu. Kognitif dan efektif perlu selari. Nilai tu ada elemen-elemen qalb, tapi selalunya kita dok praktis hanyalah kognitif” (Pakar, 2020).

“Ahli sains tidak boleh menipu atau manipulate data, kejujuran itu ada dalam efektif dan efektif itu adalah pada qalb, pada qalb itu ada prinsip yang dipegang”. (Pakar, 2020)

“Manusia terdiri daripada unsur, fizikal dan spiritual, dan apabila sebut tentang spiritual ianya terkait dengan roh. Roh yang sifat abadi iaitu dinisbahkan sebagai hati/ qalb dan akal, dan akal itu ia terlibat secara langsung dengan qalbu itu.” (Pakar, 2020)

Ketiga, kombinasi akal dan *al-Qalb* berupaya memberi kebenaran. Kebenaran hadir apabila kedua-dua alat ini digunakan untuk berfikir. Oleh kerana, manusia mempunyai unsur roh dan jasad, maka *al-Qalb* sebagai teras berfikir tidak dapat dinafikan bagi memperoleh kebenaran. Ketidakkampuan akal semata-mata untuk berfikir dibuktikan dengan kelahiran teori-teori yang baharu bagi menyangkal teori yang sedia ada. Keadaan ini menunjukkan akal sahaja tidak mampu mencari hakikat kebenaran dalam ilmu.

“Lazimnya hati ini disebut sebagai *lubb*, mata hati, akal digunakan bersama *lubb* ini, sebab itu dalam *al-Quran* disebut *tadabbur*. Ianya dekat dengan hati. Dalam *al-Quran* juga disebut *taffakkur* yang terkait dengan akal yang lebih meraikan benda-benda yang bersifat logik dan munasabah. Penggunaan akal terhadap rasional sesuatu benda. Contohnya, Nabi Ibrahim nak cari Tuhan, maka ianya diikat dengan berfikir *tafakkurun*, penggunaan akal yang logik. *Tadabbur*, melihat perasaan dalaman rohani yang membuka perasaan, boleh guna akal tapi kadang-kadang akal kamu tak akan sampai untuk memahami melainkan dengan hati, iaitu perasaan dalaman rohani terkait dengan ketuhanan. Perlu memahami dengan hati, ada ketika Allah berhubung dengan berfikir dengan hati”. (Pakar, 2020)

Keempat, *al-Qalb* yang sejahtera adalah *al-Qalb* yang dimaksudkan berupaya mengawal emosi dan memandu akal untuk berfikir dengan benar.

‘Dalam kerohanian adalah memahami dengan hati. Hati adalah kedudukan paling tinggi, dan mengawal akal fikiran, dan kawal emosi, tapi ada ketika dengan akal semata-mata, akal pun tak boleh bantu untuk kawal emosi dan akal. Semuanya akan balik pada hati. Bersultan di mata, beraja di hati. Dalam hati ada nafsu, dalam hati ada bilik-bilik, ada sampah-sampah dalam bilik, kadang kita simpan di dapur, tapi kita tak buang, semua bilik tu akan membusuk. Satu bilik dalam hati tu busuk, maka satu hati akan busuk. Tanggungjawab hati terbahagi kepada dua, kena lawan perasan yang sudah berakal, membuang sampah dah berakar. Iainya sangat sakit. Tapi kita kena buang perasaan itu. Kita kena lawan. Kita buang kotor dalam hati untuk dapat manfaat kembali balik kepada hati. Bila dia buang, dia kena cepat-cepat isi yang kosong itu, dengan perkara yang sepatutnya. Buang dan terus masuk. Hati berhubung dengan akal, lazimnya hati domain utama, panduan akal melalui ilmu. Ilmu tak akan boleh datang melainkan dengan proses akal, tapi akal tak boleh bawa seseorang jadi tawaduk. Hati membawa sifat tawaduk dan akal membawa ketinggian sebagai seorang yang berilmu dengan akhlak yang baik” (Pakar, 2020).

Kelima, unsur emosi dan nilai dari perspektif Barat adalah tidak sama dengan unsur emosi, nilai yang ada pada *al-Qalb*

“Kemahiran berfikir Barat tidak ada kaitan dengan keagamaan. Tapi dalam kita punya sistem pendidikan, kita ingin mengaitkan pendidikan dengan agama. Tapi bila kita pakai yang Barat yang bagi membincangkan tentang pemikiran contohnya Bloom tekstonomi, mereka sudah pisahkannya dengan agama, ini sudah berlaku pertentangan. Dua pertentangan yang berbeza, iaitu pemikiran moden sekular dan pemikiran tradisi Islam. Bloom tekstonomi terasnya adalah kognitif sahaja, Sedangkan *qalb* itu, adalah dari agama dan adalah nilai afektif. Mana mungkin kita membincangkan tradisi yang memisahkan dengan agama dengan sesuatu yang datang dari agama. Perbezaan asas juga jelas, seperti *minda*, berasal dari konsep *mind*, Engku Aziz yang menggunakan istilah *minda* dalam Bahasa Melayu, sebelum ini digunakan perkataan seperti akal.” (Pakar, 2020)

“*Mind* dalam falsafah Barat. Perkataan *mind* itu sendiri, adalah satu bentuk penskularan konsep *the soul* atau pun roh. *Mind* dalam Barat pada zaman pertengahan, tidak ada Hanya ada *soul* pada zaman itu, Lepas itu, mereka tinggalkan konsep *soul* itu. Kemudian mereka menerima *mind*, *mind* itu lebih kepada kognitif, tapi pada falsafah kontemporari, telah menerima dua, iaitu *mental content* adalah termasuk *emotion* selain daripada *logical thought*.” (Pakar, 2020)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, *al-Qalb* sebagai teras kepada pemikiran merupakan prinsip yang hadir dari agama Islam. Ia bertujuan menjadikan manusia mengingat kembali, tujuan penciptaan manusia atas muka bumi ini sebagai hamba kepada Allah SWT dan sebagai khalifah. Pasti, dengan menjadikan *al-Qalb* sebagai teras berfikir berupaya memberikan hikmah dan kebenaran kepada manusia. Walaupun begitu, *al-Qalb* yang sejahtera sahaja yang berupaya menemui hikmah dan kebenaran tersebut. Manusia perlu berusaha mendapat

al-Qalb yang sejahtera supaya pemikiran yang terhasil merupakan pemikiran yang benar dan berupaya mendekatkan manusia kepada pemilik *al-Qalb*.

PENGHARGAAN

Thank you to the Ministry of Education (MOE) and Research and Innovation Management Centre (RIMC) UUM for the financial supports through Fundamental Research Grant Scheme For Research Acculturation Of Early Career Researchers (FRGS-RACER) under reference code RACER/1/2019/SSI09/UUM//2. Research Title: Pembinaan Modul Al-Qalb Bagi Mencapai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Kalangan Murid Ulul Albab

RUJUKAN

- Al-Hakim al-Tarmizi. (2009). *Bayan al-farq baina al-sard wa al-qalb wa al-fuad wa la-lubb*. Jordan: Al-Markaz al-Malikiy li al-Buhuth wa Darasat al-Islamiy.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, (1990), the nature of man and the psychology of the human soul: A brief outline and framework for an Islamic psychology and epistemology, Kuala Lumpur: ISTAC, 2.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (2018). Knowledge and knowing in Islam: A comparative study between Nursi and al-Attas. *Global Journal Al-Thaqafah* 8(1), 31-41.
- Hamid Muhammad Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Qayyim. (1410H). *Tafsir al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal.
- Ibn Manzur. (1414H). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Muhammad Yaaqub al-Fairuz Abadi. (2005). *Al-Qamus Al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. (1364). *Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Alfaz al-Quran al-Karim*. Dar al-Kutub al-Misriyyah: Mesir.
- Jamal Badi, & Mustapha Tajdin (2005). *Creative thinking: An Islamic Perspective*. Selangor: International Islamic University Malaysia.

INSTITUSI HAJI DAN PEMBANGUNAN INTELEKTUAL MELAYU ABAD KE-19

Sharifah Ismail
Universiti Utara Malaysia (UUM)
sharifah@uum.edu.my

Haslinda Hasan
Universiti Utara Malaysia (UUM)
haslynda@uum.edu.my

ABSTRAK

Institusi haji di Malaysia memainkan peranan yang penting sebagai agen transformasi berimpak tinggi yang memberikan sumbangan kepada tamadun Melayu dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, sosio-ekonomi dan sebagainya. Institusi berasaskan keagamaan ini juga mempunyai peranan yang signifikan dalam perkembangan keserjanaan Islam dan intelektualisme bangsa Melayu dari zaman awal kedatangan Islam di rantau ini terutamanya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 dengan perhubungan antara Tanah Melayu dengan Tanah Suci mencapai satu tahap yang ekstensif. Sejarah membuktikan bahawa institusi haji telah meninggalkan implikasi yang positif terhadap pembangunan intelektual Melayu serta kelestarian tamadun Islam di alam Melayu. Kajian ini meninjau kedudukan institusi haji dalam masyarakat Melayu di rantau ini. Kajian juga membincangkan peranan dan sumbangan institusi haji sebagai penjana transformasi serta agen pembangunan intelektual Melayu Muslim, khususnya pada abad ke-19. Kajian merumuskan bahawa institusi haji memberikan sumbangan yang signifikan dalam menjana pembangunan intelektual alam Melayu seterusnya menjada agen transformasi berimpak tinggi kepada masyarakat dan ketamadunan Melayu.

Kata kunci: Haji alam Melayu, hubungan Melayu dan Timur Tengah, Haji dan pembangunan intelektual

PENGENALAN

Haji ialah rukun Islam yang kelima yang diwajibkan sekali seumur hidup kepada setiap umat Islam yang berkemampuan dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh kerana haji adalah salah satu kewajipan serta mempunyai kedudukan yang signifikan kepada umat Islam maka berkemungkinan ibadah haji telah dilaksanakan oleh orang Melayu seiring dengan kedatangan Islam ke gugusan kepulauan Melayu walaupun tiada catatan sejarah yang jelas mengenainya. Institusi haji serta sumbangannya dalam perkembangan intelektualisme masyarakat Melayu di negara ini telah terbukti dari zaman berzaman. Sejarah telah membuktikan pengaruh institusi haji dalam struktur masyarakat di negara ini terutamanya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 dengan perhubungan antara Tanah Melayu dengan Tanah Suci telah mencapai satu tahap yang ekstensif. Dalam konteks pembangunan keilmuan, sumbangan institusi ini tidak hanya terhad kepada perkembangan intelektualisme dan keserjanaan umat Islam bahkan menyumbang kepada pembangunan dan kesinambungan peradaban Islam di rantau ini.

INSTITUSI HAJI DAN SUMBANGANNYA KEPADA PEMBANGUNAN INTELEKTUAL TAMADUN MELAYU

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah memberi satu paradigma baru kepada ketamadunan Melayu daripada berpaksikan kepada agama-agama serantau yang berasaskan kepercayaan politeisme kepada tamadun yang berpaksikan kepada agama sarwajagat yang berasaskan ajaran monoteisme, iaitu ketauhidan kepada Allah. Islam dan tauhid telah memberi identiti dan asas baru kepada peradaban Melayu. Kepercayaan dan keimanan umat Melayu kepada Allah diperkuatkan lagi dengan pengerjaan ibadah haji ke Makkah, rukun Islam yang

kelima dan yang terakhir. Tidak dapat dipastikan bilakah pengerjaan haji orang Melayu yang pertama tetapi oleh kerana ibadah haji merupakan salah kewajiban dalam Islam maka boleh dianggap bahawa ibadah ini dilakukan oleh umat Melayu sejak dari zaman awal kedatangan Islam ke rantau ini. Antara catatan terawal yang menyentuh mengenai pengerjaan haji oleh orang Melayu adalah seperti catatan Tom Pires dalam karyanya *The Suma Oriental of Tome Pires, Hikayat Hang Tuah*, penulisan travelog Munshi Abdullah Abdul Kadir dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* serta catatan sejarah Raja Ali Haji dalam karyanya *Tuhfat-al-Nafis*.

Pengembaraan orang Melayu ke Tanah Suci untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima, iaitu mengerjakan haji di Makkah telah merapatkan lagi hubungan antara Tanah Suci dengan dunia Melayu. Selain itu, kedudukan Makkah itu sendiri sebagai kota suci umat Islam amat signifikan kerana ramai sarjana serta cendekiawan Islam dari serata dunia akan datang untuk menunaikan haji dan secara tidak langsung membawa bersama-sama mereka pelbagai tradisi ilmu ke Tanah Suci. Fenomena ini menjadikan Tanah Suci sebagai hab intelektual bertaraf antarabangsa bagi dunia Islam dan menarik lebih ramai para cendekiawan, para pelajar serta haji untuk terlibat sama di dalam aktiviti keilmuan di Makkah. Kedudukan Tanah Suci sebagai pusat pendidikan Islam yang berprestij di tambah lagi di atas kesedaran bahawa mencari ilmu pengetahuan adalah tuntutan agama telah menggalakkan lagi pemergian orang Melayu ke Makkah untuk menunaikan haji serta menuntut ilmu.

Mobilisasi orang Melayu ke Tanah Suci yang bermula dari zaman awal kedatangan Islam ke Nusantara mencapai tahap yang lebih ekstensif pada kurun ke-16 dengan terdapatnya penempatan orang Melayu yang lebih dikenali sebagai penempatan Jawi di sana. Tanah Suci Makkah tidak hanya berperanan sebagai pusat ibadah haji tetapi juga berfungsi sebagai “*meeting and melting pot*” umat Islam dari seluruh pelosok dunia. Orang Melayu yang tinggal lebih lama di Makkah untuk menuntut ilmu mempunyai interaksi yang lebih meluas dengan para cendekiawan serta inteligensia Islam dari pelbagai bangsa dan negara di sana. Mereka juga terlibat dengan trend dan aktiviti keilmuan semasa di Tanah Suci di samping melengkapkan diri untuk menjadi ilmuwan yang disegani. Perkembangan ini menghasilkan kemunculan komuniti intelektual Melayu di Tanah Suci yang dikenali sebagai *ashab al-Jawiyyin*.

Tanah Suci juga berperanan sebagai pusat rangkaian utama yang menghubungkan intelektual Melayu dengan ilmuwan terkemuka dari serata dunia. Hubungan di antara tokoh-tokoh ilmuwan dan pelajar-pelajar Melayu dengan para cendekiawan dan pelajar-pelajar dari pelbagai negara semasa di Tanah Suci telah memanjangkan jaringan intelektual ulama. Jalanan kesarjanaan ini telah dipertahankan dengan pelbagai cara walaupun selepas para ulama atau pelajar berhijrah ke tempat lain atau kembali ke tempat asal masing-masing. Jika terdapat sebarang masalah yang timbul di tanah air, mereka akan merujuk kepada guru atau rakan yang berada di Tanah Suci. Sebagai contoh, karya al-Sinkili, ‘*Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*, mendedahkan bukan sahaja silang menyilang dalam rangkaian intelektual beliau, tetapi juga proses transmisi ilmu pengetahuan dalam kalangan ulama. Ibrahim al-Kurani misalnya, telah dimaklumkan oleh beberapa pelajar “Jawi” beliau bahawa risalahnya yang ditulis pada tahun 1619, *Tuhfat al-Mursalah*, telah dibaca di sekolah agama mereka di dunia Melayu. Buku ini juga telah digunakan sebagai rujukan penting oleh para ulama Melayu pada abad ke-17 dan ke-18 belas Masihi dalam penulisan mereka seperti kes al-Sinkili, al-Maqassari dan Muhammad Nafis al-Banjari. Para pelajar tersebut berulang kali memohon kepada beliau untuk menulis ulasan buku tersebut untuk mengelakkan sebarang penyelewengan oleh para pembaca di dunia Melayu. Pelbagai permasalahan agama yang dihadapi oleh orang Melayu di Nusantara telah menyebabkan Ibrahim al-Kurani menghasilkan pelbagai karya kepada mereka antara lain seperti *al-Jawiyyah Masa'il* dan *al-jawabat al-Gharawiyyah al-Jawiyyat Masa'il al-Jahriyyah*. Di samping itu, sultan Banten pada abad ke-16 Masihi, Abu al-Mafakhir Abd al-Qadir yang mempunyai minat yang mendalam dalam hal-hal keagamaan, telah menghantar pelbagai pertanyaan bukan sahaja untuk ulama Melayu tetapi juga kepada ulama lain di Makkah yang menyebabkan pelbagai risalah telah dihasilkan oleh para ulama tersebut khusus untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh baginda. Perkembangan ini mewujudkan hubungan yang lebih erat antara Makkah dengan dunia Melayu. (Azyumardi Azra, 2004). Kekuatan hubungan yang terjalin antara kedua-dua negara ini menyumbang kepada penambahan bilangan jemaah haji Melayu di Makkah dan mendorong penglibatan mereka dalam jaringan intelektual yang sedia ada seterusnya mendorong penglibatan mereka dalam rangkaian intelektual antarabangsa. Rangkaian kesarjanaan ini juga menghubungkan jaringan intelektual

Islam khususnya dari Timur Tengah ke alam Melayu. Ia juga berfungsi sebagai rangkaian penghubung antara para haji serta ulama Melayu dengan ilmuwan di Tanah Suci pada kurun-kurun berikutnya, terutamanya mereka yang datang dalam jumlah yang lebih besar ke Makkah pada kurun ke-19.

Kurun ke-19 Masihi juga telah menyaksikan kemunculan tokoh ulama terkemuka dari kalangan komuniti Melayu di Makkah yang bukan sahaja mendapat pengiktirafan yang tinggi oleh penduduk di Tanah Suci tetapi juga menjadi rujukan utama masyarakat di dunia Melayu. Para ulama tersebut termasuklah Wan Ali Haji Abdul Rahman (1833-1901) dan Ahmad Khatib bin Abd al-Latif al-Minangkabawi (1860-1915) orang bukan Arab pertama yang menjadi imam besar di Masjidil Haram mewakili pengikut mazhab Shafie di Tanah Suci. Selain itu salah seorang ulama terkemuka Melayu di Makkah, iaitu Muhammad Nawawi al-Bantani (1813-1897) telah dikurniakan gelaran *Sayyid Ulama al-Hijaz* (M Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan, 2000). Sheikh Wan Ahmad Muhammad Zain Mustafa al-Fathani (1856-1906) merupakan antara tokoh ulama tersohor pada kurun tersebut dan menjadi penasihat kepada pemerintah Makkah. Beliau juga telah diamanahkan oleh para ulama Makkah untuk menyelesaikan pertelingkahan antara dua tokoh terkenal, iaitu Sheikh Muhammad Abduh dan Muhamad Yusuf an-Nabhani. Kealiman dan ketokohan beliau telah diiktiraf dunia dan ianya diperakui sendiri oleh seorang pengkaji barat bernama Snouck Hurgronje yang mengelarnya sebagai “*a savant of merit.*” (Snouck Hurgronje, 1931).

Komuniti intelektual Melayu di Makkah juga memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan ajaran Islam serta mengambil bahagian dalam proses Islamisasi di kepulauan Melayu. Sebahagian daripada mereka berulang-alik dari Tanah Suci ke rantau Melayu untuk menyampaikan dakwah serta ilmu agama. Sebilangan daripada mereka juga menyampaikan fatwa dan nasihat kepada permasalahan umat Melayu melalui jaringan haji yang sedia ada. Ulama ini juga dijadikan rujukan oleh kesultanan Melayu pada zaman tersebut. Syeikh Ahmad Fathani sebagai contoh, pendapat beliau dijadikan rujukan di dalam pelbagai perkara meliputi hal-ehwal sosio-politik, ekonomi dan sebagainya oleh sultan-sultan Patani, Kelantan, Johor Riau-Lingga dan sebagainya (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2001).

Snouck Hurgronje dalam karyanya telah memperakui bahawa komuniti Jawi di Makkah mempunyai kedudukan yang signifikan serta menjadi jantung kepada kelestarian Islam di Nusantara. Beliau telah menyatakan bahawa “*very kernel of the Jawah colony are the teachers and students [...] The careers of these learned men thus form a very important part of the history of the Jawah colony*” (Snouck Hurgronje, 1931). Oleh itu dapat dirumuskan bahawa Tanah Suci telah melahirkan ramai intelektual Melayu yang berperanan sebagai propagandis Islam yang terkemuka dan telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan intelektual Islam di Nusantara.

Hubungan antara Makkah dengan juga dunia Melayu telah menyaksikan aliran kemasukan tarekat tasawwuf serta perkembangan pusat-tasawwuf seperti *Naqshbandiya*, *Shattariyah*, *Qadiriyyah*, *Ahmadiyyah* *Shadhiliyyah* dan sebagainya ke alam Melayu. Ulama-ulama tersohor seperti Haji Abdul Samad Mohd. Salleh (1840-1891) dan Haji Wan Ali bin Abd Rahman Khutam (1837-1972) adalah antara ulama berpendidikan Makkah yang memperkenalkan ajaran tasawwuf kepada komuniti Melayu di tempat mereka. Haji Abdul Samad adalah individu pertama di Kelantan yang mempelopori amalan *al-Ahmadiyyah* sementara Haji Wan Ali adalah pengasas tarekat *Shadhiliyyah* di Kelantan (Nik Abdul Aziz Haji Nik Hasan, 1983). Haji Wan Sidek bin Wan Sulaiman, Sheikh al-Islam Kedah yang belajar di Makkah dari tahun 1889 sehingga 1910 adalah pemimpin tarekat *Naqhsbandiya Mujaddidiyyah Ahmadiyah*. Beliau juga telah menulis beberapa buku-buku untuk memberi lebih kefahaman mengenai tarekat *Naqhsbandiya* kepada khalayak umum seperti *Fatwahat al-Khadhiyat* dan *Nursatad'a Wasifa Qad'a*.

Pergerakan aliran tasawwuf menjadi pemangkin kepada ketamadunan Islam di Nusantara. Tokoh ilmu tasawwuf memberi inspirasi kepada pengikut-pengikut mereka untuk menjadi penyebar aliran tasawwuf yang sebenar kepada masyarakat. Ini kerana secara amnya amalan-amalan tasawwuf dilihat sebagai salah satu cara untuk mencapai martabat mukmin yang soleh. Oleh itu untuk mencapai tahap tersebut, seseorang Muslim haruslah mempunyai komitmen yang tinggi terhadap ajaran-ajaran Islam. Hasilnya mereka bukan sahaja menjadi mukmin yang lebih baik tetapi juga memberi inspirasi dan teladan kepada yang lain. Sebahagian

ulama sufi juga telah memberikan contoh yang terbaik kepada masyarakat dimana mereka tidak hanya menumpukan perhatian kepada keperluan akhirat tetapi juga keperluan dunia. Sebagai contoh, Haji Wan Ali bin Haji Abdul Samad (1874-1939) adalah ahli sufi, ahli theologi, *faqih*, mufti Kelantan serta reformis Melayu terkenal (Muhammad Salleh Wan Musa, 1974).

Di alam Melayu, tarekat ini juga memainkan peranan yang penting didalam mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama Muslim dan pertalian di dalam masyarakat. Hubungan yang erat di antara ahli-ahli tarekat ini akhirnya melahirkan sebuah pergerakan berpengaruh yang menjadi wadah kepada perjuangan berkaitan isu semasa terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Sebagai contoh, perkumpulan tarekat ini telah menjadi tulang belakang kepada pergerakan protes menentang penjajahan pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20.

Kedudukan Tanah Suci juga memberi beberapa kelebihan kepada jemaah haji, para pelajar serta komuniti Melayu di sana. Makkah tidak hanya berperanan sebagai hab pendidikan bertaraf antarabangsa tetapi juga pusat informasi sehenti kepada umat Islam dari pelbagai pelosok dunia. Orang Melayu tidak hanya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tetapi juga terdedah kepada perkembangan-perkembangan semasa dunia Islam pada waktu itu. Oleh itu komuniti intelektual serta jemaah haji yang tinggal lebih lama di Makkah secara amnya adalah lebih terkehadapan dari segi ilmu dan maklumat semasa berbanding dengan para ulama dan umat Islam yang tinggal di tempat-tempat lain. Selain daripada itu, orang Melayu di Makkah juga terdedah kepada ajaran Islam yang sebenar dan sedar kepada kebejatan agama di tanahair mereka. Kesedaran inilah yang membawa kepada reformasi melalui sistem pendidikan dengan penubuhan sekolah-sekolah pondok untuk menerapkan ilmu agama kepada masyarakat. Sistem pendidikan pondok ini mula berkembang pesat sejak awal kurun ke-18 Masihi di mana kebanyakannya diasaskan oleh para haji dan para ulama yang mendapat pendidikan di Makkah dan berfungsi sebagai medium penyampai serta pengembang ilmu pengetahuan kepada penduduk dan masyarakat sekitar. Di samping itu, para pelajar yang dilahirkan melalui sistem ini juga dikatakan telah menyumbang kepada penubuhan serta perkembangan institusi-institusi pendidikan agama Islam yang lain di seluruh Nusantara. (Amran Kasimin, 1991, Abdullah Qari, 1974) Dato' Haji Ghazali Arshad seorang tokoh ulama di Perak sebagai contoh, memulakan pengajian awalnya di Pondok Bagan Ulu, Pantai Merdeka di bawah asuhan Haji Husin Mohamad Nasir dan di pondok Tanah Liat Bukit Mertajam bersama Haji Salleh Masri sebelum melanjutkan pelajarannya di Makkah. Beliau telah tinggal selama 10 tahun di Makkah di mana beliau bukan sahaja belajar tetapi juga berkesempatan mengajar pelajar-pelajar dari Nusantara dan negara-negara lain. Pada tahun 1932 kembalinya ke tanahair beliau telah membuka pondoknya sendiri yang kini dikenali sebagai Madrasah Irshadiyah Addiniah di Bagan Datoh, Perak untuk mengembangkan ilmu agama kepada masyarakat. Sistem pondok telah melahirkan lebih ramai intelektual agama di rantau ini dan mewujudkan generasi baru yang tidak sahaja berilmu tetapi mempunyai aliran pemikiran yang lebih bersikap terbuka dan rasional. Sistem pendidikan ini juga telah merapatkan lagi hubungan di antara masyarakat Melayu dengan para ilmuan Islam serta memperkukuhkan lagi pengaruh Islam di kalangan masyarakat setempat.

Perkembangan institusi pendidikan Islam mempercepatkan lagi proses Islamisasi di alam Melayu serta menyumbang kepada komitmen yang tinggi kepada ajaran-ajaran agama serta kelestarian undang-undang syariah. Hakikat ini diakui sendiri oleh para mubaligh Kristian yang melihat institusi haji dan komuniti haji sebagai penghalang utama kepada aktiviti propaganda dan indoktrinasi Kristian terhadap masyarakat Melayu. C.H. Thomson sebagai contoh, merumuskan bahawa para haji bukan sahaja menjadi halangan utama kepada penyebaran agama Kristian di rantau ini di mana mereka bukan sahaja menolak ajaran Kristian tetapi juga menghalang orang lain dari menerimanya (A.C Milner, 1981). Selain daripada itu, para mubaligh Kristian juga telah diberi amaran bahawa sebilangan orang Melayu terutamanya yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah mempunyai pengetahuan dan pendedahan yang lebih baik mengenai persengketaan antara agama Kristian dengan Islam pada waktu tersebut serta potensinya untuk merebak ke rantau Melayu. Melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh graduan Timur Tengah inilah penyebaran propaganda agama Kristian telah ditolak oleh orang Melayu pada waktu tersebut. Selain itu seorang mubaligh Kristian, R.A Blasdell juga mengakui peranan signifikan yang dimainkan oleh ulama-ulama berpendidikan Makkah dalam bidang pendidikan dan kesarjanaan yang membawa kepada kefahaman Islam yang lebih tinggi serta ketakwaan terhadap Allah oleh masyarakat Melayu (M Sidin Ahmad Ishak & Muhammad Redzuan Othman, 2000). Ulama berpendidikan

Makkah seperti Abang Haji Abdul Rahman bin Abang Haji Ibrahim (Datuk Hakim Keramat) dan Abang Haji Murshidi bin Abang Haji Nuruddin (Datuk Hakim Imam) sebagai contoh telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Islam dan peningkatan aliran intelektualisme Islam di Sarawak. Tokoh ini serta rakan seangkatan mereka juga turut berusaha untuk menjaga kesucian Islam dan menggagalkan propaganda dan aktiviti pengkristianan orang Islam di Sarawak terutamanya pada penghujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 (Noranizah Yusuf, Wan Kamal Mujani, Ezad Azraai Jamsari, 2011).

Selain itu aliran pemikiran Islam diperkukuh dengan penyebaran buku agama yang kebanyakannya ditulis oleh ulama Melayu di Makkah. Kebanyakan daripada para ulama ini merupakan penulis yang prolifik yang menghasilkan pelbagai penulisan dalam pelbagai bidang. Sheikh Ahmad al-Fathani telah menulis dalam pelbagai bidang sains Islam serta bidang-bidang yang lain seperti sejarah, politik dan perubatan. Al-Nawawi pula telah menulis sekurang-kurangnya 99 buku dalam pelbagai lapangan. Kesan positif dari perkembangan ini ialah pengaliran masuk sejumlah buku serta kitab jawi dari Tanah Suci ke Nusantara secara banyak dan konsisten. Penulisan-penulisan di dalam pelbagai bidang keserjanaan Islam seperti tafsir al-Quran, jurisprudens, etika, linguistik, tasawuf dan sebagainya yang berpandukan mazhab Shafie menyumbang ke arah pengaruh mazhab tersebut di dunia Melayu. Penulisan-penulisan ini juga menjadi rujukan kepada institusi-institusi pendidikan Islam di rantau ini sehingga ke hari ini. Antara kitab-kitab jawi yang menjadi rujukan utama, termasuklah hasil karangan Daud Abdullah al-Fathani, Muhammad Arshad al-Banjari, Abd Samad al-Palimbani, Ahmad Zayni Dahlan dan Muhammad Umar Nawawi al-Bantani. Oleh itu pengaruh Makkah kepada masyarakat Melayu semakin menebal disebabkan oleh hubungan yang aktif antara Tanah Suci dengan alam Melayu, peranan yang dimainkan oleh komuniti Jawi di Makkah, jemaah haji, para pelajar, ulama serta penerbitan yang tersebar di Nusantara.

Sejajar dengan perkembangan semasa, sistem madrasah atau sekolah Arab yang lebih moden dan selari dengan kehendak semasa berpandukan sukatan pelajaran dari Makkah atau Mesir serta menggunakan bahasa Arab sebagai medium pembelajaran juga telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Madrasah al-Mashor (Pulau Pinang, 1918) Madrasah Khairiyyah Muhammadiyah (Melaka, 1920) dan Maahad ihya al-Sharif (Perak, 1934) adalah di antara madrasah yang menawarkan mata pelajaran seperti sains dan matematik di samping mata pelajaran agama yang lain kepada para penuntutnya. Selain itu ramai daripada tenaga pengajar di madrasah di Tanah Melayu merupakan lulusan Makkah dan reformis terkemuka seperti Sheikh Tahir Jalaluddin, Haji Muhammad Salleh dan Sheikh Abd Jabir Abd Allah Ahmad al-Maghribi. Antara madrasah yang cara pengajarannya selari dengan di Makkah dan menjadi pusat reformis ialah Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar dan al-Mashor di Pulau Pinang (Linda Tan, 1999). Institusi pendidikan Islam di negara ini bukan sahaja membawa idea reformis kepada masyarakat tetapi juga menyokong pergerakan reformasi yang terdapat pada waktu itu. Sebagai bukti, organisasi politik Melayu seperti Kesatuan Melayu Muda dan Angkatan Pemuda Insaf terutamanya menjelang perang Dunia Kedua hingga akhir 1940an menerima sokongan yang kuat daripada institusi pendidikan agama terutamanya di Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan (Khoo Kay Kim, 1979).

Tanah Suci Makkah pada awal kurun ke-20 tidak hanya menyediakan input intelektual kepada orang Melayu bahkan berfungsi sebagai pusat penerbitan buku Islam yang diedarkan dan menjadi rujukan di seluruh dunia Melayu. Makkah menjadi pusat keserjanaan dan pembekal kitab jawi kerana ia mempunyai kemudahan untuk percetakan dan penerbitan. Syeikh Wan Ahmad al-Fathani yang mengendalikan percetakan milik kerajaan di Makkah, iaitu *al-Matba'ah al-Miriyyah al-Kaynah* serta syarikat percetakan beliau sendiri, *al-Maktabah al-Fathaniyyah* aktif menerbitkan dan membekalkan kitab agama kepada institusi pendidikan serta buku berkaitan ibadah haji kepada orang ramai di kepulauan Melayu sepanjang akhir kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Penghantaran kitab ini dilakukan melalui jemaah haji atau syeikh haji yang berulang-alik dari rantau ini ke Tanah Suci serta jaringan haji yang sedia ada. Penubuhan syarikat penerbitan sebagai contoh *Matba'ah Riawwyiah* di Sumatra dan *Matba'ah al-Ahmadiyyah* di Singapura adalah kesinambungan daripada aktiviti ini.

Pemikiran pembaharuan Islam serta idea islah dan tajdid yang dikemukakan oleh ulama Makkah seperti Syeikh Ahmad al-Fathani dalam diskusi serta penerbitan beliau menjadi pemangkin kepada penyebaran pemikiran reformis di Tanah Melayu. Selain itu pemikiran Islam yang dibawa oleh seorang lagi sarjana

Melayu yang terkemuka di Tanah Suci, iaitu Sheikh Ahmad Khatib mempunyai pengaruh yang besar terhadap para pelajar beliau seperti pengasas Muhammadiyah di Indonesia Haji Ahmad Dahlan, reformis Minangkabau Sheikh Abdul Karim Amrullah dan reformis Melayu Sheikh Ahmad Tahir Jalaluddin. Sheikh Ahmad Tahir Jalaluddin sebagai contoh telah menetap selama 15 tahun di Makkah dan kemudiannya menyambung pelajaran selama 4 tahun di Al-Azhar, Mesir. Sewaktu di Mesir beliau juga telah berhubung dengan reformis terkemuka di Mesir pada waktu itu Muhammad Abduh dan muridnya Muhammad Rashid Rida yang juga pengasas makalah reformis al-Manar. Sheikh Ahmad Tahir Jalaluddin mungkin telah menggabungkan pemikiran reformisnya dengan idea pembaharuan dan pemikiran Islam terkini yang diperolehi di Mesir dan juga daripada komuniti Jawi di Tanah Suci sepanjang permastautinan beliau di sana pada penghujung kurun ke-19. Pendedahan ini telah menyediakan beliau dengan pengetahuan serta teknik penyampaian yang lebih berkesan dalam memperjuangkan modenisasi Islam sekembalinya beliau ke rantau Melayu pada tahun 1906.

Awal kurun ke 20 juga menyaksikan lebih ramai para pelajar Melayu di Tanah Suci menyambung pengajian mereka di Mesir sebelum kembali ke tanah air. Kumpulan ini bersama-sama kelompok para haji dan graduan dari Tanah Suci telah bersatu dalam perjuangan mereka untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajahan kuasa asing di samping mengembalikan peranan Islam sebagai pemandu hidup masyarakat. Di samping peranan yang dimainkan oleh para graduan dari Timur Tengah ini, beberapa orang ulama dari Tanah Suci juga telah di jemput ke tanahair untuk mencurahkan ilmu pengetahuan dan menyebarkan angin pembaharuan kepada masyarakat Melayu. Antara tokoh reformis terkemuka yang datang ke Nusantara pada awal abad ke-20, termasuklah Sheikh Abd Allah Maghribi di Tanah Melayu dan Sheikh Ahmad Surkatti di Jawa. Kedua-dua tokoh intelek ini mempunyai misi dan visi yang sama, iaitu untuk membawa perubahan dan mereformasi masyarakat Islam melalui medium pendidikan. Hasil daripada didikan para ulama seperti inilah kemudiannya telah melahirkan ramai reformis terkemuka di dunia Melayu.

Selain daripada itu melalui pengerjaan haji di Makkah, jemaah haji dan juga para pelajar dapat berinteraksi dengan jemaah yang datang dari seluruh pelosok dunia dan berkongsi mengenai perkembangan semasa dan juga pergerakan pembaharuan Islam dari negara-negara lain. Perkembangan ini menggalakkan kesedaran nasional kepada para pelajar dan jemaah haji dan menyumbang kepada transmisi idea-idea kesedaran dan kebangkitan melawan penjajahan asing dan akhirnya menyumbang kepada jaringan pergerakan reformis di seluruh negara.

Menjelang akhir 1880-an, beberapa penerbitan dan suratkhbar luar negara seperti al-Manar di Mesir mula dijadikan rujukan oleh masyarakat Melayu di Nusantara untuk mengetahui isu semasa dunia Islam. Pengedaran penerbitan ini juga menjadi pemangkin kepada penerbitan makalah reformis di Tanah Melayu. Sesungguhnya, idea penerbitan makalah untuk menyebarkan pemikiran reformis di Nusantara boleh dikatakan diasaskan oleh tokoh ulama berpendidikan Makkah seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Taha.

Pada tahun 1906 makalah reformis berbahasa Melayu, al-Imam telah diterbitkan di Singapura. Selain itu terdapat juga beberapa penerbitan berunsur reformis yang terdapat di tanah Melayu seperti Chahaya Pulau Pinang (1900) Neracha (1911), Tunas Melayu (1913), Pengasuh (1918) al-Ikhwan (1926) dan Saudara (1928) dimana kebanyakan pengarang utama makalah-makalah ini adalah lulusan Makkah. Sebagai contoh, selain daripada menjadi editor majalah al-Imam, Sheikh Tahir Jalaluddin juga menyumbang idea-idea beliau di dalam makalah-makalah seperti al-Ikhwan, Neracha, Semangat Islam, Saudara, Bumiputera dan Pengasuh. Haji Abbas Taha pula berpengalaman sebagai salah seorang editor majalah al-Imam sebelum mengasaskan penerbitan Neracha dan Tunas Melayu.

Makalah ini juga dilanggan oleh orang Melayu di Tanah Suci, kebanyakannya melalui perantaraan para haji dan jaringan haji yang sedia ada. Mereka tidak hanya menjadi pembaca tetapi turut juga menyumbangkan artikel serta menjadi koresponden luar negara kepada penerbitan tersebut. Selain itu terdapat juga penerbitan proreformis seperti *Seruan Azhar* (1925) dan *Pilehan Timoer* (1927) yang diterbitkan oleh pelajar Melayu di Mesir yang mendapat pendidikan awal di Makkah (M Sidin Ahmad Ishak & Muhammad Redzuan Othman, 2000; Roff, 1970). Makalah ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan di Tanah Melayu.

Haji Mohamad Yusof Bin Ahmad (Tok Kenali), tokoh ulama tersohor di negara ini dikatakan telah mempelajari ilmu kewartawanan dan penerbitan daripada guru beliau sendiri, iaitu Syeikh Wan Ahmad al-Fathani semasa beliau berada di Makkah. Pada tahun 1903 Haji Mohamad Yusof telah dibawa oleh Syeikh Wan Ahmad al-Fathani melawat Mesir. Dalam lawatannya itu, beliau telah berkesempatan untuk berjumpa dengan ulama terkenal Mesir termasuk reformis terkemuka Syeikh Muhammad Abduh. Selain daripada didikan gurunya, pertemuan dengan Syeikh Muhammad Abduh telah memberi kesempatan kepada beliau bukan sahaja untuk mempelajari hal-ehwal penerbitan tetapi juga berkongsi idea mengenai metode penyaluran maklumat dengan cara yang lebih efektif (Zulkiple Abd Ghani & Mahasin Saja@ Mearaj, 2011) Pengalaman beliau bersama gurunya dan diskusi bersama Syeikh Muhammad Abduh telah menyediakan beliau dengan pengetahuan yang luas berkaitan keadaan semasa serta gerakan pembaharuan dalam dunia Islam. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah mempelopori penubuhan majalah Pengasuh pada tahun 1918 dan al-Hidayah pada tahun 1923 yang mendukung usaha pembaharuan dalam masyarakat.

Antara intipati utama perjuangan pendukung reformasi pemodenan Islam yang diinspirasikan dari Timur Tengah ini adalah untuk memperjuangkan penginterpretasian semula agama selaras dengan tuntutan semasa. Mereka juga mengajak masyarakat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan meninggalkan amalan yang bertentangan dengan kehendak agama. Para reformis juga menekankan bahawa agama dan logik akal adalah sepadan dan Islam merupakan agama yang berpaksikan kepada logik serta Islam adalah kunci kepada kemajuan ummah. (Bintang India). Pergerakan ini pada asasnya tidak menunjukkan tentangan secara langsung kepada penjajahan barat di Tanah Melayu, sebaliknya lebih memberi keutamaan kepada reformasi dalam masyarakat Melayu serta perhatian kepada keruntuhan moral dan roh kerohanian umat Islam. Kumpulan ini melihat penyelesaian permasalahan ini melalui reformasi pendidikan dan pembangunan intelektual Melayu. Sheikh Tahir Jalaluddin sebagai contoh, menekankan bahawa Islam merupakan agama yang berpaksikan kerasionalan dan mempelajari ilmu pengetahuan moden ialah tuntutan agama. Oleh itu, pergerakan reformis di Tanah Melayu menyalurkan lebih banyak usaha dan tenaga dalam memupuk pemikiran moden Islam kepada masyarakat dan mempromosikan pendidikan Islam moden. Satu aspek penting dalam proses modenisasi ini ialah perjuangan emansipasi wanita untuk kemajuan masyarakat. Peningkatan pemikiran yang lebih progresif terutamanya pada awal kurun ke-20 telah menyebabkan isu berkaitan wanita terutamanya dalam aspek pendidikan terus diperjuangkan oleh para intelek Melayu terutamanya Sayyid Sheikh al-Hadi.

Idea islah yang disebarkan melalui sistem pendidikan di madrasah di samping pemikiran pembaharuan yang dibawa oleh makalah ini telah menyemarakkan lagi gerakan Islamisasi di Tanah Melayu. Perkembangan ini juga menjadi platform kepada reformis Islam untuk memperkukuhkan kembali Islam dan menyatukan umat Islam ke arah ajaran Islam yang sebenar. Melalui reformasi pendidikan, gerakan ini berusaha untuk memberi kesedaran kepada orang Melayu serta membebaskan diri dan minda mereka daripada belenggu penjajahan politik, ekonomi dan superioriti teknologi penjajahan asing. Di samping itu, penerbitan-penerbitan pro-reformis mendorong kepada perkembangan pengaruh gerakan pembaharuan dalam masyarakat Melayu. Idea reformasi Islam ini menjadi salah satu komponen penting dalam wacana ilmu dan perbincangan intelektual di dunia Melayu pada waktu tersebut. Hasil daripada penulisan reformis inilah yang kemudiannya memberi kesedaran politik kepada orang Melayu mengenai situasi sebenar di tanahair mereka. Ianya juga menyediakan suasana yang kondusif kepada kebangkitan aspirasi semangat nasional terutamanya kepada pertubuhan-pertubuhan Melayu dan kesedaran kepada kepentingan Islam sebagai salah satu komponen utama kepada identiti seseorang Melayu dan nasionalisme kebangsaan. Kesedaran beragama yang dipelopori oleh para reformis Islam dan penekanan yang diberikan mengenai peranan Islam sebagai penyatu dan agen transformasi intelektual Melayu menjadi asas utama kepada perpaduan Melayu pada waktu tersebut. Hasilnya, Islam menjadi pemangkin kepada nasionalis Melayu dan sebahagian daripada identiti bangsa Melayu. Dalam konteks politik, Islam dan aspirasi nasionalis Melayu tidak dapat dipisahkan. Islam dilihat sebagai sebahagian daripada nasionalisme Melayu, sebagai alat dan cara yang dapat menghapuskan beberapa isu yang memecahbelahkan politik Melayu. Menyokong Islam bermakna menyokong budaya dan masyarakat Melayu (McDonnell, 1985) Islam seterusnya diiktiraf sebagai ramuan utama kepada kelahiran nasionalis Melayu. Tanpa Islam, tidak ada nasionalisme Melayu kerana Islam telah menyatupadukan orang Melayu di samping mengeratkan lagi perhubungan dengan umat Islam di luar dunia Melayu terutamanya melalui institusi haji dan jaringan haji yang telah tersedia dari zaman berzaman.

Dari perspektif sejarah, para haji dan ulama berpendidikan Makkah juga sebenarnya terlibat secara langsung dalam membangkitkan kesedaran nasional untuk melawan penjajahan asing serta perjuangan untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Di Terengganu, nama-nama seperti Haji Abdul Rahman Limbong, Haji Abas Muhammad dan Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok ku Paloh) bukanlah nama asing bagi gerakan penentangan terhadap penjajahan British sekitar awal abad ke-20. Usaha untuk meliberalisasikan dunia Melayu daripada kolonialisme barat juga mendapat sokongan dari komuniti Melayu di Makkah. Para ulama serta pelajar Melayu telah menubuhkan persatuan di Makkah serta menghasilkan penerbitan yang melahirkan semangat nasional di tanahair. Sebagai contoh Persatuan Talabah Indonesia-Malaya (PERTINDOM) dan *Jami'atul Fathaniyyah* telah ditubuhkan sebagai pergerakan pembebasan dunia Melayu daripada penjajahan barat dengan para ulama dan pelajar menjadi ahli (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2001).

Walaupun selepas Perang Dunia Kedua perkembangan politik Melayu telah didominasi oleh pemimpin Melayu yang berpendidikan barat, sejarah telah membuktikan sumbangan kumpulan Islamis yang juga para haji dalam memupuk kesedaran awal politik di negara ini. Peranan mereka sebagai protagonis untuk membangkitkan kesedaran komuniti Islam di Tanah Melayu terutamanya sepanjang tiga dekad pertama kurun ke-20 adalah amat signifikan. Sejarah juga menunjukkan bahawa perjuangan kemerdekaan serta kebangkitan semangat nasional orang Melayu dipelopori dan dipengaruhi oleh ulama Melayu di Tanah Suci. Walaupun kebanyakan daripada mereka tidak kembali ke tanahair, idea serta pemikiran mereka terus mengalir ke Nusantara melalui medium penulisan, para pelajar atau jemaah haji yang kembali daripada Tanah Suci. Pada tahun 1945, orang Melayu di Tanah Suci juga antara komuniti Melayu di luar negara yang terawal memberikan sokongan atas usaha negara di Nusantara untuk mencapai kemerdekaan (von der Mehden, 1993). Walaupun pada penghujung 1950-an, hubungan antara orang Melayu di negara ini dengan komuniti Melayu di Tanah Suci telah berkurangan disebabkan oleh dasar politik kedua-dua negara, impak daripada jaringan perhubungan ini masih dirasakan sehingga hari ini.

Institusi haji, para ulama, jemaah haji serta institusi pendidikan Islam yang kekal bertapak dalam sistem pendidikan di Malaysia sehingga kini memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pemikiran dan pergerakan Islam di Malaysia. Sehingga kini, Islam terus menjadi asas penting kepada pembangunan peradaban di Malaysia dan idea Islam mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Pengerjaan ibadah haji ke Makkah dari masa ke semasa menjadi penyambung nadi dan penyumbang utama kepada proses "*Islamic renewal and revivalism*" dalam komuniti Islam di negara ini. Institusi haji juga memainkan peranan yang penting dari zaman berzaman, iaitu sebagai agen transformasi intelektual berimpak tinggi serta pendokong kelestarian tamadun Islam di negara ini.

KESIMPULAN

Bernard Lewis dalam kajiannya mengenai haji merumuskan bahawa perjalanan serta mobilisasi peribadi umat Islam dari tempat asal mereka ke tanah suci untuk mengerjakan haji serta institusi haji memberikan impak yang signifikan "*on all communities from which the pilgrims came, through which they travelled and to which they returned*" (Lewis, 1986) Kenyataan ini memberikan gambaran yang tepat dan menyeluruh tentang kedudukan institusi haji di Malaysia dan peranannya sebagai pemangkin ketamadunan ummah. Ibadah haji bukan sahaja membawa pengaruh keagamaan kepada individu Islam di alam Melayu tetapi juga berperanan sebagai agen transformasi berimpak tinggi yang memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan intelektual masyarakat Melayu. Sejarah membuktikan bahawa peranan institusi haji tidak hanya terbatas sebagai sebuah institusi berteraskan keagamaan dan ritual semata-mata tetapi sebagai sumber dan pemangkin kepada sebuah masyarakat berilmu yang progresif dan dinamik.

RUJUKAN

Abdullah Al-Qari Haji Salleh. (1974). *To' Kenali: His life and influences*. In W. R. Roff (Ed.), *Kelantan religion, society and politics in a Malay state*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Amran Kasimin. (1991). *Religion and social change among the indigenous people of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyumardi Azra. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia*. Australia: Asian Studies Association of Australia.
- Bintang India*, 1(3), 10 February 1923.
- Hurgronje, C. S. (1931). *Mekka in the latter part of the 19th Century*. Leiden: E. J Brill.
- Khoo Kay Kim. (1979). Recent Malay historiography. *Journal of Southeast Asian Studies*. X(2), September.
- Linda Tan. (1999). Syed Shaykh: His life and times. In: G. Alijah (Ed.), *The real cry of Syed Shaykh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Lewis, B. (1986). Hadj. In B. Lewis (Ed.), *The Encyclopedia of Islam*. Vol. 3. Leiden: E.J. Brill.
- McDonnell, M. B. (1986). The conduct of the hajj from Malaysia and its socio-economic impact on Malay society: A descriptive and analytical study, 1860-1981. Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan, Universiti Columbia, New York.
- Mehden, F. R. Von Der.(1993). *Two worlds of Islam: Interaction between Southeast Asia and the Middle East*. Florida: University Press of Florida.
- Milner, A.C. (1981). Notes on C.H. Thomsen: Missionary to the Malays. In *Indonesian Circle*, 25(June).
- Muhammad Salleh Wan Musa. (1974). Theological debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad and his Family. In W. R. Roff (Ed.), *Kelantan religion, society and politics in a Malay state*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- M. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman. (2000). *The Malays in the Middle East*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Nik Abdul Aziz Nik Hasan.(1983). Approaches to Islamic Religious Teaching in the State of Kelantan between 1860-1940. *SARI*, 1(Januari).
- Noranizah Yusuf, Wan Kamal Mujani, & Ezad Azraai Jamsari. (2011). Prosiding *Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Roff, W. R. (1970) *Indonesian and Malay students in Cairo in the 1920's Indonesia*. Cornell University: USA.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2001). *Penyebaran Islam dan silsilah ulama sejagat dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zulkiple Abd Ghani, & Mahasin Saja@ Mearaj. (2011). Prosiding *Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

PANDEMIK COVID-19 TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN WARISAN DI MALAYSIA: PERMASALAHAN DAN CABARAN

Zulhilmi Paidi, PhD
Universiti Utara Malaysia
zul1085@uum.edu.my

ABSTRAK

Penghujung tahun 2019 telah dikejutkan dengan kemunculan virus baru corona yang dikenal sebagai Covid-19. Virus ini telah menjadi wabak dan seterusnya diisytiharkan sebagai Pandemi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, iaitu melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin sebelum gejala muncul. Gejala umum termasuk demam, batuk, dan sesak nafas. Pada masa ini tiada vaksin atau rawatan antiviral tertentu. Usaha terdiri daripada pengurangan simptom dan terapi sokongan. Covid-19 menjadi pandemik yang terburuk dalam sejarah dunia moden dan telah memberikan impak yang besar kepada kehidupan sejagat. Impak yang diberikan meliputi setiap aspek kehidupan, sama ada politik, ekonomi dan Sosial. Malaysia juga tidak ketinggalan menerima bukan hanya tempas malahan ribut pandemik yang menjejaskan kehidupan keseluruhan rakyat negara ini. Semua sektor ekonomi terjejas dengan hebat dan salah satu sektor ekonomi utama yang terkesan ialah sektor pelancongan. Sektor pelancongan ini meliputi semua aspek pelancongan yang ada termasuklah pelancongan warisan di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan impak Covid-19 terhadap sektor ekonomi negara, terutamanya pelancongan warisan dan melihat kepada permasalahan-permasalahan yang timbul serta cabaran-cabaran bagi kelangsungan sektor ini.

Kata kunci: Covid-19, pelancongan warisan

PENGENALAN

Dunia hari ini telah dikejutkan dengan penularan wabak baru yang belum pernah ditemui iaitu Coronavirus atau lebih dikenali sebagai COVID-19. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberikan nama COVID-19 bagi penyakit yang mula berlaku di Wuhan, China pada akhir Disember 2019. Wabak penyakit koronavirus yang berterusan secara global dipercayai berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Kemudian, pada 11 Mac 2020, WHO telah mengiktiraf wabak ini sebagai pandemik yang merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Malahan virus yang ditakuti ini juga telah merebak dengan sangat pantas ke seluruh dunia. Wabak ini kebanyakannya menular dengan cara yang serupa dengan influenza iaitu melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Oleh itu, pelbagai langkah pencegahan yang disyorkan di Malaysia mahupun seluruh dunia antaranya adalah membasuh tangan dengan kerap, menutup mulut apabila batuk serta mengekalkan jarak dari orang lain sekurang-kurangnya satu meter. Disebabkan wabak COVID-19 ini merebak dengan pantas, hampir seluruh dunia termasuk negara ini telah terjejas bukan sahaja dalam aspek kehidupan normal tetapi juga dari aspek ekonomi. Disegi aspek ekonomi pelbagai aktiviti telah teruk terjejas akibat impak pandemic Covid-19 ini. Semua sektor ekonomi terjejas dengan hebat dan salah satu sektor ekonomi utama yang terkesan ialah sektor pelancongan. Sektor pelancongan ini meliputi semua aspek pelancongan yang ada termasuklah pelancongan warisan di Malaysia. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan impak Covid-19 terhadap sektor ekonomi negara terutamanya pelancongan warisan dan melihat kepada permasalahan-permasalahan yang timbul serta cabaran-cabaran bagi kelangsungan sektor ini.

PANDEMIK COVID-19

Covid-19 dikatakan bermula pada Disember 2019 di Wuhan, China akibat daripada kes kematian mendadak berikutan virus ini yang dikaitkan dengan pasar borong yang menjual haiwan eksotik seperti kelawar, ular, musang, marmot dan sebagainya. Usaha pakar-pakar perubatan di China untuk mengasingkan pesakit-pesakit yang terkena jangkitan ini agak lambat kerana virus ini adalah baru yang tidak pernah ada sebelum ini. Hal ini demikian kerana, kebanyakan pesakit yang terkena virus ini telah pergi ke pasar yang menjual haiwan eksotik dan makanan laut ini. Tambahan pula, terdapat pesakit yang langsung tidak pernah menjejakkan kaki ke pasar borong tersebut tetapi menghidapi virus berkenaan. Kemungkinan yang ada disini adalah asal-usul penyakit tersebut sebenarnya bukanlah berasal daripada pasar borong itu ataupun sebenarnya pesakit yang tidak pernah ke pasar itu telah dijangkiti virus oleh pesakit yang telah berkunjung ke pasar tersebut.

Selain itu, ada juga yang berpendapat bahawa virus ini disebabkan oleh segolongan manusia yang memakan haiwan eksotik yang dijual di pasar itu kerana SARS-CoV dipercayai berasal daripada kelawar dan menjangkiti haiwan lain seperti anjing dan musang sebelum penyakit ini menjangkiti manusia. Tambahan pula, memakan haiwan yang terjejas terutamanya jika ia mentah atau kurang masak juga berisiko menyebarkan penyakit ini. Orang yang berisiko dijangkiti virus ini adalah pekerja di rumah sembelih, veterinar dan pekerja yang mengendalikan produk haiwan (Ramzhdan, 2018). Satu kertas kajian yang diterbitkan oleh *Journal of Medical Virology* bertarikh 22 Januari mengatakan 6 bahawa terdapat sedikit sebanyak petunjuk yang mendapati bahawa kelawar merupakan haiwan yang bertanggung jawab sekali lagi sebagai pembawa asal 2019-nCoV ini.

Genetik untuk Coronavirus ini terbahagi kepada 4 jenis, iaitu alpha, beta, gamma dan delta. Jenis yang mempunyai kemungkinan untuk menjangkiti manusia adalah daripada kumpulan alpha dan beta sahaja dan 2019-nCoV berasal daripada kumpulan beta-coronavirus. Virus ini merebak melalui udara dan untuk jangkitan coronavirus yang lain (tidak termasuk SARS-CoV dan Mers-CoV) ianya merupakan jangkitan yang agak biasa untuk menyebabkan gejala demam selsema di seluruh dunia, merangkumi lebih kurang 30 peratus daripada jumlah kes ini secara keseluruhannya. Cara jangkitan Covid-19 adalah hampir sama dengan Mers-CoV iaitu mampu menembusi peparu manusia dengan lebih dalam. Seramai 581 orang telah dijangkiti virus ini pada 23 Januari 2020 dan keesokan harinya, jumlah pesakit meningkat kepada 900 orang.

MALAYSIA DAN PANDEMIK COVID-19

Pada 25 Januari 2020, pandemik Covid-19 telah disahkan merebak di Malaysia. Lapan orang warga China merupakan individu terawal yang menjadi penyebab virus ini tersebar di Malaysia. Mereka telah dikuarantinkan di sebuah hotel di Johor Bharu pada 24 Januari selepas bersentuhan dengan individu yang positif Covid-19 di Singapura. Laporan awal mendapati tiga daripada lapan orang tersebut telah dijangkiti dan kemudiannya dikuarantinkan di Hospital Sungai Buloh, Selangor. Berikutan dengan kes pertama tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia menerbitkan garis panduan mengenai pandemik tersebut dan menetapkan hospital di setiap buah negeri yang akan menjalankan ujian saringan dan seterusnya menguruskan kes positif. Pengimbas haba turut diperkenalkan di kawasan sempadan untuk menyaring individu yang mempunyai gejala seperti demam, batuk dan selesema. Mereka yang mempunyai gejala tersebut akan dihalang masuk ke Malaysia bagi menjamin keadaan semasa.

Pandemik ini pada awalnya dilihat agak stabil dimana kes kumulatif sehingga Februari adalah hanya 29 kes. Namun tiada siapa sangka, pertengahan Mac menjadi kemuncak penyebaran virus Covid-19 ke seluruh Malaysia yang melibatkan kluster tabligh di Sri Petaling, Kuala Lumpur. Suatu ijtihak telah diadakan bermula 27 Februari hingga 1 Mac yang dihadiri kira-kira 16,000 orang peserta, termasuk 1,500 orang daripadanya adalah dari luar negara.

Dengan penyebaran virus di seluruh negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia sehingga 16 Mac, kerajaan Malaysia telah mengumumkan untuk melaksanakan perintah berkurung separa negara, turut dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kawalan ini dilakukan secara berperingkat bermula

dari 18 Mac hingga 9 Jun 2020 untuk mengekang pertumbuhan kes positif di dalam negara. Kerajaan telah melarang sebarang pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan sosial dan budaya. Perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara serta kemasukan pelancong dan pelawat asing ke dalam turut disekat. Bagi mereka yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalankan pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin selama 14 hari bagi mengurangkan risiko kebolehhajangan dari manusia ke manusia.

PELANCONGAN WARISAN

Pelancongan warisan merupakan satu daripada kategori pelancongan kebudayaan. Menurut Badaruddin Mohamed dan Nikmatul Adha Nordin (2007, hal. 62) pelancongan warisan dikategorikan sebagai suatu bentuk pelancongan yang mempunyai nilai-nilai kelestarian. Pertubuhan Pelancongan Dunia telah menggariskan bahawa pelancongan warisan merupakan subkategori di bawah pelancongan budaya. Menurut Smith (dalam Ivanovic, 2008, hal. 80-81), terdapat beberapa kategori utama dalam pelancongan kebudayaan iaitu pelancongan warisan, pelancongan kesenian, pelancongan kebudayaan bandar, pelancongan kebudayaan luar bandar dan kontemporari. International Council on Monuments and Sites (ICOMOS) (1999) (dipetik dalam Ivanovic, hal. 81) mendefinisikan pelancongan warisan sebagai

Warisan merupakan satu konsep yang luas termasuk persekitaran alam semulajadi dan kebudayaan serta merangkumi lanskap, tapak-tapak, tempat-tempat bersejarah dan pembangunan alam sekitar, juga biodiversiti, koleksi-koleksi, amalan kebudayaan terdahulu dan yang masih diamalkan, ilmu pengetahuan dan pelbagai pengalaman hidup. Ia mencatat dan menggambarkan proses pembangunan sejarah yang panjang, pembentukan pelbagai identiti di peringkat kebangsaan, wilayah, masyarakat asli dan penduduk tempatan, serta menjadi sebahagian daripada kehidupan moden. Ini merupakan sumber rujukan yang dinamik dan kaedah positif untuk pembangunan dan perubahan. Sebahagian warisan dan memori terkumpul daripada penduduk tempatan atau komuniti tidak dapat ditukar ganti dan menjadi asas penting untuk pembangunan sekarang dan masa hadapan.

Hall dan Zeppel (dalam Afandi Fikri, 2007) pula mendefinisikan pelancongan warisan sebagai meliputi pengembaraan ke tempat festival dan acara kebudayaan, lawatan ke tapak dan monumen, pengembaraan untuk mengkaji alam semulajadi, adat-adat masyarakat, kesenian atau berziarah ke tempat suci. Menurut Zaharan Hussain (2000), warisan bersumberkan nostalgia lalu dan keinginan untuk mengalami kembali warisan budaya yang berbagai latar belakang dan bentuk yang merangkumi peninggalan nyata dalam bentuk bangunan bersejarah, tempat-tempat arkeologi, monumen dan artifak-artifak seni serta budaya yang dipamerkan di muzium sebagai sumber warisan untuk tarikan pelancongan. Badaruddin Mohamed dan Nikmatul Adha Nordin (2007, hal. 62) menjelaskan bahawa pelancongan warisan melibatkan perjalanan-perjalanan yang dilakukan oleh pelancong ke tapak-tapak semulajadi seperti taman-taman negara serta kawasan lanskap yang mempunyai nilai estetik dan sejarah yang tinggi.

Perkara ini selaras dengan peruntukan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AWK) yang diwartakan pada 31 Disember 2005 dan dikuatkuasa pada 1 Mac 2006. Sebelum ini hanya terdapat Akta Benda Purba, 1976 (Akta 168) yang digunapakai bagi perlindungan dan pemeliharaan warisan Negara berkaitan barang purba, monumen, dan tinggalan kebudayaan. Akta Treasure Trove Act, 1957 (Act 542) pula adalah berkaitan jumpaan harta karun tetapi pelaksanaannya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Pada Sesi Parlimen Januari 2005, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan pemeliharaan warisan di dalam Senarai Bersama (*Concurrent List*), dan menjadikan warisan di bawah bidang kuasa perundangan bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, serta memberi obligasi kepada kedua-dua kerajaan ini dan rakyatnya untuk memelihara, melindungi, memperkembang dan menjaga warisan kebangsaan. Pelaksanaan ini juga adalah sejajar dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia pada 27 Mac 2004. Akta Warisan Kebangsaan meliputi Warisan Budaya (*Cultural Heritage*) yang dipecahkan kepada warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tidak

ketara (*intangible heritage*), Warisan Semula Jadi (*Natural Heritage*), serta Warisan Budaya Bawah Air (*Underwater Cultural*)

Secara umumnya apabila kita membicarakan “cultural heritage”, “cultural property”, “cultural significance” atau warisan budaya bangsa, konsep ini merujuk dua kategori utama, iaitu

1. Hasil budaya yang boleh digerak atau dipindah atau diubah seperti buku, manuskrip atau hasil-hasil sejarah seni seperti lukisan dan juga objek-objek yang didapati dari kerja-kerja arkeologi termasuk koleksi saintifik.
2. Hasil budaya yang tidak boleh digerak, dipindah dan diubah tempat kewujudannya seperti Monumen yang mempunyai nilai sejarah atau arkeologi dan juga bangunan-bangunan juga kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan sejarah dan arkeologi.

Manakala takrifan bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan pemuliharaan warisan budaya bangsa adalah masih terlalu asing dan baru bagi kita di Malaysia. Justeru itu, pada bahagian ini juga penulis akan menjelaskan secara umum takrifan beberapa istilah yang biasa diguna-pakai dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan:

a) **Restorasi** dapat didefinisikan secara umumnya kepada kerja-kerja baik pulih dengan mengekalkan keaslian senibina dan bahan-bahannya kepada suatu masa atau era tertentu yang difikirkan sesuai atau sebaik mungkin ketahap ianya mula didirikan dan seterusnya hinggalah kepenggunaannya yang asal juga. Dalam melaksanakan kerja-kerja restorasi ini berkemungkinan besar akan melibatkan kerja-kerja pembinaan semula terutama kepada bahagian-bahagian asal yang telah musnah supaya ianya berfungsi sebagaimana asal.

b) **Konservasi** dimaksudkan kepada kerja-kerja baikpulih yang mana cuba memulih semula warisan budaya bangsa terutamanya monumen atau tapak bersejarah kepada senibina dan bahan-bahan binaan yang sehampir mungkin dengan yang asal semasa mula-mula dibina.

c) **Preservasi** ialah kerja-kerja yang merupakan kerja-kerja pengawasan dan penjagaan sesuatu warisan budaya bangsa seperti monumen dan tapak bersejarah agar ianya tidak mengalami kerosakan dengan menggunakan kaedah saintifik dan sistematik mengikut prosedur-prosedur yang tertentu.

d) **Rekonstruksi/Pembinaan Semula** ini hanya dilakukan ke atas warisan budaya bangsa terutamanya monumen dan tapak bersejarah yang telah musnah sama sekali yang mempunyai rekod senibina dan bahan-bahan asalnya, disamping itu ianya hendaklah yang mempunyai nilai sejarah dan senibina yang tinggi.

KEPENTINGAN PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA BANGSA

Hasil dari perbincangan secara umum sebelum ini, kita dapat mengenal sedikit sebanyak apa yang dimaksudkan dengan pemuliharaan dan bagaimanakah hubungan dengan negara bangsa dapat terjalin. Justeru itu dapatlah kita melihat dengan lebih jelas apakah yang dapat dimainkan aktiviti pemuliharaan warisan budaya bangsa dan peranan yang dapat ditonjolkan demi kepentingan pembinaan negara bangsa, terutamanya di Malaysia. Antara kepentingan yang dapat dilihat ialah:

a) Kepentingan dari sudut pembinaan sejarah negara

Di antara perkara paling penting yang dapat dilahirkan aktiviti pemuliharaan ke atas warisan budaya bangsa terutamanya monumen dan tapak tanah bersejarah ialah sumbangannya kepada sejarah negara. Pengekalan warisan budaya bangsa menerusi aktiviti pemuliharaan akan memastikan kewujudan bukti-bukti sejarah yang sudah pasti memberikan gambaran lebih jelas tentang sesuatu peristiwa dan fakta berkenaan sesebuah negara dan sesebuah bangsa. Sebagaimana yang kita sedia maklum, proses pemuliharaan dilalui bukan dengan cara mudah tetapi menerusi proses berpanjangan yang melibatkan aktiviti ekskavasi arkeologi, konservasi, preservasi, restorasi dan rekonstruksi sebelum satu-satu penilaian sejarah dapat dibuat. Ini semua bagi memastikan kesahihan yang dilahirkan dapat diterima oleh semua pihak.

b) Kepentingan senibina dari aspek ketamadunan

Selain itu tidak dapat dinafikan aktiviti pemuliharaan membantu masyarakat melihat perkembangan dan kemajuan senibina yang telah berlaku di sesebuah kawasan atau negara. Ini adalah penting kerana sejarah telah membuktikan sejak dahulu lagi bahawa diantara catatan kemajuan manusia yang paling berkesan sering kali ditonjolkan menerusi pembinaan monumen seperti yang dilakukan masyarakat Mesir Kuno dengan piramid mereka. Justeru itu adalah penting keagungan warisan budaya bangsa dan senibinanya dikekalkan buat tatapan masyarakat masa kini dan akan datang agar mereka dapat menilai perkembangan yang sedia ada. Secara umumnya catatan dalam bentuk ini dapat dijadikan satu mata ukuran mengenai ketamadunan bangsa sesebuah negara.

c) Mengingatkan kembali kenangan masa lampau

Di samping itu pengekaln warisan budaya bangsa, terutamanya monumen dan tapak bersejarah juga memberikan kesan psikologi kepada orang ramai dari aspek mengenangkan kembali atau mengaitkan peristiwa-peristiwa masa lalu. Kenangan ini mudah timbul berdasarkan kewujudan warisan budaya bangsa ini yang jelas pada pandangan hasil dari usaha pemuliharaan yang dijalankan contohnya Kota A Famosa ataupun Batu Bersurat Terengganu. Melalui kenangan peristiwa masa lampau ini sebahagiannya akan dapat menanamkan cinta rasa kepada negara selain dapat menjadikan peristiwa masa lampau itu sebagai panduan pada masa akan datang.

d) Meningkatkan tarafnya

Menerusi kerja-kerja pemuliharaan, aspek ketahanan sesuatu warisan budaya bangsa itu dapat dipastikan. Usaha ini dilakukan dengan menjalankan kerja pemuliharaan yang betul sama ada melakukan kerja konservasi, preservasi, restorasi, atau pun rekonstruksi. Pengekaln imej menerusi pemuliharaan memastikan fakta asal yang wujud dapat terus digunakan oleh generasi mendatang tanpa ada perbezaan. Peningkatan kepada taraf ketahanannya juga membawa kepada ketahanan imej yang dibawa dan penggunaannya dapat memberikan pulangan ekonomi yang paling maksima, terutamanya apabila ia digunakan sebagai alat menarik industri pelancongan. Masalah ketahanan ini pada kebiasaannya disebabkan peredaran masa yang dipengaruhi oleh keadaan cuaca tropika yang merupakan pengancam utama kerana keadaan ini mudah mengakibatkan hakisan dan pereputan.

e) Menyeimbangkan integrasi pembangunan

Warisan budaya bangsa yang berbentuk tidak boleh digerakkan atau dipindah seperti monumen dan terletak pada kebiasaannya terletak di kawasan yang strategik dari segi memberikan pendapatan iaitu yang terletak di kawasan perbandaran. Justeru itu, menerusi kerja-kerja pemuliharaan keperluan pulangan pendapatan dapat diseimbangkan sekiranya dibandingkan dengan pembangunan semula yang selalunya melibatkan pembinaan bangunan-bangunan baru atau bangunan pencakar langit. Apa yang dimaksudkan ialah dengan proses pemuliharaan dan pengekaln monumen juga sebenarnya pihak yang terlibat tidak akan kerugian kerana pendapatan dapat diperoleh, terutamanya menerusi sektor pelancongan. Selaras dengan itu pula nilai-nilai warisan budaya bangsa dapat diselamatkan tanpa mengorbankan pendapatan pembangunan.

IMPAK COVID-19 TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN WARISAN

Kehadiran pandemik Covid-19 pada awalnya dilihat akan reda dalam tempoh yang tidak lama. Ramalan awal ini telah tidak menjadi kenyataan, malahan pandemik ini telah semakin ganas merebak keseluruh dunia sehingga melumpuhkan banyak kegiatan hidup seharian penduduk di dunia ini termasuklah negara Malaysia. Sektor pelancongan warisan merupakan antara aktiviti ekonomi yang terjejas teruk. Antara permasalahan yang timbul akibat pandemik Covid-19 ini ialah:

a) Kemerosotan Pendapatan Dari Industri Pelancongan

Perisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia bermula Mac 2020 dan telah memberi kesan buruk kepada kehadiran pelancong. Polisi menutup sempadan telah mengakibatkan kehadiran pelancong sama ada pelancong domestik ataupun pelancong asing hampir tiada langsung. Akibat daripada ketiadaan pelancong ini hampir semua aktiviti berkaitan pelancongan di seluruh negara telah tidak dapat dijalankan.

Sektor pelancongan warisan yang sebelum berlakunya pandemik merupakan salah satu aktiviti pelancongan paling popular juga menerima nasib yang sama. Semua tempat lawatan seperti Muzium, bangunan bersejarah, monumen dan tapak warisan terpaksa ditutup bagi mengelakkan merebaknya pandemik Covid-19. Ini telah menyebabkan sektor pelancongan secara keseluruhannya kehilangan pendapatan sebanyak lebih 60 billion pada tahun 2020.

b) Industri Perhotelan Mengalami Kerugian

Pandemik Covid-18 juga telah mengakibatkan industri perhotelan menghadapi mimpi yang amat buruk. Ketiadaan pelancong bermakna tiadalah pengunjung hotel-hotel termasuklah hotel-hotel warisan ataupun hotel-hotel di negeri yang banyak menjual produk pelancongan warisan seperti negeri Melaka. Pendapatan dari industri perhotelan selama sebelum pandemik merupakan antara sumber pendapatan kerajaan yang besar. Akibat pandemik Covid-19 dan PKP ini industri perhotelan telah kerugian sebanyak RM40 billion dalam tahun 2020 sahaja dan dijangkakan lebih teruk pada tahun 2021. Gambaran ini juga jelas dapat dilihat daripada keputusan penutupan hotel-hotel besar seperti Hotel Istana Kuala Lumpur.

c) Kelangsungan Muzium-Muzium Di Malaysia

Sektor pelancongan warisan yang terjejas juga telah mengakibat produk-produk pelancongan warisan menjadi sepi dari lawatan para pengunjung. Akibat ketiadaan pelancong dan pengunjung ini memungkinkan penutupan muzium-muzium, bangunan bersejarah, monumen atau tapak warisan kerana ketiadaan sumber pendapatan untuk menampung kos pengurusan produk-produk tersebut. Ini lebih-lebih lagi melibatkan produk-produk pelancongan warisan yang dimiliki pihak swasta. Tidak ketinggalan produk-produk warisan tak ketara yang sebelum ini dijual dan dipamerkan di festival ataupun di tepi-tepi jalan turut kehilangan pemintanya dan juga menyebabkan pendapatan para peniaga dan pempamer hilang dengan teruknya,

d) Kerosakan Dan Kepupusan Kepada Objek Pelancongan Warisan Ketara Dan Tak Ketara

Selain itu, satu isu utama akibat daripada ketiadaan pelancong dan pengunjung serta ditambah dengan kekurangan sumber pendapatan ini memungkin kepupusan dan kerosakan kepada objek-objek pelancongan warisan. Bangunan bersejarah yang sememangnya telah lama berdiri menghadapi kemungkinan kerosakan seperti pereputan, ancaman makhluk perosak dan juga ancaman cuaca. Ini kerana tanpa pendapatan, sudah tentu sukar untuk pihak yang berkenaan untuk menanggung kos penyelenggaraan. Manakala produk warisan tak ketara seperti kraftangan pula menghadapi masalah tiada pembeli dan barangan tersebut rosak kerana terlalu lama tersimpan dan terbiar.

e) Kehilangan Tenaga Kerja Mahir Dalam Konservasi Warisan

Pandemik Covid-19 bukan sahaja menjejaskan produk-produk pelancongan warisan tetapi ianya juga memberi kesan kepada aspek tenaga kerja dalam industri ini. Kebimbangan terhadap pandemik, ketiadaan pelancong dan pengunjung terpinggir dari industri pelancongan yang sedang merosot mengakibatkan tenaga-tenaga kerja mahir dalam konservasi beralih arah kepada pekerjaan lain. Tenaga-tenaga kerja mahir yang pada kebiasaannya terdiri dari kalangan orang awam dan diberikan pekerjaan atas dasar kepakaran tidak lagi dapat bergantung dengan pihak-pihak berkaitan produk-produk pelancongan warisan. Sebagai contoh pemain-pemain utama dalam warisan tak ketara seperti dikir barat, wayang kulit dan yang seumpamanya tidak dapat menjalankan kegiatan seperti biasa kerana PKP dan ini telah mengakibatkan mereka kehilangan antara pendapatan utama untuk produk mereka.

CABARAN INDUSTRI PELANCONGAN WARISAN DI MALAYSIA

Kehadiran pandemik Covid-19 yang semakin ketara sejak tahun 2020 sehingga kini jelas memberikan pelbagai permasalahan kepada industri pelancongan warisan di Malaysia. Permasalahan-permasalahan yang timbul telah menjadi satu caran kepada pihak yang berkaitan pelancongan warisan di negara ini dalam menghadapi masa depan yang jelas berbeza. Antara cabaran yang jelas perlu dihadapi ialah:

a) Norma Baharu Dalam Birokrasi

Kerajaan Malaysia dalam usaha mendepani masalah pandemic Covid-19 ini telah berusaha membentuk cara yang bersesuaian bagi membantu industri pelancongan warisan di negara ini. Di sinilah cabaran baru untuk pemain-pemain industri ini perlu menghadapi. Ini bermakna kebanyakan aktiviti pelancongan warisan seperti apa-apa jua aktiviti dalam masyarakat adalah tertakluk kepada norma baharu terutamanya dalam birokrasi dan pentadbiran dalam sektor ini. Penerimaan kepada norma baharu ini juga akan mempengaruhi sejauh mana industri pelancongan warisan ini akan berkembang.

b) Penerimaan Dan Pemahaman Masyarakat

Selain itu cara penerimaan dan pemahaman masyarakat terhadap semua situasi baru dalam aktiviti pelancongan warisan di negara ini juga merupakan satu cabaran besar kepada aktor-aktor utama industri ini. Penerimaan dan pemahaman masyarakat terhadap norma baharu dalam urusan aktiviti pelancongan warisan mungkin akan banyak berbeza seperti sebelum pandemik Covid-19. Proses ketat dalam melaksanakan norma baharu untuk pelancongan warisan ini mungkin menyebabkan pelancong tidak lagi berminat untuk mengunjungi produk-produk warisan ini. Justeru perlu ada usaha untuk memastikan minat para pengunjung tidak kendur akibat dari pelaksanaan norma baharu tersebut ataupun kebimbangan terhadap penyebaran Covid-19.

c) Dilema Nilai Warisan Dan Pembangunan

Pada masa yang sama industry pelancongan warisan ini juga akan berdepan dengan isu bagaimana produk-produk warisan ini boleh dikekalkan sebagai nilai warisan dan tidak menjadi korban pembangunan. Salah satu aspek paling penting akibat daripada berlakunya pandemik Covid-19 ialah kekurangan pendapatan pada pihak kerajaan dan pemain industri pelancongan warisan ini. Ini mengakibatkan kebanyakan produk dan objek pelancongan warisan terpaksa memilih sama ada kekal terus sebagai nilai warisan dan memerlukan perbelanjaan yang besar ataupun mengakomodasi keperluan itu dengan membuka ruang untuk pembangunan yang dapat memenuhi keperluan kewangan mereka.

d) Perbelanjaan Yang Besar

Pengenalan kepada norma baharu dalam sektor pelancongan warisan juga bermakna perbelanjaan yang lebih besar dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat adalah perlu dalam memastikan keselamatan kepada semua pengunjung dan pelancong sektor pelancongan warisan ini. Ini bermakna perkara penjarakan sosial, sanitasi dan penggunaan staf yang lebih adalah perlu. Ini kadang kala akan menyekat keinginan para pemain industri untuk membuka aktiviti produk pelancongan warisan mereka sehingga keadaan normal kembali. Kebimbangan kepada kerugian disebabkan perbelanjaan yang lebih besar, mereka akan lebih rela menanggungkan pembukaan aktiviti mereka sehingga keadaan pulih kembali. Tidak dinafikan penyelenggaraan yang lebih teliti juga setelah lama tidak dibuka akan memberi makna lebih banyak perbelanjaan akan dikeluarkan.

KESIMPULAN

Sejarah sama ada dalam bentuk data, perkakasan, persekitaran ataupun bangunan adalah amat penting dalam proses kehidupan manusia selama ini. Maka kepentingan untuk membangunkan semula elemen-elemen tersebut, terutamanya bangunan-bangunan yang sedia wujud dan masih kekal ataupun yang diperoleh melalui proses cari gali adalah jelas, untuk membantu manusia mengenali sejarah dan identiti masing-masing agar dapat menimbulkan kecintaan kepada negara sekali gus membantu pembangunan negara secara keseluruhan.

RUJUKAN

Afandi Fikri (2007). *Pembangunan Kandis Resource Centre: Pemangkin pelancongan Pendidikan. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.*

Astro Awani. (2020). *60 kes baharu, 33 pulih dan tiada kematian.* Kuala Lumpur: Astro Awani.

- Azman, F. (2020, April 4). *Adakah peniaga IKS Malaysia bersedia memasuki ekonomi digital?* Retrieved from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakahpeniaga-iks-malaysia-bersedia-memasuki-ekonomi-digital-236786>
- Badaruddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin. (2007). *Perancangan pelancongan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Baloglu, S. (1999). Image variation of Turkey by familiarity index; informational and experiential dimensions, *Tourism Management*, 22, 127-133.
- Bernama. (2020, Mac 24). *KKM terima bantuan peralatan perubatan daripada CCC-ECRL*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/75331/KHAS/Koronavirus/Covid-19-KKMterima-bantuan-peralatan-perubatan-daripada-CCC-ECRL>
- Bernama. (2020, Februari 21). MMA puji kecekapan KKM kendali COVID-19. Didapatkan dari https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1815612
- Bernama. (2020, April 18). PKP beri nafas baharu kepada alam sekitar. Didapatkan dari <https://www.sinarharian.com.my/article/79564/BERITA/Nasional/PKP-beri-nafasbaharu-kepada-alam-sekitar>
- Carr, E. H. (1987). *What is history ?* London: Penguin Books.
- Collingwood, R. G. (1985). *Idea sejarah* (Terjemahan oleh Muhd Yusof Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridzwan Abdul Ghafar (11 November, 2013). *Bangunan warisan terbiar perlu segera dibaik pulih*. *Berita Harian*.
- Gnoth, J 1997, *Tourism motivation and expectation formation*. *Annals of Tourism Research*, 24 (2), 283-304.
- Hakimi Ismail (1 Januari 2014). *Bakal jana pendapatan 76B*. *Utusan Malaysia*.
- Hole, F., & Heizer, R. F. (1990). *Arkeoloji prasejarah: Satu pengenalan ringkas* (Terjemahan oleh Shakila Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ivanovic, M 2008, *Cultural tourism*, Juta & Company, Ltd, Cape Town, South Africa.
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, viewed 20 September 2010, <<http://kebudayaan.kpkk.gov.my/about/perkhidmatan/?c4=16&c3=40&click=1>>.
- Mohamed Anwar Omar Din 2009, *Pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan: beberapa fakta yang tidak dicatat dalam laporan rasmi*, viewed 7 September 2010, <<http://www.aswara.edu.my>>.
- Paiman Keromo (2012). *Garis panduan konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah di Malaysia*. Johor Baharu: Muzium Diraja Sultan Abu Bakar Johor.
- Parasuraman, A, Zeithaml, AV & Berry, LL 1988, *SERVQUAL: A multiple-item scale for measuring consumer perception of service quality*. *Journal of Marketing*, 64, 12-40.
- Richards, G 1996, *Cultural tourism in Europe*, *CAB International*, Wallingford, UK. Viewed 3 September 2010, <www.tramresearch.com/cultural_tourism_in_europe.PDF>.

A decorative border in a golden-brown color, featuring intricate floral and leaf patterns. The border is rectangular with ornate corners and side decorations, framing the central text.

TEMA:

*PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BAHASA,
SASTERA DAN BUDAYA*

VERBAL AND NON-VERBAL ANALYSES OF MALAYSIAN ORANG ASLI CHILDREN'S DISCURSIVE INTERACTIONS IN AN EDUCATIONAL SETTING

Mohamad Ibrani Shahrinin Adam Assim
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB)
ibrani@upm.edu.my

Salina Janis
SMK Baru Bintulu (SMKBB)
salinajanis@gmail.com

ABSTRACT

Nation building and social cohesion among diverse communities require better understandings of the nature of communicative discourses and narratives of all communities, including Orang Asli communities. Discursive analyses among interactions of Orang Asli and non-indigenous groups of children are increasingly pertinent in qualitative studies. A series of verbal and non-verbal interactions of Orang Asli's children was analyzed using Rogoff's Sociocultural Theory and the three foci of analyses. A multi-method case study design was employed to identify the patterns of socioculturally interactions unique to the Malaysia's Orang Asli children in Malaysia. Twelve preschool children were observed and interviewed using a semi-structured questionnaire. Seven dominant interaction patterns related to socioculturally appropriate social interactions of Orang Asli preschool children were examined. Factors facilitating and inhibiting the verbal and non-verbal interactions were identified using the application of Rogoff's three foci of analyses and series of semi-structured interviews with Malaysian preschool teachers and Orang Asli preschool children. A structured framework of collaborative analyses may present a more and thorough view of indigenous children's understanding of their educational environment. Further research on nation building is suggested to recognize the imperatives of understanding the sociocultural narratives of indigenous communities, particularly the children from minority and marginalized citizens.

Keywords: Verbal and non-verbal analyses, Orang Asli children, social interactions, sociocultural and educational environment

INTRODUCTION

Discursive analyses may not be limited to only human-to-human interactions, as computer technology settings are getting more prevalent in qualitative studies. Appropriate computer technologies among young children are important for their holistic development. Computers in early childhood classroom, with indigenous children are increasingly visible in rural preschool centres in Malaysia. Educators believe that task structures for the integration of computers and social interaction among young children are still a novelty in early childhood curricula. However, in Malaysia socioculturally appropriate task structures are seldomly given much emphasis, particularly classrooms that involve indigenous or Orang Asli children.

As the world moves beyond the millennium and societies become more diverse with globalisation, implementation of multicultural perspectives in educational settings cannot be challenged and debated any more (Smagorinsky, 2012). Doyle and Woods (2018) and Gonzalez-Mena (1997) contend that educators cannot afford to dishonour the diversity present in early childhood settings, disregard cultural variations, and in fact, allow the gap between home and school cultures to widen. Moreover, the choice and selection of pedagogical approaches of educators appear to be grounded in their cultural traditions and knowledge (Eriks-Brophy, Quittenbaum, Anderson, & Nelson, 2008; McAlpine, Eriks-Brophy, Desjardins, & Crago, 1995). Nonetheless, it is important to note that along with teachers, learners too are equally swayed by their cultural goals and meanings, which in turn mediate their learning and impact on their learning processes (Abulencia,

2011; Broadfoot, 1996).

This study is guided by a sociocultural perspective. Central to this perspective is the notion that children's cognition, and their preceding actions, are constructed and constantly evolving because of social interaction environment or culture (Johnston, Hadley & Waniganayake, 2020; Rogoff, 1994). Edwards (2000), as cited in Zhou & Brown (2017) postulate that the sociocultural perspectives emphasize relationships between people, actions, contexts, meanings, communities, and cultural histories. Furthermore, the sociocultural perspective seeks to describe the appropriate classroom computer integration by examining how the phenomenon is experienced and exhibited through the children's collaborative interactions. It is hoped that by enabling the researcher to build a model of social interaction pattern as it relates to computer integration among Orang Asli preschool children, it will also be possible to construct an image of how these interactions, and the nature of the classroom itself, are linked to the larger sociocultural context of the participants.

A mismatch between cultures and teaching styles may lead to learning difficulties, confusions over identity, lowered motivation and under academic achievement of children of ethnic minorities (Syed, 2017; Mathews, 1996). Thus, an examination of social and cultural contexts in which learning is embedded is critical for addressing the inequalities in school-related outcomes, particularly within the computer learning environment, for children from diverse backgrounds. The purpose of this study is to investigate and identify the socioculturally appropriate social interaction patterns exhibited by Malaysia's Orang Asli preschool children in an educational computer environment.

METHODOLOGY

To support the country's ICT master plan and in line with the country's drive to the digital economy, the education system has to be transformed (MCMC, 2016; MCMC, 2017; MOE, 1998; NITC, 2001). An example of a previous catalyst for this transformation was the ICT-enabled Smart Schools (MCMC, 2017; MOE, 1998; NITC, 2001). In addition to the Smart School project, the Malaysian Ministry of Education had attempted to reduce the digital divide that exists in the different parts of the country by providing computer laboratories to thousands of schools (MCM, 2016; NITC, 2002). Other ICT-related projects involve the training of teachers, school administrators and other school staff (MOE, 1998; NITC, 2001). Innovative projects like the use of electronic books and e-learning were also implemented to ensure their feasibility before any roll-out to all the schools in the country (MCMC, 2017; NITC, 2002). Non-governmental agencies are also very much involved in the drive to introduce ICT into schools (MCMC, 2017; NITC, 2001).

The current study employs comparisons across communities (indigenous and non-indigenous children contexts) and using quantitative as well as qualitative approaches. Howard (2020), Rogoff and Angelillo (2002) and Rogoff, Ministry, Goncu and Mosier (1993) acknowledge that both quantitative and qualitative tools are important towards understanding the nature of cultural processes. Rogoff and Angelillo (2002) argue that "close analysis of small numbers of cases can be used to compare larger numbers of cases while retaining the meaningful relations among interrelated aspects of the functioning of each case or each community studied" (p. 221). The authors stress that the analysis tools should be tailored to questions, rather than allowing customary tools to limit research questions or allowing the assumptions on which they are based to organise our own conceptions of how the phenomena themselves function (Rogoff and Angelillo, 2002; Howard, 2020).

Therefore, it is critical not to contemplate mechanistic assumptions, which prioritise control of freestanding variables, to exclude the study of dynamic, multifaceted cultural configurations (Rogoff & Angelillo, 2002). On the other hand, it is also noted that variables can be regarded as providing a shorthand reference for the sake of temporary focus on a limited set of features of cultural phenomena, in which variables as analytic tools in holistic analyses require interpretation in the light of other aspects of cultural processes (Rogoff & Angelillo, 2002). However, Howards (2020) and Rogoff and Angelillo (2002) stress the imperative of maintaining the analytic tool not to be freestanding, but in greater focus than the other aspects of the phenomena under study. Thus, it is acknowledge that the basis of the analytical model of the current study

is partially premised on the functional pattern analysis, as suggested by Winegar and Valsiner (2013) and Rogoff and Gauvain (1989), which were applied in the study of Rogoff, Ministry, Goncu and Mosier (1993). According to Rogoff, et al. (1998), functional pattern analysis examines generalities or patterns in a variety of similar cases (for example, individuals, dyads, classrooms, events) while attempting to maintain the meaning of individual actions in their (see Mehan, 1979; Wellman & Sim, 1990, as cited in Rogoff, Ministry, Goncu & Mosier, 1993). The summaries of the analyses are as follows (Rogoff, Ministry, Goncu and Mosier, 1993):

1. The focus of functional pattern analysis is to unfold development of purposive acts within ongoing events. In relation to the categories involved, in which are functionally defined, the purposes of the event are viewed as a whole, and no steps are taken to define any superficial behaviours independently and separated from their context.
2. The nature of examinations involves the contributions of participants in the context of those of other individuals, in which the evidence for constructing an account of participants' goals is available in the communication of participants.
3. Statistical methods are employed to analyse existing patterns, and employment of the examination of graphical arrays that allow tracking across multiple variables to examine patterns of interrelations and to account for anomalous or similar cases.

With the advent of the fourth industrial revolution and the shift to a new economic paradigm comes also a shift in the way work is carried out due to the increasing importance of information technologies (ICTs) in work activities (Mohd Zin, Asmadi Sakat, Ahmad, & Bhari, 2013; MCMC, 2017; MOE, 1998; NITC, 2001). Malaysian Ministry of Education (MOE) had highlighted that the need for the education system to be based on two elements: creativity and innovation, as the enablers to equip the citizens towards the high-income level. The policy paper in the documents of the Blueprint on Enculturation of Life-Long Learning for Malaysia 2011- 2020 (2011), supports the need for independent and self-managed learning. With the advances in technology and growth of information, the delivery of knowledge needs to be more flexible in linking the learners with the learning resources (MCMC, 2016). Hence, as computers are becoming an integral part of Malaysian early childhood education, with the importance of social interaction and discourse with others in extending Orang Asli children's learning, it is imperative to investigate the sociocultural appropriateness of collaborative computer social interactions in their naturalistic classroom setting.

RESULTS


To illustrate Rogoff's ideas of the three foci of analysis and the transformation of participation perspective, a series of images from the findings are presented in the results section of this paper. In Figure 1 below, an image is shown without any research lens or focus of observation. The image depicts an example of a computer session undertaken in a Malaysian rural preschool classroom environment. Each child was paired in dyads, and has their own mouse device, utilising a collaborative software program. As shown on the image below, one of the children was initially not interested with the activity, where she maintained to observe other children (two girls at the computer- on top left corner of Figure 1) for a prolonged duration of time (approximately 18 minutes of the computer session).

This child is an Indigenous Malaysian - Orang Asli child and was reported by the classroom teacher to be a keen observer of novice activities in the class. However, in relation to the analytic model of the current study, the research lens of the three foci analysis by Rogoff (1995, 1998, 2003) were adapted when the child begins to participate within the dyadic context of the computer environment, which involves the observation of her partner under the guidance of the teacher assistant, thus initiating the process of transformation of participation in her immediate context (see Figure 2).

Figure 1. An image of a preschool computer environment



Figure 2. Community or contextual focus of analysis (adapted from Rogoff, 1997, 1998) or cultural-institutional aspects of analysis (Rogoff, 2003)



Based on these adaptations of the three foci of analysis, Rogoff (2003) stress that:

“Together, the interpersonal, personal, and cultural-institutional aspects of the event constitute the activity. No aspect exists or can be studied in isolation from the others. An observer’s relative focus on one or the other aspect can be changed, but they do not exist apart from each other” (p. 58)

However, Rogoff (2003) also warns that failure to recognise culture together with the “equally important role of the people who constitute cultural activities” (p. 61) may pose certain limitations and analytical problems. Figure 3 portrays a problem that is common in many studies, where Rogoff argues that “it does not make sense to try to study cultural processes without considering the contributions of people involved, keeping them in the background of a focus on cultural, institutional community processes” (Rogoff, 2003, p. 61):

Figure 3. Research lens that recognise culture, but without people who constitute the cultural activities (Rogoff, 2003)



Thus, this study acknowledges the view that individual, social and cultural processes are interrelated (Rogoff, 1995, 1998), and adapt the proposed use of the three foci of analysis (Rogoff, 1995, 1998) as the analytical model of the current study.

Four cases were analysed, and seven dominant patterns emerged from the interaction analyses. Case 1, Case2, Case 3 and Case 6 were analysed and identified the interactions patters as: Asking for information/explanation; Directing partner's actions; Providing information/explanation; Terminal response; Defending control; Showing displeasure; and, Defending competence. A positive environment for collaboration was identified within two cases, which were Case.2 and Case 5, in contrary to Case 3 and Case 6 which exhibited the interaction patterns of conflictual behaviours, which may inhibit collaborative interaction among children. The fact that children had to demand and seize control from their peers has important implications for the effective functioning of collaborative activities in early childhood settings. This conflictual situation is more apparent when the group of children involves indigenous and non-indigenous students.

Further interaction analyses report that high status children (high socio-economic background) appear to initiate and offer guidance to their partners (for example, displaying interaction patterns of directing partner's actions, suggesting ideas, and providing information). These interactions were demonstrated by exhibiting high frequencies of positive behavior (as illustrated in Cases 2 and 5). The children's social goals whilst engaged with the computers were also examined. It was found that their preexisting computer competencies and attitudes, and mutual friendships among their classmates and peers are associated with the patterns of interactions exhibited. All Orang Asli respondents have similar low socio-economic backgrounds, thus demonstrated less computer competencies. This study found that the current behavioral patterns has implications towards the effective integration of computer technology into early childhood settings.

The concept of cultural apprenticeship in the frame of socialisation practices mediated by cultural traditions and norms is supported by the results presented in the literature review section. For instance, the differential use of linguistic acts and contrasting guidance patterns among Malaysian children's social interactions in this study, typically resonated their own cultural values and beliefs. The directive speech of Malaysian teachers reflects interactions orientations to guidance and role segregation between adults and children. Interestingly, this was also exhibited by the Malaysian Malay and Orang Asli children's interactions whilst engaged at the computer. In contrast, the explanatory discourses that characterised the socioculturally-sensitized teacher's expectations and the children's interactions appear to convey the cultural preferences for expression of views and scope for individual expression. Although the current study examines a different context of interactions, the variations in discourse orientations of Malaysian children and their respective teachers are partially similar to the differences in discourses of rural and urban families, that reflected their cultural orientations of 'interdependence' and 'independence' respectively (Martini, 1996; Crossley & Watson, (2003); Ismail (2007).

The use of directives in Malaysian teacher's expectations on the children's collaborative assistance further implied the age based hierarchical approach to guidance. Age and gender are the ordering principles of the hierarchical system of traditional Orang Asli and Malay-Malaysian society and family. Formal superiority of people is established through the age differences and men and adults, in general, have greater authority than women and children (MOE, 2016; Morris et al, 2005; Soto, 2011). The principle of a hierarchical ordering of social dependencies is pervasive, even today, in every aspect of social interaction.

Malaysian teachers mentioned that adult control in children's problem-solving was essential for sustaining children's attentiveness on tasks as well as sharing children's task responsibilities. The Malaysian teachers' views and expectations reflected traditional Islamic philosophical notions, according to which child in the early childhood years is considered as a gift of God, to be welcomed, cared, and indulged (MOE, 2016; Hashim & Langgulung, 2008; Sulaiman et at. (2015).

Furthermore, Malaysian teachers valued modelling as an important form of adult guidance. There was more emphasis on fostering children's explicit thought processes combined with affective processes of guidance (e.g., emotional appeals and use of endearments). In the process of collaborative guidance, the more socioculturally-sensitized Malaysian teachers' expectations of their students were that they tended to rely on

modelling techniques and encourages their peers to learn through repetition. The selection of demonstration as a method of guidance by Malaysian children seems to coincide with their willingness to assume greater share of responsibilities among the students and their peers in their problem-solving tasks, whether they be physical or collaboratively cognitive in nature.

Similarly, the teachers' views of encouraging individual responsibility and providing guidance upon requirement reflected their cultural beliefs and goals of child development that value development of individuality in children. These beliefs were clearly exemplified in the following statement of a preschool teacher from a rural preschool centre in Selangor, Malaysia, who mentioned that:

'Children need encouragement. Independence needs to be promoted in them and that can be done by encouraging them to take up things on their own. Children can derive a sense of enjoyment and satisfaction if they do things on their own and on their own effort'.

(Extract from field note: 14/04)

The socioculturally-sensitized educated teacher's communication reflected an egalitarian style of guidance as well as cultural transmission of values such as choice, individuality, and encouragement of individual efforts. The use of explanations reflected a pattern of collaborative interactions that is conversational, child centred, less controlling, and more supportive of children's initiations and on-going task activities. Teachers supported children's mastery of cognitive skills through sharing of information, transmitting knowledge in explanations, and expanding on children's prior knowledge, a process that resonated child centred style of interaction. These findings are consistent with the observations of Western socioculturally-sensitized communities reported in literature (Keats, 1997; McDonald, 1995; Niles, 1998, Ray et al., 2010), where interactions reflected development of initiation and individuality in children and encouragement of their participation as conversational partners. Concomitant with variations in teacher's beliefs of adult and knowledgeable peer guidance and problem-solving, there were cultural differences with respect to the goals of children's development. As per the results of interviews, most Malaysian teachers' emphasised development of academic skill and a more socioculturally-sensitized teachers' emphasised development of social skills as valued goals of child development in the early school years. In their interviews, Malaysian teachers mentioned education and academic achievement as preferred goals of child development. They also regarded education as an investment in their student's future and to their happiness and economic prosperity. These views are consistent with reports in literature that documented Asian family's emphasis on formal education or academic achievement of their children (Chao, 1996; Fulgini, 1997; Anders et al., 2016).

In contrast to some Malaysian teachers' strong focus on development of academic skills in preschool and early primary-aged children, the socioculturally-sensitized early childhood teachers emphasised development of social skills as valued goals of development for preschool children. The variations in socioculturally-sensitized and non-sensitized teachers' goals of child development indicated in this investigation are consistent with the findings of other cross-cultural studies where urban-based parents emphasised educational achievements and goals for young children as opposed to mainstream teachers' major expectations of social skill development (Ebbeck & Glover, 1998; Goodnow, 1988; Papps et al., 1995; Pomerleau et al., 1991; Watkins et al., 2017; Otto, 2017).

As discussed previously, the variations in teacher's preference for praise as a motivational technique also reflected cultural values associated its use. The lack of praise among peers of Malaysian Orang Asli children is due to a common classroom belief that praise reduces the focus of their long-term goals and be satisfied with intermittent achievements. In a socioculturally appropriate contexts on the other hand, use of praise is associated with promoting self-esteem in children, leading to its frequent use in adult interactions with young children.

Socioculturally-sensitized teachers, in contrast emphasised that they would expect the children to delegate responsibility among themselves while they interact with their peers. They further mentioned that children should take a major responsibility in their problem-solving rather than themselves. Accordingly, along with sharing of task responsibilities during the problem-solving activities, socioculturally-sensitized teachers

encouraged their students, and the students are also encouraged their peers, explicitly to take responsibility in problem-solving, which could be argued, reflects the cultural value of promoting independence and individual responsibility. These findings on differential interactions and assistance and guidance of Orang Asli Malaysian children and their peers, and the views of their respective teachers reflected their cultural beliefs and values of child development and are synonymous with the observations of Trommsdorff & Friedlmeier (1993) and Blake et al., (2016) who indicated that adult control of children's behaviours and adult responses to interactions are mediated by culturally based differences.

As all the children in each individual Case Studies in this study came from the same classroom, their pre-existing relationships undoubtedly affected their interactions. The computer environment should be structured to engender collaboration, self-selection of problems, and exchange of information between collaborators (Nastasi & Clements, 1993; Bayerlein & Jeske, 2018). Overall, the efficacious use of an educational computer environment, which integrates technology and collaborative learning, depends on multiple factors related to structuring of task-related and social-process variables (Nastasi & Clements, 1993; Mercer, 1993, 1999; Cho & Tobias, 2016). Furthermore, sociocognitive conflict, or at least argument, may represent a valuable condition for progress in peer interaction situations (Littleton & Hakkinen, 1999; Sato, 2017). Moreover, Crook (1995) emphasised settings that afford concrete manipulation and experimentation. As cited in Crook (1995), "ideally, an individual's interaction with the problem domain might be witnessed by peers, who thereby more easily enter into collaborative engagement. Computers may have a special potential in creating such settings for joint activity" (p. 546).

CONCLUSION

The results of the present investigation have important implications for early childhood education and practices. For instance, the findings on the implicit forms of assistance indicated that even simple coordination and reorganisation of the physical learning environment, for example, by providing additional computer mouse-device in the Computer Time settings can enable children to facilitate their peers' cognitive thinking. The findings on situatedness of cognitive learning in peer-based guidance call for more teacher interventions in children's learning to support and scaffold their cognitive or collaborative learning. The importance of directives for advancing children's cognitions into higher levels of functioning through a cognitively comfortable route (indicated by the present findings) highlight the need for teachers to disassociate their use with "working class behaviours" and to employ them in their guided or scaffolded interactions.

In reflecting on the local perspective of Malaysia's Orang Asli preschool children, this study addressed an important issue of socioculturally appropriate social interaction in collaborative guidance. However, questions can be asked as to what this study on Malaysia's Orang Asli children's peer guidance in classroom contexts means to early childhood educators and what are its theoretical implications in terms of advancement of knowledge. The theoretical contributions are that this study expanded the limited set of observations on collaborative interactions of cognitive development carried out with monocultural groups.

The findings of this study have been examined and discussed in relation to the broader sociocultural and sociocognitive contexts that shaped and produced the interactions of the children. These social behaviours, particularly the socioculturally appropriate collaborative social interactions, did not always reflect accepted developmental theory. This highlights the need for research which investigates the relevance and suitability of sociocultural and neo-Vygotskian, and activity theories, in a range of socially and culturally diverse early childhood settings.

REFERENCES

Abulencia, Arthur. (2011). The Social Purposes of Learning Assessment. *Atikan Journal*, 18. https://www.researchgate.net/publication/277957177_The_Social_Purposes_of_Learning_Assessment

- Anders, J., Jerrim, J., & McCulloch, A. (2016). How much progress do children in Shanghai make over one academic year? Evidence From PISA. *AERA Open*, 2(4), 2332858416678841. <https://doi.org/10.1177%2F2332858416678841>
- Arnott, L. (2016). An ecological exploration of young children's digital play: framing children's social experiences with technologies in early childhood. *Early Years*, 36(3), 271-288. DOI: 10.1080/09575146.2016.1181049
- Bayerlein, L., & Jeske, D. (2018). The potential of computer-mediated internships for higher education. *International Journal of Educational Management*. DOI 10.1108/IJEM-11-2016-0254
- Bergin, D.A., Ford, M.E., & Hess, R.D. (1993). Patterns of motivation and social behaviour associated with microcomputer use of young children. *Journal of Educational Psychology*, 83(3), 437-445. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0022-0663.85.3.437>
- Blake, P. R., Corbit, J., Callaghan, T. C., & Warneken, F. (2016). Give as I give: Adult influence on children's giving in two cultures. *Journal of Experimental Child Psychology*, 152, 149-160. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1016/j.jecp.2016.07.010>
- Broadfoot, P. (1996). What makes primary education successful? Perspectives from a comparative study. Paper presented at the World Congress of Comparative Education, University of Sydney, Australia. <https://doi.org/10.2753/EUE1056-4934290476>
- Brown, W.H., Odom, S.L., & Holcombe, A. (1996). Observational assessment of young children's social behaviour with peers. *Early Childhood Research Quarterly*, 11, 19-40. [https://doi.org/10.1016/S0885-2006\(96\)90027-7](https://doi.org/10.1016/S0885-2006(96)90027-7)
- Carrillo, E., Castillo, P. and Luis, C. (2016). Instructional Differential Analysis of Discourse by SDIS-GSEQ: IRE in the Teaching-Learning Process in Nursing. *Psychology*, 7, 612-622. doi: 10.4236/psych.2016.74063.
- Chao, K. R. (1996). Chinese and European American mothers' beliefs about the role of parenting in children's school success. *Journal of Cross-cultural Psychology*, 27(4), 403-423. <https://doi.org/10.1177%2F0022022196274002>
- Chen, J.-Q., & Chang, C. (2006). Using computers in early childhood classrooms: Teachers' attitudes, skills and practices. *Journal of Early Childhood Research*, 4(2), 169-188. <https://doi.org/10.1177/1476718X06063535>
- Cho, M. H., & Tobias, S. (2016). Should instructors require discussion in online courses? Effects of online discussion on community of inquiry, learner time, satisfaction, and achievement. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 17(2), 123-140. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v17i2.2342>
- Clements, D. H. (1994). The uniqueness of the computer as a learning tool: Insights from research and practice. In J. L. Wright & D. D. Shade (Eds.) (1994). *Young children: Active learners in a technological age* (pp. 104). Washington, DC: NAEYC. https://www.researchgate.net/publication/243783752_The_uniqueness_of_the_computer_as_a_learning_tool_Insights_from_research_and_practice/link/0deec535aa8219c619000000/download
- Clements, D. H. (1998). Young children and technology. Paper presented in Forum on Early Childhood, Science, Mathematics, and Technology Education. Washington, DC. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED416991.pdf>

- Clements, D. H., Nastasi, B.K., & Swaminathan, S. (1993). Young children and computer: Crossroads and directions for research. *Young Children* 48(2)34-44. <https://doi.org/10.1177%2F183693919502000202>
- Clements, D.H. & Nastasi, B.K. (1988). Social and cognitive interactions in educational computer environments. *American Educational Research Journal*, 25(1), 87-106. <https://doi.org/10.3102%2F00028312025001087>
- Crook, C. (1995). On Resourcing a concern for collaboration within peer interactions. *Cognition and Instruction*, 13(4), 541-547. Retrieved July 8, 2020, from www.jstor.org/stable/3233791
- Crossley, M., & Watson, K. (2003). *Comparative and international research in education: Globalisation, context, and difference*. Routledge.
- Daiute, C. (1992). A case-study of collaborative writing. In J. Hartley (Ed.), *Technology and writing: Readings in the psychology of written communication*. (p.39-44). London: Kingsley.
- Daiute, Colette & Dalton, Bridget. (1993). Collaboration between children learning to write: Can novices be masters? *Cognition and Instruction*. 10, 281-333. [10.1207/s1532690xci1004_1](https://doi.org/10.1207/s1532690xci1004_1).
- Dawson, Alexandra & Hjorth, Daniel. (2011). Advancing family business research through narrative analysis. *Family Business Review*, 25, 339-355. [10.1177/0894486511421487](https://doi.org/10.1177/0894486511421487).
- Dembo, M. H., & McAuliffe, T. J. (1987). Effects of perceived ability and grade status on social interaction and influence in cooperative groups. *Journal of Educational Psychology*, 79(4), 415–423. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.79.4.415>.
- Denny, T. (1978). Story-telling and educational understanding. Paper 12 in Occasional Paper Series, Western Michigan University: College of Education, November.
- Doyle K., Woods A. (2018) Learning Literacy: Engaging with Print and Digital Texts in the First Year of School. In S. Danby, M. Fleer, C. Davidson, & M. Hatzigianni (Eds.), *Digital childhoods: International perspectives on early childhood education and development, vol 22*. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-10-6484-5_14
- Denny, T. (1978). *Story-telling and educational understanding*. Paper 12 in Occasional Paper Series, Western Michigan University: College of Education, November.
- Ebbeck, M., & Glover, A. (1998). Immigrant families' expectations of early childhood. *Australasian Journal of Early Childhood*, 23(3), 14–19. <https://doi.org/10.1177/183693919802300305>
- Edwards, A. (2000). Research and practice: Is there a dialogue? In H. Penn (Ed.), *Early childhood services: Theory, policy and practice*. Buckingham: Open University Press.
- Eriks-Brophy, A, Quittenbaum, J, Anderson, D, & Nelson, T. (2008). Part of the problem or part of the solution? Communication assessments of Aboriginal children residing in remote communities using videoconferencing. *Clinical Linguistics & Phonetics*, 22(8), 589-609. <https://doi.org/10.1080/02699200802221737>
- Fulgini, A. J. (1997). The academic achievement of adolescents from immigrant families: The roles of family background, attitudes, and behaviour. *Child Development*, 68(2), 351–363.
- Fulgini, A. J., & Stevenson, H. W. (1995). Time use and mathematics achievement among American, Chinese, and Japanese high school students. *Child Development*, 66(3), 830–842. <https://doi.org/10.2307/1131953>.

- Fung, Y. M. (2010). Collaborative writing features. *RELC journal*, 41(1), 18-30. <https://doi.org/10.1177%2F0033688210362610>
- Glaser, B. & Strauss, A.L. (1967). *The discovery of grounded theory: Strategies for qualitative research*. Chicago: Aldine. Retrieved July 8, 2020, from http://www.sxf.uevora.pt/wp-content/uploads/2013/03/Glaser_1967.pdf
- Goncu, A., & Rogoff, B. (1987, April). Adult guidance and children's participation in learning. Paper presented at the meetings of the society for research in Child Development, Baltimore.
- Gonzalez-Mena, J. (1997). *Multicultural issues in childcare*. London: Mayfield.
- Goodnow, J. J., Cashmore, J., Cotton, S., & Knight, R. (1984). Mothers' developmental timetables in two cultural groups. *International Journal of Psychology*, 19, 193-205. <https://doi.org/10.1080/00207598408247526>
- Goodnow, J. J. (1988). Parents' ideas, actions, and feelings: Models and methods from developmental and social psychology. *Child Development*, 58,286-320,
- Goodnow, J. J., & Collins, A. W. (1991). *Development according to parents: The nature, sources, and consequences of parents' ideas*. Hillsdale, NJ: Erlbaum. <https://doi.org/10.1002/edp.2430010110>
- Guba, E.G., & Lincoln, Y.S. (1982). *Effective evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers. <https://doi.org/10.1177%2F109821408200300406>
- Hashim, C. N., & Langgulung, H. (2008). Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1-19. Retrieved July 8, 2020, from <https://pdfs.semanticscholar.org/f53b/a301abf63152b59c8f785cf5047c8ca2a584.pdf>
- Hohmann, C. (1994). Staff development practices for integrating technology in early childhood education programs. In J. L. Wright & D. D. Shade (Eds.), *Young children: Active learners in a technological age* (pp. 104). Washington, DC: NAEYC. Retrieved July 7, 2020 from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED416991.pdf>
- Howard, Tyrone C. (2020). *Why race and culture matter in schools: Closing the achievement gap in america's classrooms* (2nd ed.). Columbia: Teachers College Press. Retrieved July 7, 2020 from <https://eric.ed.gov/?id=ED525248>
- Ismail, J. (2007). Challenges in international business communication: A study of language, culture, and intercultural issues in Malaysian-Australian business discourse. University of Western Australia. Retrieved July 7, 2020 from <https://research-repository.uwa.edu.au/en/publications/challenges-in-international-business-communication-a-study-of-lan>
- Jackson, A., & Kutnick, P. (1996). Groupwork and computers: Task type and children's performance. *Journal of Computer Assisted Learning*, 12, 162-171. Retrieved July 7, 2020 from <https://doi.org/10.1111/j.1365-2729.1996.tb00048.x>
- Johnston, Kelly, Hadley, Fay & Waniganayake, Manjula. (2020) Practitioner inquiry as a professional learning strategy to support technology integration in early learning centres: Building understanding through Rogoff's planes of analysis. *Professional Development in Education*, 46(1), 49-64, DOI: 10.1080/19415257.2019.1647871

- Keats, D. M. (1997). *Culture and the child: A guide for professionals in childcare and development*. England: John Wiley & Sons.
- Kerawalla, L., & Crook, C. (2002). Children's computer use at home and at school: Context and continuity. *British Educational Research Journal*, 28(6), 751-771. Retrieved July 8, 2020, from www.jstor.org/stable/1501496
- Kim, Nam Ju. (2017). Enhancing students' higher order thinking skills through computer-based scaffolding in problem-based learning. Unpublished Graduate Thesis. 5488. <https://digitalcommons.usu.edu/etd/5488>.
- Littleton, K., & Häkkinen, P. (1999). Learning together: Understanding the processes of computer-based collaborative learning. In P. Dillenbourg (Ed.), *Collaborative learning: Cognitive and computational approaches* (pp. 20-31). Oxford: Pergamon. Retrieved July 8, 2020, from https://converis.jyu.fi/converis/portal/detail/Publication/13927391?auxfun=&lang=en_GB
- Lomangino, K. M. (2016). Countering cognitive bias: Tips for recognizing the impact of potential bias on research. *J Acad Nutr Diet*, 116(2), 204-207. doi:10.1016/j.jand.2015.07.014.
- Lomangino, A.G., Nicholson, J., & Sulzby, E. (1999). The influence of power relations and social goals on children's collaborative interactions while composing on computer. *Early Childhood Research Quarterly*, 14(2), 197-228. DOI: 10.1016/S0885-2006(99)00005-8
- Malaysian Communication and Multimedia Commission (2016). Internet Users Survey – MCMC 2016. Cyberjaya, Selangor, Malaysia. Retrieved July 8, 2020, from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS2016.pdf>
- Malaysian Communication and Multimedia Commission (2017). Internet Users Survey – MCMC 2017. Cyberjaya, Selangor, Malaysia. Retrieved July 8, 2020, from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf>
- Malaysian Communication and Multimedia Commission (2018). Internet Users Survey – MCMC 2018. Cyberjaya, Selangor, Malaysia. Retrieved July 8, 2020, from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf>
- Malaysian Communication and Multimedia Commission (2018). Consumer Satisfaction Survey – MCMC 2018. Cyberjaya, Selangor, Malaysia. Retrieved July 8, 2020, from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Industry-Performance-Report-2018.pdf>
- Martini, M. (1996). "What's new?" at the dinner table: Family dynamics during mealtimes in two cultural groups in Hawaii. *Early Development & Parenting*, 5(1), 23-34. Retrieved July 8, 2020, from [https://doi.org/10.1002/\(SICI\)1099-0917\(199603\)5:1<23::AID-EDP111>3.0.CO;2-D](https://doi.org/10.1002/(SICI)1099-0917(199603)5:1<23::AID-EDP111>3.0.CO;2-D)
- Matthews, R. (1996). The relationship between ethnic origin and learning styles and the implications for classroom practice. *The European Journal of Intercultural Studies*, 6 (3), 3-15. <https://doi.org/10.1080/0952391960060301>
- McAlpine, L., Eriks-Brophy, A. & Crago, M. (1996). Teaching beliefs in Mohawk classrooms: Issues of language and culture. *Anthropology & Education Quarterly*, 27, 390-413. doi:10.1525/aeq.1996.27.3.04x0355q
- McDonald, P. (1995). Australian families: Values and behaviour. In R. Hartley (ed.), *Families and cultural diversity in Australia* (pp. 25-47). St Leonards NSW: Allen & Unwin in association with the Australian Institute of Family Studies.

- Mercer, N. (1994). The quality of talk in children's joint activity at the computer. *Journal of Computer Assisted Learning*, 10, 24-32. [https://doi.org/10.1016/S0959-4752\(96\)00021-7](https://doi.org/10.1016/S0959-4752(96)00021-7)
- Mercer, N., & Fisher, E. (1993). How do teachers help children to learn? An analysis of teachers' interventions in computer-based activities. *Learning and Instruction*, 2, 339-355. [https://doi.org/10.1016/0959-4752\(92\)90022-E](https://doi.org/10.1016/0959-4752(92)90022-E)
- Mevarech, Zemira R. (1995) Metacognition, general ability, and mathematical understanding. *Early Education and Development*, 6(2), 155-168, DOI: 10.1207/s15566935eed0602_4
- Mevarech, Z. R., & Light, P. H. (1992). Peer-based interaction at the computer: Looking backward, looking forward. *Learning and Instruction*, 2(3), 275–280. [https://doi.org/10.1016/0959-4752\(92\)90013-C](https://doi.org/10.1016/0959-4752(92)90013-C)
- Ministry of Education, Malaysia. (1996). Buku penerangan kurikulum bersepadu sekolah rendah [Information booklet on the integrated curriculum in primary schools] (Available from Curriculum Development Centre, Ministry of Education, Malaysia, Persiaran Duta off Jalan Duta, 50604, Kuala Lumpur, Malaysia). 217-220.
- Ministry of Education, Malaysia. (2003). Smart School Pilot Project Report. Ministry of Education, Malaysia. (1998). Malaysian Smart School Conceptual Blueprint. (Available from Curriculum Development Centre, Ministry of Education, Malaysia, Persiaran Duta off Jalan Duta, 50604, Kuala Lumpur, Malaysia).247-253.
- Mohd Zin, Mohamad & Sakat, Ahamad & Ahmad, Nurfahiratul & Bhari, Azri. (2013). Relationship between the multimedia technology and education in improving learning quality. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 90. 10.1016/j.sbspro.2013.07.102.
- Morris, M.G., Venkatesh, V. & Ackerman, P. L. (2005). Gender and age differences in employee decisions about new technology: An extension to the theory of planned behaviour. *IEEE Transactions on Engineering Management*, 52(1), 69-84, Feb. 2005, doi: 10.1109/TEM.2004.839967.
- Müller, P., Huang, M. X., & Bulling, A. (2018, March). Detecting low rapport during natural interactions in small groups from non-verbal behaviour. In 23rd International Conference on Intelligent User Interfaces (pp. 153-164). Retrieved July 8, 2020, from <https://arxiv.org/pdf/1801.06055.pdf>
- Nastasi, B.K. & Clements, D.H. (1993). Motivational and social outcomes of cooperative computer education environments. *Journal of Computing in Childhood Education*, 4(1), 15-43. Retrieved July 8, 2020 from <https://www.learntechlib.org/p/146720/>.
- National Association for the Education of Young Children. (1996). NAEYC position statement on technology and young children-Ages three through eight. Washington, DC: Susan W. Haugland. Retrieved July 8, 2020, from https://www.naeyc.org/sites/default/files/globally-shared/downloads/PDFs/resources/topics/PS_technology_WEB.pdf
- National Information Technology Council of Malaysia-Progress Report. (2002). National IT Agenda. Available at: <http://www.nitc.org.my/nita/index.html> _
- National Information Technology Council of Malaysia-Realisation Program. (2001). National IT Agenda. Available at: <http://www.nitc.my/nita/index.html> _
- Niles, S. (1998). Achievement goals and means: A cultural comparison. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 29(5), 656–667. <https://doi.org/10.1177/0022022198295004>

- Oortwijn, M., Boekaerts, M., Vedder, P. & Fortuin, J. (2008). The impact of a cooperative learning experience on pupils' popularity, non-cooperativeness, and interethnic bias in multiethnic elementary schools. *Educational Psychology, 28*(2), 211 - 221 (2008). 28. 10.1080/01443410701491916.
- Otto, W. J. (2017). What teachers should know about why these students perform so well: An examination of Korean American achievement through student perspectives of East Asian parenting beliefs, styles and practices. *International Electronic Journal of Elementary Education, 9*(1), 167-181.
- Palincsar, A. S., Spiro, R. J., Kucan, L., Magnusson, S. J., Collins, B., Hapgood, S., & Gelpi-Lomangino, A. (2007). Designing a hypermedia environment to support comprehension instruction. Reading comprehension strategies: Theories, interventions, and technologies, 441-462.
- Papert, S. (1993). *Mindstorms: Children, computers and powerful ideas*. New York: Basic Books. Retrieved July 8, 2020 from <https://learn.media.mit.edu/lcl/resources/readings/childrens-machine.pdf>
- Papps, F., Walker, M., Trimboli, A., & Trimboli, C. (1995). Parental discipline in Anglo, Greek, Lebanese, and Vietnamese cultures. *Journal of Cross-Cultural Psychology, 26*(1), 49-64. <https://doi.org/10.1177/0022022195261004>
- Peen, T.Y., & Arshad, M. (2017). Collaborative and self-directed learning processes: A case study in Malaysian chemistry PBL lesson. <https://doi.org/10.21009/IJER.04.01.01>
- Pomerleau, A., Malcuit, G., & Sabatier, C. (1991). Child-rearing practices and parental beliefs in three cultural groups of Montréal: Québécois, Vietnamese, Haitian. In M. H. Bornstein (Ed.), *Crosscurrents in contemporary psychology. Cultural approaches to parenting* (p. 45-68). Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Porcaro, P.A., Jackson, D.E., McLaughlin, P.M. & O'Malley, C.J. (2016). Curriculum Design of a Flipped Classroom to Enhance Haematology Learning. *Journal of Science Education and Technology, 25*(3), 345-357. Retrieved July 9, 2020 from <https://www.learntechlib.org/p/176157/>.
- Maznah, Raja & Raja Hussain, Raja Maznah & Khamis, Khalid & Al Saadi, Khalid. (2019). Students as designers of e-book for authentic assessment. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 16*, 23-48.
- Ray, K., & Smith, M. C. (2010). The kindergarten child: What teachers and administrators need to know to promote academic success in all children. *Early Childhood Education Journal, 38*(1), 5-18. [https://DOI 10.1007/s10643-010-0383-3](https://doi.org/10.1007/s10643-010-0383-3)
- Rizqiyani, Revina & Azizah, Nur. (2019). Kemampuan Ber cerita Anak Prasekolah (5-6 Tahun). *Jurnal Pendidikan Anak, 7*, 146-155. <https://doi.org/10.21831/jpa.v7i2.24458>.
- Roberts, T. S. (Ed.). (2004). *Online collaborative learning: Theory and practice*. IGI Global. Retrieved July 8, 2020 from <https://eric.ed.gov/?id=ED508892>
- Rogoff, B. (2008). Observing sociocultural activity on three planes: Participatory appropriation, guided participation, and apprenticeship. *Pedagogy and practice culture and identities, 58*-74.
- Rogoff, B., Mistry, J., Göncü, A., & Mosier, C. (1993). Guided participation in cultural activity by toddlers and caregivers. *Monographs of the Society for Research in Child Development, 58*(8), v-179. <https://doi.org/10.1111/j.1540-5834.1993.tb00432.x>
- Rogoff, B., & Chavajay, P. (1995). What's become of research on the cultural basis of cognitive

development? *American Psychologist*, 50(10), 859–877. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.50.10.859>

Rogoff, B. (2003). *The cultural nature of human development*. New York: Oxford University Press.

Rogoff, B., & Mosier, C. (1993). Guided participation in San Pedro and Salt Lake. In B. Rogoff, J. Mistry, A. Goncu & C. Mosier. *Guided participation in cultural activity by toddlers and caregivers* (59-101). *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 58 (8, Serial No. 236).

Rogoff, B., (1998) Cognition as a Collaborative Process. In W. Damon, D. Kuhn, & R. S. Siegler (Volume Eds.), *Cognition, perceptions and language*, 5th Edition. *Handbook of Child Psychology*. NY: John Wiley & Sons, Inc.

Rogoff, B., Ellis, S., & Gardner, W. (1984). Adjustment of adult–child instruction according to child’s age and task. *Developmental Psychology*, 20(2), 193–199. <https://doi.org/10.1037/0012-1649.20.2.193>

Rogoff, B., Mistry, J., Goncu, A., & Mosier, C. (1993). Guided participation in cultural activity by toddlers and caregivers. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 58(8), v–179. <https://doi.org/10.2307/1166109>

Rogoff, B., Topping, K., Baker-Sennett, J., & Lacasa, P. (2002). Mutual contributions of individuals, partners, and institutions: Planning to remember in Girl Scout cookie sales. *Social Development*, 11(2), 266–289. <https://doi.org/10.1111/1467-9507.00198>

Shade, D. D. (1994). Computers and young children: Software types, social contexts, gender, age, and emotional responses. *Journal of Computing in Childhood Education*, 5(2), 177–209.

Silvern, S., & Silvern, L.R. (1990). *Beginning literacy and your child*. Newark, DE: International Reading Association. Retrieved July 8, 2020 from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED312626.pdf>

Smagorinsky, Peter. (2012). Vygotsky, “defectology,” and the inclusion of people of difference in the broader cultural stream. *Journal of Language and Literacy Education [Online]*, 8, 1-25. <https://www.researchgate.net/deref/http%3A%2F%2Fjolle.coe.uga.edu%2Fwp-content%2Fuploads%2F2012%2F05%2FVygotsky-and-Defectology.pdf>

Smagorinsky, Peter. (1995). The social construction of data: Methodological problems of investigating learning in the zone of proximal development. *Review of Educational Research - REV EDUC RES*, 65, 191-212. [10.3102/00346543065003191](https://doi.org/10.3102/00346543065003191).

Smagorinsky, P. (1991, March). *A research-based, fun, and engaging program for vocabulary development*. Paper presented at the annual Spring meeting of the National Council of Teachers of English, Indianapolis. ED 331 019.

Sato, M. (2017). Interaction mindsets, interactional behaviors, and L2 development: An affective-social-cognitive model. *Language Learning*, 67(2), 249-283. <https://doi.org/10.1111/lang.12214>

Soto, C. J., John, O. P., Gosling, S. D., & Potter, J. (2011). Age differences in personality traits from 10 to 65: Big Five domains and facets in a large cross-sectional sample. *Journal of Personality and Social Psychology*, 100(2), 330–348. <https://doi.org/10.1037/a0021717>

Stenhouse, L. (1981). Case study in educational research and evaluation. Paper presented in the Symposium Fallstudien in der Pädagogik, West Germany. Retrieved July 8, 2020 from <https://www.pedocs.de/>

- Sulaiman, Adibah & Jamsari, Ezad Azraai & Noh, N.C.. (2014). Islamic environment in child development according to the views of imam Al-Ghazali. 5. 33-39. 10.5901/mjss.2014.v5n29p33.
- Syed, M. (2017). Why Traditional Metrics May Not Adequately Represent Ethnic Minority Psychology. *Perspectives on Psychological Science*, 12(6), 1162–1165. <https://doi.org/10.1177/1745691617709590>
- Thieme, A., Morrison, C., Villar, N., Grayson, M., & Lindley, S. (2017, June). Enabling collaboration in learning computer programming inclusive of children with vision impairments. In Proceedings of the 2017 Conference on Designing Interactive Systems (pp. 739-752).
- Trommsdorff, G., & Friedlmeier, W. (1993). Control and responsiveness in Japanese and German mother-child interactions. *Early Development and Parenting*, 2(2), 65-78. <https://doi.org/10.1002/edp.2430020109>
- Van de Pol, J., Volman, M., & Beishuizen, J. (2010). Scaffolding in teacher–student interaction: A decade of research. *Educational Psychology Review*, 22(3), 271-296. <https://doi.org/10.1007/s10648-010-9127-6>
- Vidal-Hall, C., & Flewitt, R., & Wyse, D. (2020). Early childhood practitioner beliefs about digital media: integrating technology into a child-centred classroom environment. *European Early Childhood Education Research Journal*, 1-15. 10.1080/1350293X.2020.1735727.
- Vygotsky, L., & Luria, A. (1994). Tool and symbol in child development. In R. V. Veer & J. Valsiner (Eds.), *The Vygotsky reader* (pp. 99-174). Cambridge, USA: Blackwell.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher mental processes.* (M.Cole, V. John-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds.). Cambridge, MA: Harvard University Press. (Original work published 1930, 1933, 1935)_Retrieved July 8, 2020 from <http://www.luzimarteixeira.com.br/wp-content/uploads/2011/03/vygotsky-1978-mind-and-society.pdf>
- Vygotsky, L.S. (1981). The instrumental method in psychology. In J.V. Wertsch (Ed.), *The concept of activity in Soviet psychology* (pp. 134-143). Armonk, NY: M.E. Sharpe.
- Wang, X., Wen, M., & Rosé, C. (2016). Towards triggering higher-order thinking behaviors in MOOCs. 398-407. 10.1145/2883851.2883964.
- Wang, Alvin. (1993). Cultural-Familial Predictors of Children’s Metacognitive and Academic Performance. *Journal of Research in Childhood Education*, 7. 83-90. 10.1080/02568549309594844.
- Megan Watkins, Christina Ho & Rose Butler (2017) Asian migration and education cultures in the Anglosphere, *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 43, 14, 2283-2299, DOI: 10.1080/1369183X.2017.1315849.
- Webb, N., Ender, P. & Lewis, S. (1986). Problem-solving strategies and group processes in small groups learning computer programming. *American Educational Research Journal*, 23, 243-261. DOI: 10.2307/1162957
- Wegerif, R. (1996). Collaborative learning and directive software. *Journal of Computer Assisted Learning*, 12, 24-32. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2729.1996.tb00034.x>
- Wellman, H. M. (1985). The child’s theory of mind: the development of conceptions of cognition. In S. R. Yussen (Ed.), *The growth of reflection in children* (pp. 169-206). NY: Academic Press.

- Wertsch, J. V. (1991). *Voices of the mind. A socio-cultural approach to mediated action*. Cambridge, MA: Harvard University Press. DOI: 10.2307/1423207
- Wertsch, J.V. & Tulviste, P. (1999). L.S. Vygotsky and contemporary developmental psychology. In D. Faulkner, K. Littleton, & M. Woodhead, M. (Eds.) (1999). *Learning relationships in the classroom*. London: Routledge. Retrieved July 8, 2020, from https://people.ucsc.edu/~gwells/Files/Courses_Folder/documents/WertschTulviste.pdf
- Wertsch, J.V. (1991). *Voices of the mind*. Cambridge, MA: Harvard University Press. DOI: 10.2307/1423207
- Winegar, Lucien T. & Valsiner, Jaan. (2013). *Children's development within social context: Volume I: Metatheory and Theory: Volume II: Research and methodology*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Winsler, A., Diaz, R.M., & Montero, I. (1997). The role of private speech in the transition from collaborative to independent task performance in young children. *Early Childhood Research Quarterly*, 12, 59-79. [https://doi.org/10.1016/S0885-2006\(97\)90043-0](https://doi.org/10.1016/S0885-2006(97)90043-0)
- Yin, R. K. (2012). Case study methods. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbooks in psychology®. APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2. Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (p. 141–155). American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/13620-009>
- Zhou, M., & Brown, D. (Eds.). (2017). *Educational learning theories*. Retrieved from <https://oer.galileo.usg.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1000&context=education-textbooks>
- Zoraini Wati Abas. (1993). Pembangunan teknologi maklumat dan peranan pendidik dalam mencapai wawasan 2020. In PKFP (Eds), *Pendidikan di Malaysia: Arah dan cabaran* [Education in Malaysia: Directions and Challenges]. Lembah Pantai, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN: ANALISIS KESILAPAN SEBUTAN BACAAN PELAJAR ANTARABANGSA MELALUI APLIKASI FLIPGRID

Juwati Abdullah
Universiti Utara Malaysia (UUM)
juwati@uum.edu.my

Nasrol Hadi Ahmad Shukeri
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nasrol@uum.edu.my

Che Hasniah Ya'acob
Universiti Utara Malaysia (UUM)
chehasniah@uum.edu.my

Hayati Jalil
Universiti Utara Malaysia (UUM)
hayaty@uum.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meninjau kebolehterimaan pelajar antarabangsa dan keberkesanan PdP kemahiran membaca secara dalam talian, khususnya aplikasi Flipgrid dalam kursus Bahasa Melayu sebagai Bahasa asing di Universiti Utara Malaysia (UUM). Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti jenis kesilapan sebutan dalam bacaan teks bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar ini berdasarkan negara. Bagi mendapatkan data, kaedah tinjauan melalui soal selidik dan analisis kandungan (video) dijalankan. Data kuantitatif diambil daripada soal selidik yang diedarkan kepada 121 orang responden melalui *Google Form* dan dianalisis bagi melihat peratusan kebolehterimaan pelajar serta keberkesanan PdP kemahiran membaca dalam talian. Sementara itu, data kualitatif pula diambil daripada analisis video bacaan teks melalui aplikasi Flipgrid 20 orang pelajar antarabangsa yang mendapat markah terendah dalam setiap kumpulan. Dapatan soal selidik mendapati bahawa sebanyak 81 peratus pelajar bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah berkesan. Selain itu, 95.9 peratus pelajar bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran bacaan dalam talian melalui aplikasi Flipgrid boleh diterima dan berkesan. Seterusnya, hasil analisis kesilapan sebutan dalam bacaan pelajar antarabangsa berdasarkan negara mendapati pelajar dari negara China, Yaman, dan Somalia paling kerap melakukan kesilapan sebutan pada awal, diikuti kesilapan pada tengah dan akhir perkataan. Selain itu, tiga jenis kesilapan lain yang dapat dikenal pasti namun tidak ketara, iaitu kesilapan sebutan bunyi diftong, bunyi gabungan konsonan dan kesilapan-kesilapan lain. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu guru bahasa Melayu sebagai bahasa asing untuk mengenal pasti kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dari pelbagai negara bagi merangka kaedah dan cara pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang bersesuaian.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, Bahasa Melayu sebagai bahasa asing, aplikasi Flipgrid, pelajar antarabangsa

PENGENALAN

Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi telah mewajibkan pelajar antarabangsa mengambil kursus bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Namun, dalam situasi pandemik Covid-19, kaedah PdP bahasa Melayu perlu diolah supaya bersesuaian dengan konteks pembelajaran dalam talian. Pengajar dan pelajar perlu cepat mengadaptasikan

norma baharu disebabkan pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, dalam konteks UUM, pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing ditawarkan sebanyak tiga tahap. Tahap tersebut ialah SBLF1093 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing, SBLF2093 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing II dan SBLF3093 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing III. Pentaksiran dalam talian bagi kursus-kursus ini meliputi Kuiz, Ujian Perbualan, Ujian Mendengar, Ujian Penulisan dan Ujian Bacaan. Dalam konteks kajian ini tumpuan penyelidikan adalah terhadap Ujian Membaca bagi kursus SBLF2093 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing II bagi semester A201. Ujian Bacaan yang dilaksanakan ini menggunakan aplikasi Flipgrid.

Aplikasi Flipgrid merupakan satu aplikasi yang dicipta oleh Profesor Charles Miller dari Universiti Minnesota pada tahun 2015 bagi mengintegrasikan pembelajaran pelajarannya di dalam bilik darjah (McLain, 2018). Pada tahun 2018, Microsoft Corp. telah membeli Flipgrid dan menyenaraikan produk ini bersama-sama dengan produk pendidikan yang lain seperti One Note, Sway, dan Office. Langkah ini adalah salah satu transformasi pendidikan yang ingin dibawa Microsoft dalam memenangi hati pengguna-pengguna mereka pada masa yang sama dapat bersaing dengan Google dan Apple. Kini aplikasi ini telah digunakan hampir di 180 buah negara dengan hampir 20 juta pengguna meliputi peringkat prasekolah hingga pengajian PhD (Flipgrid, 2018).

Secara ringkasnya, Flipgrid ialah aplikasi platform sosial terkini daripada Microsoft yang membolehkan pelajar berkongsi video dalam perbincangan mengenai topik yang ditentukan oleh guru di dalam kelas. Penggunaan Flipgrid sangat membantu kesalinghubungan pelajar dengan pensyarah ketika pembelajaran secara dalam talian. Semua pelajar berpeluang memberikan jawapan dan respons dalam bentuk video atau teks dan senarai perbincangan akan terhasil dalam satu bentuk grid diskusi. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memilih untuk mengaplikasikan penggunaan Flipgrid dalam Ujian Membaca. Pelajar telah diberikan tugas Ujian Membaca dan mereka perlu merakamkan video ujian tersebut di dalam Flipgrid. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ketika mejalani Ujian Membaca. Penggunaan aplikasi Flipgrid ini dapat membantu pelajar antarabangsa untuk membina keyakinan diri khususnya dalam membaca petikan dalam bahasa Melayu seterusnya meningkatkan aspek penguasaan bahasa Melayu.

SOROTAN KARYA

Terdapat beberapa kajian yang turut menyelidik tentang kemahiran membaca dalam kalangan bukan penutur jati. Begitu juga kajian tentang penggunaan aplikasi Flipgrid yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji serata dunia. Antaranya ialah kajian oleh Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri dan Rosliah Kitin (2020) yang mendapati bahawa antara masalah yang dihadapi oleh bukan penutur jati untuk menguasai kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu adalah salah membunyikan huruf-huruf tertentu, tidak memahami petikan naratif yang diberikan dan tidak mengetahui kepentingan kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Manakala Siti Muslihah Isnain, Nur Aimie Nabila Fauzi dan Siti Amhar Abu (2018), pula melalui kajian mereka mendapati bahawa para pelajar antarabangsa yang datang dari beberapa buah negara yang berlainan menganggap bahawa bunyi abjad Melayu adalah sama dengan bunyi abjad Latin bahasa lain, terutama sekali jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang datang dari negara yang tidak mempunyai sistem abjad, kebanyakan mereka mudah menggugurkan bunyi dan menggantikan sesuatu bunyi berdasarkan kesesuaian abjad yang terdapat dalam bahasa mereka. Hal ini menyebabkan berlakunya kesukaran dan kesalahan sebutan abjad Melayu dalam kalangan pelajar.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang meninjau aplikasi Flipgrid ini secara khusus. Antaranya ialah kajian oleh Oraib Mango (2019) yang bertajuk *Student's Perceptions and Attitudes towards the use of Flipgrid in the Language Classroom* yang menyelidik tentang persepsi dan sikap pelajar terhadap penggunaan aplikasi Flipgrid dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini mendapati bahawa aplikasi ini sangat berguna dalam meningkatkan pembelajaran bahasa pelajar serta memberikan kesan positif ke atas perkembangan kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar mereka.

Seterusnya ialah kajian Patrick R. Lowenthal dan Robert L. Moore (2020), yang bertajuk *Exploring Student Perceptions of Flipgrid in Online Courses*. Kajian membincangkan tentang penggunaan video tidak bergerak mempunyai kemampuan yang dapat mengatasi beberapa kekangan perbincangan berasaskan teks tidak bergerak. Kajian ini bertujuan untuk menyiasat persepsi pelajar tentang penggunaan Flipgrid untuk perbincangan berasaskan video tidak bergerak dalam kursus dalam talian sepenuhnya. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan rentas untuk meninjau 79 pelajar yang menggunakan aplikasi Flipgrid dalam kursus dalam talian sepenuhnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar secara keseluruhan melaporkan bahawa mereka suka menggunakan Flipgrid, kerana senang digunakan dan hal ini membantu meningkatkan kehadiran sosial.

Akhir sekali ialah kajian yang dijalankan oleh Della Nuridah Kartika Sari Amirulloh, Ika Lestari Damayanti dan Ellen Citraningrum (2020) yang meneroka penggunaan ciri-ciri Flipgrid sebagai sokongan pembelajaran pelajar untuk meningkatkan kemahiran bertutur. Penyelidikan yang dilakukan ini melibatkan 19 orang pelajar Jabatan Pendidikan Inggeris di sebuah universiti awam di Bandung, Jawa Barat. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Flipgrid dapat meningkatkan kemahiran bertutur para pelajar dalam beberapa aspek, seperti kelancaran, pengucapan, dan gerak isyarat. Hasilnya jelas menunjukkan bahawa kemahiran bertutur pelajar dapat diperkukuhkan dengan menggunakan Flipgrid sebagai forum untuk memuat naik video pertuturan mereka. Para pelajar menyatakan bahawa kefasihan, pengucapan, tatabahasa, kosa kata, ekspresi wajah, dan gerak tubuh mereka dapat dipertingkatkan semasa menggunakan Flipgrid. Pelajar mengakui bahawa platform ini mudah digunakan dan membantu mereka untuk berlatih banyak kali sebelum rakaman dilakukan.

PENYATAAN MASALAH

Sehingga tahun 2018, terdapat lebih daripada 170,000 orang antarabangsa yang mengikuti pengajian di Malaysia sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) (Statistik Pengajian Tinggi, 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia). Kebanyakan daripada pelajar antarabangsa tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Keadaan ini harus ditangani segera memandangkan ramai pelajar asing yang datang untuk menuntut ilmu dalam pelbagai peringkat (Fa'izah, Zamri & Mohamed Amin, 2010).

Dalam hal ini, Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) berpendapat bahawa langkah dan kaedah pengajaran perlu diselaraskan dan diubah suai agar proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sementara Siti Saniah Abu Bakar (2013), pula menyatakan bahawa kekangan yang dihadapi oleh pelajar asing ini memerlukan teknik dan kaedah susulan daripada tenaga pengajar sendiri dalam usaha menangani setiap kekangan yang dihadapi oleh pelajar.

Dalam konteks UUM, segelintir pelajar antarabangsa agak lemah dan kurang dapat menguasai bahasa Melayu terutamanya kemahiran bertutur dan membaca. Keadaan ini bukan sahaja memberikan kesan kepada markah yang diperolehi, tetapi juga menyukarkan mereka untuk berkomunikasi dengan pelajar dan masyarakat sekitar. Tambahan pula, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, tidak terkecuali Malaysia, turut memberikan impak berikutan PdP terpaksa dilaksanakan secara dalam talian. Sehubungan itu, tenaga pengajar perlu mencari alternatif lain sebaik mungkin supaya pelajar dapat mengikuti pengajaran secara dalam talian dengan lebih interaktif dan berkesan agar pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif utama bagi kajian ini iaitu:

- i. Meninjau kebolehterimaan pelajar terhadap PdP kemahiran membaca secara dalam talian
- ii. Meneliti keberkesanan PdP kemahiran membaca secara dalam talian
- iii. Mengenal pasti jenis dan kategori kesilapan sebutan dalam bacaan teks Bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa untuk membuat penambahbaikan pada kaedah PdP kemahiran membaca secara dalam talian

METODOLOGI

Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah digunakan dalam kajian ini iaitu tinjauan melalui soal selidik dan juga analisis kandungan (video). Data kuantitatif diambil dan dianalisis daripada soal selidik melalui Google Form bagi melihat peratusan kebolehterimaan pelajar dan keberkesanan PdP kemahiran membaca dalam talian ini. Sementara itu, data kualitatif pula diambil melalui analisis video bacaan teks melalui aplikasi Flipgrid. Kesilapan sebutan dalam bacaan pelajar akan dikategorikan mengikut jenis kesilapan seperti kesilapan vokal, kesilapan konsonan dan kesilapan bunyi diftong, gabungan konsonan dan lain-lain kesilapan berdasarkan negara pelajar. Pelajar diberikan teks bacaan terlebih dahulu (3 hari) sebelum membaca teks tersebut secara langsung dan tenaga pengajar juga telah memberikan contoh bacaan dalam aplikasi Flipgrid sebagai rujukan.

Responden

Seramai 121 orang responden terlibat dalam soal selidik mengenai kebolehterimaan dan keberkesanan yang diedarkan melalui *Google Form*. Sementara itu, data kualitatif pula diambil melalui analisis video bacaan teks melalui aplikasi Flipgrid. Oleh itu, seramai 20 orang pelajar antarabangsa yang terdiri daripada lima orang pelajar yang mendapat markah terendah dalam setiap kumpulan (empat kumpulan) dianalisis. Selain itu, bacaan pelajar dari negara Indonesia juga dianalisis untuk mengenal pasti perbezaan sebutan. Pelajar ini merupakan pelajar dari negara China (sembilan orang), Somalia (empat orang), Yaman (empat orang), dan Tanzania (seorang), serta dua orang pelajar Indonesia.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Kebolehterimaan dan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian

Dalam soal selidik melalui *Google Form* yang diedarkan, sebanyak 16 soalan telah dikemukakan untuk meneliti kebolehterimaan pelajar terhadap PdP kemahiran membaca secara dalam talian ini. Hasil soal selidik ini mendapati sebanyak 47.1 peratus responden bersetuju bahawa guru telah memberi penerangan yang jelas tentang kaedah ujian bacaan ini akan dijalankan. Manakala 48.8 peratus lagi setuju yang mereka secara umumnya memahami teks yang diberikan. Selain itu, 50.4 peratus responden bersetuju bahawa masa yang di peruntukkan untuk menjalankan ujian ini adalah sesuai. Secara keseluruhannya, sebanyak 81 peratus responden bersetuju bahawa PdP secara dalam talian adalah berkesan.

Kebolehterimaan dan Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Flipgrid dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Seterusnya, dapatan kajian dalam meninjau kadar kebolehterimaan dan keberkesanan pengajaran dan pengajaran bacaan melalui aplikasi Flipgrid mendapati 95.9 peratus responden bersetuju bahawa PdP bacaan dalam talian melalui aplikasi Flipgrid boleh diterima dan berkesan.

Analisis Kesilapan Sebutan dalam Bacaan Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Negara

Berdasarkan perbincangan mengenai tinjauan terhadap penerimaan dan keberkesanan aplikasi Flipgrid didapati ciri kandungan dan teknologi aplikasi Flipgrid itu sendiri boleh diterima dan dianggap berkesan oleh pelajar yang menjalani ujian bacaan melalui aplikasi ini. Namun, bagi meneroka lebih mendalam sejauh mana keberkesanannya, analisis terhadap hasil penggunaannya telah dilaksanakan. Jadual kesilapan membunyikan sebutan oleh pelajar-pelajar ini diperincikan dalam jadual berikut:

Jadual 1. Kesilapan sebutan pelajar berdasarkan negara

Negara	Awal	Tengah	Akhir	Diftong	Gabungan Konsonan	Lain-lain
China	51	54	58	21	6	7
Yaman	41	27	35	15	5	4
Somalia	28	22	16	6	8	4
Tanzania	1	4	3	1	2	-
Indonesia	2	3	4	-	-	2
Jumlah	123	110	116	43	21	17

Berdasarkan jadual, jumlah kesilapan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar dari kelima-lima negara ialah kesilapan membunyikan awal perkataan iaitu sebanyak 123 patah perkataan (28.6 peratus), diikuti kesilapan membunyikan akhir perkataan sebanyak 116 patah perkataan (27 peratus), dan sebutan pada tengah perkataan sebanyak 110 patah perkataan (25.6 peratus). Sementara itu, tiga jenis kesilapan lain yang dapat dikenal pasti namun tidak ketara iaitu kesilapan sebutan bunyi diftong mencatat hanya sebanyak 43 patah perkataan (9.9 peratus), diikuti bunyi gabungan konsonan sebanyak 21 patah perkataan (4.9 peratus), dan lain-lain kesilapan sebanyak 17 perkataan (4 peratus).

Pelajar Negara China

Jadual di atas menunjukkan bahawa pelajar dari negara China paling melakukan kesilapan membunyikan akhir perkataan paling banyak berbanding kesilapan-kesilapan lain. Antara kesilapan sebutan yang dapat dikenal pasti adalah pengguguran vokal akhir seperti '**banya**' (banyak), '**denga**' (dengan), '**masyaraka**' (masyarakat), '**walaupun**' (walaupun), '**masi**' (masih), dan '**bentu**' (bentuk).

Kesilapan sebutan pada tengah perkataan pula merupakan jumlah kesilapan kedua terbanyak yang dilakukan oleh pelajar dari negara China. Jenis kesilapan sebutan tengah yang paling banyak dilakukan ialah sebutan vokal seperti '**sendara**' (sendiri), '**setaranya**' (seterusnya) dan '**dilahirkan**' (dilahirkan). Sementara contoh kesilapan tengah sebutan konsonan pula ialah seperti '**sekara**' (secara), '**pelat'tih**' (pelatih), '**selepas**' (selepas), dan '**pert'ma**' (pertama).

Kesilapan sebutan awal merupakan jenis kesilapan ketiga terbanyak yang dilakukan oleh pelajar dari negara China. Jenis kesilapan sebutan awal perkataan yang terbanyak dilakukan ialah sebutan vokal seperti '**angka**' (angka), '**rumah**' (rumah), dan '**untuk**' (untuk). Sementara kesilapan sebutan konsonan awal perkataan pula ialah seperti '**kahaya**' (cahaya), '**payan**' (bayang), dan '**wentu**' (bentuk). Selain itu, pelajar dari negara China juga didapati melakukan kesilapan sebutan dengan membuat pengguguran contohnya perkataan '**amelan**' (gamelan), dan '**barang**' (seberang).

Hasil analisis juga mendapati pelajar banyak melakukan kesilapan sebutan gabungan huruf vokal (diftong) dan gabungan huruf konsonan. Berdasarkan jadual, kesilapan sebutan diftong ialah sebanyak 21 perkataan dan kesilapan gabungan huruf konsonan hanyalah enam patah perkataan. Antara contoh kesilapan sebutan diftong adalah '**sebagia/sebagia**' (sebagai), '**menyesuka**' (menyesuaikan), '**atau**' (atau), dan '**mempunyai**' (mempunyai). Sementara contoh kesilapan gabungan huruf konsonan pula adalah '**patu-patu**' (patung-patung), '**pembangunan**' (pembangunan), dan '**kalangga**' (kalangan).

Di samping itu, terdapat juga kesilapan lain yang dilakukan oleh pelajar dari negara China iaitu kesilapan membunyikan huruf e taling dan e pepet. Antara kesilapan yang dilakukan ialah '**kesimpulannya**' (e pepet menjadi e taling) dan '**Perak**' (e taling menjadi e pepet). Mereka juga didapati melakukan kesilapan membunyikan huruf vokal akhir pada perkataan kira-kira dengan menyebut '**kiri-kiri**'. Akhir sekali, pelajar dari negara China juga didapati tidak dapat mengenal pasti nombor dengan betul apabila nombor empat disebut 'enam', nombor lima disebut 'lapan', nombor empat disebut 'satu' dan nombor tujuh disebut 'empat'.

Pelajar Negara Yaman.

Seterusnya, bagi pelajar dari Yaman pula, jenis kesilapan sebutan yang paling banyak dilakukan ialah kesilapan sebutan awal perkataan, diikuti sebutan pada akhir perkataan, sebutan tengah perkataan, sebutan diftong, sebutan gabungan konsonan dan hanya empat kesilapan lain. Antara kesilapan sebutan awal perkataan yang paling banyak dilakukan ialah kesilapan awal konsonan dan vokal. Contoh kesilapan sebutan awal konsonan ialah ‘**brihatin**’ (prihatin), ‘**calangan**’ (kalangan), dan ‘**penbeda**’ (berbeza), sementara contoh kesilapan sebutan awal perkataan huruf vokal ialah ‘**impat**’ (empat), ‘**bibirapa**’ (beberapa), ‘**tinaga**’ (tenaga), ‘**kisan**’ (kesan), dan ‘**tilah**’ (telah).

Sementara itu, jenis kesilapan kedua terbanyak yang dilakukan ialah kesilapan sebutan vokal pada akhir perkataan. Antara contoh kesilapan vokal pada akhir perkataan ialah seperti ‘**bergandang**’ (berganding), ‘**semakan**’ (semakin), dan ‘**sumbur**’ (sumber). Kesilapan konsonan tidak ditemui bagi kumpulan pelajar dari Yaman. Namun, pelajar-pelajar ini didapati melakukan penambahan sebutan seperti ‘**keindahuan**’ (keindahan), ‘**asiang**’ (asing) serta pengguguran seperti pada perkataan ‘**dilakkasa**’ (dilaksanakan) dan ‘**Filipin**’ dengan sebutan bahasa Inggeris bagi perkataan Filipina.

Jenis kesilapan ketiga terbanyak yang dilakukan ialah kesilapan sebutan pada tengah perkataan. Antara contoh kesilapan yang dilakukan ialah sebutan vokal seperti ‘**memanuhi**’ (memenuhi), ‘**menjamakan**’ (menjimatkan), dan ‘**kecikapan**’ (kecekapan). Sementara kesilapan sebutan konsonan di tengah perkataan pula ialah seperti ‘**kebentingan**’ (kepentingan), dan ‘**sekara**’ (secara). Pelajar juga didapati melakukan penambahan pada tengah perkataan seperti ‘**sebeherti**’ (seperti), ‘**musera**’ (mesra), serta penukaran sebutan dan pengguguran pada sebutan tengah perkataan seperti ‘**dibar-harui**’ (diperbaharui), dan ‘**oraga**’ (olahraga).

Pelajar dari negara Yaman juga didapati agak bermasalah untuk menyebut perkataan yang mengandungi diftong dengan betul. Antara perkataan yang tidak dapat disebut dengan betul ialah ‘**layan**’ (lain), ‘**melaliu/melawi**’ (melalui), ‘**sebage**’ (sebagai), ‘**laur**’ (luar), dan ‘**perpadan**’ (perpaduan). Pelajar-pelajar ini juga didapati menghadapi masalah untuk menyebut banyak perkataan yang mengandungi gabungan konsonan, contohnya seperti ‘**perkombaga**’ (perkembangan), ‘**pertandian**’ (pertandingan), ‘**pembanu-nan**’ (pembangunan) dan ‘**buni**’ (bunyi). Selain itu, mereka juga didapati tersalah membunyikan vokal seperti perkataan penduduk yang disebut ‘**pendadak**’ selain menggugurkan sebahagian sebutan seperti ‘**kepentig**’ (kepentingan) ‘**dimalkan**’ (diamalkan), menggugurkan konsonan akhir seperti ‘**perole**’ (peroleh) serta menyebut perkataan yang jauh berbeza dengan apa yang tertulis seperti ‘**sikatra**’ (sekitar) dan membuat penambahan pada sebutan pada perkataan seperti ‘**kirateria**’ (kriteria) dan ‘**tirasabut**’ (tersebut). Di samping itu, terdapat juga pelajar yang tidak dapat mengenal pasti nombor dengan betul apabila 2019 disebut sebagai dua puluh sembilan puluh.

Pelajar Negara Somalia.

Berdasarkan kajian, pelajar dari negara Somalia menghadapi masalah untuk menyebut konsonan ‘p’ dan ‘b’ dengan betul. Hal ini dapat diperhatikan apabila kesilapan terbanyak yang dilakukan oleh pelajar dari negara ini tidak kira pada awal perkataan, tengah perkataan, mahu pun akhir perkataan, kebanyakannya melibatkan kesilapan sebutan kedua-dua konsonan ini. Antara contoh kesilapan konsonan pada awal perkataan yang dapat dikenal pasti ialah ‘**bopular**’ (popular), ‘**belbagai**’ (pelbagai), ‘**bersembahan**’ (persembahan), ‘**berubahan**’ (perubahan), dan ‘**bempangunan**’ (pembangunan), serta kesilapan vokal seperti ‘**depat**’ (dapat), ‘**bilih**’ (boleh) dan ‘**rumat**’ (rambut). Manakala kesilapan sebutan (vokal dan konsonan) pada tengah perkataan ialah seperti ‘**merubakan**’ (merupakan), ‘**daribada**’ (daripada), ‘**kesibulannya**’ (kesimpulannya), dan ‘**bebirapa**’ (beberapa).

Selain itu, pelajar dari negara ini juga melakukan kesilapan sebutan akhir pada beberapa perkataan seperti kesilapan sebutan vokal pada perkataan benteng yang disebut ‘**bentang**’, ‘**memulihari**’ (memulihara), penambahan bunyi akhiran perkataan seperti ‘**hali**’ (hal), ‘**katah**’ (kata) dan ‘**yangki**’ (yang).

Di samping itu, mereka juga didapati melakukan kesilapan dalam menyebut bunyi diftong dan gabungan konsonan. Antara contoh kesilapan yang dapat di kenal pasti ialah ‘**semu**’ (semua), ‘**dibarbaru**’ (diperbaharui), ‘**sebagia**’ (sebagai) bagi diftong dan perkataan ‘**wujudya**’ (wujudnya), ‘**kaingginan**’ (keinginan), dan ‘**kalagan**’ (kalangan) bagi gabungan konsonan. Pelajar ini juga melakukan kesilapan dalam menyebut perkataan yang mengandungi vokal e seperti perkataan melalui dan betapa (e pepet menjadi e taling).

Pelajar Negara Tanzania

Pelajar dari negara Tanzania yang terlibat dalam kajian ini didapati tidak banyak membuat kesilapan sebutan. Hanya terdapat satu kesilapan sebutan pada awal perkataan iaitu perkataan ‘**kisimpulannya**’ (kesimpulannya), 4 kesilapan pada sebutan tengah perkataan iaitu ‘**pembenkukan**’ (pembentukan) ‘**sekara**’ (secara), ‘**kesianan**’ (kesenian) dan ‘**azia**’ (asia). Pelajar ini juga didapati membuat tiga kesilapan sebutan akhir perkataan iaitu perkataan ‘**fungzi**; (fungsi), ‘**Malayzia**’ (Malaysia) dan ‘**tradisyi**’ (tradisi). Pelajar juga didapati membuat kesilapan dalam menyebut satu perkataan yang mengandungi diftong iaitu ‘**mediam**’ (medium) dan dua kesilapan sebutan gabungan konsonan iaitu perkataan ‘**diiring-gi**’ (diiringi) dan ‘**masarakat**’ (masyarakat).

Pelajar Negara Indonesia

Pelajar Indonesia pada umumnya tidak menghadapi banyak masalah untuk menyebut perkataan bahasa Melayu dengan betul dalam ujian ini. Namun, setelah diperhatikan, terdapat juga beberapa kesilapan atau lebih tepat lagi perbezaan yang boleh dibuat penambahbaikan. Antara kesilapan yang dapat dikenal pasti pada awal perkataan ialah ‘**delapan**’ (lapan) dan ‘**Chaina**’ yang disebut dengan bunyi sebutan Inggeris. Sementara itu, didapati terdapat tiga perkataan yang mengandungi kesilapan atau perbezaan pada tengah perkataan iaitu ‘**karena**’ (kerana) dan ‘**rak’yat**’ dan ‘**menggalak’kan**’ yang disebut dengan penekanan konsonan ‘**k**’. Sebutan pada akhiran perkataan pula adalah ‘**tempat**’ (tempatan), ‘**berbekalan**’ (berbekalkan), ‘**Malaysia**’ (Malaysia) dan ‘**manusia**’ (manusia).

PERBINCANGAN

Hasil penelitian terhadap pembacaan dalam aplikasi Flipgrid mendapati segelintir pelajar masih menghadapi masalah untuk menyebut dengan tepat perkataan tertentu dalam teks bacaan yang diberikan. Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah kesilapan atau ketidaktepatan sebutan pada awal, tengah dan akhir perkataan, kesilapan membunyikan diftong dan beberapa kesilapan membunyikan gabungan konsonan serta kesilapan lain yang agak ketara. Wahana pengajaran dan pembelajaran secara maya agak berbeza berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Oleh itu, hasil analisis terhadap jenis kesilapan sebutan dalam ujian bacaan pelajar antarabangsa berdasarkan negara yang dilakukan melalui aplikasi Flipgrid ini menggambarkan dapatan daripada pengajaran dan pembelajaran secara maya.

Berdasarkan analisis, pelajar dari negara Yaman dan Somalia lebih cenderung melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal awal perkataan. Hal ini kerana kebanyakan pelajar antarabangsa menganggap bunyi sebutan abjad bahasa Melayu adalah sama dengan abjad dalam bahasa ibunda mereka dan bahasa Inggeris. Pelajar dari kedua-dua negara ini juga dilihat banyak membuat penggantian fonem /p/ dengan fonem /b/ kerana dalam bahasa ibunda mereka tiada fonem yang sepadan dengan fonem / p / (Siti Muslihah Isnain, Nur Aimie Nabila Fauzi dan Siti Amhar Abu ,2018).

Pelajar negara China pula lebih ketara melakukan kesilapan sebutan akhir perkataan dengan melakukan pengguguran, berbanding sebutan tengah dan sebutan awal perkataan. Hal ini berlaku kerana dalam bahasa Mandarin, hanya terdapat dua konsonan akhir, oleh itu penutur cina sering kali menggugurkan konsonan akhir dalam bahasa yang diperoleh (Lim & Lim, 2017).

Bagi sebutan perkataan dengan bunyi diftong dan gabungan konsonan pula, pelajar dari keempat-empat negara (kecuali Indonesia) menghadapi masalah yang sama. Hal ini berlaku kerana bagi sesetengah negara contohnya Yaman yang berbahasa Arab, ketidakwujudan beberapa bunyi vokal dan diftong dalam bahasa mereka menyebabkan mereka mengalami kekeliruan bunyi ataupun memang tidak mempunyai maklumat tentang bunyi tersebut (Jasah Jumayza Ahmad, Syafika Atika Othman, Sharifah Raihan Syed Jaafar,2020)

Sementara itu, bagi pelajar Indonesia, rata-ratanya dapat menyebut dan membaca dengan agak tepat. Hanya berlaku perbezaan bunyi sebutan contohnya penekanan bunyi konsonan / k/ kerana mereka sudah terbiasa dengan bahasa ibunda mereka. Oleh itu, sebagai satu rumpun bahasa Melayu yang sama, pelajar Indonesia hanya perlu mengubah sedikit intonasi dan cara sebutan perkataan supaya lebih jelas dan lebih ‘berbunyi’ bahasa Melayu (Malaysia).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, bagi mengatasi masalah kesilapan dalam bacaan pelajar antarabangsa, pengajar perlu memberikan tumpuan dan latihan yang berterusan dalam aspek bacaan. Hal ini demi meningkatkan kejelasan menyebut perkataan-perkataan dalam teks bacaan. Latihan yang berterusan perlu dilaksanakan secara berkala dan bukan sahaja tertumpu kepada Ujian Membaca semata-mata. Kajian ini teretus berikutan wujudnya kesilapan dalam sebutan bacaan teks bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa apabila PdP dijalankan secara dalam talian. Oleh itu, tenaga pengajar perlu mencari dan merangka kaedah PdP secara dalam talian yang bersesuaian dan interaktif bagi menarik minat para pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan perlunya perhatian diberi kepada aspek sebutan bacaan dalam PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Penemuan kesilapan adalah tanda bahawa pelajar-pelajar dari berbilang negara memerlukan bimbingan yang berbeza dalam bacaan. Selain itu, dapatan daripada analisis ini diharap dapat membantu tenaga pengajar bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa mengenal pasti kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dari pelbagai negara untuk merangka kaedah dan cara pembelajaran yang bersesuaian. Oleh itu, perlu adanya persediaan kaedah, bahan dan aktiviti apabila mengajar bahasa Melayu untuk menarik minat serta meningkatkan sikap positif pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung dapat memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa apabila lebih ramai penutur di seluruh dunia boleh menguasai Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Della Nuridah Kartika Sari Amirulloh, Ika Lestari Damayanti, Ellen Citraningrum. (2020). Flipgrid: A pathway to enhance students' speaking performance. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Vol. 546*. Proceedings of the Thirteenth Conference on Applied Linguistics (CONAPLIN 2020). ISSN 2352-5398 (28 April 2021).
- Fa'izah Abd.Manan, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa melayu pelajar asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2(2)*, 64-76.
- Flipgrid. (2018). Flipgrid. Ignite Classroom Discussion. Diakses daripada <https://flipgrid.com/>. [Diakses pada 1 Jun, 2021]. https://www.researchgate.net/publication/327034386_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Asing_Kajian_Kes_Pelajar_China_di_Universiti_Malaysia_Sabah.
- Jasah Jumayza Ahmad, Syafika Atika Othman, & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2020). Kerumitan sebutan bunyi vokal dan diftong bahasa Melayu oleh pelajar Arab. *Jurnal Melayu 19(1)*, 20-43.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). *Pelan tindakan: Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di universiti awam 2016-2020*. Selangor: Eworks Creative Enterprise.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Statistik Pengajian Tinggi. Diakses daripada <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/statistik/stat-2018/224-statistik-pt-2018-03-bab-1-makro-institusi-pendidikan-tinggi/file>.
- Lim Hui Woan, Lim Su Hui. (2017). Sebutan Bahasa Melayu oleh penutur Cina (ChinMalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. *Jurnal Bahasa, 17(2)*, 334-358.
- Lowenthal, P. R., & Moore, R. (2020). Exploring student perceptions of flipgrid in online courses. *Online Learning Journal*. <https://www.researchgate.net/publication/344468627>.
- L.Y. Sylvester, Alizah Lambri & Rosliah Kitin. (2020). Penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM –Journal of Social Science (EJOSS), 6(1)*.

- McLain, T. R. (2018). Integration of the video response app flipgrid in the business writing classroom. *International Journal of Educational Technology and Learning*, 4(2), 68– 75.
- Oraib, M. (2019). Student's perceptions and attitudes towards the use of flipgrid in the language classroom. Society for Information Technology & Teacher Education International Conference, Las Vegas, NV, United States. ISBN 978-1-939797-37-7. (18 Mac 2019) academicexperts.org/conf/site/2019/papers/54377.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 15(2)*.
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/16179/5041>.
- Siti Muslihah Isnain, Nur Aimie Nabila Fauzi, & Siti Amhar. (2018). Kesukaran dan kesalahan sebutan bunyi vokal dan konsonan bahasa melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Putra Malaysia. Seminar Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. [http://www.ukm.my/kitbm/wpcontent/uploads/artikel/all_kertas_kerja_seminar_B M_untuk_PA.pdf](http://www.ukm.my/kitbm/wpcontent/uploads/artikel/all_kertas_kerja_seminar_B_M_untuk_PA.pdf).
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52-61.

EMOSI DAN PERSEKITARAN: IDENTIFIKASI GAYA BELAJAR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UUM

Marzalina Mansor, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
marzalina@uum.edu.my

Mashetoh Abd Mutalib, PhD
Universiti Utara Malaysia (UUM)
mashetoh@uum.edu.my

Juwati Abdullah
Universiti Utara Malaysia (UUM)
juwati@uum.edu.my

ABSTRAK

Gaya belajar pasti sinonim dengan pencapaian pelajar. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian lepas yang memperlihatkan hubungan antara pencapaian pelajar dengan gaya belajar. Makalah ini akan membincangkan gaya pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan gaya belajar pelajar antarabangsa sewaktu mengikuti kelas bahasa Melayu. Data kajian ini diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada 73 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus *Malay as A Foreign Language level I, II dan III*. Data dianalisis menggunakan statistik mudah untuk melihat kekerapan dan peratusan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Analisis gaya pembelajaran yang dibincangkan berdasarkan pendekatan Model Dunn dan Dunn (1982). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa rangsangan emosi dan persekitaran merupakan rangsangan tertinggi yang mempengaruhi pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu berbanding dengan rangsangan yang lain. Kedua-dua rangsangan ini mencatatkan peratusan yang tinggi pada setiap item soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar. Rangsangan emosi menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa lebih suka dengan pujian dan ganjaran yang diberikan oleh pensyarah sekiranya mereka dapat menyiapkan tugas dalam bahasa Melayu dengan baik. Manakala bagi rangsangan persekitaran pula, pelajar antarabangsa lebih selesa belajar bahasa Melayu dalam suasana kelas yang kemas, iaitu dengan susunan meja yang teratur, suasana nyaman dan pencahayaan yang baik.

Kata kunci: gaya pembelajaran, pelajar antarabangsa, Model Dunn & Dunn, rangsangan emosi, rangsangan persekitaran

PENGENALAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti gaya pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM. Ini memandangkan gaya belajar adalah cukup sinonim dengan pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek yang dipelajari. Pada alaf-21 ini, kebanyakan IPT di Malaysia telah mewajibkan pelajar warganegara asing untuk mengikuti subjek Bahasa Melayu sebagai satu syarat yang terdapat dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 untuk menambah baik tahap penguasaan bahasa Melayu dan secara tidak langsung menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa dunia (Fa'izah, Zamri & Mohamed Amin, 2009a; Fa'izah, Zamri & Mohamed Amin 2011; Zamri 2014). Walau bagaimanapun, proses mempelajari bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang mudah bagi pelajar antarabangsa di Malaysia kerana pembelajaran adalah berorientasikan peperiksaan. Pelajar antarabangsa yang belajar bahasa Melayu kebanyakannya bukan atas kemahuan sendiri tetapi atas keperluan bergraduasi. Oleh yang demikian, pembelajaran bahasa Melayu di IPT akan dianggap sukar dan menjadi beban kepada pelajar-pelajar ini. Teknik pengajaran yang tidak mengambil pendekatan gaya belajar yang sesuai pula pasti menjadikan kelas bahasa Melayu hambar dan

tidak menarik. Oleh hal yang demikian, untuk memantapkan dan memberi impak yang baik dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa, maka menjadi satu keperluan kepada tenaga pengajar untuk mengenal pasti gaya belajar pelajar antarabangsa ini. Pengajar yang bersedia dengan pendekatan yang sesuai sewaktu mengendalikan kelas bahasa Melayu akan menumbuhkan minat belajar yang tinggi dalam kalangan pelajar antarabangsa. Gaya belajar pelajar ini pastinya akan berbeza mengikut bangsa dan negara asal pelajar tersebut (Marzalina 2005; Noor Zuhidayah & Siti Saniah, 2016).

PENYATAAN MASALAH

Institut pengajian tinggi sama ada IPTA atau IPTS mempunyai peranan yang penting dalam membentuk sikap, keperibadian yang baik dan pencapaian yang cemerlang dalam kalangan mahasiswa. IPTA mahupun IPTS perlu menyediakan wadah terbaik bagi pelajar dalam bidang tertentu untuk menimba ilmu pengetahuan. Perkara ini penting agar pelajar yang dilahirkan dapat bersaing dan mendapat pekerjaan yang baik. Dalam melahirkan pelajar yang terbaik, pastinya terdapat faktor yang selayaknya dititikberatkan. Salah satunya ialah faktor yang ada pada pelajar itu sendiri. Pelajar yang sedar akan kepentingan ilmu pengetahuan akan berusaha sebaik mungkin supaya mencapai tahap akademik yang tinggi. Pelajar-pelajar ini akan mencari satu kaedah ataupun gaya belajar yang sesuai dengan diri masing-masing.

Subini (2011) menjelaskan bahawa gaya belajar adalah cara seseorang merasa mudah, selesa, dan senang ketika belajar baik dari segi waktu mahupun secara fizikal. Gaya belajar adalah gaya yang dipilih seseorang untuk mendapatkan informasi atau pengetahuan dalam suatu proses pembelajaran. Dunn dan Dunn (1993) menjelaskan bahawa "*learning styles is the way that student begin to concentrate on, process, internalize and remember new and difficult academic information*". Pernyataan ini menjelaskan bahawa gaya belajar itu penting dalam menguasai pembelajaran. Walau bagaimanapun, belakangan ini pensyarah bahasa tidak mengambil berat akan perkara ini. Pelajar asing yang belajar bahasa Melayu sering diberitahu perkara yang mereka patut pelajari dan bukannya cara mereka harus belajar. Pelajar didedahkan dengan gaya belajar yang tidak sesuai dengan latar belakang mereka. Oleh itu, pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa asing akan menjadi hambar dan tidak berkesan. Sim dan Sims (2001) menjelaskan bahawa pentingnya guru mengetahui dan memahami gaya belajar individu kerana pembelajaran yang berkesan bagi seseorang pelajar mungkin tidak sesuai bagi pelajar yang lain. Berasaskan prinsip setiap pelajar mempunyai potensi dan boleh dididik, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di UUM akan menjadi lebih berkesan sekiranya pelajar-pelajar antarabangsa dapat menggunakan pendekatan pembelajaran yang betul dan efektif.

KOSA ILMU

Terdapat beberapa kajian berkaitan gaya pembelajaran yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan. Antara kajian yang akan diketengahkan di sini ialah kajian Roshidah Hassan (2017), yang meneliti gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. Beliau membincangkan gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu dengan menjalankan kajian di Institut Nasional untuk Bahasa dan Tamadun Oriental (INALCO), Paris. Subjek kajian terdiri daripada 19 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Indonesia / Malaysia, Jabatan Asia Tenggara dan Asia Pasifik (Center du Asie du Sud-est et Pacifique), INALCO. Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menerangkan gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa mereka. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diadaptasi daripada Wang (2015) dan dianalisis menggunakan statistik sederhana yang melihat frekuensi dan peratusan gaya dan strategi yang digunakan oleh pelajar.

Analisis gaya pembelajaran yang diterapkan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu mereka dilakukan mengikut 4 kemahiran bahasa, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur berdasarkan kerangka teori Christison (2003). Analisis untuk strategi pembelajaran dilakukan berdasarkan kerangka teori Oxford (1990) yang membahagikan strategi kepada 6 kategori utama; ingatan, kognitif, ganjaran, metakognitif, afektif dan strategi sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar Perancis lebih suka menggunakan gaya pembelajaran visual, global, bergantung pada bidang dan reflektif dan cenderung menggunakan strategi memori, metakognitif, afektif dan sosial dalam pembelajaran bahasa mereka.

Kajian Vijayaletchumy, Yong Chyn Chye dan Che Ibrahim Salleh (2014) memfokuskan kepada strategi pembelajaran formal dan tidak formal pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu. Model Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Mohamed Amin Embi (2000) dan analisis kuantitatif telah diterapkan untuk mengenal pasti hubungan antara strategi pembelajaran dan faktor ekstralinguistik. Sampel kajian terdiri daripada 114 orang pelajar asing di salah sebuah universiti swasta di Malaysia yang telah mengikuti kelas Bahasa Kebangsaan (B) (Bahasa Melayu) selama 14 minggu. Daripada 59 strategi yang disenaraikan dalam soal selidik, didapati bahawa strategi yang paling disukai dan dipraktikkan secara formal adalah 'pelajar memberi perhatian penuh semasa guru sedang mengajar'. Ini diikuti oleh 'pelajar akan mendengar dengan teliti cara guru bercakap dalam bahasa Melayu' dan 'pelajar akan mengambil bahagian dalam aktiviti yang disediakan oleh guru'. Manakala, untuk strategi tidak rasmi, 'pelajar akan berusaha menyebut kosa kata dengan kuat semasa mengulangkaji, sehingga mudah bagi mereka untuk mengingat kata-kata' yang paling disukai. Kajian menunjukkan bahawa pelajar asing agak pasif dan banyak bergantung kepada tenaga pengajar dalam penguasaan strategi pembelajaran. Mereka lebih sesuai untuk belajar bahasa Melayu dalam persekitaran formal kerana peluang pendedahan yang terhad terhadap aktiviti sosial. Oleh yang demikian, tenaga pengajar memainkan peranan penting untuk membimbing, memotivasi dan menyokong proses pembelajaran dalam kalangan pelajar asing.

Kajian Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid (2013) menyentuh tentang strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Korea di HUFSS (*Hankuk University of Foreign Studies*). Mereka meneroka pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar di Korea, iaitu jenis strategi komunikasi yang digunakan ketika pelajar menghadapi masalah dalam menyampaikan mesej dalam bahasa Melayu. Kajian dijalankan di Hankuk University of Foreign Studies (HUFSS), di Seoul, Korea. Dalam mengkaji strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar, kajian ini hanya menghasilkan pertuturan melalui komunikasi lisan dan tulisan.

Hasil keseluruhan kajian menunjukkan strategi komunikasi merupakan aspek yang sangat penting dalam proses komunikasi. Kajian ini juga mendapati bahawa komunikasi akan menjadi lebih bermakna dan tidak dapat dilupakan dengan menggunakan strategi komunikasi. Kajian ini menyimpulkan bahawa subjek telah menggunakan strategi komunikasi mereka dengan sangat aktif. Oleh itu, komunikasi dalam kalangan pelajar Korea dalam bahasa Melayu bertambah baik.

Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah dan Sharala AP Subramaniam (2014) menjalankan kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar asing berdasarkan kemahiran dan gred bahasa mereka dalam peperiksaan akhir kursus bahasa Melayu. Responden terdiri daripada 500 pelajar asing yang belajar di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (PHEI). Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa berdasarkan kemahiran berbahasa dan gred pembelajaran mereka mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Pelajar asing yang memperoleh gred cemerlang dalam bahasa Melayu menggunakan lebih banyak strategi pembelajaran bahasa, terutama dalam kemahiran bertutur dan membaca. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa banyak kemahiran berbahasa yang baik mempengaruhi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing.

Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad dan Jamal Rizal Razali (2018) menjalankan kajian tentang strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa dijalankan di semua universiti awam dan swasta. Kursus ini pada umumnya bertujuan untuk mempromosikan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa untuk membantu mereka berkomunikasi sepanjang mereka tinggal di Malaysia. Kajian ini mengetengahkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Bagi membincangkan keberkesanan strategi, pengkaji menggunakan teori pembelajaran yang diperkenalkan oleh Kolb (1984).

Menurut teori ini, pembelajaran berdasarkan pengalaman akan membantu dan mempercepat peningkatan kemahiran kognitif individu yang melibatkan pemerolehan konsep abstrak melalui penglibatan dalam pelbagai situasi. Kolb (1984) menggunakan istilah pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimen aktif. Data dikumpulkan daripada jawapan pelajar mengenai amalan dalam Modul Bahasa Melayu dan daripada pemerhatian terhadap pelbagai aktiviti yang digunakan sepanjang kursus. Di samping itu, soal selidik juga diberikan kepada pelajar untuk menilai keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan oleh Kolb Theory (1984). Hasil analisis menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan topik yang berkaitan dengan pengalaman hidup pelajar berkesan untuk membantu mereka menguasai dan bertutur dalam bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Alice Alim (2015) menyentuh tentang konteks pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China. Bahasa Melayu adalah bahasa asing bagi individu di luar negara, terutama dari luar Asia Tenggara, yang datang untuk tujuan pendidikan, pekerjaan, dan menetap di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa akan ada kesulitan dari segi pengucapan, tatabahasa, dan sintaks bahasa semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dimaksudkan. Beliau menjalankan kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membincangkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar asing yang belajar di UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Walau bagaimanapun, analisis ini hanya akan tertumpu pada kesalahan pelajar dari segi sebutan. Kesalahan lain tidak dibincangkan. Kajian ini melibatkan seramai 39 orang pelajar asing dari China sebagai responden. Pengucapan ini diambil daripada ujian membaca mereka dalam kursus Bahasa Melayu Tahap II, yang ditawarkan oleh PPIB (Pusat Promosi Pengetahuan dan Pembelajaran Bahasa) di UMS Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa pelajar asing melakukan banyak kesalahan dari segi sebutan. Sebilangan besar kesalahan ini berlaku semasa mereka membaca perkataan bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Inggeris semasa pembentangan mereka.

Manakala, Sharala Subramaniam (2019) pula melaksanakan kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa berdasarkan empat kemahiran. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu memudahkan pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Melayu dalam konteks keempat-empat kemahiran tersebut. Kemahiran ini ialah mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kajian ini telah berjaya mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa berdasarkan empat kemahiran bagi pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Hasil analisis menunjukkan bahawa keperluan keseluruhan pemilihan strategi pembelajaran bahasa sama ada strategi mendengar, membaca, menulis atau bertutur menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar asing menggunakan strategi mendengar untuk menguasai bahasa Melayu. Pelajar asing menguasai bahasa Melayu dengan mendengar perbualan orang lain dan berusaha untuk memahaminya.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti gaya belajar bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM.
2. Membincangkan rangsangan emosi dan persekitaran yang mempengaruhi gaya belajar pelajar antarabangsa di UUM.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam bentuk kaedah soal selidik. Borang soal selidik akan diberikan kepada pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus SBLF1093 *Malay as a Foreign Language, Level I, II dan III* di UUM. Borang soal selidik yang mengandungi soalan demografi bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang pelajar antarabangsa yang mengikuti kelas bahasa Melayu di UUM. Kesemua 73 orang pelajar yang mengikuti kursus ini terdiri daripada pelajar antarabangsa yang berasal dari negara China, Thailand, Indonesia, Yaman, dan Somalia.

Daripada soal selidik akan dapat diketahui jenis gaya belajar pelajar antarabangsa dengan menggunakan model pembelajaran Dunn dan Dunn (1982), yang mengandungi 5 gaya belajar, iaitu

- i) Faktor persekitaran
- ii) Faktor emosi

- iii) Faktor sosiologi
- iv) Faktor fisiologi
- v) Faktor psikologi

Model Dunn dan Dunn (1982)

Model yang dicipta oleh oleh Rita Dunn dan Kenneth Dunn (1982) mencadangkan bahawa gaya pembelajaran seseorang pelajar bergantung pada unsur-unsur yang disukai di bawah lima rangsangan seperti Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1982)

PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, data yang dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Kekerapan dan peratusan gaya pembelajaran diteliti untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM. Berdasarkan data demografi pelajar antarabangsa, iaitu seramai 73 orang pelajar yang menjawab soal selidik, 44 daripadanya ialah lelaki, iaitu yang mewakili peratusan sebanyak 60.3 %. Manakala selebihnya ialah pelajar perempuan, iaitu sebanyak 39.7% yang mewakili bilangan pelajar perempuan, iaitu 29 orang. Pelajar-pelajar antarabangsa ini berusia antara 18 hingga 25 tahun. Pelajar-pelajar antarabangsa yang mengambil kursus *Malay As A Foreign Language* di UUM ini terdiri daripada pelajar sarjana muda dalam pelbagai bidang pengajian. Bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar-pelajar antarabangsa ini ialah seperti *International Business Management, Business Administration, International Affairs Management, Tourism Management, Hospitality Management, Media Technology, Communication, Entrepreneurship, Finance and Banking, dan Accounting.*

Dapatan bagi gaya pembelajaran yang dikenal pasti dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah. Walau bagaimanapun, dalam makalah ini, hanya akan dibincangkan dua gaya belajar yang dominan dalam kalangan pelajar antarabangsa, iaitu rangsangan emosi dan rangsangan persekitaran.

Jadual 1 Gaya pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM

RANGSANGAN		Jumlah Setuju	%	Jumlah Tidak setuju	%
A	EMOSI				
	a) Motivasi				
	i) intrinsik	65	89	8	11
	ii) ekstrinsik	62	84.9	11	15.1
	b) Keazaman				
	i) tinggi	65	89	8	11
	ii) rendah	44	60.3	29	39.7
	c) Tanggungjawab				
	i) positif	73	100	0	0
	ii) negatif	11	15.1	62	84.9
	d) Struktur				
	i) liberal	55	75.3	18	24.7
	ii) terikat	70	95.9	3	4.1
B	PERSEKITARAN				
	a) reka bentuk				
	i) bilik darjah	72	98.6	1	1.4
	ii) tempat tinggal	70	95.9	3	4.1
	b) suhu	61	83.6	12	16.4
	c) bunyi	51	69.9	22	30.1
	d) cahaya	56	76.7	17	23.3
C	SOSIOLOGI				
	a) bersendirian	47	64.4	26	35.6
	b) rakan sebaya	62	84.9	11	15.1
	c) orang dewasa	61	83.6	12	16.4
	d) pasangan	60	82.2	13	17.8
	e) kumpulan	54		19	
D	PSIKOLOGI				
	a) reflektif	63	87.5	10	13.9
	b) impulsif	14	19.2	59	80.8
	c) analitikal	59	80.8	14	19.2
	d) global	53	72.6	20	27.4
	e) hemisfera				
	i) kanan	51	69.9	22	30.1
	ii) kiri	65	89	8	11
E	FISIOLOGI				
	a) persepsi				
	i) auditori	17	23.3	56	76.7
	ii) visual	24	32.9	49	67.1
	iii) kinesthetic	70	95.9	3	4.1
	b) waktu belajar	58	79.5	15	20.5
	c) pergerakan	56	76.7	17	23.3
	d) makan dan minum	42	57.5	31	42.5

RANGSANGAN EMOSI

Gaya pembelajaran yang berkaitan rangsangan emosi telah mencatatkan peratusan tertinggi dalam borang soal selidik yang telah dianalisis. Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen emosi memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM. Dunn & Dunn (1982) menekankan bahawa gambaran emosi ini dapat dilihat daripada unsur motivasi, keazaman, tanggungjawab dan struktur. Motivasi biasanya dibahagikan kepada motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Elemen intrinsik, iaitu suka dipuji ketika dapat menjawab soalan bahasa Melayu dengan tepat telah mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 89%. Manakala elemen ekstrinsik, iaitu suka sekiranya diberi ganjaran oleh pensyarah telah mencatatkan peratusan sebanyak 84.9%. Ini membuktikan bahawa emosi berkait rapat dengan perasaan dan jiwa seseorang pelajar. Pelajar antarabangsa sebenarnya gemar dan suka sekiranya mendapat pujian dan ganjaran sewaktu mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, pensyarah perlu mengambil inisiatif ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Pelajar asing mempunyai keazaman yang tinggi sewaktu mempelajari bahasa Melayu. Peratusan yang bersetuju pada soalan yang berkaitan jangka masa dalam mempelajari bahasa Melayu telah membuktikan hal ini. Pelajar antarabangsa boleh belajar bahasa Melayu dalam jangka masa yang agak lama. Peratusan yang dicatatkan ialah sebanyak 89%. Sementara dari segi elemen tanggungjawab pula, pelajar antarabangsa di UUM yang mempelajari bahasa Melayu mempunyai tanggungjawab yang positif. Kesemua pelajar antarabangsa bersetuju dengan soalan yang berkaitan dengan kesungguhan mereka dalam menyiapkan tugas bahasa Melayu yang diberikan oleh pensyarah. Hanya 11 orang pelajar, iaitu mewakili 15.1% yang menyatakan bahawa mereka kerap lupa untuk menyiapkan tugas bahasa Melayu yang diberikan kepada mereka. Seterusnya, rangsangan emosi pada elemen struktur, dapatan menunjukkan bahawa struktur terikat lebih popular, iaitu 95.9% berbanding liberal, iaitu 75.3%. Ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa di UUM lebih suka belajar bahasa Melayu berpandukan arahan-arahan yang jelas daripada pensyarah mereka. Mereka sebenarnya belajar bahasa Melayu dengan mengharapkan bimbingan dan panduan yang jelas daripada pensyarah. Pelajar antarabangsa ini didapati kurang berinisiatif sendiri sewaktu mempelajari bahasa Melayu.

RANGSANGAN PERSEKITARAN

Faktor rangsangan persekitaran merupakan rangsangan kedua tertinggi berdasarkan peratusan yang dicatatkan dalam analisis soal selidik gaya belajar pelajar antarabangsa di UUM. Menurut Dunn & Dunn (1982), gaya pembelajaran yang merangkumi rangsangan persekitaran amat penting kepada pelajar terutama yang berkait rapat dengan empat unsur utama, iaitu reka bentuk tempat belajar atau tempat tinggal, suhu, bunyi, dan cahaya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen reka bentuk bilik kuliah mencatatkan peratusan tertinggi berbanding elemen lain. Peratusan yang dicatatkan ialah 98.6%. Pelajar antarabangsa yang mengikuti kelas bahasa Melayu ternyata cukup selesa dengan keadaan bilik kuliah yang kemas dan teratur. Selain itu, pelajar antarabangsa juga didapati suka belajar bahasa Melayu dengan meletakkan meja ditepi tingkap bagi mendapatkan udara yang segar. Peratusan bagi elemen reka bentuk tempat tinggal ini mencatatkan peratusan sebanyak 95.9% pelajar yang bersetuju.

Seterusnya, bagi elemen suhu pula, didapati pelajar antarabangsa di UUM begitu selesa dengan keadaan bilik kuliah yang berhawa dingin. Pembelajaran menjadi lebih baik dan terfokus sekiranya suhu di bilik kuliah sejuk dan nyaman. Peratusan yang dicatatkan bagi elemen suhu ini ialah 83.6%. Prasarana yang baik dan kondusif di UUM telah membantu pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dengan lebih baik dalam kalangan pelajar antarabangsa ini. Bagi elemen cahaya pula, peratusan yang dicatatkan ialah sebanyak 76.7%, iaitu mewakili 56 orang pelajar antarabangsa yang bersetuju dengan soalan yang berkaitan dengan pencahayaan sewaktu mengikuti kelas bahasa Melayu. Pelajar antarabangsa didapati sangat berpuas hati dengan suasana pembelajaran bahasa Melayu di UUM kerana keadaan bilik kuliah yang terang benderang. Bagi elemen bunyi, didapati bunyi-bunyi bising akan mengganggu tumpuan pelajar antarabangsa sewaktu belajar bahasa Melayu. Elemen ini mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 69.9%, iaitu mewakili bilangan pelajar yang bersetuju seramai 51 orang berbanding 22 orang pelajar yang tidak bersetuju. Ini membuktikan bahawa sewaktu proses pembelajaran berlangsung, bunyi-bunyi bising di persekitaran pasti akan mengganggu penumpuan seseorang pelajar sama ada di bilik kuliah mahupun di rumah masing-masing.

KESIMPULAN

Jelas bahawa gaya pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM terikat dengan pengaruh elemen dalaman mahupun luaran. Hal ini bermaksud bahawa pembelajaran bahasa Melayu itu mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti emosi, persekitaran, sosiologi, psikologi, dan fisiologi. Justeru, dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa wahana ilmu dan bertaraf anatarabangsa, maka gaya pembelajaran pelajar antarabangsa ini perlu dititikberatkan oleh pensyarah mahupun pihak-pihak yang terlibat. Malah masyarakat juga tidak boleh memandang remeh akan soal ini. Masyarakat Melayu boleh turut mempamerkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul. Masyarakat tidak perlu menggunakan bahasa asing sekiranya ingin berkomunikasi dengan pelajar antarabangsa ini. Sebaliknya kekallah menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan sesuai dengan konteksnya. Justeru, kajian ini diharap dapat berada dilandaskan yang tepat dalam merealisasikan dasar kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

RUJUKAN

- Alim, A. (2015). Bahasa Melayu sebagai bahasa asing: Kajian kes pelajar China di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2), 157-167.
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2013). Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing: Strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Korea di HUFSS (Hankuk University of Foreign Studies). *Jurnal Pengajian Melayu*, 24(1).
- Dunn, R. S., Dunn, K. J., & Price, G. E. (1979). Identifying individual learning styles. Dalam. J. W. Keefe (Ed.), *Student learning styles: Diagnosing and prescribing programs* (hlm.39-54). Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- Dunn, R., & Dunn, K. (1993). *Teaching secondary school students through their individual learning styles: Practical approaches for Grades 7-12*. Boston: Allyn & Bacon.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2009). Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing. Institusi Pengajian Tinggi. Muat turun pada 30 Mei 2018, dari http://www.ukm.my/jtlhe/pdf/6%2020Fa%E2%80%99izah%20Abd.Manan_0_1.pdf
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2011). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar asing. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (Pnyt.). *Transformasi dan inovasi dalam pendidikan* (hlm. 399-418). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad & Jamal Rizal Razali. (2018). Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 9 (November), 61 - 79.
- Marzalina Mansor. (2005). *Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara*. Disertasi Sarjana. Yang Tidak Diterbitkan. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 10-19.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *Journal of Language Studies*, Volume 17(1), 125-146.

- Sharala Subramaniam. (2019). Malay language learning strategies among international students based on four skills. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(30), 315-323.
- Subini, Nini. (2011). *Rahasia gaya belajar orang besar*. Jogjakarta: PT Buku Kita.
- Vijayaletchumy, Yong Chyn Chye & Che Ibrahim bin Salleh. (2014). Foreign students' learning strategies of Malay language: Extralinguistics perspective. *Indian Journal of Research*, 3(3), 32-36.
- Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Mahasiswa Antarabangsa di IPTS Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 26, 120-133.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah & Sharala A/P Subramaniam . (2014). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 75 - 81.

LAKUAN BAHASA EKSPRESIF SEBAGAI STRATEGI KOMUNIKASI GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)

Nasihah binti Hashim, PhD
Universiti Utara Malaysia
h.nasihah@uum.edu.my

Maizatul Azura Yahya, PhD
Universiti Utara Malaysia
maizatul@uum.edu.my

Ainal Akmar binti Ahmad
Universiti Utara Malaysia
ainal@uum.edu.my

Arina Johari, PhD
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
arinajr@iium.edu.my

ABSTRAK

Kecekapan guru untuk berkomunikasi dengan berkesan bersama murid dapat memberikan impak yang positif terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mencapai objektif pembelajaran yang digariskan. Di samping itu, strategi komunikasi yang baik dan menarik juga berupaya mewujudkan sesi PdP yang produktif dan kreatif serta menyeronokkan. Interaksi guru dengan murid dalam sesi PdP melibatkan pelbagai lakuan bahasa seperti lakuan bahasa asertif, direktif dan ekspresif sebagai pemudah cara guru dalam sesi pengajaran. Lakuan bahasa tersebut diujarkan oleh guru dengan pelbagai cara dan teknik yang bersesuaian dengan para pelajar mereka. Lakuan bahasa juga hadir dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang terpaksa dijalankan oleh guru dengan menggunakan pelbagai medium. Interaksi guru dengan murid lazimnya dilakukan melalui medium aplikasi sembang *Telegram* dan *WhatsApp*. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan bentuk lakuan ekspresif yang dipilih oleh guru ketika berinteraksi dengan murid sebagai salah satu strategi komunikasi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) melalui aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp*. Data kajian diperoleh secara rawak daripada beberapa sesi PdPR yang dijalankan oleh guru sekolah rendah. Berdasarkan tinjauan awal didapati guru menggunakan lakuan ekspresif memberi pujian, mengucapkan terima kasih, memberi ucapan selamat, mengucapkan tahniah dan mendoakan sebagai salah satu strategi meningkatkan motivasi belajar murid.

Kata kunci: strategi komunikasi, lakuan bahasa, ekspresif, pengajaran dan pembelajaran di rumah

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 yang melanda negara bermula pada tahun 2020 telah mengubah corak sistem pendidikan negara kepada sistem pendidikan yang berasaskan teknologi komunikasi. Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu langkah untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran kepada murid sekolah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, para pendidik seluruh negara perlu merancang kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan agar objektif pendidikan negara tercapai. Perancangan dan pelaksanaan strategi komunikasi yang berkesan dan produktif juga perlu diambil kira kerana strategi ini dapat membantu guru meningkatkan kefahaman murid. Guru yang baik ialah guru yang berupaya memahami bahawa komunikasi dan pembelajaran merupakan aktiviti yang saling bergantung. Guru dan murid harus memilih apa-apa yang perlu dikomunikasikan dan cara mengkomunikasikannya (Wrench, Richmond & Gorham, 2009).

Sesi PdPR mendesak guru untuk berusaha mengubah bukan sahaja strategi pengajaran, malah strategi berkomunikasi, yakni daripada komunikasi bersemuka di dalam kelas kepada komunikasi melalui pesanan ringkas dalam talian menggunakan aplikasi sembang sosial seperti *Telegram* dan *WhatsApp*. Abdul Razak Abdul Karim (2000) menjelaskan strategi komunikasi sebagai cara tertentu yang digunakan oleh peserta tutur yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa ketika berkomunikasi. Hal ini bermakna, sudah menjadi kelaziman guru untuk mengamalkan pelbagai bentuk strategi komunikasi dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, bezanya hari ini interaksi berlaku bukan hanya di dalam kelas bersemuka tetapi secara dalam talian. Strategi komunikasi yang terancang pastinya diterapkan untuk menjelaskan kandungan mata pelajaran, memaksimumkan pemahaman, meningkatkan prestasi, menarik minat dan tidak ketinggalan juga untuk menaikkan tahap motivasi murid. Ketika inilah keupayaan dan keterampilan berbahasa guru dititikberatkan kerana bahasa berperanan penting dalam menjayakan sesuatu komunikasi. Pastinya pelbagai bentuk lakuan bahasa dizahirkan oleh guru dalam strategi komunikasi mereka kerana lakuan bahasa sentiasa berlaku antara peserta komunikasi dalam apa-apa jua bentuk komunikasi seharian termasuklah dalam pengajaran dan pembelajaran. Penerapan lakuan bahasa dalam sesuatu interaksi dijelaskan oleh Austin (dalam Nadar, 2009) bahawa pada dasarnya, ketika seseorang mengucapkan sesuatu ujaran tertentu, penutur tersebut dapat dilihat sebagai melakukan tindakan tertentu di samping makna ujaran tersebut.

Umum mengetahui bahawa ramai sarjana telah membincangkan hasil kajian terhadap penggunaan pelbagai lakuan bahasa dalam peristiwa komunikasi tertentu sama ada komunikasi lisan mahupun bertulis seperti filem, novel, teks ucapan pemimpin, mesyuarat dan interaksi guru dengan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian Alattar (2014), Altikriti (2016), Nur Rachmi Widayari (2016) serta Harshita Aini Haroon, Nor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir dan Zaliza Zubir (2020) telah memperlihatkan penggunaan pelbagai lakuan bahasa dalam ucapan pemimpin. Sementara, kajian Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) telah membincangkan lakuan bahasa yang digunakan dalam aktiviti mesyuarat. Maslida Yusof dan Karim Harun (2015) pula mengkaji penggunaan lakuan bahasa status ruangan sembang dalam talian, iaitu *facebook*. Begitu juga dengan kajian Abdul Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim (2019) yang mengambil bahan kajian dalam talian, iaitu artikel yang ditulis oleh Tun Dr. Mahathir dalam blog *chedet.cc*. Kajian Muhammad Zuhair Zainal (2017) pula membincangkan lakuan bahasa ilokusi guru dalam pembelajaran Bahasa Melayu, manakala kajian Aminuddin Saimon (2019) membuktikan penggunaan lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih. Oleh yang demikian, bagi melestarikan kesinambungan kajian terhadap lakuan bahasa makalah ini akan membincangkan penggunaan bentuk lakuan bahasa ekspresif hasil daripada tinjauan awal pengkaji terhadap interaksi guru dan murid dalam ruang sembang di aplikasi *Telegram* dan *WhatsApps* guru ketika PdPR. Data kajian diperolehi secara rawak daripada beberapa sesi PdPR yang dijalankan oleh guru sekolah rendah di daerah Kubang Pasu.

LAKUAN BAHASA EKSPRESIF GURU DALAM PdPR

Lakuan bahasa ekspresif merupakan satu bentuk lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Searle (1969). Lakuan bahasa merujuk ujaran yang menyampaikan sesuatu tindakan (Searle, 1969) seperti mengarah, merayu, memberi penghargaan, menasihati, meminta dan sebagainya. Dengan perkataan lain, dalam sesuatu komunikasi, penutur tidak hanya mengungkapkan ujaran malahan mempersembahkan satu lakuan melalui ujarannya (Maslida Yusof & Karim Harun, 2015). Aminuddin (2019) dan Abdul Ganing Laengkang (2018) pula mengatakan bahawa lakuan bahasa merupakan tindakan dalam komunikasi. Setiap ujaran yang diucapkan mengandungi tindakan antaranya, berjanji, menggesa, menasihati, melapor, menyimpulkan dan sebagainya. Searle (1969) mengklasifikasikan lakuan bahasa atau lakuan tutur berdasarkan maksud penutur. Secara fungsional lakuan bahasa diklasifikasikan secara umum kepada lima, iaitu lakuan bahasa asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif.

Searle (1976) menjelaskan lakuan bahasa asertif ialah lakuan tutur (bahasa) yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi yang diungkapkan dan lakuan ini membawa nilai benar terhadap ungkapan tersebut. Antara fungsi asertif antaranya ialah menyatakan, mendapatkan maklumat, menyarankan, melapor dan mengandaikan. Lakuan bahasa direktif pula ialah tutur laku yang menggambarkan usaha penutur untuk membuat pendengar melakukan tindakan tertentu. Kuasa ujaran direktif akan menghasilkan kesan tertentu

yang dapat dilihat melalui tindakan dan respons yang ditunjukkan oleh pendengar. Sementara itu, lakuan bahasa komisif merupakan jenis perlakuan tutur bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Perlakuan ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu, manakala lakuan bahasa dekratif merupakan lakuan bahasa yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa. Oleh kerana lakuan bahasa bergantung pada institusi ekstralinguistik bagi kejayaan pelaksanaannya, ia juga boleh dinamakan performatif yang diinstitusikan (Nurul Syuhada shuib & Maslida Yusof, 2019).

Lakuan bahasa ekspresif merupakan bentuk bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau mood penutur seperti bahagia, duka, suka atau tidak suka (Searle, 1976). Oleh itu, ujaran ekspresif akan menunjukkan dan mendedahkan perasaan dan sikap penutur terhadap pendengar (Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof, 2020). Fungsi lakuan bahasa ekspresif antaranya berupa bentuk bahasa yang digunakan untuk meminta maaf, mengungkapkan rasa gembira, mengungkapkan rasa sedih dan seumpamanya. Abdul Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim (2019) pula mendefinisikan lakuan ekspresif sebagai ujaran yang mengandungi pernyataan psikologi atau emosi tertentu. Lakuan ini juga merupakan satu bentuk reaksi atau respons psikologi terhadap sesuatu keadaan atau tindakan orang lain sekali gus menggambarkan sikap dan perasaan penutur kepada pendengar. Oleh yang demikian lakuan bahasa ekspresif dapat disimpulkan sebagai bentuk lakuan bahasa yang digunakan untuk mengekspresikan keadaan yang dialami oleh seorang individu.

Hasil tinjauan menyenaraikan lima bentuk lakuan bahasa ekspresif yang ketara digunakan oleh guru dalam sesi PdPR, iaitu memberi pujian, mengucapkan terima kasih, memberi ucapan selamat, mengucapkan tahniah dan mendoakan. Kelima-lima bentuk ekspresif tersebut digunakan oleh guru sebagai salah satu cara berinteraksi dengan murid sekali gus meningkatkan tahap strategi komunikasi berkesan guru dalam PdPR.

Ekspresif memberi pujian

Lakuan bahasa ekspresif memberi pujian atau memuji ialah tindakan melakukan pujian yang dilakukan oleh seseorang penutur terhadap orang lain. Brown dan Levinson (dalam Holmes, 2003) menjelaskan bahawa pujian adalah contoh utama lakuan tutur (bahasa) yang membuat pemerhatian dan mengakui kecenderungan, keinginan, kehendak dan kebaikan penutur. Memberi pujian kepada murid sudah pastinya menjadi amalan yang lazim diujarkan oleh guru di dalam kelas (PdPc). Hal ini kerana kata-kata pujian yang dilafazkan oleh guru memainkan peranan penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta latihan (Rusli Ahmad & Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Pujian dan penghargaan daripada guru dapat memberikan impak positif kepada murid, yakni sebagai motivasi atau stimulus untuk mengikuti pembelajaran dengan lebih baik di samping memberi suasana pembelajaran yang lebih berkesan dan kondusif (Mok Song Sang, 2008). Pujian boleh diberikan kepada seorang mahupun seluruh kelas. Oleh sebab itu, dalam kajian ini, lakuan bahasa ekspresif memberi pujian juga digunakan oleh guru dalam PdPR. Berikut disenaraikan contoh-contoh ujaran memberi pujian guru yang diujarkan kepada murid-muridnya:

- 1a. Alhamdulillah, bagus, terbaik.
- 2a. Masya-Allah terbaik semua anak-anak murid.
- 3a. Semangatnya, bagus semua.
- 4a. Terbaik, kamu pelajar pertama menyiapkan tugas.
- 5a. Tulisan cantik dan jelas cuma ada kesalahan ejaan sedikit.

Hasil kajian mendapati bahawa ujaran-ujaran memberi pujian yang disenaraikan seperti di atas diucapkan oleh guru apabila murid-murid dapat menyelesaikan tugas yang diberikan. Contoh 1a memperlihatkan guru memberi pujian dengan mengucapkan kata *bagus* dan *terbaik* yang disertai dengan rasa syukur kepada Allah. Begitu juga dengan contoh 2a guru mengucapkan kata *terbaik* sebagai pujian terhadap murid yang dapat menyelesaikan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan. Contoh 2a juga memperlihatkan guru mengekspresikan rasa kekagumannya terhadap semua muridnya dengan ucapan *masya-Allah*. Sementara bagi contoh 3a guru memberi pujian atas hasil kerja murid juga dengan menggunakan kata *bagus* dan mengekspresikan rasa bangga terhadap semangat murid-murid dengan kata *semangatnya*. Contoh 4a pula menunjukkan guru memuji muridnya yang menjadi orang pertama menyelesaikan tugas dengan

mengucapkan kata *terbaik*. Bagi contoh 5a pula guru memuji tulisan murid dengan mengucapkan kata *cantik* sebagai kata-kata pujian.

Ujaran-ujaran contoh di atas memperlihatkan guru-guru memberi perhatian dan menilai segala komitmen murid dalam mengikuti PdPR. Bentuk ujaran pujian yang diucapkan merupakan pujian yang berkualiti dan tidak berlebih-lebihan. Bayangkan perasaan murid apabila mereka melihat dan membaca kata-kata pujian tersebut, pastinya ia akan meningkatkan rangsangan untuk mengikuti pembelajaran dengan lebih tekun kerana mendapat perhatian daripada gurunya. Dapatan ini selari dengan kata-kata Indirawati Zahid dan Nasihah Hashim (2018) bahawa lakuan bahasa ekspresif lazimnya dizahirkan untuk menunjukkan perhatian penutur terhadap tindakan pendengar. Selain itu, lakuan bahasa ekspresif juga dapat mempamerkan kesantunan dan budi bahasa penutur terhadap peserta tutur dalam sesuatu komunikasi. Gardner dan Lambert (1972) pula mengatakan bahawa pujian kepada murid daripada guru merupakan salah satu bentuk ganjaran yang boleh dikategorikan sebagai motivasi ekstrinsik dalam proses pembelajaran.

Ekspresif mengucapkan terima kasih

Lakuan mengucapkan terima kasih merupakan satu bentuk ekspresi penghargaan kepada seseorang yang telah berjasa kepada kita. Ucapan ini juga adalah sebahagian daripada amalan kesantunan berbahasa. Dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran lazimnya akan memperlihatkan murid mengucapkan terima kasih kepada guru, lain pula dalam kajian ini kerana guru didapati mengucapkan terima kasih kepada murid atas kerjasama yang diberikan oleh murid. Ujaran terima kasih ini menunjukkan guru melahirkan rasa kegembiraan dan berpuas hati terhadap apa-apa yang diberikan oleh murid. Dalam kajian ini rangkai kata *terima kasih* menjadi penanda ekspresif mengucapkan terima kasih. Berikut ialah contoh lakuan ucapan terima kasih guru kepada murid dalam PdPR melalui aplikasi *Telegram* dan *WhatsApps*:

- 1b. Terima kasih.
- 2b. Terima kasih semua.
- 3b. Terima kasih. Semoga ada kebaikan untuk semua.
- 4b. Terima kasih atas perhatian dan kerjasama waris yang budiman.
- 5b. Terima kasih waris yang prihatin dan anak-anak yang bagi komitmen.

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru mengucapkan terima kasih apabila selesai memberi arahan tugas dalam PdPR. Ucapan terima kasih akan mengakhiri arahan yang disenaraikan dalam teks pesanan. Lazimnya ucapan ini lebih ringkas seperti yang dapat dilihat pada contoh 1b, 2b dan 3b. Ucapan ini berfungsi sebagai penghargaan guru kepada murid yang membaca, memberi perhatian dan mengikuti arahan yang diberikan. Contoh 3b pula memperlihatkan guru mengiringi ucapan terima kasih dengan doa mengharapkan agar apa-apa yang diberikan kepada murid-muridnya dapat memberi kebaikan kepada mereka. Kajian juga mendapati guru mengucapkan terima kasih apabila murid menghantar dan menunjukkan hasil kerja mereka. Ucapan ini dapat dilihat lebih panjang dan guru cuba menarik perhatian waris atau ibu bapa yang bersama-sama memberi kerjasama untuk menyelesaikan tugas murid. Contoh 4b dan 5b mempamerkan fungsi ucapan terima kasih tersebut. Ucapan ini mengekspresikan kegembiraan dan kepuasan guru terhadap hasil kerja anak-anak murid seperti yang diharapkan. Penghargaan turut diberikan kepada waris atau ibu bapa yang pastinya membantu murid menghasilkan tugas yang diberikan.

Ekspresif mengucapkan ucapan selamat

Ucapan selamat merupakan ucapan atau pernyataan mengharapkan kebaikan kesejahteraan serta dijauhi segala bentuk gangguan, di samping ucapan harapan agar apa yang dihajati tercapai (Abdul Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim, 2019). Bagi seorang guru pastinya banyak harapan yang perlu dizahirkan kepada murid-muridnya untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Dalam kajian ini berikut ialah beberapa contoh bentuk ujaran ucapan selamat guru terhadap murid-muridnya.

- 1c. Selamat menjawab.
- 2c. Selamat belajar.

- 3c. Selamat maju jaya.
- 4c. Selamat bercuti.
- 5c. Selamat berehat dan moga cepat sembuh.

Berdasarkan contoh di atas didapati guru menzahirkan harapannya terhadap murid dengan ucapan selamat. Kata *selamat* menjadi penanda kepada ekspresif mengucapkan ucapan selamat. Contoh 1c, 2c dan 3c diucapkan oleh guru sebagai penutup kepada arahan yang diberikan kepada murid. Contoh 1c diujarkan setelah guru memberikan soalan latihan kepada murid dan mengharapkan murid dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan. Sementara itu, bagi contoh 2c dan 3c diucapkan oleh guru setelah selesai pengajaran serta menyenaraikan tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh murid. Guru mengharapkan murid dapat mengikuti dan memahami pelajaran mereka pada hari tersebut. Contoh 4c pula diucapkan oleh guru sebelum murid-murid bercuti, manakala contoh 5c diucapkan kepada murid yang tidak sihat. Guru mengharapkan murid gembira ketika bercuti dan murid yang tidak sihat diharapkan segera sembuh. Situasi ini juga jelas mempamerkan sikap guru yang memberi perhatian terhadap situasi persekitaran murid.

Ekspresif mengucapkan tahniah

Ucapan tahniah diucapkan untuk menggambarkan perasaan gembira di atas pencapaian atau prestasi baik lawan tutur dalam sesuatu komunikasi. Ucapan ini dapat mewujudkan situasi kegembiraan dalam komunikasi yang berlangsung dan seterusnya memberi emosi positif kepada penerimanya. Oleh yang demikian, ucapan tahniah penting untuk diucapkan oleh guru di atas pencapaian prestasi murid-muridnya sebagai salah satu cara guru untuk menggembirakan murid-muridnya. Dalam kajian ini lakuan ekspresif ucapan tahniah ditandai dengan kehadiran perkataan *tahniah*. Berikut ialah contoh bentuk ujaran ucapan tahniah diucapkan oleh guru dalam PdPR:

- 1d. Tahniah!
- 2d. Tahniah, anak-anak semua hebat!
- 3d. Tahniah kerana telah melakukannya dengan baik!
- 4d. Tahniah semua sebab berjaya hadir dalam PdPR hari ini!
- 5d. Tahniah semua anak-anak yang telah menghantar tugas!

Contoh 1d, 2d dan 3d di atas memperlihatkan guru mengucapkan tahniah atas pencapaian murid dalam menyempurnakan tugas yang diberikan. Contoh 4d pula merupakan ucapan tahniah untuk murid yang telah berjaya hadir dalam sesi PdPR yang dijalankan oleh guru. Ucapan dalam contoh 4d jelas menunjukkan kegembiraan guru kerana murid dapat hadir dan secara tidak langsung ucapan ini akan menarik minat murid untuk terus hadir dalam sesi PdPR yang dijalankan. Sementara itu, bagi contoh 5d pula guru mengucapkan tahniah sebagai ganjaran murid yang telah menghantar tugas yang telah diberikan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ucapan tahniah dikategorikan sebagai ucapan penghargaan dan ganjaran atau hadiah guru kepada muridnya di atas kejayaan, kebolehan, kehebatan dan kemampuan murid meningkatkan prestasi mereka. Secara tidak langsung ganjaran ini akan memberi galakan kepada murid untuk terus mengikuti pembelajaran, menghadiri kelas dan membuat tugas dengan baik. Oleh sebab itulah, menurut Gardner dan Lambert (1972) selain pujian, ganjaran atau hadiah juga merupakan satu bentuk motivasi ekstrinsik yang boleh mendorong pelajar untuk belajar dengan baik.

Ekspresif mendoakan

Lakuan ekspresif mendoakan akan dapat mempamerkan perasaan ambil berat dan perhatian guru kepada murid. Sikap ambil berat guru ini dapat memberikan dorongan kepada pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran. Berdasarkan kajian ini, didapati lakuan ekspresif mendoakan ditandai dengan kehadiran perkataan *semoga* yang membawa maksud mudah-mudahan, hendaknya, kiranya atau agar (*Kamus Dewan*, 2015). Perkataan *semoga* menjadi penanda pengharapan guru kepada muridnya. Contoh lakuan ekspresif mendoakan dalam kajian ini seperti berikut:

- 1e. Semoga murid dapat membuat dengan baik.

- 2e. Semoga murid semua dapat menghafal dengan lancar.
- 3e. Semoga murid dapat memahami dengan baik.
- 4e. Semoga Allah memberkati dan merahmati kita di dunia dan akhirat.
- 5e. Semoga kekal sihat dan cergas dalam PKP.

Kelima-lima ujaran lakuan ekspresif mendoakan di atas diucapkan oleh guru untuk mengiringi senarai arahan, aktiviti dan tugas yang dikirimkan kepada murid dalam sesi PdPR. Situasi ini jelas menggambarkan guru mengharapkan murid dapat mengikuti pembelajaran dan menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik. Misalnya contoh 1e, 2e dan 3e. Contoh 4e pula memperlihatkan guru mendoakan dirinya dan murid agar apa yang dilakukan mendapat keberkatan daripada Allah. Sementara itu, contoh 5e pula dizahirkan oleh guru sebagai doa, harapan dan kata-kata semangat untuk terus menjaga kesihatan sepanjang PKP.

Berdasarkan hasil tinjauan yang dibincangkan, secara umumnya dapat dilihat lakuan bahasa ekspresif wujud dan digunakan oleh guru sebagai salah satu strategi komunikasi yang dapat meningkatkan tahap kelancaran dan keberkesanan proses PdPR. Namun begitu, dapatan berdasarkan data rawak yang terhad ini menunjukkan penggunaannya tidak meluas dan divariasikan oleh guru. Seharusnya guru lebih kreatif untuk mengambil peluang dan ruang komunikasi berbantuan teknologi yang memudahkan guru mengungkapkan lakuan ekspresif dengan lebih banyak, meluas, meriah dan menarik. Selain ujaran yang menarik, guru boleh menghantar gambar, kad ucapan, poster, pelekat atau emotikon yang lebih mudah dan menarik minat murid. Strategi ini pastinya membuatkan murid akan sentiasa berlumba-lumba untuk mendapatkan penghargaan daripada guru. Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali berpendapat bahawa keupayaan individu menggunakan teknologi maklumat, kolaborasi dalam ruang lingkup yang besar, cekap dalam menyelesaikan masalah, kreatif dalam menjana juga berkomunikasi tentang idea baru dapat membantu menjayakan sistem pendidikan dengan lebih baik. Selain itu, bagi Muhammad Zuhair Zainal (2017) keupayaan dan keterampilan guru membentuk lakuan ilokusi dan lakuan gramatis yang sesuai dan rasional secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran. Malahan tutur bicara guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan berwibawa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tinjauan awal ini memperlihatkan lakuan bahasa ekspresif menjadi salah satu bentuk lakuan bahasa yang dipilih oleh guru untuk diujarkan dalam sesi PdPR. Ekspresif memberi pujian, mengucapkan terima kasih, memberi ucapan selamat, mengucapkan tahniah dan mendoakan digunakan oleh guru sebagai strategi mewujudkan komunikasi dan interaksi dua hala dengan murid. Ketika PdPR seharusnya guru bukan hanya memuat naik bahan PdP di *Telegram* dan *WhatsApp* tetapi perlu diikuti dengan interaksi dengan pelajar. Interaksi dan maklum balas guru dapat mewujudkan situasi komunikasi PdP yang ceria sekali gus dapat mempengaruhi minat murid dalam aktiviti pembelajaran dan menghindari perasaan tertekan. Memandangkan guru dan murid dipisahkan oleh jarak, interaksi kedua belah pihak dalam talian perlu dipertingkatkan agar murid sentiasa terbuka untuk mengikuti proses pembelajaran. Di samping guru mengoptimalkan kreativiti mereka bentuk proses PdPR yang berkesan dan menarik, dalam konteks tinjauan ini lakuan ekspresif dapat mempamerkan sikap mengambil peduli dan memberi perhatian guru kepada murid. Lakuan ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan tahap motivasi murid dalam proses PdPR. Oleh yang demikian, disarankan agar para guru bukan hanya sentiasa menerapkan lakuan bahasa ekspresif dalam PdPR, malah mampu mempelbagaikan gaya bahasa dan teknik penyampaian. Hasil tinjauan ini juga memperlihatkan kajian lebih mendalam dan meluas terhadap fungsi dan sumbangan lakuan bahasa dalam sistem pengajaran dan pendidikan perlu dipertingkatkan. Kajian terperinci terhadap keupayaan dan keberkesanan bentuk lakuan bahasa dalam meningkatkan motivasi murid juga boleh ditumpukan oleh pengkaji.

RUJUKAN

Abdul Ganing Laengkan. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Agama dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-18.

- Abdul Ganing Laengkang, Rohaidah Haron & Abdul Razak Abdul Karim. (2019). Lakuan bahasa ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel chedet.cc. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 4 2019)*. 24-25 April. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Abdul Razak Abdul Karim. (2000). Bentuk strategi komunikasi masyarakat Melayu: Satu analisis berdasarkan warkah Melayu lama. *Jurnal Bahasa*, 44(7), 797-807.
- Alattar, R.A.S. (2014). A speech act analysis of American presidential speeches. *Arts Journal*. 110, 1-39.
- Altikriti, S. (2016). Persuasive speech acts in Barack Obama's inaugural speeches (2009, 2013) and the last state of the union address. *International Journal of Linguistics*, 8(2), 47-66.
- Aminuddin Saimon. (2019). *Lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 48-57.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley: MA Newbury House Publishers.
- Harshita Aini Haroon, Nor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir & Zaliza Zubir. (2020). Lakuan ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(2), 96-113. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-06>
- Holmes, J. (2003). Complimenting: A positive politeness strategy in Sociolinguistic: *The essential readings*. Hlm 177-197. Oxford: Blackwell Publisher.
- Indirawati Zahid & Nasihah Hashim. (2018). Strategi dan struktur kesantunan Melayu dalam kritikan Mentor: Rancangan realiti televisyen. *Gema Online Journal of Language Studies*, 18(2). 134-153. <http://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-10>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status facebook. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 151-168.
- Mok Song Sang. (2008). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.: Puchong, Malaysia.
- Muhammad Zuhair Zainal (2017). Lakuan Ilokusi Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 191-208.
- Nadar, F. (2009). *Pragmatik dan penelitian pragmatik*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019) . Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilisation and Technology Management*. 23-24 November 2019. UnisZa. E-ISBN 978-967-2231-26-4.
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 269-288.

Nurul Syuhada shuib dan Maslida Yusof.(2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika 89 (Isu khas)*, 41-53. <https://doi.org/10.175/akad-2019-89SI-05>

Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman. (2010). *Kata-kata pujian dan peningkatan prestasi akademik pelajar*. Sarawak: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Searle, J.R. (1969). *Speech acts an essay in the philosophy of language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Searle, J.R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Language in Society*, 5(1), 1-23.

Wrench, J.S., Richmond, V.P. & Gorham, J. (2009). *Communication, effect and learning in the classroom* (3rd ed). <http://www.jasonswrench.com/pdf/CommAffect4.pdf>

*Apa tandanya batang padi,
Tumbuhnya di ladang lebar buahnya;
Apa tandanya orang berbudi,
Elok dipandang baik lakunya.*


*Apa tandanya si batang tebu,
Batang tebu halus uratnya;
Apa tandanya orang berilmu,
Orang berilmu halus sifatnya.*

*Apa tandanya batang bengkal,
Batang bengkal banyak bukunya;
Apa tandanya orang berakal,
Orang berakal bijak lakunya.*

*Apa tandanya batang betik,
Batang betik panjang pangkalnya;
Apa tanda orang nan cerdik,
Orang cerdik panjang akal nya*

*Kalau bergalah di semak-semak,
Kalau memanjat dicari dahan,
Kalau berlunjur ditarik lutut;
Kalau bersalah di semak-semak,
Kalau tersesat dicari jalan,
Kalau terlanjur berbalik surut.*

Tenas Effendy, 2007



**Pusat Pengajian
Bahasa, Tamadun & Falsafah**

SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY

Universiti Utara Malaysia